

**PERKEMBANGAN INSTITUSI PENDIDIKAN DI BAWAH
MAJLIS AMANAH RAKYAT, 1966-2006**

ZARINA BEGAM BINTI ABDUL KADIR

**FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2017

**PERKEMBANGAN INSTITUSI PENDIDIKAN DI BAWAH
MAJLIS AMANAH RAKYAT, 1966-2006**

ZARINA BEGAM BINTI ABDUL KADIR

**TESIS INI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2017

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: ZARINA BEGAM BINTI ABDUL KADIR

No. Pendaftaran/Matrik: AHA 080004

Nama Ijazah: DOKTOR FALSAFAH

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis ("Hasil Kerja ini"):

PERKEMBANGAN INSTITUSI PENDIDIKAN DI BAWAH MAJLIS AMANAH RAKYAT, 1966-2006

Bidang Penyelidikan: SEJARAH MALAYSIA

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan, sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh 21 OGOS 2017

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh

Nama:
Jawatan:

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan mengenai peranan Majlis Amanah Rakyat (MARA) dalam bidang pendidikan di Malaysia sejak penubuhannya pada tahun 1966 sehingga tahun 2006. Selepas negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, isu pemberian pendidikan kepada golongan Bumiputera khasnya orang Melayu menjadi antara agenda utama Kerajaan Persekutuan dalam usaha pembangunan Malaysia. Walaupun sudah wujud Kementerian Pelajaran sebagai sebuah badan yang bertanggungjawab secara langsung kepada aspek pendidikan, MARA turut dipertanggungjawabkan untuk memberikan pendidikan kepada Bumiputera. Perkara ini didasari oleh keperluan Kerajaan Persekutuan untuk memberi pendidikan yang bersifat khusus kepada Bumiputera dalam kerangka tindakan afirmatif. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan melihat sejauhmanakah penubuhan institusi-institusi pendidikan yang diwujudkan MARA berupaya memberi pendidikan kepada Bumiputera. Kajian ini juga turut melihat perkembangan institusi-institusi pendidikan MARA serta keupayaan institusi-institusi berkenaan memenuhi kehendak semasa negara. Kajian ini menggunakan pendekatan analisis sejarah serta metod tematik-kronologi untuk menilai peranan institusi-institusi pendidikan MARA dalam lapangan pendidikan. Kajian ini menggunakan bahan-bahan daripada Ibu Pejabat MARA Kuala Lumpur merangkumi Minit-minit Mesyuarat, surat menyurat dan terbitan-terbitan rasminya. Kajian juga turut merujuk Fail-fail Kerajaan Persekutuan merangkumi fail Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Perbendaharaan Malaysia, Bahagian Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri serta Jabatan Perdana Menteri. Selain itu, bahan-bahan terbitan rasmi kerajaan, suratkhbar dan kaedah temubual turut digunakan. Berdasarkan dapatan kajian, MARA telah memperlihatkan kemampuan dalam memberikan pendidikan kepada Bumiputera. Melalui “sistem dalam sistem”, MARA didapati menggerakkan sistem pendidikannya

yang direncana khusus kepada golongan Bumiputera, dalam kerangka sistem pendidikan Malaysia. Penawaran peluang pendidikan MARA kepada Bumiputera merangkumi pelbagai peringkat dan lapangan pendidikan meliputi pendidikan tinggi, kemahiran dan menengah. Jesteru, melalui institusi-institusi pendidikan MARA, MARA telah meningkatkan kedudukan golongan Bumiputera dalam bidang pendidikan sepanjang tempoh 40 tahun penubuhannya.

ABSTRACT

This study discusses the role of the *Majlis Amanah Rakyat* (MARA) in the field of education in Malaysia since its establishment in 1966 until 2006. After Malaysia achieved independence in 1957, providing education to the Bumiputera, especially the Malays, was among the main agendas of the Federal Government for national development. Although there was a Ministry of Education that directly responsible for education, MARA was also given responsibility to provide education for Bumiputera. This was driven by the need of the Federal Government to provide specialised education to the Bumiputera within the framework of affirmative action. Therefore, this study aims to examine the extent of the MARA-based education institutions ability to provide education to the Bumiputera. This study also looks at the development of the MARA education institutions to answer the current demand of the nation. This study uses the historical analysis approach and the thematic-chronological method to analyse the role of MARA education institutions in the education field. This study also uses materials obtained from the MARA Headquarters, Kuala Lumpur, covering minutes, correspondence, and official publications. This study also cites Federal Government files, covering the files of the Ministry of National and Rural Development, the Treasury, the Economic Planning Unit-Prime Minister's Department, and the Prime Minister's Department. In addition, government official publications and periodicals were consulted and interviews conducted. Based on findings, MARA showed an ability to provide education to the Bumiputera. Through the "system-within-a-system", MARA was able to set in motion an education system specifically-suited to the Bumiputera within the framework of Malaysian education. MARA's offer of education opportunities to the Bumiputera covers various levels and field of education, including higher, vocational, and secondary education. Therefore, through the MARA education

institutions, MARA has elevated the position of the Bumiputera in education throughout the 40 years since its establishment.

PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih saya ucapkan kepada penyelia saya Dr. Ahmad Kamal Ariffin bin Muhd Rus serta Professor Dr. Shakila Parween binti Yacob atas segala tunjuk ajar, bimbingan, dorongan dan nasihat yang diberikan sepanjang menyiapkan tesis ini. Pengorbanan masa kalian dalam menyelia tesis ini akan sentiasa diingati dan dihargai selamanya. Semoga Allah s.w.t membalas jasa baik kalian.

Terima kasih tak terhingga kepada Ketua Pengarah MARA Dato' Azhar bin Abdul Manaf, mantan Ketua Pengarah MARA, Datuk Ibrahim Ahmad dan seluruh warga kerja MARA yang terlibat membantu saya dalam penyelidikan ini sama ada secara langsung mahupun tidak langsung.

Buat yang teristimewa suamiku tersayang, Hj Ariffin bin Hj Yahya terima kasih atas sokongan dan kata-kata semangat dari mula kajian ini hingga ke saat akhir. Tanpa bantuan dan sokongan moral abang tak mungkin kajian ini dapat disiapkan. Buat bondaku, inilah hadiah dariku buatmu mak. Untuk arwah abah, Hj Abdul Kadir bin Syed Hussin, pasti abah bangga dengan kejayaanku.

Buat anak-anak permata hati Ummi, Aina, Ilyana, Aimy dan Marissa. Kalianlah pembakar semangat ummi. Ummi kuat kerana kamu wahai sayangku. Terima kasih juga buat kekandaku Dr. Mumtaz Begam bt Abdul Kadir yang sentiasa menjadi idolaku.

JADUAL KANDUNGAN

ABSTRAK	iii
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vii
JADUAL KANDUNGAN	viii
SENARAI GAMBAR RAJAH	xiii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI SIMBOL DAN SINGKATAN	xviii
SENARAI LAMPIRAN	xx
BAB 1: PENDAHULUAN	1-40
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	2
1.3 Objektif Kajian	4
1.4 Skop Kajian	5
1.5 Kepentingan Kajian	7
1.6 Kerangka Konsep	8
1.7 Ulasan Literatur	13
1.8 Kaedah Penyelidikan	33
1.9 Pembahagian Bab	38
BAB 2: PENUBUHAN MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)	41-87
2.1 Pengenalan	41
2.2 Keadaan Sosioekonomi Masyarakat Melayu Sebelum Merdeka	42
2.3 Penubuhan RIDA	49
2.4 Penubuhan Dewan Latihan RIDA	61
2.5 Kelahiran Majlis Amanah Rakyat (MARA)	67
	viii

2.6 Struktur Organisasi dan Fungsi MARA	79
2.7 Kesimpulan	86
BAB 3: PENUBUHAN DAN PERKEMBANGAN PENDIDIKAN TINGGI MARA, 1966-1980	88-133
3.1 Pengenalan	88
3.2 Penubuhan dan Perkembangan Maktab MARA	89
3.3 Penubuhan Institut Teknologi MARA	96
3.4 Struktur Pentadbiran ITM	100
3.5 Perkembangan Kursus di ITM	103
3.6 Perkembangan Pelajar	107
3.7 Peralihan Pengurusan ITM ke Kementerian Pelajaran Malaysia	110
3.8 Penubuhan Institut Perdagangan MARA	122
3.9 Perkembangan Kursus di Institut Perdagangan MARA	128
3.10 Pencapaian Pelajar	131
3.11 Kesimpulan	132
BAB 4: PENUBUHAN DAN PERKEMBANGAN INSTITUT KEMAHIRAN MARA, 1968-1980	134-174
4.1 Pengenalan	134
4.2 Penubuhan Institut Kemahiran MARA (IKM)	135
4.3 Perkembangan Kursus Latihan di Institut Kemahiran MARA	141
4.4 Perkembangan Kursus dan Latihan	155
4.5 Latihan Jurutunjuk/Guru Teknikal	157
4.6 Latihan Sambil Kerja	160
4.7 Kursus yang Ditawarkan	162
4.8 Kesulitan yang Dihadapi	166
4.9 Pencapaian IKM Pada Era 1970-an	169

4.10 Kesimpulan	173
BAB 5: PERKEMBANGAN MAKTAB RENDAH SAINS MARA, 1972-1980	175-213
5.1 Pengenalan	175
5.2 Sebab-sebab Penubuhan Maktab Rendah Sains MARA	175
5.3 Idea Penubuhan MRSM	189
5.4 Perkembangan Penubuhan MRSM Sehingga Tahun 1980	194
5.5 Pengambilan dan Pencapaian Pelajar	197
5.6 Masalah dan Cabaran	208
5.7 Kesimpulan	212
BAB 6: PENGUKUHAN DAN KEPELBAGAIAN PENDIDIKAN TINGGI MARA, 1981-2006	214-272
6.1 Pengenalan	214
6.2 Rasional Pembangunan Pengajian Tinggi MARA	215
6.3 Penubuhan Kolej MARA	223
6.4 Program <i>International Baccalaureate</i>	230
6.5 Penubuhan Kolej Profesional MARA	235
6.6 Penubuhan Institut Kemahiran Tinggi MARA	240
6.7 <i>Malaysia France Institute</i> (MFI)	242
6.8 <i>British Malaysian Institute</i> (BMI)	245
6.9 <i>Malaysian Institute of Aviation Technology</i> (MIAT)	247
6.10 <i>Malaysian Spanish Institute</i> (MSI)	249
6.11 <i>Malaysian Institute of Chemical Engineering Technology</i> (MICET)	250
6.12 <i>Malaysian Institute of Marine Engineering Technology</i> (MIMET)	251
6.13 Institut <i>Infotech MARA</i> (IIM)	252
6.14 Penubuhan UniKL	255

6.15 Struktur Organisasi UniKL	260
6.16 Program Pengajian UniKL	263
6.17 Pengambilan Pelajar	265
6.18 Dana Kewangan UniKL	267
6.19 Permasalahan dan Cabaran UniKL	269
6.20 Kesimpulan	271
 BAB 7: PENGUKUHAN DAN PERKEMBANGAN PENDIDIKAN KEMAHIRAN MARA, 1981-2006	 273-324
7.1 Pengenalan	273
7.2 Perkembangan Perindustrian Negara di Mulai Dekad 1980-an	274
7.3 Pembangunan dan Pengukuhan Latihan Institut Kemahiran MARA, 1981-2006	280
7.4 Kurikulum	288
7.4.1. Pengajian Teknikal	290
7.4.2 Pengajian Am	291
7.4.3 Ko-kurikulum	291
7.4.4. Latihan Industri	292
7.5 Sistem Penilaian dan Persijilan	292
7.6 Kursus-kursus di IKM	293
7.7 Penubuhan dan Perkembangan GiatMARA, 1986-2006	303
7.8 Matlamat Penubuhan GiatMARA	304
7.9 Perkembangan GiatMARA	306
7.10 Kesimpulan	324

BAB 8: PENGUKUHAN DAN PERKEMBANGAN PENDIDIKAN MENENGAH MARA 1981-2006	325-366
8.1 Pengenalan	325
8.2 Pendidikan MRSM Menjelang Tahun 1980-an	326
8.3 Perkembangan Kurikulum MRSM	328
8.4 Kerangka Konsep SPMRSM	333
8.5 Perkembangan Pendidikan Menengah MARA Tahun 1980-an	336
8.6 Perkembangan Pendidikan Menengah dalam tahun 1990-an	340
8.7 Model Pengkayaan Untuk Pintar Cerdas	342
8.8 Pencapaian MRSM	346
8.9 Kesimpulan	365
BAB 9: KESIMPULAN	367-376
RUJUKAN	377-402
SENARAI PENERBITAN DAN PEMBENTANGAN KERTAS KERJA	403-404
LAMPIRAN	405-407

SENARAI GAMBAR RAJAH

Rajah 2.1:	Struktur Organisasi MARA Pada Tahun 1966	81
Rajah 3.1:	Jumlah Penuntut Maktab MARA	93
Rajah 6.1:	Taburan Normal Pencapaian Pelajar Peringkat SPM	216
Rajah 6.2:	Perbandingan Purata Antara Kolej MARA dan Purata Mata Dunia	232
Rajah 6.3:	Jumlah Responden Mengikut Sektor Pekerjaan	238
Rajah 6.4:	Jumlah Responden Mengikut Bidang Pekerjaan	239
Rajah 6.5:	Taburan Peratus Tahap Pekerjaan Responden	239
Rajah 7.1:	Laluan Pendidikan Kemahiran MARA	287
Rajah 8.1:	Model Pengurusan Pendidikan MRSM	331
Rajah 8.2:	Kerangka Konseptual SPMRSM	334

SENARAI JADUAL

Jadual 2.1:	Taburan Pekerjaan Menurut Kumpulan Etnik 1947	46
Jadual 2.2:	Kemasukan Pelajar-pelajar di Sekolah Inggeris dalam Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, 1919-1937	48
Jadual 2.3:	Pinjaman yang Diberikan oleh RIDA, 1951-1964	59
Jadual 2.4:	Pelatih di Taman Asuhan RIDA Sehingga Tahun 1959	60
Jadual 2.5:	Jumlah Pelajar dan Tahun Pengajian	64
Jadual 2.6:	Kemasukan Pelajar ke Dewan Latihan RIDA Pada Tahun 1960	65
Jadual 3.1:	Jumlah Kursus dan Bilangan Penuntut	92
Jadual 3.2:	Kursus-kursus di ITM	104
Jadual 3.3:	Jumlah Peningkatan Pelajar, 1965-1974	107
Jadual 3.4:	Jumlah Graduan Mengikut Kursus Bagi Tahun 1976	108
Jadual 3.5:	Keputusan Peperiksaan Bagi Jun 1976	120
Jadual 3.6:	Keputusan Peperiksaan Bulan Disember 1976	121
Jadual 3.7:	Perangkaan Tenaga Kerja dalam Industri dan Sektor Swasta, 1975-1980 122	124
Jadual 3.8:	Jumlah Bumiputera yang Mengikuti Kursus Perdagangan di Negeri Selangor	125
Jadual 3.9:	Jumlah Pendaftar Bagi Peperiksaan <i>Malaysia Commercial Certificate</i> di Seluruh Negara	126
Jadual 3.10:	Subjek yang Diajar Bagi Kursus London Chamber of Commerce	128
Jadual 3.11:	Bilangan Pengambilan dan Pengeluaran Pelatih Institut Perdagangan MARA, 1978 & 1979	129
Jadual 4.1:	Pecahan Kursus dan Bilangan Pelatih di IKM Kampung Pandan Bagi Tahun 1971 145	147
Jadual 4.2:	Kursus yang Ditawarkan di IKM Sungai Petani Bagi Tahun 1972	149
Jadual 4.3:	Jenis Kursus dan Jumlah Pelatih di IKM Johor tahun 1972	152
Jadual 4.4:	Taburan Latihan Guru Teknikal di Luar Negara Tahun 1977	158

Jadual 4.5:	Jumlah Pelatih yang Mengikuti Latihan Sambil Kerja Bagi Tahun 1976	160
Jadual 4.6:	Kursus dan Subjek yang Ditawarkan Tahun 1968	164
Jadual 4.7:	Maklumat Lanjut Pelatih Awal Latihan Kemahiran MARA, 1968-1970	166
Jadual 4.8:	Jumlah Kelulusan Peruntukan Mengikut Institusi	170
Jadual 4.9:	Bilangan Pelatih yang Tamat dan Bekerja Mengikut Tempat dan Jenis Latihan Bagi Tahun 1974	170
Jadual 4.10:	Bilangan Pelatih-pelatih Kemahiran MARA Tamat dan Bekerja Mengikut Jenis Pertukangan Bagi Tahun 1974	171
Jadual 5.1:	Peratusan Pendapatan Isi Rumah Mengikut Kaum di Semenanjung Malaysia Bagi Tahun 1970	177
Jadual 5.2:	Kemasukan Pelajar di Peringkat Sekolah Mengikut Kaum Bagi Sekolah-sekolah di Semenanjung Malaysia Pada Tahun 1970	179
Jadual 5.3:	Bilangan Pengangguran dan Peringkat Pelajaran	181
Jadual 5.4:	Jumlah Pelajar yang Menuntut di Fakulti Sains, Universiti Malaya Mengikut Kaum	183
Jadual 5.5:	Jumlah Pelajar di Fakulti Perubatan, Universiti Malaya Mengikut Kaum	184
Jadual 5.6:	Jumlah Pelajar yang Menuntut di Fakulti Kejuruteraan, Universiti Malaya Mengikut Kaum	184
Jadual 5.7:	Perkembangan Sekolah di Tanah Melayu, 1960-1965	186
Jadual 5.8:	Jumlah Institusi dan Jumlah Pelajar, 1966-1972	187
Jadual 5.9:	Jumlah Pelajar di Tingkatan Tiga dan Jumlah Pelajar yang Akan Memasuki Tingkatan Empat Tahun Berikutnya	188
Jadual 5.10:	Senarai Guru di MRSM Kota Bharu	195
Jadual 5.11:	Jumlah Pelajar di Ketiga-tiga MRSM Bagi Tahun 1974	198
Jadual 5.12:	Jumlah Pelajar di MRSM Bagi Tahun 1975	198
Jadual 5.13:	Jumlah Pelajar MRSM Bagi Tahun 1977	199
Jadual 5.14:	Pendapatan Keluarga Pelajar Mengikut Negeri Bagi Tahun 1972.	200

Jadual 5.15:	Analisis Keputusan Peperiksaan LCE MRSM Seremban Bagi Tahun 1974	202
Jadual 5.16:	Peratus Bertambah dan Berkurang Pencapaian <i>Distinction</i> 1977 dan 1976	203
Jadual 5.17:	Keputusan Peperiksaan MCE dan SPM Bagi MRSM Seremban Bagi Tahun 1977	204
Jadual 5.18:	Keputusan Peperiksaan MCE dan SPM MRSM KOTA Bharu Bagi Tahun 1977	205
Jadual 5.19:	Pencapaian Peratus <i>Distinction</i> yang Tertinggi dalam Subjek Bagi Peperiksaan SRP 1979	206
Jadual 5.20:	Analisis Keputusan Peperiksaan SPM 1979	207
Jadual 6.1:	Kemasukan Pelajar di Institut Pendidikan Tertiari Mengikut Peringkat Pengajian, 2000-2005	217
Jadual 6.2:	Pencapaian Dasar Ekonomi Baru, 1970-1990	219
Jadual 6.3:	Jumlah Pelajar di MRSM, 1976-1982	224
Jadual 6.4:	Jumlah Pelajar MRSM yang Sedia Ada Berbanding Pelajar yang Memasuki Prauniversiti	226
Jadual 6.5:	Jenis Program yang Ditawarkan di Kolej Mara Kulim, 1984 Hingga 2006	227
Jadual 6.6:	Jenis Program yang Telah Ditawarkan di Kolej MARA Seremban	228
Jadual 6.7:	Perbandingan Purata Mata Bagi Kursus IB	231
Jadual 6.8:	Jumlah Pelajar Kolej MARA Banting yang Melanjutkan Pelajaran dalam Bidang Perubatan dan Kejuruteraan Bagi Tahun 2002	233
Jadual 6.9:	Jumlah Pelajar Kolej MARA Banting yang Melanjutkan Pelajaran dalam Bidang Kejuruteraan Bagi Tahun 2002	234
Jadual 6.10:	Kedudukan Pelajar Kolej Profesional MARA Sehingga 31 Disember 2006	237
Jadual 6.11:	Keluaran Tenaga Kerja Mahir dan Separuh Mahir Mengikut Kursus, 1995-2005	254
Jadual 6.12:	Analisis Pendapatan dan Perbelanjaan UniKL, 2003- 2005	267
Jadual 7.1:	Malaysia: Guna Tenaga Sektor Pembuatan Mengikut Kategori Pekerjaan 1995 dan 2000	285

Jadual 7.2:	Jenis Kursus dalam Sektor Bidang Utama yang Ditawarkan di IKM	295
Jadual 7.3:	Senarai IKM di seluruh Malaysia Sehingga tahun 2006	296
Jadual 7.4:	Jumlah pendapatan yang dimiliki oleh pelatih Institut Kemahiran MARA dari tahun 2000-2006	300
Jadual 7.5:	Jenis Pekerjaan dan Peratus Penglibatan Pelatih Kemahiran	301
Jadual 7.6:	Jadual Bidang Pekerjaan yang diceburi oleh Pelatih IKM	301
Jadual 7.7:	Jenis Kursus yang ditawarkan oleh GiatMARA	311
Jadual 7.8:	Bilangan Keseluruhan Pelatih dan Pelatih Tamat Mengikut Kursus Bagi Tahun 1986 hingga 2004	313
Jadual 7.9:	Bilangan Pelatih Mengikut Bidang Kursus 1986-2004	314
Jadual 7.10:	Analisis Pelajar Bagi Tahun 2006 Mengikut Kumpulan Kursus	316
Jadual 7.11:	Bilangan Bekas Pelatih Berniaga Mengikut Jenis Perniagaan dan Jantina	317
Jadual 7.12:	Perkaitan antara Jenis Pekerjaan dan Jenis Kursus yang Diikuti	319
Jadual 7.13:	Gaji Bulanan Bagi Bekas Pelatih GiatMARA	320
Jadual 8.1:	Analisis Keputusan Peperiksaan MCE/SPM Bagi Tahun 1980-1998	347
Jadual 8.2:	Jumlah Pelajar Yang Mendapat 9A Bagi SPM Tahun 1980-1998	348
Jadual 8.3:	Analisis Keputusan SPM Berdasarkan Pencapaian Mengikut Gred SBP dan MRSM, 1990-1997	350
Jadual 8.4:	Pencapaian Pelajar Maktab Rendah Sains MARA Berbanding Sekolah Berasrama Penuh dalam SPM 1999 Mengikut Pangkat	351
Jadual 8.5:	Perbandingan Prestasi Pencapaian Gred A1-A2 Mengikut Mata Pelajaran	353
Jadual 8.6:	Analisis Peratusan Pencapaian Bumiputera dalam Subjek Matematik dan Sains	356
Jadual 8.7:	Gred Purata SPM bagi tahun 2005 dan 2006	359
Jadual 8.8:	Perbandingan Keputusan Peperiksaan PMR Bagi Tahun 2005 dan 2006	362

SENARAI SIMBOL DAN SINGKATAN

BMI	British Malaysian Institute
DEB	Dasar Ekonomi Baru
IB	International Baccalaureate
IIM	Institute Infotech MARA
IKM	Institut Kemahiran MARA
ILP	Institut Latihan Perindustrian
IPTS	Institut Pendidikan Tinggi Swasta
ITM	Institut Teknologi MARA
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
KKTM	Kolej KemahiranTinggi MARA
KSITM	Kesatuan Siswa-Siswi InstitutTeknologi MARA
LAN	Lembaga Akreditasi Negara
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MFI	Malaysia France Institute
MIAT	Malaysian Institute of Aviation Technology
MICET	Malaysian Institute of Engineering Technology
MIMET	Malaysian Institute of Marine Engineering Technology
MIT	MARA Institute of Technology
MJSC	MARA Junior Science College
MLVK	Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan
MRSM	Maktab RendahSains MARA
MSI	Malaysian Spanish Institute
RIDA	Rural Industrial Development Authority
RRJP2	Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua

SBP	Sekolah Berasrama Penuh
SKM	Sijil Kemahiran Malaysia
SPMRSM	Sistem Pendidikan Maktab Rendah Sains MARA
UMNO	United Malays National Organization
UniKL	Universiti Kuala Lumpur

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A:	Akta Institut Teknologi MARA 1976	405
Lampiran B:	Dokumen Penubuhan MRSM	406
Lampiran C:	Dokumen Penubuhan UniTEK-MARA	407

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Isu kemunduran orang Melayu dalam lapangan ekonomi merupakan senario yang tidak asing sejak era kolonial sehingga pasca kemerdekaan. Kekuatan ekonomi dan kedudukan sosial orang asing yang berhijrah ke Tanah Melayu khususnya orang Cina menyebabkan orang Melayu selaku penduduk asal berasa terpinggir dan tidak mendapat pembelaan oleh pihak British. Keadaan ini berlanjutan sehingga negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Dalam memperkatakan isu ini, pihak Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu selepas kemerdekaan memandang situasi berkenaan sebagai suatu ancaman kepada kestabilan dan usaha-usaha pembangunan negara. Oleh itu, usaha untuk merapatkan jurang sosioekonomi yang begitu ketara antara golongan Bumiputera khasnya orang Melayu dengan kaum bukan Melayu dilaksanakan mula kerajaan secara giat, khususnya pasca tragedi perkauman 13 Mei 1969. Menyentuh mengenai isu pembangunan sosioekonomi Bumiputera, aspek pendidikan dilihat sebagai salah satu perkara yang kritikal dalam ruang lingkup usaha merapatkan jurang sosioekonomi antara kaum serta melenyapkan rasa peminggiran orang Melayu di Malaysia. Usaha-usaha ini telah dipelopori oleh *Rural Industrial Development Authority* (RIDA) di tahun-tahun terakhir era kolonial, namun pasca kemerdekaan memperlihatkan badan berkenaan telah menemui titik noktah kegagalannya.

Lanjutannya, bagi memperkasakan agenda pembangunan Bumiputera yang telah tergendala akibat penamatan riwayat RIDA, pihak kerajaan bertindak menubuhkan Majlis Amanah Rakyat (MARA) pada tahun 1966. Badan berkenaan dilihat dan dipercayai oleh pihak kerajaan sebagai sebuah badan yang mampu menjadi instrumen

dan mekanisme dalam merubah pola pendidikan orang Melayu serta Bumiputera¹ lain di negara ini. Berdasarkan tanggungjawab yang disandarkan kerajaan serta rakyat, MARA telah mengorak langkah dengan memperkenalkan institusi-institusi pendidikan daripada peringkat menengah iaitu Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) sehinggalah peringkat pendidikan tinggi iaitu Institut Teknologi MARA (ITM). Di samping itu, MARA juga bertindak menubuh dan mengelolakan beberapa institut kemahiran yang berkualiti tinggi. Melalui peranan yang dirintis dan digerakkan oleh MARA sejak penubuhannya sehingga tahun 2006, MARA telah memperlihatkan pencapaian dalam menempatkan kedudukan golongan Bumiputera ke tahap yang lebih baik berbanding dengan era sebelum pengasasan badan berkenaan.

1.2 Permasalahan Kajian

Persoalan dan isu pemberian peluang pendidikan kepada golongan Bumiputera khususnya orang Melayu merupakan perkara terpenting dalam kerangka pembangunan Malaysia. Selepas negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, kedudukan orang Melayu dalam bidang pendidikan masih terkebelakang jika dibandingkan dengan pencapaian pendidikan orang bukan Melayu, khususnya orang Cina. Hal ini telah membantutkan kemajuan orang Melayu dalam lapangan sosioekonomi selepas kemerdekaan. Justeru, pemeraksanaan penawaran pendidikan berkualiti kepada orang

¹ Istilah “Bumiputera” digunapakai kepada kumpulan-kumpulan etnik “indigenous” atau peribumi/pribumi di Malaysia yang menerima layanan istimewa di bawah Dasar Ekonomi Baru. Penggunaan istilah ini pada mulanya merujuk kepada orang Melayu di Semenanjung Tanah Melayu. Ia digunakan secara di Tanah Melayu di era sebelum Perang Dunia Kedua dan dipolitikkan secara meluas ketika perjuangan menuntut kemerdekaan Tanah Melayu pada dekad 1950-an khususnya apabila orang Melayu berasa terancam dengan kedudukan ekonomi dan sosial orang Cina. Terma “Bumiputera” kemudiannya terpakai untuk Orang Asli dan etnik-etnik minoriti di Sabah dan Sarawak apabila kedua-dua negeri tersebut menyertai Persekutuan Malaysia pada tahun 1963. Bumiputera dibahagikan kepada tiga kategori iaitu orang Melayu, Orang Asli dan peribumi (natives) Sabah dan Sarawak. Di Sabah, antara kumpulan etnik yang tergolong dalam kategori Bumiputera ialah Kadazan, Dusun, Murut, Bajau, Kelabit dan Kedayan. Manakala di Sarawak, mereka terdiri daripada kaum Iban (Dayak Laut), Bidayuh (Dayak Darat), Melanau, Kenyah, Kayan, Bisayah dan Penan. Di Sabah, istilah “Pribumi” digunapakai untuk merujuk kepada komuniti “indigenous”. Namun, apabila Parti Bersatu Sabah berkuasa di Sabah pada tahun 1985, klasifikasi “pribumi” digantikan dengan “Bumiputera”. Lihat Ooi Keat Gin, *Historical Dictionary of Malaysia*, Lanham: The Scarecrow Press, Inc., 2009, hlm. 48-49. Lihat juga Armajit Kaur, *Historical Dictionary of Malaysia*, (Asian Historical Dictionaries, No. 13), London: The Scarecrow Press, Inc., 1993, hlm. 42-43 & 129. Dalam kajian ini, istilah “Bumiputera” dan “orang Melayu” digunakan secara silih berganti. Hal berkenaan adalah berasaskan kepada dua perkara utama iaitu, pertama, konsep “hak istimewa” pasal asalnya digubal untuk merujuk kepada orang Melayu, manakala lain-lain kaum “native” dimasukkan kemudiannya di bawah istilah “Bumiputera”. Kedua, orang Melayu merupakan kaum majoriti dalam kalangan Bumiputera dan merupakan mereka yang mendapat faedah terbesar daripada pelaksanaan “hak istimewa” kepada Bumiputera.

Melayu mencakupi pelbagai sudut oleh Kerajaan Persekutuan merupakan suatu keperluan mendesak yang harus disegerakan.

Dalam konteks pembentukan dasar dan pengendalian sistem pendidikan di Malaysia, sudah wujud Kementerian Pendidikan sebagai suatu badan yang dipertanggungjawabkan dalam soal pengurusan pelajaran di negara ini. Melalui kementerian berkenaan, pihak kerajaan telah melaksanakan dasar-dasar pelajaran dengan memberikan tumpuan untuk memperbaiki taraf dan mutu pendidikan Bumiputera. Namun isunya, Kerajaan Malaysia telah mengambil tindakan alternatif untuk membentuk suatu agensi lain, iaitu MARA yang diamanahkan untuk bertanggungjawab secara khusus bagi mempertingkatkan kedudukan Bumiputera dalam lapangan pendidikan.

Walaupun Kementerian Pelajaran Malaysia terlebih dahulu mempunyai matlamat pemberian sistem pendidikan yang beraspirasikan cita-cita nasional, kewujudan MARA sebagai sebuah badan yang menawarkan sistem pendidikan yang tersendiri merupakan suatu perkara yang unik. Hal ini adalah ketara dalam membicarakan aspek pendidikan sebagai alat mencapai cita-cita kebangsaan dan pengukuhan Malaysia sebagai sebuah negara bangsa. Oleh itu, isunya di sini, adakah dengan kewujudan MARA, ia mampu untuk menyediakan peluang pendidikan kepada Bumiputera dan dapat mencapai matlamat sebagaimana yang diharapkan kerajaan? Kewujudan dua entiti yang berbeza dalam menggerakkan sistem pendidikan di Malaysia iaitu Kementerian Pendidikan dan MARA juga merupakan suatu isu yang kritikal. Ia dapat dilihat ketika menilai persoalan mengapa perlu pihak kerajaan mempertanggungjawabkan pemberian pendidikan terhadap Bumiputera kepada MARA dan bukannya Kementerian Pendidikan sendiri? Sehubungan itu, kewujudan MARA

sebagai suatu mekanisme kerajaan dalam pelaksanaan agenda berkenaan turut mewujudkan suatu persoalan teras iaitu, sejauhmanakah perkembangan institusi-institusi pendidikan MARA telah berjaya mencapai matlamat yang diharapkan kerajaan. Keadaan ini juga merupakan suatu persoalan penting untuk melihat, menilai dan memahami situasi yang unik dalam sejarah pendidikan di Malaysia. Berdasarkan persoalan-persoalan tersebut, beberapa perkara perlu dicungkil untuk melihat peranan MARA dalam melaksanakan tugas tersebut, iaitu apakah jenis institusi-institusi yang dihidupkan oleh MARA untuk membantu golongan Bumiputera dalam lapangan pendidikan dan apakah kelebihan yang telah diperolehi dan dimanfaatkan golongan berkenaan?

1.3 Objektif Kajian

Bagi melihat sejauhmanakah MARA berupaya menggalas amanah yang dipikul kerajaan dalam menggembeleng tenaga fikir dan kemahiran Bumiputera secara berkesan, kajian ini terfokus kepada empat objektif:

1. Meneliti latar belakang sejarah penubuhan MARA. Melalui penelitian terhadap latar sejarah MARA, pemahaman yang mendalam dan serta rasional yang menjustifikasikan penubuhannya dapat dinilai oleh kajian ini.
2. Menganalisis institusi-institusi pendidikan tinggi yang telah ditubuhkan oleh MARA kepada Bumiputera. Dengan melakukan analisis terhadap institusi-institusi pendidikan tinggi yang dikendalikan MARA, peranan badan berkenaan dalam usaha menghasilkan tenaga kerja Bumiputera berkemahiran tinggi untuk pelbagai sektor dapat dikupas.

3. Menilai institusi-institusi kemahiran yang dikendalikan MARA. Penilaian kritis terhadap penubuhan dan perkembangan institusi-institusi pendidikan kemahiran mampu memperjelaskan fokus MARA dan seterusnya menilai sama ada institusi ini berjaya memperkasakan Bumiputera atau sebaliknya.
4. Meneliti perkembangan insitituti pendidikan menengah MARA. Penelitian terhadap usaha MARA dalam menyediakan pendidikan menengahnya yang tersendiri kepada golongan Bumiputera adalah *vital* untuk memahami sama ada potensi golongan Bumiputera dapat direalisasikan.

1.4 Skop Kajian

Kajian ini menumpukan perhatian kepada peranan MARA dalam penawaran pendidikan kepada golongan Bumiputera, khususnya orang Melayu sejak penubuhan badan tersebut pada tahun 1966 sehingga tahun 2006. Bidang pendidikan dipilih sebagai inti kajian ini berdasarkan faktor pendidikan sebagai mekanisme terbaik kerajaan untuk mempertingkatkan penyertaan Bumiputera dalam pelbagai sektor sekaligus mencapai keseimbangan ekonomi dan sosial di Malaysia. Meskipun, MARA turut memberikan sumbangan yang tidak kurang pentingnya dalam lapangan-lapangan lain seperti perdagangan dan perusahaan, bidang pendidikan sebenarnya merupakan suatu penyelesaian jangka panjang dan berimpak tinggi kepada usaha mengatasi masalah ketidaksamaan sosioekonomi antara kaum di negara ini. Cakupan kajian ini merangkumi keseluruhan institusi-institusi pendidikan yang ditubuhkan MARA meliputi pendidikan tinggi, pendidikan menengah dan kemahiran.

Tempoh kajian adalah bermula pada tahun 1966 dan diakhiri pada tahun 2006. Hal ini adalah bersandarkan bahawa tahun 1966 merupakan titik masa bermulanya MARA sebagai sebuah badan utama dalam membawa kemajuan kepada Bumiputera. Manakala tahun 2006 dijadikan tahun penamat skop kajian berdasarkan tempoh 1966-2006 merupakan jangkamasa yang signifikan untuk menilai pencapaian MARA dalam tempoh 40 tahun sejak penubuhannya. Hal ini kerana, dalam tempoh yang begitu panjang, MARA seharusnya memiliki suatu sistem pendidikan yang dapat bergerak dengan lancar dan berupaya memenuhi kehendak kontemporari negara.

Terdapat dua tempoh masa utama yang dijadikan sandaran dalam kajian ini untuk melihat perkembangan pendidikan MARA sepanjang 40 tahun penubuhannya iaitu tempoh 1966-1980 dan 1981-2006. Jangkamasa 1966-1980 merupakan tempoh penubuhan sistem pendidikan dan perkembangan institusi dan MARA, manakala tempoh 1981-2006 pula merupakan jangkamasa yang memperlihatkan berlakunya proses pengukuhan dan dinamika dalam sistem pendidikan MARA dan institusi-institusi yang bergerak di bawahnya. Kajian ini memberikan penumpuan terhadap institusi-institusi pendidikan yang ditubuhkan oleh MARA dalam jangka waktu berkenaan bagi menjustifikasikan peranan MARA dalam aspek berkenaan. Sehubungan itu, kajian ini memberi fokus kepada ITM, MRSM dan IKM yang merupakan institusi-institusi yang menjadi membawa jenama MARA dalam sejarahnya. Kajian ini juga memberikan perhatian kepada institusi-institusi pendidikan dan kemahiran yang digerakkan MARA iaitu Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Institut Perdagangan MARA (IPM) dan GiatMARA.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini memaparkan pengetahuan baru terhadap fungsi MARA dalam konteks sistem pendidikan di Malaysia. MARA bukan hanya berfungsi sebagai “partner” Kementerian Pendidikan dalam menghasilkan tenaga kerja Bumiputera, bahkan merupakan suatu “sistem dalam sistem” dalam sistem pendidikan negara. Dalam hal ini, MARA telah diberikan kebebasan oleh kerajaan untuk mengendalikan sistem pendidikannya sendiri. Namun secara umumnya, ia masih tertakluk kepada dasar dan sistem pendidikan nasional. Walaupun berada dalam kerangka sistem pendidikan Malaysia, sistem pendidikan yang dilaksanakan MARA merupakan suatu mekanisme yang cuba memainkan peranan untuk mencapai sebahagian besar agenda pembasmian kemiskinan negara melalui agenda pendidikan. Dalam konteks DEB yang dimulakan oleh pentadbiran Tun Abdul Razak, MARA merupakan salah satu ejen yang dipertanggungjawabkan untuk berusaha membantu kerajaan mencapai kebanyakan matlamat dasar berkenaan, khasnya dalam bidang pendidikan.

Bagaimanapun, sehingga kini peranan dan sumbangan yang dimainkan oleh MARA dalam pembangunan sosioekonomi Bumiputera melalui pemberian peluang pendidikan tidak mendapat cakupan yang menyeluruh dalam sorotan perjalanan badan ini dalam sejarah Malaysia. Walaupun tidak dinafikan, nama dan jenama “MARA” berkenaan begitu sinonim dalam konteks pembelaan dan pembangunan orang Melayu di media massa, kajian sejarah yang mengkhusus terhadap sumbangan MARA dalam arena pendidikan tidak mendapat tempat yang sewajarnya. Oleh itu, kajian ini merupakan karya penyelidikan akademik yang berperanan untuk berusaha mengupas kepentingan, pencapaian mahupun kelemahan-kelemahan MARA dalam sudut pensejarahan pembinaan negara bangsa Malaysia. Melalui kajian ini, susur galur

perjalanan sejarah MARA sejak penubuhannya sehingga tahun 2006 dapat ditampilkan secara berilmiah dan berobjektif lantas diharapkan berupaya memberikan suatu dimensi baru kepada pemahaman masyarakat terhadap MARA.

1.6 Kerangka Konsep

Kajian ini melihat peranan MARA dalam bidang pendidikan di dalam ruang lingkup pelaksanaan tindakan afirmatif di Malaysia. Tindakan afirmatif adalah usaha-usaha untuk meningkatkan penyertaan kumpulan masyarakat yang ketinggalan secara ekonomi dalam bidang pendidikan, pekerjaan dan perniagaan. Tindakan-tindakan yang diambil secara umumnya berbentuk layanan istimewa kepada golongan sasaran, berdasarkan beberapa kriteria seperti kaum tertentu, gender atau agama.² Walaupun tindakan afirmatif di Malaysia sinonim dengan pelaksanaan DEB (1971-1990), ia sebenarnya sudah dimulakan sejak negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 apabila kerajaan mengambil pendekatan mengutamakan orang Melayu melalui dasar dan tindakan pemberian “keistimewaan” dan “keutamaan” dalam beberapa sektor seperti pendidikan lepasan menengah dan sektor awam.³

Namun, untuk memperbetulkan jurang yang begitu luas dalam konteks sosioekonomi antara orang Melayu dan golongan bukan Melayu, kaedah pemberian “keistimewaan” dan “keutamaan” pada peringkat awal ini nyata tidak dapat memenuhi matlamat berkenaan. Impak daripada pelaksanaan sistem pendidikan kolonial di mana orang Melayu menerima pendidikan yang rendah mutunya tidak begitu mudah dihapus dengan langkah sedemikian. Keadaan ini menghasilkan suatu dilema oleh Kerajaan

² Lee Hock Guan, “Affirmative Action in Malaysia”, hlm. 211, dalam Chin Kin Wah & Daljit Singh (eds.), *Southeast Asian Affairs (2005)*, Singapore: ISEAS, 2005, hlm. 211-228.

³ Lee Hwok-Aun, Edmund Terece Gomez, dan Shakila Yacob, “Ethnicity, economy, and affirmative action in Malaysia”, hlm. 69, dalam Edmund Terece Gomez and Ralph Premdas (eds.), *Affirmative Action, Ethnicity, and Conflict*, New York: Routledge, 2013.

Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka (kemudiannya Malaysia) dalam untuk mewujudkan kesatuan nasional dan keseimbangan antara kaum. Situasi ini merupakan suatu perkara yang perlu diperbetulkan agar kestabilan politik, ekonomi dan sosial negara dalam tempoh jangka panjang dapat diwujudkan, dikekalkan dan dipertahankan.

Dalam masyarakat berbilang kaum di Malaysia pasca merdeka yang memperlihatkan jurang sosioekonomi yang besar antara orang Melayu dan Bumiputera lain dengan orang bukan Melayu, khasnya orang Cina, kerajaan terpaksa mengambil langkah drastik untuk merapatkan jurang berkenaan. Langkah ini adalah begitu *vital* untuk mewujudkan kesatuan nasional dan menghapuskan ketidakseimbangan etnik dalam aspek ekonomi dan sosial di negara ini. Berbeza dengan kebanyakan negara yang melaksanakan tindakan afirmatif terhadap golongan minoriti yang terpinggir, Malaysia menyaksikan golongan Bumiputera yang membentuk majoriti sebagai golongan yang terkebelakang daripada pelbagai lapangan. Bagaimanapun, golongan Bumiputera, khususnya orang Melayu memiliki landasan terbaik untuk merubah keadaan tersebut kerana mendominasi kuasa politik di Malaysia.

Daripada perspektif undang-undang, Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka memperuntukkan Perkara 153⁴ dalam memberikan keistimewaan dan “perlindungan” kepada orang Melayu. Ia kemudiannya diperlebarkan kepada semua golongan Bumiputera pada tahun 1963 agar golongan ini turut sama menikmati kemudahan-kemudahan yang lebih dalam membantu kemajuan sosioekonomi Bumiputera pasca kemerdekaan. Bagi mencapai matlamat berkenaan, bidang pendidikan merupakan jalan penyelesaian dan senjata terpenting Kerajaan Malaysia dalam agenda pembasmian kemiskinan dan merapatkan jurang sosioekonomi antara

⁴ *Constitution of the Federation of Malaya 1957*, Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia (KEKKWA), 2007, hlm. 74-76.

orang Melayu dan golongan bukan Melayu. Jurang sosioekonomi yang diwarisi sejak era kolonial ini juga perlu diperbetulkan melalui kaedah pemberian pendidikan yang bermutu dan berimpak tinggi kepada orang Melayu.

Lanjutannya, elit Melayu yang mengendalikan kerajaan mula merangka pendekatan afirmatif untuk merubah senario berkenaan sebaik sahaja negara mencapai kemerdekaan. Tindakan afirmatif kerajaan dalam menyasarkan pembangunan sosioekonomi orang Melayu lebih jelas apabila pada pertengahan dekad 1960-an, Rancangan Malaysia Pertama (1965-1970) menggariskan bajet untuk pembangunan perniagaan orang Melayu. Selain itu, untuk membantu orang Melayu daripada aspek kewangan, Bank Bumiputra ditubuhkan pada tahun 1965. Manakala pada tahun berikutnya, MARA diasaskan melalui Akta MARA 1966. Bagaimanapun, lonjakan yang lebih besar dalam agenda tindakan afirmatif berlaku ekoran meletusnya Tragedi 13 Mei 1969. Keadaan berkenaan memberikan justifikasi kepada kerajaan untuk memperhalusi tindakan afirmatif agar golongan Bumiputera mendapat kedudukan yang lebih baik dalam landskap sosioekonomi negara.

Sehubungan itu, melalui DEB, tempoh 20 tahun (1971-1990) disasarkan kerajaan sebagai tempoh untuk mencapai perpaduan nasional (national unity) melalui usaha pembasmian kemiskinan tanpa mengira bangsa, serta penyusunan semula masyarakat bagi mengurangkan ketidakseimbangan penyertaan antara kaum dalam bidang ekonomi. Orang Melayu yang merupakan majoriti dalam golongan Bumiputera merupakan sasaran utama kerajaan melalui peranan MARA dalam pelaksanaan tindakan afirmatif terhadap sektor pendidikan. Bagaimanapun, orang Bumiputera bukan Melayu juga mendapat faedah daripada dasar dan kewujudan institusi-institusi pendidikan yang

ditubuhkan oleh MARA sejajar dengan takrif Bumiputera sebagaimana yang disebut dalam Perlembagaan Malaysia.

Pelaksanaan DEB mulai 1971 memperlihatkan penonjolan fungsi MARA yang signifikan dalam mencapai sasaran kerajaan untuk melonjakkan penyertaan golongan Bumiputera dalam pelbagai sektor. Dalam pelaksanaan tindakan afirmatif, MARA berfungsi sebagai “intermediary” atau badan pelaksana agenda tindakan afirmatif kerajaan. Hal ini begitu ketara dalam aspek pendidikan di mana MARA telah menubuhkan pelbagai institusi pendidikan merangkumi pendidikan menengah iaitu MRSM sehingga pendidikan peringkat tinggi iaitu ITM dan UniKL. Pendidikan kemahiran juga tidak ditinggirkan oleh MARA apabila penubuhan IKM dan GiatMARA rancak dijalankan dalam rangka pelaksanaan DEB. Secara umumnya, MARA hanya menyasarkan orang Melayu dan Bumiputera lain dalam pemberian pendidikannya. Bagaimanapun, orang bukan Melayu boleh memasuki MRSM dengan kuota 10% mulai tahun 2002. Oleh itu, secara dasarnya jelas bahawa dasar MARA yang mengutamakan golongan Bumiputera dalam bidang pendidikan adalah tetap tidak berubah sejak penubuhannya pada tahun 1966 sehingga 2006.

Namun, pada masa yang sama berlaku perdebatan sama ada tindakan afirmatif patut diperkenalkan dalam tempoh masa tertentu sahaja sebagai suatu jalan penyelesaian kepada permasalahan ini. Tindakan afirmatif sedia ada sewajarnya mengalami perubahan daripada status quo dalam pelaksanaan sedia ada kepada penyemakan semula dan pemindaan program-program yang wujud serta menetapkan had masa pelaksanaan tindakan berkenaan.⁵ Bagi sebilangan pengkritik tindakan afirmatif di Malaysia yang melihat isu berkenaan secara kritis, pengenalan tindakan afirmatif ini untuk suatu

⁵ Lee Hwok-Aun, “Affirmative Action in Malaysia: Education and Employment Outcomes since the 1990s”, *Journal of Contemporary Asia*, Vol. 42, No. 2, Mei 2012, hlm. 251.

tempoh jangka panjang mengundang “mentaliti subsidi” yang akan meninggalkan kesan negatif ke atas daya saing kaum itu sendiri. Lee Kiong Hock dan Shyamala Nagaraj pula menghujahkan sesetengah tindakan afirmatif telah menyebabkan peluang-peluang pendidikan dan pekerjaan yang tidak setara dalam kalangan Bumiputera sendiri.⁶

Langkah MARA dalam pemberian pendidikan di Malaysia sebagai suatu jalan keluar kepada Bumiputera untuk meningkatkan taraf dan kualiti hidup golongan majoriti yang terpinggir mempunyai persamaan dengan situasi yang berlaku di Afrika Selatan.⁷ Di negara berkenaan, golongan kulit hitam yang merupakan peribumi serta membentuk komposisi penduduk yang besar berbanding dengan golongan kulit putih. Berbeza dengan MARA yang berjaya menghasilkan kelas menengah Melayu yang baru dan mencapai matlamat pembasmian kemiskinan serta mewujudkan keadilan sosial, dasar afirmatif di Afrika Selatan gagal mewujudkan keadilan sosial. Keadaan sebaliknya berlaku apabila dasar berkenaan mewujudkan segelintir elit berkulit hitam sahaja. Manakala kebanyakan orang kulit hitam gagal mendapat tempat yang baik dalam sektor pekerjaan di negara tersebut.⁸

Kajian ini terfokus kepada agenda pemberian pendidikan yang dimulakan MARA sejak tahun 1966 sehingga 2006. Oleh itu, sebahagian tempoh masa cakupan kajian ini berada di bawah tempoh pelaksanaan DEB (1971-1990). Manakala sebahagian lagi tertumpu kepada era pasca DEB iaitu Dasar Pembangunan Negara yang dilancarkan pada tahun 1991. Dasar ini menekankan pembangunan yang seimbang dan pertumbuhan ekonomi, selain turut meliputi dasar serampang dua mata iaitu

⁶ Lee Kiong Hock dan Shyamala Nagaraj, “The Crisis in Education”, hlm. 223, dalam Hall Hill, Tham Siew Yean dan Ragayah Haji Mat Zin, *Malaysia's Development Challenges: Graduating from the Middle*, Oxon: Routledge, 2012.

⁷ Ian Emsley, *The Malaysian Experience of Affirmative Action: Lessons for South Africa*, Cape Town: Human & Rousseau (Pty) Ltd and Tanfelberg Publishers Ltd, 1996, hlm. 86.

⁸ Ibid., hlm. 95-98.

pembasmian kemiskinan tanpa mengira bangsa dan penyusunan semula masyarakat.⁹ Kajian ini bertumpu kepada tiga perkara utama iaitu pelaksanaan rancangan pendidikan MARA, perkembangan serta pencapaian MARA dalam bidang pendidikan merangkumi 40 tahun penubuhan badan berkenaan serta justifikasi kepada pencapaian-pencapaiannya.

1.7 Ulasan Literatur

Isu dan peranan MARA dalam bidang pendidikan di Malaysia tidak begitu mendapat tempat dan perhatian dalam kajian sejarah di Malaysia. Kajian-kajian berautoriti yang menyentuh mengenai MARA sering dihasilkan oleh para pengkaji Dasar Ekonomi Baru (DEB) (1970-1990) dan tindakan afirmatif di Malaysia. Kekurangan kajian sejarah yang lengkap mengenai penglibatan MARA dalam pembangunan tenaga insan Bumiputera melalui wadah pendidikan menyebabkan wujudnya suatu lompong yang ketara. Hal ini begitu ketara apabila membicarakan aspek penulisan sejarah pendidikan di Malaysia, di mana sumbangan MARA kurang mendapat tempat yang sewajarnya. Kelompangan berkenaan perlu diisi jika disandarkan kepada sejarah pencapaian MARA dalam pembangunan generasi pasca merdeka serta membina kesatuan nasional.

Dalam konteks penghasilan buku-buku yang memaparkan sejarah insituti-institusi pendidikan yang digerakkan oleh MARA, karya-karya mengenai UiTM mendapat tempat utama. Terdapat dalam tempoh 1969 sehingga 2006 beberapa tulisan yang menonjolkan sejarah dan peranan yang dimainkan oleh UiTM dalam bidang pendidikan tinggi di Malaysia. Karya terawal yang memberikan fokus kepada institusi ini ialah *The MARA Institute of Technology: Yesterday, Today and Tomorrow* yang

⁹ Zainal Aznam Yusof, "Affirmative Action in Malaysia: An Overview of Progress and Limitations", hlm. 132, dalam Graham K. Brown, Arnim Langer and Frances Stewart, *Affirmative Action in Plural Societies: International Experiences*, New York: Palgrave Macmillan, 2012, hlm. 128-150.

dihasilkan oleh Marina Samad pada tahun 1969. Buku ini mengisahkan tentang sejarah penubuhan RIDA dan MARA. Fokus utama buku ini ialah sejarah penubuhan ITM. Buku ini memperjelaskan proses penubuhan ITM, jumlah pelajar yang mengikuti pengajian dan kursus-kursus yang ditawarkan, jumlah fakulti yang telah ditubuhkan serta prasarana wujud ketika itu. Buku ini turut memberikan fakta yang agak signifikan tentang sejarah ITM pada peringkat awam khususnya merangkumi soal berkaitan kos yang dibelanjakan untuk penubuhan ITM dan sebagainya.¹⁰

Sepanjang pelaksanaan DEB, tulisan mengenai ITM hanya muncul pada tahun 1989 iaitu *ITM Warisan Bangsa* yang disusun oleh Firdaus Ahmad Azzam dan diterbitkan pada penghujung pelaksanaan dasar berkenaan. Buku ini memberikan maklumat tentang organisasi ITM, jumlah kampus sedia ada ketika itu, program-program pengajian yang ditawarkan, pusat ilmu dan pentadbiran yang wujud serta beberapa orang tokoh penting dan sumbangan mereka terhadap institusi berkenaan. Kekuatan utama buku ini ialah ia merupakan satu-satunya buku sedia ada yang memperincikan struktur pentadbiran UiTM.¹¹ Pada tahun 2000, Fadzilah Amin telah menghasilkan *Shaping A Dream: From Dewan Latihan RIDA to Universiti Teknologi MARA, 1956-1999*. Karya ini mengetengahkan asal-usul kelahiran UiTM yang bermula sejak kewujudan Dewan Latihan RIDA hingga membawa kepada terbentuknya UiTM sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang terkemuka di Malaysia. Rentetan peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam sejarah UiTM ditonjolkan secara luas dalam buku ini. Buku ini juga turut menonjolkan bagaimana matlamat-matlamat yang disasarkan oleh pihak MARA dalam soal penawaran dan pemberian pendidikan tinggi telah berjaya dicapai.¹²

¹⁰ Marina Samad, *The MARA Institute of Technology: Yesterday, Today and Tomorrow*, Kuala Lumpur: Institut Teknologi MARA, 1969.

¹¹ Firdaus Ahmad Azzam (ed.), *ITM Warisan Bangsa*, Shah Alam: Infokom, 1989.

¹² Fadzilah Amin, *Shaping A Dream: From Dewan Latihan RIDA to Universiti Teknologi MARA, 1956-1999*, Shah Alam: UiTM, 2000.

Enam tahun kemudian, *Documenting A Destiny: History of Universiti Teknologi MARA, 1956-2006*, yang disunting oleh Hawa Rohany telah diterbitkan. Buku ini merupakan satu bentuk penceritaan sejarah perkembangan UiTM secara kritis. Ia merangkumi pemaparan maklumat bagaimana institusi berkenaan ditubuhkan dan berkembang dalam tempoh 50 tahun usianya sejak tahun 1956. Penulisan dan penerbitan buku ini juga adalah sebagai satu “hadiah” dalam memperingati 50 tahun penubuhan UiTM. Ringkasnya ia mengisahkan bagaimana proses transformasi berlaku dari Dewan Latihan RIDA kepada sebuah universiti yang gah hingga ke hari ini.¹³ Tidak dinafikan UiTM merupakan antara katalis dalam penggerak pemberian pendidikan tinggi kepada Bumiputera di Malaysia. Namun, kewujudan karya-karya sedia ada yang begitu menonjolkan UiTM telah menenggelamkan peranan dan keupayaan institusi-institusi pendidikan yang lain yang digerakkan MARA. Oleh itu, penulisan sejarah pendidikan MARA yang menyeluruh merupakan suatu keperluan bagi memberikan dimensi yang lebih luas berhubung perkara ini.

Tulisan ilmiah terawal mengenai MARA dihasilkan oleh Baharil Ihzan Bin Hashim pada tahun 1969. Berjudul ‘RIDA to MARA-A Study in Organisational Reform and Its Administrative Implication’,¹⁴ kajian ilmiah ini mengkaji reformasi organisasi RIDA dan MARA. Latihan ilmiah yang diselesaikan bagi memenuhi keperluan pengijazahan ini melihat badan-badan RIDA dan MARA daripada perspektif struktur organisasi, dimensi dan matlamat kedua-dua badan berkenaan. Skop penulisannya juga terhad iaitu bermula tahun RIDA ditubuhkan pada tahun 1950 dan diakhiri pada tahun 1968. Berdasarkan matlamat kajiannya yang memberi perhatian dan tumpuan kepada kajian terhadap pengorganisasian RIDA dan MARA, peranan MARA dalam lapangan pendidikan dan latihan diketepikan. Sesuai dengan objektif kajian ini, Baharil Ihzan

¹³ Hawa Rohany (ed.), *Documenting A Destiny: History of Universiti Teknologi MARA, 1956-2006*, Shah Alam: University Publication Centre (UPENA), 2006.

¹⁴ Baharil Ihzan Bin Hashim, ‘RIDA to MARA-A Study in Organisational Reform and Its Administrative Implication’, Graduation Exercise, Degree Bachelor of Economics with honours in Public Administration, University of Malaya, 20 September 1969.

hanya mengkaji pola perkembangan dan pengorganisasian RIDA dan MARA, meneliti pengurusan program-program RIDA dan MARA serta masalah-masalah yang dihadapi oleh kedua-dua badan yang bertalian tersebut. Sungguhpun kajian ini tidak menyentuh secara kritis dalam soal pendidikan, maklumat yang diberikan dalam penulisan ini mempunyai signifikan yang tersendiri dari sudut aspek pengurusan organisasi MARA sekaligus memberikan gambaran yang jelas dalam sudut kerangka pengurusan dan perjalanan organisasi tersebut.

Kajian mengenai MARA turut dilaksanakan oleh seorang penuntut ijazah pertama dalam bidang ekonomi di Universiti Malaya pada tahun 1970 dengan mengkhusus kepada pencapaian ITM dalam memenuhi tenaga kerja yang diperlukan oleh Malaysia. Rabieyah Binti Mat telah menghasilkan satu latihan ilmiah berjudul 'A Study of the MARA Institute of Technology in its Attempt in Helping To Meet The Manpower Requirements'.¹⁵ Dalam kajian ilmiah ini, beliau melakukan penilaian terhadap ITM sebagai suatu alat kerajaan untuk mengisi keperluan tenaga manusia. Berdasarkan analisis yang dilakukan, Rabieyah menyatakan bahawa kerajaan melepaskan tanggungjawab kepada MARA untuk melaksanakan pemberian pendidikan teknikal dan latihan. Dalam hal ini, beliau mendapati bahawa MARA bersedia untuk menjalankan tugas yang dibebankan oleh kerajaan ke atasnya bagi memenuhi ruang-ruang dalam aktiviti perniagaan dan teknikal yang memperlihatkan kekurangan tenaga Bumiputera ketika itu.

Walau bagaimanapun, di sebalik kesediaan tersebut, Rabieyah menghujahkan ITM mengalami masalah kewangan yang memberikan impak negatif kepada pentadbirannya. Ini dapat dilihat apabila ITM mengalami masalah kekurangan tenaga

¹⁵ Rabieyah Binti Mat, 'A Study of the MARA Institute of Technology in its Attempt in Helping To Meet The Manpower Requirements', Graduation Exercise, Bachelor of Economics, University of Malaya, August 1970.

akademik dan fasiliti. Berdasarkan kajian ini juga, pada tahun 1970, rata-rata dalam kalangan rakyat Malaysia dilihat masih mempertikaikan kewibawaan ITM dalam mengangkat kedudukan Bumiputera dan menyumbang kepada kehendak negara secara keseluruhannya. Meskipun demikian, beliau menyebut bahawa ITM telah menyumbang kepada pembangunan negara walaupun bukan secara sepenuhnya. Dalam konteks ini, Rabieyah menyimpulkan bahawa ITM telah menghasilkan graduan yang dikehendaki oleh pihak swasta berbanding badan-badan kerajaan.¹⁶ Memandangkan kajian ilmiah ini hanya tertumpu pada tahun-tahun awal penubuhan ITM yang memperlihatkan institusi berkenaan berada dalam tempoh penubuhan dan perkembangannya, ia mengandungi pelbagai keterbatasan serta hanya menonjolkan pelbagai kelemahan ketara dalam perjalanan awal ITM. Namun demikian, kajian terhadap ITM ini memberikan input dan pemahaman terhadap masalah dan cabaran yang dihadapi oleh MARA ITM pada peringkat awal pengasasannya.

Berbanding kajian khusus terhadap bidang pendidikan yang dijana oleh MARA, peranan MARA dalam soal berkenaan lebih kerap disentuh secara sepintas lalu melalui kajian terhadap tindakan afirmatif dan DEB di Malaysia. *Affirmative Action, Ethnicity and Integration: The Case of Malaysia*¹⁷ dihasilkan oleh Mah Hui Lim pada tahun 1985 merupakan antara tulisan yang menyentuh MARA dalam kajian terhadap tindakan afirmatif. Ia membicarakan tindakan afirmatif dengan menjadikan Malaysia sebagai kajian kes. Kajian ini menonjolkan keistimewaan orang Melayu sejak era kolonial bagi memberi gambaran latar sejarah. Dalam konteks pendidikan, orang Melayu dikatakan mendapat tempat yang baik. Kesannya, perkhidmatan awam di era kolonial iaitu *Malayan Administrative Service* (MAS) dikatakan sebagai eksklusif untuk orang

¹⁶ Ibid., hlm. 71.

¹⁷ Mah Hui Lim, "Affirmative Action, Ethnicity and Integration: The Case of Malaysia", *Ethnic and Racial Studies*, Vol. 8, 2 April 1985, Temple University, Philadelphia.

Melayu.¹⁸ Hak istimewa orang Melayu ini diteruskan pasca kemerdekaan apabila keutamaan dalam bidang pendidikan diberikan kepada orang Melayu. Dalam memperkatakan penekanan pendidikan sebagai alat untuk membantu orang Melayu, Mah Hui Lim menegaskan bahawa:

“Two factors were responsible for the government’s emphasis on education under the Malay Special Rights program. First the government through its finances of schools has control over the educational process. Second, lacking ownership of property, education was the major vehicle for Malay upward mobility.”¹⁹

Dalam kajiannya, Mah Hui Lim mengakui bahawa pendidikan merupakan penggerak kepada peningkatan mobiliti sosial orang Melayu. Beliau juga menyatakan bahawa *RIDA Training Centre* dan kemudiannya ITM, merupakan institusi-institusi utama dalam memberikan pendidikan kepada orang Melayu dalam tempoh 1957-1970.²⁰ Namun, dalam menyentuh persoalan DEB dan tragedi perkauman 13 Mei 1969, peranan MARA dalam pendidikan tidak disebut walaupun beliau menyatakan: “... to create a viable Malay industrial and commercial community, they needed training in science, technology, and business.”²¹ Kajian Mah Hui Lim mengkritik tindakan afirmatif kerajaan kerana mengutamakan orang Melayu dan ia dikatakan tidak meminimumkan konflik sosial serta menyukarkan tercapainya matlamat perpaduan sosial.²²

Pada tahun 1990, karya tiga orang pengkaji iaitu Just Faaland, J. R. Parkinson, Rais Saniman telah menghasilkan sebuah karya yang berautoriti mengenai DEB iaitu *Growth and Ethnic Inequality, Malaysia’s New Economic Policy*.²³ Buku berkenaan

¹⁸ Ibid., hlm. 253.

¹⁹ Ibid., hlm. 257.

²⁰ Ibid., hlm. 257.

²¹ Ibid., hlm. 266.

²² Ibid., hlm. 272.

²³ Just Faaland, J. R. Parkinson, Rais Saniman, *Growth and Ethnic Inequality, Malaysia’s New Economic Policy*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990.

mengisahkan *setting* sejarah yang membawa kepada pembentukan dan pelaksanaan dasar berkenaan. DEB sebagai satu subjek telah dibincangkan dengan begitu kritis oleh ketiga-tiga orang penulis berkenaan merangkumi pengimplementasian, pendekatan-pendekatan dalam pelaksanaannya dan keterlibatan DEB dalam Rancangan Malaysia Kedua hingga Rancangan Malaysia Kelima. Analisis terhadap keberhasilan DEB juga dilakukan dalam kajian berkenaan. Selain itu, karya ini turut menggariskan kritikan-kritikan terhadap DEB oleh parti-parti pembangkang khususnya oleh parti yang didominasi bukan Melayu. Memandangkan kajian ini bermatlamat untuk menghurai dan menganalisis pelaksanaan DEB secara dasar sehingga penamatannya, perhatian atau cakupan terhadap isu pemberian pendidikan tidak mendapat ruang yang bersifat khusus dalam kajian berkenaan. Dasar mengenai pendidikan nyata tidak begitu disentuh dalam penulisan tersebut.

MARA sekadar disebut memiliki objektif khusus bagi membantu orang Melayu untuk bangkit.²⁴ Juga disebut mengenai pemberian pinjaman kewangan kepada usahawan Melayu.²⁵ Walaupun peranan MARA tidak diberikan penekanan, namun tulisan dalam buku memperlihatkan pengiktirafan para sarjana berkenaan bahawa pendidikan merupakan alat pemodenan masyarakat, alat untuk mencapai peluang-peluang secara sama rata dan mekanisme dalam mempromosi kesatuan nasional. Pendidikan juga disebut sebagai elemen penting kepada orang Melayu luar bandar dan orang Melayu bandar yang berpendapatan rendah. Ia turut dianggap sebagai elemen perlu untuk membentuk kepimpinan elit Melayu.²⁶ Para penulis *Growth and Ethnic Inequality, Malaysia's New Economic Policy* ini juga mengakui bahawa penekanan terhadap sains dan teknologi pengurusan harus diberikan kepada orang Melayu. Sungguhpun demikian, karya ini tidak menggariskan aspek pendidikan secara lebih

²⁴ Ibid., hlm. 21.

²⁵ Ibid., hlm. 139.

²⁶ Ibid., hlm. 58.

meluas dalam cakupan kajiannya. Lanjutannya, dalam konteks DEB yang dibicarakan oleh karya ini, peranan MARA sebagai ejen pembangunan negara dan pelaksana DEB tidak dititik beratkan.

Ian Emsley melalui karyanya, *The Malaysian Experience of Affirmative Action: Lessons for South Africa*²⁷ yang diterbitkan pada tahun 1996 mengutarakan pengalaman Malaysia dalam melaksanakan tindakan afirmatif untuk dijadikan pengajaran kepada Afrika Selatan. Tindakan afirmatif yang dilaksanakan di Malaysia melalui DEB diharap menjadi contoh kepada Afrika Selatan yang turut memiliki beberapa persamaan dengan Malaysia khususnya sifat negara berkenaan yang berbilang kaum.²⁸ Buku ini menyentuh mengenai pemberian pendidikan kepada orang Melayu sebagai lonjakan untuk mendapat tempat yang setaraf dengan kaum bukan Melayu. Peranan MARA dalam bidang pendidikan disentuh secara sepintas lalu dengan menyatakan fungsinya melatih orang Melayu melalui penubuhan institut-institut dan kolej-kolej teknikal dalam dekad 1970-an. Kolej-kolej berkenaan disebut sebagai memberikan pendidikan saintifik dan teknologi kepada orang Melayu.²⁹ Dalam buku ini, Ian Emsley turut mengulas mengenai pemberian pekerjaan, usaha penyamarataan pemilikan ekuiti, usaha membentuk usahawan Bumiputera serta penglibatan golongan berkenaan dalam pelbagai sektor pekerjaan secara ringkas dan padat. Bagaimanapun, tulisan ini tidak begitu mendalam sifatnya jika disandarkan kepada faktor kurangnya penekanan terhadap fungsi yang dimainkan oleh MARA.

Selain karya ilmiah yang berpaksikan kepada tindakan afirmatif dan DEB, MARA turut mendapat tempat dalam kajian terhadap pendidikan di Malaysia. Ibrahim Bin Abu Shah dalam tesis kedoktorannya iaitu 'The Use of Higher Education as an

²⁷ Ian Emsley, *The Malaysian Experience of Affirmative Action: Lessons for South Africa*.

²⁸ Ibid.

²⁹ Ibid., hlm. 40.

Intervention Strategy in the Economic Development of a Plural Society: A Case Study of MARA Institute of Technology in the Economic Policy of Malaysia',³⁰ menjadikan institusi pendidikan MARA iaitu ITM sebagai subjek kajiannya. Tulisan yang dihasilkan pada tahun 1988 ini bermatlamat menilai penggunaan pendidikan tinggi sebagai "*intervention strategy*" dalam pembangunan ekonomi masyarakat majmuk di Malaysia. Kajian ini menunjukkan bahawa, walaupun tindakan afirmatif kerajaan dalam pelbagai bidang telah membawa kepada peningkatan marginal (*marginal improvement*) dalam pembahagian pendapatan dalam masyarakat pelbagai kaum, Ibrahim Bin Abu Shah mendapati bidang pendidikan tinggi merupakan bidang yang lebih mudah mengubah ketidaksamaan (*inequality*). Oleh itu, pendidikan tinggi dilihat sebagai medium untuk meningkatkan taraf hidup orang Melayu.

Justeru, ITM dijadikan sebagai kajian kes memandangkan penulis melihat institusi berkenaan sebagai alat yang paling efektif dalam pelaksanaan polisi mengatasi ketidaksamarataan etnik di Malaysia. Hal ini selari dengan kenyataan Ibrahim Bin Abu Shah yang menegaskan bahawa: "*Education has often been referred as "The Great Leveller", and it is no doubt an effective instrument for promoting social mobility*".³¹ Kajian beliau melihat ITM sebagai berupaya memenuhi keperluan terhadap tenaga kerja dalam bidang teknologi, perniagaan, pengurusan dan pentadbiran di Malaysia. Institusi ini juga memainkan tugas yang sangat penting dalam usaha pihak kerajaan untuk menyusun semula masyarakat Malaysia dengan pemberian peluang pendidikan yang lebih baik kepada kumpulan yang tidak benasib baik agar masalah perimbangan ekonomi antara kaum di Malaysia dapat diperbetulkan.³² Sehubungan itu, keberhasilan usaha-usaha ini sangat bergantung kepada keberkesanan pendidikan yang ditawarkan

³⁰ Ibrahim Bin Abu Shah, 'The Use of Higher Education as an Intervention Strategy in the Economic Development of a Plural Society: A Case Study of MARA Institute of Technology in the Economic Policy of Malaysia', Michigan, University Microfilms International, 1988.

³¹ Ibid., hlm. 15-16.

³² Ibid., hlm. 17.

ITM. Dalam konteks pendidikan yang ditawarkan oleh MARA yang bersifat lebih luas, kajian ini hanya memberikan perhatian kepada ITM memandangkan institusi tersebut merupakan subjek kepada tesis ini. Oleh itu, dalam membahaskan peranan MARA yang lebih besar dalam pendidikan, tesis ini hanya mengulas mengenai peranan ITM sebagai pengubah nasib orang Melayu.

Pada tahun 2004 seorang sarjana pendidikan di Malaysia iaitu Sufean Hussin telah menghasilkan sebuah buku mengenai sistem pendidikan di Malaysia. Tulisan beliau yang bertajuk *Pendidikan di Malaysia: Sejarah, Sistem dan Falsafah* (Edisi Kedua)³³, menghuraikan pelbagai aspek dunia pendidikan merangkumi perkembangan pendidikan, dasar-dasar, falsafah pendidikan, sistem pendidikan, organisasi dan peringkat pendidikan formal, pendidikan yang tidak formal serta isu-isu pendidikan negara. Sesuai dengan tema penulisan yang membincangkan perkembangan pendidikan negara sejak era sebelum kemerdekaan, Sufean Hussin memberikan penekanan terhadap isu-isu yang dihadapi oleh dunia pendidikan Malaysia dari kaca mata pakar pendidikan. Ulasan yang diberikan oleh sarjana berkenaan begitu luas merangkumi pelbagai aspek dalam arena pendidikan negara.

Sesuai dengan skop penulisan yang besar cakupannya, beliau memperjelaskan senario pendidikan di Malaysia merangkumi perguruan, pembangunan masyarakat, serta objektif sistem pendidikan yang bergerak seiring dengan usaha negara untuk melahirkan generasi yang mampu memikul tanggungjawab dalam sebuah negara yang bergerak maju. Ironinya, walaupun cakupan penulisan Sufean Hussin berhubung soal pendidikan di Malaysia adalah begitu luas, peranan MARA dilihat sebagai begitu dikesempingkan. Dalam hal ini, MARA hanya disebut secara sepintas lalu iaitu pemberian pendidikan

³³ Sufean Hussin, *Pendidikan di Malaysia: Sejarah, Sistem dan Falsafah*, Edisi Kedua, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004.

bukan formal kepada pembangunan masyarakat melalui kursus usahawan Bumiputera dan kursus kajian luar kampus.³⁴ Oleh itu, wujud suatu bentuk kekosongan dalam kajian ilmiah mengenai pendidikan yang diselenggarakan oleh MARA apabila peranan badan berkenaan tidak mendapat tempat walaupun dalam kajian yang menyasarkan sistem pendidikan di Malaysia. Jesteru, peranan dan sumbangan MARA dalam sektor pendidikan merupakan suatu isu yang menarik untuk dipaparkan memandangkan kedudukan MARA sebagai pelengkap kepada sistem pendidikan di Malaysia.

Trend peminggiran peranan MARA ini tidak memperlihatkan perubahan yang signifikan, walaupun pada tahun 2013, Lee Hock Guan, menerusi artikelnya iaitu “Racial Citizenship and Higher Education in Malaysia”³⁵ menyentuh mengenai institusi pendidikan yang dikelolakan oleh MARA. Berbeza dengan kebanyakan tulisan ilmiah yang menyentuh mengenai MARA, Lee Hock Guan memperlihatkan pandangan yang berbeza dalam pertimbangan ilmiah yang dilakukannya. Beliau menyatakan wujud segmentasi etnik dalam pendidikan menengah dan tinggi. Selain itu, beliau juga menyatakan bahawa integrasi antara kaum tidak berlaku dalam sektor pendidikan kerana wujud institusi yang bersifat eksklusif bersifat perkauman. Orang bukan Melayu dikatakan berasa bahawa hak kerakyataan mereka dicabul dan mendapat layanan yang tidak adil.³⁶ Beliau menyasarkan MARA sebagai sebuah badan yang dianggap menjadi alat kerajaan dalam pelaksanaan dasar pendidikan yang berat sebelah. Dalam artikel tersebut, Lee Hock Guan menyebut bahawa biasiswa dan pinjaman MARA hanya eksklusif untuk pelajar Melayu/Bumiputera sahaja. Beliau juga melontarkan kritikan terhadap MRSM yang dianggap sebagai institusi elit yang menguntungkan kelas

³⁴ Ibid., hlm. 338.

³⁵ Lee Hock Guan, Racial Citizenship and Higher Education in Malaysia dalam Edmund Terence Gomez and Johan Saravanamuttu (eds.), *The New Economic Policy in Malaysia: Affirmative Action, Ethnic Inequalities and Social Justice*, Kuala Lumpur: SIRD, 2013, hlm. 235-261.

³⁶ Ibid., hlm. 258.

menengah dan atasan Melayu. Orang bukan Melayu didakwa sebagai disisihkan dan terpaksa mencari alternatif lain dalam sistem persekolahan yang ada.

Dalam menghubungkan dasar afirmatif kerajaan yang digiatkan selepas tragedi perkauman 13 Mei 1969 dengan dasar pendidikan tinggi kerajaan, Lee Hock Guan menghujahkan bahawa parti pemerintah, *United Malays National Organisation* (UMNO) mengambil peluang daripada tragedi berkenaan untuk menguatkuasakan amalan yang disebut sebagai “*racial citizenship*”.³⁷ Berdasarkan analisis yang dilakukan oleh Lee Hock Guan, nyata beliau tidak melihat isu pemberian pendidikan oleh MARA dan keistimewaan yang dinikmati oleh golongan Bumiputera daripada perspektif yang lazim dilaksanakan para pendukung tindakan afirmatif. Namun, kedudukan orang Melayu dan Bumiputera lain dalam polisi-polisi kerajaan sesungguhnya adalah berdasarkan pertimbangan legasi sejarah dan konsesus yang dicapai oleh pelbagai pihak di era menjelang kemerdekaan. Sehubungan itu, sumbangan dan peranan MARA juga perlu dianalisis daripada perspektif sejarah dengan lebih mendalam dan bersifat objektif.

Dalam memperkatakan kajian mutakhir yang turut menyentuh mengenai MARA dalam kerangka tindakan afirmatif, suatu kajian terhadap tindakan afirmatif di Malaysia juga dihasilkan hasil daripada analisis secara kritikal oleh Lee Hwok-Aun, Edmund Terence Gomez dan Shakila Yacob dalam artikel berjudul “Ethnicity, economy, and affirmative action in Malaysia”.³⁸ Menurut tulisan ini, secara umumnya, tindakan afirmatif dianggap telah berhasil memajukan kedudukan ekonomi dan sosial kaum Bumiputera di Malaysia sekaligus memperlihatkan bahawa sebahagian besar matlamat-matlamat DEB telah berjaya dicapai, khasnya dalam mengurangkan kadar kemiskinan.

³⁷ Ibid., hlm. 238.

³⁸ Lee Hwok-Aun, Edmund Terence Gomez, and Shakila Yacob, “Ethnicity, economy, and affirmative action in Malaysia”, dalam Edmund Terence Gomez and Ramlal Premdas (eds.), *Affirmative Action, Ethnicity, and Conflict*, New York: Routledge, 2013, hlm. 67-94.

Melalui dasar pendidikan yang dilaksanakan dalam kerangka DEB, golongan pelajar Bumiputera dari luar bandar berpeluang mendapat pendidikan yang bermutu dan sebahagian daripadanya berjaya melanjutkan pelajaran ke luar negara. Perkembangan yang berlaku ini telah berhasil membantu membentuk golongan menengah Bumiputera yang baru sebagaimana yang disasarkan kerajaan. Bagaimanapun, tulisan ini menghujahkan bahawa pencapaian kerajaan dalam membentuk kelas menengah Bumiputera dan membasmi kemiskinan di Malaysia bukanlah bersifat menyeluruh. Hal ini kerana hanya golongan-golongan tertentu dalam kalangan Bumiputera yang mendapat faedah daripada DEB.

Dalam bidang pendidikan, tindakan afirmatif kerajaan dalam sektor ini dihujahkan telah meninggalkan kesan negatif terhadap negara kerana gagal melahirkan tenaga Bumiputera yang berkualiti. Misalnya di institusi-institusi awam yang dianggotai ramai Bumiputera, kualiti perkhidmatan yang disediakan dikatakan mengalami penurunan kualiti. Ia ditambah pula penyertaan golongan Bumiputera dalam bidang pengurusan, profesional dan teknikal yang statik sejak pertengahan dekad 1990-an.³⁹ Menyentuh mengenai MARA, tulisan ini menyatakan bahawa MARA terlibat sama mendukung tindakan afirmatif dengan menubuhkan MRSM khususnya untuk pelajar Bumiputera luar bandar dan tidak berkemampuan. Bagaimanapun dikatakan bahawa matlamat ini tersasar apabila pelajar Melayu daripada golongan kelas menengah bandar dikatakan mendominasi tempat di Maktab Rendah Sains MARA pada pertengahan 1970-an.⁴⁰ Selaras dengan intisari tulisan ini yang menghuraikan kejayaan dan masalah serta aspek-aspek kegagalan tindakan afirmatif dalam kerangka yang besar, ia tidak memaparkan secara khusus bagaimana MARA bertindak dalam skop yang lebih luas berhubung pemberian pendidikan kepada Bumiputera.

³⁹ Ibid., hlm. 88.

⁴⁰ Ibid., hlm. 78.

Seorang sarjana tempatan yang telah melakukan beberapa penyelidikan yang kritis mengenai tindakan afirmatif iaitu Lee Hwok-Aun, telah menghasilkan beberapa tulisan mengenai tindakan afirmatif di Malaysia dan juga melakukan perbandingan dengan Afrika Selatan. Tesis kedoktorannya yang disempurnakan pada tahun 2010 iaitu 'Racial Inequality and Affirmative Action in Malaysia and South Africa' merupakan suatu penelitian terhadap ketidakseimbangan antara kaum dan tindakan afirmatif di Malaysia dan Afrika Selatan.⁴¹ Kedua-dua negara berkenaan mempunyai beberapa ciri yang sama dalam konteks pemerintahan oleh majoriti dan pelaksanaan tindakan afirmatif kepada golongan majoriti yang juga ketinggalan. Tesis telah juga telah menyelidiki, membandingkan program-program tindakan afirmatif di kedua-dua negara dengan fokus kepada tempoh pertengahan dekad 1990-an dan pertengahan dekad 2000.

Antara pandangan beliau dalam tindakan afirmatif di Malaysia, khususnya melalui peranan MARA, Lee Hwok-Aun telah menyentuh mengenai peranan MRSM. Beliau menyebut bahawa matlamat untuk mengisi keperluan tenaga kerja dalam lapangan sains dan kejuruteraan, telah mendorong MARA menubuhkan MRSM untuk golongan Bumiputera luar bandar dan Bumiputera yang berpendapatan rendah.⁴² Namun, secara keseluruhannya, tesis Lee Hwok-Aun menegaskan bahawa tindakan melebihi suatu pihak berbanding pihak yang lain akan mengakibatkan impak negatif di mana golongan sasaran tidak akan berupaya untuk bersaing dan memerlukan "sokongan" yang berterusan daripada pihak pemerintah.⁴³ Selain itu, beliau menghujahkan, tindakan afirmatif dalam bidang pendidikan tinggi di Malaysia telah menghasilkan tenaga Bumiputera yang tidak dapat bersaing secara bebas dalam pasaran kerja serta memerlukan sektor kerajaan sebagai sandaran kepada prospek kerjaya mereka.

⁴¹ Lee Hwok-Aun, 'Racial Inequality and Affirmative Action in Malaysia and South Africa', (Ph.D. Thesis), University of Massachusetts Amherst, 2010.

⁴² Ibid., hlm. 52.

⁴³ Ibid., hlm. 20.

Lee Hwok-Aun turut menghasilkan tulisan berkenaan tindakan afirmatif di Malaysia pada tahun 2014 iaitu “Affirmative Action in Malaysia: Solid Grounds, Long Arms, Shallow Roots”.⁴⁴ Dalam karya ini, beliau memperjelaskan *setting* kepada bermulanya tindakan afirmatif di Malaysia yang bersandarkan kepada kemunduran orang Melayu pasca merdeka dan keperluan menyeimbangkan struktur sosioekonomi antara kaum. Tindakan afirmatif yang digiatkan melalui DEB telah menyaksikan sasaran utama kerajaan dalam usaha berkenaan bertumpu kepada pemberian pendidikan tinggi kepada Bumiputera, penyertaan golongan Bumiputera dalam hierarki yang tinggi dalam sektor awam dan swasta, pemilikan ekuiti dan pengembangan perniagaan, Lee Hwok-Aun telah menggariskan kesan yang timbul daripada tindakan afirmatif ini di mana penyertaan Bumiputera dalam pelbagai lapangan telah memperlihatkan peningkatan.

Dalam lapangan pendidikan, MARA melalui MRSM telah disebut memberikan peluang pendidikan yang baik kepada golongan Bumiputera sekaligus membuka pintu kepada pendidikan yang lebih tinggi kepada golongan berkenaan.⁴⁵ Kesan positif kepada dasar tersebut dapat dilihat apabila golongan ini berjaya mendapat peluang pendidikan yang lebih tinggi menjelang tahun 2010. Namun, paradoksnya, golongan bukan Bumiputera pula yang ketinggalan dalam lapangan tersebut, khasnya kaum India.⁴⁶ Bagaimanapun, Lee Hwok-Aun menghujahkan tindakan afirmatif di Malaysia sudah tersasar daripada matlamat asalnya dan golongan Bumiputera masih gagal mendapatkan tempat yang baik dalam dunia pekerjaan.⁴⁷

⁴⁴ Lee Hwok-Aun, “Affirmative Action in Malaysia: Solid Grounds, Long Arms, Shallow Roots”, hlm. 137-167, dalam Ockert Dupper and Kamala Sankaran (eds.), *Affirmative Action: A View from the Global South*, Stellenbosch: SUN Press, 2014.

⁴⁵ Ibid., hlm. 154.

⁴⁶ Ibid., hlm. 155.

⁴⁷ Ibid., hlm. 157.

Lee Hwok-Aun juga membangkitkan aspek-aspek tindakan afirmatif di Malaysia dan Afrika Selatan dalam “Affirmative Action Regime Formation in Malaysia and South Africa”.⁴⁸ Sekali lagi beliau menganalisis pembentukan tindakan afirmatif di Malaysia dan Afrika Selatan yang memberikan keutamaan kepada golongan majoriti. Beliau membahaskan bahawa tindakan afirmatif yang berjalan di Malaysia selama empat dekad merupakan penerusan kepada order politik sedia ada dan pemusatan kuasa eksekutif. Manakala keadaan yang berlaku di Afrika Selatan disifatkan sebagai demokratik dan berlaku perubahan daripada pemerintahan golongan minoriti (kulit putih) kepada golongan majoriti (kulit hitam). Juga, sekali lagi Lee Hwok-Aun menegaskan pelaksanaan tindakan afirmatif di Malaysia sebagai lebih terpusat berbanding dengan polisi yang diimplementasikan di Afrika Selatan. Dalam sudut perundangan, beliau menjelaskan bahawa Perlembagaan Malaysia memberi ruang kepada pelaksanaan tindakan afirmatif. Sebaliknya, Perlembagaan Afrika Selatan 1996 pula menggariskan tindakan afirmatif dalam kerangka yang lebih “liberal” dan tidak begitu diskriminatif.⁴⁹ Secara keseluruhannya, Lee Hwok-Aun berpandangan agar kedua-dua negara berusaha untuk menyeimbangkan tindakan afirmatif dengan mementingkan latar belakang sosioekonomi masyarakat, meningkatkan mutu pendidikan dan mengutamakan merit.⁵⁰ Beliau menyentuh sedikit mengenai MARA yang telah menubuhkan MRSM sebagai satu laluan alternatif kepada Bumiputera untuk mendapat pendidikan tinggi.⁵¹

Minat dan fokus Lee Hwok-Aun dalam konteks tindakan afirmatif diteruskan pada tahun 2015 apabila beliau sekali lagi melakukan perbandingan antara dasar berkenaan yang dilaksanakan di Malaysia dan Afrika. Ia dikupas di bawah judul

⁴⁸ Lee Hwok-Aun, “Affirmative Action Regime Formation in Malaysia and South Africa”, *Journal of Asian and African Studies*, Vol. 51, No. 5, 5 Oktober 2014, hlm. 511-527.

⁴⁹ Ibid., hlm. 3.

⁵⁰ Ibid., hlm. 15.

⁵¹ Ibid., hlm. 11.

“Affirmative Action in Malaysia and South Africa: Constrasting Structures, Continuing Pursuits”.⁵² Kajian ini memberi fokus yang khusus kepada Malaysia dan Afrika Selatan yang memiliki persamaan iaitu pelaksanaan tindakan afirmatif yang menyasarkan golongan majoriti. Malaysia berjaya melaksanakan tindakan afirmatif dalam skala yang lebih besar pada tahun 1970-an berbanding Afrika Selatan pada dekad 1990-an.⁵³ Malaysia juga telah melaksanakan tindakan afirmatif dalam kerangka yang lebih terpusat dengan pemberian peluang pendidikan menengah dan tinggi iaitu MRSM dan UiTM. Hal ini berbeza dengan Afrika Selatan yang menjalankan tindakan afirmatif pada peringkat pendidikan tinggi sahaja.⁵⁴ Kedua-dua negara dikatakan berhasil meningkatkan penyertaan golongan Bumiputera (Malaysia) dan golongan kulit hitam (Afrika Selatan) dalam pendidikan tinggi dan pekerjaan. Namun, Lee Hwok-Aun juga menegaskan bahawa terdapat bukti yang menunjukkan kesan negatif pengimplementasian dasar ini dalam jangka panjang. Ia nyata dapat dilihat dalam pekerjaan di sektor dan kegagalan mendapat tempat yang luas di sektor swasta. Beliau berpandangan, tindakan afirmatif yang efektif perlu dikekalkan dalam bidang pendidikan, manakala dasar tersebut perlu disekat dalam aspek peluang pekerjaan dan pembangunan perusahaan.

Lee Hwok-Aun terus memperincikan persoalan tindakan afirmatif dalam tulisannya berjudul “Affirmative Action: Hefty Measures, Mixed Outcomes, Muddled Thinking”⁵⁵ yang mengulas mengenai definisi tindakan afirmatif serta objektif dan kaedah pelaksanaannya. Dalam tulisan ini, beliau menghubungkan tindakan afirmatif dengan DEB dan Artikel 153 Perlembagaan Persekutuan. Selain itu, implikasi daripada tindakan afirmatif di Malaysia juga ditonjolkan dalam tulisan ini. Lee Hwok-

⁵² Lee Hwok-Aun, “Affirmative Action in Malaysia and South Africa: Constrasting Structures, Continuing Pursuits”, *Journal of Asian and African Studies*, Vol. 50, No. 5, August 2015, hlm. 615-634.

⁵³ Ibid., hlm. 7.

⁵⁴ Ibid., hlm. 8.

⁵⁵ Lee Hwok-Aun, “Affirmative Action: Hefty Measures, Mixed Outcomes, Muddled Thinking”, hlm. 162-176, dalam Meredith L. Weiss (ed.), *Routledge Handbook of Contemporary Malaysia*, New York: Routledge, 2015.

Aun menjelaskan bahawa MARA melalui MRSM telah memberikan pendidikan yang bermutu tinggi kepada golongan Bumiputera, khasnya daripada komuniti luar bandar. Tidak ketinggalan, beliau menyentuh mengenai institusi pendidikan tinggi MARA (kemudiannya ITM) sebagai sebahagian daripada usaha kerajaan dalam pelaksanaan tindakan afirmatif dalam lapangan pendidikan.⁵⁶ Secara keseluruhannya, ditinjau dari segi pencapaian pendidikan, Lee Hwok-Aun mengakui tindakan afirmatif yang ekstensif ini telah melonjakkan mutu akademik golongan Bumiputera di Malaysia. Bagaimanapun, seperti tulisan-tulisan sebelumnya, beliau telah menegaskan bahawa tindakan afirmatif kerajaan telah menyebabkan golongan bukan Bumiputera ketinggalan di belakang.⁵⁷ Oleh itu, dalam merumuskan keperluan tindakan afirmatif ini diteruskan pada masa hadapan, Lee Hwok-Aun telah menghujahkan bahawa Malaysia perlu bergerak meninggalkan dasar afirmatif sesuai dengan kehendak kontemporari.⁵⁸

Selain tulisan-tulisan ilmiah yang dilihat daripada perspektif tindakan afirmatif, DEB dan pendidikan, terdapat juga kajian yang berautoriti yang mengaitkan MARA sebagai sebahagian daripada kerangka besar dalam “*class struggle*”. Perkara ini dapat dilihat dalam tulisan Jomo Kwame Sundaram yang diterbitkan pada tahun 1986 menerusi kajiannya *A Question of Class: Capital, The State, and Uneven Development in Malaya*.⁵⁹ Beliau melakukan analisis sejarah terhadap aspek-aspek terpilih dalam pembangunan yang tidak seimbang (*uneven development*) dan pembentukan kelas-kelas sosial di era kolonial dan pasca merdeka di Tanah Melayu. Jomo Kwame Sundaram menganalisis pembaharuan yang berlaku dalam kalangan kelas petani Melayu di zaman kolonial, perkembangan modal pihak kapitalis di Tanah Melayu, kemaraan modal Cina dalam ekonomi kolonial dan industrialisasi di Malaya, khasnya di era kemerdekaan.

⁵⁶ Ibid., hlm. 166.

⁵⁷ Ibid., hlm. 169.

⁵⁸ Ibid., hlm. 174.

⁵⁹ Jomo Kwame Sundaram, *A Question of Class: Capital, The State, and Uneven Development in Malaya*, Singapore: Oxford University Press, 1986.

Walaupun fokus utama kajian ini lebih mengkhusus kepada isu kapitalisme dan pembahagian kelas di Tanah Melayu, RIDA disebut oleh Jomo Kwame Sundaram sebagai alat pembentukan kapitalis Melayu.⁶⁰ Ia kemudiannya diikuti oleh penubuhan MARA pada tahun 1966. Sarjana berkenaan menyebut bahawa:

“Given such a strong identification of ethnicity, or ‘race’, with classes and class frictions, the most convenient ideological banner with which to mount a political and economic challenge was obviously ethnic.”⁶¹

Berdasarkan tulisan berkenaan yang berbaur konsep perjuangan kelas, ia tidak memberatkan penekanan terhadap pelaksanaan DEB serta fungsi MARA secara menyeluruh khususnya dalam bidang pendidikan.

Satu-satunya kajian yang bersifat menyeluruh dalam membicarakan MARA dan pendidikan dilakukan oleh Abdul Halim Bin Mahmud melalui disertasinya, ‘Perkembangan Pendidikan Di Bawah Pentadbiran Majlis Amanah Rakyat (MARA), 1966-1990.’⁶² Kajian yang diselesaikan pada tahun 2002 ini memberikan penekanan sejarah MARA sejak ditubuhkan pada tahun 1966 sehingga tahun 1990. Dalam kajian ini, beliau memberikan tumpuan kepada objektif penubuhan MARA dan struktur pentadbirannya. Selain itu, Abdul Halim Bin Mahmud juga melakukan penelitian dalam peranan dan sumbangan dalam arena pendidikan. Kajian tersebut mengkaji masalah-masalah yang dihadapi oleh MARA dalam berurusan dengan kumpulan sasaran. Beliau turut mengkaji keberkesanan program pendidikan yang dilaksanakan MARA. Dalam hal ini, beliau mengaitkan program pendidikan MARA dengan konsep pembasmian kemiskinan dan penyusunan masyarakat melalui DEB. Berdasarkan kajian yang dilakukan, Abdul Halim Bin Mahmud menonjolkan sistem pendidikan yang digerakkan

⁶⁰ Ibid., hlm. 247.

⁶¹ Ibid., hlm. 253.

⁶² Abdul Halim Bin Mahmud, ‘Perkembangan Pendidikan Di Bawah Pentadbiran Majlis Amanah Rakyat (MARA), 1966-1990’, Disertasi Sarjana Sastera, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 2002.

oleh MARA merangkumi penubuhan serta perjalanan institusi-institusi pendidikan dan kemahirannya iaitu IKM, MRSM, IPM dan ITM.

Pencapaian-pencapaian MARA dalam bidang pendidikan juga diketengahkan dalam disertasi ini. Namun, Abdul Halim Bin Mahmud tidak begitu mengutarakan perkaitan DEB dengan MARA secara lebih analitikal, khasnya dalam aspek pendidikan. Sebaliknya masalah-masalah yang dihadapi oleh MARA seperti kegagalan peminjam melunas hutang pelajaran lebih ditonjolkan. Walaupun kajian beliau adalah bersifat sejarah serta berautoriti, sumber-sumber fail kerajaan yang digunakan adalah kurang meluas dan terbatas. Hal ini berkemungkinan disebabkan oleh tiadanya akses terhadap fail-fail kerajaan yang pada ketika itu masih berstatus sulit. Beliau juga mengehadkan skop kajiannya sehingga tamat DEB pada tahun 1990. Sehubungan itu, penerusan komitmen MARA dalam dekad-dekad pasca DEB tidak dapat dilihat daripada aspek kesinambungannya.

Berdasarkan kajian-kajian sedia ada yang mengaitkan MARA dan sistem pendidikan yang dikelolakan badan berkenaan, tidak wujud suatu kajian ilmiah yang menyeluruh dan bersifat khusus mengenai pendidikan yang diselenggarakan oleh MARA sejak penubuhannya sehinggalah ia mencapai empat dekad usianya pada tahun 2006. Dalam konteks pembicaraan sedia ada mengenai sistem pendidikan MARA, didapati hanya UiTM dan MRSM sahaja yang mendapat tempat dalam karya-karya yang ditulis oleh para penyokong mahupun pengkritik DEB dan tindakan afirmatif. Kewujudan institusi-institusi pendidikan yang lain yang dikelolakan MARA khasnya institut-institut kemahiran tidak mendapat tempat sama sekali dalam penulisan yang telah dihasilkan sejak penubuhan MARA pada tahun 1966. Ketiadaan kajian-kajian yang berautoriti yang lebih bersifat menyeluruh telah mewujudkan suatu bentuk jurang

yang begitu besar dalam memperkatakan sejarah MARA dan dunia pendidikan secara keseluruhannya. Keadaan ini sekaligus gagal memperjelaskan kesignfikanan dan impak sistem pendidikan yang dibawa oleh MARA terhadap pembinaan negara Malaysia khususnya dalam konteks pelaksanaan tindakan afirmatif oleh kerajaan. Sehubungan itu, keistimewaan kajian ini ialah penonjolan sisi-sisi penting yang tidak dilihat oleh kebanyakan pengkaji lantas berupaya mengisi ruang-ruang kosong dalam penulisan sejarah MARA itu sendiri.

1.8 Kaedah Penyelidikan

Kajian ini menggunakan kaedah tematik-kronologi. Berdasarkan kaedah kronologi bertema ini, perkembangan di tahap-tahap yang digariskan dapat dilihat dengan jelas. Kaedah kualitatif dan kritikan dalaman terhadap bahan digunakan secara intensif dalam kajian ini. Untuk mengulas perkembangan yang diperlihatkan oleh MARA dalam lapangan pendidikan sejak penubuhannya sehingga tahun 2006, terdapat dua aspek utama diberikan perhatian iaitu aspek pendidikan dan kemahiran. Dalam konteks pemberian pendidikan, ianya terbahagi kepada dua jenis pendidikan iaitu pendidikan menengah dan pendidikan tinggi. Dari segi penetapan tahap, kajian ini melihat perspektif pendidikan dan kemahiran yang dilaksanakan MARA daripada dua tempoh masa iaitu tempoh 1966 sehingga 1980 dan tempoh 1981 sehingga 2006. Berdasarkan metod analisis tematik-kronologi yang diguna pakai dalam kajian ini, perkembangan aspek pendidikan dan kemahiran yang digunakan untuk melihat dua jangkamasa yang berbeza dapat dilihat dengan mengkaji serta menganalisis tema-tema khusus dalam memperjelaskan sumbangan dan realiti sejarah MARA dalam hal berkenaan. Untuk tempoh pertama, kajian ini meneliti perkembangan pendidikan tinggi MARA dalam

tempoh 1966 hingga 1980, perkembangan IKM dalam jangkamasa 1968-1980 dan perkembangan MRSM sejak penubuhannya pada tahun 1972 hingga tahun 1980.

Tempoh ini mempamerkan usaha-usaha MARA dalam merintis dan mengembangkan lapangan pendidikan dan kemahiran. Jangkamasa ini juga menonjolkan rintangan dan cabaran yang terpaksa dilalui oleh MARA khususnya dalam usaha untuk memberikan suatu bentuk penawaran pendidikan yang bermutu tinggi sesuai dengan kehendak dan matlamat DEB. Ketika inilah MARA dilihat begitu bertungkus lumus memastikan kelancaran program-program pendidikan dan kemahirannya. Tidak keterlaluan jika dinyatakan tempoh tersebut merupakan tempoh pembuktiaan kemampuan MARA untuk mengendalikan cabaran yang begitu besar impaknya kepada generasi muda Bumiputera. Tempoh kedua dalam kajian ini iaitu 1981-2006 turut mengkaji dan menganalisis kesinambungan perkembangan pendidikan dan kemahiran MARA iaitu perkembangan pendidikan tinggi, menengah, serta IKM dan Pusat GiatMARA. Berakhirnya DEB pada tahun 1990 nyata sama sekali tidak menamatkan peranan MARA dalam bidang pendidikan, malah MARA dilihat lebih agresif dan produktif dalam penerusan pemberian pendidikan dan latihan kepada golongan Bumiputera. Oleh itu, tempoh 1981-2006 merupakan suatu tempoh masa penyesuaian tuntutan masa dan pembuktian jati diri MARA seiring dengan dasar-dasar kerajaan untuk mewujudkan negara maju dan mempunyai tenaga berkemahiran tinggi.

Dari segi kaedah perolehan maklumat, pelbagai jenis bahan digunakan. Fail-fail MARA yang diperolehi daripada Ibu Pejabat MARA Kuala Lumpur merupakan sumber terpenting dalam kajian ini. Fail-fail berkenaan dirujuk dan digunakan secara intensif untuk mendapatkan maklumat dan data-data berkenaan dengan cara pengoperasian MARA terhadap bidang pendidikan. Fail-fail tersebut kebanyakannya didapati daripada

Bahagian Latihan dan Bahagian Kemahiran MARA serta Perpustakaan MARA. Bahan-bahan primer seperti Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan MARA, surat menyurat pegawai kanan MARA dan minit Mesyuarat Majlis MARA merupakan sumber yang berupaya memberikan pemahaman yang mendalam khususnya pembuatan dasar MARA. Selain itu, terbitan-terbitan MARA seperti Laporan Tahunan MARA diakses untuk memantapkan kajian ini.

Fail-fail Kerajaan Persekutuan merupakan tunjuang penting dalam pemerolehan bahan bersifat primer dalam kajian ini. Fail-fail berkenaan diakses daripada Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur. Merangkumi fail Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Fail Perbendaharaan Malaysia, Fail Bahagian Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri serta Fail Jabatan Perdana Menteri, bahan-bahan berkenaan merupakan rujukan yang sangat penting dalam usaha melihat dan meneliti proses pembuatan dasar kerajaan dan reaksi pihak kerajaan dan MARA sebagai perangka polisi secara bersama. Melalui kajian yang mendalam terhadap fail-fail tersebut, data-data yang penting khususnya melibatkan jumlah peruntukan kewangan dapat diguna dan dianalisis secara kritikal. Analisis faktor luaran yang mempengaruhi pelaksanaan DEB seperti Rancangan Colombo dan bantuan asing seperti *Peace Corps* dalam membantu pengoperasian sistem pendidikan MARA juga dapat dilihat menerusi akses terhadap bahan-bahan tersebut.

Selain fail-fail kerajaan Persekutuan, *Parliamentary Debates*, Penyata Rasmi Dewan Rakyat, Penyata Rasmi Dewan Negara, turut diperolehi daripada Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur. Bahan-bahan terbitan rasmi kerajaan menjadi wadah kepada pemerolehan data-data tambahan bagi memperluaskan pemahaman berkaitan pembuatan polisi oleh kerajaan serta sepak terajang politik berkaitan dengan MARA.

Terbitan-terbitan rasmi MARA yang dapat dirujuk di Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur seperti *Warta ITM*, *Alam MARA* dan *Maraniaga* turut memberikan jangkauan liputan maklumat yang lebih luas berkenaan isu pendidikan dan latihan yang digerakkan MARA.

Koleksi Surat-surat Persendirian dimanfaatkan untuk menambahkan maklumat sokongan. Surat-surat Persendirian Tun Dr. Fatimah Binti Hashim, Prof. Datuk Nik Abdul Rashid Bin Nik Abdul Majid, Prof. Madya Dr. Ishak bin Rejab, Dato' Nik Muhammad Bin Nik Mohd Salleh mengandungi informasi penting berkenaan dengan ITM dan isu-isu yang berbangkit dalam pertengahan dekad pertama 1970-an yang menyaksikan ITM dilanda kontroversi. Selain itu, kajian yang mendalam terhadap kandungan surat-surat persendirian para tokoh berkenaan memberikan dimensi yang lebih luas dalam pemahaman terhadap perjalanan MARA dalam dunia pendidikan.

Kaedah temubual juga dijalankan untuk mendapatkan informasi daripada pembuat dasar dan saksi mata kepada pembangunan sistem pendidikan MARA. Dalam hal ini, Tan Sri Arshad Ayub merupakan antara kunci penting dalam pemerolehan maklumat-maklumat yang tidak didapati daripada penelitian terhadap fail-fail kerajaan mahupun MARA sendiri. Selain itu, tembual juga dilakukan terhadap beberapa orang individu yang merupakan bekas kakitangan kanan MARA serta mereka yang pernah mendapat bimbingan dan latihan daripada badan berkenaan. Melalui kaedah ini, sebarang keraguan yang timbul ketika proses kritikan dalaman terhadap sumber primer dapat diperhalusi sekaligus memantapkan proses pemberian makna sejarah dalam kajian ini.

Pemerolehan sumber daripada media cetak iaitu akhbar-akhbar sezaman khususnya *Straits Times*, *Utusan Malaysia*, *Berita Harian* dan *Berita Minggu* adalah untuk mendapatkan laporan serta gambaran mengenai peristiwa-peristiwa penting yang berlaku dalam arena pendidikan MARA. Sehubungan itu, penggunaan sumber-sumber yang autentik dan berautoriti menjadi landasan dan sandaran utama kepada kajian ini dalam proses mencapai objektif yang dikemukakan sekaligus menyelesaikan persoalan yang dikemukakan.

Bagaimanapun, kajian ini mempunyai beberapa keterbatasan yang mengehadkan akses sepenuhnya terhadap sumber-sumber maklumat. Pertamanya ialah keterbatasan akses di Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur. Terdapat fail-fail Kerajaan Persekutuan yang tidak dapat dirujuk memandangkan masih bertaraf sulit. Hal sedemikian menyukarkan proses pemerolehan maklumat-maklumat penting berkaitan MARA. Perkara ini berlaku disebabkan oleh polisi Arkib Negara Malaysia yang menetapkan tempoh dan kriteria tertentu terhadap fail-fail yang dianggap sebagai sensitif sebelum dibuka untuk akses umum. Kekurangan ini berhasil diatasi dengan penggunaan fail-fail Kerajaan Persekutuan yang lain yang bertaraf terbuka serta mengandungi data-data yang relevan untuk mengisi kelompongan yang ada.

Selain keterbatasan akses kepada fail-fail berkenaan, masalah kerjasama responden-responden yang ditembual, khasnya bekas pegawai tinggi MARA untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan turut timbul. Keterbatasan dalam hal ini timbul ekoran sikap berhati-hati responden untuk mengemukakan maklumat berikutan situasi semasa yang tidak mengizinkan. Ini kerana MARA merupakan alat kerajaan dalam melakukan tindakan afirmatif yang dianggap dan didakwa sesetengah pihak yang anti-Bumiputera sebagai berat sebelah dalam konteks masyarakat berbilang kaum di

Malaysia. Bagaimanapun, masalah ini cuba diatasi dengan melakukan kajian yang lebih intensif terhadap sumber-sumber primer, khasnya minit-minit mesyuarat MARA serta melakukan pemeriksaan silang terhadap fail-fail kerajaan. Selain itu dokumen-dokumen MARA yang sukar diperolehi, namun berhasil diakses berupaya mengatasi keterbatasan respons daripada responden.

1.9 Pembahagian Bab

Bagi menjelaskan kajian secara jelas, terperinci dan tersusun, penulisan dibahagikan kepada sembilan bab.

Bab 1: Pendahuluan.

Bab pertama merupakan bab pendahuluan yang merupakan justifikasi kajian mengenai peranan pendidikan MARA serta perkara-perkara yang ingin dilihat dan dicapai dalam kajian ini. Oleh itu, bab ini merangkumi latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif-objektif kajian, kerangka konsep, kepentingan kajian serta kaedah bagaimana kajian ini dikendalikan.

Bab 2: Penubuhan Majlis Amanah Rakyat (MARA).

Bab kedua menelusuri latar belakang sejarah yang membawa kepada lahirnya MARA pada tahun 1966. Keadaan sosioekonomi orang Melayu yang begitu ketinggalan dan memerlukan sebuah badan khusus untuk lonjakan kemajuan dinaratifkan dalam bab ini. Seterusnya, peranan RIDA sebagai perintis kepada penubuhan MARA serta kegagalannya turut diperjelaskan.

Bab 3: Penubuhan dan Perkembangan Pendidikan Tinggi MARA, 1966-1980.

Bab ketiga menyoroti perkembangan ITM sebagai institusi pendidikan tinggi yang digerakkan oleh MARA sehingga penyerahannya kepada Kementerian Pelajaran Malaysia. Faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya perubahan pemilikan institusi berkenaan dipaparkan. Kelahiran Institut Perdagangan MARA sebagai penerus usaha pemberian pendidikan tinggi oleh MARA juga diulas dalam bab ini.

Bab 4: Penubuhan dan Perkembangan Institut Kemahiran MARA, 1968-1980.

Bab keempat memerihalkan perkembangan IKM yang merupakan wadah MARA untuk menawarkan pendidikan yang berteraskan kemahiran. Isu-isu dan pencapaian yang dilalui IKM turut diulas dalam bab ini.

Bab 5: Penubuhan dan Perkembangan Maktab Rendah Sains MARA, 1972-1980.

Bab kelima menonjolkan peranan MARA yang mengendalikan MRSM yang merupakan institusi pendidikan yang menengah yang unggul di Malaysia. Dalam bab ini, dihuraikan masalah, cabaran dan pencapaian yang dihadapi MRSM dalam tempoh 1972-1980.

Bab 6: Pengukuhan dan Kepelbagaian Pendidikan Tinggi MARA, 1981-2006.

Bab keenam memaparkan dan memperjelaskan peranan yang dilaksanakan MARA dalam penyediaan pendidikan tinggi di Malaysia. Pembangunan pendidikan tinggi dan penubuhan-penubuhan institusi-institusi yang meneruskan kesinambungan komitmen MARA dalam bidang ini juga dipersembahkan.

Bab 7: Pengukuhan dan Perkembangan Pendidikan Kemahiran MARA, 1981- 2006.

Bab ketujuh memberi fokus terhadap perkembangan institusi-institusi IKM dan GiatMARA yang melandasi program latihan kemahiran MARA. Halatuju dan prospek pelatih-pelatih yang mendapat latihan di kedua-dua institusi berkenaan juga diberikan perhatian.

Bab 8: Pengukuhan dan Perkembangan Pendidikan Menengah MARA, 1981-2006.

Bab kelapan mempamerkan perkembangan MRSM sebagai institusi pendidikan menengah MARA dalam konteks peningkatan mutu dan kualiti pendidikan menengah. Bab ini juga menilai usaha MARA membajai prospek cerah pelajar yang berpotensi melalui pengenalan program pintar cerdas.

Bab 9: Kesimpulan

Bab ini merupakan penggulungan dan rumusan menyeluruh untuk menyelesaikan permasalahan dan persoalan-persoalan kajian terhadap peranan yang dilaksanakan MARA dalam bidang pendidikan negara dalam tempoh kajian.

BAB 2: PENUBUHAN MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)

2.1 Pengenalan

Bab ini akan memaparkan latar belakang sejarah yang membawa kepada penubuhan Majlis Amanah Rakyat (MARA) pada tahun 1965. Keadaan sosioekonomi orang Melayu yang begitu ketinggalan berbanding kaum asing lain di Tanah Melayu menimbulkan kesedaran pihak kerajaan selepas Perang Dunia Kedua untuk merubah keadaan berkenaan. Justeru, sebuah badan yang khusus untuk berhadapan dengan masalah sedemikian ditubuhkan sebagai jalan penyelesaian utama terhadap soal tersebut. Persoalan yang akan dikupas dalam bab ini ialah mengenai perkembangan sejarah di Tanah Melayu sehingga membawa kepada kelahiran MARA. Bagi membicarakan latar belakang penubuhan MARA, sorotan sejarah perlu dipaparkan untuk memahami asas kepada kewujudan badan pembantu terkemuka kaum Bumiputera berkenaan.

Untuk itu, bab ini akan dimulakan dengan keadaan sosioekonomi masyarakat Melayu sebelum mencapai kemerdekaan. Penjelasan latar sosioekonomi masyarakat Melayu di era kolonial adalah sangat penting untuk memberikan *setting* yang jelas mengapa perlunya orang Melayu dibantu secara intensif untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang seimbang dalam sebuah negara merdeka. Seterusnya, sejarah penubuhan *Rural Industrial Development Authority* (RIDA) akan dijelaskan bagi memahami peranan badan tersebut dalam memperbaiki nasib orang Melayu di era kolonial dan pasca merdeka. Di samping itu, penubuhan Dewan Latihan RIDA juga turut dibincangkan. Bab ini kemudian akan memfokuskan faktor-faktor kegagalan RIDA yang kemudiannya menjurus kepada kelahiran MARA. Sementara itu, struktur organisasi dan fungsi MARA pula akan dijelaskan pada pengakhiran bab.

2.2 Keadaan Sosioekonomi Masyarakat Melayu Sebelum Merdeka

Sejak kejatuhan Melaka ke tangan Portugis pada 1511, Tanah Melayu telah mula didatangi oleh kuasa barat seperti Portugis, Belanda dan British. Pertapakan Inggeris di Tanah Melayu pada akhir abad ke-18 telah membawa perubahan yang besar dari aspek struktur ekonomi masyarakat peribumi. Dasar ekonomi yang diperkenalkan oleh British berbentuk ekonomi moden. Jika sebelum ini, penduduk menjalankan ekonomi tradisional berbentuk sara diri tetapi kini ekonomi Tanah Melayu telah terdedah kepada bentuk perdagangan antarabangsa. Kedatangan British telah mengubah segala amalan ekonomi dan politik masyarakat Melayu sebagai peribumi di tanah air ini.

Pada zaman penjajah, masyarakat peribumi dianggap sebagai golongan yang tidak mahu bekerja dan malas. Malah, mereka dianggap terlalu kecil peranannya dalam kegiatan pembangunan ekonomi. Penjajah British hanya melibatkan golongan bangsawan dalam sistem ekonomi yang diamalkannya. Manakala rakyat biasa telah diletakkan di kawasan petempatan tradisional. Mereka digalakkan untuk meneruskan sistem sara diri yang telah diwarisi secara turun-temurun.¹ Tambahan pula, British telah mengalih pandangan mereka dengan memberi fokus yang penuh kepada pembangunan ekonomi moden. Akibat daripada pembangunan yang berat sebelah ini telah membawa kepada berlakunya pembangunan yang tidak seimbang dari aspek sosioekonomi di Tanah Melayu. Kemajuan ekonomi yang tidak seimbang ini mewujudkan sistem ekonomi duaan.² Sistem ekonomi di zaman tradisional telah digambarkan sebagai:

¹ Firdaus Abdullah, *Kepimpinan Melayu: Satu Rakaman Kewartawanan*, Petaling Jaya: Fajar Bakti, 1985, hlm. 57.

² Ekonomi duaan bermaksud kaedah pengeluaran yang disusun supaya berbentuk dua jenis yang bersifat berlainan dan selari. Kaedah pertama terlibat dengan ekonomi moden dan kaedah kedua terlibat dengan ekonomi tradisi. Sektor moden tersusun dan didasarkan kepada sistem pengeluaran dan pertubuhan barat dipersepadakan dengan baik ke dalam ekonomi dunia dan sistem perniagaan moden serta menjadi maju dengan sewajarnya mengikut peredaran masa. Pada masa yang sama, sistem tradisi tidak tersusun, sungguh terencil sebagai bidang yang tersendiri dan hanya dihubungkan secara tidak langsung dengan dunia luar. Sektor moden berkembang dan membangun menjadi sektor bandar, sektor perdagangan dan industri manakala sektor tradisi tidak bergerak maju malah merosot apabila terdapatnya tekanan daripada sektor moden. Just Faaland, Jack Parkinson dan Rais Saniman, *DEB: Pertumbuhan dan Ketaksamaan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991, hlm. 8.

“Baik di zaman feudal sebelum penjajahan Barat mahupun di zaman kolonial, perekonomian rakyat jelata Melayu terus tertinggal, malah sering pula tertindas, kerana itu tidak salah agaknya keadaan ini digambarkan dengan kiasan ‘kukur apa kepada kukur, nyiur juga yang binasa.’”³

Kesan ekonomi duaan ini telah menyebabkan wujud jurang ekonomi yang amat ketara di antara golongan kaya dan miskin. Orang Melayu lebih banyak bertumpu di kawasan luar bandar selari dengan ekonomi tradisional pertanian mereka yang berkisar di kawasan kampung. Manakala orang Cina pula bertumpu di bandar-bandar yang mengusahakan ekonomi moden. Begitu juga dengan orang India yang bertumpu di ladang-ladang bagi mengusahakan perusahaan getah. Lazimnya, penjajah akan memberi tumpuan kepada kawasan yang mempunyai potensi ekonomi yang tinggi iaitu di bandar-bandar besar yang mengusahakan perlombongan bijih timah.

Kawasan tumpuan ekonomi adalah merupakan lokasi utama bagi pembinaan jalan raya,⁴ jambatan, landasan kereta api⁵ dan pangkalan jeti di pelabuhan. Di samping kemudahan prasarana pengangkutan, kerajaan British juga memperkenalkan kehidupan yang berunsurkan barat. Hampir di setiap bandar yang wujud dilengkapi dengan kehidupan moden. Bangunan-bangunan yang dibina secara konkrit dan berbentuk teres telah diperkenalkan. Bangunan kerajaan, balai polis, penjara, bilik bacaan dan rumah kediaman pegawai kerajaan telah dibangunkan. Bagi meningkatkan taraf hidup penduduk, bekalan elektrik dan air bersih telah mula disalurkan kepada para penduduk.

³ Ibid., hlm. 57.

⁴ Pembinaan jalan raya pada peringkat awal adalah untuk menghubungkan kawasan lombong timah dengan pengkalan-pengkalan di sungai. Dari situ bijih timah akan dibawa ke pelabuhan terdekat. Pada tahun 1902, pembinaan jalan raya telah dipertingkatkan berikutan penggunaan kenderaan bermotor yang semakin penting. Pada tahun 1911, jalan raya dari Seberang Perai ke Melaka telah disiapkan. Pada tahun yang sama juga, jalan raya antara Kuala Lumpur dengan Kuantan telah siap dibina. Ini bermakna, negeri-negeri di pantai barat dapat dihubungkan dengan negeri di pantai timur. Antara tahun 1911 hingga tahun 1928, jalan raya menghubungkan Perlis dengan Singapura juga telah siap dibina. Walau bagaimanapun, tujuan jalan raya ini dibina adalah untuk mempergiatkan ekonomi kapitalis penjajah dan bukan untuk kegunaan penduduk peribumi.

⁵ Landasan kereta api juga memainkan peranan yang penting dalam proses pembangunan ekonomi Tanah Melayu. Di antara landasan kereta api yang mula-mula dibina ialah landasan antara Taiping ke Port Weld (1885), Kuala Lumpur ke Port Swettenham (1889), Seremban ke Port Dickson (1891) serta Ipoh dan Tapah dengan Telok Anson (1896). Pada tahun 1904, semua kawasan perlombongan bijih timah di Perak, Selangor dan Negeri Sembilan mempunyai perkhidmatan kereta api. Rujuk Amarjit Kaur, *Bridge and Barrier: Transport and Communication in Colonial Malaya 1870-1957*, Singapore: Oxford University Press, 1985, hlm. 99. Rujuk juga Chai Hon Chan, *The Development of British Malaya, 1896-1909*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1967, hlm. 56.

Sepanjang era penjajahan, kehidupan masyarakat peribumi di Tanah Melayu secara umumnya bekerja sebagai petani, nelayan dan pengukir. Meskipun pembangunan yang dilakukan oleh pihak penjajah menggugat sedikit sebanyak mata pencarian penduduk, namun mereka masih ingin mempertahankan mata pencarian mereka. Misalnya, pembinaan sistem pengangkutan darat dan kemunculan bandar-bandar baru telah mengakibatkan kegiatan ekonomi tradisi musnah. Sungai yang merupakan pengangkutan utama telah hilang fungsinya ekoran digantikan dengan pengangkutan moden.

Pada abad ke-20, Tanah Melayu telah menunjukkan perkembangan ekonomi yang pesat. Kepesatan ekonomi ini menjurus kepada bidang perlombongan bijih timah dan perladangan getah. Kedua-dua ekonomi moden ini telah berkembang pesat di Tanah Melayu selepas kedatangan penjajah. Namun, peluang untuk melibatkan diri dalam ekonomi ini tidak direbut oleh orang Melayu yang sememangnya lebih selesa untuk menjalankan pertanian sara diri dan perikanan yang merupakan punca ekonomi turun-temurun. Walaupun pada peringkat awal, perlombongan bijih timah ini dimiliki oleh pembesar Melayu seperti Long Jaafar, namun disebabkan masalah tenaga buruh, pembesar Melayu telah membenarkan pengusaha Cina untuk mengusahakannya. Bertitik-tolak dari sini, kemasukan imigran Cina secara beramai-ramai telah berlaku sehingga menyebabkan sektor ini dimonopoli oleh mereka.⁶ Begitu juga halnya dengan sektor perusahaan getah yang dimonopoli oleh kaum India yang didatangkan khas dari India.

⁶ Khazim Tamrin dan Nabir Abdullah, "Imperialisme Barat dan Kesedaran Kebangsaan Masyarakat Tempatan", dalam Wan Abdul Rahman Latif (ed.), *Sejarah Perkembangan Tamadun Dunia*, Kuala Lumpur: DBP, 1996, hlm. 313.

Kemasukan beramai-ramai buruh India dan Cina ini telah membawa perubahan kepada struktur masyarakat di Tanah Melayu. Ia telah melahirkan apa yang dikenali sebagai masyarakat majmuk. Menurut J. S. Furnivall, masyarakat majmuk ialah seperti berikut:

“... in Burma, as in Java, probably the first thing that strikes the visitor in the medley of peoples- European, Chinese, Indian dan native. It is in the strictest sense a medley, for they mix but not combine. Each group holds by its own religion, its own culture and language, its own ideas and ways. As individuals they meet, but only in the market-place, in buying and selling. There is a plural society, with different sections of the community living side by side, but separately, within the same political unit. Even in the economic sphere there is a devision of labour along racial lines.”⁷

Petikan di atas menunjukkan bahawa di Tanah Melayu keadaannya adalah hampir sama dengan Burma dan Jawa. Orang Melayu bekerja sebagai petani dan nelayan serta tinggal di kampung-kampung. Orang Cina tinggal di kawasan bandar dan bergiat dengan aktiviti perlombongan dan perniagaan manakala orang India pula tinggal di ladang-ladang getah dan bekerja sebagai penoreh getah. Mereka tinggal bersama tetapi masing-masing hanya berurusan dalam hal tertentu sahaja. Statistik ekonomi Tanah Melayu sekitar tahun 1940-an jelas menunjukkan kemiskinan ekonomi Melayu dari segi pekerjaan yang mereka lakukan serta pendapatan tahunan mereka.

⁷ J. S. Furnivall, *Colonial Policy and Practice: A Comparative Study of Burma and Netherlands India*, Cambridge: University Press, 1948, hlm. 304.

Jadual 2.1: Taburan Pekerjaan Menurut Kumpulan Etnik 1947

Jenis Pekerjaan	Melayu (%)	Cina (%)	India dan lain-lain	Jumlah
Pertanian	57	30	13	889
- penanaman padi	70	27	3	508
- penanaman getah	39	33	28	381
Perlombongan	14	71	15	39
Pengeluaran dan pembinaan	19	70	11	125
Perkhidmatan	27	48	25	407
Kerajaan	54	11	35	105
Jumlah	44	40	16	1565

Sumber: G. D. Ness, *Bureaucracy and Rural Development in Malaysia: A Study of Complex Organisations in Stimulating Economic Development in New States*, United States, University of California Press, 1967.

Jadual di atas menunjukkan bahawa majoriti penduduk Melayu menceburkan diri dalam bidang pertanian berbanding dengan kaum lain di Malaysia. Dasar dwiekonomi yang diamalkan oleh British telah memisahkan sistem pertanian tradisional bagi orang Melayu dan ekonomi perdagangan bagi pelabur yang terdiri daripada pelbagai bangsa. Malah, orang Melayu juga jauh ketinggalan dalam soal pelajaran. Kepentingan pelajaran masih belum disedari dan tidak dapat dilihat oleh orang Melayu. Mereka masih duduk di bawah kepompong dan berfikiran kolot tentang pendidikan. Apa yang lebih menyedihkan ialah dasar British yang memberi pendidikan yang rendah kepada anak Melayu cukup sekadar mereka dapat menjadi petani dan nelayan yang lebih baik dari ibu bapa mereka.⁸ Ini jelas dibuktikan melalui petikan berikut:

⁸ Dasar pendidikan British di Tanah Melayu disifatkan sebagai dualistik dan juga sebagai dua lapis kerana mengkhaskan pendidikan Inggeris kepada golongan elit manakala pendidikan vernakular kepada orang kebanyakan. Pendidikan Inggeris adalah untuk melatih pekerja kolar putih di peringkat rendah dan pendidikan vernakular pula adalah untuk mengekalkan *status quo* masyarakat kebanyakan. Philip Loh Fook Seng, *Seed of Separatism: Educational Policy in Malaya, 1874-1940*, New York: Oxford University Press, 1975, hlm. 64.

“... tujuan kerajaan bukanlah untuk melahirkan beberapa kerat pemuda Melayu yang terpelajar atau beberapa orang pelajar lelaki yang kurang pelajaran tetapi sebenarnya ialah untuk meninggikan taraf hidup kebanyakan orang iaitu anak seorang nelayan dan petani sebagai nelayan atau petani yang lebih bijak dari bapanya dari segi pelajaran dan melalui pelajaran juga membantu untuk menyesuaikan dirinya dengan keadaan sekitarnya.”⁹

Pendidikan yang diperuntukkan kepada orang Melayu adalah bertumpu dalam bidang pertanian dan perikanan. Pelajaran yang diperoleh adalah cukup untuk membolehkan murid-murid pandai menulis, membaca dan mengira di samping sedikit ilmu tentang kehidupan. Pendidikan yang bermutu adalah pendidikan Inggeris yang kesemuanya diasaskan oleh mubaligh Kristian. Penduduk desa ketika itu berasa amat takut untuk menghantar anak mereka ke sekolah Inggeris kerana bimbang akan terjejasnya akidah agama mereka.¹⁰

Sikap British yang berat sebelah ini amat jelas apabila kelulusan daripada sekolah Melayu tidak mendapat tempat dalam kerajaan dan mengakibatkan ramai anak muda menganggur. Mereka tidak berpeluang untuk menyertai sektor ekonomi dan pentadbiran yang amat terbatas. Peluang yang ada hanyalah untuk jawatan rendah seperti polis, pelayan pejabat dan buruh kerajaan. Pendek kata, pendidikan yang diberikan kepada orang Melayu gagal memberikan apa-apa mobiliti sosial.

Bilangan pelajar Melayu yang mendapat pendidikan Inggeris adalah amat sedikit dan bertumpu kepada golongan bangsawan sahaja. Golongan bangsawan menerima saluran pendidikan khususnya dari Maktab Melayu Kuala Kangsar yang ditubuhkan pada tahun 1905. Maktab ini memainkan peranan utama dalam melahirkan golongan elit Melayu.¹¹ Maktab ini menyediakan para pelajarnya untuk menduduki peperiksaan yang

⁹ Ahmad Boestamam (penterjemah), *Nasionalisme Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2003, hlm. 127.

¹⁰ Ibid., hlm. 64.

¹¹ Philip Loh Fook Seng, *Seed of Separatism: Educational Policy in Malaya, 1874-1940*, hlm. 79.

dikendalikan oleh Lembaga Peperiksaan University Cambridge. Lulusan maktab ini layak untuk menjawat jawatan yang terdapat dalam pentadbiran penjajah. Namun, penerimaan masyarakat Melayu terhadap pendidikan Inggeris adalah amat dingin. Ini dapat dibuktikan melalui jadual di bawah:

Jadual 2.2: Kemasukan Pelajar-pelajar di Sekolah Inggeris dalam Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, 1919-1937

Tahun	Melayu	Jumlah Kemasukan Pelajar	Peratus Pelajar Melayu
1919	758	8456	8.9
1920	934	9208	10.1
1921	1345	10,105	13.3
1922	1612	10,450	15.4
1923	2055	11,594	17.7
1924	2310	12,806	18.0
1925	2556	13,768	18.5
1926	2707	14,509	18.6
1927	2772	16,283	17.0
1928	2794	16,185	17.2
1929	2817	17,113	16.4
1930	2905	17,997	16.4
1932	2605	17,477	15.1
1933	2713	16,417	16.5
1935	2540	16,496	15.4
1937	2558	17,161	14.9

Sumber: Dipetik daripada Philip Loh Fook Seng, *Seed of Separatism: Educational Policy in Malaya 1874-1940*, 1975, hlm. 82.

Jadual di atas menunjukkan perangkaan kemasukan pelajar ke sekolah Inggeris dari tahun 1919 sehingga 1937. Pada tahun 1919, hanya terdapat seramai 8.9% pelajar Melayu di sekolah Inggeris. Namun, telah berlaku peningkatan sedikit demi sedikit hingga membawa kepada jumlahnya mencecah kepada 14.9% pada tahun 1937.

Sambutan yang dingin terhadap sekolah Inggeris telah menjadikan penduduk Melayu bertumpu kepada sistem pendidikan vernakular Melayu sahaja yang secara langsung tidak melayakkan mereka untuk menjawat jawatan yang tinggi.

Secara tidak langsung, keadaan ini mengheret masyarakat Melayu ke kancah kemunduran ekonomi. Timbul perasaan khuatir pada diri mereka terhadap penguasaan ekonomi oleh kaum lain di Tanah Melayu. Orang Melayu sebagai penduduk peribumi mula merasa keadaan mereka amat tergugat. Mereka sedar sekiranya kedudukan mereka dalam politik dan ekonomi adalah lemah, maka keadaan ini boleh menggugat dan menjejaskan kedudukan mereka dan seterusnya akan tewas pada kaum lain. Demi memperbetulkan kepincangan ekonomi yang dihadapi maka Pesuruhjaya Tinggi British telah mencadangkan agar *Rural Industrial and Development Authority* (RIDA) ditubuhkan.

2.3 Penubuhan RIDA

RIDA atau dikenali sebagai Lembaga Kemajuan Kampung dan Perusahaan ditubuhkan ketika negara belum mencapai kemerdekaan iaitu pada bulan Ogos 1950.¹² Penubuhannya adalah hasil usaha dan idea yang dikeluarkan oleh Yang Dipertua *United Malay National Organization* (UMNO) iaitu Dato' Onn bin Jaafar. Selaku Yang Dipertua UMNO, beliau telah melahirkan idea untuk menubuhkan satu badan yang bertujuan memajukan sosioekonomi orang Melayu. Dato' Onn telah dilantik menjadi Yang Dipertua UMNO dari tahun 1946 hingga 1951. Beliau merupakan seorang tokoh

¹² D. E. Fiennes, *Report on Rural Industrial and Development Authority, 1950-1955*, Kuala Lumpur: Government Press, 1957, hlm. 2.

yang tidak pernah jemu dalam memperjuangkan nasib orang Melayu dalam pelbagai aspek.¹³

Kesempitan ekonomi orang Melayu telah mendesak Dato' Onn untuk mencari ruang bagi membantu orang Melayu meningkatkan taraf sosioekonomi mereka. Jalan Dato' Onn terbuka luas apabila British mahu orang Melayu melonggarkan kerakyatan kepada orang bukan Melayu seperti yang dicadangkan oleh *Communities Liaison Committee* (CLC) pada akhir tahun 1950.¹⁴ British menggunakan motto CLC iaitu “Kesamaan dan Keadilan untuk Penduduk Malaya” (*Equality and Justice For the People of Malaya*)¹⁵ sebagai satu alasan untuk menambat semula hati orang bukan Melayu yang tidak berpuas hati terhadap penguasaan politik orang Melayu. Ekoran itu, ramai dalam kalangan orang Cina telah menyertai Parti Komunis Malaya (PKM).

Darurat yang diisytiharkan pada bulan Julai 1948 menjadi semakin sukar untuk diatasi kerana sokongan padu yang diberikan oleh kaum Cina terhadap PKM. PKM juga menjadi kuat kerana sokongan sebilangan kecil golongan kiri Melayu. Bagi mengurangkan pengaruh PKM, British meminta UMNO dan Dato' Onn melonggarkan syarat kerakyatan negeri-negeri Melayu dengan menerima konsep Jus Soli¹⁶ bersyarat bagi anak-anak bukan Melayu yang lahir di negeri tersebut. Dengan kelonggaran itu,

¹³ Dato' Onn dilahirkan pada tahun 1895 di Bukit Gambir, Johor. Beliau merupakan anak kepada Dato' Jaafar iaitu Menteri Besar Johor ketika pemerintahan Sultan Abu Bakar manakala ibunya Hanim Rogayah berketurunan Scarcia. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Persediaan Alderburgh Lodge School Suffolk, England. Beliau juga turut mendapat pendidikan di Maktab Melayu Kuala Kangsar. Selain dari menjadi Yang di Pertua UMNO, beliau juga menjadi Presiden *Independence of Malaya Party* (IMP) pada tahun 1951 dan Presiden Parti Negara pada tahun 1954 sehingga beliau bersara daripada arena politik pada awal 1960-an. Dato' Onn meninggal dunia di Johor pada 20 Januari 1962. Rujuk Ramlah Adam, *Sumbanganmu Dikenang*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002, hlm. 1-3.

¹⁴ CLC adalah satu badan jawatankuasa antara kaum yang ditubuhkan pada 10 Januari 1949 dan dianggotai oleh wakil-wakil daripada pelbagai kaum yang tinggal di Tanah Melayu. Pihak British yang menjadi pendorong kepada CLC telah mendesak layanan sama rata dalam soal kerakyatan diberikan kepada semua kaum. CLC mendesak orang dagang/orang asing dijadikan rakyat Raja Melayu bagi Negeri-negeri Melayu. Rujuk Ramlah Adam, “Ekonomi Masyarakat Melayu, 1951-1955: RIDA Satu Analisis Pembentukan Dasar Ekonomi Melayu Sebelum Merdeka”, dalam *Seminar Wacana Pemikiran Ekonomi Melayu*, 10 Jun 1995, Kuala Lumpur, hlm. 16-17.

¹⁵ Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2004, hlm. 142.

¹⁶ Prinsip Jus Soli telah diperkenalkan dalam Rancangan Malayan Union pada tahun 1946. Prinsip ini memberi kerakyatan secara terus kepada sesiapa yang lahir di Tanah Melayu. Orang bukan Melayu yang lahir sebagai rakyat Raja-raja Melayu secara automatik menjadi warganegara Persekutuan. Perlembagaan Persekutuan menetapkan dua jenis kerakyatan iaitu berdasarkan kuatkuasa undang-undang dan permohonan. Dengan pemberian kerakyatan ini, berakhirlah Tanah Melayu sebagai milik tunggal orang Melayu dan bermulalah perkongsian negara bersama dengan bangsa lain. Sila rujuk Mohd. Isa Othman, *Sejarah Malaysia (1800-1963)*, Kuala Lumpur: Utusan Publications, 2002, hlm. 297.

British berharap sokongan orang Cina dan orang Melayu kepada PKM dapat dikurangkan.¹⁷ Dengan kelonggaran syarat kerakyatan, British berharap PKM dapat dilemahkan dan kestabilan politik dapat dipulihkan semula.

Dato' Onn melihat keadaan ini sebagai peluang keemasan untuk mendesak British memberi bantuan ekonomi dan sosial kepada orang Melayu. Menurutnya, UMNO tidak akan bersetuju dengan cadangan CLC selagi kerajaan British tidak memberi jaminan bertulis terhadap bantuan ekonomi dan sosial orang Melayu.¹⁸ British akhirnya bersetuju dan merasakan kerjasama antara orang Melayu dan bukan Melayu adalah amat penting demi menentang pengaruh golongan kiri khususnya PKM.¹⁹ CLC mencapai satu formula dalam membantu memperbaiki kedudukan orang Melayu yang merangkumi perkara berikut iaitu:

- a) Kerajaan harus menyediakan subsidi kepada perniagaan orang Melayu dan menubuhkan sekolah perdagangan untuk melatih orang Melayu dengan kemahiran ekonomi.
- b) Sektor pengangkutan harus dibuka kepada orang Melayu.
- c) Peluang pendidikan dan pekerjaan kepada orang Melayu harus diberi keutamaan.
- d) Peniaga dan majikan bukan Melayu harus meningkatkan penyertaan orang Melayu dalam semua sektor ekonomi seperti perlombongan timah, industri getah dan perniagaan runcit.²⁰

¹⁷ Ibid., hlm. 299.

¹⁸ D. E. M. Fiennes, *Report on Rural Industrial and Development Authority 1950-1955*, hlm. 218.

¹⁹ Selain pihak British, golongan elit Melayu juga menyokong penubuhan RIDA. Misalnya, Raja Muda Selangor yang merasmikan mesyuarat Pemuda UMNO di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur pada Julai 1950 menggesa para belia Melayu untuk menyokong RIDA. *The Straits Times*, "RIDA Will Benefit All Malays", 31 Julai 1950, hlm. 4.

²⁰ Ong Hak Ching, *Chinese Politics in Malaya, 1942-1955: The Dynamics of British Policy*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2000, hlm. 154-155.

Oleh yang demikian, hasil permuafakatan CLC telah melahirkan *Rural Industrial Development Authority* (RIDA). Dalam mesyuarat CLC di Kuala Lumpur pada bulan Oktober 1950, Henry Gurney mengisytiharkan penubuhan RIDA. RIDA akan ditubuhkan pada bulan November 1950 bagi tujuan membantu kemunduran ekonomi dan kemiskinan orang Melayu luar bandar. RIDA diharapkan oleh British akan menjadi alat pembangunan orang Melayu.²¹ Menurut Charles Gamba dan Ungku Aziz:

“RIDA intends to help all ethnic, but its main task will be to raise the standards of living of the rural population comprising most of Malay small-holder but aiding them to improve their methods of production. This will include the introduction of suitable fertilizer and heavy machinery; a number of tractors have already been put in use. Cooperative and credits consumers shops will set up in the later the villager will be able to clear his debt in produce a part of the crop.”²²

Manakala D. E. M. Fiennes menyatakan:

“RIDA’s general objective was to stimulate the development of the rural areas, and in particular those are occupied by Malay small farmers. It was hoped that the economic level of these country areas would thereby be raised, so that their people would lose their mistrust of other races and be more readily integrated into a united Malayan nation.”²³

Oleh yang demikian, RIDA yang ditubuhkan pada bulan Ogos 1950 bagi tujuan membantu kemunduran ekonomi dan kemiskinan orang Melayu luar bandar dijadikan sebagai aspirasi untuk membangunkan orang Melayu.²⁴ Pada masa yang sama, Dato’ Onn menggalas tanggungjawab sebagai Pengerusi RIDA.²⁵

²¹ Ramlah Adam, *Dato’ Onn Ja’afar: Pengasas Kemerdekaan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994, hlm. 219.

²² Charles Gamba dan Ungku Aziz, *RIDA and Malayan Economic Development*, United States, University of California, 1951, hlm. 173.

²³ D. E. M. Fiennes, *Report on Rural Industrial and Development Authority, 1950-1955*, hlm. 2.

²⁴ Menurut Hung-Chuan Chan, bantuan teknikal dan kewangan daripada kerajaan dan agensi-agensi lain diberikan untuk menggalakkan inisiatif, *self-help* dan *mutual help* serta membolehkan masyarakat berjalan dengan lebih efektif. Hung-Chuan Chan, “Mobilization of Human Resources Through Community Development”, *Ekonomi (Journal of the Economics Society University of Malaya)*, Volume VII, December, 1966, hlm. 40.

²⁵ Ramlah Adam, *Dato’ Onn Jaafar: Pengasas Kemerdekaan*, hlm. 219. Rujuk juga Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, hlm. 143.

RIDA diawasi oleh satu lembaga yang dikenali sebagai Lembaga RIDA.²⁶ Lembaga ini diketuai oleh seorang Pengerusi iaitu Dato' Onn, Timbalan Pengerusi iaitu Dato' Zainal Abidin Abbas, 11 ahli yang mewakili tiap-tiap negeri dan tidak lebih 12 orang ahli yang dilantik daripada mereka yang mempunyai pengetahuan khas dalam lapangan perusahaan, pertanian, kewangan dan kelayakan lain.²⁷ Lembaga ini berfungsi membuat keputusan utama RIDA. Di bawah Lembaga pula terdapat 12 Jawatankuasa Kecil yang bertugas menyaring projek-projek RIDA. Jawatankuasa kecil ditubuhkan khusus bagi mengendalikan soal-soal pembangunan luar bandar seperti hal ehwal berkaitan padi, getah, perikanan, kelapa kering, kraftangan, sayuran, kemajuan tanah, latihan dan pelajaran, kebajikan, perhubungan dan kerja raya dan kelengkapan teknikal.²⁸

Oleh sebab RIDA ditubuhkan tanpa perancangan yang rapi, Dato' Onn sebagai pengerusi terpaksa mencari panduan dari luar negeri untuk merangka struktur dan bidang kuasa RIDA. Dua bulan sebelum penubuhan, beliau telah menghadiri *South East Asia Economic Talk* di England. Persidangan ini diadakan oleh British bagi membincangkan soal-soal ekonomi Asia Tenggara. Ia berlangsung selama beberapa hari dan telah dihadiri oleh beberapa buah negara Asia Tenggara.²⁹ Dengan kehadirannya itu, Dato' Onn bukan sahaja dapat meluaskan pergaulan dan pengetahuannya tetapi yang lebih penting ialah mendapat panduan berguna untuk menjalankan RIDA terutama dalam menjalankan projek pembinaan rumah murah untuk menempatkan orang Melayu dalam rancangan RIDA.³⁰

²⁶ D. E. M. Fiennes, *Report on Rural Industrial and Development Authority, 1950-1955*, hlm. 3.

²⁷ Penyata Tahunan Lembaga Kampung dan Perusahaan Persekutuan Tanah Melayu, *Penyata Tahunan 1959*, hlm. 8.

²⁸ *Minutes and Council Papers of Legislative Council*, 25/4/51, hlm. 14.

²⁹ Rujuk *Straits Times*, 9 Oktober 1950.

³⁰ B. A. Phg. 4/54. R. I. D. A. Development Plans, 1955-1959. RIDA memberikan bantuan dalam bentuk kemudahan jalan raya, bekalan air dan perparitan kepada kampung dan petempatan yang terlibat dalam skim rancangan RIDA. Misalnya di Pahang, rancangan pihak RIDA adalah untuk melibatkan beberapa buah kampung dalam agenda pembangunannya iaitu Paya Luas, Kuala Sentul, Ulu Gali, Gaung (Pekan), empat kawasan potensi di kawasan Temerloh Loop, satu di Cameron Highlands, Manchi's dan Pelangi di Daerah Bentong dan lima kawasan berpotensi di Ulu Tembeling. Lihat RIDA Development Plans. Improvement of Kampongs and Developing Model Kampongs.

Pada bulan Mei 1951, Dato' Onn sekali lagi telah pergi ke Ceylon selama seminggu untuk meninjau kegiatan ekonomi luar bandar Ceylon. Ceylon yang telah merdeka pada tahun 1948 telah membuat rancangan pembangunan, industri luar bandar, syarikat kerjasama, pembangunan kampung dan pemulihan tanah dengan berjaya sekali.³¹ Segala contoh pembangunan Ceylon telah dijadikan sebagai landasan untuk mengadakan projek di bawah RIDA. Pada bulan September 1953, Dato' Onn telah mendesak kerajaan British supaya menaikkan taraf RIDA menjadi sebuah badan berkanun. Dengan ini, Ordinan Lembaga Kemajuan Kampung dan Luar Bandar telah dikanunkan pada 1953 dan mula berkuatkuasa pada Januari 1954. Ini bermakna kuasa yang diberikan kepada RIDA adalah menjurus kepada membangunkan sosioekonomi masyarakat khususnya di kawasan luar bandar.³²

Dengan penguatkuasaan undang-undang ini akan membolehkan RIDA bebas bergerak aktif serta merancang program pembangunan dan juga menguruskan masalah kewangan seperti mendapat pinjaman luar dan membuat pelaburan.³³ Undang-undang ini juga membolehkan penubuhan satu *Rural Industrial Development Fund* yang akan mendapat sumber kewangan dari kerajaan, iaitu daripada Peruntukan Tahunan Persekutuan.³⁴ Menurut laporan D. E. M. Fiennes:

“RIDA has both a capital fund, which must be conserved, and an annual grant (\$ 4 million) from the federation government. RIDA may draw from the Treasury up to \$10 million for its capital fund, in addition apparently to \$1,938,135 drawn prior to incorporation. At end 1955 RIDA had drawn \$6.6 million of the \$10 million authorized, of which \$2 million was in banks on fixed deposit, and \$1 million was held in cash.”³⁵

³¹ Rujuk *Straits Times*, 14 Mei 1951.

³² D. E. M. Fiennes, *Report on Rural and Industrial Development Authority, 1950-1955*, hlm. 2-3.

³³ *Rida Annual Report, 1954*, hlm. 2-3.

³⁴ Federation of Malaya, *Proceeding of Federal Legislative Council, March 1953 to January 1954*. “The Rural and Industrial Development Authority Bill 1953”, September 1953, hlm. 717.

³⁵ D. E. M. Fiennes, *Report on Rural and Industrial Development Authority, 1950-1955*, hlm. 9-10.

Secara umumnya, aktiviti utama RIDA dapat dibahagikan kepada tiga aktiviti iaitu perusahaan, pinjaman dan latihan. Antara bidang perusahaan yang dijalankan ialah memajukan sistem pertanian, perikanan, ternakan binatang, perusahaan kecil, pembinaan sistem perhubungan,³⁶ kemudahan awam, latihan kepimpinan dan kemahiran serta biasiswa.³⁷ Misalnya dalam bidang pertanian, RIDA cuba untuk mengubah dasar pertanian sara diri tradisional orang Melayu kepada dasar ekonomi moden yang lebih mengutamakan keuntungan. Melalui projek-projeknya, RIDA cuba memoden dan memajukan pertanian padi yang menjadi tanaman tradisional orang Melayu. Penggunaan jentera moden seperti traktor bagi membajak sawah-sawah di Kelantan, Selangor, Pahang dan Perak diharapkan dapat memudahkan kerja penanaman.³⁸ Dengan menggunakan traktor untuk membajak ini akan mengurangkan kos perbelanjaan pengurusan pertanian tersebut dan kerja pertanian akan menjadi lebih cepat dan hasil pengeluaran juga akan menjadi bertambah banyak berbanding dengan penggunaan alat tradisional dan penggunaan tangan seperti sebelumnya.³⁹

Antara usaha lain yang telah dilakukan oleh RIDA untuk memperbaiki aktiviti pertanian ini adalah dengan memperelokkan sistem pengairan dalam aktiviti pertanian. Ia membolehkan para petani mengusahakan kegiatan pertanian dalam tempoh yang paling minimum. Dengan sumber air yang banyak juga akan membolehkan para petani menjalankan kegiatan penanaman padi dalam masa dua kali setahun. Sebagai contoh, sistem pengairan yang telah dibangunkan oleh RIDA di Kelantan seperti di Sungai Tekka Dua pada tahun 1953.⁴⁰

³⁶ Pada peringkat awal perkembangan RIDA, penambahbaikan sistem perhubungan luar bandar mendapat perhatian yang sangat penting oleh Dato' Onn. Lihat B. A. Sel: penggunaan singkatan B. A. Sel. 44/1952, Malay Markets and Bridle Paths in the Kampongs. RIDA 124/50, Surat Onn bin Jaafar kepada Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan Tanah Melayu, 11 Mac 1952.

³⁷ Ramlah Adam, *Dato' Onn Jaafar: Pengasas Kemerdekaan*, hlm. 228.

³⁸ *RIDA Progress Report*, 1st July 1952 to December 1952, No.35 31/12/53, hlm. 1-48 dan *RIDA Report Up to December 1952*, No. 45, hlm. 1-46.

³⁹ Rural and Industrial Development Authority, *Annual Report on Rural and Industrial Development Authority 1957*, hlm. 19.

⁴⁰ Rural and Industrial Development Authority, *Annual Report on Rural and Industrial Development Authority 1954*, hlm. 8.

Selain itu, aktiviti pertanian getah juga adalah satu aktiviti pertanian yang penting pada masa itu. Di sini, RIDA juga turut menggalakkan kegiatan ekonomi penanaman getah dalam kalangan masyarakat luar bandar di Tanah Melayu pada masa itu.⁴¹ RIDA berperanan memberi bantuan kepada pengusaha-pengusaha tanaman getah dengan memberi bantuan benih getah yang lebih baik yang kemudiannya akan melipatgandakan hasil getah itu. RIDA juga turut memberi pinjaman kepada syarikat-syarikat kerjasama yang mengusahakan kegiatan ini. Ekoran itu, wujudnya sebuah kilang getah di Johor iaitu kilang getah Grisek di Muar yang telah dibina pada 17 Februari 1953 di daerah Muar.⁴² Pembinaan kilang ini juga telah memakan belanja sebanyak \$323,000.⁴³

Penubuhan kilang getah ini dapat membantu pekebun-pekebun kecil getah dalam memasarkan hasil pertanian mereka tanpa memerlukan khidmat nasihat dari orang tengah.⁴⁴ Secara tidak langsung, ia dapat membantu mereka dalam meraih lebih keuntungan.⁴⁵ Misalnya, hasil pendapatan keseluruhan yang diterima oleh pekebun kecil telah mencecah sebanyak \$200,000 secara keseluruhannya.⁴⁶

Dalam bidang perikanan pula, RIDA cuba memperbaiki taraf hidup nelayan dengan memperbaiki sistem penangkapan ikan, memberi bantuan modal serta membeli perahu dan alat menangkap ikan. Pada tahun 1952, negeri Kelantan menerima peruntukan sebanyak \$29,000 manakala Terengganu menerima peruntukan sebanyak

⁴¹ Pembangunan luar bandar mendapat keutamaan daripada pihak Kerajaan Persekutuan. Kerajaan mahu mewujudkan kebanggaan kepada komuniti luar bandar atas kewujudan keadaan yang ekonomik dalam kehidupan petani dan kegiatan pertanian. Ia juga untuk memastikan setiap pengusaha tanah mendapat imbalan setimpal di atas titik peluh mereka serta menikmati taraf hidup yang setara dengan penduduk di bandar. MRD (T) O. 189, Ministry of Rural Development, RIDA Organisation. Confidential, Ministry of Rural Development, Directive No. 1.

⁴² Rural and Industrial Development Authority, *Annual Report on Rural and Industrial Development Authority 1954*, hlm. 9.

⁴³ D. E. M. Fiennes, *Penyata di Atas Lembaga Kemajuan Kampung dan Perusahaan, 1950-1955*, hlm. 24.

⁴⁴ Rural and Industrial Development Authority, *Annual Report on Rural Industrial and Development Authority 1955*, hlm. 5.

⁴⁵ Fail Pejabat Tanah Jajahan (C. O.) 1022/253. The Aims and Structure of the Rural Industrial Development Authority in Malaya, Federal Government Press Statement, hlm. 42.

⁴⁶ D. E. M. Fiennes, *Penyata di Atas Lembaga Kemajuan Kampung dan Perusahaan, 1950-1955*, hlm. 25.

\$29,240 dan di Selangor sebanyak \$20,000.⁴⁷ RIDA juga membantu dalam membina stor air batu untuk penyimpanan ikan dan menubuhkan satu pusat pembinaan kapal di Terengganu. Pinjaman kecil kepada orang perseorangan juga diberikan misalnya di negeri Melaka di mana pinjaman diberikan bagi tujuan membela ikan air tawar.⁴⁸

Selain itu, RIDA juga memperkenalkan pelbagai teknik terbaru kepada para nelayan dalam aktiviti menangkap ikan pada masa itu. Melalui pengenalan teknik-teknik terbaru, RIDA berharap hasil tangkapan golongan nelayan pada masa itu akan bertambah. RIDA juga memberi bantuan kewangan kepada syarikat kerjasama yang terlibat dalam aktiviti perikanan untuk membeli peralatan seperti perahu, enjin dan lain-lain.⁴⁹ Penggunaan enjin diesel merupakan salah satu langkah penting untuk menggalakkan kegiatan ekonomi perikanan pada masa itu. Penggunaan enjin yang dipasang pada perahu atau motobot para nelayan akan memberi banyak kemudahan kepada para nelayan untuk menjalankan aktiviti penangkapan ikan di laut.⁵⁰

Di samping itu, RIDA juga turut memperkenalkan dua teknik penangkapan ikan di persisiran dua buah negeri di pantai timur iaitu di negeri Kelantan dan Terengganu. Teknik yang diperkenalkan ialah teknik penangkapan ikan “Che Siti” dan “Anak Bilis”. Dua kaedah yang diperkenalkan ini merupakan satu kaedah percubaan yang dilakukan di kedua-dua buah negeri terbabit. Kedua-dua teknik baru yang diperkenalkan ini telah menemui kejayaan apabila dilihat hasil tangkapan ikan yang diperoleh oleh kedua-dua buah negeri di pantai timur terbabit telah meningkat berbanding sebelumnya.⁵¹

⁴⁷ RIDA Report from July 1952 to 31 December 1952, *Minutes and Council Papers of Federal Legislative Councils (South Session) March 1953 to January 1954*, 6/5/53, hlm. 58-80.

⁴⁸ *RIDA Progress Report to end of 1951*, No. 24/52, *Minutes and Council Papers of Federal Legislative Council (Fifth Session), March 1953 to February 1955*, 9/3/52, hlm. 38-52.

⁴⁹ Rural and Industrial Development Authority, *Annual Report on Rural Industrial and Development Authority 1954*, hlm. 10-11.

⁵⁰ D. E. M. Fiennes, *Penyata di Atas Lembaga Kemajuan Kampung dan Perusahaan, 1950-1955*, hlm. 24.

⁵¹ Rural Industrial and Development Authority, *Annual Report of Rural Industrial and Development Authority, 1954*, hlm. 10-11.

Peningkatan ini juga disebabkan oleh peruntukan pinjaman yang dikeluarkan oleh RIDA pada tahun 1957 iaitu sebanyak \$99,702.⁵²

Selain memberi tumpuan dalam bidang perikanan, RIDA juga memberi tumpuan pada bidang penternakan seperti ternakan ayam, lembu, kambing, itik, kerbau, burung, ikan dan sebagainya. RIDA menggunakan teknik bantuan yang sama iaitu dengan membekalkan baka yang baik dan juga pinjaman bagi pengusaha penternakan. Misalnya dengan memperkenalkan sistem “pawah”⁵³ yang telah diperkenalkan di negeri pantai barat oleh jabatan haiwan pada masa itu. RIDA juga memainkan peranan dengan memberi pinjaman kepada orang-orang Melayu khususnya di kawasan luar bandar. Pinjaman yang disediakan oleh RIDA adalah pinjaman dengan kadar faedah yang tidak terlalu tinggi. Namun, kadar ini akan berubah dari semasa ke semasa. Misalnya dalam laporan tahunan RIDA 1954 dan 1955 dinyatakan bahawa kadar faedah yang ditetapkan ialah sebanyak 5% dan mereka dikehendaki menjelaskan bayaran tersebut dalam tempoh 12 bulan.⁵⁴

Manakala pinjaman yang dibuat atas nama syarikat kerjasama pula dikenakan kadar faedah yang berbeza iaitu sebanyak 6% daripada jumlah pinjaman. Selain itu, mana-mana individu yang membuat pinjaman dan gagal menjelaskan bayaran balik dalam tempoh yang ditetapkan akan dikenakan denda dan perlu membayar balik dengan kadar faedah yang tinggi iaitu sebanyak 7%.⁵⁵ RIDA akan meluluskan pinjaman seseorang berdasarkan pembentangan kertas kerja yang dilakukan oleh seseorang individu. Pegawai yang terlibat dalam urusan pemberian pinjaman akan menilai terlebih dahulu projek yang ingin dijalankan. Sebagai contoh, sesuatu projek yang lebih kecil

⁵² Rural Industrial and Development Authority, *Annual Report of Rural Industrial and Development Authority*, 1957, hlm. 16.

⁵³ Melalui sistem pawah, seorang penternak akan diberikan kerbau, lembu, kambing atau sebagainya oleh pemilik binatang ternakan tersebut untuk dijaga. Haiwan yang dijaga itu akan dibiarkan membiak dan hasil pembiakan pertama yang dihasilkan daripada haiwan ternakan terbabit akan diberikan kepada tuan punya haiwan terbabit. Manakala hasil pembiakan yang dihasilkan pada kali kedua barulah akan diberikan kepada penternak yang bertanggungjawab menjaga haiwan.

⁵⁴ Rural Industrial Development Authority, *Annual Report of the Rural Industrial Development Authority 1954*, hlm. 4.

⁵⁵ Ibid.

akan diberikan pinjaman sebanyak \$2500 manakala projek yang lebih besar akan diberi pinjaman lebih \$2500.⁵⁶

Jadual 2.3: Pinjaman yang Diberikan oleh RIDA, 1951-1964

Tahun	Bilangan	Jumlah
1951	18	\$ 354,954.00
1952	87	\$ 271,027.00
1953	286	\$ 2,376,934.71
1954	749	\$ 2,520,657.38
1955	622	\$ 1,231,521.12
1956	692	\$ 280,197.00
1957	595	\$ 1,856,709.00
1958	379	\$ 1,412,622.00
1959	412	\$ 729,672.00
1960	612	\$ 873,617.07
1961	1,054	\$ 1,784,219.93
1962	1,204	\$ 4,443,632.65
1963	699	\$ 3,337,425.97
1964	819	\$ 3,010,101.60
Jumlah	8,258	\$26,779,390.28 ⁵⁷

Sumber: *Parliamentary Debate*: Oktober 1964 hingga Disember 1964, Volume 1, No. 19, hlm. 26-40.

Berdasarkan Jadual 2.3, dari tahun 1951 hingga Oktober 1964, sejumlah 8,258 pinjaman telah dikeluarkan yang bernilai sebanyak \$26,779,390.28. Perbelanjaan yang dikeluarkan ini tidak cukup untuk membantu rakyat di luar bandar. Mengenai pembayaran balik pinjaman, sehingga tahun 1959, RIDA berjaya mengutip semula wang pinjaman berjumlah \$10,965,970. Keupayaan RIDA mengutip semula wang pinjaman ini telah mendapat pujian daripada *International Monetary Fund* (IMF) yang melawat Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1959.⁵⁸

⁵⁶ Ibid, hlm. 4.

⁵⁷ Sehingga akhir bulan Oktober 1964 sahaja.

⁵⁸ *Laporan Tahunan RIDA*, 1959, hlm. 17.

RIDA juga berfungsi dalam memberi pendidikan dan latihan kepada orang kampung supaya mereka lebih terdedah dengan ilmu yang bermanfaat.⁵⁹ Kebanyakan penduduk Melayu luar bandar ketika itu masih di tahap pendidikan masih rendah. Keadaan ini menyulitkan mereka untuk menceburkan diri dalam sektor pekerjaan yang lebih baik. Oleh itu, RIDA telah mewujudkan Bahagian Latihan RIDA yang bertugas menyusun bentuk-bentuk latihan agar sesuai dengan rancangan kemajuan orang Melayu. Antara pusat latihan anjuran RIDA ialah Taman Asuhan RIDA, Kuala Lumpur,⁶⁰ Medan Anyaman RIDA di Rusila, Terengganu,⁶¹ Dewan Latihan RIDA di Petaling Jaya,⁶² Bagan Latehan RIDA, Kuala Terengganu,⁶³ Sekolah Jentera Berladang di Ipoh, Perak⁶⁴ dan Pusat Latihan Pengurus Ladang Getah.⁶⁵

Jadual 2.4: Pelatih di Taman Asuhan RIDA Sehingga Tahun 1959

Tahun Negeri	1956	1957	1958	1959	1960
Johor	41	72	20	9	142
Kedah	34	69	15	20	138
Kelantan	44	80	21	14	159
Melaka	25	49	12	11	97
Negeri Sembilan	42	86	22	14	164
Pahang	43	78	20	7	148

⁵⁹ Penekanan terhadap aspek latihan merupakan antara agenda terpenting RIDA. Pada tahun 1953, Timbalan Pengerusi RIDA, Dato Zainal Abidin bin Haji Abbas melawat Australia, Jepun, Filipina dan Thailand di bawah tajaan *International Labour Organisation* bagi melihat kaedah latihan yang baik untuk dilaksanakan RIDA. C. O. 1022/254, The Rural Industrial & Development Authority in Malaya, Rural and Industrial Development Authority Progress Report to 30th June, 1953, hlm. 3.

⁶⁰ Taman Asuhan RIDA menjalankan kursus kemahiran bagi menjana pendapatan tambahan keluarga. Antara kemahiran yang dipelajari ialah menjahit, memasak, menyulam, mengemas rumah, menjaga anak kecil, berkebun dan juga pengetahuan agama. Rujuk *Rural and Industrial Development Authority Federation of Malaya, Annual Report 1958*, hlm. 17-18.

⁶¹ Medan Anyaman RIDA diwujudkan di Rusila, Kuala Terengganu. Pusat ini mengajar cara-cara menganyam daun mengkuang dan daun pandan kepada wanita bagi meningkatkan pendapatan mereka. *Parliamentary Debates*, Dewan Rakyat, Volume II, No.1, 26/5/1965, Cetakan Kerajaan, 1966, hlm.435.

⁶² Dewan Latihan RIDA ditubuhkan pada tahun 1956. Dewan ini melatih anak-anak Bumiputera dalam bidang perdagangan dan perindustrian. Minute Paper No. M. R. D. (D), *RIDA Bulletin Monthly*, Bil 137, 1/6/63-30/6/63. Rujuk juga *Rural and Industrial Development Authority Federation of Malaya, Annual Report 1958*, hlm. 18-19.

⁶³ Bagan Latehan RIDA diwujudkan di Kuala Terengganu. Ia bertujuan untuk memberi latihan pertukangan kayu dan besi kepada penduduk tempatan. Ia juga mengkhusus kepada industri pembuatan rotan. Rujuk *Rural and Industrial Development Authority Federation of Malaya, Annual Report 1958*, hlm. 20.

⁶⁴ Sekolah Jentera Berladang diwujudkan di Ipoh, Perak. Ia merupakan pusat latihan pertama yang diwujudkan oleh RIDA. Sekolah ini memberi latihan tentang cara penggunaan traktor bagi petani yang ingin memajukan pertanian mereka. Rujuk *Rural and Industrial Development Authority Federation of Malaya, Annual Report 1958*, hlm. 20.

⁶⁵ Pusat Latihan Pengurus Ladang Getah ini diadakan di *Rubber Research Institute* di Kuala Lumpur pada tahun 1954 dan juga di kilang getah Grisek, Johor. Ia memberi latihan praktikal tentang pengurusan ladang getah kepada pelatih yang terlibat. Rujuk *Rural and Industrial Development Authority Federation of Malaya, Annual Report 1958*, hlm. 21.

Jadual 2.4, sambungan

Tahun Negeri	1956	1957	1958	1959	1960
Pulau Pinang	21	38	10	16	85
Perak	41	80	20	24	165
Perlis	21	39	8	8	76
Selangor	39	79	21	9	148
Terengganu	40	79	10	11	142
Jumlah	393	749	179	143	1,464

Sumber: *Parliamentary Debates*, Volume 1, No. 3, 25/11/1959, hlm. 85.

Berdasarkan Jadual 2.4, Taman asuhan RIDA telah memainkan peranan penting untuk melatih gadis-gadis Melayu dalam soal ekonomi rumah tangga. Dari tahun 1956 hingga 1959, seramai 1,464 pelatih telah diberi latihan oleh Taman Asuhan RIDA. Pada tahun 1963 pula seramai 244 guru kelas dewasa⁶⁶ telah dilatih di pusat tersebut dan pada tahun 1964, seramai 740 orang pelatih dari kawasan luar bandar telah diberi kursus ekonomi rumah tangga.⁶⁷ Lulusan Taman Asuhan ini akan menjadi guru ekonomi rumah tangga di kelas dewasa yang akan diselenggarakan oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

2.4 Penubuhan Dewan Latihan RIDA

Ekoran penubuhan RIDA pada tahun 1956, RIDA telah memikirkan suatu agenda penting dalam meningkatkan taraf hidup masyarakat iaitu melalui pendidikan. Bahagian Latihan telah diwujudkan dan diketuai oleh pengetuanya yang pertama iaitu Tuan Syed Alwi bin Sheikh Alhadi.⁶⁸ Di bawah unit ini, lahirnya Taman Asuhan RIDA⁶⁹ dan

⁶⁶ *Parliamentary Debates, Dewan Rakyat*, Volume 1, No. 20, 20/5/64, Cetakan Kerajaan, 1965, hlm. 329.

⁶⁷ *Parliamentary Debates, Dewan Rakyat*, Volume 1, No. 11, Cetakan Kerajaan, 1965, hlm. 2330.

⁶⁸ Tuan Syed Alwi bin Sheikh Alhadi merupakan Pengetua pertama Dewan Latihan RIDA iaitu dari November 1956 hingga Jun 1958. Beliau dikenali sebagai a *man of many parts* yang bukan sahaja terlibat dalam pendidikan tetapi juga berkhidmat dengan

Dewan Latihan RIDA. Dewan Latihan RIDA diwujudkan di Jalan Othman, Petaling Jaya pada 14 Februari 1956.⁷⁰ Allahyarham Tun Dr Ismail bin Abdul Rahman selaku Menteri Perdagangan dan Perindustrian telah merasmikan Dewan Latihan RIDA. Dalam ucapan perasmian, beliau telah menegaskan bahawa Dewan Latihan RIDA yang baru ini mempunyai kelebihan dalam menawarkan kursus yang belum lagi ditawarkan oleh mana-mana institusi di Malaysia. Matlamat utama Dewan ini adalah untuk melatih Bumiputera bagi meningkatkan taraf sosioekonomi mereka.⁷¹

Dewan Latihan RIDA juga memainkan peranan penting dalam memberi pengetahuan asas tentang bidang yang berkaitan dengan perdagangan antaranya *typewriting, book-keeping, accounting, costing, economics, commercial law, finance* dan *banking*:

“The Dewan Latihan RIDA at Petaling Jaya is a residential centre of training in commercial subjects for young Malays wishing to enter commerce and industry as a career. The courses at Dewan Latihan RIDA are primarily designed to train Malays to develop an understanding of the elements of business and commercial practice and to give them a sound foundation in the management of the commercial enterprise. The subjects taught at the Dewan include typewriting, book-keeping, accounting, elements of commerce, costing, economics, commercial law, finance and banking. In general, the level of studies is sufficiently high to permit students, at the end of the course, to sit for L.C.C. examinations at both the Intermediate and Higher Stages. During the year 1958, the total number of students enrolled at the Dewan was 33.”⁷²

Tentera British ketika Perang Dunia Pertama. Beliau juga pernah bertugas dalam menerbitkan akhbar *Lembaga Malaya* dan selain berkhidmat sebagai Pegawai Perhubungan UMNO dari tahun 1947 hingga 1951. Selepas meninggalkan Dewan Latihan RIDA, beliau telah berkhidmat sebagai Profesor Madya dan juga Ketua Jabatan Bahasa di Ngee Ann College Singapura dari tahun 1963 hingga 1964. Beliau meninggal dunia pada tahun 1970 ketika usia beliau menjangkau 77 tahun. Rujuk Rokiah Talib, *Documenting A Destiny: History of Universiti Teknologi MARA, 1966-2006*, 2006, hlm. 49.

⁶⁹ Taman Asuhan RIDA terletak di Taman Lornie Kuala Lumpur telah dibuka pada hari yang sama dengan Dewan Latihan RIDA pada 14 Februari 1957. Ia dibina dengan harga \$280,000 dan mampu mengambil kemasukan murid seramai 80 orang. Taman asuhan ini menawarkan kursus rumah tangga bagi kaum wanita meningkatkan produktiviti mereka di rumah. Antara kursus yang ditawarkan ialah masakan, menjahit, menjaga anak, berkebun, mengait baju, menjahit manik dan sebagainya. Rujuk *Laporan Tahunan MARA 1957*, hlm. 7-12.

⁷⁰ *Warta Institut Teknologi MARA*, Amanat-Amanat Penting di Konvokesyen ITM, Oktober 1979, bil 38, hlm.1. Rujuk juga Majlis Pengkisahan Sejarah UiTM, 17 Julai 2001 di dewan Sri Budiman UiTM anjuran bersama dengan Arkib Negara Malaysia, hlm. 9.

⁷¹ Pamphlet: Catatan Sejarah Institut Teknologi MARA, April 1998, Bahagian Perancang Korporat MARA, hlm. 28.

⁷² Rural and Industrial Development Authority Federation of Malaya, *Annual Report 1958*, hlm. 18-19.

Moto yang digunakan oleh Dewan Latihan RIDA ialah “Rebut Ilmu dan Amalkan” yang direka dari akronim RIDA itu sendiri. Selaras dengan moto ini, Dewan Latihan telah memperkenalkan pelbagai kursus yang mendedahkan pengetahuan baru kepada orang Melayu. Pada peringkat awal, kursus-kursus yang ditawarkan adalah merangkumi empat jenis iaitu:

- a) Kursus dua tahun untuk persediaan bagi *London Chamber of Commerce Higher Examination*.
- b) Kursus setahun untuk *London Chamber of Commerce Intermediate Examination*.
- c) Kursus 18 hari untuk peniaga-peniaga kecil.
- d) Kursus dua bulan untuk *Coir Making* (kursus ini telah ditamatkan pada bulan Mei 1957).⁷³

Tumpuan yang diberi oleh Dewan Latihan RIDA adalah kepada kursus *London Chamber of Commerce* (LCC) yang dijalankan hingga tahun 1960. Objektif utama kursus ini adalah untuk memberi peluang kepada Bumiputera yang telah mendapat pendidikan Inggeris tetapi tidak mempunyai peluang untuk meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Melalui kursus ini, diharapkan hasrat mereka untuk menceburkan diri dalam bidang perdagangan dan perindustrian akan tercapai.⁷⁴

Kursus LCC ini menekankan pembelajaran dalam Bahasa Inggeris bagi kursus-kursus seperti *book-keeping, typewriting, elements of commerce, costing, economics, commercial law* dan juga *finance and banking*. Sepanjang empat tahun program LCC ini diadakan, seramai 102 orang pelajar termasuk 10 orang pelajar perempuan telah

⁷³ Taklimat Kepada Y. B. Datuk Musa Hitam, Menteri Pelajaran Malaysia sempena lawatan rasmi pertama ke ITM, 15 Januari 1981, hlm. 2.

⁷⁴ Marina Samad, *The MARA Institute of Technology: Yesterday, Today and Tomorrow*, Kuala Lumpur: MARA Institute of Technology, 1969, hlm. 10.

terpilih bagi mengikuti latihan tersebut. Jumlah kemasukan pelajar adalah seperti berikut:

Jadual 2.5: Jumlah Pelajar dan Tahun Pengajian

Tahun Pengajian	Jumlah Pelajar
1956/57	25 pelajar
1957/58	24 pelajar
1958/59	13 pelajar
1959/60	45 pelajar

Sumber: Marina Samad, *The MARA Institute of Technology: Yesterday, Today and Tomorrow*, hlm. 12.

Pada tahun 1960, Dewan Latihan RIDA telah maju setapak lagi dengan menaikkan taraf minimum kemasukan ke kursus-kursusnya kepada *Cambridge School Certificate* dan seterusnya telah memperkenalkan tiga lagi kursus-kursus baru iaitu:

- a) *Stenography*.
- b) *Secretaryship (ACS)*.
- c) *Accountancy (Australian Society of Accountants)*.⁷⁵

Oleh sebab berlaku perubahan dalam syarat kemasukan, jumlah kemasukan pelajar juga menunjukkan penambahan di mana pada tahun 1960, jumlah pelajar dilaporkan seperti jadual 2.6:

⁷⁵ Taklimat Kepada Y. B. Datuk Musa Hitam, Menteri Pelajaran Malaysia daripada Pengarah Institut Teknologi MARA Shah Alam, Selangor, 15 Jan 1981, hlm. 5. Rujuk juga Marina Samad, *The MARA Institute of Technology: Yesterday, Today and Tomorrow*, hlm. 11.

Jadual 2.6: Kemasukan Pelajar ke Dewan Latihan RIDA Pada Tahun 1960

Kursus	Jumlah Pelajar
<i>Accountancy</i>	16
<i>Secretaryship</i>	16
<i>Stenography</i>	13
<i>London Chamber of Commerce Course(Higher Level)</i>	27
Jumlah	72

Sumber: Penyata Tahunan Lembaga Kemajuan Kampung dan Perusahaan Tanah Melayu, 1960.⁷⁶

Meskipun berlaku kekangan dalam proses pengajaran dan pembelajaran seperti kekurangan buku teks, tiada kemudahan perpustakaan, jumlah pensyarah yang tidak mencukupi, namun pelajar-pelajar perintis ini telah membuktikan bahawa mereka mampu berjaya. Dewan latihan RIDA berjaya membuktikan bahawa mereka mampu menyediakan jenis latihan yang tidak diberikan oleh agensi dan jabatan kerajaan yang lain. Di pusat ini, penekanannya ialah dalam bidang latihan perdagangan dan perindustrian. Matlamat utamanya adalah untuk meninggikan taraf ekonomi penduduk desa terutamanya orang Melayu.⁷⁷

Perkembangan yang berkesan telah membawa satu lagi perubahan pada tahun 1960 apabila Dewan Latihan RIDA meninggikan taraf kelayakan kemasukan kepada peringkat Sijil Seberang Laut⁷⁸ dan juga memperkenalkan kursus profesional Sains Kesetiausahaan dan Perakaunan. Tujuannya adalah untuk membolehkan pelajar-pelajar menyediakan diri bagi mengambil peperiksaan badan-badan profesional dari United Kingdom. Oleh sebab perubahan-perubahan ini, Dewan Latihan RIDA telah bertukar

⁷⁶ *The MARA Institute of Technology Yesterday: Today and Tomorrow*, hlm. 12. Rujuk juga *Parliamentary Debates, Dewan Rakyat*, 26.5.1965, Volume II, No. 1, 1965, hlm. 313.

⁷⁷ Firdaus Ahmad Azzam, *ITM Warisan Bangsa*, UiTM Shah Alam: Kajian Sebaran Am, 1989, hlm. 3.

⁷⁸ Sijil Seberang Laut bermaksud *Overseas Cambridge School Certificate*. Rujuk Fadillah Amin, *Shaping A Dream: From Dewan Latihan RIDA to Universiti Teknologi MARA, 1956-1999*, Shah Alam: UPENA, 2000, hlm. 3.

corak daripada pusat percubaan yang menyediakan kursus-kursus jangka pendek kepada maktab yang menyediakan kursus-kursus perniagaan.⁷⁹

Pada 1961, Mr. D. R. Liggett⁸⁰ dilantik sebagai Pengetua Dewan Latihan RIDA. Salah satu perkara penting yang dilakukan oleh Mr Liggett setelah memegang jawatan ini ialah dengan mengadakan lawatan dan pertemuan dengan pengarah syarikat dari dalam dan luar negeri bagi mengenalpasti apakah kemahiran yang diperlukan untuk pasaran kerja. Dengan cara ini, agak mudah untuk dewan menyusun strategi dan mengorak langkah ke arah menghasilkan graduan yang mempunyai kemahiran tinggi.⁸¹ Beliau ingin menentukan kemahiran dan sikap yang benar-benar diperlukan oleh graduan Dewan Latihan RIDA bagi membuka perniagaan. Justeru, pada Januari 1962, satu kursus profesional dalam bidang *General Business Management* diperkenalkan:

“In January 1962, a professional course in General Business Management was introduced to prepare students for the examinations of the British Institute of Management (BIM). Mr Liggett felt that the course leading to the BIM examinations would be most relevant to people starting up or running their own businesses.”⁸²

Sehingga tahun 1964, terdapat empat kursus yang telah dijalankan iaitu satu kursus semi profesional (Steno) dan tiga kursus profesional iaitu Perakaunan, Kesetiausahaan dan Pengurusan Perniagaan.⁸³ Selain penekanan dalam bidang profesional, pelajar juga dikehendaki untuk mengikuti kuliah dalam Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu dan Pendidikan Islam bagi melahirkan pelajar yang serba boleh.⁸⁴ Majlis graduasi pertama yang diadakan adalah pada 19 Disember 1964. Seramai 50 orang pelajar telah menerima sijil daripada Timbalan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak. Seramai lapan orang

⁷⁹ 10 tahun Institut Teknologi MARA dalam Kenangan, hlm. 2.

⁸⁰ Mr. D. R. Liggett merupakan seorang warganegara Amerika yang telah berkhidmat sebagai Pengetua Dewan Latihan RIDA dari Jun 1961 hingga penghujung 1965. Beliau telah banyak membantu dalam melatih pensyarah bagi dewan tersebut. Rujuk Fadillah Amin, *Shaping A Dream: From Dewan Latihan RIDA to Universiti Teknologi MARA, 1956-1999*, hlm. 38.

⁸¹ Ibid., hlm. 5.

⁸² Ibid., hlm. 5.

⁸³ Marina Samad, *The MARA Institute of Technology Yesterday, Today and Tomorrow*, hlm. 10.

⁸⁴ Ibid., hlm. 13.

pelajar telah lulus Part III, Peperiksaan ICWA, 19 orang telah lulus kursus Kesetiausahaan dalam Peperiksaan CSC, dua orang pelajar Pengurusan Perniagaan telah lulus Part 1 dalam Peperiksaan BIM, 21 pelajar Steno yang telah lulus Trengkas Bahasa Inggeris dan Menaip.⁸⁵ Di dalam ucapannya, Tun Abdul Razak selaku Timbalan Perdana Menteri menegaskan bahawa:

“It is generally recognized that the Malays since colonial days, have fought shy of going into business and it is generally accepted that this position should be corrected, and that the government should do all it can to direct the Malays into business and not only encourage them to join the Government Services in order to earn a livelihood. It was to implement this Government policy that RIDA established the Dewan Latihan. So far only a few Malays have completed their courses at this college and joined the business world -a drop in the ocean we might say. Many, many more Malays must be given the chance to qualify in business courses before any appreciable work can be said to have been made in encouraging Malays to go into business. It is for this reason that for many years to come, the Dewan can only accept Malays. Otherwise the purpose for which it was established, namely to correct the imbalance of Malays to other races in the field of business, will never be achieved.”⁸⁶

Ucapan beliau jelas menggambarkan harapan yang tinggi menggunung terhadap kemajuan anak bangsa serta peluang yang terbuka luas melalui Dewan Latihan RIDA untuk mengorak jalan memajukan martabat bangsa melalui penglibatan mereka dalam bidang perniagaan.

2.5 Kelahiran Majlis Amanah Rakyat (MARA)

Keupayaan RIDA dalam meningkatkan sosioekonomi Melayu meskipun sudah menampakkan kejayaan, namun timbul tanda tanya mengenai sejauh mana keberkesanannya dalam memajukan sosioekonomi masyarakat Melayu. Hal ini disebabkan RIDA dibentuk secara tergesa-gesa dan tanpa perancangan yang rapi dan

⁸⁵ Fadillah Amin, *Shaping A Dream: From Dewan Latihan RIDA to Universiti Teknologi MARA, 1956-1999*, hlm. 6.

⁸⁶ Marina Samad, *The MARA Institute of Technology, Yesterday: Today and Tomorrow*, 1969, hlm. 18-19.

mengalami masalah kekurangan kakitangan.⁸⁷ RIDA hanya mempunyai beberapa orang pegawai yang berkhidmat secara kontrak.⁸⁸ Pada tahun 1952 misalnya, RIDA hanya mempunyai 22 orang pegawai dan seramai lima orang penolong pegawai.⁸⁹ Jumlah kakitangan yang terhad ini mengakibatkan mereka tidak dapat bergerak dalam memantau projek RIDA sehingga membawa kepada kegagalan projek tersebut.

Masalah kedua ialah soal bantuan kewangan yang tidak mencukupi daripada pihak British. Peruntukan \$10 juta yang disalurkan kepada RIDA pada tahun 1951 telah dikurangkan kepada \$3 juta pada tahun 1953. Dato' Onn tidak dapat menerima pengurangan tersebut kerana peruntukan bagi kampung-kampung baru (kampung Cina) lebih banyak jumlahnya berbanding peruntukan yang diberikan kepada RIDA sendiri. Pada tahun 1953, kampung-kampung baru diberi peruntukan sebanyak \$11 juta.⁹⁰ Bagi Dato' Onn, hal ini dilihat sebagai satu keadaan yang berat sebelah. Menurut beliau:

“More should and must be done for the rural population where the Malays predominate, in order to balance the heavy and abnormal expenditure which has been and still is being incurred on the Chinese population.”⁹¹

Keadaan menjadi lebih runcing di zaman darurat kerana peruntukan negara lebih bertumpu dalam usaha memburu komunis dan mematahkan sumber kekuatan komunis. Daripada belanjawan yang hampir \$700 juta bagi tahun 1952, hanya \$2 juta sahaja yang diperuntukkan kepada RIDA. Daripada peruntukan yang sedikit inilah RIDA dikehendaki melatih pegawai Melayu, mengadakan pinjaman, memperkembangkan perusahaan kecil, mengadakan jentera pemasaran hasil pertanian dan mengatasi masalah

⁸⁷ Sebagai pelopor, RIDA sendiri tidak dapat lari daripada menghadapi masalah sejak penubuhannya. Misalnya, RIDA dalam sesetengah keadaan berada dalam keadaan tanpa persiapan yang rapi dalam mengumpul data mengenai ekonomi dan kehidupan desa orang Melayu. C. O. 1022/463. *Economic Status of the Malay*, hlm. 7.

⁸⁸ Marina Samad, *The MARA Institute of Technology: Yesterday, Today and Tomorrow*, 1969, hlm. 18-19.

⁸⁹ D. E. M. Fiennes, *Report on Rural and Industrial Development Authority, 1950-1955*, hlm. 3.

⁹⁰ Ramlah Adam, *Dato' Onn bin Ja'afar*, hlm. 228.

⁹¹ C. O. 1022/253. Exco Paper, No. 16/1/1951.

lain yang berkaitan dengan pembangunan ekonomi orang Melayu.⁹² Dengan peruntukan yang sedikit ini menyebabkan RIDA kurang berjaya membantu orang Melayu.⁹³

Hal ini dapat dilihat melalui rasa tidak puas hati yang dikemukakan oleh wakil rakyat di Kuala Terengganu Utara iaitu Wan Abdul Kadir Ismail. Beliau mengemukakan rasa tidak puas hati terhadap peruntukan kewangan yang diberi oleh kerajaan kepada RIDA. Wan Abdul Kadir mendakwa:

“RIDA ialah satu jalan yang kita buat untuk menolong dan meninggikan ekonomi orang Melayu tetapi terlalu sedikit modal yang diberikan kepada RIDA. Boleh cukupkah dengan \$5 juta dalam usaha besar membina kembali orang Melayu.”⁹⁴

Dalam perbahasan yang lain pula (perbahasan Belanjawan 1966), Wan Abdul Kadir dengan penuh emosi menyatakan:

“...diperuntukkan untuk RIDA sebanyak \$3,560,000 untuk membaiki ekonomi orang Melayu yang seramai 3.5 juta atau 4 juta orang. Kalau kita bahagi-bahagikan satu kepala dengan peruntukan lebih kurang 3.5 juta ini, baru dapat \$1.00 seorang satu kepala yang disediakan oleh RIDA. Kalau sungguh kita hendak memajukan ekonomi orang Melayu dengan RIDA, RIDA harus diperuntukkan dengan peruntukan yang lebih banyak.”⁹⁵

Selain itu, menurut Dr. Mahathir Mohamad kegagalan RIDA juga adalah disebabkan oleh bantuan RIDA yang bertumpu kepada golongan miskin sahaja tanpa mengambil kira kemampuan mereka dalam menjalankan perniagaan:

⁹² Disebabkan faktor kewangan, RIDA tidak berkemampuan untuk menyediakan biasiswa kepada pelajar-pelajar yang berkelayakan. Misalnya pada Jun 1961, Pengerusi RIDA, Ahmad Daud telah memohon kepada pihak Kementerian Pelajaran untuk mengkhaskan beberapa biasiswa universiti yang disediakan Kementerian Pelajaran kepada calon-calon RIDA. Tujuan permohonan ini bagi membolehkan pelajar-pelajar dilatih di peringkat yang lebih tinggi untuk mengisi jawatan-jawatan profesional dalam RIDA dan industri-industri yang ditajanya. Namun, permohonan ini ditolak memandangkan peruntukan pihak Kementerian Pelajaran sendiri yang terhad. Lihat KEMENTERIAN PELAJARAN 2269, Scholarships reserved for RIDA, RIDA 7688/1. Surat Ahmad Daud kepada Setiausaha Kementerian Pelajaran, 9 Jun 1961.

⁹³ Mahathir Mohamad, *The Malay Dilemma*, Singapura: Moore For Asia Pasific Press, 1970, hlm. 40. RIDA juga turut terlibat dalam penyelenggaraan Sekolah-sekolah Melayu dan pembinaan Sekolah-sekolah Kampung. EDUCATION PK. 859/56, R. I. D. A. Grants to Kampong Schools.

⁹⁴ *Parliamentary Debates, Dewan Rakyat*, Volume 1, No. 17, Cetakan Kerajaan 1965, Kuala Lumpur, hlm. 2330.

⁹⁵ *Ibid.*, hlm. 2330.

“... RIDA (is) run on the lines of welfare department...(it) denied money to capable businessmen but gave hand-outs to poor people with vague notions of going into business”. Often these Malays with their subsidized RIDA loans ended up competing with established Malay companies. Worse, RIDA would loan enormous sums to individuals who had no inkling or guidance of what to do with the money.”⁹⁶

RIDA telah berjaya memberikan pinjaman wang sebanyak \$ 25 juta kepada penduduk tempatan bagi mengusahakan pelbagai bentuk perniagaan. Walaupun jumlah ini banyak tetapi setakat mana keberhasilan perniagaan yang mereka usahakan dan sejauhmana peminjam ini membayar semula pinjaman mereka? Perkara ini telah dibahaskan oleh Speaker dari Seberang Utara iaitu Tuan Haji Ahmad bin Saaid:

“Saya dapat tahu bahawa RIDA dahulu diadakan atau dianjurkan pada tahun 1951 dengan wang peruntukan sebanyak \$ 10 juta, diberi pinjam kepada beberapa orang anak Bumiputera untuk memajukan perniagaan, perusahaan, ternakan dan lain-lain. Tetapi malangnya di antara orang yang berhutang kepada RIDA itu, saya percaya 90 % tidak menunaikan janji mereka itu sehingga RIDA kena buat saman tuntutan hutang.”⁹⁷

Kelemahan RIDA juga adalah berpunca daripada sikap peminjam dan orang Melayu itu sendiri. Kebanyakan mereka dikatakan tidak berpengalaman dalam perniagaan dan ini membawa kepada kerugian.⁹⁸ Malah, lebih dahsyat lagi apabila ada peminjam yang menggunakan wang pinjaman untuk tujuan sampingan seperti membeli perabot, barang kemas dan motokar.⁹⁹ Menurut tulisan M. Bakri Musa dalam bukunya *The Malay Dilemma Race Dynamics in Modern Malaysia*:

“In my village, a well-connected politician was given a handsome loan, together with a valuable timber concession. The first thing he did, even before acquiring a single saw or truck, was to buy a gleaming new limousine. He would spend most of his time showing off his latest toy and barely bothered to inspect his mills or visits his customers. Not surprisingly his enterprise collapsed. A few years later all that was left of

⁹⁶ M. Bakri Musa, *The Malay Dilemma Revisited: Race Dynamics in Modern Malaysia*, hlm. 98.

⁹⁷ *Parliamentary Debates, Dewan Rakyat*, Volume II, No. 11, 10 November 1965, hlm. 2262 & 2294.

⁹⁸ M. R. D. 561/5, Jawatankuasa Kecil Perusahaan. Kongres Ekonomi Bumiputra. Kertas Kerja Mengenai ‘Perniagaan dan Perdagangan’, hlm. 2.

⁹⁹ Fiennes, *Report on Rural and Industrial Development Authority, 1950-1955*, hlm. 15.

his company was an impressive and expensive nameplate on some office door. The luxury car was long gone, as was the money.”¹⁰⁰

Secara tidak langsung, peranan RIDA ini bolehlah dilihat sebagai:

“... more as funds disburser rather than assessor of risks and viability of commercial projects. RIDA was essentially a corporate welfare agency rather than a source of venture capital”.¹⁰¹

Meskipun Dato'Onn berusaha keras untuk memodenkan ekonomi penduduk kampung, namun RIDA tidak dapat lari daripada masalah berkaitan dengan pentadbiran. RIDA ketika diasaskan hanya sebagai jabatan kerajaan dan bukan sebagai agensi pembangunan. RIDA tidak mempunyai kuasa untuk membuat rancangan pembangunan sendiri baik dari segi organisasi mahupun dari segi program pembangunan ekonomi kampung yang terancang. Oleh itu, corak pentadbirannya lebih bersifat kolonial. Kebanyakan jawatan atasan adalah diisi oleh pegawai asing. Mereka diberi tanggungjawab membentuk dasar dan menentukan program pelaksanaan. Sebagai birokrasi kolonial, mereka nampaknya lebih mengutamakan kepentingan kolonial berbanding kepentingan rakyat. Jika ada pun simpati terhadap rakyat, perasaan itu lebih merupakan seorang tuan daripada perasaan seorang pemimpin.¹⁰²

Penyata kira-kira Lembaga Kemajuan Kampung dan Perusahaan bagi tahun 1961 telah diperiksa mengikut Undang-Undang Odit 1957 dan didapati kira-kira ini telah disimpan dan tidak diserahkan untuk unit audit dengan pemeriksaan. Berlaku kelewatan dalam mengisi lejar dan kelewatan yang melampau dalam menutup akaun kira-kira.¹⁰³ Malah, buku kira-kira Lembaga ini tidak menunjukkan jumlah modal Pinjaman Berjamin yang belum dibayar tetapi bertumpu kepada pinjaman lama yang

¹⁰⁰ M. Bakri Musa, *The Malay Dilemma Revisited: Race Dynamics in Modern Malaysia*, hlm. 98.

¹⁰¹ Ibid., hlm. 99.

¹⁰² Mohd Salleh Daud, *Memoir Bukan Reformis*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998, hlm. 127.

¹⁰³ *Report of the Auditor-General on the Accounts of the Rural and Industrial Development Authority*, 1961, hlm. 7.

masih tertunggak.¹⁰⁴ Dua puluh satu pinjaman yang belum dibayar yang berjumlah lebih kurang \$228,000 termasuk di bawah tajuk Pinjaman Berjamin adalah tidak berjamin. Sebanyak \$60,000 iaitu merangkumi tujuh daripada pinjaman-pinjaman tersebut masih belum dibayar sehingga hujung tahun 1963. Sembilan Pinjaman Berjamin yang dibuat antara tahun 1951 dan 1954 yang terhutang modal dan faedah sebanyak \$74,000 pada hujung tahun 1961 nampaknya tidak boleh diperoleh semula.¹⁰⁵ Selain itu, terdapat jumlah wang yang berjumlah \$9,690.80 dan \$14,066.31 yang patut dibayar kepada Kilang Getah Grisek yang termasuk di bawah “Piutang Ronchet” masih lagi belum dibayar dari tahun 1955 hingga 1957.¹⁰⁶

Kerugian bersih mengenai rancang-usaha yang diurus terus dalam tahun 1961 berjumlah \$76,627. Sebanyak tujuh rancang usaha telah dijalankan dalam tahun itu, hanya dua daripadanya menunjukkan keuntungan. Di antara yang mengalami kerugian ialah Kilang Getah Grisek iaitu sebanyak \$41,457, dengan itu kerugian yang terkumpul dalam rancang-usaha itu berjumlah \$136,521 pada 31 Disember 1961. Jumlah kerugian yang terkumpul bagi rancang-usaha yang diuruskan daripada tahun 1953 hingga 1961 berjumlah lebih kurang \$1.54 juta.¹⁰⁷ Misalnya, Kilang Getah Grisek di Muar mula mengalami kemerosotan pada tahun 1955. Kilang yang dibina dengan belanja \$323,000 ini telah mengalami kerugian yang besar pada tahun tersebut iaitu sebanyak \$164,000. Berlakunya kerugian dalam kilang terbabit yang disebabkan oleh merudumnya harga getah yang telah jatuh sebanyak 3 duit untuk 1 paun getah mengikut perkiraan pada masa tersebut.¹⁰⁸ Di samping itu, kerugian yang berlaku dalam kilang getah terbabit adalah disebabkan oleh sikap orang Melayu itu sendiri yang lebih mempercayai orang tengah daripada pihak Kilang Getah Grisek. Hal ini disebabkan orang tengah yang

¹⁰⁴ Ibid., hlm. 10.

¹⁰⁵ Ibid.

¹⁰⁶ Ibid., hlm. 11.

¹⁰⁷ Ibid.

¹⁰⁸ Ibid., hlm. 25-26.

menguruskan soal pembelian getah itu lebih mudah memberi pinjam wang kepada pekebun-pekebun getah itu.¹⁰⁹ Oleh itu, Kilang Getah Grisek menghadapi kesukaran mendapatkan sumber getah bagi tujuan produktiviti mereka.¹¹⁰

Kegagalan RIDA ini telah dibahaskan dengan hebatnya di Dewan Rakyat ketika rang undang-undang Majlis Amanah Rakyat dibentangkan. Ramai ahli Dewan Rakyat yang berasa tidak puas hati akan operasi perjalanan RIDA sehingga membawa kepada kegagalannya.¹¹¹ Setelah begitu banyak wang yang disalurkan, hasilnya tidak nampak dan keadaan iktisad penduduk Melayu masih di tahap yang lama.¹¹² Menurut Tuan Haji Ahmad bin Abdullah di dalam perbahasannya di Parlimen:

“RIDA telah gagal di dalam rancangannya yang telah menelan wang berpuluh-puluh juta ringgit. Ke manakah perginya Rubber Processing Plant yang sepuluh buah yang didirikan oleh RIDA di sekitar Tanah Melayu? Semua kilang-kilang Processing of plant ini ditutup kerana gagal. Bukan setakat itu kegagalan RIDA bahkan manakah perginya kilang-kilang belacan, kilang tali sabut dan lainnya.”¹¹³

Walau bagaimanapun, persoalan ini telah ditepis dengan hebatnya oleh Tun Abdul Razak yang menegaskan bahawa perusahaan getah, tali sabut dan sebagainya merupakan satu *pilot scheme* yang diwujudkan sebagai percubaan untuk memberi pendedahan kepada penduduk luar bandar. Penubuhan kilang getah ini pula adalah bertujuan untuk menolong pekebun kecil mendapatkan harga getah yang lebih tinggi tetapi pengurusan kilang itu bukanlah menjadi tugas RIDA untuk menjalankannya. Dalam hal ini, berlaku kesilapan apabila kepercayaan terus diberi kepada pekebun kecil

¹⁰⁹ Berbanding orang tengah, pihak Kilang Grisek tidak mampu untuk memberikan kredit kepada pekebun-pekebun kecil. Lihat DVS 120/53, RIDA Schemes. Johore State Development Board. Minutes of 17th Meeting held at Johore Bahru on Thursday 11th June 1953 at 10.00 a.m., hlm. 3.

¹¹⁰ *Report of the Auditor-General on the Accounts of the Rural and Industrial Development Authority*, 1961, hlm. 25-26.

¹¹¹ Pemangku Perdana Menteri, Tun Abdul Razak sendiri pada Julai 1965 menyatakan bahawa kesilapan-kesilapan RIDA tidak harus diulangi. *The Straits Times*, “MARA Bill May Go Before Parliament Next Month”, 16 July 1965, hlm. 7.

¹¹² RIDA telah mewujudkan pusat mengetin buah-buahan di kawasan tanaman buah-buahan seperti di Meru (Kelang) dan Parit (Perak). Namun masalah kekurangan pengalaman dan ketiadaan pakar yang benar-benar arif menyebabkan pusat-pusat mengetin berkenaan tidak dapat dimajukan. Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama muncul sebagai penyelamat dengan mengambil alih perusahaan berkenaan. Lihat M. R. D. 512/6, Parliamentary Questions & Answers 1964 (Tuan Haji Ahmad Bin Abdullah - M.P. Kelantan Hilir) 25-11-1964. 5409/69. Surat Abdul Aziz bin Ismail (b. p. Pengerusi RIDA) kepada Setiausaha Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Soalan2 Dalam Parlimen, hlm. 2.

¹¹³ *Parliamentary Debates, Dewan Rakyat*, Volume II, No. 11, 10 November 1965, hlm. 2226.

untuk mengusahakannya. Kesannya, projek yang menelan wang yang begitu banyak tidak langsung mendatangkan apa-apa manfaat.

Tun Abdul Razak juga menegaskan bahawa segala masalah yang berlaku ini adalah kerana ciri RIDA itu sendiri yang diasaskan semasa zaman penjajah. Sekali lagi beberapa orang wakil rakyat¹¹⁴ telah melahirkan rasa tidak puas hati dengan alasan tersebut kerana jika dilihat, negara kita telah mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Mengapakah perlu ditunggu sehingga tahun 1966 untuk menubuhkan pengganti RIDA? Mengapakah tidak dibubarkan sahaja RIDA pada tahun 1957. Ini disebabkan dalam tempoh masa yang lama ini, RIDA telah menelan berjuta-juta ringgit dan hasilnya keadaan ekonomi penduduk masih di takuk lama.¹¹⁵

Disebabkan RIDA terlalu banyak kelemahan dalam RIDA yang dilihat tidak begitu efisien dalam mengubah struktur kehidupan orang Melayu, maka cendekiawan Melayu dan ahli politik mula mendesak supaya RIDA diberi nafas, semangat dan jiwa baru bagi membangunkan orang Melayu dalam dunia perniagaan, perindustrian dan pendidikan moden. Justeru, para cendekiawan dan ahli politik telah mengadakan satu kongres untuk membincangkan kedudukan orang Melayu dalam negeri yang baru merdeka.¹¹⁶ Kongres Ekonomi Bumiputera yang pertama telah mengadakan persidangan dari 5-7 Jun 1965 yang bertempat di Dewan Tuanku Abdul Rahman, Jalan Ampang, Kuala Lumpur.¹¹⁷ Sebuah jawatankuasa telah dibentuk bagi menganjurkan Kongres ini. Ahli-ahlinya adalah terdiri daripada:

¹¹⁴ Di antara wakil rakyat yang melahirkan rasa tidak puas hati ialah Tuan Haji Ahmad bin Abdullah.

¹¹⁵ Di sebalik kelemahan yang berlaku, RIDA dilihat terus berusaha untuk membantu perusahaan kecil untuk mengembangkan perusahaan berkenaan dengan bantuan kewangan. KP/AM/97. M. A. R. A. (Majlis Amanah Rakyat). Lembaga Kemajuan Kampong dan Perusahaan, Decisions of the Authority on the Report of the Loan Programme Review Committee (September, 1963), hlm. 2.

¹¹⁶ Pembahagian kekayaan negara antara Bumiputera dan bukan Bumiputera adalah tidak seimbang. Bahkan Tunku Abdul Rahman pernah didakwa mengeluarkan kenyataan bahawa Bumiputera Malaysia hanya menikmati 10 peratus sahaja kekayaan negara manakala bakinya dibolot orang asing. Lihat Pemberitahu2 Pertanyaan, 9hb. Januari, 1969 dalam 11681/47 SJ 30. Kenyataan Perdana Menteri: Betul-kah Bumiputera Hanya Menikmati 10% Kekayaan Negeri ini?

¹¹⁷ Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, M. R. D. 561, *Kongres Ekonomi Bumiputera*.

- 1) Y. B Encik Mohamed Khir Johari (Pengerusi).
- 2) Y. B. Encik Abdul Rahman Ya'akub (Timbalan Pengerusi).
- 3) Y. M. Tunku Abdullah ibni Tuanku Abdul Rahman (Setiausaha Agong).
- 4) Y. B. Encik Senu bin Abdul Rahman.
- 5) Y. B. Tn Hj Mohamed Ghazali bin Hj Jawi.
- 6) Y. B. Dato' V.T. Sambathan.
- 7) Y. B. Encik Khaw Kai Boh.
- 8) Y. B. Tuan Haji Abdul Khalid bin Awang Osman.
- 9) Y. B. Encik Sulaiman bin Bulon.
- 10) Y. B. Dato' Nik Ahmad Kamil.
- 11) Y. B. Encik Hanafiah bin Hussein.
- 12) Dato' Ismail bin Mohamed Ali.
- 13) Dato' Abdul Rahman bin Musa.
- 14) Encik Ma'arof bin Sheikh Ahmad.
- 15) Y. M. Raja Mohar bin Raja Badiozaman.
- 16) Y. M. Raja Khalid bin Raja Harun.
- 17) Encik Wan Abdul Hamid bin Dato' Mohd Salleh.¹¹⁸

Sebanyak tujuh buah Jawatankuasa Kecil telah dibentuk yang akan membincangkan tentang isu-isu yang berlainan. Antara Jawatankuasa Kecil tersebut adalah:

- 1) Jawatankuasa Kecil Latihan.
- 2) Jawatankuasa Kecil Pembentukan Modal.
- 3) Jawatankuasa Kecil Perkhidmatan.
- 4) Jawatankusa Kecil Perusahaan.
- 5) Jawatankuasa Kecil Perniagaan.

¹¹⁸ Rujuk Usul Kongres Ekonomi Bumiputera, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, hlm. 3.

- 6) Jawatankuasa Kecil Tanah.
- 7) Jawatankuasa Kecil Pemasaran.¹¹⁹

Suatu perkara menarik mengenai kongres ini adalah keanggotaannya yang terdiri daripada wakil bukan Bumiputera di dalam jawatankuasa yang diketuai oleh Khir Johari selaku Menteri Pelajaran di samping T. Sambathan selaku Menteri Kerja Raya, Pos dan Telekom serta Khaw Kai Boh, Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan.¹²⁰ Dengan adanya wakil daripada bukan Bumiputera, ia membuktikan segala usul yang dikemukakan tidaklah mengambil pandangan daripada pihak Bumiputera sahaja. Kesanggupan bukan Bumiputera turut sama berganding bahu bersama-sama Bumiputera menonjolkan sikap penerimaan mereka secara langsung terhadap usul berkenaan. Sudah tentu pelbagai perbincangan serta runguian terhadap usul dilakukan dengan teliti sebelum dimuktamadkan.

Kongres yang bersidang selama tiga hari ini bertujuan untuk mengumpul pandangan daripada pelbagai pihak penyertaan Bumiputera dalam perdagangan dan perusahaan.¹²¹ Tajuk-tajuk yang menjadi asas perbincangan dalam kongres tersebut ialah tentang latihan, pembentukan modal,¹²² perkhidmatan,¹²³ perdagangan,¹²⁴ perusahaan, tanah-tanah dan juga pemasaran.¹²⁵ Antara perkara utama yang dibincangkan ialah dari aspek latihan dan pendidikan. Kongres bersetuju untuk memberikan pendedahan yang lebih mendalam dalam aspek pendidikan agar dapat

¹¹⁹ Ibid.

¹²⁰ Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, 561/1, Jawatankuasa Pemandu.

¹²¹ Penyertaan orang Melayu dalam perindustrian dilihat sebagai sangat penting dalam konteks negara berbilang bangsa seperti Malaysia. Hal ini disebabkan penglibatan orang Melayu akan mewujudkan kestabilan dalam negara dan dapat mengelakkan berlakunya ketegangan kaum akibat daripada perimbangan ekonomi yang tidak seimbang seperti yang berlaku di negara-negara luar. M. R. D. 561/6, Jawatankuasa Kecil Perniagaan. Konggres Ekonomi Bumiputera. Malay Participation in Industry, hlm. 2.

¹²² Sebuah Syarikat Permodalan Kebangsaan Berhad didesak agar diperluaskan hak miliknya dan menyemak syarat penubuhannya agar dapat membantu Bumiputera meluaskan hak pemilikan modal. Rujuk Usul Kongres Ekonomi Bumiputera, hlm. 2.

¹²³ Perkhidmatan khas bagi memberi nasihat dan panduan kepada Bumiputera disediakan. Begitu juga kemudahan bagi peniaga untuk berhubung antara sama lain juga disediakan. Rujuk Usul Kongres Ekonomi Bumiputera, hlm. 3.

¹²⁴ Kerajaan akan menyediakan satu Jabatan Perangkaan untuk membuat penyiasatan bagi kegunaan peniaga-peniaga Bumiputera. Dewan Perniagaan Bumiputera juga akan menubuhkan satu Jabatan Penerangan bagi memberi penerangan kepada peniaga Bumiputera dalam lapangan perniagaan dan perdagangan. Rujuk Usul Kongres Ekonomi Bumiputera, hlm. 3.

¹²⁵ Kerajaan akan mengadakan kemudahan bagi memperbaiki pemasaran hasil pertanian dan perusahaan Bumiputera. Sebuah lembaga pemasaran pertanian juga akan ditubuhkan bagi tujuan pemasaran. *Parliamentary Debates, Dewan Rakyat*, Volume II, No.1, 1965, hlm. 310.

melahirkan Bumiputera yang mampu menjawat jawatan yang tinggi. Oleh itu, peranan Dewan Latihan RIDA kini akan diperluaskan bagi mencakupi bidang *Industrial Accounting*, Ilmu Pentadbiran Syarikat dan Ilmu Pengelolaan Perniagaan. Kursus yang ditawarkan juga mestilah menepati kehendak guna tenaga pasaran agar tiada masalah bagi pelajar mendapatkan pekerjaan. Dengan penambahan kursus ini diharapkan agar lebih ramai anak-anak Bumiputera yang akan dapat mengikuti kursus dalam bidang perniagaan. Selain itu, Dewan Latihan RIDA juga akan ditambah jumlah pengambilannya agar lebih ramai lagi pelajar diberi peluang untuk menyertai kursus yang ditawarkan.¹²⁶ Pada awal tahun 1966, jumlah penuntut adalah seramai 221 orang dan jumlah ini telah bertambah kepada 556 orang sebelum akhir tahun 1966.¹²⁷

Selain itu, peruntukan biasiswa yang tinggi jumlahnya juga perlu disediakan agar peluang pelajar Bumiputera untuk melanjutkan pengajian dalam dan luar negara tidak terbantut. Pendek kata, usul berkaitan latihan dan pendidikan ini adalah untuk melahirkan anak-anak Bumiputera yang bertauliah serta layak menyertai bidang-bidang profesional. Resolusi yang diputuskan dalam kongres ini telah diserahkan kepada kerajaan untuk dikuatkuasakan. Langkah pertama yang dilakukan oleh kerajaan ialah dengan menubuhkan Bank Bumiputera, Lembaga Pasaran Pertanian Persekutuan atau *Federal Agricultural Marketing Authority* (FAMA), Syarikat Kebangsaan Bumiputera dan menubuhkan Majlis Amanah Rakyat (MARA). Dengan penubuhan MARA, bererti segala tugas dan dasar yang dijalankan oleh RIDA sebelum ini akan ditamatkan sama sekali.

¹²⁶ Usul Yang Diterima Pada Mesyuarat Pleno, Kongres Ekonomi Bumiputera, 7 Jun 1965, hlm. 10-11.

¹²⁷ *Laporan Tahunan MARA 1966*, hlm. 16.

Kongres juga telah mencadangkan kepada kerajaan supaya RIDA ditukar namanya kepada MARA.¹²⁸ Usul penuh berkenaan seperti berikut:

“Kongres menyokong cadangan kerajaan Pusat hendak memperbaiki dan memperkukuhkan RIDA dengan cara menambahkan modal dan memperkemaskan lagi pentadbirannya. Konggres mencadangkan bahawa nama RIDA itu diganti dengan nama MARA iaitu Majlis Amanah Rakyat Bumiputera.”¹²⁹

MARA merupakan sebuah badan baru dan mempunyai bentuk pentadbiran yang baru.¹³⁰ Ini bermakna dengan lulusnya rang undang-undang penubuhan MARA, segala perkara berkaitan RIDA tidak akan digunapakai lagi. Oleh sebab tuntutan penubuhan MARA menggantikan RIDA, maka kerajaan telah mengambil tindakan segera dan pada bulan Disember 1965, Parlimen Malaysia telah meluluskan Akta Majlis Amanah Rakyat atau MARA dan pada 1 Mac 1966, MARA telah ditubuhkan.¹³¹ Penubuhan MARA ini telah dinyatakan seperti berikut:

“Adalah dengan ini ditubuhkan suatu badan berkanun dengan nama Majlis Amanah Rakyat (dalam Akta disebut sebagai Majlis) yang berkekalan turun temurun dan mempunyai suatu meteri dan boleh mendakwa dan didakwa atas namanya dan, tertakluk kepada dan bagi maksud-maksud Akta ini, boleh membuat kontrak-kontrak dan boleh memperoleh, membeli, mengambil, memegang dan menggunakan harta alih dan yang tidak alih bagi segala jenis dan boleh memindah, menyerahkan, melepas, menyerah, menggadai, menggadai janji, memberi sewa, menyerahkan hak semula, memindahmilik atau dengan jalan lain melepaskan, atau membuat apa-apa berkenaan dengan, apa-apa harta alih atau tidak alih atau apa-apa kepentingan dengannya yang menjadi kepunyaan Majlis mengikut syarat-syarat yang difikirkan patut.”¹³²

¹²⁸ Konggres Ekonomi Bumiputra, Usul2 Yang Di-Terima Pada Meshuarat Pleno Pada 7hb. Jun, 1965, hlm. 2.

¹²⁹ Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, MRD 561, *Kongres Ekonomi Bumiputera*.

¹³⁰ Abdul Aziz bin Ismail, Pemangku Pengerusi MARA menyatakan bahawa MARA bersedia untuk berhadapan dengan cabaran tanggungjawab baru yang dinyatakan dalam Kongres Ekonomi Bumiputera. Kesungguhan MARA untuk melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan dapat dilihat tahap kesiagaan kakitangannya apabila hanya cuti pendek berkaitan urusan peribadi atau keluarga sahaja boleh diambil oleh pegawai-pegawai kanannya. *The Straits Times*, “MARA Ready to Face Challenge of New Tasks”, 9 June 1965, hlm. 13.

¹³¹ Rujuk juga Ucapan Timbalan Perdana Menteri semasa bacaan kali kedua “The Timbalan Yang di Pertuan Agong (*Remuneration Amendment Bill*) di Dewan Rakyat pada 3 Jun 1965, *Ucapan Tun Hj Abdul Razak bin Hussein 1965*, Arkib Negara Malaysia, hlm. 74.

¹³² *Akta MARA*, Kuala Lumpur, Dany Press, 1966, hlm. 8-9.

Ketika Tun Hj Abdul Razak membentangkan rang undang-undang MARA di Dewan Rakyat, beliau menjelaskan mengenai penubuhan MARA seperti berikut:

“Tujuan cita-cita untuk menubuhkan satu perbadanan (MARA) ialah supaya ada sebuah lembaga yang boleh menjalankan dasar kerajaan untuk membaiki iktisad di luar bandar dan memberi mereka itu peluang lebih besar dan lebih luas lagi dalam lapangan perniagaan dan perusahaan. Sehingga hari ini, tugas itu dijalankan oleh RIDA, akan tetapi RIDA ditubuhkan pada masa penjajahan dulu dan tidak mempunyai bentuk, nafas dan jiwa yang boleh menjalankan tugas yang penting ini sesuai dengan kehendak rakyat di negara kita yang merdeka dan berdaulat ini. Dengan sebab itu difikirkan patutlah RIDA ini digantikan dengan Lembaga baru yang mempunyai bentuk, nafas dan jiwa yang baru.”¹³³

Di bawah susunan yang baru ini, MARA seperti juga RIDA diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. MARA terdiri daripada seorang Pengerusi berserta empat belas orang ahli. Ahli-ahli Majlis ini adalah wakil daripada Kementerian Kewangan, seorang daripada Kementerian Perdagangan dan Perusahaan, seorang daripada Kementerian Pertanian dan Syarikat Kerjasama, dua orang ahli daripada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, lima orang ahli yang berpengalaman dalam bidang perniagaan dan perusahaan dan empat orang ahli lain. Sebuah Jawatankuasa Kerja diwujudkan bagi memantau serta meluluskan projek MARA.

2.6 Struktur Organisasi dan Fungsi MARA

Susunan pentadbiran MARA dibahagikan kepada tujuh bahagian dan diketuai oleh Pengarah Bahagian masing-masing. Setiap Pengarah ini akan bertanggungjawab sepenuhnya dalam melaksanakan arahan Pengerusi MARA. Mereka yang dipilih adalah terdiri daripada pegawai yang dikenalpasti mempunyai semangat yang tinggi,


¹³³ *Parliamentary Debates, Dewan Rakyat*, Volume II, No. 12, Kuala Lumpur, 1966, hlm. 2196.

keikhlasan bekerja dan komited dalam tugas yang diberikan. Tujuh bahagian tersebut adalah terdiri daripada lima bahagian operasi atau *Operating Divisions* iaitu bahagian latihan, pinjaman, kenderaan, perusahaan dan perdagangan dan khidmat nasihat.¹³⁴ Dua bahagian lain merupakan bahagian perkhidmatan dan kira-kira yang terletak di bawah kategori perkhidmatan.¹³⁵ Rajah 2.1 merujuk kepada carta organisasi Majlis Amanah Rakyat yang diwujudkan pada tahun 1966.

Rajah berkenaan memperlihatkan struktur MARA diawal penubuhannya yang mencerminkan kewujudan sistem pentadbiran di dua peringkat iaitu peringkat persekutuan dan peringkat negeri. Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar memainkan peranan sebagai kementerian yang memayungi MARA ketika penubuhannya. Terdapat beberapa bahagian utama dalam MARA yang memiliki fungsi yang khusus. Ia dibentuk untuk memudahkan proses pembangunan golongan Bumiputera dalam pelbagai lapangan ekonomi dan sosial di Malaysia. Kewujudan bahagian-bahagian berkenaan telah membolehkan pelbagai rancangan pembangunan dan bantuan khasnya melalui tindakan afirmatif dapat disalurkan dengan sempurna ke golongan sasaran. MARA juga memiliki pejabat yang tersendiri di peringkat negeri untuk melicinkan jentera pentadbiran dan pelaksanaan dasar-dasarnya.

¹³⁴ Tujuh bahagian berkenaan adalah Kenderaan, Perdagangan dan Perusahaan, Pentadbiran, Latihan, Perkhidmatan, Pinjaman dan Kira-kira. Lihat Peringatan Meshuarat di-antara Pegawai2 Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dengan Pegawai2 MARA di-Bilek Gerakan Negara, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Jalan Dato' Onn, Kuala Lumpur, pada hari Sabtu 19hb. Jun, 1965 jam 10.30 pagi dalam MRD 561/18, Keputusan2 Meshuarat2 Pegawai2 MARA dengan Kementerian.

¹³⁵ Majlis Amanah Rakyat (MARA), *Laporan Tahunan MARA 1966*, hlm. 14-16.



Rajah 2.1: Struktur Organisasi MARA Pada Tahun 1966.

Sumber: *Laporan Tahunan MARA 1966.*

Tugas yang dipikul oleh MARA boleh dibahagikan kepada tiga bahagian. Pertama, sebagai ejen pemberi latihan kepada ahli perniagaan dan golongan Bumiputera yang mempunyai keinginan untuk menjalankan perniagaan.¹³⁶ Mereka akan diberi latihan, pinjaman wang atau bantuan modal dan diberi bantuan dan nasihat sehingga seseorang peniaga itu dapat menjalankan perniagaan mereka dengan sebaiknya. Selain itu, Dewan Latihan MARA juga akan diperluaskan lagi peranannya supaya dapat memberi latihan khususnya untuk pemuda dan pemudi yang berasal daripada kampung.

Tugas kedua ialah dalam lapangan pengangkutan di mana MARA akan memberi pertolongan kepada syarikat Bumiputera yang ingin menjalankan perkhidmatan bas dan teksi di kawasan luar bandar.¹³⁷ MARA juga menyediakan peluang agar penduduk dapat membeli saham yang mereka kehendaki. Pelbagai langkah efisien telah diambil agar perkhidmatan bas yang disediakan tidak akan membawa kerugian kepada penduduk luar bandar pada masa akan datang. Manakala tugas ketiga ialah dalam lapangan perusahaan dan perdagangan di mana MARA akan memainkan peranan dalam memberikan bantuan kepada penduduk luar bandar yang sedang menceburi bidang perusahaan.¹³⁸

Sebahagian daripada fungsi MARA ini sebenarnya pernah dilakukan semasa zaman RIDA lagi. Misalnya MARA juga memberikan pinjaman wang seperti yang dilakukan oleh RIDA tetapi MARA hanya akan memberi pinjaman kepada mereka yang telah dikenalpasti boleh berjaya dalam perniagaan yang diceburi serta mengikuti segala tunjuk ajar yang diberikan oleh MARA.¹³⁹ Tiada konsep lepas tangan seperti yang

¹³⁶ Lihat "Menenal MARA, Siri Pertama, Mengapa MARA ditubuhkan", *MARANIAGA*, Bil. 1, Tahun Pertama, Kuala Lumpur: Cawangan Perhubungan Awam MARA, 1978, hlm. 2.

¹³⁷ Bahagian kenderaan MARA telah menganjurkan Seminar Kenderaan Bumiputra pada awal April 1968 di Kuala Lumpur. Isu-isu yang diketengahkan dalam seminar berkenaan telah dibangkitkan semula dalam Kongres Ekonomi Bumiputra Kedua yang diadakan pada September 1968. Lihat Kertas kerja berjudul "Kenderaan" yang dibentangkan oleh Encik Razali Bin Haji Bidin dalam M. R. D. 680, Vol. II, Kongres Ekonomi Bumiputra Kedua.

¹³⁸ Majlis Amanah Rakyat (MARA), *Laporan Tahunan MARA*, 1966, hlm. 2200-2202.

¹³⁹ Objektif Bahagian Pinjaman MARA ialah menarik orang Melayu dan Bumiputera lain dalam lapangan perniagaan dan perusahaan dengan memberi kemudahan pinjaman kepada peniaga-peniaga orang Melayu dan Bumiputera lain yang mempunyai harapan untuk berkembang dan menjamin orang Melayu dan Bumiputera lain supaya dapat menggunakan bank dan lain-lain badan

diamalkan oleh RIDA.¹⁴⁰ Malah, MARA lebih giat dalam memberi bantuan bagi meningkatkan taraf ekonomi penduduk khususnya di luar bandar demi membaiki iktisad penduduk tempatan. MARA dibentuk bertitik tolak daripada kegagalan RIDA yang akan dijadikan teladan yang baik dalam menstrukturkan kejayaan MARA. Perkara ini telah termaktub dalam Akta MARA yang telah dikuatkuasakan mulai 1 Mac 1966.¹⁴¹

Artikel 6 dalam Akta MARA menyatakan seperti berikut:

“Adalah menjadi kewajipan MARA memajukan, menggalakkan, memudahkan dan menjalankan pembangunan ekonomi dan kemasyarakatan dalam Persekutuan dan khususnya dalam kawasan luar bandar Persekutuan.”¹⁴²

MARA bukan sahaja memberi latihan kepada ahli-ahli Bumiputera bahkan semua lapisan rakyat negara ini tanpa mengira sesiapa sahaja yang mendambakan bantuan dan pertolongan dalam lapangan iktisad dan perniagaan.¹⁴³ Dengan berkuatkuasanya Undang-undang MARA, maka Undang-undang RIDA telah dimansuhkan. Namun begitu, bahagian-bahagian penting undang-undang tersebut telah dimasukkan ke dalam Undang-undang MARA.¹⁴⁴

Ketika penggubalan rang undang-undang MARA, banyak pihak mengutarakan rasa tidak puas hati kerana bimbang MARA adalah jelmaan RIDA yang dikuburkan demi untuk membersihkan segala kegagalan RIDA. Misalnya, Tuan Haji Ahmad bin Abdullah telah menyuarakan kebimbangannya terhadap penubuhan MARA yang dikhuatiri akan mengulangi kesilapan RIDA. Berikut ialah petikan beliau:

kewangan. *Laporan Seminar Ekonomi Bumiputra*, 4hb-6hb April, 1973, Kuala Lumpur: Ketua Pengarah Percetakan Malaysia Barat, 1973, hlm. 161.

¹⁴⁰ Majlis Amanah Rakyat (MARA), *Laporan Tahunan MARA 1966*, hlm. 2200-2202.

¹⁴¹ Walaupun Akta MARA dikuatkuasakan pada 1 Mac 1966, namun MARA telah pun berperanan selepas sahaja Kongres Ekonomi Bumiputera bersidang. Hal ini diterangkan secara panjang lebar oleh Tun Razak semasa membentangkannya di Parlimen. *Parliamentary Debates*, Volume II, No. 12, 11/11/1965, hlm. 2198. Walau bagaimanapun, Parlimen Malaysia meluluskan Undang-Undang Majlis Amanah Rakyat dalam bulan Disember 1965, Bahagian Korporat MARA (BK/MARA) 8, MARA Secara Ringkas, hlm. 7.

¹⁴² *Akta MARA*, hlm. 25, Artikel 6/1.

¹⁴³ *Parliamentary Debates, Dewan Rakyat*, Volume II, No. 11, 10 Nov 1965, hlm. 2202.

¹⁴⁴ *Buletin MARA Secara Ringkas*, BK/MARA, 1966, hlm. 8-9.

“Tuan Yang di Pertua, apabila kerajaan hendak melancarkan Bill ini, saya pinta daripada kerajaan dengan ikhlas mengkaji penyakit-penyakit yang telah membawa kepada maut RIDA yang tersebut, penyakit-penyakit itu akan berulang balik di masa yang akan datang yang akan menyebabkan MARA pun maut pula sebagaimana RIDA.”¹⁴⁵

Meskipun ada pihak menyuarakan rasa tidak senang dengan penubuhan MARA, namun Jemaah Kabinet di bawah Tun Abdul Razak yang ketika itu menjadi Timbalan Perdana Menteri sebulat suara meluluskan Rang Undang-Undang penubuhan MARA. MARA yang dirancang ini tidak akan sama sekali menjalankan tugas yang di luar dari bidang cakupannya seperti yang dilakukan oleh RIDA. Sebaliknya, MARA lebih memfokuskan kepada bidang latihan dan pendidikan serta aspek perdagangan dan perusahaan. Tugas lain seperti membina jalan raya, jambatan dan membina rumah yang pernah dilakukan oleh RIDA tidak akan dijalankan oleh MARA lagi. Tugas sebegini telah diserahkan kepada kementerian lain. Di bawah bidang latihan dan pendidikan, MARA diberi kuasa penuh untuk menubuh, mengendali dan menanggung institusi latihan dan pendidikan serta melakukan semua perkara yang bermanfaat bagi tujuan pendidikan.¹⁴⁶

Oleh sebab bidang latihan merupakan fokus utama MARA, peruntukan sebanyak \$400,000 telah diberikan pada tahun 1966 khusus untuk melatih Bumiputera dalam pelbagai jurusan pelajaran seperti *stock exchange*, pentadbiran kewangan, pengurusan hotel, perdagangan dan iklan, perusahaan getah, perusahaan kayu-kayan dan kilang papan, memperbaiki radio dan televisyen dan sebagainya.¹⁴⁷ Pelaksanaan kursus yang ditawarkan oleh MARA adalah selaras dengan tugasnya seperti yang termaktub di dalam Akta MARA di bawah kategori kewajipan dan kuasa majlis iaitu:

¹⁴⁵ *Parliamentary Debates, Dewan Rakyat*, Volume II, No. 11, 10 Nov 1965, hlm. 2226.

¹⁴⁶ *Akta MARA*, hlm. 11.

¹⁴⁷ *Latar Belakang Majlis Amanah Rakyat, Ibu Pejabat MARA*, Kuala Lumpur, 21 Jun 1966, hlm.3.

“... untuk menubuh, mengendali dan menanggung institusi latihan dan pendidikan dan untuk melakukan semua perkara yang bermanfaat atau secara munasabah perlu atau berkaitan kepada perlaksanaan fungsi ini.”¹⁴⁸

Setiap Pengarah akan bertanggungjawab sepenuhnya dalam melaksanakan arahan Pengerusi MARA. Mereka yang dipilih adalah terdiri daripada pegawai yang dikenali mempunyai semangat yang tinggi, keikhlasan bekerja dan komited dalam tugas yang diberikan. Bahagian Latihan dan Pendidikan merupakan antara bahagian yang penting dan dipertanggungjawabkan untuk meningkatkan mobiliti sosial masyarakat.¹⁴⁹ Pada 1 Julai 1966, Encik Mansor telah dipinjamkan oleh Syarikat Shell kepada MARA bagi menjalankan tugas sebagai Pengarah. Oleh yang demikian, Encik Mansor bin Othman¹⁵⁰ telah dilantik sebagai Pengarah Bahagian Latihan. Beliau telah memperkemarkan Bahagian Latihan MARA sehingga jumlah ahlinya menjadi tiga kali ganda daripada sebelumnya. Encik Mansor telah menyediakan anggaran dasar rancangan 5 tahun Bahagian Latihan yang menelan belanja sebanyak \$81 juta.¹⁵¹ Beliau juga telah memikul tanggungjawab dalam mengubah sikap pegawai dan kakitangan MARA khususnya dan masyarakat luar bandar amnya. Selain itu, beliau merupakan individu yang bertanggungjawab dalam mencetuskan idea bagi pengenalan sistem

¹⁴⁸ *Akta MARA*, hlm. 11.

¹⁴⁹ Tunku Abdul Rahman menyatakan bahawa satu daripada faktor yang melemahkan Bumiputera dalam lapangan perniagaan dan perusahaan ialah kekurangan ilmu pengetahuan dalam bidang berkenaan. Oleh itu, kerajaan Malaysia dan MARA mengeluarkan biasiswa dengan banyak saban tahun demi memberi pengetahuan dan latihan kepada belia Bumiputera di Malaysia. Lihat S. P. 33/1/E 579/39, Uchapan Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj Perdana Menteri Malaysia Di-Pembukaan Rasmi Konggres Ekonomi Bumiputera Kedua pada 7hb September, 1968, hlm. 7.

¹⁵⁰ Encik Mansor bin Othman telah dilahirkan di Kuala Pilah pada 12 Januari 1924. Beliau mendapat pendidikan di Sekolah Melayu Kuala Pilah dan di Sekolah Tuanku Mohammad Kuala Pilah. Pada tahun 1941, beliau telah melanjutkan pelajarannya di Raffles College Singapura. Walau bagaimanapun, pelajaran beliau terganggu akibat daripada Perang Dunia Kedua. Beliau meneruskan semula pengajian dari tahun 1946 hingga tahun 1948. Beliau menjawab jawatan sebagai seorang guru di Negeri Sembilan dan telah memegang jawatan sebagai Pegawai Pelajaran apabila beliau memperoleh Ijazah Kepujian dalam Ilmu Hisab daripada Universiti Malaya, Singapura. Pada tahun 1954, beliau telah berhenti kerja sebagai guru dan berkhidmat di Syarikat Shell Malaysia Berhad. Jawatan beliau yang terakhir sebelum beliau dipinjamkan oleh Shell kepada MARA ialah sebagai Pegawai Perhubungan Raya. Beliau berkhidmat sebagai Pengarah Bahagian Latihan MARA sehingga 4 April 1969. Rujuk Fail Peribadi En Mansor bin Othman, Bahagian Sumber Manusia MARA.

¹⁵¹ Timbalan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak bin Hussein dalam upacara penutup Kongres Ekonomi Bumiputera di Kuala Lumpur pada 7 Jun 1965 menyatakan harapan beliau untuk memberikan latihan kepada beribu-ribu ahli perniagaan Bumiputera melalui Bahagian Latihan MARA. “Memperbaiki Ekonomi Bumiputera”, Petikan dari ucapan Y. A. B. Timbalan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak bin Hussein, dalam upacara penutup Konggres Ekonomi Bumiputera di-Kuala Lumpur pada 7hb. Jun, 1965, hlm. 6. Latihan bagi melibatkan Bumiputera dalam perusahaan-perusahaan bertaraf perintis adalah agak selaras dengan gabungan rancangan latihan MARA yang dimasukkan dalam Rancangan Lima Tahun Pertama. Lihat Nordin Salleh, “Kedudukan dan Penyertaan Bumiputera di-dalam Sektor Perusahaan Perintis”, dalam *Dewan Masharakat*, November 1969, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1969, hlm. 11, dalam S. P. 65 15.25/3. Dato’ Nik Muhammad bin Nik Mohd Salleh.

pendidikan menengah dan vokasional. Encik Mansor muncul sebagai pemimpin yang berwibawa dan berwawasan dalam mencorakkan asas pendidikan MARA.

Bahagian Latihan MARA mempunyai matlamat utama iaitu memaju, menggalak dan membangunkan ekonomi masyarakat dengan memberi latihan dan kemahiran khususnya dalam bidang perdagangan dan perusahaan.¹⁵² Secara umumnya, tugas bahagian latihan ini merangkumi beberapa aspek iaitu:

- 1) Menjalankan kursus dan projek yang bersesuaian dengan matlamat MARA.
- 2) Menyediakan biasiswa bagi melanjutkan pelajaran.
- 3) Melatih kakitangan MARA dengan kemahiran yang bersesuaian agar mencapai tahap kompetensi yang diperlukan.
- 4) Menjalin hubungan persefahaman dengan institusi di luar negara dengan mengadakan lawatan sambil belajar.
- 5) Memohon aset tertentu bagi tujuan menjalankan sesuatu projek pendidikan.¹⁵³

2.7 Kesimpulan

Berdasarkan perkembangan sejarah yang berlaku di era kolonial, ternyata masyarakat Melayu tidak mengalami perkembangan yang memberangsangkan khasnya dalam lapangan ekonomi dan sosial. Oleh itu, selepas Perang Dunia Kedua, untuk pertama kalinya sebuah badan khusus bagi membantu orang Melayu iaitu RIDA telah

¹⁵² Abdul Ghafar bin Baba selaku Menteri Pembangunan Ekonomi Desa menyatakan bahawa tidak benar sama sekali jika dikatakan MARA menumpukan perhatian terhadap bidang latihan sahaja. Beliau menjelaskan adalah menjadi objektif MARA untuk mendorong, membimbing, melatih dan menolong orang Melayu dan Bumiputera yang lain untuk melibatkan diri dengan aktif dan untuk mencapai kemajuan dalam kegiatan perdagangan dan perusahaan sebagai satu langkah pembangunan ekonomi dan sosial dengan menitikberatkan penduduk desa mengikut dasar ekonomi kerajaan. Penyata Rasmi Dewan Rakyat, Parlimen Ketiga, Penggal Parlimen Ketiga, Jilid III, Bil. 36, Isnin, 10hb Disember 1973, Jawapan-jawapan Mulut Bagi Pertanyaan-pertanyaan, Peranan MARA, hlm. 4190.

¹⁵³ Minit Mesyuarat Pengarah-pengarah MARA yang Ke-13, Bilik Mesyuarat Ibu Pejabat MARA Kuala Lumpur, 15. 6. 1966, jam 10.00 pagi.

ditubuhkan untuk memperbaiki nasib orang Melayu. Bersandarkan rekod kegiatannya, RIDA dilihat begitu bersungguh-sungguh dalam usaha meningkatkan taraf ekonomi dan sosial masyarakat Melayu. Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu (kemudiannya Malaysia) selepas merdeka melihat betapa kedudukan sosioekonomi orang Melayu sebagai kaum Bumiputera di Tanah Melayu perlu diperteguhkan bagi menghakis kesan buruk penjajahan, sekaligus mewujudkan perimbangan antara kaum Bumiputera dengan bukan Bumiputera.

Namun, akibat pelbagai masalah yang melanda RIDA sepanjang kewujudannya, kerajaan terpaksa menguburkan badan berkenaan dan menggantikannya dengan MARA. Kelahiran MARA dilihat lebih dinamik serta disuntik pula oleh semangat Kongres Ekonomi Bumiputera Pertama lantas memperlihatkan aspirasi kerajaan bagi memperbaiki taraf sosioekonomi orang Melayu dan Bumiputera lainnya. Oleh itu, berdasarkan latar sejarah yang membawa kepada kewujudan MARA, nyatalah penubuhannya bukanlah sesuatu yang bersifat spontan. Malah ia berpaksikan kesedaran dan keutuhan niat kerajaan untuk menjana suatu perubahan yang bersifat progresif terhadap orang Melayu dan Bumiputera lain yang masih menduduki darjah sosioekonomi yang rendah pasca kemerdekaan.

BAB 3: PENUBUHAN DAN PERKEMBANGAN PENDIDIKAN TINGGI MARA, 1966-1980

3.1 Pengenalan

Bab ini akan menelusuri sejarah perkembangan pendidikan tinggi yang diterajui Majlis Amanah Rakyat (MARA) iaitu Institut Teknologi MARA (ITM) sehingga ia diserahkan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia. Persoalan yang akan dikupas dalam bab ini ialah sejauhmanakah MARA telah mengemudi sistem pendidikan tinggi yang diperkenalkannya dalam matlamat murni untuk membantu golongan Bumiputera di Malaysia. Perbincangan akan dimulakan dengan perkembangan Maktab MARA bermula pada tahun 1966 sebagai perintis kepada penubuhan ITM. Seterusnya, perkembangan ITM akan dihuraikan merangkumi struktur pentadbiran ITM, perkembangan kursus-kursus yang disediakan dan perkembangan pelajar yang mengikuti pengajian di ITM. Setelah MARA kehilangan ITM, badan berkenaan telah menubuhkan Institut Perdagangan MARA dan hal ini akan dihuraikan pada pengakhiran bab.

Didapati MARA pada mulanya telah menubuh dan menguruskan ITM yang merupakan satu-satunya institusi pendidikan tinggi yang menawarkan kursus profesional kepada kaum Bumiputera. Bagaimanapun, reputasi MARA tercalar apabila berlaku kemelut antara pihak pentadbiran ITM dengan golongan pelajar. Pengakhiran kepada konflik ini telah membawa kepada peralihan pengurusan ITM kepada Kementerian Pelajaran Malaysia pada tahun 1976. Sebagai ganti kepada ITM yang terlepas daripada pemilikan MARA, daya usaha untuk membela kepentingan

pendidikan tinggi Bumiputera didapati tidak tersekat, sebaliknya ia diteruskan dengan penubuhan Institut Perdagangan MARA.

3.2 Penubuhan dan Perkembangan Maktab MARA

Pada Februari hingga Mei 1965, kerajaan Malaysia bersama dengan United Nations telah mengadakan Kajian Sumber Manusia yang pertama. Hasil kajian tersebut mendapati berlaku lebih graduan bagi bidang kemanusiaan dan undang-undang manakala berlaku kekurangan graduan di bidang sains dan kejuruteraan. Graduan yang mengisi kursus-kursus kemanusiaan ini majoritinya Bumiputera.¹ Hasil kajian tersebut mendorong kerajaan mengadakan Kongres Ekonomi Bumiputera selama tiga hari bagi membincangkan peluang yang perlu diwujudkan untuk membantu golongan Bumiputera. Bidang yang difokuskan merangkumi bidang perdagangan dan perindustrian seperti yang dinyatakan oleh Kajian Sumber Manusia iaitu:

“It is unfortunate, however that the Bumiputera do not have sufficient representation in the higher professional fields, particularly in business technological and scientific occupations, and in certain of the listed professions the bumiputera can hardly be said to be represented at all.”²

Ekoran aspirasi untuk membangunkan bangsa, Kongres Ekonomi Bumiputera bermatlamat untuk mencari jalan bagi mengatasi jurang ekonomi penduduk luar bandar dan meningkatkan taraf sosioekonomi mereka. Hasilnya, sebanyak 69 usul telah disarankan di mana sebanyak 22 daripadanya melibatkan fungsi dan peranan RIDA. Antara usul penting ialah memberi nafas baru serta wajah baru kepada RIDA apabila namanya ditukarkan kepada Majlis Amanah Rakyat pada 1 Mac 1966 seiring dengan Akta MARA yang telah diluluskan di Parlimen pada Disember 1965. Sehubungan itu,

¹ Marina Samad, *The MARA Institute of Technology: Yesterday, Today and Tomorrow*, Kuala Lumpur: ITM, 1969, hlm. 40.

² Kertas Kerja Kongres Ekonomi Bumiputera, Usul Dalam Mesyuarat Pleno, 7 Jun 1965.

Dewan Latihan RIDA telah ditukarkan namanya kepada Maktab MARA atau *MARA College of Business and Professional Studies*.³

Mesyyuarat Kongres Ekonomi Bumiputera telah mencadangkan agar Maktab MARA dapat diperbesarkan lagi supaya ia boleh mengeluarkan pemuda-pemudi yang berkelulusan seramai 200 orang dalam tahun pertama dan juga dalam tahun kedua supaya angka tersebut dapat dilipat gandakan sepuluh kali lagi tiap-tiap tahun dari tahun ketiga dan seterusnya.⁴ Kongres juga mencadangkan agar kursus yang diadakan di bawah Maktab MARA diteruskan bagi melahirkan lebih ramai Bumiputera yang bertauliah dalam bidang perniagaan dan perusahaan.⁵

Pada 1 Disember 1965, Encik Arshad Ayub telah dilantik sebagai Pengetua Maktab MARA hingga tahun 1967.⁶ Beliau telah membuka peluang keemasan bagi anak Bumiputera untuk meningkatkan diri mereka. Ada di antara pelajar yang kurang layak turut diberikan peluang untuk belajar di maktab ini. Prinsip yang dipegang oleh beliau ialah: *“lead them to the water and ensure that they drink it.”*⁷ Sepanjang perkhidmatan beliau sebagai Pengetua Maktab MARA, beliau disenangi oleh pelajar kerana sikapnya yang ingin membantu anak bangsa. Beliau banyak mendekati pelajar dan memberikan semangat kepada mereka untuk berjaya. Malah, beliau telah berjaya membuka peluang yang lebih untuk pelajar menuntut di sini.⁸

³ Kongres Ekonomi Bumiputera, 7 Jun 1965, hlm. 2. Rujuk juga Rokiah Talib, *A Second Chance: Life and Mission of Arshad Ayub*, Kuala Lumpur: MPH, 2008, hlm. 49. Rekod dan Arkib Persendirian Prof. Datuk Nik Abdul Rashid B. Nik Abd. Majid, *Peristiwa-peristiwa Penting Institut Teknologi MARA, 1956-1980*. Kewujudan Maktab MARA ini juga menerima respons daripada orang bukan Melayu. Misalnya dalam Dewan Rakyat, Dr. Tan Chee Khoon telah mengemukakan soalan bertulis mengenai polisi kemasukan orang bukan Melayu yang miskin ke maktab berkenaan. Dalam jawapan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, hanya Bumiputera sahaja layak memasuki maktab berkenaan. Malaysia House of Representatives, Notice of Questions, Kuala Lumpur, 18hb Oktober, 1966 dalam M.R.D. 618/32. Parliamentary Questions and Answers, 1966. Dr. Tan Chee Khoon (Bertulis).

⁴ Langkah ini amat bersesuaian dengan dasar kerajaan untuk menggalakkan penyertaan Bumiputera yang lebih luas dalam lapangan perdagangan dan industri. Oleh itu, Maktab MARA bermatlamat untuk melatih lebih banyak Bumiputera dalam pelbagai bidang perniagaan. Lihat Written Question No. 3, Dr. Tan Chee Khoon, hlm. 2, dalam M.R.D. 618/32, Parliamentary Questions and Answers, 1966 Dr. Tan Chee Khoon (Bertulis).

⁵ Kongres Ekonomi Bumiputera, 7 Jun 1965, hlm. 10.

⁶ Majlis Amanah Rakyat (MARA), *Penyata Tahunan MARA, 1967*; Rekod dan Arkib Persendirian Prof. Datuk Nik Abdul Rashid B. Nik Abd. Majid, *Peristiwa-peristiwa Penting Institut Teknologi MARA, 1956-1980*.

⁷ Rokiah Talib, *The Second Chance: Life and Mission of Arsyad Ayub*, hlm. 40-60.

⁸ Temubual Tan Sri Arshad Ayub di pejabat beliau di Kampung Taman Penchala pada 20 April 2013, jam 3.45 petang.

Maktab MARA meneruskan kursus Dewan Latihan RIDA sehinggalah pada 1965 apabila *British Institute of Management* (BIM) tidak lagi menjadi badan pemeriksa disebabkan soalan peperiksaan yang dihasilkan oleh BIM tidak sesuai dengan senario tempatan. Sehubungan itu, Maktab MARA telah berusaha untuk menubuhkan kursus dalam Pengurusan Perniagaan. *Ealing Technical College* yang terletak di London telah memberi kerjasama kepada Maktab MARA bagi membolehkan kursus *Business Management* diberi pengiktirafan yang sewajarnya.⁹ Ealing College bersetuju untuk menjadi pemeriksa luar bagi menjamin kualiti diploma di Maktab MARA.

“Objektif Maktab Mara adalah difokuskan kepada melatih bumiputera dalam bidang perakaunan, pentadbiran perniagaan dan pengurusan bagi membolehkan mereka mengambil bahagian dalam bidang perdagangan dan perindustrian. Oleh kerana itu, maktab mengharapkan agar graduannya nanti akan menepati objektif maktab ini. Moto pelajar maktab ini juga adalah ‘berdisiplin tinggi’ agar dapat merealisasikan kejayaan sebagai seorang pelajar.”¹⁰

Pada awal tahun 1966, Maktab MARA telah melancarkan kempen memperkenalkan Maktab MARA bagi menarik perhatian lebih ramai pelajar mengikuti kursus yang ditawarkan. Penyediaan risalah, iklan di akhbar dan pameran bergerak telah diadakan secara besar-besaran di merata tempat. Kempen ini menunjukkan kejayaan apabila bilangan penuntut di Maktab MARA meningkat dari 221 orang pada awal tahun 1966 kepada 554 orang sebelum akhir tahun 1966. Kursus- kursus yang ditawarkan adalah seperti dalam Jadual 3.1:

⁹ Dr. O. G. Pickard, Pengetua *Ealing Technical College* (U.K.) telah dijemput untuk melawat Malaysia dari bulan November ke Disember 1965 untuk melihat akan kemungkinan mengadakan kursus yang bertujuan mendapatkan Diploma yang akan dianugerahkan Diploma Bersekutu. Majlis Amanah Rakyat (MARA) - Institut Teknologi MARA, *Report on Visit By Dr. O.G. Pickard to MARA College, November-Disember 1965*. Rujuk juga *10 tahun Institut Teknologi MARA dalam Kenangan*, Shah Alam: Institut Teknologi MARA, 1977, hlm. 2 dan Kertas Kerja Konsep Cadangan Projek Pengkisahan Sejarah Penubuhan dan Perkembangan UiTM, 15 Mac 2001, hlm. 1

¹⁰ Majlis Amanah Rakyat (MARA), *Prospektus Maktab MARA*, 1966, hlm. 13.


Jadual 3.1: Jumlah Kursus dan Bilangan Penuntut

Kursus	Bilangan Penuntut (orang)
Trengkas	188
<i>Association of Certified and Corporate Secretaries(ACCS)</i>	111
<i>Diploma in Business Studies(DBS)</i>	19
<i>Institute of Cost and Works Accountants(ICWA)</i>	41
<i>Association of Certified Accountants(ACCA)</i>	61
<i>Institute of Statisticians(IS)</i>	17
Jumlah	554

Sumber: Majlis Amanah Rakyat (MARA), *Penyata Tahunan MARA 1966*, hlm. 17.

Jadual di atas menunjukkan bahawa bilangan penuntut telah meningkat sebanyak 150% dan telah mengikuti tujuh jurusan pengajian. Di antara penuntut-penuntut yang baru masuk, 50% daripadanya mengikuti kursus trengkas dan ini menepati tujuan untuk mengisi keperluan Juru Trengkas yang terlatih oleh syarikat-syarikat, jabatan-jabatan kerajaan dan sebagainya. Bagi kursus perniagaan, jumlahnya masih sedikit kerana ia merupakan kursus yang baru. Buat kali pertama, mulai 1966, seramai empat orang penuntut dari Sabah dan 15 orang lagi dari Sarawak telah dipilih memasuki maktab ini.¹¹

¹¹ Majlis Amanah Rakyat (MARA), *Penyata Tahunan MARA 1966*.



Rajah 3.1: Jumlah Penuntut Maktab MARA, 1957-1966.

Sumber: Majlis Amanah Rakyat (MARA), *Penyata Tahunan MARA 1966*, hlm. 18.

Rajah di atas menunjukkan penambahan jumlah penuntut Maktab MARA dari 1957 1966. Pada awal penubuhannya, jumlah penuntut tidak begitu ramai berbanding 1966 iaitu berlaku pertambahan yang begitu mendadak sehingga mencecah 554 orang penuntut. Penambahan ini ada kaitannya dengan perubahan matlamat RIDA kepada MARA dan juga matlamat utama kerajaan untuk menjadikan pendidikan di maktab ini sebagai salah satu langkah *affirmative* kerajaan dalam mewujudkan keseimbangan kaum dari aspek pembangunan pendidikan.¹² Untuk mencapai matlamat tersebut, MARA khususnya telah bertanggungjawab dalam memastikan jumlah serta kualiti pelajar Melayu yang diambil sentiasa memenuhi kehendak semasa. Malah, kerjasama dari kerajaan yang tidak berbelah bahagi terutama dalam menyalurkan dana yang mencukupi untuk tujuan perkembangan maktab ini.

¹² Peluang-peluang pekerjaan dan biasiswa melalui tindakan *affirmative* adalah bertujuan untuk meningkatkan skil dan daya saing tenaga Bumiputera dalam pasaran kerja dan untuk meningkatkan nilai prospek tenaga kerja Bumiputera. Oo Yu Hock, "Affirmative Action in Malaysia: Implications for National Unity", *NEGARA*, Vol. VII, No. 1 February 1983, hlm. 9.

Jika ditinjau dari segi jumlah kursus yang disediakan juga telah bertambah daripada lima pada asalnya kepada tujuh pada 1966 dan pada 10 Ogos 1967, ia dibahagikan kepada empat jenis:

- a) Kursus-kursus yang menyediakan pelajar-pelajar untuk mengambil beberapa peperiksaan luar yang dikendalikan oleh badan-badan profesional. Misalnya *British Institute of Marketing*, *British Institute of Transport* dan *Institute of Cost and Works Accountants*.
- b) Kursus-kursus yang menyediakan pelajar-pelajar untuk mengambil beberapa peperiksaan internal. Misalnya: *Diploma in Business Studies* dan *Diploma in Art and Designs*.
- c) Kursus-kursus persediaan pengajian prauniversiti.
- d) Kursus-kursus Sains Kesetiausahaan - *Stenography*, *Typewriting*.

Penambahan ini adalah selari dengan pertambahan bangunan tambahan yang telah siap dibina. Hal ini sekaligus telah membawa kepada jumlah pelajar yang berlipat ganda iaitu pada bulan Ogos 1967, seramai 644 orang pelajar telah diterima masuk berbanding dengan 2,065 orang pemohon.¹³ Meskipun jumlah yang diterima agak ramai, MARA tetap menjaga kualiti kemasukan para penuntutnya. Kelayakan masuk ke Maktab MARA masih ditahap yang memuaskan. Seseorang calon mestilah mendapat sekurang-kurangnya Gred 2 dalam peperiksaan MCE dengan sekurang-kurangnya kredit bagi lima subjek termasuk Bahasa Inggeris dan Matematik. Syarat kemasukan yang agak ketat ini bertujuan memastikan kualiti pelajar bagi setiap kursus.¹⁴ Apa yang penting bukanlah jumlah pelajar tetapi juga kualiti graduan yang akan dihasilkan.¹⁵

¹³10 tahun Institut Teknologi MARA dalam Kenangan, hlm. 6.

¹⁴ Tempoh masa Tan Sri Arshad menjadi Pengetua Maktab MARA merupakan tempoh produktif dengan pengenalan pelbagai kursus yang mencabar. Meskipun kemudahan kelengkapan ketika itu agak kurang, namun beliau berjaya membuktikan bahawa ia

Semasa merasmikan bangunan tambahan Maktab MARA pada 7 April 1967,

Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak Hussin menjelaskan:

“... kerajaan sekarang ini akan cuba mengubahkan dasar pelajaran yang lama, yang hanya memberi peluang kepada Bumiputera menjadi kakitangan awam yang berkhidmat dengan kerajaan sahaja. Kerajaan berharap, hasratnya akan berjaya untuk mengisi gudang-gudang dan perdagangan dengan penuntut-penuntut bumiputera yang berkelayakan bagi menggantikan tempat-tempat yang sekarang diisi oleh orang dagang.”¹⁶

Selain itu, Dr. Pickard selaku Pengetua Ealing Technical College, London dalam lawatannya ke Maktab MARA menyatakan:

“The Malays predominate in agriculture, fishing and government service. The internal trade of the country...tends to be in the hands of the Chinese with Indians having some share. Manufacturing industry is more diversified but much small scale enterprise is Chinese and the larger scale industry is usually run by foreign firms-British, American, Australian, Canadian. A great deal of international trade is also handled by foreign or by Indian or Chinese firms.”¹⁷

Fungsi dan matlamat Maktab MARA ini kelak akan melahirkan aset negara yang bakal menjadi penyumbang kepada bangsa dan negara. Hal inilah menjadi tunjang dan penggerak kepada MARA untuk menggiatkan lagi perkembangan ITM.

bukannya satu halangan untuk terus berjaya. Hasil temubual Tan Sri Arshad Ayub di pejabat beliau di Kampung Taman Penchala pada 20 April 2013, jam 3:45 petang.

¹⁵ Marina Samad, *The MARA Institute of Technology: Yesterday, Today and Tomorrow*, hlm. 186-187.

¹⁶ Ucapan Tun Abdul Razak Hussin semasa upacara merasmikan bangunan tambahan Maktab MARA pada 7 April 1967 dalam *Berita MARA*, Bil. 1, 1 April 1967, hlm. 32.

¹⁷ Dipetik dari Hawa Rohany (ed.), *Documenting A Destiny: History of Universiti Teknologi MARA, 1956-2006*, Shah Alam: University Publication Centre (UPENA), 2006, hlm. 57.

3.3 Penubuhan Institut Teknologi MARA

Peningkatan permintaan pelajar-pelajar untuk memasuki Maktab MARA telah menyebabkan kerajaan mengambil langkah untuk memperbesarkan maktab tersebut. Suatu projek baru telah dirancang untuk diadakan di Batu Tiga, Jalan Klang Lama.¹⁸ Pada 14 Oktober 1967, batu asas untuk kompleks setinggi 15 tingkat di Shah Alam telah diletakkan oleh Tun Abdul Razak yang seterusnya mengumumkan penukaran nama Maktab MARA kepada Institut Teknologi MARA atau *MARA Institute of Technology* (M.I.T.).¹⁹ Pertukaran nama kepada nama institut merupakan satu langkah menaiktaraf Maktab MARA agar dipandang peranannya serta dipandang lebih tinggi oleh masyarakat secara amnya. Lokasi baru maktab ini pada asalnya hanyalah merangkumi 100 ekar sahaja tetapi jumlah keluasannya telah ditambah sehingga 300 ekar.²⁰ Pembinaan ini dijalankan di Batu Tiga, Shah Alam dengan menelan kos sebanyak \$6.75 juta dan dilengkapi oleh segala bentuk kemudahan pengajian. Pembinaannya bermula pada tahun 1968 dan dijangka siap pada tahun 1972.²¹ Konsep penubuhan ITM telah diasaskan berdasarkan empat prinsip keyakinan yang bersandarkan kepada falsafah pendidikan:

- 1) Kami yakin setiap manusia itu mempunyai keupayaan semulajadi untuk belajar, kerana naluri pembelajaran itu sebenarnya lahir bersama jasad seseorang itu.

Walau bagaimanapun, adalah penting sekali untuk menyediakan satu suasana

¹⁸ *The Straits Times*, 13 Februari 1966, hlm. 14.

¹⁹ 10 tahun Institut Teknologi MARA dalam Kenangan, hlm. 7. Pada awal penubuhan ITM, ia amat terkenal dengan panggilan akronim MIT. Menurut Tan Sri Arshad Ayub, panggilan MIT itu amat sinonim dengan *Massachusetts Institute of Technology* dan *Manchester Institute of Technology* yang merupakan dua buah institusi terkenal di dunia dan beliau sendiri amat meminati institusi tersebut. Ucapan Tan Sri Arshad Ayub sempena Majlis Pengkisahan Sejarah Penubuhan dan Perkembangan UiTM, 15 Mac 2001, hlm. 3.

²⁰ Kompleks baru ITM mengandungi satu Dewan Besar, Kompleks Sukan dalam dan luar, Pusat Komputer untuk kajian Sains Komputer, *Actuaries* dan Perangkaan, Dewan Pertunjukan untuk Kajian Pengurusan Hotel dan Penyediaan Makanan, Perpustakaan Pusat dengan kemudahan 1,200 tempat duduk dan ruang untuk 500,000 naskhah buku-buku, sebuah Dewan Syarahan (*Circular Lecture Theatre*) untuk 500 orang. Kemudahan tempat tinggal untuk 4,500 pelajar-pelajar dan sebuah pusat pelajar (*Student Centre*). Lihat S. P. 113/12/001, Prof Datuk Nik Abdul Rashid Bin Nik Abdul Majid, ITM Secara Rengkas, hlm. 1-2.

²¹ Hawa Rohany (ed.), *Documenting A Destiny: History of Universiti Teknologi MARA, 1956-2006*, hlm. 74. Rujuk juga *Prospektus Institut Teknologi MARA, 1968/69*, hlm. 5; Firdaus Ahmad Azzam (ed.), *ITM Warisan Bangsa*, Shah Alam: Infokom, hlm. 4, dan *Berita Harian*, 4 Mac 1966.

dan keadaan sekeliling yang sempurna demi untuk menggalak, membentuk dan memberangsangkan seseorang itu agar bebas dari segala tekanan-tekanan fizikal dan mental.

- 2) Kami merasakan bahawa pendidikan mempunyai hubungan yang rapat dengan kehendak-kehendak dan keperluan masyarakat. Selain para cendekiawan dan pemimpin negara, masyarakat juga memerlukan para profesional, pengurus dan pentadbir yang berkaliber.
- 3) Pendidikan boleh memainkan peranan penting dalam meningkatkan mobiliti sosial dan mengubah status sosioekonomi sesebuah masyarakat. Adalah dipercayai bahawa keadaan ekonomi yang tidak seimbang di antara kaum di negara ini adalah berpunca dari kemiskinan, status sosio-ekonomi yang rendah dan terencilnya mereka dari menikmati kemajuan dan peluang pendidikan yang sewajarnya. Di sinilah kami merasakan betapa pentingnya peranan yang harus dimainkan oleh ITM untuk menyediakan peluang pembelajaran yang sempurna kepada mereka yang kurang bernasib baik sebagai menyahut seruan kerajaan dalam usaha menyusun semula masyarakat.
- 4) Kami yakin bahawa kejayaan hanya dapat dicapai ke tahap yang maksimanya seandainya seseorang itu telah dididik dan disedarkan untuk mencari, mencipta dan seterusnya menggunakan segala kesempatan atau peluang yang ada bagi memperoleh pencapaian yang paling berkesan.

Matlamat ITM seperti yang termaktub ialah untuk mengadakan program pendidikan yang disesuaikan dengan keperluan tenaga manusia terutama dalam bidang teknologi, perniagaan, pengurusan dan pentadbiran.²² Ia juga bertujuan untuk menyediakan

²² Menurut terbitan kepada ketua-ketua UMNO peringkat iaitu Majalah *Pelopor*, "Anak-anak Melayu yang berjaya menyambung pelajaran ke Institut Teknologi Kebangsaan telah membuktikan bahawa mereka boleh mendapat kejayaan cemerlang dibidang Sains dan Teknologi. Hanya mereka yang berjaya memasuki universiti-universiti ditanah air kita tidak dapat menunjukkan kejayaan yang memuaskan." Oleh itu, majalah berkenaan menggesa supaya kerajaan bertindak segera dalam memastikan tragedi kegagalan dan

peluang pendidikan kepada belia-belia Bumiputera terutama bagi mereka yang datang daripada kawasan luar bandar supaya mereka dapat mengambil bahagian yang penting serta memainkan peranan yang berkesan dalam sektor perdagangan dan perindustrian.²³

Selain itu, ia bertujuan untuk memastikan agar lulusan ITM mendapat pekerjaan dan memegang jawatan dalam pelbagai bidang ekonomi negara serta diberi pengiktirafan yang sewajarnya. ITM juga berhasrat untuk memupuk sikap yang lebih positif dalam diri belia-belia Bumiputera agar mereka lebih bersedia dalam menghadapi persaingan dunia yang kian mencabar. Bagi merealisasikan impian ini, program-program pendidikan ITM akan dikaji dan dinilai supaya kaedah pembelajaran di ITM dan kurikulumnya tetap utuh dan sesuai mengikut kehendak semasa.²⁴ Dengan ini, ITM dapat menyediakan sumber tenaga manusia dan material bagi memenuhi keperluan sektor-sektor awam, swasta dan masyarakat secara keseluruhannya.²⁵

Objektif utama ITM ialah melahirkan seberapa ramai tenaga kerja Bumiputera dalam pelbagai bidang yang bertaraf profesional dan semi profesional dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga semakin diperhebatkan.²⁶ Selain itu, ITM juga bertujuan untuk memperbaiki dan mempertingkatkan lagi mutu pengajaran supaya dapat

dan kekurangan anak-anak Melayu dalam jurusan Sains, Kedokteran dan Kejuruteraan dalam kalangan pelajar sekolah aliran Melayu tidak berulang. Lihat *Pelopor*, April, 1973, No. 4, hlm. 5-6, dalam Arkib Sukan 48/7/14. Tun Tan Sri Haji Sardon bin Jubir.

²³ Dalam taklimat kepada Majlis Tindakan Negeri Perlis oleh Y.B. Datuk Haji Lokman Musa berkenaan dengan ITM cawangan Perlis pada 20hb. April 1976, dinyatakan bahawa antara tujuan asas ITM cawangan Perlis sebagai satu agensi yang dapat mempercepatkan lagi pembangunan pelajaran, ekonomi dan sosial dalam usaha untuk mencapai matlamat dasar ekonomi baru. Institut Teknologi MARA Cawangan Perlis, Taklimat kepada Majlis Tindakan Negeri Perlis oleh Y.B. Datuk Haji Lokman Musa, pgdk, asdk, kmn, pjg, pada 20hb. April 1976, hlm. 2.

²⁴ Permintaan guna tenaga dianggarkan meningkat sebanyak 36,430 bagi ijazah manakala permintaan untuk pemegang diploma dianggarkan sebanyak 47,040 untuk tempoh 1970-80, hlm. 11-12 dalam Third Malaysia Plan, Report of the Inter-Agency Planning Group on Education and Training. Higher Education. Dalam Perbendaharaan 0.9391 PT. 3, Majlis Penasehat Pelajaran Tinggi (*Higher Education Advisory Council*).

²⁵ Taklimat kepada Y.B. Datuk Musa Hitam, Menteri Pelajaran Malaysia daripada Pengarah Institut Teknologi MARA Shah Alam, Selangor, 15 Januari 1981, hlm. 21.

²⁶ Misalnya ITM Cawangan Perlis yang ditubuhkan pada bulan Ogos 1974 antara lain bertujuan menambah peluang-peluang pelajaran tinggi kepada kaum Bumiputera terutamanya mereka dari kawasan luar bandar. Ia juga menjadi satu agensi yang dapat mempercepatkan lagi pembangunan pelajaran, ekonomi dan sosial dalam usaha untuk mencapai matlamat dasar ekonomi baru. Lihat Institut Teknologi MARA Cawangan Perlis, Taklimat kepada Majlis Tindakan Negeri Perlis oleh Y.B. Datuk Haji Lokman Musa, pgdk, asdk, kmn, pjg, pada 20hb. April 1976, hlm. 2. Rancangan Malaysia Ketiga juga cuba memenuhi permintaan terhadap kewujudan fasiliti pendidikan dalam kalangan rakyat Malaysia. Lihat Notes on the First Third Malaysia Plan Cut, hlm. 3, dalam Perbendaharaan 0.9800 PT. H. Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara. Rancangan Malaysia Ketiga.

mengeluarkan graduan yang benar-benar bermutu tinggi dan setanding dengan graduan dari institusi pengajian tinggi yang lain.²⁷

Objektif dan matlamat ITM ini adalah selaras dengan hasrat kerajaan yang mahu mengatasi kekurangan Bumiputera dalam bidang perdagangan, industri dan profesional.²⁸ Bumiputera seharusnya menerima perubahan untuk membentuk masyarakat yang dinamik dan mampu berdaya saing.²⁹ Melalui MARA, diharapkan agar jurang pemisah ekonomi antara Bumiputera dan bukan Bumiputera dapat dikurangkan. Seandainya masyarakat yang adil dan sama rata ini dapat dibentuk, ini akan menjadi kejayaan terbesar MARA.³⁰

Sebanyak \$70 juta telah diperuntukkan kepada MARA dalam Rancangan Malaysia Pertama. Peruntukan ini digunakan oleh MARA bagi tujuan perkembangan pelajaran dan latihan.³¹ Dalam merealisasikan mandat kerajaan ini, perubahan perlu dilakukan untuk memperbetulkan kepincangan yang sering berlaku dalam organisasi ITM. Oleh sebab ITM merupakan satu institusi yang besar seperti institusi pengajian tinggi yang lain, maka didapati susunan pentadbiran ITM tidak sesuai lagi dengan peranan barunya sebagai institusi pengajian tinggi. Pentadbiran ITM di bawah kawalan Ibu Pejabat MARA meliputi pengawalan dari semua aspek terutama dari segi kewangan dan urusan kakitangan. Di antaranya ialah peraturan tentang perbelanjaan daripada peruntukan belanjawan ITM adalah secara *recouplement*, akuan *impress* dan melalui kebenaran Pengarah Bahagian Latihan sebelum tiap-tiap perbelanjaan dapat dijalankan.

²⁷ *Kajian Semula Rancangan Malaysia Ketiga, 1976-1980*, Institut Teknologi MARA, hlm. 1.

²⁸ Pada 1970-an, penyertaan Bumiputera dalam mencapai Dasar Ekonomi Baru Malaysia sangat merunsingkan kerajaan. Walaupun kemudahan dan pertolongan diberikan dalam usaha melahirkan dan membina usahawan Bumiputera, namun kemajuan dan perkembangannya masih jauh daripada yang diharapkan. NPC 5/272, Strategi Menggalakkan dan Meramaikan Penyertaan Bumiputera Di-Dlm. Perniagaan Di-Bandar-bandar Pusat. Pusat Daya Pengeluaran Negara dengan Rancangan Malaysia Kedua dan Ketiga, hlm. 5.

²⁹ Semasa merasmikan Seminar Ekonomi Bumiputera yang diadakan pada 4 April 1973, Tun Abdul Razak menyatakan bahawa satu golongan eksekutif Bumiputera begitu perlu diwujudkan dalam memenuhi keperluan bidang perusahaan dan perindustrian di Malaysia. *Pelopor*, April, 1973, No. 4, hlm. 7, dalam Arkib Sukan(sumber tak jelas)48/7/14. Tun Tan Sri Haji Sardon bin Jubir.

³⁰ Majlis Amanah Rakyat (MARA), *Prospektus Institut Teknologi MARA 1968/69*, hlm. 3.

³¹ Rujuk *Berita Harian*, 10 Disember 1965.

Peraturan ini sesuai pada masa lepas iaitu ketika ITM itu masih lagi sebuah maktab yang kecil.³² Apabila ia berkembang pesat dan mempunyai bilangan pelajar dan kakitangan yang ramai, ia merumitkan dan menyukarkan pihak ITM dalam menyelesaikan tugas mereka.

Selain itu, kuasa yang diturunkan kepada Pengarah ITM adalah amat sedikit iaitu mengawasi kakitangan dari segi inisiatif dan tatatertib sahaja. Ini berikutan sekatan-sekatan yang diletakkan terhadap kekuasaannya di bawah peraturan sekarang. Sungguhpun ITM bertanggungjawab terhadap kelicinan kerja dan kecekapan kakitangannya, ia tidak mempunyai kuasa apa-apa atau kuasa yang berkesan untuk mengambil tindakan segera di dalam mengendalikan tugas kakitangannya.Keperluan mengendalikan tugas-tugas ITM yang semakin berkembang serta menjamin kelicinan perbelanjaan kerajaan yang amat besar, maka perlulah diberi kebebasan autonomi kepada ITM untuk bertindak supaya institut ini benar-benar bertanggungjawab dalam segala urusannya.³³

3.4 Struktur Pentadbiran ITM

Bahagian Kemajuan Pentadbiran Jabatan Perdana Menteri juga mencadangkan supaya sebuah Majlis Pentadbir (*Governing Council*) atau Lembaga Pentadbir ditubuhkan untuk mentadbir institut ini. Majlis ini hendaklah bertanggungjawab terus kepada Pengerusi MARA. Bagi melancarkan pentadbiran, maka MARA dicadangkan agar:

³² Surat Encik Arshad Ayub kepada Encik Abdul Rahman Hamid selaku Pengarah Bahagian Latihan MARA, 19 Julai 1969 dalam Memorandum MIT Governing Council.

³³ Ibid.

- a) Menubuhkan suatu Lembaga Pengelola ITM (*MIT Governing Council*) di mana majlis akan menyerahkan segala kuasa (*delegation*) berkenaan dengan tanggungjawab ITM termasuk pentadbiran, kewangan, syarat-syarat bekerja dan sebagainya kepada majlis tersebut.
- b) Meluluskan cadangan perubahan pentadbiran dan struktur organisasi ITM.
- c) Menubuhkan empat atau lebih buah Panel Penasihat (*Advisory Panel*) bagi Lembaga ITM berkenaan dengan penubuhan kursus-kursus baru untuk mengeratkan hubungan di antara badan-badan profesional dan memberi peluang bekerja kepada siswa-siswi ITM.³⁴

Justeru, sebuah Majlis Pentadbir ditubuhkan untuk melicinkan lagi proses perkembangan ITM. Majlis ini ditubuhkan pada 15 Januari 1970.³⁵ Encik Ghaffar Baba selaku Pengerusi MARA telah mengumumkan penubuhan Majlis Pentadbir ITM bagi membantunya mentadbir institusi tersebut.³⁶ Menurut beliau, majlis ini akan memberi nasihat mengenai pentadbiran, kewangan dan juga jenis kursus yang patut dikendalikan di institut ini. Majlis ini akan bertindak sebagai badan eksekutif institut dalam menjalankan segala aktiviti, mengelola, mengawal dan mentadbir institut ini.³⁷ Majlis Pentadbir ini bukanlah satu badan berautonomi kerana ia masih terletak di bawah pengawalan Pengerusi MARA.³⁸ Anggota Majlis ini terdiri daripada 18 orang iaitu dalam kalangan pegawai kanan kerajaan dan wakil daripada badan profesional dan pihak-pihak lain.³⁹ Mereka terdiri daripada:

³⁴ Ibid.

³⁵ Majlis Amanah Rakyat (MARA), *Penyata Tahunan MARA 1970*.

³⁶ Rujuk *Utusan Malaysia*, 15 Januari 1970.

³⁷ Firdaus Ahmad Azzam (ed.), *ITM Warisan Bangsa*, hlm. 21.

³⁸ Pada 4 Mac 1970, ITM telah dibebaskan daripada naungan Bahagian Latihan MARA. Lihat Peristiwa-peristiwa Penting Institut Teknologi MARA, 1956-1980 dalam S.P. 113/12/008. Prof. Datuk Nik Abdul Rashid Bin Nik Abdul Majid.

³⁹ Majlis Pentadbir dianggotai oleh Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan sembilan hingga 17 orang ahli lain yang dilantik oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Lihat *MARA Institute of Technology*, Bulletin 73-74, hlm. 12.

- a) Setiausaha Tetap Kementerian Luar Negeri iaitu Tan Sri Ghazali Shafie selaku Pengerusi Majlis Pentadbir.
- b) Menteri Besar Negeri Sembilan iaitu Encik Mansor Osman selaku Timbalan Pengerusi.
- c) Setiausaha Kerja Urusetia Hal Ehwal Awam Mageran.
- d) Timbalan Setiausaha Tetap Perbendaharaan iaitu Encik Abdullah Ayub.
- e) Timbalan Setiausaha Kemajuan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar bandar iaitu Encik Ishak Tadin.
- f) Ketua Penolong Setiausaha Kementerian Pelajaran iaitu Encik Abdul Aziz Hussin.
- g) Timbalan Setiausaha Kementerian Perdagangan dan Perusahaan iaitu Encik Nasaruddin bin Mohamed.
- h) Pengarah Bahagian Latihan MARA.
- i) Pendaftar UKM iaitu Encik Abdullah Salleh.
- j) Anggota Parlimen Johor Tenggara iaitu Tan Sri Jaafar Albar.
- k) Pegawai Ekonomi FAMA iaitu Che' Khatijah Ahmad dan beberapa orang ahli lain.⁴⁰

Pengetua ITM iaitu Encik Arshad Ayub dilantik menjadi Setiausaha kepada Majlis Pentadbir tersebut. Keahlian majlis ini akan dilantik dua tahun sekali. Meskipun Majlis Pentadbir telah ditubuhkan, namun soal kewangan termasuk peruntukan kewangan ITM masih dibuat oleh Ibu Pejabat MARA dan majlis berpeluang untuk mengemukakan syor-syornya. Dengan penubuhan Majlis Pentadbir, bererti kuasa MARA terhadap ITM semakin longgar. MARA tidak mentadbir ITM secara langsung tetapi melalui majlis yang lebih banyak menjalankan fungsinya.

⁴⁰ *Berita Harian*, 15 Januari 1970.

Keahlian Majlis Pentadbir ini juga menampakkan bahawa wakil daripada pelbagai sektor kerajaan telah diambil dan bukan menjurus kepada kakitangan ITM sendiri ataupun MARA. Hal ini telah melahirkan perasaan kurang senang dalam kalangan Kesatuan Siswa Siswi ITM (KSITM).⁴¹ Kesatuan ini menyifatkan Majlis Pentadbir ITM sebagai satu pembolotan kuasa kerana komposisi majlis ini tidak dipilih secara bijak. Ini disebabkan wakil dari ITM seperti para Pensyarah tidak dipilih sedangkan peranan mereka sangat penting dalam memperbaiki perjalanan ITM ke arah yang lebih cemerlang.⁴² Pendek kata, peralihan pucuk pentadbiran ini telah membawa ITM memasuki zaman baru dan masa depannya dikendalikan sepenuhnya oleh Majlis Pentadbir atau juga dikenali sebagai Majlis ITM. Pengerusi Majlis Pentadbir yang pertama ialah Tan Sri Ghazali bin Shafie.⁴³ Beliau dibantu oleh Datuk Mansor bin Othman sebagai Naib Pengerusi.⁴⁴

3.5 Perkembangan Kursus di ITM

Perubahan pentadbiran juga telah membawa kepada perkembangan baru dalam kursus yang diambil oleh pelajar. Dalam tempoh 1964-1969, kebanyakan graduan adalah daripada kursus kesetiausahaan. Walau bagaimanapun, sejak 1970, bilangan graduan telah meningkat dan menjurus kepada bidang perniagaan, sains gunaan dan perakaunan.⁴⁵ Selain itu, terdapat juga kursus baru seperti *School of Mass Communication* diperkenalkan bermula dari tahun 1972 manakala kursus baru yang lain telah muncul hasil perkembangan kursus yang terdahulu.

⁴¹ KSITM didaftarkan dalam Mei 1965 dibawah *Societies Act 1949* sebagai *Dewan Latehan RIDA Students' Council*. Ia didaftarkan semula dalam tahun 1967 sebagai KPITM (Kesatuan Pelajar-pelajar Instituti Teknologi MARA, namun kemudiannya ditukarkan kepada Kesatuan Siswa/Siswi Institut Teknologi MARA. Lihat *MARA Institute of Technology, Bulletin 73-74*, hlm. 124.

⁴² Rujuk *Utusan Malaysia*, 9 Februari 1970.

⁴³ Tan Sri Ghazali Shafie telah berkhidmat sebagai Pengerusi Majlis Pentadbir dari 15 Januari 1970 hingga 28 Ogos 1975. Sewaktu beliau mentadbir ITM, beliau telah membentuk dan memperkukuhkan struktur ITM sebagai sebuah institusi pengajian tinggi. Rujuk Hawa Rohany (ed.), *Documenting A Destiny: History of University Teknologi MARA, 1956-2006*, hlm.74.

⁴⁴ 10 tahun Institut Teknologi MARA dalam Kenangan, hlm. 9.

⁴⁵ Ibid., hlm. 13.

Antara kursus yang diperkenalkan ialah *School of Hotel and Catering Management* pada tahun 1969. Pada asalnya, ia merupakan salah satu kursus di *School of Library Science*. *School of Secretarial Science* pada tahun 1974 pula ditubuhkan dari hasil pecahan *School of Administration and Law*. Manakala *School of Art and Design* muncul dari pecahan *School of Art and Architecture*. Di akhir tahun 1974, muncul lapan buah fakulti yang mengendalikan pelbagai program.⁴⁶ Sebuah pusat bahasa telah ditubuhkan pada tahun 1972 manakala sebuah pusat pengajian jarak jauh ditubuhkan pada tahun 1973.⁴⁷ Encik Arshad, telah mengelompokkan kursus-kursus ITM kepada:

Jadual 3.2: Kursus-kursus di ITM

Fakulti	Kursus
<i>School of Accountancy</i>	<i>Associate of Certified and Corporate Secretaries (ACCA)-UK</i> <i>Institute of Course and Works Accountants (ICWA)-UK</i> <i>Diploma in Accountancy</i> <i>Institute of Management (ICMA) –UK.</i>
<i>School of Administration And Law</i>	<i>Corporation of Secretaries (CCS)-UK</i> <i>Chartered Institute of Secretaries (CIS) –UK.</i> <i>Public Administration & Local Government</i> <i>Stenography</i> <i>Law (LLB and Barrister-at-Law) UK</i> <i>Librarianship(UK)</i>
<i>School of Business and Management</i>	<i>Chartered Insurance Institute (UK)</i> <i>Diploma in Business Studies</i> <i>Diploma in Banking</i> <i>Purchasing Officers' Association (UK)</i> <i>Institute of Transport (UK)</i> <i>Diploma in Hotel and Catering Management</i> <i>Institute of Marketing (UK)</i> <i>Office Management</i>

⁴⁶ BPE 11/111/100. RMT-Kementerian Pelajaran. Instituti Teknologi MARA. (ITM). Part 1, 1971-1975, Review of Progress in Plan Implementation.

⁴⁷ Fadzilah Amin, *Shaping A Dream: From Dewan Latihan RIDA to Universiti Teknologi MARA, 1956-1999*, Shah Alam: UiTM, 2000, hlm.17.

Jadual 3.2, sambungan

Fakulti	Kursus
<i>School of Art and Architecture</i>	<i>Architecture</i> <i>Building Economics(Quantity Surveying)</i> <i>Valuation</i> <i>Town Planning</i> <i>Building and Construction</i> <i>Fine Arts and Sculpture</i> <i>Graphic Design</i> <i>Textile Design</i> <i>Industrial Design</i>
<i>School of Engineering</i>	<i>Civil Engineering</i> <i>Electrical(Power) Engineering</i> <i>Electrical (Electronics) Engineering</i> <i>Mechanical Engineering</i>
<i>School of Pre-University Studies</i>	<i>HSC Arts</i> <i>HSC Science</i>
<i>School of Applied Sciences</i>	<i>Rubber and Plastic Technology(UK)</i> <i>Veterinary Technology</i> <i>Planting Industries Management</i> <i>Experimental and Lab Technology</i> <i>Forest and Wood Technology</i>
<i>School of Computer Science and Mathematics</i>	<i>Institute of Statisticians(UK)</i> <i>Institute of Actuaries(UK)</i> <i>Computer Science (ditawarkan bermula1969)</i>

Sumber: Rokiah Talib, *A Second Chance: Life and Mission of Arshad Ayub*, hlm. 62-66.

Kursus yang tersebut di atas ini telah diperkenalkan bagi memperluaskan lagi pilihan kursus yang sedia ada. Misalnya, bagi kursus seperti *Graphic Design*, *Textile Design* dan *Industrial Design* merupakan kursus baru yang belum pernah diperkenalkan di Malaysia. Sebagai perintis, ITM menempuh kesukaran dalam memperoleh pengiktirafan bagi kursus tersebut. Malah, bagi kursus *Computer Science*, ITM adalah institusi

pertama yang menawarkan kursus tersebut. Kebanyakan kursus di peringkat awal bertaraf diploma dan merupakan kursus hasil kerjasama dengan universiti di luar negara. Ini merupakan salah satu strategi utama Pengarah ITM ketika itu iaitu Encik Arshad Ayub (kini Tan Sri) dalam memperkenalkan ITM dan meletakkan penanda aras yang tinggi sebagai kayu ukur pencapaian ITM.⁴⁸

Usaha untuk merealisasikan perkembangan ITM bukan satu tugas yang mudah bagi MARA. MARA beruntung memiliki Encik Arshad Ayub sebagai Pengarah ITM ketika itu.⁴⁹ Sebagai seorang pentadbir yang efisien, Arshad sering membuat keputusan sendiri dalam menerajui ITM. Beliau merasakan birokrasi kerajaan yang wujud akan melambatkan dan merencatkan pertumbuhan ITM. Beliau tidak gemar akan prosedur yang menyulitkan dalam membuat sesuatu keputusan. Ini secara tidak langsung membantu beliau dalam bertindak pantas merangka sesuatu dasar baru buat ITM. Bagi MARA pula, ITM bukan lagi satu bebanan kerana kemampuannya untuk bergerak sendiri tidak dapat dinafikan.

Misalnya, ketika Encik Arshad berjumpa dengan Tun Abdul Razak (Perdana Menteri Malaysia ketika itu) bagi membincangkan perkembangan ITM, beliau mengambil kesempatan untuk mengemukakan masalah bajet yang tidak mencukupi untuk perkembangan ITM. Secara spontan, Tun Abdul Razak telah berhubung dengan Pengarah Unit Perancang Ekonomi iaitu Encik Tong Yaw Hong dan mengarahkan agar diberikan peruntukan sebanyak RM 9 juta untuk dibelanjakan selama tiga tahun lagi. Jelas di sini, beliau tidak melalui Majlis MARA untuk memohon peruntukan seperti yang selalunya dilakukan oleh pentadbir lain. Ia bukan bertujuan untuk membelakangkan pihak pentadbiran MARA tetapi hasrat beliau ingin mempercepatkan

⁴⁸ Rokiah Talib, *A Second Chance: Life and Mission of Arshad Ayub*, hlm. 62-66.

⁴⁹ Tan Sri Arshad Ayub juga dikenali sebagai *expansion of ITM*. Ketika pentadbirannya, dari sekecil-kecil kawasan di Petaling Jaya, ITM telah mengembangkan sayapnya ke seluruh negara. Lihat "ITM dan Pengarah Baru" oleh Katni Kamsono Kibat dalam *Warta ITM*, Bil. 47, July 1980, hlm. 3.

tugas yang tertanggung oleh sebab kekangan kewangan. Kepintaran beliau ini telah banyak membantu dalam perkembangan pesat ITM.⁵⁰

3.6 Perkembangan Pelajar

Penambahan kursus yang baru telah membawa kepada peningkatan kemasukan pelajar. Kemasukan pelajar pada Julai 1968 adalah seramai 2500 orang dan telah meningkat kepada 4,500 orang pada tahun 1972. Bukti yang ketara ialah pada zaman Encik Arshad Ayub selaku Pengarah ITM, ITM telah mengalami peningkatan pelajar dan pensyarah yang begitu mendadak. Ia dapat dilihat melalui jadual di bawah:

Jadual 3.3: Jumlah Peningkatan Pelajar, 1965-1974

Tahun	Bilangan Pelajar	Pensyarah
1965	219	11
1966	551	20
1967	1491	82
1968	2361	144
1969	2542	184
1970	2830	252
1971	2641	309
1972	3595	407
1973	4775	589
1974	6856	904

Sumber: Arkib UiTM Shah Alam, Centre for Strategic Planning UiTM.

⁵⁰ Ibid., hlm. 76-77.

Jadual 3.3 menunjukkan peningkatan jumlah pelajar dan kakitangan ITM yang begitu mendadak sekali. Bermula dengan seramai 219 orang pelajar dan 11 orang pensyarah pada tahun 1965, jumlah tersebut telah meningkat kepada 6856 orang pelajar dan 904 orang pensyarah pada tahun 1975. Ini bermakna, berlaku kenaikan sebanyak 96.8% bagi kategori pelajar manakala 98.7% bagi kategori pensyarah pula. Jelas di sini menunjukkan program yang dijalankan oleh ITM mula mendapat tempat di hati masyarakat dan ia kian popular setanding dengan institusi pengajian tinggi yang lain.⁵¹ Ini bermakna ITM telah berjaya memecah minda masyarakat Melayu yang takut untuk menceburi kursus perdagangan dan perindustrian.⁵² Jumlah tenaga pengajar yang meningkat ini juga menunjukkan bahawa kepesatan dalam perkembangan kursus di ITM.

Jadual 3.4: Jumlah Graduan Mengikut Kursus Bagi Tahun 1976

Jenis Fakulti	Jumlah Graduan
Kejuruteraan	154
Pengurusan Hotel dan Penyediaan Makanan	36
Pentadbiran dan Undang-undang	71
Perniagaan dan Pengurusan	192
Perakaunan	109
Sains Gunaan	209
Sains Kesetiausahaan	93
Sains Hisab dan Komputer	38

⁵¹ Misalnya, pada 20 September 1974, Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan-kelayakan mengiktiraf *Diploma in Mass Communication* dinilai secara am setanding dengan Ijazah Am bagi membolehkan pemegang-pemegangnya diberi tangga gaji permulaan sebanyak \$640 sebulan apabila memasuki Perkhidmatan Awam. *Advance Diploma in Engineering* dinilai sebagai setaraf dengan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan bagi membolehkan pemegang-pemegangnya dilantik sebagai Jurutera di dalam Kumpulan Pengurusan dan Iktisas Perkhidmatan Awam. Lihat Peristiwa-peristiwa Penting Institut Teknologi MARA, 1956-1980, dalam S. P. 113/12/008, Prof Datuk Nik Abdul Rashid Bin Nik Abdul Majid.

⁵² Menurut Menteri Pembangunan Ekonomi Desa, Abdul Ghafar bin Baba, beliau menyatakan dari 402 orang siswazah yang lulus pada tahun 1972/1973, cuma kira-kira 15 orang sahaja yang belum berjaya mendapat pekerjaan setelah ditemuduga. *Penyata Rasmi Dewan Rakyat, Parlimen Ketiga, Penggal Parlimen Ketiga*, Jilid III, Bil. 34, Khamis 6hb Disember, 1973, Jawapan-jawapan Mulut Bagi Pertanyaan-pertanyaan, Institut Teknologi MARA-Siswazah, hlm. 3933.

Jadual 3.4, sambungan

Jenis Fakulti	Jumlah Graduan
Sains Perpustakaan	38
Sebaran Am	32
Senibina, Perancangan dan Ukur	94
Senilukis dan Senireka	69
Jumlah	1,135

Sumber: *Laporan Tahunan Institut Teknologi MARA*, hlm. 33-61.

Jadual 3.4 menunjukkan jumlah graduan bagi setiap fakulti bagi tahun 1976. Fakulti yang menghasilkan graduan paling tinggi ialah Sains Gunaan manakala paling rendah ialah Sebaran Am. Manakala jumlah keseluruhan graduan bagi tahun 1976 ialah sebanyak 1,135 orang graduan. Jumlah graduan yang dihasilkan oleh ITM ini adalah selaras dengan usaha kerajaan bagi membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.⁵³ ITM telah memainkan peranan penting sebagai salah sebuah pusat pengajian tinggi yang dinamis dalam melahirkan usahawan-usahawan dan eksekutif-eksekutif Bumiputera yang terlatih melalui pelajaran dan latihan praktik.⁵⁴ Di samping itu, ITM juga bakal menyediakan tenaga kerja yang amat dikehendaki oleh negara dalam perkembangan dan kegiatan ekonomi negara yang sangat pesat ini. Program yang dikendalikan oleh ITM adalah untuk melatih Bumiputera dalam bidang profesional dan

⁵³ Pada tahun 1978, dilaporkan ITM mempunyai 13 “sekolah” pengajian yang menawarkan kursus dalam bidang akaun, hisab dan sains komputer, kejuruteraan, pentadbiran dan undang-undang, pengurusan hotel dan penyediaan makanan, senibina perancangan dan ukur, perdagangan dan pengurusan, perhubungan awam, sains gunaan, sains perpustakaan, senilukis dan seni reka, pengajian prauniversiti dan pusat bahasa. Jumlah kursus yang ditawarkan ialah sebanyak 78 dan 12 daripadanya menyediakan penuntut bagi ijazah dan diploma luar negeri. *Pelajaran di Malaysia 1978*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pelajaran Malaysia, 1980, hlm. 62.

⁵⁴ Pengerusi Jawatankuasa Biro Ekonomi UMNO Malaysia yang bertanggungjawab untuk menjayakan Kongres Ekonomi Bumiputera Ketiga, Encik Abdul Ghafar Baba menyatakan bahawa lulusan ITM terdapat di merata-rata tempat baik di syarikat swasta, agensi kerajaan atau dalam perkhidmatan kerajaan sendiri. Beliau juga menyebut bahawa kemampuan ITM ketika itu (1980) boleh menampung sehingga 4,000 pelajar setahun dan akan terus berkembang lagi. Lihat Koleksi Keratan Akhbar UMNO - Ekonomi, 1 Nov. 1979-22 Disember 1980, *Utusan Malaysia*, 10 Mac 1980, Kongres Bumiputera III: Cari Idea untuk Majukan Ekonomi.

semi profesional supaya dapat menyeimbangkan keperluan tenaga manusia di sektor-sektor swasta dengan kaum-kaum bukan Bumiputera.⁵⁵

Selain itu, ITM juga bertanggungjawab dalam melatih para graduan daripada aliran sastera supaya dapat menceburkan diri dalam bidang keusahawanan ataupun menjadi eksekutif dalam syarikat perniagaan dan perindustrian.⁵⁶ Ia juga bertujuan untuk melatih peniaga Bumiputera yang baru meningkat naik supaya mereka menjadi ahli peniaga yang moden dan berpengalaman luas. Di samping itu, ITM juga ingin menyediakan konsep pelajaran ekonomi dengan lebih jelas kepada pelbagai peringkat pelajar dan guru.

3.7 Peralihan Pengurusan ITM ke Kementerian Pelajaran Malaysia

Meskipun berlaku perkembangan yang pesat dari aspek akademik, namun rasa tidak puas hati sering muncul di hati pelajar terutama dari aspek pentadbiran dan kedudukan ITM itu sendiri. Banyak pihak yang mula melahirkan hasrat agar ITM ini dinaikkan taraf ke tahap universiti. Misalnya, Tan Sri Ghazali Shafie pernah melahirkan hasratnya agar ITM dijadikan pusat pengajian tinggi yang bebas.⁵⁷ Bebas di sini bererti tidak berada di bawah naungan MARA. Selain itu, Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar iaitu Haji Abu Bakar Hamzah juga telah melahirkan pendapat bahawa ITM sudah layak bergelar universiti.⁵⁸

⁵⁵ Orang bukan Melayu melihat penubuhan ITM ini sebagai satu cabaran kepada mereka. Orang bukan Melayu terus berusaha untuk menggagalkan usaha-usaha Dasar Ekonomi Baru dan orang Melayu. Apabila kerajaan menubuhkan ITM, golongan ini menggunakan tenaga kewangan sendiri untuk menubuhkan Kolej Tunku Abdul Rahman manakala ITM berkembang di seluruh negara dan mereka merancang untuk berbuat demikian. Penyusunan Semula Masyarakat dan Pembangunan Ekonomi Melayu, Dasar Ekonomi Baru: Keadaan Kini dan Prospek Masadepan [sic], hlm. 12. Konvensyen Ekonomi Bumiputera, Sessi III, Penyusunan Semula Masyarakat dan Pembangunan Ekonomi Bumiputera, Rabu 22 Mac 1978, oleh Tajuddin Jali, (Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 19hb-22hb. Mac 1978, Bangi) dalam S.P. 193/15.001. Prof Madya Dr. Ishak bin Rejab.

⁵⁶ Menurut Pengerusi Majlis ITM, Datuk Mansor Othman, kejayaan-kejayaan yang dicapai oleh ITM telah dapat membantu membetulkan keadaan yang tidak seimbang dalam pembangunan ekonomi, khususnya dalam lapangan perusahaan dan perdagangan. Lihat *Warta ITM* Bil. 30 Feb. 1979, "Kejayaan-kejayaan ITM Mula Membetulkan Keadaan Tidak Seimbang", hlm. 1, dalam *Warta ITM* Bil. 29-35, 37-40 Jan-Julai. Sept-Dis. 1979.

⁵⁷ Rujuk *Berita Harian*, 17 Januari 1971.

⁵⁸ Rujuk *Berita Harian*, 2 Februari 1973.

Walau bagaimanapun, cadangan ini tidak diendahkan oleh pihak kerajaan yang ketika itu begitu selesa meletakkan ITM di bawah MARA. Tuntutan mula dibuat oleh Kesatuan Siswa-siswi Institut Teknologi MARA (KSITM) yang menuntut agar ITM dinaikkan ke taraf universiti.⁵⁹ Ibrahim Ali selaku Presiden KSITM telah menggesa agar kerajaan memenuhi hasrat pelajar ITM ketika itu.⁶⁰ Menurut Ibrahim Ali:

“When I took over the leadership of KSITM, we started to discuss seriously on the issue of upgrading ITM to a university level during the second semester of 1972. In the following KSITM council meeting chaired by Dato’ Naim Mohamad, we decided that the struggle to make ITM a university would be at the top of the union’s agendas.”⁶¹

Setelah diselidiki dan dikaji cadangan wakil pelajar, kerajaan telah mengambil keputusan untuk tidak membenarkan taraf ITM diubah. Hal ini disebabkan masih banyak perkara yang perlu diperbaiki dan kemudahan yang perlu dimajukan. Sekiranya ia dinaikkan taraf kepada taraf universiti, dikhuatiri ITM tidak mampu untuk bersaing dengan universiti lain pada ketika itu.⁶²

Ekoran rasa tidak puas hati kerana hak mereka tidak dipenuhi, sebilangan pelajar ITM telah berjalan kaki dari kampus Shah Alam untuk berarak di hadapan bangunan Parlimen pada 22 April 1974.⁶³ Mereka telah dileraikan oleh pasukan polis pada jam 5.30 pagi di Lebuhraya Persekutuan di simpang masuk ke Lapangan Terbang Subang

⁵⁹ Kesatuan Siswa Institut Teknologi MARA telah menghantar memorandum kepada Perdana Menteri supaya menaikkan taraf ITM ke taraf sebuah universiti. *Penyata Rasmi Dewan Rakyat, Parlimen Ketiga, Penggal Parlimen Keempat*, Jilid IV, Bil. 10, Hari Isnin 29hb April, 1974, Kuala Lumpur: Mohd. Daud Bin Abdul Rahman, J.S.M., Ketua Pengarah Percetakan Semenanjung Malaysia, 1974, I.T.M.-Menaikkan Taraf Universiti, hlm. 1191, dalam S.P. 33/12.001. Tun Dr. Fatimah Binti Hashim. Lihat juga Usul-usul KSITM dalam Persidangan Agung Tahunan 1973 yang menyatakan bahawa mereka mendesak pihak kerajaan supaya campur tangan dengan tegas agar ITM dinaikkan ke taraf universiti. Desakan ini berdasarkan ITM sudahpun mencapai taraf yang setanding dengan pusat-pusat pengajian tinggi di Malaysia dan antara bangsa, hlm. 21. Minit Persidangan Agung KSITM 1972/73 pada 15hb & 16hb September 1973 dalam Penyata Tahunan Dewa Siswa Ke4mpat KSTM 73/74 dalam R. S.M. 91/65 Bhg. 2. Kesatuan Siswa Institiut Teknologi MARA; d/a Bilik Gerakan Kesatuan, Institiut Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor.

⁶⁰ Rujuk *Berita Harian*, 2 Februari 1974 dan 23 Februari 1974.

⁶¹ Ibrahim Ali, *The Misunderstood Man: An Untold Story*, Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn Bhd, 2016, hlm. 195.

⁶² Rujuk *Berita Harian*, 23 Mei 1974.

⁶³ Menurut Ibrahim Ali, “Peristiwa 22 April” menjadi kenangan hingga ke akhir hayat siswa-siswi ITM yang mempelopori tuntutan berkenaan. Seramai 181 orang ditahan dan dibicarakan di mahkamah, manakala 24 orang telah dimasukkan ke hospital. Beliau menyatakan semangat, pengorbanan dan keberanian tindakan 22hb April akan diabadikan dalam sejarah KSITM. Lihat Pandangan Rengkas Presiden KSITM 73/74. Sdr. Ibrahim Ali, hlm. 27 dalam Penyata Tahunan Dewan Siswa Ke4mpat KSITM 73/74, Minit Persidangan Agung KSITM 1972/73 pada 15hb & 16hb September 1973 dalam R.S.M. 91/65 Bhg. 2. Kesatuan Siswa Institiut Teknologi MARA; d/a Bilik Gerakan Kesatuan, Institiut Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor.

serta berhampiran dengan kampung Kerinchi. Pelajar-pelajar tersebut telah diarahkan untuk pulang semula ke kampus masing-masing bagi meneruskan pengajian. Berikutan tunjuk perasaan tersebut, Majlis Pentadbir telah mengambil keputusan untuk menutup ITM buat sementara waktu.⁶⁴

Dua buah jawatankuasa telah dibentuk bagi mengkaji dan membuat laporan berkenaan dengan kejadian tersebut. Jawatankuasa yang pertama dipengerusikan oleh Encik Abdul Kadir Talib, Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran yang mengkaji berkenaan sebab-sebab dan kejadian yang membawa kepada tunjuk perasaan di dalam dan di luar kampus. Jawatankuasa yang kedua dipengerusikan oleh Encik Shev Charan Singh, seorang pegawai kanan dari Jabatan Peguam Negara yang mengkaji berkenaan dengan tindakan polis pada 22 April 1974 hingga 24 April 1974. Kedua-dua jawatankuasa ini dikehendaki menyiapkan laporan dalam tempoh tiga minggu.⁶⁵

Tunjuk perasaan 1974 ini sedikit sebanyak menunjukkan rasa kurang senang dan protes yang wujud dalam kalangan pelajar. Pelbagai isu telah mula diperbesarkan oleh pelajar dan dalam tahun 1975, Encik Arshad Ayub telah ditukarkan perkhidmatannya ke Bank Negara.⁶⁶ Kementerian Pelajaran memikirkan perlunya seorang pengganti yang lebih bijak dalam arena pendidikan agar masalah pelajar yang semakin rumit ini dapat diatasi. Mereka mahukan seorang ahli akademik dan pentadbir yang berkebolehan. Calon yang dipilih ialah Datuk Haji Lokman bin Musa. Beliau pernah berkhidmat sebagai Pengarah Pelajaran Pahang, Pengarah Pelajaran Sabah, Pengarah Latihan Guru-guru Kementerian Pelajaran dan Pengarah Maktab Bahasa.⁶⁷

⁶⁴ Rujuk Minit Mesyuarat Tergempar Majlis Pentadbir ITM, Fail Arkib UiTM Shah Alam, 22 April 1974, jam 11.30 pagi.

⁶⁵ Rujuk Minit Mesyuarat Khas Majlis Pentadbir ITM, Fail Arkib UiTM Shah Alam, 18 Mei 1974, jam 9.15 pagi.

⁶⁶ Dua tuduhan dilemparkan kepada ITM iaitu pertama, aspek kewangan di mana akaun ITM dikatakan kucar kacir. Kedua, prestasi ITM sebagai sebuah pusat pengajian tinggi diragukan kerana muncul pendapat yang berlawanan mengenai kejayaannya. Lihat PM. RAHSIA 10259, Jld. XXII, Peringatan Butir-butir Mesyuarat Ketua-ketua Setiausaha Kementerian Yang ke 3 Tahun 1976, hlm. 6. Dalam M. of H. SECRET KK (R)- 351-BHG. (3), Mesyuarat Ketua-ketua Setiausaha Kementerian (Tahun 1975/76).

⁶⁷ Rujuk *Utusan Malaysia*, 13 Januari 1976.

Sebagai seorang yang telah lama berkecimpung dalam bidang akademik, Datuk Haji Lokman begitu menitikberatkan aspek disiplin dalam membentuk para pelajar.⁶⁸ Langkah pertama yang beliau ambil ialah dengan menguatkuasakan peraturan disiplin yang sedia ada. Tindakan ini telah menimbulkan rasa kurang senang di hati pelajar yang selama ini sudah begitu asyik dengan gaya hidup bebas.⁶⁹ Pelajar mula memprotes apabila mereka tidak puas hati terhadap tindakan pentadbir ITM yang telah mengumumkan peraturan yang akan diperketatkan di ITM di dalam akhbar.⁷⁰ Tindakan ini diibaratkan telah memalukan para pelajar. Mereka marah kerana tidak diajak berunding terlebih dahulu. Pihak pentadbiran pula merasakan tidak ada apa yang perlu dirundingkan sementelahan semua peraturan tersebut telah termaktub dalam buku peraturan yang sedia ada, cuma tidak ada penguatkuasaan. Di antara peraturan yang menimbulkan rasa tidak puas hati pelajar ialah soal berambut panjang yang disuarakan di dalam akhbar.⁷¹ Keadaan kurang sihat berlaku apabila kebanyakan pelajar lelaki gemar menyimpan rambut panjang hingga sukar untuk membezakan antara lelaki dan perempuan.

Pelajar juga telah melemparkan beberapa tuduhan lain. Di antaranya pihak pentadbir tidak berunding dengan mereka dalam hal-hal kewangan hingga berlakunya pembaziran.⁷² Antaranya seperti pembinaan kolam renang di kampus yang dikatakan membazir sedangkan wang tersebut boleh disalurkan untuk perkara yang lebih penting.

⁶⁸ Datuk Haji Lokman menyatakan bahawa tujuan utama diadakan disiplin itu ialah untuk menjaga dan memperbaiki imej ITM. Para pelajar dikehendaki berpakaian kemas dan bersopan santun. Beliau berharap lepasan ITM pada masa hadapan akan terdiri daripada golongan orang terpelajar yang cukup baik dan berfikiran suci. Lihat "Jangan Kecewakan Ibubapa - Datuk Pengarah", *Warta ITM*, 9. Mac 76, Bil. 1, hlm. 1.

⁶⁹ Menurut *Mastika*, masyarakat memandang dingin terhadap perbuatan penuntut-penuntut ITM dan sebilangan anggota masyarakat berpendapat penuntut ITM kurang didikan dan asuhan akhlak dan agama. Segala tingkah laku penuntut ITM dikeji dan dicaci. Lihat *Mastika*, 'Usaha memperbaiki imej pelajar' oleh Mohamed Jusoh, Januari 1974 dalam Koleksi Persendirian Dato' Abdul Halim Bin Salleh.

⁷⁰ Pengarah ITM telah mengeluarkan surat pekeliling berkenaan disiplin kepada semua pelajar ITM. Salinan surat ini telah dihantar kepada semua ibu bapa dan penjaga pelajar itu. Surat itu menyatakan bahawa pihak pentadbir ITM akan melaksanakan dengan sepenuhnya segala peraturan tatatertib yang telah lama berada di dalam Buku Panduan Pelajar ITM apabila ITM dibuka semula pada 5 Januari 1976. Antara peraturan tersebut ialah kod etika pelajar yang perlu berambut pendek dan berpakaian sopan. *Penyata Rasmi Parlimen, Dewan Negara*, 3 Mei 1976, Jilid II, Bil. 6. hlm. 486.

⁷¹ Rujuk *Berita Minggu*, 11 Januari 1976.

⁷² Antara usul KSITM dalam Persidangan Agung Tahunan 1973 ialah mendesak pihak Majlis Pentadbir ITM agar mengkaji kembali kedudukan pentadbiran ITM terutama bahagian kewangan dan hal ehwal pelajar. Usul-usul KSITM dalam Persidangan Agung Tahunan 1973. Minit Persidangan Agung KSITM 1972/73 pada 15hb & 16hb September 1973 dalam *Penyata Tahunan Dewa Siswa Keempat KSTM 73/74* dalam R. S. M. 91/65, Bhg. 2. Kesatuan Siswa Instituit Teknologi MARA; d/a Bilik Gerakan Kesatuan, Instituit Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor, hlm. 21.

Selain itu, pelajar juga tidak berpuas hati dengan mesyuarat Majlis Pentadbir yang diadakan di Bukit Fraser untuk membincangkan tentang hal pentadbiran.⁷³

Ada juga dalam kalangan pelajar yang tidak berpuas hati terhadap pelantikan Datuk Haji Lokman sebagai Pengarah ITM. Beliau merupakan seorang yang tegas dan berani dalam menguatkuasakan undang-undang. Walau bagaimanapun, beliau telah dibenci oleh pelajar dan sebarang tindakan beliau dianggap sebagai bapa yang ingin menjatuhkan keluarganya sendiri. Segala tindakan beliau telah disalahertikan dan dibandingkan dengan Bapa ITM iaitu panggilan untuk Encik Arshad Ayub (bekas Pengarah ITM).⁷⁴ Meskipun pelajar menentang segala tindakan pentadbiran namun kuatkuasa undang-undang tetap dijalankan demi untuk menjamin kesejahteraan pelajar dan memastikan mereka dalam persekitaran akademik yang kondusif.⁷⁵

Ekoran rasa marah dan merasakan imej pelajar tercemar, seramai 200 orang pelajar telah bertindak menghalang pendaftaran penuntut yang sepatutnya diadakan pada 5 Januari 1976. Mereka telah menghalang pensyarah daripada menjalankan pendaftaran. Mereka juga telah menggelarkan diri mereka sebagai golongan Gestapo.⁷⁶ Kumpulan ini telah bermaharajalela dengan mengambil alih pentadbiran ITM. Malah, mereka telah mengugut para pelajar dengan menggunakan besi dan kayu agar menurut kata mereka. Antara ugutan mereka ialah menghalang pelajar keluar dari kampus. Mereka yang enggan menurut kehendak Gestapo ini akan dibogelkan dan dihiris dengan pisau.⁷⁷ Kumpulan ini muncul setelah timbul rasa tidak puas hati dalam kalangan pelajar. Gestapo dianggotai oleh lebih daripada 400 pelajar ITM dan dikatakan

⁷³ Mesyuarat ini merupakan rumusan-rumusan konferensi tahunan ketua-ketua kajian dan bahagian ITM yang bertemakan "ITM ke arah RMK-3", 27 hingga 30 Disember 1975 di Hotel Merlin, Bukit Fraser. Rujuk juga *Mingguan Malaysia*, 15 Februari 1976.

⁷⁴ Rujuk *Berita Harian*, 5 Januari 1976.

⁷⁵ Bantahan pelajar misalnya disuarakan dengan lantang, misalnya dalam mesyuarat KSITM menyatakan bahawa: "Peraturan-peraturan disiplin tentera sama sekali tidak boleh dikenakan di ITM. Pihak pentadbir mesti berhati-hati dalam mengeluarkan arahan-arahan dan undang-undang". Minit Persidangan Agung KSITM 1972/73 pada 15hb & 16hb September 1973, hlm. 22, dalam *Penyata Tahunan Dewa Siswa Keempat KSTM 73/74* dalam R. S. M. 91/65 Bhg. 2. Kesatuan Siswa Institiut Teknologi MARA; d/a Bilik Gerakan Kesatuan, Institiut Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor.

⁷⁶ Rujuk *Utusan Malaysia*, 14 Februari 1976.

⁷⁷ Rujuk *Berita Harian*, 9 Januari 1976 dan *Penyata Rasmi Parlimen, Dewan Rakyat*, 15 April 1976, hlm. 1353-1354.

berperanan sebagai pengawal keselamatan kepada tokoh pelajar iaitu Ibrahim Ali serta para pelajar ITM.⁷⁸ Meskipun pelbagai rundingan telah diadakan antara KSITM dan Pengarah ITM, namun wakil pelajar masih berdegil dan merasakan diri mereka tidak terbela.

Keadaan semakin meruncing apabila Dr. Mahathir Mohamad yang ketika itu selaku Menteri Pelajaran telah mengesan aktiviti tidak sihat yang menular dalam kalangan pelajar ITM. Semasa pelajar bercuti, beliau telah mengambil kesempatan melawat sendiri ke asrama pelajar bagi melihat keadaan mereka. Hasil pemeriksaan beliau telah menjumpai beberapa senjata seperti tiga bilah kapak Siam, beberapa butir peluru, pedang samurai, pedang biasa, lawi ayam, beberapa bilah pisau dan kerambit. Di samping itu, beliau juga menjumpai alat menghisap dadah, gambar lucah, poster dan kad pengenalan tiruan. Ini membuktikan bahawa wujud budaya tidak sihat yang akan memberi kesan buruk kepada pelajar lain yang ingin belajar. ITM sebagai institusi pendidikan akan terjejas jika perkara sebegini tidak dibendung.⁷⁹

Di pinggir jalan, kerajaan telah mengarahkan pasukan polis hutan untuk mengadakan sekatan jalan raya bagi tujuan keselamatan. Antara punca berlakunya ketegangan ini ialah kerana masalah kurang komunikasi antara pentadbir dan para pelajar itu sendiri. Jurang komunikasi ini merupakan satu penyakit yang telah lama berakar umbi dalam kalangan pelajar. Hubungan renggang antara pihak pentadbiran dan pelajar telah memberi peluang kepada golongan aktivis untuk meracuni fikiran pelajar dengan bayangan-bayangan negatif. Mereka bertindak dengan menonjolkan permasalahan pelajar dan menimbulkan rasa tidak puas hati dalam diri pelajar. Mereka secara terang-terangan menyalahkan Pengarah ITM iaitu Datuk Haji Lokman Musa

⁷⁸ Ibrahim Ali, *The Misunderstood Man: An Untold Story*, hlm. 198.

⁷⁹ Rujuk *Berita Harian*, 23 Februari 1976.

sebagai punca kepada segala masalah. Malah, pelajar telah menuntut agar beliau dilucutkan dari jawatannya dan beliau diminta untuk memohon maaf kepada pelajar.⁸⁰

Salah faham yang timbul dalam kalangan pelajar ini tidak dapat dileraiakan. Malah pelbagai fitnah dan tohmahan telah dilemparkan kepada pihak pentadbiran. Majlis Pentadbir gagal untuk menyelesaikan kekusutan yang timbul. Keadaan ini telah mendesak Menteri Pelajaran untuk mengarahkan agar ITM ditutup serta-merta pada 8 Januari 1976. Penutupan ini adalah selama enam minggu dan semua pelajar telah diarahkan untuk keluar. Penutupan ITM ini bererti ibu bapa boleh membawa pulang anak-anak mereka sehingga keadaan kembali tenang. Ini bagi menjamin keselamatan pelajar, pensyarah dan harta benda ITM. Kira-kira 5000 orang pelajar berada di kolej ketika pengambilalihan kuasa tersebut. Sesiapa pun tidak dibenarkan masuk ke kampus termasuk pembekal yang menghantar makanan buat pelajar. Ibu bapa yang datang untuk mengambil anak mereka akan disoal terlebih dahulu dan perlu meninggalkan kad pengenalan mereka di bilik pengawal sebelum dibenarkan membawa pulang anak mereka.⁸¹

Meskipun arahan telah dikeluarkan, masih terdapat seramai 20 orang pelajar yang enggan dan bertindak bermaharajalela masuk ke bilik pejabat pentadbiran serta membakar surat-surat penting pada waktu malam.⁸² Tindakan segelintir pelajar yang tidak berminat terhadap pelajaran ini telah mengakibatkan pelajar yang lain turut menjadi mangsa. Timbul persoalan di sini, mengapakah pihak pentadbiran gagal untuk menangani salah faham yang wujud dalam kalangan pelajar. Kemampuan pihak pentadbiran ITM dicurigai kerana gagal menyelesaikan isu yang kecil ini. Adakah isu disiplin iaitu berambut panjang telah diperbesarkan hingga mencetuskan tunjuk

⁸⁰ Rujuk *Berita Harian*, 11 Januari 1976.

⁸¹ Rujuk *Berita Harian*, 5 Januari 1976.

⁸² *Penyata Rasmi Parlimen, Dewan Negara*, 4 Mei 1976, Jilid II, Bil. 7.

perasaan? Adakah mungkin kegagalan ini timbul kerana ITM sendiri tidak mempunyai tenaga yang cukup untuk mengawal dan menjaga kesejahteraan para pelajar. Mungkin dari aspek akademik para pelajar telah diberi perhatian yang cukup tetapi bagaimana pula dari aspek kesejahteraan mereka di kampus. Dengan lain perkataan, pihak pentadbiran mestilah mengambil berat masalah pelajar dan berada di sisi mereka bagi menyelesaikan masalah ini. Kegagalan pentadbiran ITM untuk menyelesaikan masalah ini juga ekoran daripada ketiadaan penguatkuasaan undang-undang untuk mengawal para pelajar. Sebelum ini, ITM tidak mengambil tindakan tegas terhadap para pelajar yang tidak berminat untuk belajar. Malah untuk menyingkirkan pelajar adalah amat sukar sekali. Kini, satu langkah baru telah diambil untuk menggubal satu Rang Undang-Undang Institut Teknologi MARA dan juga Akta Institusi Pelajar (1976).⁸³

Rang Undang-undang ITM ini telah dibahaskan dan akhirnya diluluskan di Parlimen. Menurut Seksyen 3, ITM telah dijadikan sebagai sebuah badan berkanun dengan mempunyai kuasa yang biasanya diperuntukkan untuk sebuah badan berkanun. Ini bererti ITM tidak lagi duduk di bawah payung MARA seperti di awal penubuhannya. Malah ITM kini telah dipindahkan dari Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar kepada Kementerian Pelajaran. Jika sebelum ini, kedudukan ITM adalah sebagai salah satu institusi pendidikan MARA yang bernaung di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar tetapi kini telah berubah. Ahli parlimen sebulat suara berpendapat adalah menjadi satu kesilapan untuk meletakkan ITM di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar memandangkan status ITM sebagai sebuah institusi pendidikan yang memerlukan satu pengawasan rapi dan persekitaran yang sihat bagi menggalakkan pelajar menimba ilmu pengetahuan.⁸⁴

⁸³ Rujuk *Penyata Rasmi Parlimen, Dewan Rakyat*, 15 April 1976, hlm. 1345-1360.

⁸⁴ *Penyata Rasmi Parlimen, Dewan Negara*, 4 Mei 1976, Jilid II, Bil. 7, hlm. 621 dan 631.

Ternyata kemampuan MARA untuk menguruskan sebuah institusi pendidikan tinggi sedikit tercalar ekoran daripada insiden yang berlaku.⁸⁵

Seksyen 4 dalam undang-undang tersebut juga memberi kuasa untuk ITM menyediakan kursus pengajian, mengadakan peperiksaan dan mengambil sebarang tindakan yang sesuai bagi pelajaran dan latihan di dalam pelbagai bidang pekerjaan termasuklah bidang sains, teknologi, perniagaan, perindustrian, pengurusan dan pentadbiran. Ia juga boleh menganugerahkan diploma dan sijil kepada sesiapa yang mengikuti kursus pengajiannya di institusi yang diluluskan.⁸⁶

Selain itu, dalam aspek tata tertib pula, satu undang-undang telah digubal bagi mengawal tata tertib dalam ITM. Dengan kewujudan undang-undang ini, ketenteraman dalam ITM dapat dikawal oleh undang-undang yang kukuh dan kuat. Ketiadaan undang-undang tersendiri telah mengakibatkan masalah sebegini berlaku. Malah sepanjang tahun akademik 1975 hingga 1976, ITM telah menjadi medan pertelingkahan pelajar.⁸⁷ Penuntut ITM mengadakan pelbagai kegiatan yang bukan sahaja mencegah ketenteraman malah menghalang aktiviti pembelajaran berjalan dengan lancar.⁸⁸ Oleh itu, adalah perlu untuk mengadakan satu undang-undang bagi mengawal tindak-tanduk pelajar. Dengan kewujudan Undang-undang ITM ini, ketenteraman dalam ITM dapat dikawal malah pelajar lebih akur dengan peraturan yang ketat.⁸⁹

⁸⁵ Pengerusi MARA, Senator Datuk Nazri Tan Sri Aziz menyatakan bahawa kerajaan meletakkan ITM di bawah Kementerian Pendidikan pada tahun 1975 dengan alasan pengendalian pendidikan tinggi hanya menjadi milik kementerian. Lihat "MARA berhak ke atas ITM-Datuk Nazri", hlm. 14 dalam *Dimensi*, Bil. 8, Jilid 17, November 1994.

⁸⁶ Ibid, hlm. 622.

⁸⁷ KSITM dan lain-lain pertubuhan pelajar telah mengadakan mesyuarat dan mengeluarkan kenyataan bersama yang antara lain tidak mengiktiraf Datuk Lokman Musa sebagai Pengarah ITM serta meminta diadakan dialog dengan Menteri Pelajaran, Dr. Mahathir serta mengutuk Akta Kolej Universiti. P. M. RAHSIA 10259, Jld. XXII, Peringatan Butir-butir Mesyuarat Ketua-ketua Setiausaha Kementerian Yang Ke-5 Tahun 1976, hlm. 4. dalam M. of H. SECRET KK (R)- 351-BHG. (3), Mesyuarat Ketua-ketua Setiausaha Kementerian (Tahun 1975/76).

⁸⁸ *Penyata Rasmi Parlimen, Dewan Negara*, 4 Mei 1976, Jilid II, Bil. 7, hlm. 630-631.

⁸⁹ *Penyata Rasmi Parlimen, Dewan Rakyat*, 15 April 1976, hlm. 1352-1354.

Menurut Seksyen 10, undang-undang tersebut, termaktub larangan pelajar daripada melibatkan diri dalam persatuan, parti politik, kesatuan sekerja dan lain-lain pertubuhan. Seksyen ini juga melarang pelajar atau pertubuhan dari menyatakan sokongan, simpati atau bangkangan terhadap sesuatu parti politik. Larangan ini bertujuan untuk memusatkan perhatian pelajar pada ilmu pengetahuan dan menghindarkan pelajar daripada menyertai kegiatan yang bertentangan dengan tugas mereka sebagai seorang pelajar.⁹⁰

Dengan pengenalan Undang-undang ITM dan Undang-undang Tatatertib, secara tidak langsung telah membawa ITM kepada satu lembaran baru dengan bentuk pentadbiran yang lebih tersusun dan cekap. ITM telah menjadi sebuah badan berkanun di bawah Kementerian Pelajaran. Pemindahan ITM ke Kementerian Pelajaran dianggap perlu kerana ia dirancang sebagai institusi pendidikan yang mengambil penuntut dalam kalangan para pelajar sekolah. Sudah tiba masanya ITM bersaing dengan institusi pendidikan yang lain. Kedudukan ITM yang berada di bawah Kementerian Pelajaran juga akan membantu ITM untuk mendapatkan maklumat tentang pendidikan dari Kementerian Pelajaran.⁹¹

Dalam Undang-undang ITM telah termaktub dalam Seksyen 35(2) iaitu Bahagian VII, beberapa peruntukan peralihan untuk menentukan bahawa perubahan taraf Institut Teknologi MARA daripada sebuah institusi pendidikan yang dikendalikan oleh Majlis Amanah Rakyat (MARA) kepada sebuah badan berkanun. Ia dinyatakan seperti berikut:

⁹⁰ Ibid., hlm. 1356.

⁹¹ Ibid., hlm. 1230.

“Subject to the provisions of this act, all powers, rights, privileges, duties, liabilities or obligations which immediately before the appointed date were those of MARA in respect of ITM, or those of ITM, shall, as from the date, devolve on the Universiti (ITM) established by this act.”⁹²

Selain itu, segala bentuk aset berupa tanah dan apa jua yang menjadi milik ITM ketika di bawah MARA hendaklah dipindahkan serta-merta di bawah kuasa ITM sendiri berkuatkuasa daripada tarikh akta ini diluluskan. Ini bermakna, semua harta yang sedang digunakan oleh ITM sekarang termasuk mana-mana tanah atas nama MARA sekarang telah menjadi hak ITM.⁹³ Walau bagaimanapun, perkataan MARA yang terletak diujung nama ITM tidak digugurkan bagi melambangkan asal usulnya sebagai sebuah institut yang telah ditubuhkan di bawah MARA.⁹⁴ Ekoran demonstrasi yang dijalankan oleh pelajar telah sedikit sebanyak menjejaskan prestasi para pelajar ITM secara keseluruhannya. Ini dapat dilihat melalui keputusan peperiksaan para pelajar bagi tahun 1976 dalam Jadual 3.5.

Jadual 3.5: Keputusan Peperiksaan Bagi Jun 1976

Keputusan	Diploma Tinggi	Diploma
Lulus	529	36
Lulus selepas mengulang	44	12
Mengulang semua subjek	-	3
Dalam perhatian	136	-
Diberhentikan	92	-
Jumlah	801	51

Sumber: *Laporan Tahunan ITM 1976*, hlm. 33.

⁹² Rujuk *Universiti Teknologi MARA Act 1976*, hlm. 36.

⁹³ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan MARA Ke-64 bertarikh 7 April 1976.

⁹⁴ *Ibid.*, hlm. 35.

Jadual 3.6: Keputusan Peperiksaan Bulan Disember 1976

Keputusan	Peringkat Diploma	Diploma Tinggi
Lulus	553	13
Lulus selepas mengulang	63	1
Dalam perhatian	153	1
Diberhentikan	125	-
Jumlah	894	15

Sumber: *Laporan Tahunan ITM 1976*, hlm. 34.

Melalui jadual di atas, dapat dikenalpasti jumlah pelajar yang lulus, lulus selepas mengulang, dalam perhatian dan diberhentikan. Misalnya, jumlah pelajar yang diberhentikan telah meningkat dari 92 orang kepada 125 orang. Manakala jumlah pelajar yang dalam perhatian juga meningkat dari 136 orang kepada 153 orang. Ini menunjukkan bahawa tunjuk perasaan yang berlaku telah memberi kesan kepada pelajar dan menjadikan ITM itu sendiri sebagai medan pertelingkahan. Tuduh menuduh dan syak wasangka yang berleluasa telah mengganggu proses pembelajaran ilmu dalam kalangan pelajar.

Jelas di sini bahawa langkah-langkah positif yang telah diambil oleh pihak kerajaan melalui ITM ini telah berjaya mengubah tindak tanduk pelajar agar lebih fokus terhadap tanggungjawab mereka sebagai seorang pelajar.⁹⁵ Dengan pengenalan Undang-undang ITM dan Akta Institusi-institusi Pelajaran (tatatertib) 1976, telah berjaya mengawal tindak tanduk pelajar ITM. Aktiviti selain pendidikan dapat dicegah dan para pelajar dapat belajar dalam keadaan yang kondusif. Sebarang bentuk tindakan mempengaruhi pelajar juga dapat dibanteras dengan mudah kerana wujudnya akta yang menghalang kegiatan tersebut. Ini secara tidak langsung akan menjamin perkembangan

⁹⁵ Ucapan Y.B.Dato' Musa Hitam selaku Menteri Pelajaran Malaysia di Konvokesyen ITM pada 13 dan 14 Oktober 1979, Dewan Besar ITM Shah Alam, hlm. 2.

pendidikan ITM itu sendiri. Jesteru, mulai 1976 ITM bertindak dengan lebih giat dalam mengembangkan potensinya sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi yang lebih pesat.⁹⁶ Walaupun ITM terjejas dengan krisis yang melandanya pada tahun 1974-1976, pengambilalihan institusi berkenaan oleh Kementerian Pelajaran telah mengembalikan semula keadaan ITM sebagaimana asalnya. ITM terus menerima penyertaan pelajar yang semakin bertambah tahun demi tahun. Hal ini dapat dibuktikan melalui hakikat di mana pada tahun 1975, terdapat kira-kira seramai 6,900 pelajar di ITM. Jumlah pelajar terus meningkat saban tahun sehingga hampir mencecah 45,000 orang pada tahun 1996.⁹⁷

3.8 Penubuhan Institut Perdagangan MARA

Sewaktu pembentangan rang undang-undang ITM di Parlimen, berlaku sedikit hujahan idea antara ahli parlimen tentang program yang dijalankan di ITM. Salah seorang daripada ahli parlimen tersebut ialah Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman (Besut) yang telah mengutarakan idea agar ITM mengadakan kursus-kursus dalam pentadbiran, pengurusan, perdagangan dan perakaunan pada peringkat yang lebih rendah daripada apa yang ditawarkan sekarang.⁹⁸ Ini ekoran terdapat ramai lulusan SRP atau LCE yang masih menganggur dan tidak dapat meneruskan pengajian walau ke mana jua pun. Pada masa itu, syarikat kecil yang wujud di kawasan luar bandar hanya memerlukan pegawai-pegawai peringkat rendah untuk berkhidmat. Syarikat-syarikat ini hanya mampu membayar gaji yang sedikit dan menginginkan pekerja rendah yang mampu menguruskan syarikat dengan baik. Seandainya pekerja itu mampu membuat simpanan

⁹⁶ *New Straits Times*, "Arshad: Review UiTM's Policies", 4 December 2015.

⁹⁷ Sin Yee Koh, *Race, Education, and Citizenship: Mobile Malaysians, British Colonial Legacies, and a Culture of Migration*, New York: Palgrave Macmillan, 2017, hlm. 84.

⁹⁸ Bahagian guna tenaga di Jabatan Perdana Menteri Malaysia pada tahun 1973 telah membuat pelunjuran bahawa permintaan guna tenaga jenis iktisas, pentadbiran dan pengurusan dan para iktisas akan berjumlah 78,685 orang pada tahun 1980 dan 141,554 orang pada tahun 1990 berbanding dengan 49,371 orang pada tahun 1973. Konvensyen Ekonomi Bumiputra, Sessi II, Penyertaan Bumiputra dalam & Perindustrian Perdagangan, kertas kerja Selasa 21hb. Mac, 1978 Menyedia dan Memperlengkapkan Pengurus-pengurus Bumiputra untuk Masa Depan oleh Dr. Nik A. Rashid Ismail, Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 1, dalam S.P. 193/15.001. Prof Madya Dr. Ishak Bin Rejab.

kira-kira dan hal pentadbiran syarikat, ia secara tidak langsung akan membantu syarikat tersebut untuk beroperasi dan terus berkembang.⁹⁹ Idea ini telah dipertimbangkan oleh semua ahli Dewan Rakyat yang juga diwakili oleh Dr. Mahathir Mohamad selaku Menteri Pelajaran. Meskipun keputusan tidak dibuat serta-merta, namun keperluan untuk melahirkan lulusan peringkat rendah dianggap serius demi mengisi keperluan negara.

Kehilangan ITM daripada MARA telah memberi tamparan yang hebat terhadap kredibiliti MARA dalam menguruskan sebuah institusi pengajian tinggi. Meskipun MARA tidak boleh dipersalahkan dalam hal kehilangan ITM ini, namun ia sedikit sebanyak memberi kesan hitam bagi organisasi ini kerana rasa terkilan akan kehilangan sebuah institusi yang begitu gagah di persada tanah air ketika itu. Dalam tahun 1970-an, MARA sekali lagi telah mengorak langkah mewujudkan institusi yang baru khususnya dalam bidang perdagangan. Kehilangan ITM dalam tahun 1976 telah memberi satu semangat baru kepada MARA untuk menubuhkan sebuah institusi yang dikenali sebagai Institut Perdagangan MARA (IPM). Hal ini direalisasikan apabila IPM ditubuhkan pada 1977.¹⁰⁰ Penubuhan institut ini adalah bertujuan untuk menjalankan kursus-kursus perdagangan bagi peringkat *certificate* kepada anak-anak Bumiputera untuk membolehkan mereka mencari pekerjaan di dalam sektor swasta bagi jawatan seperti *book-keeper, accounts clerks, costs clerks, billing clerks, shipping clerks, invoice clerks, purchasing clerks, wages clerks* dan *salesman*.

Institut Perdagangan MARA (IPM) ini diharapkan dapat melahirkan pekerja mahir golongan pengkeranian dalam bahagian industri dan sektor swasta yang diperlukan untuk Rancangan Malaysia Ketiga. Keperluan tenaga kerja dalam bidang ini

⁹⁹ *Penyata Rasmi Parlimen, Dewan Rakyat*, 15 April 1976, hlm.1313-1314.

¹⁰⁰ *Majlis Amanah Rakyat (MARA), Laporan Tahunan 2004*, hlm. 168.

adalah amat diperlukan memandangkan peluang pekerjaan seperti ini masih baru untuk jangka waktu tersebut. Jadual di bawah menunjukkan perangkaan tenaga kerja yang diperlukan dalam industri dan sektor swasta bagi tahun 1975-1980.

Jadual 3.7: Perangkaan Tenaga Kerja dalam Industri dan Sektor Swasta, 1975-1980

Jawatan	1975	1980	Tambahan 1976-1980
<i>Book-keepers, cashiers and related workers</i>	23,458	29,738	6,280
<i>Clerical and Related Workers</i>	72,909	95,918	23,009
<i>Other Clerical Workers</i>	43,734	58,699	14,965
<i>Sales Workers</i>	39,780	40,666	886
Jumlah	179,881	225,021	45,140

Sumber: Kertas kerja yang dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan MARA, Mesyuarat Ke-63 pada 3 Mac 1976, Bil. 9/76, hlm. 1.

Jadual di atas menunjukkan perangkaan jumlah tenaga kerja yang diperlukan pada tahun 1975 dan 1980. Seramai 179,881 tenaga kerja yang diperlukan bagi pelbagai skop kerja peringkat rendah untuk tahun 1975. Manakala pada tahun 1980, seramai 225,021 tenaga kerja diperlukan. Dalam tempoh lima tahun sahaja, seramai 45,140 tenaga kerja diperlukan dalam pelbagai bidang pekerjaan. Ini menunjukkan permintaan bagi sektor pekerjaan ini amat tinggi dalam pasaran negara pada masa itu.

Kursus perdagangan peringkat diploma dan ijazah dalam bidang ikhtisas dan separa ikhtisas hanya ditawarkan oleh Institut Teknologi MARA. Sebaliknya, graduan lepasan ITM ini lebih kepada menawarkan jawatan peringkat eksekutif, industri, swasta, badan berkanun dan juga jabatan kerajaan. Walau bagaimanapun, jumlah anak Bumiputera yang menjawat jawatan rendah seperti *book-keepers*, *account clerks* dan sebagainya masih ketara ramainya. Oleh yang demikian, penubuhan IPM ini dirasakan tepat pada masanya dalam mewujudkan peluang untuk anak Bumiputera berkecimpung dalam bidang perdagangan bagi membekalkan tenaga kerja untuk sektor swasta dan industri.

Era 1970-an telah memperlihatkan kemunculan institusi-institusi perdagangan bersendirian seperti *Goon Institute*, *Shaw Institute*, *Cyma College* dan sebagainya disekitar Kuala Lumpur dan Selangor tetapi bilangan anak Bumiputera yang mengikuti kursus ini adalah sebanyak 5%-10%. Ini dapat dibuktikan melalui angka-angka di bawah:

Jadual 3.8: Jumlah Bumiputera yang Mengikuti Kursus Perdagangan di Negeri Selangor

Tahun	Jumlah (orang)
1971	4,841
1972	6,857
1973	7,378
1974	7,703
1975	8,715
Jumlah	35,494

Sumber: Kertas kerja Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan MARA, Mesyuarat Ke-63 pada 3 Mac 1976, Bil. 9/76, hlm. 2.

Jadual 3.8 menunjukkan jumlah yang mengikuti kursus perdagangan bagi tahun 1971 hingga 1975. Daripada jumlah tersebut, hanya sebanyak 5%-10% sahaja golongan Bumiputera yang mengikuti kursus tersebut. Manakala jumlah penuntut yang mendaftar bagi peperiksaan *Malaysia Commercial Certificate* adalah seperti berikut:

Jadual 3.9: Jumlah Pendaftar Bagi Peperiksaan *Malaysia Commercial Certificate* di Seluruh Negara

Tahun	Jumlah calon (orang)
1972	8,210
1973	9,640
1974	10,120
1975	10,848
Jumlah	38,818

Sumber: Kertas kerja Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan MARA, Mesyuarat Ke-63 pada 3 Mac 1976, Bil. 9/76, hlm. 3.

Jadual 3.9 menjelaskan bahawa jumlah calon yang mengikuti kursus perdagangan adalah sedikit meskipun jumlah keseluruhan yang menduduki peperiksaan tersebut adalah agak ramai. Misalnya dari tahun 1972 hingga 1975, seramai 38,818 orang pelajar menduduki peperiksaan *Malaysia Commercial Certificate* sedangkan yang berpeluang menduduki kursus perdagangan hanyalah seramai 35,494 orang. Daripada jumlah itu, golongan Bumiputera yang berpeluang untuk mengikuti kursus perdagangan adalah begitu sedikit ekoran daripada jumlah yuran yang tinggi.¹⁰¹

¹⁰¹ Dipetik dan diolah dari kertas kerja Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan MARA yang Ke-63 pada 3 Mac 1976, Bil 9/76.

Secara tidak langsung, ia menjadi penghalang kepada pelajar Bumiputera yang sememangnya tidak mampu untuk menampung kos yuran yang tinggi. Ada antara mereka yang mengikuti kursus ini juga hanyalah separuh jalan sahaja dan mata pelajaran yang diambil juga tidak lengkap. Selain itu, ada di antara mereka yang merupakan lepasan SPM tidak dapat melanjutkan pelajaran kerana kurang menerima bimbingan mengenai pentingnya kursus perdagangan ini.

Masalah kekurangan anak Bumiputera dalam lapangan perdagangan ini tidak boleh dibiarkan berpanjangan dan usaha-usaha serta tindakan tegas perlu diambil untuk membetulkan keadaan tidak seimbang. Oleh itu, tujuan mengadakan Institut Perdagangan MARA adalah semata-mata untuk mengatasi masalah kekurangan bilangan anak Bumiputera yang berkelulusan perdagangan di peringkat rendah. Dengan kewujudan IPM bukan sahaja dapat mengambil dan melatih lebih ramai anak Bumiputera dalam bidang perdagangan untuk disalurkan ke syarikat swasta tetapi juga mampu disalurkan ke sektor awam.

Sebagai langkah awal, kursus ini akan dikendalikan di sebuah bangunan yang disewa di Kuala Lumpur. Bangunan yang dimaksudkan ialah bangunan bekas pejabat Syarikat Lori Malaysia Berhad di Kampung Datok Keramat, Kuala Lumpur. Bangunan ini adalah di bawah kelolaan Bahagian Kenderaan MARA. Kursus yang dikendalikan di peringkat awal ialah London Chamber of Commerce dan Malaysia Commercial Certificate. Syarat kemasukan bagi mengikuti kursus mestilah lulus dalam peperiksaan MCE serta mempunyai minat yang mendalam dalam bidang perdagangan. Setiap kursus ini memakan masa selama dua tahun dan terbahagi kepada dua peringkat iaitu:

- a) Tahun Pertama – Pertengahan (*Intermediate*).
- b) Tahun Kedua – Tinggi (*Higher*).

Sebagai langkah permulaan, kursus sulung yang dikendalikan ialah kursus *London Chamber of Commerce* dan kemudian pada tahun 1978/1979 kursus *Malaysia Commercial Certificate* dijalankan. MARA tidak dapat mengendalikan kursus *Malaysia Commercial Certificate* secara serentak dengan *London Chamber of Commerce* kerana subjek yang perlu diajar belum mencukupi dan memerlukan masa untuk melengkapkannya. Selain itu, masalah yuran yang tinggi terpaksa dikenakan sekiranya peperiksaan yang diadakan adalah dari luar negara. Oleh itu, pihak MARA telah berusaha mendapatkan pengiktirafan dari sektor swasta dan industri yang sedia ada bagi menampung kos yuran tersebut.

3.9 Perkembangan Kursus di Institut Perdagangan MARA

Subjek yang diajar bagi kursus *London Chamber of Commerce* (LCC) ialah seperti berikut:

Jadual 3.10: Subjek yang Diajar Bagi Kursus London Chamber of Commerce

Tahun Pengajian	Kursus
Tahun Pertama – Peringkat Pertengahan (<i>Intermediate</i>)	<i>Book-keeping</i> <i>Structure of Commerce</i> <i>Economics</i> <i>Costing</i> <i>English</i> <i>Arithmetic</i>

Jadual 3.10, sambungan

Tahun Pengajian	Kursus
Tahun Kedua - Peringkat Tinggi (<i>Higher</i>)	<i>Accounting</i> <i>Commerce and Finance</i> <i>Economics</i> <i>Costing</i> <i>English</i> <i>Auditing</i> <i>Salesmanship & Sales</i> <i>Management</i> <i>Commercial Law</i>

Sumber: Majlis Amanah Rakyat (MARA), *Laporan Tahunan MARA 1978 dan 1979*, hlm.7-13.

Kesemua kursus LCC ini dikendalikan dalam Bahasa Inggeris. Sebagai langkah permulaan, seramai lima orang tenaga pengajar diperlukan dalam bidang ini iaitu dalam kalangan mereka yang mempunyai diploma dalam bidang profesional misalnya lepasan ITM dan mempunyai pengalaman dalam bidang ini.

Jadual 3.11: Bilangan Pengambilan dan Pengeluaran Pelatih Institut Perdagangan MARA, 1978 & 1979

Tahun	Pengambilan	Pengeluaran
1978	23	2
1979	197	79

Sumber: Majlis Amanah Rakyat (MARA), *Laporan Tahunan MARA 1978 dan 1979*, hlm. 7-13.

Jadual di atas menunjukkan jumlah pengambilan dan jumlah yang tamat bagi kursus-kursus yang ditawarkan di Institut Perdagangan MARA dari tahun 1978 hingga 1980.¹⁰²

Pada tahun 1978, daripada sejumlah 23 orang yang memasuki IPM, hanya dua orang sahaja yang berjaya menamatkan pengajian, manakala pada tahun berikutnya, daripada

¹⁰² Majlis Amanah Rakyat (MARA), *Laporan Tahunan MARA 1979*, hlm.7.

seramai 197 orang pelajar yang mendaftar di IPM, seramai 79 orang telah berhasil menamatkan kursus yang diikuti. Situasi yang berlaku memperlihatkan IPM telah berkembang dengan pantas dalam tahun-tahun pertama penubuhannya. Tempoh awal penubuhan institusi ini juga memperlihatkan IPM telah menawarkan pelbagai jenis kursus. Selain dari menawarkan kursus LCCI di peringkat awal, MARA juga menawarkan kursus NCC (*National Computing Centre*) dan sebagainya. Walau bagaimanapun, dalam era perkembangan seterusnya kursus-kursus yang diasaskan di peringkat awal ini telah dimansuhkan dan digantikan dengan kursus yang baru.¹⁰³

Pengendalian kursus-kursus di IPM oleh MARA memperlihatkan pemilihan subjek-subjek yang dilihat mampu memberikan faedah kepada para pelajar yang mengikuti kursus-kursus berkenaan. Berdasarkan senarai kursus yang ditawarkan pada peringkat awal penubuhan IPM iaitu kursus-kursus perdagangan bagi peringkat *certificate* kepada anak-anak Bumiputera, ia telah membolehkan mereka mencari pekerjaan di dalam sektor swasta selepas selesai menjalani kursus yang dikendalikan. Kualiti pendidikan tinggi yang ditawarkan di IPM telah memberikan peluang kepada pelajar Bumiputera yang menamatkan pengajian untuk merebut peluang yang tersedia yang tersedia. Perkara ini telah membuktikan kemampuan MARA mengendalikan IPM sebagai sebuah institusi pengajian tinggi. Justeru, kehilangan ITM tidak merencatkan usaha MARA bagi memberika peluang pendidikan tinggi kepada golongan muda Bumiputera.

¹⁰³ Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan MARA Ke-63, 3 Mac 1976, Bil. 9/76 bertajuk Rancangan Menubuhkan Institut Kemahiran MARA (Perdagangan), hlm. 1-9.

3.10 Pencapaian Pelajar

Normah bt Hashim yang berkeputusan SPM pada tahun 1978 dengan Gred 2 telah memulakan pengajian di IPM pada tahun 1979. Beliau menamatkan pengajiannya setahun kemudian dan berjaya mendapatkan Sijil LCCI. Sehubungan itu, Normah bt Hashim telah bertugas sebagai Kerani Akaun di Arab Malaysian Merchant Bank dalam bidang akaun harian dengan gaji bulanan sebanyak RM1500.¹⁰⁴ Manakala Nor Fauziah bt Mohd Nasir yang mendapat Gred 3 dalam SPM (1977) telah mengikuti pengajian di IPM bermula 1979 sehingga 1980. Beliau telah berjaya mendapatkan Sijil LCCC dari IPM. Dengan sijil yang diperolehi, Fauziah bt Mohd Nasir telah menjawat jawatan *System Accountant* dan bertugas dalam bidang *Report and Management* di Arab Malaysian Merchant Bank. Beliau telah menjana pendapat sebanyak RM 2,500 sebulan.¹⁰⁵

Berdasarkan rekod pencapaian kedua-dua bekas pelajar berkenaan, mereka nyata berjaya mendapat Sijil LCCI dan LCCC di IPM. Meskipun kedua-dua pelajar tersebut mendapat keputusan yang kurang memuaskan dalam SPM iaitu hanya mendapat Gred 2 dan Gred 3, namun mereka berjaya memperoleh gaji yang agak lumayan dengan bantuan sijil yang diperolehi dari IPM. Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa MARA kini berkecimpung dalam membekalkan tenaga kerja peringkat pertengahan kepada sektor kerajaan dan sektor swasta.¹⁰⁶

¹⁰⁴ MARA, *The New Economic Policy*, 1971-1990.

¹⁰⁵ Ibid.

¹⁰⁶ Kerajaan telah menetapkan bahawa warganegara Malaysia terutamanya Bumiputera hendaklah menyertai syarikat-syarikat tertentu di bidang-bidang gunatena (*employment*), pengurusan (*management*) di semua peringkat dan pengedaran barang-barang keperluan (*product distribution*), khidmat-khidmat (*services*) seperti tender-tender, kontrak, penggunaan (sic) perkhidmatan ikhtisas (seperti Jurubina, insurans, iklan, Jurukira, undang-undang dan lain-lain lagi. Y. 10/1/222, Creation of a Malay Commercial and Industrial Community, BPE. 11/12. Rahsia. Panduan Terhadap Struktur Modal Syarikat-syarikat Usaha Bersama di Lapangan-lapangan Galian, Kemajuan Harta-harta dan Kegiatan-kegiatan yang Menggunakan Punca-punca Asli Negara, hlm. 3.

3.11 Kesimpulan

Dalam bidang pendidikan tinggi di Malaysia, kejayaan ITM telah membuktikan kemampuan MARA dalam mengurus tadbir suatu sistem pendidikan tinggi untuk Bumiputera di Malaysia. Ketika kerajaan berusaha untuk mewujudkan keseimbangan ekonomi dan sosial dalam kalangan kaum di Malaysia, MARA melalui ITM yang dikendalikannya telah memainkan peranan untuk menyediakan peluang pendidikan tinggi kepada golongan Bumiputera yang masih ketinggalan. Bermula sebagai sebuah maktab, ITM berkembang sebagai sebuah institusi yang menawarkan kursus-kursus yang berkualiti serta turut merintis bidang-bidang yang belum wujud dalam negara ketika itu. Keadaan ini menggambarkan keupayaan ITM yang dikendalikan MARA untuk mengembangkan keupayaan pendidikan tinggi ke tahap yang boleh dibanggakan.

Namun, kejayaan MARA dalam menguruskan ITM telah tercalar dengan krisis dalam yang melanda ITM pada dekad 1970-an. Konflik ini telah membawa kepada pengambilalihan langsung ITM oleh Kementerian Pelajaran Malaysia pada tahun 1976. Walau bagaimanapun, nama MARA terus dikekalkan pada nama institusi berkenaan sekaligus memahat peranan yang pernah dilaksanakan MARA dalam membangunkannya. Menurut Tan Sri Arshad Ayub, walaupun MARA yang melahirkan ITM tidak memeliharanya sehingga ke hari ini, pengambilalihannya ke pihak kementerian sudah cukup untuk membuktikan kewibawaan MARA.¹⁰⁷ Kehilangan yang berlaku tidak mematahkan usaha MARA untuk membuka peluang pendidikan tinggi kepada Bumiputera di Malaysia. Justeru, penubuhan IPM merupakan satu penerusan langkah MARA dalam mewujudkan keseimbangan ekonomi dan sosial dalam kalangan masyarakat di Malaysia. IPM sebagai salah satu kesinambungan pemberian pendidikan

¹⁰⁷ Menurut Tan Sri Arshad Ayub, beliau melihat pengambilalihan ITM oleh Kementerian Pendidikan sebagai satu hikmah. Beliau yang memegang *prinsip failure is the stepping stone for success* sentiasa menganggap segala kegagalan sebagai satu lonjakan untuk berjaya. Semangat inilah yang diterapkan ketika beliau menerajui ITM.

tinggi oleh MARA juga telah memperlihatkan kemampuannya dalam lapangan pendidikan tinggi di Malaysia.

BAB 4: PENUBUHAN DAN PERKEMBANGAN INSTITUT KEMAHIRAN

MARA, 1968-1980

4.1 Pengenalan

Bab ini memperlihatkan perkembangan Institut Kemahiran MARA (IKM) yang merupakan salah satu cabang pendidikan yang dijana oleh Majlis Amanah Rakyat (MARA). Sejak penubuhannya pada tahun 1968, IKM memiliki reputasi tersendiri dalam mewujudkan tenaga kerja Bumiputera khususnya dalam bidang vokasional. Tempoh masa antara tahun 1968 sehingga tahun 1980 merupakan tempoh yang sangat penting untuk melihat fungsi IKM sebagai institusi yang memainkan peranan penting dalam penyediaan program latihan kemahiran kepada belia Bumiputera lepasan sekolah menengah. Lantaran tanggungjawab sedemikian, IKM juga berperanan menyediakan tenaga kerja berkemahiran dalam usaha memenuhi permintaan tenaga kerja mahir di Malaysia.

Persoalan yang akan dikupas dalam bab ini ialah sejauhmanakah IKM berupaya berkembang dan memenuhi hasrat kerajaan dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) serta permintaan tenaga kerja yang mempunyai kemahiran yang khusus. Oleh itu, bab ini dibahagikan kepada beberapa bahagian merangkumi latar penubuhan IKM, perkembangan IKM, perkembangan kursus dan latihan IKM, permasalahan yang terpaksa dihadapi institusi ini dan pencapaian-pencapaian IKM. Jelaslah, IKM dilihat berhasil mewujudkan tenaga kerja mahir sebagaimana yang dikehendaki negara sekaligus memperjelaskan kebolehan MARA dalam mendukung hasrat melahirkan masyarakat Bumiputera yang berdaya saing.

4.2 Penubuhan Institut Kemahiran MARA (IKM)

Sekolah latihan kemahiran ini dirancang bagi golongan pelajar yang agak lemah dari segi akademik tetapi berminat untuk mendalami bidang kemahiran.¹ Latihan kemahiran mula difikirkan oleh MARA pada tahun 1967 untuk mengatasi kelemahan sosioekonomi Bumiputera dalam bidang perdagangan dan perindustrian. Dalam era 1960-an, keperluan latihan kemahiran dianggap sebagai satu inisiatif untuk melayakkan Bumiputera berkhidmat dalam sektor perusahaan dan perindustrian.² Bidang kemahiran merupakan suatu bidang yang baru.³ Dalam mesyuarat Pengarah-pengarah Bahagian Pendidikan telah dirumuskan bahawa:

“Vocational Training in Malaysia, as it is understood today, is a comparatively new field. In carrying out the task of economic and social development in Malaysia, special attention must be given to two important factors: trained manpower and capital. The less developed a national economy, the greater is the need for investment in trained manpower. This helps to explain why development is very slow in some extremely backward countries even after there is a generous flow of capital into their economics because there isn't the skilled manpower to handle this flow of capital. In Malaysia, particularly among the Bumiputras, it is this lack of trained manpower which has stifled this big demand for trained manpower. In fact, the Central Apprenticeship Board, the Technical institutes and private industry have never included in their planning the light of this situation, it is MARA's firm intention to bridge the critical gap in Bumiputra development to complement/supplement the educational/training programmes of the Ministries of Education and Labour. It also fits in with the aims of the First Malaysia Development Plan, which is to satisfy the big and urgent need for trained manpower to carry out its economic diversification and industrialization programmes.”⁴

¹ Sebelum tahun 1970, penglibatan orang Melayu dalam lapangan teknikal adalah sangat rendah. Misalnya, menurut J. Faaland yang menulis Dokumen A Bagi Pertumbuhan Dengan Imbangan Kaum, juruteknik Melayu hakikatnya hampir tiada. Lihat Just Faaland, Jack Parkinson & Rais bin Sulaiman, *Dasar Ekonomi Baru Pertumbuhan Negara dan Pencapaian Ekonomi Orang Melayu*, Shah Alam: SPEKTRA, 2002, hlm. 240. Dokumen berkenaan merupakan penilaian awal peribadi J. Faaland semata-mata dan ditulis beberapa minggu selepas rusuhan kaum 13 Mei 1969. Kertas ini diedar dengan meluas dalam jabatan kerajaan.

² *Sejarah, Kini, Menuju Puncak Latihan Kemahiran MARA*, Bahagian Kemahiran MARA, tiada tahun, hlm. 4.

³ Ketika misi Bank Dunia mengadakan tinjauan ekonomi di Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1955. Dalam laporan yang dikeluarkan, Bank Dunia menyatakan ketiadaan sistem latihan yang bersistematik, terarah dan terpusat untuk buruh berkemahiran. Bentuk latihan yang wujud ialah beberapa latihan yang dijalankan di kawasan-kawasan industri kerajaan dan di beberapa buah bengkel yang dimiliki orang Cina. International Seminar on Industrial Vocational Training Federal Republic of Germany-4th to 24th June, 1972. Industrial Training Programmes of the Ministry of Labour and Manpower, Malaysia, hlm. 6, dalam KB/JTR/02/1642. International Seminar Industrial Vocational Training-Germany, 4th to 24th June 72.

⁴ Minit Mesyuarat Pengarah-pengarah, Bil. 5/67, pada 28 Mac 1967.

Ini bermakna program latihan kemahiran MARA telah dirangka atas sebab tertentu untuk mengubah atau menaiktaraf bidang yang diceburi oleh Bumiputera yang lebih memfokuskan kepada pertanian, penternakan dan perikanan.⁵ Bidang seperti ini tidak dapat bersaing pada zaman moden seperti sekarang ini.⁶ Selain itu, latihan yang disediakan oleh kerajaan juga tidak mencukupi.⁷ Berlaku kekurangan Bumiputera terlatih yang layak untuk industri negara kita.⁸ Misalnya *The Central Apprenticeship Scheme* mengambil masa lima tahun untuk melatih seorang pekerja terlatih.

Pada 1966, seramai 113,480 orang yang menganggur telah berdaftar di Kementerian Buruh.⁹ Di kawasan luar bandar juga, masih terlalu ramai yang masih menganggur.¹⁰ Kebanyakan penganggur tersebut adalah terdiri daripada golongan Bumiputera. Disebabkan ingin mencari pekerjaan, golongan Bumiputera telah berhijrah beramai-ramai ke bandar untuk mencari pekerjaan.¹¹ Kebanyakan mereka gagal

⁵ Dengan objektif yang sangat jelas untuk menggalak, membimbing, melatih dan membantu Bumiputera, MARA telah menyusun strategi pelaksanaan melalui Program/Aktiviti Pembangunan Usahawan, Latihan & Pendidikan, Perindustrian dan Perkhidmatan secara bersepadu ke arah pembentukan masyarakat Perdagangan & Perindustrian Bumiputera (MPPB). Deraf Talking Points Y. A. B. Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamed, Perdana Menteri Malaysia Sempena Pelancaran Sambutan Perayaan Jubli Emas RIDA-MARA di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur Pada 3 November 2000 (Jumaat), hlm. 15, dalam Ucapan Perdana Menteri: Sambutan Jubli Emas RIDA-MARA (1950-2000) 3 Nov. 2000. Untuk melihat kegiatan utama orang Melayu sebelum di era sebelum kemerdekaan, khususnya di era pra kolonial, lihat R.O. Winstedt, *Papers on Malay Subjects-Malay Industries, Part I, Arts and Crafts*, Kuala Lumpur: F.M.S. Government Press, 1925.

⁶ Bagi mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB) untuk membolehkan orang Melayu bersaing dengan kaum bukan Melayu, Kerajaan Malaysia menggariskan dua sasaran utama iaitu membasmi kemiskinan dan menstruktur semula masyarakat demi membolehkan orang Melayu memainkan peranan aktif dalam ekonomi negara. Development of Small-scale Entrepreneurs for Entrepreneurial Development Division Majlis Amanah Rakyat (MARA) Malaysia, hlm. 2, dalam BPE 58/4/24.UNDP-Assistance for MARA.

⁷ Misalnya wujud *Industrial Training Institute* di Klang Road, Kuala Lumpur yang menyediakan kursus latihan perantis di bawah *National Apprenticeship Scheme*. Lihat *Industrial Training Institute-Vocational Training Course* dalam KB/JTR/02/130. Unesco Vocational & Technical Education.

⁸ Menurut *International Labour Office* (ILO), jika sektor moden tidak diurus dengan baik, Malaysia (India dan Pakistan sebagai contoh yang lain) dilihat berpotensi menyaksikan keadaan di mana sebahagian tenaga kerja sedia ada terpaksa mendapatkan pekerjaan di sektor berproduktiviti rendah atau menganggur. International Labour Office, Asian Manpower Plan; Revised Draft Project Request to UNDP for the Establishment of a Team of Expert, hlm. 6, dalam 24345 Vol: I. I.L.O Asian Manpower Plan.

⁹ Kadar peningkatan tahunan yang dicatatkan bagi pengangguran di Malaysia Barat antara tahun 1962-67 ialah kira-kira 4.8. Lihat Enche Ali Abdul Hassan, "Manpower Requirements and Planning of Vocational and Technical Training", *Colombo Plan Seminar on National Planning of Vocational and Technical Training*, Petaling Jaya, Malaysia, June 1970, Colombo Plan Bureau, dalam (022) 98-6. Colombo Plan Bureau-National Seminar on National Planning of Vocational Training (Malaysia-16-19 March, 1970).

¹⁰ Dalam ucapan perasmian Persidangan Agong Tahunan Persatuan Kelab2 Belia Malaysia (M. A. Y. C.) pada Jumaat 19 April 1968 di Balai Budaya, Dewan Bahasa dan Pustaka, Tun Razak menyatakan bahawa masalah serius yang terpaksa dihadapi kerajaan ketika itu dan tahun-tahun berikutnya ialah masalah pengangguran, terutamanya dalam kalangan belia. Kerajaan pada ketika itu mencari jalan untuk memberikan lebih banyak peluang kepada para belia untuk mendapatkan latihan sebagai buruh mahir. Lihat *Straits Times*, "Jobs for Youth Drive, Razak tells Conference of Two-Pronged Programme", 20 April 1968, dalam M. R. D. 652A/16. Parliamentary Questions and Answers, 1968 Y. B. Tuan Adwin Anak Tangkun (Mulut).

¹¹ Lihat Ahmad Idriss, *Dasar Ekonomi Baru*, Petaling Jaya: IBS Buku Sdn. Bhd., 1988, hlm. 60-89.

mendapatkan pekerjaan kerana kurang kemahiran dalam sesuatu bidang.¹² Lantaran itu, mereka akan kekal di bandar dan terjebak dengan gejala sosial.¹³

Memandangkan matlamat kerajaan hendak merombak semula masyarakat supaya struktur pekerjaan di negara ini dapat mencerminkan pengimbangan kaum demi kepentingan perpaduan negara, maka usaha untuk melengkapkan belia-belia Bumiputera dengan bilangan yang lebih banyak bagi menyediakan diri mereka menyertai lapangan perusahaan dan perniagaan di dalam negara hendaklah dilipatganda dan dipercepatkan.¹⁴ Negara yang sedang membangun seperti Malaysia memerlukan tenaga manusia yang terlatih untuk memenuhi peluang pekerjaan dalam pelbagai jenis dan peringkat kemahiran untuk mempercepatkan perkembangan ekonomi supaya rakyat dapat mengecapi kemewahan di samping menghapuskan jurang perbezaan dalam lapangan ekonomi di antara kaum.¹⁵

Atas alasan tersebut, MARA telah menyahut cabaran untuk mewujudkan satu program kemahiran yang mencakupi segala bentuk bidang yang diperlukan di pasaran negara.¹⁶ Cara ini diharapkan akan melahirkan belia yang mampu menceburi bidang perusahaan dan perdagangan.¹⁷ Bahagian Pendidikan dan Latihan Kemahiran MARA telah dipertanggungjawab untuk mewujudkan program-program yang berasaskan kemahiran bagi mengeluarkan pekerja separa mahir yang berpengetahuan (*knowledge-*

¹² Kekurangan kemahiran dalam kalangan belia Bumiputera merupakan antara penghalang kepada tercapainya objektif DEB. Golongan belia begitu diharap oleh pendukung-pendukung DEB untuk mengisi tempat dalam sektor perdagangan dan perindustrian. Lihat *Filosofi dan Strategi Baru Perkhidmatan Belia (Kertas Kerja Pengarah Belia)* dalam PM 14729/S.J.2, J/K atas Strategi Pembangunan Perusahaan.

¹³ Minit Mesyuarat Pengarah-Pengarah MARA, Bil 5/67, pada 28 Mac 1967.

¹⁴ Hal ini adalah bagi memenuhi kehendak kerajaan dalam strategi serampang dua mata untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan keturunan dan menyusun semula masyarakat bagi memecahkan benteng-benteng pemisahan antara kaum yang berdasarkan kegiatan ekonomi dan mewujudkan 30% ahli perniagaan dan perusahaan Melayu. Lihat *Filosofi dan Strategi Baru Perkhidmatan Belia (Kertas Kerja Pengarah Belia)* dalam PM 14729/S.J.2, J/K Atas Strategi Pembangunan Perusahaan.

¹⁵ Minit Mesyuarat Majlis, Bil. 9/72, Mesyuarat Ke-28, 5 April 1972.

¹⁶ Perdana Menteri, Tun Abdul Razak mengamanahkan MARA untuk menubuh dan menyelenggarakan pusat-pusat latihan kemahiran. Lihat (55) dlm. JPM. Sulit. 40102, Jld. IV, Surat Tunku Daud Shahrman bin Tunku Sulaiman, Ketua Pengarah, Bahagian Penyelarasan Pelaksanaan dan Kemajuan Pentadbiran, Jabatan Perdana Menteri kepada Timbalan Pengerusi MARA, Pengarah Bahagian Latihan MARA, Ketua Setiausaha Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Y. B. Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, Y. B. Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, Y. B. Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, 3 Mac 1973, dalam BPE (BT). 58/4/4, United Nation-Leather Training Expert for MARA. Mr. J. A. Rant.

¹⁷ Minit Mesyuarat Pengarah-pengarah, Bil. 5/67, pada 28 Mac 1967.

based) dan terlatih dalam pelbagai bidang teknologi melalui strategi pembangunan insan yang baik serta pembangunan program latihan kemahiran untuk mendukung perkembangan industri dalam dan luar negara.¹⁸ Langkah ini sekali gus akan melahirkan tenaga kerja yang bersahsiah serta mempunyai ciri keusahawanan.¹⁹

Perancangan MARA terhadap peningkatan kemahiran telah wujud dalam Rancangan Malaysia Pertama 1966-1970. Dalam tempoh tersebut, MARA telah berjaya mendirikan tiga buah sekolah kemahiran dan satu pusat latihan iaitu Sekolah Latihan Kemahiran Melaka, Sekolah Latihan Kemahiran Alor Setar, Institut Kemahiran Petaling Jaya dan Pusat Latihan Kuala Terengganu.²⁰ Pada mulanya, pihak MARA hanya menggunakan nama sekolah pada pusat-pusat latihan yang dibinanya. Walau bagaimanapun, pada tahun 1970, nama tersebut diganti dengan nama “institut”. Salah satu sebab berlakunya perubahan ini ialah untuk membezakan antara pelatih di pusat tersebut dengan pelajar sekolah biasa. Tambahan pula, pelatih-pelatih yang diambil belajar ke pusat-pusat tersebut terdiri daripada lepasan sekolah dan nama sekolah latihan kemahiran MARA adalah kurang sesuai untuk digunakan dan telah diubah kepada Institut Kemahiran MARA. Nama Institut Kemahiran MARA mula digunakan semasa upacara perasmian pusat Latihan Kemahiran Petaling Jaya pada 23 Oktober 1970.²¹

Objektif penubuhan institut ini ialah untuk memberi latihan kemahiran secara formal dalam bidang-bidang kemahiran dan teknikal yang diperlukan oleh industri. Sasaran institut dan sekolah ialah untuk memberi peluang kepada golongan Bumiputera

¹⁸ *Dasar-dasar di Bawah Latihan kemahiran*, Draf 2, Bahagian Pendidikan dan Latihan Kemahiran, September 2005, hlm. 1-2.

¹⁹ Matlamat utama Cawangan Latihan Kemahiran MARA ialah memberi latihan kemahiran kepada belia Bumiputera untuk menggalakkan penyertaan mereka yang lebih bermakna dalam bidang perusahaan dan perdagangan. Dasar yang diikuti adalah untuk mencapai cita-cita berkenaan ialah menerusi latihan-latihan supaya membolehkan para pelatih mendapat pekerjaan yang bersesuaian selepas tamat latihan. Lihat Taklimat Chawangan Latihan Kemahiran MARA kepada Meshuarat Ketiga Jawatan Kuasa Atas Strategi Pembangunan Perusahaan, hlm. 1, dalam JPM 14729/S. J. 2. J/K Atas Strategi Pembangunan Perusahaan.

²⁰ Di bawah skim latihan vokasional, MARA menubuhkan institut vokasionalnya yang tersendiri untuk pelajar lepasan tingkatan lima sekolah menengah. Lihat juga *MARA in Brief*, Kuala Lumpur: Public Relations Unit, MARA, 1979, hlm. 15.

²¹ *Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua, 1971-1975*, Kuala Lumpur: 1970, hlm. 1.

yang telah menamatkan persekolahan di peringkat menengah untuk meneruskan pengajian. Sebelum penubuhan Sekolah Latihan Kemahiran, MARA telah bertindak menghantar para pelatih untuk menjalani program sambil kerja. Walau bagaimanapun, program yang diadakan ini menyediakan peluang yang amat terhad. Ini menggerakkan MARA untuk menubuhkan sebuah institusi yang boleh menampung pelajar yang ramai dan mampu menyediakan kurikulum yang tersendiri bersesuaian dengan pasaran kerja.

Pada tahun 1968, dengan peruntukan sebanyak RM 750,000, Sekolah Latihan Kemahiran MARA, Jalan Hang Tuah, Melaka²² telah dibina untuk memberi latihan kemahiran dalam bidang *Automobile* dan *General Mechanics*. Ia sebagai salah satu usaha bagi menghasilkan pekerja mahir. Perubahan dasar negara daripada negara berasaskan pertanian kepada perusahaan dan perindustrian telah melahirkan keperluan akan pekerja mahir dan separa mahir. Pada bulan November 1968, seramai 96 orang pelatih telah diambil bagi mengikuti kursus tersebut. Jumlah tenaga pengajar ialah seramai lapan orang berserta seorang pengetua. Institut ini menelan belanja yang agak besar iaitu sebanyak \$312,580 manakala perbelanjaan alat-alat perkakas ialah sebanyak \$136,800 dan kelengkapan pejabat pula ialah sebanyak \$12,690.²³

Sekolah Latihan Kemahiran MARA Melaka telah dirancang penubuhannya pada pertengahan tahun 1967. Pembinaan sekolah ini telah dijalankan pada bulan Februari 1968 dan siap pada November 1968. En Hijjas bin Kasturi merupakan arkitek bagi pembinaan Sekolah Latihan Kemahiran MARA Melaka. Juruternya adalah Encik

²² Sekolah Latihan Kemahiran MARA telah dibina di Jalan Hang Tuah, Melaka iaitu bertentangan dengan *Malay Taxi Co-operative Workshop Complex*. Minit Mesyuarat Pengarah-pengarah, Bil. 5/67 pada 28 Mac 1967.

²³ Perpustakaan MARA Kuala Lumpur, Minit Mesyuarat Majlis, Bil. 41/71, Mesyuarat Ke-25 pada 30 Julai 1971. Rujuk juga Majlis Amanah Rakyat (MARA), *Laporan Tahunan MARA 1967*, hlm. 5. Temuramah dengan Tuan Haji Abdul Hamid bin Dato' Haji Mohd Salleh pada 26 Ogos 2008, jam 10.40 pagi di rumah beliau di Batu Berendam, Melaka. Beliau merupakan Pegawai Latihan Kemahiran pertama di Bahagian Latihan MARA pada tahun 1967. Beliau telah ditugaskan untuk merancang dan melaksanakan semua inisiatif pembangunan latihan kemahiran sehingga tertubuhnya Sekolah Latihan Kemahiran Melaka pada tahun 1968. Beliau kemudian dilantik sebagai Pengetua pertama sekolah tersebut sehingga tahun 1980. Selepas bertugas sebagai Pengetua IKM KL dan Timbalan Pengarah Cawangan Kemahiran, beliau seterusnya berkhidmat sebagai Pengetua IKM Jasin dari tahun 1986 sehingga bersara pada tahun 1995.

Haron bin Moss. Kerajaan Melaka telah sudi memberikan tanah sebagai tapak pembinaan bagi sekolah ini. Tiada alasan yang tepat mengapa Melaka dipilih untuk dijadikan tapak pembinaan Sekolah Latihan Kemahiran MARA.²⁴ Lembaga Letrik Negara dan Pejabat Kerja Raya Melaka telah memberikan kerjasama yang baik dalam menubuhkan sekolah ini. Syarikat *Cycle & Carriage*, *Asia Motors* dan *Far Eastern Motors* juga telah menyumbang enjin motor, carta dan lukisan yang berkaitan dengan kerja latihan. Jurulatih telah dihantar ke Jerman Barat dan Jepun pada tahun 1967 untuk menjalankan latihan tertentu selama satu tahun lebih sehingga mereka pulang pada November 1968 untuk berkhidmat sebagai tenaga pengajar. MARA telah membelanjakan wang sebanyak \$470,000 untuk membina dan mengadakan alatan-alatan *work shop* yang moden di sekolah ini bagi menjamin kepentingan rakyat Bumiputera.

Selaras dengan peredaran dan perkembangan semasa, nama Sekolah Latihan Kemahiran MARA telah diubah ke Institut Kemahiran MARA pada tahun 1972. Pada Februari 1970, Sekolah Latihan Kemahiran MARA Melaka telah diperbesarkan lagi dengan binaan bangunan tambahan. Peruntukan yang diperlukan ialah sebanyak \$50,000.²⁵ Pembinaan bangunan tambahan ini adalah bagi mengatasi masalah bilangan penuntut yang terhad. Buat pertama kali, Sekolah Latihan Kemahiran MARA (SLKM) yang kemudiannya diubah kepada Institut Kemahiran MARA (IKM) beroperasi dengan mengambil seramai 96 belia Bumiputera yang kebanyakannya terdiri daripada bekas-bekas pelatih di bengkel Bahagian Kenderaan MARA di Datok Keramat.²⁶ Pada ketika itu, MARA mempunyai bengkel membaiki kenderaan sendiri seperti bas yang terletak di Jalan Datok Keramat, Kuala Lumpur. Penubuhan bengkel ini adalah untuk memberi

²⁴ BL 41, 1965-1973, Fail MARA KL, 1965-1975.

²⁵ Surat dari Pengarah Bahagian Latihan MARA Encik Ali Redza bin Khalid kepada Pengarah Bahagian Kewangan dan Kira-kira bertarikh 14 September 1970.

²⁶ Temuramah Encik Jaafar bin Hamzah, bekas tenaga pengajar IKM Jasin pada 20 Ogos 2010 pada jam 11.00 pagi di rumah beliau.

tunjuk ajar kepada pemandu-pemandu dan mekanik-mekanik bas MARA. Kebanyakan kakitangan bengkel ini turut serta mengikuti program kemahiran MARA.²⁷

4.3 Perkembangan Kursus Latihan di Institut Kemahiran MARA

Pada peringkat permulaan, pihak IKM menghadapi masalah untuk menarik perhatian belia-belia Bumiputera bagi mengikuti latihan di sini. Oleh itu, pihak MARA sendiri telah mengambil inisiatif mencari pelatih dengan menarik perhatian belia yang sedang menjalankan latihan di bengkel Datok Keramat. Ternyata usaha ini membuahkan hasil apabila beberapa orang daripada mereka telah mendaftar sebagai pelatih di IKM.²⁸

Pada tanggal 9 Mac 1969, IKM Melaka telah dirasmikan oleh Tun Abdul Razak bin Hussin selaku Timbalan Perdana Menteri Malaysia ketika itu. Di antara yang hadir pada majlis ini ialah Pengarah Bahagian Latihan MARA iaitu Encik Mansor bin Othman, Menteri Pembangunan Luar Bandar iaitu Encik Ghaffar bin Baba dan Ketua Menteri Melaka iaitu Datuk Talib bin Kasim. Pengetua bagi IKM ialah Encik Abdul Hamid bin Dato' Mohd Salleh. Moto sekolah kemahiran ialah "Maju". Maju merupakan satu perkataan yang amat ringkas tetapi membawa makna yang besar dan mendalam. Ia merujuk kepada kemajuan yang ingin dicapai oleh masyarakat Bumiputera itu sendiri dan Sekolah Latihan Kemahiran MARA (SLKM) akan menjadi platform bagi mencapai kemajuan tersebut. Walau bagaimanapun, moto tersebut telah bertukar kemudiannya kepada "Kemahiran Asas Kemajuan". Moto ini lebih jelas dan dapat menunjukkan matlamat SLKM yang sebenar.

²⁷ *Bernama*, 11 Jun 1968.

²⁸ Temuramah Encik Yunus bin Ibrahim iaitu bekas pelajar SLKM pada 10 November 2010, jam 2 petang di rumah beliau. Beliau menamatkan pengajian di SLKM pada tahun 1970 dalam jurusan Motor Mobil. Setelah tamat, beliau terus mendapat kerja di Sabah sebagai mekanik biasa. Beberapa bulan bekerja di Sabah, beliau mendapat tawaran melanjutkan latihan kemahiran untuk menjadi Jurutunjuk. Beliau telah dihantar ke London bagi menjalani latihan tersebut. Setelah pulang, beliau menjawab jawatan sebagai tenaga pengajar ketukangan.

Pelajar yang diambil untuk belajar di SLKM mestilah mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya SRP dan SPM. Pada peringkat awal, kursus yang diajar ialah Kajisawat Motor, Lukisan Jentera, Kajisawat Am, Kimpalan, Melarik, Memesin, Ketuk-mengetuk dan Cat Mengecat Kereta. Selain kursus teknik, pelatih juga akan mengambil mata pelajaran tambahan seperti Bahasa Inggeris dan Ilmu Hisab. Bahasa Inggeris diwajibkan agar pelatih dapat menguasai bahasa ini dengan baik dan membolehkan mereka melanjutkan pelajaran ke luar negeri.²⁹

Selain SLKM Melaka, pusat latihan MARA di Gong Kapas, Kuala Terengganu telah dirancang penubuhannya bersama-sama dengan SLKM Melaka. Usul penubuhannya telah dibangkitkan pada bulan Oktober 1967. Pusat Latihan Kemahiran MARA Kuala Terengganu telah dibuka pada 1 September 1968. Kursus yang ditawarkan ialah kursus jahitan dan pusat ini juga dikenali sebagai Pusat Jahitan.³⁰ Seramai 21 orang pelatih telah diambil yang terdiri daripada lelaki dan perempuan. Tujuan pusat ini ditubuhkan adalah untuk melahirkan ramai tenaga terlatih dalam bidang jahitan. Pada tahun 1972, kursus jahitan ini telah dipindahkan ke IKM Petaling Jaya di Jalan Templer dan ia dikenali sebagai IKM Jahitan Petaling Jaya.

Antara kursus yang ditawarkan ialah kursus jahitan pakaian perempuan dan pakaian lelaki, solekan dan hiasan rambut. Perpindahan ini terjadi kerana Pusat Latihan Kemahiran MARA Kuala Terengganu menghadapi masalah rumit iaitu kekurangan tenaga pengajar. Ini membawa kepada perpindahan lokasi kursus agar masalah ini dapat diatasi dan pengambilan pelajar juga dapat dijalankan dengan lancar.³¹ Menurut Tuan Haji Abdul Aziz, kursus ini telah dipindahkan ekoran masalah kewangan yang dihadapi oleh MARA. Peruntukan kewangan yang diberikan oleh kerajaan adalah tidak

²⁹ Rujuk *Berita Harian*, 11 Mac 1970.

³⁰ Majlis Amanah Rakyat (MARA), *Penyata Tahunan MARA Negeri Terengganu 1971*, hlm. 20.

³¹ *Ibid.*, hlm. 20.

mencukupi. Hal ini seterusnya mendesak MARA untuk memindahkan pusat tersebut ke Petaling Jaya.³²

Selepas tahun 1985, kursus jahitan telah dipindahkan ke IKM Jasin manakala kursus solekan dan hiasan rambut pula telah diberhentikan. IKM Petaling Jaya telah digantikan dengan kursus elektronik industri, elektronik instrumen, lukisan seni bina, lukisan rangka bina dan lukisan jentera. Kursus solekan dan hiasan rambut telah dihentikan kerana kurang mendapat sambutan daripada masyarakat. Sepanjang kursus jahitan diadakan di Kuala Terengganu, seramai 167 orang pelatih telah berjaya dihasilkan dan kira-kira 55% daripada mereka telah berjaya menubuhkan kedai jahitan sendiri dan terdapat juga segelintir mereka yang bekerja makan gaji.³³

MARA juga mengasaskan sebuah sekolah latihan di negeri Kedah pada 1 Januari 1969 dan dikenali sebagai Sekolah Kemahiran Alor Setar yang terletak di Lorong Terus, Jalan Kota Tanah, Alor Setar, Kedah. Sekolah ini telah ditadbir oleh Kerajaan Negeri Kedah sejak 33 tahun dahulu. Pada ketika itu, ia dikenali sebagai Sekolah Tukang Kayu Tongkang Yard. Sekolah ini digunakan oleh kerajaan Kedah untuk melatih Bumiputera dalam bidang pertukangan. Kerajaan Negeri Kedah telah mempelawa MARA untuk mengambil alih pentadbiran sekolah ini. Hasil perbincangan antara MARA dan kerajaan negeri Kedah, MARA telah bersetuju untuk mengambil alih sekolah ini pada awal 1969.³⁴ MARA telah menanggung perbelanjaan sebanyak \$78,716 setahun bagi membiayai sekolah tersebut. Kesemua guru dan kakitangan sekolah ini telah diambil oleh MARA untuk meneruskan operasi sekolah tersebut.

³² Temuramah Tuan Hj Abdul Aziz bin Abdul selaku bekas Timbalan Pengarah IKM pada 15 Mac 2011 di rumah beliau pada jam 11 pagi. Tuan Hj Abdul Aziz bin Abdul telah dilahirkan pada 4 Januari 1947. Beliau berkelulusan Ijazah Kejuruteraan. Pada tahun 1972, beliau telah dilantik sebagai Pengetua IKM Johor Bahru. Beliau dilantik sebagai Timbalan Pengarah Bahagian Kemahiran pada tahun 1983 dan seterusnya pada tahun 1990-an, beliau dilantik sebagai Pengarah Bahagian Kemahiran MARA sehingga beliau bersara. Pada tahun 2001 dan 2002, beliau dilantik sebagai CEO MIAT dan kini beliau menjadi Pengarah bagi Syarikat *Federal Power* milik adik beliau.

³³ Laporan Bahagian Kemahiran MARA, 1 Ogos 1980, hlm. 1. Temuramah dengan Encik Ahmad Azizul Rahman, bekas ketua urusan kurikulum IKM, Bahagian Kemahiran MARA pada 3 Februari 2011.

³⁴ Majlis Amanah Rakyat (MARA), *Penyata Tahunan MARA 1968*.

Sekolah ini telah memperkenalkan beberapa jenis kursus antaranya pertukangan kayu, pertukangan konkrit/batu-bata, pertukangan memasang paip, pertukangan cat-mengecat, pertukangan perabot, pertukangan plaster and tiling dan latihan memperbaiki jentera-jentera pertanian.³⁵

Sebagai permulaan, pelajar yang diambil adalah seramai 49 orang sahaja.³⁶ Dari segi kursusnya pula, MARA meneruskan kursus pertukangan kayu yang telah dijalankan sebelum ini. Di samping itu, MARA turut menambah kursus-kursus baru seperti pertukangan bata dan lukisan seni bina.³⁷ Kelayakan minima untuk memasuki kursus ini ialah lulus peringkat SRP sahaja. Pelatih akan diberikan biasiswa MARA sebanyak \$60.00 sebulan sepanjang tempoh pengajian di sana.³⁸ Di akhir Rancangan Malaysia Pertama, MARA telah berusaha untuk memperbaiki dan meningkatkan lagi mutu latihan kemahiran dari segi pemilihan calon-calonnya melalui penilaian jenis-jenis latihan dan penempatan calon-calon kepada jenis latihan yang lebih berguna. Tidak ketinggalan, usaha-usaha untuk menambahkan bilangan pelatih di pusat latihan kemahiran MARA, bengkel atau gudang dan syarikat kepunyaan Bahagian Kenderaan MARA di negeri-negeri turut dijalankan.

Dalam tempoh akhir Rancangan Malaysia Pertama juga, MARA telah mengambil langkah baru untuk membuka peluang latihan kepada calon dari Sabah dan Sarawak. Seramai enam orang pelatih dari Sarawak telah diterima berlatih di IKM Melaka dan sepuluh orang di IKM Petaling Jaya pada 15 Jun 1970.³⁹ Peluang ini telah disambut baik oleh Bumiputera Sabah dan Sarawak memandangkan kurangnya

³⁵ Minit Mesyuarat Majlis MARA, Bil. 41/71, Mesyuarat Ke-25 pada 30 Julai 1971.

³⁶ Ibid., hlm. 35.

³⁷ Rujuk *Utusan Malaysia*, 15 April 1972.

³⁸ Ibid.

³⁹ Majlis Amanah Rakyat (MARA), *Penyata Tahunan MARA 1970*, hlm. 81.

penubuhan pusat latihan sebegini di sana.⁴⁰ Malahan pihak MARA negeri Sabah pernah mencadangkan agar ditubuhkan sebuah pusat latihan kemahiran di negeri tersebut.⁴¹ Namun, masalah kewangan yang melanda telah mengekang hasrat MARA untuk menubuhkan pusat latihan di kedua-dua buah negeri itu.

Ketika tamat tempoh Rancangan Malaysia Pertama, satu mesyuarat mengenai penubuhan pusat-pusat kemahiran telah diadakan pada 17 November 1970 di Bilik Mesyuarat Kementerian Pembangunan dan Luar Bandar. Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh Encik Abdul Malik bin Mohd Yunus. Hasil mesyuarat tersebut merumuskan bahawa Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar serta pihak kementerian telah bersetuju untuk menyerahkan agensi penubuhan pusat latihan kemahiran kepada pihak MARA. Mesyuarat ini dihadiri oleh ahli jawatankuasa yang terdiri daripada Pegawai Kemajuan Negeri Selangor, Pegawai Kementerian Pelajaran, Pegawai Bahagian Perancang Ekonomi dan Pegawai Bahagian Latihan MARA.⁴² Mesyuarat ini juga telah membincangkan penubuhan IKM Kampung Pandan, Sungai Petani dan Kuantan yang akan dimasukkan ke dalam projek Rancangan Malaysia Kedua.⁴³ Namun, dalam tempoh ini, dua buah IKM yang tiada dalam perancangan juga ditubuhkan iaitu IKM Johor Bahru dan IKM Lumut.⁴⁴

⁴⁰ Rujuk *Utusan Malaysia*, 15 April 1972.

⁴¹ Rujuk *Utusan Malaysia*, 4 Jun 1970.

⁴² Arkib Negara Malaysia, Minit Mesyuarat Penubuhan Pusat-pusat Kemahiran, BL 330, Fail MARA-KL 1965.

⁴³ Institut Kemahiran MARA, Kuala Lumpur (1972), Institut Kemahiran MARA, Sungai Petani (1972) dan Institut Kemahiran MARA, Kuantan (1973). Lihat Taklimat Chawangan Latehan Kemahiran MARA kepada Mesyuarat Ketiga Jawatan Kuasa Atas Strategi Pembangunan Perusahaan, hlm. 5, dalam JPM 14729/S. J. 2. J/K Atas Strategi Pembangunan Perusahaan.

⁴⁴ Arkib Negara Malaysia, Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua, MARA.

Dalam Rancangan Malaysia Kedua,⁴⁵ penubuhan IKM Kampung Pandan merupakan projek pertama MARA.⁴⁶ Pembinaan IKM ini adalah untuk menampung pertambahan pelatih-pelatih di IKM Petaling Jaya. MARA telah mendapat peruntukan sebanyak \$3.5 juta untuk melaksanakan projek Rancangan Malaysia Kedua.⁴⁷ Tanah seluas 4.61 ekar diperuntukkan untuk pembinaan IKM Kampung Pandan.⁴⁸ Pembinaan bangunan bagi institut ini dijangka akan bermula pada awal tahun 1972. Apabila siap kelak, institut dijangka mampu menampung pelatih seramai kira-kira 580 orang untuk mengikuti latihan selama dua tahun. Walau bagaimanapun, di peringkat permulaan ia akan menerima seramai 64 orang pelatih sahaja. Mereka ini akan diserapkan dalam kursus seperti elektrik dan elektronik. Seramai lapan orang tenaga pengajar disediakan di IKM Kampung Pandan.⁴⁹ Setelah IKM Kampung Pandan siap dibina, kursus yang ada di IKM Petaling Jaya akan dipindahkan ke sini. Pada Ogos 1973, kursus IKM Petaling Jaya telah dipindahkan ke IKM Kampung Pandan. Malah, beberapa kursus baru telah diserapkan sebagai langkah mempelbagaikan kursus di IKM.⁵⁰ Antara kursus yang akan ditawarkan di IKM Kampung Pandan ialah seperti berikut:

- a) *General Mechanical Trades.*
- b) *Electronic, Radio/TV Trade.*
- c) *Electrical Trades.*
- d) *Refrigeration/Air Conditioning Trades.*

⁴⁵ Strategi pertama Rancangan Malaysia Kedua ialah membasmi kemiskinan yang turut berkaitan dengan usaha mengurangkan pengangguran dan meningkatkan daya pengeluaran para pekerja. Kawasan luar bandar dilihat mengalami masalah pengangguran serta mempunyai daya pengeluaran yang rendah. Oleh itu, kerajaan melihat orang Melayu yang merupakan penduduk terbesar kawasan luar bandar menghadapi masalah berkenaan. Lampiran I, Rancangan Malaysia Kedua Di-Tinjau Dari Konsep dan Tujuan Revolusi Mental dalam Surat Persendirian (S. P.) 33/A/2/95. Tun Dr. Fatimah Binti Hashim. UMNO-General. Setiausaha Agung Persatuan Guru2 Sa-Malaysia juga menyatakan bahawa sistem pelajaran negara lebih memberatkan ke arah sains dan teknologi. Rancangan Malaysia Kedua akan mewujudkan lebih banyak pekerja terlatih. Lihat *China Press*, 9 September 1971, dalam S. P. 33/A/2/95. Tun Dr. Fatimah Binti Hashim. UMNO-General.

⁴⁶ IKM Kampung Pandan juga merupakan projek institut vokasional yang mengadakan latihan teknikal dan industri dalam Rancangan Malaysia Kedua. Untuk keterangan lanjut, lihat MARA Vocational Institute Kuala Lumpur dalam Project Proposal of the Government of Malaysia by MARA under the Japanese Technical Aid dalam BPE (BT) 58/4/5 Vol: I. Colombo Plan-Japan: Experts & Equipment for MARA Vocational Institutes.

⁴⁷ Rujuk *Bernama*, 27 April 1971.

⁴⁸ Lihat 441/1-17. 441-Tanah, 1-Permohonan, 17-Permohonan Tapak Tanah Kemahiran MARA-Di-Kampung Pandan-Kuala Lumpur.

⁴⁹ *Alam MARA*, Unit Perhubungan Korporat, Ibu Pejabat MARA Kuala Lumpur, Januari/Februari 1985, hlm. 15.

⁵⁰ Rujuk *Bernama*, 26 Jun 1973.

e) *Hotel and Catering Trades*.⁵¹

Berikut adalah pecahan kursus dan bilangan pelatih di IKM Kampung Pandan:

Jadual 4.1: Pecahan Kursus dan Bilangan Pelatih di IKM Kampung Pandan Bagi Tahun 1971

Kursus	Bil Pelatih Tahun 1	Bil Pelatih Tahun 2
<i>Mechining</i>	42	42
<i>Fitting</i>	42	42
<i>Welding (i) Gas</i>	14	14
<i>(ii) Electric</i>	14	14
<i>Airconditioning</i>	14	14
<i>Refrigeration</i>	14	14
<i>Sheet metal</i>	14	14
<i>Draughtmanship (Mechanical)</i>	28	28
Kursus	Bil Pelatih Tahun 1	Bil Pelatih Tahun 2
<i>Electronic:</i>		
i) <i>Radio/Amplifier</i>	14	14
ii) <i>Telivision</i>	14	14
iii) <i>Tape Recorder</i>	14	14
iv) <i>Radio/TV</i>	14	14
<i>Transmitter</i>		
v) <i>Industrial</i>	14	14
<i>Electronics</i>		
<i>Electrical:</i>		
i) <i>Electrical Wiring</i>	14	14
ii) <i>Electrical</i>	14	14
<i>Fittings/appliances</i>		
iii) <i>Armature</i>		
<i>Winding/Motors/</i>		
<i>Generators, etc.</i>	14	14

Sumber: Minit Mesyuarat Majlis MARA Ke-26, 4 November 1971.

Pada 26 Jun 1972, satu perjanjian untuk mengadakan kursus elektrik dan elektronik telah ditandatangani antara MARA dan agensi Kerjasama Teknikal Seberang Laut. Hasil daripada perjanjian ini juga pihak MARA telah mendapat bantuan teknikal dan latihan kelengkapan dan kepakaran berkaitan dengan kursus tersebut. Antara kursus yang diperkenalkan di IKM Kampung Pandan ialah elektrik (*domestic/industry*),

⁵¹ Perpustakaan MARA Kuala Lumpur, Minit Mesyuarat Majlis MARA ke 26, 4 November 1971.

Kajisawat Radio dan TV, Kajisawat Am, Kepingan Logam, Pemesenan Am, Tuangan Logam, Elektronik Industri, Elektronik Instrumen, Mengetuk dan Mengecat kereta.⁵²

MARA seterusnya telah menubuhkan IKM Sungai Petani pada tahun 1973 yang bertempat di Lebuhraya Sungai Petani, Kedah. Pembinaan IKM Sungai Petani bermula dengan pengambilan tanah seluas 10 ekar yang diperoleh pada tahun 1971. Projek ini bermula pada tahun 1972 dengan melibatkan perbelanjaan sebanyak RM 850,000. Jumlah ini hanya merangkumi perbelanjaan membeli tanah dan peralatan moden.⁵³ IKM Sungai Petani merupakan sambungan dari IKM Alor Setar. Oleh sebab IKM tersebut tidak besar, kerajaan memberi peruntukan yang lebih besar kepada MARA untuk menyiapkan infrastruktur yang lengkap bagi menjalankan kursus pertukangan dan juga kursus jangka pendek selama 3 hingga 12 bulan.⁵⁴ Jurusan latihan yang disediakan ialah pertukangan kayu, pertukangan perabot, binaan bangunan, lukisan pembinaan, kimpalan, lukisan rangkai bina, lukisan seni bina.⁵⁵

Oleh sebab penubuhan IKM ini dilakukan di tanah yang tidak luas, ia menyekat perkembangan institut tersebut. MARA berpendapat adalah perlu untuk mencari tapak baru dengan keluasan tanah yang sesuai. Oleh itu, MARA telah cuba untuk mendapatkan sebuah kawasan tanah seluas 10 ekar di daerah Sungai Petani dengan harga \$8,500 seekar.⁵⁶ Pada 1 Ogos 1973, IKM Sungai Petani telah ditubuhkan bagi memenuhi kehendak permintaan pelatih yang begitu ramai. Berikut adalah jenis kursus yang ditawarkan serta jumlah pelatih di IKM Sungai Petani.

⁵² MARA telah mendapatkan khidmat Hitoshi Kawakami untuk berkhidmat di IKM Kampung Pandan. Ini adalah disebabkan oleh permintaan daripada Kerajaan Malaysia untuk tenaga pakar dalam *Electrical Trade*. No. (07) in EJ/MARA/73. Surat Tetsuro Ohashi, Setiausaha Pertama Kedutaan Jepun kepada Cik Rosmah bt Hj. Jentera, Economic Planning Unit, Jabatan Perdana Menteri, 6 Disember 1973 dalam BPE (BT)58/4/5, Vol: I. Colombo Plan-Japan: Experts & Equipment for MARA Vocational Institutes.

⁵³ *Utusan Malaysia*, 15 April 1972.

⁵⁴ Prospektus 1987, Bahagian Kemahiran MARA, hlm. 5.

⁵⁵ Kertas Majlis, Bil. 41/71, dibentangkan dalam Mesyuarat Ke-25 pada 30/7/1971.

⁵⁶ Minit Mesyuarat Majlis, Bil. 4/72, Mesyuarat Ke-27, 2/2/1972.

Jadual 4.2: Kursus yang Ditawarkan di IKM Sungai Petani Bagi Tahun 1972

Kursus	Bilangan Pelatih Tahun 1	Bilangan Pelatih Tahun 2
Binaan Bangunan	20	20
Pertukangan Kayu (Bangunan)	20	20
Lukisan Seni Bina (Umum)	30	30
Lukisan Seni Bina (<i>Architecture</i>)	20	20
Perabot & <i>Upholstery</i>	20	20
Nilaian Bangunan	20	20
Kajisawat Letrik (<i>Installation</i>)	20	20
Memasang Paip/Peteri (<i>plumbing/welding</i>)	20	20
Kepala (<i>Foreman</i>)	15	15
Kursus Lanjutan (Perabot)		12
<i>Plastering/ Tiling</i>		12
<i>Bricklaying/Blocklaying</i>		12

Sumber: Minit Mesyuarat Majlis, Bil. 4/72 bertarikh 15 Mac 1972.

Di samping itu, kursus jangka pendek selama enam bulan juga turut diadakan seperti berikut:

- 1) Membengkok Besi (12 bulan).
- 2) Cat Mengecat (12 bulan).
- 3) *Upholstery* (12 bulan).
- 4) *Framework* (12 bulan).

Peringkat latihan yang dijalankan di institut ini ialah *Craftsman Level* bersesuaian dengan kehendak-kehendak untuk menduduki peperiksaan *City & Guilds of London Institute, Pt.L.*⁵⁷ IKM Sungai Petani ini kemudiannya dipindahkan dari Alor Setar pada 1 Ogos 1973. Pada peringkat permulaan, pelatih yang telah diambil adalah seramai 178 orang. Satu lagi projek MARA dalam Rancangan Malaysia Kedua ialah penubuhan IKM Johor Bahru di Jalan Taruka, Larkin berhampiran dengan kawasan perusahaan Larkin. Ia didirikan di kawasan seluas 42 ½ ekar yang disumbangkan oleh kerajaan negeri Johor. MARA telah mempergiatkan usaha untuk mewujudkan lebih banyak IKM. Di antaranya ialah dengan mengadakan usahasama di antara Kerajaan Negeri Johor dan MARA. Ketika lawatan pengerusi MARA ke negeri Johor pada bulan Januari 1972, Y. A. B. Menteri Besar Johor telah mengemukakan satu syor supaya MARA menubuhkan sebuah Institut Kemahiran MARA di Johor Bahru. Ia bertujuan untuk memberi kemudahan latihan kepada belia agar mereka berpeluang memperoleh kelayakan yang sesuai untuk mendapatkan pekerjaan di syarikat perusahaan yang sedang berkembang di sekitar Johor Bahru. Pihak swasta di Johor telah menyatakan sokongan atas rancangan ini dan bersedia memberi kemudahan latihan praktikal di dalam syarikat mereka.

Lanjutan perbincangan ini, satu perjumpaan lagi telah diadakan pada 13 Februari 1972 di Johor Bahru di antara Y. A. B. Menteri Besar Johor, beberapa pegawai yang mewakili Kerajaan Negeri Johor, Timbalan Pengerusi MARA, Pengarah Bahagian Latihan serta beberapa orang pegawai MARA yang lain. Dalam perbincangan ini, Kerajaan Negeri Johor telah bersetuju memberikan sumbangan sebidang tanah seluas 15 ekar secara percuma sebagai tapak institut ini. Ia dicadangkan berhampiran dengan Kawasan Perindustrian Larkin, Johor Bahru. Kerajaan negeri juga bersetuju mengeluarkan perbelanjaan untuk membina bangunan-bangunan mengikut keperluan

⁵⁷ Minit Mesyuarat Majlis, Bil. 4/72, Mesyuarat Ke-27, 2/2/1972.

latihan yang akan dijalankan di institut ini.⁵⁸ Projek ini menelan belanja sebanyak \$3.5 juta dan dibina di atas tanah seluas 42 ekar di kawasan perindustrian Johor Bahru.⁵⁹

Kompleks ini terdiri daripada sembilan buah blok yang terdiri daripada blok pentadbiran, blok bengkel, bilik kuliah, enam buah bangunan asrama, sebuah dewan makan, sebuah rumah pengetua, sebuah rumah penyelia asrama dan tiga buah rumah pekerja.⁶⁰ IKM Johor Bahru mula beroperasi pada bulan Ogos 1973 dengan mengendalikan kursus dalam bidang kimpalan.⁶¹ Peringkat kedua pembinaan bangunan di institut ini dimulakan pada awal tahun 1974 oleh Kerajaan Negeri Johor dan siap dibina pada bulan Ogos 1975 dengan kos perbelanjaan sebanyak \$3.2 juta. Dua buah lagi bangunan tambahan bagi kursus Kimpalan, Kejuruteraan Laut dan Sadur Letrik juga telah disiapkan. Pihak MARA menyediakan tenaga pengajar dan peralatan latihan bagi memulakan kursus di IKM ini.

Sebagai permulaan, hanya seramai tiga orang tenaga pengajar yang ada pada tahun 1973 dengan pelatih seramai 39 orang. Mereka ini akan menjalani latihan bagi kursus kimpalan. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua, IKM Johor Bahru telah mengambil penuntut seramai 291 orang.⁶² IKM Johor Bahru telah dirasmikan pembukaannya pada 15 Julai 1979 oleh Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Hj Othman bin Hj Mohd Saat selaku Menteri Besar Johor.⁶³ Antara kursus-kursus yang terdapat di IKM Johor Bahru ialah Kajisawat Am, Kajisawat Jentera Laut, Kaji Sawat Jentera Berat, Kajisawat Penyejukbekuan dan Penyaman Udara, Kajisawat Radio dan Televisyen, Kimpalan Gas dan Arca, Pemesenan Am, Menyadur Logam, Elektronik

⁵⁸ Minit Mesyuarat Majlis, 9/72, Mesyuarat Ke-28, 5/4/1972.

⁵⁹ *MARA Vocational Institute Johor Bharu*, hlm. 1.

⁶⁰ Buku Cenderamata Rasmi IKM Johor Bahru, 1979.

⁶¹ Majlis Amanah Rakyat (MARA), *Penyata Tahunan 1973*.

⁶² Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua, MARA, hlm. 12.

⁶³ Kerajaan Jepun telah memberi bantuan berupa mesin, peralatan, pakar-pakar dan latihan guru teknikal kepada IKM Johor Bahru. Lihat Rancangan Bantuan Kerajaan Negeri Jepun kepada MARA untuk Projek IKM Johor Bahru. Surat Jamaluddin bin Hussain, Bahagian Latihan dan Pendidikan kepada Ketua Setiausaha, Bahagian Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, 22 April 1977 dalam BPE (BT) 58/4/5, Vol. III., Colombo Plan-Japan: Experts and Equipment for MARA Vocational Institutes.

Industri dan Lukisan Jentera.⁶⁴ Berikut adalah jenis kursus dan pecahan bilangan pelatih:

Jadual 4.3: Jenis Kursus dan Jumlah Pelatih di IKM Johor tahun 1972

Kursus	Bilangan Pelatih	
	Tahun 1	Tahun 2
a) <i>General Mechanics</i>	28	28
b) <i>Mechanical Draughtmanship</i>	28	28
c) <i>Welding</i>	14	14
d) <i>Refrigeration/ Air Conditioning</i>	14	14
e) <i>Automobile Mechanical</i>	28	28
f) <i>Agro/Heavy Machinery</i>	42	42
g) <i>Radio&Television Servicing</i>	28	28
h) <i>Industrial / Domestic</i>		

Sumber: Minit Mesyuarat Majlis, 9/72, bertarikh 5 April 1972.

Penubuhan IKM Lumut adalah pada tahun 1974. Proses penubuhannya adalah meliputi dua peringkat. Peringkat pertama mengandungi blok pentadbiran, bengkel dan bilik kuliah yang disiapkan pada tahun 1975.⁶⁵ Sementara peringkat kedua pula ialah pembinaan bangunan akademik, tiga blok bengkel, stor, empat blok asrama kayu, dewan makan dan dapur telah disiapkan pada tahun 1978.⁶⁶ Perbelanjaan keseluruhan pembinaan IKM ini adalah sebanyak \$3,226,623.⁶⁷

⁶⁴ Amanah, Bahagian Latihan MARA, Kuala Lumpur 1978. *Japanese Implementation Survey Team* yang diatur Japan International Cooperation Agency (JICA) diketuai oleh Osamu Okawara, Pengarah Divisyen Kerjasama Teknikal Seberang Laut, Biro Latihan Kemahiran, Kementerian Buruh telah melawat Malaysia dari 30 Ogos 1976 hingga 16 September 1976 untuk melakukan perbincangan mengenai projek untuk IKM MARA Johor Bahru. Berdasarkan tinjauan yang dilakukan, pihak Malaysia dan Jepun bersetuju untuk menyediakan kursus Kejuruteraan Marin, *Welding* (Marin) dan *Electro-plating* untuk melahirkan Juruteknik mahir di IKM Johor Bahru Appendix I. Record of Discussions Between the Japanese Implementation Survey Team and MARA Concerning the Japanese Technical Cooperation to MARA Vocational Training Institute, Johor Bharu, dalam BPE (BT) 58/4/5 Vol: III, Colombo Plan-Japan. Experts and Equipment for MARA Vocational Institutes.

⁶⁵ *Buku Cenderamata Pembukaan Rasmi IKM Lumut, Perak*, 1979, hlm. 1-3.

⁶⁶ Majlis Amanah Rakyat (MARA), *Laporan Tahunan MARA 1978*, hlm. 13.

⁶⁷ *Amanah* (Ogos-September), Bahagian Latihan Mara, Kuala Lumpur, 1979, hlm. 3.

IKM Lumut terletak di Jalan Kampung Datuk Sri Haji Kamaruddin, dua batu dari Sitiawan menuju ke Lumut. Kompleks bangunan ini didirikan atas satu kawasan seluas 42 ekar yang dibeli oleh MARA daripada kerajaan negeri Perak dengan harga \$175,337,82.⁶⁸ Pada 24 Jun 1979, IKM Lumut telah dirasmikan oleh Menteri Perusahaan Awam, Yang Berhormat Abdul Manan bin Othman. Turut hadir semasa perasmian ialah Y. A. B. Menteri Besar Perak, Dato' Seri Haji Wan Mohamad bin Hj Wan Teh dan Pengerusi MARA, Dr. Nawawi bin Mat Awin.

Kumpulan pertama pelatih di IKM Lumut ialah seramai 46 orang. Kumpulan ini telah menamatkan pengajian mereka pada tahun 1978. Ketika perasmian IKM, bilangan pelatih yang ada ialah seramai 335 orang iaitu seramai 269 orang di tahun pertama dan 66 orang di tahun kedua. Mereka mengikuti kursus seperti Kimpalan, Melarik atau Memesin, Kajisawat Letrik, Lukisan Jentera, Binaan Bangunan, Pertukangan Kayu Bangunan, Pertukangan Perabot dan Pemasangan Paip.⁶⁹ MARA telah meneruskan projek pembinaan IKM Kuantan yang sepatutnya dibina dalam Rancangan Malaysia Kedua ke dalam projek pembinaan Rancangan Malaysia Ketiga.⁷⁰ MARA berpendapat kawasan perindustrian Peramu lebih sesuai untuk didirikan IKM. Pada awal tahun 1976, seramai 23 orang pelatih telah diambil bagi mengikuti kursus penyelenggaraan gergaji. Pada peringkat awal penubuhannya, kemudahan asas di institut ini masih tidak mencukupi. Ketiadaan asrama untuk pelatih misalnya telah menyebabkan pelatih terpaksa tinggal di rumah sewa berhampiran. Selain itu, tenaga pengajar juga belum mencukupi iaitu seramai lima orang sahaja yang akan melakukan semua kerja termasuk kerja pengkeranian.⁷¹

⁶⁸ *Buku Cenderamata Pembukaan Rasmi IKM Lumut*, hlm. 3.

⁶⁹ *Amanah* (Ogos-September), Bahagian Latihan MARA, Kuala Lumpur, 1979, hlm. 4.

⁷⁰ Matlamat utama Rancangan Malaysia Ketiga ialah untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum, menyusun semula masyarakat dan menjaga keselamatan negara daripada ancaman komunis dan anasir-anasir anti nasional. Rancangan Malaysia Ketiga juga bermatlamat untuk menyediakan Bumiputera melalui latihan bagi memasuki bidang-bidang perlombongan, pembuatan, pembinaan dan perniagaan. Lihat Intisari Rancangan Malaysia Ketiga dalam 1093, Rancangan Malaysia Ketiga.

⁷¹ *Sinar IKMP*, IKM Pekan Pahang, Bil 2, 1986, hlm. 19.

Peringkat awal penubuhan, IKM Pekan telah mendapat bantuan daripada kerajaan New Zealand secara berperingkat-peringkat iaitu sebanyak \$1.75 juta.⁷² Hanya satu bentuk kursus sahaja diperkenalkan ketika itu iaitu kursus menyelenggara gergaji. MARA telah mendapat bantuan daripada Kerajaan Negeri Pahang yang menyumbang tapak seluas 25 ekar di kawasan perindustrian dengan harga \$560,000. Manakala bantuan yang diberikan oleh kerajaan New Zealand pula dalam bentuk peralatan seperti jentera, tenaga pakar dan kemudahan melatih tenaga pengajar. Keseluruhan kompleks IKM Pekan telah siap pada tahun 1978.

Ekoran daripada perkembangan semasa, kursus-kursus di IKM telah ditambah. Pada tahun 1979 misalnya, kursus baru telah diperkenalkan iaitu kursus pertukangan seperti Kimpalan, Jurusawat Letrik dan Perabot. IKM ini lebih bertumpu kepada kursus perkilangan papan sebagai kursus utama. Di bawah kursus ini, terdapat pecahan kursus seperti mengilang papan, mengetam dan membentuk kayu. Ini sebagai salah satu langkah MARA untuk mendedahkan belia Bumiputera kepada industri perkayuan yang menggunakan bahan semula jadi negara kita.⁷³ Kursus perkayuan ini amat diperlukan oleh industri perkayuan yang terdapat di sekitar Pahang.⁷⁴ Pelatih yang selesai latihan akan diambil bekerja di kilang papan yang terletak berhampiran. Oleh yang demikian, MARA menyeru agar industri-industri yang terletak di sekitar kawasan agar memberi kerjasama kepada para pelatih.

Pada 19 Februari 1985, IKM Pekan telah dirasmikan oleh Pemangku Raja Pahang. Turut hadir ialah Menteri Besar, Datuk Najib Tun Abdul Razak selaku Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Datuk Seri Sanusi Junid dan Timbalannya

⁷² *Utusan Malaysia*, 3 September 1976.

⁷³ *Utusan Malaysia*, 2 Jun 1979.

⁷⁴ Industri Perkayuan dilihat penting oleh Kerajaan Malaysia kerana ia menjadi produk untuk kegunaan domestik dan eksport. Selain itu, industri ini juga telah mewujudkan peluang pekerjaan. Pada tahun 1980, jumlah eksport balak dianggarkan berjumlah 3.6 billion ringgit atau 12.9% jumlah keseluruhan eksport kasar (*gross eksport*) di Malaysia. Lihat Briefing for YBM Menteri Perdagangan dan Perindustrian on Resource-Based Industry, II. Forest-Base Industry. Prepared by: Malaysian Industrial Development Authority, January 1982, dalam 0.3580/3. Penyertaan Bumiputra Dlm. Industri Kayu.

Datuk Yahya Lampong, Pengerusi MARA Encik Tajol Rosli, ahli-ahli mesyuarat negeri dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.⁷⁵ Semenjak IKM Pekan ditubuhkan sehingga tarikh perasmiannya, ia telah berjaya mengeluarkan hampir 2500 orang tenaga mahir dan separuh mahir.

Kursus yang ditawarkan di bawah latihan kemahiran ini adalah mengikut relevan keperluan semasa sesuatu kursus tersebut. Ia juga adalah berasaskan kepada keperluan guna tenaga bagi sesuatu bidang mengikut pasaran kerja. Segala unjuran ini akan dilakukan oleh pegawai bahagian kemahiran MARA yang akan menjalankan kajian tentang keperluan sesuatu bidang yang akan ditawarkan. Seandainya keperluan terhadap sesuatu kursus itu berkurangan, maka kemungkinan kursus itu dijumpudkan. Pendek kata, kursus kemahiran ini adalah seiring dengan perkembangan perindustrian negara.⁷⁶ Malah, tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa kursus yang dikendalikan juga menelan kos jutaan ringgit kerana setiap kelengkapan mesin berteknologi tinggi wajar di kemaskini sebelum suatu kursus itu ditawarkan. Sekali lagi, MARA berdepan dengan cabaran untuk membuktikan kursus yang ditawarkan adalah berbaloi dengan kos yang dibelanjakan untuk sesuatu bidang.

4.4 Perkembangan Kursus dan Latihan

Kursus yang dikendalikan di sekolah latihan kemahiran atau institut kemahiran MARA mengambil masa selama tiga tahun iaitu merangkumi tempoh dua tahun di dalam institut dan baki setahun lagi adalah proses belajar sambil bekerja di syarikat-syarikat tertentu. Selepas tiga tahun menjalani latihan, para penuntut diberi peluang untuk

⁷⁵ *Berita Harian*, 20 Februari 1985.

⁷⁶ Pada tahun 1975, 4.2 juta atau 35% daripada penduduk negara merupakan tenaga kerja. Dengan kadar pertumbuhan tahunan yang dianggarkan sebanyak 3.3%, tenaga kerja meningkat kepada jumlah 4.5 juta pada tahun 1977 dengan pertambahan kira-kira 280,000 tenaga kerja baru pada tahun 1976 dan 1977. Keutamaan yang tinggi diberikan kepada perkembangan fasiliti pendidikan dan latihan pada semua peringkat sejak dua dekad sebelumnya untuk memastikan tenaga kerja baru lebih berpendidikan dan memiliki kemahiran yang diperlukan industri. Part I-National Analysis; Chapter I-Population, Employment and Development of Skilled Manpower, hlm. 1, dalam *Laporan Tahunan Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat Malaysia*.

mengambil peperiksaan *City & Guilds of London Institute*. Ujian akan diadakan setiap tiga bulan bagi bahagian teori dan praktikal sebelum pelatih dibenarkan masuk belajar ke peringkat dan darjah yang lebih tinggi. Keputusan peperiksaan tersebut akan diberikan kepada ibu bapa atau penjaga pelatih supaya mereka dapat memberi kerjasama dan sokongan dalam usaha meninggikan mutu pelajaran dan latihan anak-anak mereka menerusi galakan dan bimbingan.

Satu ujian telah dijalankan pada tahun 1970 dan ia mendapati sebanyak 90% pelatih telah lulus. Seramai 10-20% pelajar yang mendapat keputusan yang cemerlang akan dihantar untuk melanjutkan pengajian dalam atau ke luar negeri.⁷⁷ Tujuan program latihan kemahiran ini dianjurkan ialah untuk melengkapkan para belia Bumiputera dengan ilmu pengetahuan yang secukupnya. Secara keseluruhannya, latihan kemahiran yang diberikan adalah menerusi dua cara iaitu, memberi latihan kepada belia yang telah tamat sistem persekolahan (dalam institut) dan satu lagi ialah latihan di luar institut yang menyediakan peluang kepada belia untuk mengikuti latihan sambil bekerja.

Latihan kemahiran di IKM diberikan kepada pelatih yang mendaftar di Sekolah Latihan Kemahiran MARA. Pelbagai kursus yang ditawarkan mengikut kehendak pasaran dan permintaan dalam sektor perindustrian.⁷⁸ Dalam kursus yang dikendalikan dalam IKM, para pelatih juga dikehendaki mengikuti latihan dalam loji. Latihan dalam loji diadakan khusus untuk pelatih semester ketiga Institut Kemahiran MARA. Melalui latihan dalam loji ini, pelatih akan ditempatkan di firma-firma atau bengkel-bengkel untuk menjalani latihan praktikal. Misalnya dalam tahun 1977, penempatan pelatih ke

⁷⁷ Ucapan Encik Mansor Osman bagi majlis pembukaan rasmi Sekolah Kemahiran MARA Melaka bertarikh 7 Mac 1969.

⁷⁸ Pada tahun 1973, Majlis Tindakan Negara mengarahkan Bahagian Latihan MARA supaya menjalankan projek khas untuk dilaksanakan dalam tempoh masa Rancangan Malaysia Ketiga. Ia adalah Latihan Kemahiran bagi bakal pekerja-pekerja di Empangan Temenggor, Ulu Perak dan Projek Letrik-Haidro, Ulu Tembeling, Kuala Tahan, Pahang. Kedua-dua projek ini memakan belanja yang besar dan memerlukan tenaga mahir bagi semua peringkat pekerjaan. Kerajaan negeri yang berkenaan dan MARA juga mengambil berat di atas rancangan ini untuk mendapatkan pekerjaan bagi Bumiputera tempatan di kedua-dua projek ini. Cara pelaksanaan latihan ialah melalui kursus latihan kemahiran yang dijalankan di IKM. Kertas Kerja Meshuarat Majlis, Bil. 43/73, Meshuarat yang Ke-32 pada 19.4.73. Pelaksanaan Rancangan-rancangan Pelajaran dan Latihan Bahagian Latihan MARA, hlm. 1-2, dalam 58/103/2 Vol: X, Meetings of MARA-Agenda and Papers.

latihan dalam loji telah dibuat dua kali iaitu Januari hingga Jun (3/1/77-15/6/77) dan pada bulan Julai hingga Disember (3/7/77-15/12/77). Latihan berkenaan memakan masa 5½ bulan kecuali bagi pelatih-pelatih berikut yang menjalani latihan dalam loji hanya selama 3 bulan iaitu:

- i) Pelatih-pelatih Solekan IKM Petaling Jaya.
- ii) Pelatih-pelatih Kimpalan IKM Kuala Lumpur.
- iii) Pelatih-pelatih Kepingan Logam dari IKM Kuala Lumpur.

Selepas 5½ bulan pelatih-pelatih menjalani latihan, satu lawatan oleh pegawai MARA telah diadakan. Tujuan lawatan ini adalah untuk mengawasi sama ada latihan ini dijalankan dengan elok dan memuaskan oleh pelatih dan juga pihak syarikat. Tindakan akan diambil jika didapati tempat latihan tidak sesuai dan amaran akan diberikan jika pelatih tidak mematuhi peraturan latihan.⁷⁹ Para pelatih di IKM mendapat latihan sepenuhnya daripada latihan jurutunjuk atau guru teknikal MARA.

4.5 Latihan Jurutunjuk/Guru Teknikal

Latihan Guru Teknikal ditumpukan kepada dua bahagian iaitu teknik dan sistem mengajar dan latihan untuk meninggikan kemahiran.⁸⁰ Perkembangan dan kemajuan latihan di institut dalam Rancangan Malaysia Ketiga memerlukan lebih ramai tenaga pengajar (guru teknikal) yang berkelayakan dan mahir. Dalam tahun 1977, terdapat seramai 227 orang guru teknikal yang sedang bertugas di lapang buah Institut Kemahiran

⁷⁹ Majlis Amanah Rakyat (MARA), *Laporan Tahunan Bahagian Pendidikan dan Latihan MARA, 1977*, hlm. 19-21.

⁸⁰ Cawangan Latihan Kemahiran, Bahagian Latihan MARA telah mendapat sokongan dan kerjasama daripada Kerajaan Republik Jerman Barat (kemudahan tempat latihan dan pakar-pakar sukarela), Kerajaan India (kemudahan tempat latihan), Kerajaan Jepun, *Overseas Technical Corporation Agency* (kemudahan tempat dan alatan latihan dan pakar-pakar sukarela), PBB (ILO-*International Labour Organization*) (kemudahan tempat latihan di Turin, Itali dan tunjuk ajar daripada pakar-pakar), PBB (OISCA-*Organisation of the Industrial, Spiritual and Cultural Advancement* (Japan)) (kemudahan-kemudahan latihan). Lihat Taklimat Cawangan Latihan Kemahiran MARA kepada Meshuarat Ketiga Jawatan Kuasa Atas Strategi Pembangunan Perusahaan, hlm. 11-12, dalam JPM 14729/S.J.2. J/K Atas Strategi Pembangunan Perusahaan.

MARA dan juga di ibu pejabat. Latihan Guru Teknikal ini ditawarkan dalam pelbagai kursus di negara seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Jerman Barat dan New Zealand. Berikut merupakan taburan guru teknikal yang berada di luar negara. Mereka ini mendapat latihan daripada luar negara dan kepakaran ini digunakan untuk mengajar pelatih di institut kemahiran.

Jadual 4.4 : Taburan Latihan Guru Teknikal di Luar Negara Tahun 1977

Negara dan Jenis Kursus	Bilangan
1. Amerika Syarikat:	
a) Lukisan Jentera	6
b) Pertukangan Kayu	8
c) Kajisawat Am	10
d) Kimpalan	9
e) Pertukangan Perabot	9
f) Jahitan (L)	2
g) Jahitan (P)	2
h) Lukisan Seni bina	7
i) Cat Mengecat Motor	1
j) Operator Rakabentuk Kayu	1
k) Menyadur Logam	1
l) Rekaan Fesyen	2
Jumlah	58
2. United Kingdom	
a) Binaan Bangunan	6
b) Pemasangan Paip	5
c) Solek Menyolek	3
Jumlah	14

Jadual 4.4, sambungan

Negara dan Jenis Kursus	Bilangan
3. Kanada	6
a) Binaan Bangunan	1
b) Kajisawat Jentera Berat	2
c) Elektronik	1
d) Lukisan Seni Bina	10
Jumlah	
4. New Zealand	
a) Memelihara Gergaji	2
b) <i>Kiln Dry/ Tanalising</i>	3
c) <i>Mill Wright</i>	3
d) <i>Planer Moulder Handling</i>	2
e) <i>Sawmill Operator</i>	
Jumlah	2
	12

Sumber: Majlis Amanah Rakyat (MARA), *Laporan Tahunan Bahagian Pendidikan Latihan MARA 1977*, hlm. 25-26.

Jadual 4.4 menunjukkan taburan guru teknikal MARA yang sedang mengikuti latihan di serata dunia. Tahun 1977 merupakan tahun kemuncak cawangan latihan kemahiran menghantar pelatih untuk mengikuti latihan guru teknikal. Peruntukan yang diberikan dari tahun 1976 hingga 1978 ialah sebanyak \$3,689,036. Daripada jumlah tersebut, sebanyak \$2,111,735 diperuntukkan untuk tahun 1977. Walaupun demikian, bilangan guru teknikal masih tidak mencukupi bagi menampung tenaga pengajar di IKM.⁸¹

⁸¹ Majlis Amanah Rakyat (MARA), *Laporan Tahunan Bahagian Latihan MARA, 1977*, hlm. 26.

4.6 Latihan Sambil Kerja

Latihan sambil kerja dijalankan dengan kerjasama syarikat swasta dan bengkel termasuklah bengkel MARA sendiri. Calon-calon ditempatkan untuk menjalani latihan dan 99% daripada latihan itu bertumpu kepada latihan praktikal. Tempoh latihan bagi pelatih ini ialah antara 5 hingga 24 bulan mengikut jenis kursus yang dipilih. Untuk mengikuti latihan ini, pelatih hendaklah mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya LCE/SRP dan berumur 17 hingga 25 tahun dan mereka hendaklah disokong oleh Pegawai Latihan Negeri. Latihan sambil kerja ini dijalankan bagi kursus yang tidak dijalankan di Institut Kemahiran MARA seperti kursus membuat roti dan biskut, membina badan bas (*coach building*) dan lain-lain.

Bagi kursus yang laris permintaannya seperti Kajisawat Motor dan Kimpalan (terdapat di IKM) juga ditawarkan melalui rancangan latihan sambil kerja. Ia ditawarkan dengan syarat bengkel-bengkel yang memberi kemudahan latihan akan mengambil pelatih tersebut sebagai pekerja tetap bengkel apabila pelatih tamat latihan nanti. Pada tahun 1977, seramai 100 orang telah menjalani latihan di bawah rancangan latihan sambil kerja. Sebanyak 41 firma dan bengkel telah bekerjasama memberi kemudahan latihan. Daripada jumlah ini, 21 tempat telah diperoleh dalam tahun 1977.⁸²

Jadual 4.5: Jumlah Pelatih yang Mengikuti Latihan Sambil Kerja Bagi Tahun 1976

Jenis Latihan	Jumlah Bekerja	Jumlah Tamat
Latihan Sambil Kerja di Bengkel MARA		
a) <i>Machine Shop</i>	1	1
b) <i>Jurusawat Motor</i>	41	50
c) <i>Electrical</i>	4	4
d) <i>Air Condition</i>	6	7

⁸² Majlis Amanah Rakyat (MARA), *Laporan Tahunan Bahagian Latihan dan Pendidikan MARA, 1977*, Cawangan Perancang dan Penempatan, hlm. 22- 23.

Jadual 4.5, sambungan

Jenis Latihan	Jumlah Bekerja	Jumlah Tamat
e) Pelatih Stor	3	6
f) <i>Electronic</i>	1	2
g) <i>Fuel Pump</i>	1	2
h) Pelukis Pelan	3	4
i) Pertukangan Kayu	2	2
j) <i>Welding</i>	2	2
k) Mekanik Am	1	3
Jumlah	65	93
Latihan Sambil Kerja- Bengkel Kerajaan		
a) <i>Steel Structure</i>	1	1
b) <i>Welding</i>	2	7
c) Lukisan Binaan	3	3
d) Jurusawat Motor	15	21
e) <i>Machine Shop</i>	1	1
f) <i>Boiler Operator</i>	-	1
g) <i>Diesel Engine</i>	2	6
h) <i>Saw Doctor</i>	1	5
i) Binaan Bangunan	1	5
j) Elektrikal	2	2
k) <i>Fuel Pump</i>	-	1
l) <i>Chargeman</i>	1	1
Jumlah	30	55
Latihan Sambil Kerja Syarikat MARA /Bumiputera		
a) <i>Plumbing</i>	1	1
b) <i>Concrety</i>	5	16
c) Gunting Rambut	6	17
d) Perabot	7	20
e) <i>Kiln Dying</i>	1	2
f) <i>Saw Doctor</i>	-	1
g) Mencilup Tayar	5	10
h) Lukisan Binaan	-	4
i) Roti	-	12
j) Jurusawat Motor	5	11
k) Radio TV	-	1
l) Perak	1	4
m) Batik	1	1
n) Buluh	1	11
o) Cetakan	-	1
Jumlah	33	117

Jadual 4.5, sambungan

Jenis Latihan	Jumlah Bekerja	Jumlah Tamat
Latihan Sambil Kerja-Swasta/Bukan Bumiputera		
a) Jurusawat Motor	9	19
b) Jurusawat jentera Barat	5	5
c) <i>Spray Painting</i>	1	1
d) <i>Welding</i>	2	6
e) <i>Plumbing</i>	1	2
f) Solek Menyolek	3	7
g) Memasang Paip	-	1
h) Radio TV	-	2
i) <i>Air Condition</i>	1	3
j) Lukisan Jentera	1	1
k) Elektrikal	1	5
l) Lukisan Binaan	-	13
m) <i>Offset Printing</i>	-	1
n) Membuat Cermin	1	1
o) Batu Bata	-	10

Sumber: Majlis Amanah Rakyat (MARA), *Laporan Tahunan Bahagian Latihan MARA, 1977*, Lampiran I.

4.7 Kursus yang Ditawarkan

Latihan yang terdapat di IKM merangkumi dua kategori iaitu latihan tukang kadar dan latihan juruteknik industri. Latihan tukang kadar menekankan pembelajaran pertukangan atau kemahiran secara khusus. Terdapat tiga tahap dalam kursus tukang kadar iaitu asas, menengah dan tertinggi. Latihan bagi tahap asas dan menengah disatukan manakala latihan tahap tertinggi yang menitikberatkan kerja-kerja yang lebih bermutu dan bernilai diasingkan sebagai latihan lanjutan. Latihan juruteknik pula adalah suatu latihan yang menekankan pengetahuan teknikal.⁸³

⁸³ *Prospektus 1987*, Bahagian Kemahiran Mara, hlm. 2, 14 dan 38.

Berdasarkan dua jenis latihan tersebut, kursus-kursus yang terdapat di IKM dapat dikelompokkan mengikut kumpulan tertentu iaitu kursus pertukangan dan bangunan, perindustrian pakaian, kerja logam, kejuruteraan teknologi jentera, automotif, elektrik, elektronik, lukisan dan perkilangan kayu.⁸⁴ Kursus ini diperkenalkan selaras dengan perkembangan ekonomi negara iaitu permintaan yang tinggi dalam sektor pembuatan. Penerapan kursus ke dalam proses pembelajaran di IKM dikatakan akan melahirkan bakal pekerja yang mahir dalam semua bidang pekerjaan terutamanya pekerjaan yang berkaitan dengan pertukangan dan perindustrian. Bidang pekerjaan yang akan diceburi oleh bekas pelatih IKM akan disesuaikan dengan kursus yang diambil ketika belajar. Antara pekerjaan yang sesuai untuk diceburi ialah Jurugegas, Juruteknik, Jurutera, Pengawal Mutu, Juruteknik Kilang, Penyelenggara Gergaji, Jurukimpal Am, Mekanik Motosikal atau Jurutera-jurutera Berat, Penyelia Pengeluaran dan lain-lain lagi.

Kursus-kursus yang ditawarkan di IKM ini sememangnya berubah dari semasa ke semasa mengikut peredaran zaman. Penawaran suatu kursus adalah lebih kepada permintaan dalam pasaran kerja. Oleh yang demikian, kursus yang ditawarkan di peringkat awal berubah dan diganti dengan kursus yang lain. Pada tahun 1968 misalnya, hanya dua kursus sahaja dilaksanakan di Sekolah Latihan Kemahiran MARA iaitu kursus Kajisawat Motor dan Kursus Mekanikal. Kedua-dua kursus tersebut mempunyai latihan asas yang sama berbentuk *Common Module*. *Common Module* dipecahkan kepada beberapa submodul seperti Kimpalan, Pemesinan Am, Mengegas Mesin dan Lukisan Teknik. Peningkatan kepada kursus Kajisawat Motor melahirkan Kursus Kajisawat Motor Tinggi.

⁸⁴ Program Latihan Kemahiran MARA 1987, hlm. 10.

Di samping kursus tersebut, antara kursus lain yang ditawarkan ialah Lukisan Jentera, Pemesinan Am, Penyelenggaraan Mesin, Kimpalan, Ketuk Mengetuk dan Cat Kereta, Elektrik Domestik dan Industri, Binaan Bangunan, Kerja Paip, Perabot dan lain-lain.⁸⁵ Pada masa ini, tiada silibus yang khas digubal dan isi kandungan latihan serta buku-buku rujukan dan nota disediakan sendiri oleh pengajar-pengajar. Berikut adalah senarai subjek yang diambil oleh pelatih-pelatih mengikut kursus yang mereka ikuti:

Jadual 4.6: Kursus dan Subjek yang Ditawarkan Tahun 1968

Kursus	Subjek yang Diambil
Automobile (Kajisawat Motor)	<i>Petrol Engine</i> <i>Diesel Engine</i> <i>Auto Transmission</i> <i>Auto Electric</i>
Mekanikal	<i>Fitting</i> <i>Welding</i> <i>Machining</i> Lukisan Teknik

Sumber: *Sejarah IKM Jasin*, hlm. 11.

Pengambilan pelatih di peringkat awal adalah dalam kalangan mereka yang mempunyai kelulusan darjah enam sahaja. Secara amnya, mereka lemah dari segi akademik dan ada di antara mereka hanya boleh membaca dan menulis. Pelatih diambil dalam kalangan belia yang keciciran sekolah dan tiada peluang untuk mendapatkan latihan. Pelatih ini akan mengikuti latihan selama 1½ tahun di Sekolah Latihan dan enam bulan latihan industri di syarikat-syarikat tempatan. Pelatih ini diiktiraf berdasarkan *certificate of attendance* dan mereka ini dikehendaki di pasaran sebagai

⁸⁵ Ringkasan Sejarah Bahagian Kemahiran MARA, hlm. 3.

Workshop Attendance.⁸⁶ Namun, perubahan berlaku pada kemasukan kumpulan kedua pada tahun 1970 iaitu kelayakan masuk telah dinaikkan kepada mereka yang berkelulusan LCE/SRP dan MCE/SPM.

Apabila pelatih berjaya mengikuti modul-modul latihan yang ditetapkan, mereka akan diuji untuk memastikan kecekapannya dalam kursus yang diikuti. Pelatih yang berjaya akan diberikan Sijil Kemahiran yang dikeluarkan oleh MARA.⁸⁷ Pelatih IKM juga diberi kemudahan untuk menduduki ujian anjuran Kementerian Buruh bagi mendapatkan sijil-sijil LLPPKK dan juga sijil keluaran Jemaah Pemeriksa Elektrik, sijil-sijil Dandang Setia dan sebagainya. LLPPKK ialah Lembaga Latihan Perindustrian dan Persijilan Pertukangan Kebangsaan.⁸⁸ Lembaga ini ditubuhkan pada bulan Disember 1971 di bawah Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat.⁸⁹

LLPPKK bekerjasama dengan industri untuk menentukan jenis dan kualiti pekerja yang dikehendaki. Bagi menentukan pelatih-pelatih memiliki kemahiran yang dikehendaki, institut-institut latihan perindustrian awam dan swasta telah menyusun program latihan mereka selaras dengan keperluan industri (Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Pelajaran, Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat dan Bahagian Kemahiran MARA) dan pegawai-pegawai latihan sektor swasta menduduki jawatankuasa sukatan menyusun bentuk sukatan latihan LLPPKK yang memenuhi keperluan mencapai taraf kemahiran perindustrian seperti yang ditetapkan oleh industri.

⁸⁶ Temuramah dengan Tuan Haji Abdul Hamid bin Dato' Mohd Salleh pada 26 Ogos 2008, jam 10.40 pagi di rumahnya di Batu Berendam.

⁸⁷ Sijil yang dikeluarkan ialah Sijil Institut Kemahiran MARA, Sijil *City & Guilds of London Institute-Intermediate Stage*. Lihat Lampiran G, Rancangan Latihan Kemahiran MARA, 1966-1970 dalam G. 08113.01. Taklimat mengenai Program2/Projek2 untuk Meshuarat Ke-Empat J/K Jawatankuasa Atas Strategi Pembangunan.

⁸⁸ Lihat PLB/DISP/G/21/83. Teknik dan Pepereksaan LLPPKK.

⁸⁹ Bagi memenuhi keperluan tenaga mahir bagi sektor industri di Tanah Melayu selepas kemerdekaan, latihan sistem perantisan telah dimulakan pada tahun 1957. Kementerian Buruh ketika itu bertanggungjawab terhadap pentadbiran rancangan perantisan tersebut sementara Kementerian Pelajaran pula menyelenggarakan perkara-perkara yang bersangkutan dengan panduan teori pertukangan. Di bawah Kementerian Buruh, tugas khas menjalankan pentadbiran rancangan perantisan ini diberi kepada Lembaga Perantisan Pusat (*Central Apprenticeship Board-CAB*). Lembaga ini menerima perkhidmatan sekretariat dari Bahagian Perkhidmatan Latihan Jabatan Tenaga Rakyat. Penglibatan Kementerian Pelajaran kemudiannya dihentikan. Apabila LLPPKK dibentuk pada tahun 1972, Bahagian Perkhidmatan Latihan melanjutkan khidmatnya kepada LLPPKK dan Rancangan Perantisan Negara dengan sendirinya diserap sebagai sebahagian daripada tanggungjawab LLPPKK. Rujuk Usul dari Yunit Teknik LLPPKK Kepada Jawatankuasa Teknik LLPPKK Mengenai Piawaian dan Sukatan Latihan Kursus Perantisan, Latar Belakang, hlm. 1, dalam KB/JTR/02/2151, Jawatankuasa Teknik LLPPKK.

Sijil LLPPKK telah diiktiraf oleh kerajaan.⁹⁰ Misalnya, pelatih yang berjaya dalam peperiksaan kursus Kajisawat Am diberikan sijil MARA dan sijil LLPPKK. Berikut ialah maklumat lanjut tentang pelatih-pelatih awal latihan kemahiran MARA.

Jadual 4.7: Maklumat Lanjut Pelatih Awal Latihan Kemahiran MARA, 1968-1970

Kumpulan	Jumlah Pelajar	Kelayakan Masuk	Sistem Penilaian
Kumpulan Pertama	60 orang	Berkelulusan Darjah 6	Berkelulusan hanya dinyatakan sama ada lulus/gagal, ya/tidak, tahu/tak tahu
Kumpulan Kedua	96 orang	LCE/SRP MCE/SPM	Bermulanya sistem gred A, B, C, D, E, F

Sumber: *Sejarah IKM Jasin*, hlm. 12.

Jadual di atas menunjukkan kelayakan masuk dan sistem penilaian yang berbeza bagi kedua-dua kumpulan pelatih perintis ini. Oleh sebab penilaian lulus atau gagal dianggap terlalu cetek, maka ia telah diperketatkan dengan sistem gred. Kelayakan calon-calon untuk mengikuti kursus di institut ini ialah sekurang-kurangnya lulus Sijil Rendah Pelajaran dengan mendapat kepujian dalam beberapa mata pelajaran yang tertentu.⁹¹

4.8 Kesulitan yang Dihadapi

Di peringkat awal penubuhannya, IKM menghadapi banyak masalah khususnya masalah kekurangan tenaga pengajar. MARA telah mengambil inisiatif menghantar kumpulan perintis ke luar negara iaitu seramai 12 orang dihantar ke Jerman, 20 orang ke India dan 10 orang ke Jepun. Penghantaran tenaga pengajar ini masih belum dapat

⁹⁰ LLPPKK *Sepintas Lalu*, Kuala Lumpur: LLPPKK, hlm.1-8.

⁹¹ Ibid.

mengatasi masalah kekurangan tenaga pengajar.⁹² Ini disebabkan, ada dalam kalangan tenaga pengajar MARA yang beralih ke bidang pekerjaan yang baru apabila mendapat tawaran kerja yang lebih baik. Selain itu, buku rujukan juga tidak mencukupi dan kebanyakan buku yang digunakan adalah hasil terjemahan daripada buku bahasa Inggeris. Buku-buku ini perlu dipermudahkan untuk tujuan pemahaman pelatih IKM dan menepati kehendak silibus IKM. MARA telah mengambil inisiatif untuk menetapkan kurikulum dan penilaian tersendiri bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran.⁹³

Bahagian Kemahiran MARA juga menghadapi masalah kekurangan calon bagi kursus tertentu terutamanya dalam bidang bangunan (*building trades*). Bidang ini terpaksa diiklankan sebanyak dua kali bagi mengisi kekosongan pelatih. Bidang ini kurang diminati kerana kurangnya pendedahan tentang kerjaya ini. Sebagai langkah mengatasi masalah ini, Bahagian Kemahiran telah mengadakan bimbingan kerjaya di sekolah-sekolah buat pelajar lepasan LCE dan MCE sebagai langkah memberi pendedahan tentang sesuatu kursus.⁹⁴

Selain itu, pengenalan kursus baru seperti di IKM Johor Bahru telah menyebabkan MARA memerlukan kepakaran daripada luar negara bagi membimbing pelaksanaan kursus tersebut.⁹⁵ Oleh itu, MARA telah memohon agar pakar bagi bidang *welding*, *elektroplating* dan *marine engineering* dihantar untuk membimbing pelatih

⁹² Masalah kekurangan tenaga pengajar ini sememangnya antara masalah serius yang dihadapi pihak MARA. Lihat Tripartite Review Report dalam Vol: II (BT) 58/4/10. UNDP: Expert Assistance for Vocational Training for MARA.

⁹³ MARA Vocational Training Planning Team MAL/72/004, Malaysia, Project Findings and Recommendations Report prepared for the Government of Malaysia by the International Labour Organisation acting as Executing Agency for the United Nations Development Programme. United Nations Development Programme International Labour Organisation, Geneva 1975, III. Recommendations, dalam Vol: II (BT) 58/4/10. UNDP: Expert Assistance for Vocational Training Training for MARA. MARA juga mendapatkan khidmat pakar UNDP untuk memberi nasihat berkenaan *Training Curriculum dan Development*. Lihat Surat Ketua Unit Perancang & Pentaksir MARA kepada Ketua Setiausaha Negara, Bahagian Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, 1 Mac 1975 dalam BPE (BT) 58/4/10. Vol. I. UNDP: Expert Assistance for Vocational Training for MARA.

⁹⁴ Majlis Amanah Rakyat (MARA), *Laporan Bahagian Pendidikan dan Latihan MARA*, 1975, hlm. 29.

⁹⁵ Lihat Request for the Japanese Government Technical Aids by Government of Malaysia for MARA dalam BPE (BT) 58/4/5 Vol: II. Colombo Plan-Japan: Exports & Equipment for MARA Vocational Institutes.

IKM.⁹⁶ MARA juga memohon agar bantuan alat perkakas dihantar bagi kursus tersebut.⁹⁷ Misalnya pakar dalam bidang *Building Trades* telah diambil dan beliau adalah Mr G. H. Cooper.⁹⁸ Seorang lagi pakar telah dilantik sebagai *Senior Vocational Training Advisor* iaitu Mr. M. Amin.⁹⁹ Beliau telah dicadangkan oleh *International Labour Organization (ILO)* bagi menjawat jawatan tersebut. Kemasukan pakar-pakar ini sedikit sebanyak membuka ruang bagi membolehkan suatu jurusan kemahiran itu dibimbing dengan sebaiknya.

Di samping itu, Kerajaan Jepun telah menyumbang enam set bingkai cermin televisyen yang berharga Japanese Yen 60,000 yang akan digunakan di IKM.¹⁰⁰ Kerajaan Jepun juga telah memberi bantuan alatan bagi membaiki radio dan televisyen kepada IKM Radio & TV, Petaling Jaya. Mereka juga menyediakan bahan latihan radio dan televisyen yang bernilai hampir \$800,000 bagi kegunaan Institut Kemahiran MARA.¹⁰¹

⁹⁶ Surat dari Ketua Setiausaha Bahagian Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Cik Rosmah bt Haji Jentera kepada Mr. K. Sadachi iaitu wakil kedutaan Jepun di Malaysia bertarikh 7 Mei 1975.

⁹⁷ Surat daripada Encik Mohamed bin Abdul Ghani, wakil dari Bahagian Latihan MARA kepada Cik Rosmah bt Hj Jentera selaku Ketua Setiausaha Bahagian Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri bertarikh 19 April 1975.

⁹⁸ Nama penuh beliau ialah Gerald H. Cooper dan dilahirkan pada 5 Jun 1925. Beliau telah menamatkan pengajian dalam bidang vokasional dengan pengkhususan dalam *building and construction trades*. Beliau telah berkhidmat sebagai UNDP/ILO *Expert in Building Trades and Entrepreneur Training (Building Construction)*, Apia, Western Samoa. Selain itu, beliau juga berkhidmat di Arab Saudi sebagai pakar ILO dan mempunyai pengalaman luas dalam bidang tersebut di beberapa buah negara lain. Rujuk *Curriculum Vitae* Mr Gerald H. Cooper. Rujuk juga surat Edmund J. Cain selaku *Programme Officer* kepada Bahagian Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri bertarikh 31 Januari 1974.

⁹⁹ Mohamed Ahmed Amin telah dilahirkan pada 28 September 1917. Beliau berasal dari Mesir dan berkelulusan B. Sc Electrical Engineering dari Fakulti Kejuruteraan, University of Cairo. Beliau telah memperoleh PhD dalam bidang *Electrical Engineering* dari *University of London*.

¹⁰⁰ Fail Pengarah Bahagian MARA, Surat dari Kazuya Sadachi Setiausaha Kedutaan Jepun kepada Pengarah Bahagian Latihan MARA bertarikh 12 Disember 1974.

¹⁰¹ Ucapan Y. B. Pengerusi MARA, Tun Ghaffar Baba ketika majlis upacara pembukaan rasmi Institut Kemahiran MARA Radio & TV, Petaling Jaya pada 25 Oktober 1970, jam 3.30 petang.

4.9 Pencapaian IKM Pada Era 1970-an

Sepanjang pelaksanaan DEB, MARA melalui program kemahirannya telah sedikit sebanyak menyumbang dalam merealisasikan matlamat DEB.¹⁰² Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua, seramai 5747 orang anak Bumiputera telah mendapat kemudahan untuk mengikuti latihan dalam pelbagai bidang kemahiran sama ada di institut-institut kemahiran MARA ataupun melalui program latihan sambil kerja di bengkel-bengkel dan firma-firma.¹⁰³ Ini merupakan pencapaian sebanyak 53.2% daripada apa yang telah diunjurkan.¹⁰⁴ Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga pula, daripada tahun 1976 hingga 1978, seramai 5051 anak Bumiputera telah mendapat peluang untuk mengikuti latihan kemahiran. Ini merupakan 48% daripada apa yang diunjurkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga.¹⁰⁵ Sementara itu, seramai 4983 anak Bumiputera mendapat peluang ini dari tahun 1979 hingga 1980 dan ini akan menjadikan peratus pencapaian dibandingkan dengan unjuran keseluruhan ialah sebanyak 95.2%.¹⁰⁶

Secara keseluruhannya, MARA telah dapat memberi peluang kepada 15,781 orang Bumiputera untuk mendapatkan latihan kemahiran dalam pelbagai bidang. Ini merupakan 74.0% daripada unjuran bagi kedua-dua Rancangan Malaysia tersebut.¹⁰⁷ Sejumlah wang yang banyak juga telah diperuntukkan bagi tujuan ini. Misalnya,

¹⁰² Kerajaan Malaysia melalui Rancangan Malaysia Ketiga berhasrat untuk melahirkan tenaga kerja berkemahiran supaya dapat memasuki bidang perdagangan dan perusahaan serta menjadikan bidang berkenaan sebagai mata pencarian tetap. Oleh itu, tenaga kerja daripada bekas pelatih institut teknikal yang berbakat merupakan mereka yang dikehendaki. BPE 11/111/135. Rancangan Malaysia Ketiga Seksyen Industri.

¹⁰³ Di bawah Rancangan Malaysia Kedua, matlamat Bahagian Latihan Kemahiran MARA ialah menghasilkan 10,800 pelatih dengan kemahiran dalam tempoh 1971-1975. United Nations Development Programme Project of the Government of Malaysia, hlm. 3, dalam Vol: III (BT) 58/4/10. UNDP: Expert Assistance for Vocational Training for MARA.

¹⁰⁴ Kajian Semula Dasar Ekonomi Baru dalam Tempoh Sepuluh Tahun Pertama, 1970-1980, hlm. 2.

¹⁰⁵ Ibid.

¹⁰⁶ Menurut tinjauan tenaga kerja, dianggarkan 260,000 tenaga kerja melibatkan pengeluaran dan bidang berkaitan diperlukan dalam tempoh 1973-1980 dan 590,000 untuk tahun 1981-1990. Pekerjaan melibatkan kemahiran teknikal juga sangat diperlukan oleh Malaysia yang sedang berkembang. Rujuk Committee for the Study and Implementation of Technical & Vocational Education under The Fourth Malaysia Plan (1981-1985), dalam KP (PT) 026/6. Jawatankuasa Kajian dan Pelaksanaan Pel. Teknik dan Vokasional Di-Bawah Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985).

¹⁰⁷ Kajian Semula Dasar Ekonomi Baru dalam Tempoh Sepuluh Tahun Pertama, 1970-1980, hlm. 4.

permohonan pembelian daripada peruntukan pembangunan dalam jangka masa suku tahun pertama 1980 yang telah diluluskan oleh cawangan ini adalah seperti berikut:

Jadual 4.8: Jumlah Kelulusan Peruntukan Mengikut Institusi

Nama Institusi	Jumlah Kelulusan
a) Johor Bahru	\$ 59,360.29
b) Melaka	\$ 2,929.00
c) Kuala Lumpur	\$ 19,267.26
d) Petaling Jaya	\$ 9,856.86
e) Lumut	\$ 140,968.62
f) Perdagangan	\$ 10,482.13
g) Sungai Petani	\$ 9,262.14
h) Alor Setar	\$ 259.00
i) Pekan	\$ 49,985.79
Jumlah Besar	\$ 302,371.09

Sumber: *Laporan Suku Tahun Pertama Bahagian Latihan dan Pendidikan MARA*, Januari-Mac 1980, hlm. 14.

Jadual di atas menunjukkan peruntukan MARA untuk setiap IKM bagi tahun 1980. Jumlah besar yang diperuntukkan ialah sebanyak \$ 302,371.09. Ini menunjukkan kerajaan benar-benar ingin membantu Bumiputera dalam meningkatkan kemahiran serta menceburi bidang perindustrian. Peruntukan wang ini benar-benar dapat dimanfaatkan untuk pengendalian program berbentuk teknikal.

Jadual 4.9: Bilangan Pelatih yang Tamat dan Bekerja Mengikut Tempat dan Jenis Latihan Bagi Tahun 1974

Nama Institusi	Jumlah Bekerja	Jumlah Tamat
IKM Alor Setar		
a) Bengkok Besi	39	61
b) Penerap Bata	26	37
c) Acuan	8	24
d) Pertukangan Kayu	-	17
Jumlah	73	139

Jadual 4.9, sambungan

Nama Institusi	Jumlah Bekerja	Jumlah Tamat
IKM Sungai petani		
a) Lukisan	29	34
Pembinaan	40	42
b) Pertukangan	16	18
c) Binaan Bangunan		
Jumlah	85	94
IKM Melaka		
a) Jurusawat Motor	79	102
b) Lukisan Jentera	11	11
c) <i>Auto Electrician</i>	1	1
d) <i>Welding</i>	7	9
Jumlah	98	123
IKM Petaling Jaya		
a) Jahitan	55	57
IKM Kuala Lumpur		
a) <i>Electrical</i>	47	47
b) <i>Auto Electrician</i>	1	1
c) Lukisan Jentera	1	1
d) Radio TV	29	29
e) <i>Air Condition</i>	1	1
Jumlah	79	79
IKM Johor Bahru		
a) <i>Welding</i>	2	2

Sumber: Majlis Amanah Rakyat (MARA), *Laporan Tahunan Bahagian Latihan MARA 1974*, hlm. 16.

**Jadual 4.10: Bilangan Pelatih-pelatih Kemahiran MARA Tamat dan Bekerja
Mengikut Jenis Pertukangan Bagi Tahun 1974**

Jenis Pertukangan	Jumlah Bekerja	Jumlah Belum Bekerja	Jumlah	Bekerja (%)
a) Besi dan Besi Waja	16	13	29	55.1
b) Motor dan Jentera	174	72	246	70.7
c) Mencilup Wayar	5	5	10	50
d) Percetakan	-	2	2	0
e) Elektrik dan Elektronik	94	11	105	89.5
f) Jahitan/Membatik	199	11	210	94.7
g) Kayu Kayan	57	17	74	77
h) Bangunan dan Binaan	181	133	314	57.6
i) Perkhidmatan dan Bekalan	113	33	146	77.3

Jadual 4.10, sambungan

Jenis Pertukangan	Jumlah Bekerja	Jumlah Belum Bekerja	Jumlah	Bekerja (%)
j) Pertukangan Tangan	40	13	53	75.4
Jumlah	879	310	1,189	73.9

Sumber: Majlis Amanah Rakyat (MARA), *Laporan Tahunan Bahagian Latihan MARA 1974*, hlm. 19.

Jadual di atas menunjukkan jumlah pelatih yang telah bekerja adalah lebih ramai berbanding yang tidak bekerja. Daripada 1,189 pelatih yang telah tamat latihan, seramai 881 pelatih telah mendapat pekerjaan manakala 308 pelatih masih belum bekerja. Peratus yang telah bekerja ialah sebanyak 74.6%. Daripada jenis pertukangan di atas, pelatih daripada kursus jahitan dan membatik paling ramai mendapat pekerjaan. Ini disebabkan permintaan dalam bidang ini masih tinggi dan sangat diperlukan oleh negara.

Ditinjau daripada aspek pengukuran kejayaan dalam kehidupan, sebahagian lepasan para pelatih IKM di era ini telah mencapai kejayaan dalam bidang yang diterokai mereka. Ia jelas menunjukkan bahawa IKM pada peringkat awal penubuhannya mampu untuk menghasilkan graduan berkemahiran yang berjaya dalam kehidupan. Misalnya Tuan Haji Mat Daud bin Yusof, Pengarah Urusan Kejuruteraan Elektrik Pandan Sdn Bhd merupakan bekas pelajar IKM Kuala Lumpur (1972-1974) yang mengambil Sijil Teknologi Kejuruteraan Elektrik. Beliau kini berpendapatan lebih RM 300,000 sebulan dan menggajikan lebih 30 orang pekerja dan mengambil lebih 25 orang pelajar praktikal.¹⁰⁸ Seorang bekas pelatih IKM Johor Bahru yang iaitu YM Pengeran Dato' Daud Pengeran Putera telah menempa nama dalam perkhidmatan minyak dan gas. Beliau yang bergraduasi pada tahun 1980, merupakan anak Sarawak

¹⁰⁸ *Inspirasi Kejayaan Ikon Kemahiran MARA*, Kuala Lumpur: MARA, 2010, hlm. 45.

telah mengasaskan Syarikat Serba Dinamik yang menyediakan perkhidmatan *machinery and engineering*. Dato' Daud menganggap pendidikan yang diterima di ITM sebagai satu lonjakan untuk terus mencipta kejayaan dengan beralih ke bidang usahawan sebagai seorang kontraktor dalam bidang minyak dan gas.¹⁰⁹

4.10 Kesimpulan

Berdasarkan rekod perkembangan yang begitu memberangsangkan, IKM jelas berhasil memenuhi matlamat utama kerajaan untuk merangsang kelahiran masyarakat Bumiputera yang berkemahiran sekaligus memenuhi kehendak-kehendak guna tenaga kerja di Malaysia yang menuju ke arah perindustrian mulai tahun 1970-an. IKM bukan sahaja merupakan antara institusi penting dalam menyuntik daya saing dalam kalangan belia Bumiputera, bahkan dengan wujudnya IKM, ia merupakan satu jawapan kepada permasalahan kekurangan tenaga kerja berkemahiran di Malaysia. Selain menjadi penawar kepada masalah pengangguran yang semakin serius pada penghujung dekad 1960-an, penawaran kursus-kursus kemahiran kepada golongan belia Bumiputera oleh IKM turut membantu usaha kerajaan dalam memaksimumkan tenaga kerja luar bandar yang sebelumnya dilihat begitu ketinggalan jika dibandingkan dengan kaum bukan Bumiputera di kawasan bandar. Hal ini adalah selari dengan dasar DEB untuk merapatkan jurang antara golongan Bumiputera dan bukan Bumiputera khususnya dalam konteks alam pekerjaan.

Kursus kemahiran yang ditawarkan IKM adalah berkualiti dan mempunyai standard yang tersendiri. Melalui IKM, buat pertama kalinya golongan belia Bumiputera memiliki peluang yang luas untuk mendapatkan pendidikan kemahiran secara formal. Tambahan pula, MARA turut mendapatkan khidmat pakar-pakar berkelayakan daripada

¹⁰⁹ Ibid., hlm. 20.

luar negara untuk membantu MARA meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran di IKM. Oleh itu, IKM dilihat berupaya membantu golongan belia Bumiputera untuk mengasah dan mengembangkan bakat yang dimiliki serta menyalurkannya kepada dunia pekerjaan yang sangat memerlukan kemahiran yang khusus. Pencapaian IKM ini jelas memperlihatkan peranan yang dimainkan MARA dalam menerajui usaha kerajaan dalam membasmi kemiskinan dan menstrukturkan semula masyarakat sebagaimana yang digariskan dalam DEB.

BAB 5: PERKEMBANGAN MAKTAB RENDAH SAINS MARA, 1972-1980

5.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan peranan MARA dalam menguruskan institusi persekolahan peringkat menengah yang dikenali sebagai Maktab Rendah Sains MARA (MRSM). Persoalan yang akan dikupas dalam bab ini ialah bagaimanakah MRSM berkembang daripada institusi yang dilihat sebagai tidak begitu bersedia dari segala sudut ketika penubuhannya, sehingga dapat mencapai kejayaan yang memberangsangkan dalam konteks aspirasi kerajaan untuk mewujudkan golongan cerdik pandai Bumiputera dalam kerangka Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Bagi menjawab persoalan ini, penelitian akan dibuat untuk meninjau tempoh 1972-1980 bagi memperlihatkan usaha gigih MARA dalam mengisi hala tuju MRSM serta menjana intipati sistem pendidikannya yang eksklusif di Malaysia. Bab ini dibahagikan kepada beberapa bahagian meliputi faktor penubuhan MRSM, usaha merealisasikan penubuhannya, perkembangan penubuhan MRSM di Malaysia dalam tempoh berkenaan, pengambilan dan pencapaian pelajar serta masalah dan cabaran yang terpaksa dihadapi MRSM. Ternyata, MARA berjaya membentuk MRSM sebagai sebuah institusi persekolahan peringkat menengah dan berhasil memenuhi objektif penubuhan MRSM sebagaimana yang disasarkannya.

5.2 Sebab-sebab Penubuhan Maktab Rendah Sains MARA

Penglibatan MARA dalam bidang pendidikan peringkat sekolah bermula pada tahun 1970. Sebelum ini, MARA telah terlibat secara langsung dalam penubuhan Institut Teknologi MARA (ITM) yang sedikit sebanyak memberi inspirasi dan pedoman

terhadap peri pentingnya usaha melahirkan pelajar yang berkualiti di peringkat sekolah lagi. Ini disebabkan kemasukan ke institusi pengajian tinggi yang melahirkan golongan cerdik pandai akan terjejas sekiranya pihak sekolah melahirkan pelajar yang tidak bermutu. Justeru itu, MRSM atau *MARA Junior Science College* (MJSC) merupakan antara institusi persekolahan terawal yang diasaskan oleh MARA untuk mengisi kelompangan tersebut.

Kelahiran MRSM ini mempunyai kaitan rapat dengan hasrat DEB yang disarankan pada tahun 1970.¹ DEB mempunyai dua matlamat utama iaitu untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat agar tiada pengenalan kaum berdasarkan fungsi ekonomi.² Malaysia yang telah lama menjalani tempoh masa di bawah pentadbiran penjajah telah tersusun dengan ekonomi yang diatur oleh penjajah. Sistem dual ekonomi yang diasaskan ini sedikit sebanyak mempengaruhi corak pertumbuhan ekonomi masyarakat.³ Misalnya, orang Melayu lebih cenderung kepada sistem ekonomi tradisional iaitu bergiat sebagai petani dan nelayan manakala orang Cina dan India pula terlibat dalam ekonomi moden sebagai penggiat dalam perdagangan dan perlombongan bijih timah. Akibat dasar "pecah dan perintah" British ini, ia telah meninggalkan kesan mendalam dalam penyusunan masyarakat iaitu orang Melayu lebih banyak tinggal di kawasan luar bandar manakala orang Cina pula di kawasan bandar. Keadaan ini telah membimbangkan kerajaan, kerana tanpa satu dasar baru diperkenalkan, ia akan membawa satu jurang hubungan kaum yang luas dan mengheret kepada rasa tidak puas hati dalam kalangan kaum tersebut.⁴

¹ Lihat S. P. 379()/01.001, Prof. Dato' Nik Anuar Bin Mahmud, FCO 24/821, The New Economic Policy.

² Maklumat lanjut berkenaan Dasar Ekonomi Baru boleh dirujuk dalam Ahmad Idriss, *Dasar Ekonomi Baru*, Petaling Jaya: IBS Buku Sdn. Bhd., 1988; Firdaus Abdullah, "Masalah Melayu dan Dasar Ekonomi Baru", *Persidangan Dasar Ekonomi Baru dan Masa Depan*, 4th: 24-26 Jul 1989: Kuala Lumpur; Khadijah Muhamed dan Halimah Awang (ed.), *Dasar Ekonomi Baru dan Masa Depan*, Kuala Lumpur: Persatuan Sains Sosial Malaysia, 1991.

³ Lihat Isamu Yamada, "Input-Output Model of A Dual Economy", *Kajian Ekonomi Malaysia*, Vol. III, No. 2, December 1966, Persatuan Ekonomi Malaysia.

⁴ Lihat, S. P. 379. Prof. Dato' Nik Anuar Bin Nik Mahmud. C. O. 1022/463, Economic Position of the Malays in Malaya. Extract from Singapore Standard, 5.12.52 "Economic Uplift".

DEB yang dirumuskan oleh kerajaan selepas peristiwa rusuhan kaum tahun 1969 sememangnya satu idea bijak Tun Abdul Razak. DEB akan menjadi penentu dalam mencapai perpaduan.⁵ Bermula dari Rancangan Malaysia Kedua sebagai tahap permulaan, DEB dilancarkan bagi melahirkan masyarakat Malaysia yang baru dan mempunyai nilai sepunya yang mengatasi perbezaan kaum, budaya dan sosioekonomi.⁶ Satu kajian telah dilakukan oleh kerajaan yang melibatkan taburan pendapatan penduduk mengikut kaum pada tahun 1970.

Jadual 5.1: Peratusan Pendapatan Isi Rumah Mengikut Kaum di Semenanjung Malaysia Bagi Tahun 1970

Pendapatan sebulan	Melayu	Cina	India	lain-lain	Jumlah
\$ 1-99	22.9	2.6	1.3	0.2	27.1
\$ 100-199	19.1	7.8	4.4	0.1	31.4
\$ 200-399	10.4	11.9	3.5	0.1	25.9
\$ 400-699	3.0	5.3	1.2	0.1	9.6
\$ 700-1,499	1.1	2.9	0.6	0.1	4.7
\$ 1,500-2,999	0.2	0.7	0.1	0.1	1.1
\$ 3,000 ke atas		0.1	0.1	0.1	0.3
Jumlah	56.7	31.3	11.2	0.8	100.0

Sumber: *Mid-Term Review of the Second Malaysia Plan, 1971-1975*, Kuala Lumpur: Government Press, 1973, hlm. 3.

Jadual di atas menunjukkan bahawa sebanyak 27% penduduk masih lagi memiliki pendapatan di bawah lingkungan \$100. Manakala sebanyak 31.4% pula memiliki pendapatan dari \$100 ke \$199. Daripada jumlah ini, kaum Melayu adalah yang tertinggi berbanding kaum lain. Ini menunjukkan bahawa kaum Melayu adalah yang termiskin

⁵ Matlamat kedua Dasar Ekonomi Baru ialah mempercepatkan proses penyusunan semula masyarakat. Ia dilaksanakan dengan mengurangkan jurang perbezaan dari segi pendapatan, guna tenaga, hak milik serta pengurusan harta benda atau kekayaan. Beberapa rancangan bagi mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru telah dilaksanakan oleh MARA seperti menyediakan tenaga manusia yang terlatih untuk mengimbangkan guna tenaga dalam kegiatan ekonomi negara dengan mewujudkan biasiswa dan pinjaman pelajaran, latihan vokasional dan juga mendirikan yayasan pelajaran untuk aliran sains, teknologi dan perniagaan. Lihat *Masyarakat Baru*, Jabatan Penerangan Malaysia, Kementerian Penerangan.

⁶ Just Faaland, Rais Saniman (penterjemah, Ramlah Muhammad, Ridzuan Omar, Md. Sharit Bharuddin), *DEB Pertumbuhan dan Ketaksamarataan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991, hlm. 31.

dan paling memerlukan perhatian dan bantuan daripada kerajaan.⁷ Sehubungan itu, langkah kerajaan bagi menyusun semula masyarakat melalui DEB adalah amat penting bagi menyeimbangkan pendapatan dan menyusun guna tenaga negara dengan lebih berkesan. Jelas dapat dilihat kebanyakan orang Melayu berkecimpung dalam bidang pertanian yang berproduktiviti rendah berbanding bukan Melayu yang menceburi bidang perdagangan dan perindustrian yang berproduktiviti tinggi.⁸

Kedudukan sosioekonomi masyarakat Melayu dapat diubah melalui satu ejen pengubah iaitu pendidikan dan latihan.⁹ Pendidikan memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan mobiliti sosial sesebuah masyarakat. Pendidikan yang dimaksudkan adalah pendidikan sains, teknikal dan vokasional memandangkan jumlah penyertaan pelajar Melayu dalam bidang ini adalah amat sedikit bilangannya:

“Significant improvement of the position of Malays in the job hierarchy depends on an adequate supply of Malay managerial, professional and technical personnel. Clearly the role of educational and training institutions is crucial in this regard. The current stock of qualified Malays at the managerial, professional and technical levels requires substantial expansion and this will necessitate increasing the proportion of Malays pursuing courses in science, technology, economics and business administration and other professional courses.”¹⁰

Pada tahun 1970, seramai 39.7% pelajar Melayu menuntut di universiti tempatan bagi peringkat ijazah. Daripada jumlah ini, hanya 12% sahaja yang mengikuti bidang sains dan teknologi. Pada tahun 1973 pula, jumlah pelajar Melayu di universiti ialah seramai 52.7% di mana seramai 19% sahaja yang menceburi kursus sains dan teknologi.

⁷ Pada tahun 1970, jurang perbezaan pendapatan antara kaum Melayu dan bukan Melayu adalah agak besar. Pendapatan purata isi rumah Melayu ialah sebanyak \$179 sebulan manakala pendapatan purata isi rumah Cina dan India masing-masing berjumlah \$387 dan \$310. Daripada jumlah isi rumah dalam tingkat pendapatan yang kurang daripada \$100 di Semenanjung Malaysia, 85 peratus terdiri daripada isi rumah Melayu. Daripada jumlah isi rumah dalam tingkat pendapatan pertengahan iaitu dalam lingkungan \$400-\$699, kira-kira 56 peratus terdiri daripada keluarga Cina. Keterangan lanjut lihat dalam “Penyusunan Masyarakat dan Perpaduan Negara, Sejauh mana DEB Berjaya?” oleh Dr. Ting Chew Poh dan Dr. Chua Yee Pan, dalam S. P. 113()/01.001, Datuk Nik Abdul Rashid Bin Nik Abdul Majid.

⁸ *Mid-Term Review of the Second Malaysia Plan 1971-1975*, Kuala Lumpur: Government Press, 1973, hlm. 9.

⁹ Rujuk S. P. 33/1/E 584/39, Tun Dr. Fatimah Binti Hashim. Konggres Ekonomi Bumiputra Malaysia, Usul2 Yang Di-terima pada Meshuarat Pleno Pada 7hb Jun, 1965.

¹⁰ *Mid-Term Review of the Second Malaysia Plan 1971-1975*, hlm. 13.

Keadaan yang sama juga dapat dilihat dalam jumlah pelajar di peringkat sekolah. Ini dapat ditafsirkan melalui Jadual 5.2:

Jadual 5.2: Kemasukan Pelajar di Peringkat Sekolah Mengikut Kaum Bagi Sekolah-sekolah di Semenanjung Malaysia Pada Tahun 1970

Tahap Persekolahan	Melayu	Cina	India	Lain-lain	Jumlah
Sekolah Rendah	53.4	36.0	10.0	0.6	100.0
Menengah Rendah	50.9	38.9	9.6	0.7	100.0
Menengah Atas	48.8	43.4	7.0	0.8	100.0
Pra-Universiti	43.4	49.6	6.0	1.0	100.0

Sumber: Diubahsuai dari *Mid-Term Review of the Second Malaysia Plan, 1971-1975*, hlm. 192.

Jadual 5.2 menunjukkan jumlah pelajar yang memasuki persekolahan mengikut tahap dan bangsa pada tahun 1970. Pelajar Melayu yang bersekolah menunjukkan peratusan yang agak banyak tetapi kebanyakan dari mereka menyertai aliran bukan sains:

“In the Malay medium upper secondary schools, where 98% are Malays, arts students account for 77%, whereas in the English medium upper secondary schools, where Malays account for only 30% of the enrolments, the arts enrolment is about 62%. Present efforts in expanding science related education in rural areas are geared to rectifying this imbalances.”¹¹

Kekurangan pelajar yang menceburkan diri dalam aliran sains bakal membawa kepada suatu kesan yang kurang baik dari segi penghasilan golongan profesional yang terhad dalam kalangan orang Melayu. Oleh yang demikian, dalam saranan DEB telah lahir idea untuk mewujudkan sistem pendidikan yang menjurus pada bidang sains dan teknologi. Di sinilah bermulanya idea untuk mewujudkan *MARA Junior College* atau

¹¹ Ibid., hlm. 192.

lebih dikenali sebagai MRSM. Kelahiran MRSM memang sengaja diletakkan di bawah MARA dan bukannya di bawah Kementerian Pendidikan seperti kebiasaannya. Ini disebabkan MRSM akan memfokuskan pengambilan pelajar yang majoritinya dalam kalangan Bumiputera dan mengkhususkan kepada murid-murid di luar bandar. Sehubungan itu, wujud agenda penting di sebalik penubuhan MRSM ini dalam meningkatkan pendidikan orang Melayu dan menjurus kepada melipatgandakan kelahiran golongan Bumiputera profesional.¹²

Idea penubuhan MRSM mula tercetus apabila kajian dibuat terhadap keberkesanan sistem pendidikan negara yang sedia ada. Meskipun negara telah lama merdeka dan mempunyai sistem pendidikan yang agak konsisten, namun masih berlaku kepincangan dari aspek pembentukan individu yang menepati kehendak negara. Kepincangan yang berlaku ini jelas dapat diterjemahkan melalui berlakunya pengangguran di Malaysia khasnya pasca kemerdekaan. Nyata bahawa sistem pendidikan sedia ada perlu diperbaiki dan diperkemaskan bagi membolehkan masalah berkenaan diselesaikan. Pengangguran yang serius ini sememangnya jelas apabila menyorot kepada data dalam jadual 5.3 yang menunjukkan jumlah pengangguran di Malaysia.¹³

¹² Rujuk A. Laporan Kajian Semula Kemajuan 1976-1980 Bahagian Latihan dan Pendidikan Bab II, hlm. 3, dalam Majlis Amanah Rakyat, *Laporan Kajian Semula Kemajuan, 1976-1980 dan Kajian Semula Perlaksanaan, 1971-1980*, Buku 2.

¹³ Salah seorang anggota sukarelawan Amerika (*Peace Corps*) iaitu Robert C. Burke menyatakan beliau begitu sedar akan masalah berkenaan kadar pengangguran dalam kalangan belia Malaysia. Lihat Surat Robert C. Burke kepada Committee on Malayanisation, Kementerian Perdagangan dan Industri, 1 Mac 1969 dalam 26350/35. United States Peace Corps Volunteers 1969/1970 Programme.

Jadual 5.3: Bilangan Pengangguran dan Peringkat Pelajaran

Peringkat Pelajaran	Bilangan	Peratus daripada Jumlah Penganggur	Peratus daripada Jumlah Tenaga Buruh yang Tidak Bekerja
1. Tidak berpelajaran	15,700	8.9%	2.4%
2. Peringkat Sekolah Rendah	86,200	48.8%	5.9%
3. Peringkat Menengah Rendah	57,200	32.4%	18.1%
4. Peringkat Menengah Atas	14,300	8.1%	16.8%
5. Berpelajaran Agama	2,400	1.3%	12.6%
6. Latihan pengurusan teknikal, universiti dan lain-lain	900	0.5%	2.0%
Jumlah	176,700	100%	6.8%

Sumber: Koleksi Peribadi Abdul Wahab Alwi, Kertas Kerja Penubuhan Maktab Rendah Sains MARA, hlm. 6.

Daripada angka di atas, jelas menunjukkan bahawa sebanyak 90.6% daripada jumlah penganggur itu adalah terdiri daripada golongan yang pernah mendapat pendidikan. Meskipun mendapat pendidikan, mereka masih tidak berjaya memperoleh pekerjaan dalam mana-mana sektor. Ini menggambarkan bahawa pendidikan yang diterima semasa di sekolah tidak mencukupi untuk menyediakan mereka berkecimpung dalam lapangan pekerjaan. Dengan hanya mampu membaca dan menulis sahaja tidak menjamin seseorang individu itu mampu memperoleh pekerjaan. Oleh yang demikian, satu bentuk pendidikan yang dapat memupuk sifat dinamis iaitu memiliki ciri peribadi, sikap dan pandangan hidup yang boleh menyesuaikan diri dengan peredaran zaman serta keperluan masyarakat adalah perlu bagi melahirkan guna tenaga yang cemerlang kepada negara.¹⁴

¹⁴ Koleksi Peribadi Abdul Wahab Alwi, Kertas Kerja Penubuhan MRSMS, hlm. 7.

Pelajar seharusnya diberi pendedahan untuk mempelajari sesuatu melalui pengalaman, mengkaji suatu pendapat yang baru, membuat keputusan serta mentafsirkan apa yang dipelajari dengan lebih baik. Ini akan mendorong seseorang pelajar ini lebih berkeyakinan dan mampu berfikir dengan lebih matang. Sistem pendidikan yang sedia ada ketika ini adalah lebih menjurus kepada peperiksaan iaitu kandungan silibus lebih dititikberatkan berbanding dengan pemupukan nilai pada individu tersebut.¹⁵ Idea untuk mewujudkan MRSM bertepatan dengan dasar kerajaan ketika itu yang memberi galakan agar pelajar-pelajar sekolah menceburi bidang sains.

Perkembangan ilmu sains dianggap sangat penting bagi individu yang ingin maju dalam kehidupan.¹⁶ Oleh yang demikian, MRSM menjadi perintis kepada inovasi pendidikan negara dalam mewujudkan sistem pendidikan yang menitikberatkan ilmu sains dan matematik. Meskipun silibus pendidikan MRSM tidak banyak berbeza dengan sekolah kementerian, namun fokus dan penerapannya menitik beratkan bidang sains dan matematik. Idea penubuhan MRSM ini disokong atas beberapa sebab penting. Antaranya ialah kerana kekurangan bilangan anak Bumiputera yang mempunyai kelulusan dalam mata pelajaran Sains dan Teknologi di kelas-kelas tingkatan enam di sekolah-sekolah kerajaan dan institusi pengajian tinggi.¹⁷ Kekurangan yang berlaku ini merupakan suatu perkara yang serius dan perlu ditangani segera bagi memastikan penyertaan golongan Bumiputera dalam bidang Sains dan Teknologi di peringkat universiti dapat ditingkatkan. Kekurangan bilangan berkenaan yang begitu serius dapat dilihat dan dinilai melalui jadual berikut:

¹⁵ Ibid., hlm. 16.

¹⁶ Rancangan jangka panjang kerajaan untuk perkembangan pelajaran tinggi di Malaysia bagi tempoh masa 20 tahun sehingga tahun 1985 di antara lain termasuklah memperluaskan pelajaran universiti terutamanya dalam lapangan sains dan teknologi. *Rancangan Pespektif untuk Perkembangan Pelajaran Tinggi Di-Malaysia*, Kuala Lumpur, Penchetak Kerajaan, 1967, hlm. 3.

¹⁷ *Asia Magazine: Scientist of the Future: Unique Experiment Produces Scientist from Teenagers*, 22 Mac 1970, hlm. 9.

Jadual 5.4: Jumlah Pelajar yang Menuntut di Fakulti Sains, Universiti Malaya Mengikut Kaum

Tahun/ Bangsa	Cina	Melayu	India	Ceylon	Serani	lain-lain	Jumlah
1959/60	22	3	1	4	-	1	31
1960/61	75	10	19	8	1	3	114
1961/62	139	13	27	18	3	4	203
1962/63	228	16	41	25	3	5	318
1963/64	308	18	47	20	6	5	398
1964/65	374	24	33	21	3	7	462
1965/66	472	28	36	24	3	5	568
1966/67	546	50	36	30	4	4	670
Jumlah	2,155	162	240	150	23	34	2,764

Sumber: *Asia Magazine*, March 22, 1970, hlm. 23.

Jadual 5.4 menunjukkan jumlah penuntut dalam Fakulti Sains di Universiti Malaya dari tahun 1959 hingga 1967. Jumlah ini menunjukkan hanya seramai 162 orang pelajar Melayu yang mengikuti pengajian di Fakulti Sains dari tahun 1959-1967. Jumlah ini amatlah sedikit jika dibandingkan dengan kaum lain iaitu Cina dan India seperti di atas.¹⁸ Kekurangan penyertaan Bumiputera dalam bidang kritikal kepada negara juga dapat dilihat berdasarkan bilangan yang direkodkan dalam bidang perubatan. Jadual 5.5 pula menunjukkan jumlah penuntut yang menuntut di Fakulti Perubatan Universiti Malaya.

¹⁸ Ibid., hlm. 10.

Jadual 5.5: Jumlah Pelajar di Fakulti Perubatan, Universiti Malaya Mengikut Kaum

Tahun/Bangsa	Cina	Melayu	India	Ceylon	Serani	Lain-lain	Jumlah
1959/60	-	-	-	-	-	-	-
1960/61	-	-	-	-	-	-	-
1961/62	-	-	-	-	-	-	-
1962/63	-	-	-	-	-	-	-
1963/64	28	7	4	-	1	-	40
1964/65	80	11	7	4	-	-	102
1965/66	146	23	11	5	-	1	186
1966/67	204	44	17	10	1	1	277
Jumlah	458	85	39	19	2	2	605

Sumber: *Asia Magazine*, March 22, 1970, hlm. 24.

Jadual di atas menunjukkan bahawa seramai 85 orang pelajar Melayu sahaja yang menuntut di dalam bidang kedoktoran di Universiti Malaya dari tahun 1963 hingga 1967. Jumlah ini menunjukkan kurangnya kecenderungan pelajar Melayu dalam aliran Sains. Selain itu, jadual 5.6 menunjukkan jumlah pelajar yang mengikuti pengajian di Fakulti Kejuruteraan Universiti Malaya.

Jadual 5.6: Jumlah Pelajar yang Menuntut di Fakulti Kejuruteraan, Universiti Malaya Mengikut Kaum

Tahun/Bangsa	Cina	Melayu	India	Ceylon	Serani	Lain-lain	Jumlah
1959/60	108	1	14	3	3	-	129
1960/61	132	4	16	4	3	-	159

Jadual 5.6, sambungan

Tahun/ Bangsa	Cina	Melayu	India	Ceylon	Serani	Lain-lain	Jumlah
1961/62	159	4	25	6	4	-	198
1962/63	183	5	24	9	4	1	226
1963/64	221	2	21	8	4	1	257
1964/65	230	4	13	13	2	-	262
1965/66	250	3	20	6	2	-	281
1966/67	280	5	14	11	1	-	311
Jumlah	1,563	28	147	60	23	2	1,823

Sumber: *Asia Magazine*, March 22, 1970, hlm. 24.

Jadual tersebut menunjukkan bahawa jumlah pelajar Melayu yang mengikuti bidang kejuruteraan di Universiti Malaya adalah seramai 28 orang dari tahun 1959 hingga tahun 1967. Ini menunjukkan bahawa kecenderungan pelajar Melayu dalam bidang Sains adalah amat kurang.¹⁹ Selain itu, jadual-jadual di atas juga menunjukkan wujud ketidakseimbangan di antara kaum dari segi peringkat pencapaian dalam bidang pelajaran dan penyertaan dalam pekerjaan untuk mencapai perpaduan negara. Masalah ketidakseimbangan ini dapat diatasi melalui Dasar Ekonomi Baru yang akan mengimbangkan hak milik dan pekerjaan bagi setiap kaum. Untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru ini, orang Melayu dan kaum Bumiputera perlulah melibatkan diri dalam semua komposisi pekerjaan tidak kira apa jua sektor sekalipun.²⁰ Selain faktor kekurangan penyertaan golongan muda Bumiputera dalam bidang Sains dan Teknologi di peringkat tinggi, masalah dalam sektor pendidikan Bumiputera turut disumbangkan

¹⁹ Pada tahun 1964, Kementerian Pelajaran telah memperkenalkan corak pelajaran baru di Malaysia yang dinamakan sebagai Pelajaran Anika Jurusan. Namun ketika itu, kemudahan-kemudahan untuk mempelajari mata pelajaran Sains di sekolah menengah hanya wujud di beberapa buah sekolah sahaja seperti Sekolah Alam Shah dan sekolah-sekolah yang menumpang bersama Sekolah Inggeris. Laporan Kementerian Pelajaran Mengenai Usul 2 8 dan 62 (6), hlm. 55, dalam *Konggres Ekonomi Bumiputra Kedua, Laporan 2 Atas Pelaksanaan Usul 2 Konggres Ekonomi Bumiputra Pertama*, Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan, 1968.

²⁰ *Dasar Ekonomi Baru*, Bahagian Perancangan Korporat MARA, hlm. 24.

oleh faktor bilangan dan kedudukan sekolah di kawasan luar bandar. Memandangkan golongan Bumiputera membentuk majoriti penduduk luar bandar di Malaysia, bilangan sekolah yang tidak seimbang antara luar bandar dan dalam bandar menjadi indikator penting yang mempengaruhi akses kepada pendidikan oleh golongan Bumiputera. Jadual berikut menunjukkan statistik sekolah dan jumlah kelas dari tahun 1960 hingga 1965.

Jadual 5.7: Perkembangan Sekolah di Tanah Melayu, 1960-1965

<u>Sekolah</u>	<u>Peringkat</u>	<u>1960</u>	<u>1961</u>	<u>1962</u>	<u>1963</u>	<u>1964</u>	<u>1965</u>
Bandar	Rendah	5,990	6,363	6,770	6,998	7,843	8,540
	Menengah	2,074	2,310	3,167	3,360	4,001	4,203
	Lain-lain	-	-	22	198	30	53
Luar Bandar	Rendah	15,737	17,189	17,725	18,538	18,565	18,382
	Menengah	283	348	511	685	929	1,236
	Lain-lain	12	12	24	56	93	36
<u>Kemasukan</u>							
Bandar	Rendah	337,399	359,815	367,681	372,106	417,192	423,862
	Menengah	84,516	97,234	122,691	136,324	152,917	196,302
	Lain-lain	-	-	8,682	14,522	6,531	-
Luar Bandar	Rendah	641,950	694,850	708,438	714,592	741,451	766,340
	Menengah	14,442	18,186	27,215	29,805	34,184	71,384
	Lain-lain	-	-	2,209	2,290	2,723	-
<u>Guru</u>							
Bandar	Rendah	11,593	13,019	12,940	12,907	14,067	14,560
	Menengah	3,350	3,933	4,852	5,383	6,045	8,282
	Lain-lain	-	41	241	446	315	-
Lur Bandar	Rendah	24,336	26,231	27,251	27,251	28,841	29,168
	Menengah	406	537	935	1,249	1,587	3,766
	Lain-lain	-	-	72	96	141	-

Sumber: *National Planning & Development for Children & Youth, Malaysia, Malaysia: Federal Development of Information.*

Jadual 5.7 menunjukkan bahawa jumlah sekolah menengah di bandar adalah sebanyak 50% dari jumlah sekolah rendah yang sedia ada. Manakala jumlah sekolah menengah di luar bandar adalah sebanyak 5% dari jumlah sekolah rendah yang sedia ada. Ini menunjukkan bahawa hanya sebanyak 5% pelajar di sekolah rendah yang akan belajar di sekolah menengah di luar bandar berbanding seramai 50% pelajar sekolah rendah yang akan menyambung pengajian di sekolah menengah bandar.²¹ Jelaslah faktor persekitaran yang kurang memberangsangkan dan tiada kemudahan untuk menyambung pengajian telah mengakibatkan berlakunya keciciran dalam kalangan pelajar Melayu di luar bandar. Ini diperkukuhkan melalui data dalam jadual di bawah:

Jadual 5.8: Jumlah Institusi dan Jumlah Pelajar, 1966-1972

Tahun	Jumlah Pelajar yang Layak Menyertai Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Teknikal	Jumlah Tempat yang Ditawarkan di Institusi Pengajian Tinggi Awam	Jumlah Pelajar yang Layak Untuk Memasuki Institusi Baru Seperti MRSM
1966	229,617	52,621	176,996
1967	386,588	59,089	327,499
1968	452,550	64,300	388,250
1969	506,657	72,239	434,418
1970	550,064	81,229	568,838
1971	593,947	90,992	502,955
1972	625,486	101,013	524,473

Sumber: Educational Planning and Research Division, Ministry of Education, Malaysia.

²¹ *Development Progress Statistics for Education (States of Malaya)*, National Planning & Development for Children & Youth, Malaysia-produced by the Federal Department of Information, Malaysia.

Jadual ini menunjukkan jumlah tempat yang ada berbanding dengan jumlah pelajar. Angka di atas menunjukkan bahawa jumlah tempat yang ditawarkan bagi pendidikan menengah adalah amat sedikit berbanding jumlah pelajar yang layak untuk memasukinya. Daripada jumlah di atas, seramai 60% adalah orang Melayu. Dengan kata lain, masalah kekurangan sekolah menengah merupakan masalah utama yang dihadapi kerajaan ketika itu.²²

Jadual 5.9: Jumlah Pelajar di Tingkatan Tiga dan Jumlah Pelajar yang Akan Memasuki Tingkatan Empat Tahun Berikutnya

Tahun	SRP	Jumlah Pelajar Tingkatan 5 Tahun Berikutnya
1962	2575	775
1963	4058	619
1964	5393	2375
1965	11642	3750
1966	13740	6945
1967	34405	Tiada data

Sumber: *Educational Planning and Research Division*, Ministry of Education, Malaysia.

Jadual di atas menunjukkan perbandingan jumlah pelajar di tingkatan tiga dan jumlah pelajar yang akan ditempatkan di tingkatan empat pada tahun berikutnya. Pada tahun 1966 misalnya, seramai 13,740 orang pelajar akan menduduki peperiksaan SRP dan hanya seramai 6,945 orang sahaja yang akan ditempatkan di tingkatan empat. Ini bererti berlaku lebih sebanyak 7,055 orang pelajar yang tidak dapat memasuki tingkatan empat kerana tempat yang tidak mencukupi. Pada tahun 1967 pula, seramai 34,036 pelajar yang menduduki peperiksaan SRP dan dianggarkan angka pelajar yang

²² *Educational Planning and Research Division*, Ministry of Education, Malaysia.

tidak dapat memasuki tingkatan empat adalah lebih ramai. Bagi tahun 1967, jumlah pelajar Melayu yang tidak dapat memasuki tingkatan empat di sekolah aliran Melayu dan Inggeris adalah seramai 10,918 orang. Data ini membuktikan bahawa kelahiran MRSM adalah tepat pada masanya bagi mengisi kekosongan tempat untuk pelajar Melayu khususnya meneruskan persekolahan menengah mereka.²³

Dalam Kongres Ekonomi Bumiputera Kedua yang berlangsung pada 1968, telah dibangkitkan masalah yang dihadapi oleh MARA dalam pengambilan pelajar memasuki ITM. Hasil temuduga yang diadakan semasa pengambilan pelajar didapati bahawa hanya 10-15% pelajar sahaja yang benar-benar mempunyai kelulusan dalam Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains. Oleh yang demikian, langkah wajar perlu diambil oleh MARA amnya dalam menubuhkan Maktab Rendah Sains MARA yang akan melahirkan pelajar Bumiputera yang layak memasuki kolej, universiti dan juga ITM. Bagi yang kurang berkelayakan, akan digalakkan untuk menyertai latihan kemahiran yang disediakan.²⁴

5.3 Idea Penubuhan MRSM

Orang yang bertanggungjawab dalam menubuhkan MRSM pada peringkat awal adalah Encik Abdul Wahab Alwi.²⁵ Sebagai seorang bekas pelajar Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK) dan juga graduan dari luar negara, beliau mempunyai *world-view* yang berbeza tentang pendidikan. Sikap beliau yang suka mencipta sesuatu yang baru telah merealisasikan kewujudan MRSM. Falsafah beliau adalah “*go not where the path may lead but create a new path so that others may follow*”. Kata-kata inilah yang

²³ Minit Mesyuarat Majlis MARA, Bil. Ke-21, 3 Ogos 1970.

²⁴ “Latihan Bumiputera”, dalam Kongres Ekonomi Bumiputera Kedua, hlm. 3.

²⁵ Encik Abdul Wahab Alwi dilahirkan di Kelantan. Beliau mendapat pendidikan awal di Maktab Melayu Kuala Kangsar dan menamatkan ijazah di *Western Australia University* di bawah Biasiswa Rancangan Colombo. Beliau berkhidmat dengan MARA pada tahun 1966 selama 17 tahun. Beliau mula berkhidmat sebagai Pengarah Bahagian Latihan MARA dengan jawatan terakhirnya sebagai Timbalan Ketua Pengarah Bahagian Pendidikan. Dalam tempoh perkhidmatan beliau, banyak pembaharuan dan inovasi idea telah dilaksanakan. Encik Abdul Wahab telah dianugerahkan gelaran Bapa MRSM pada Majlis Ulangtahun Ke-30 MRSM (2002).

menjadi inspirasi kepada kumpulan tenaga pengajar pertama bagi menubuhkan MRSM. Model MRSM ini telah diambil dari *Science High School of Manila* iaitu sebuah sekolah yang diwujudkan pada 23 Januari 1963.²⁶ *The school shall offer, on a free scholarship basis, a secondary course with specific emphasis on subjects (about) the sciences to prepare its students for a career in Science.*²⁷

The Philipines Science High School sebenarnya adalah sekolah yang meniru model *New York Bronx High School of Science*²⁸ yang telah dibina 20 tahun sebelumnya untuk pelajar *gifted*.²⁹ Dr. Leopoldo Toralballo, selaku profesor dalam bidang Matematik di sana telah tertarik dengan sistem pendidikannya. Beliau menghantar anaknya belajar di sana dan pada masa yang sama mengambil formula pendidikan untuk diterapkan di Filipina.³⁰ Menurut beliau:

“Outside of the classroom, our students are typical of others their own age. But in the classroom, they are very different. They are more serious, more intense in their desire to learn. They are all high achievers. One day they will be the scientists who will lead the country towards scientific development and progress.”³¹

Tumpuan utama sekolah ini adalah untuk melakukan kajian individu. Pelajar digalakkan melalui sendiri eksperimen sehingga mereka memperoleh hasilnya.³² Setelah mendapat model yang sesuai serta kelulusan, permohonan telah dibuat untuk mendapatkan peruntukan berjumlah \$7.5 juta bagi perbelanjaan pembangunan dalam lima tahun yang akan datang untuk melaksanakan rancangan ini. Pada peringkat

²⁶ Temubual dengan En. Abdul Wahab Alwi di pejabat beliau di Shah Alam pada 9 September 2008, jam 11:30 pagi.

²⁷ Scientist of the Future: Unique Experiment Produces Scientist from Teenagers”, *Asia Magazine*, 22 March 1970, hlm. 1.

²⁸ *New York Bronx High School* dibina pada tahun 1938 oleh *Board of Education New York*. Ia adalah sebuah sekolah yang menempatkan pelajar perempuan dan lelaki yang mempunyai kebolehan mental yang tinggi. Sekolah ini mengendalikan ujian kemasukan khas bagi para pelajarnya.

²⁹ Pelajar *gifted* bermaksud pelajar yang pintar dan cerdas. Model pendidikan pintar cerdas ini telah diperkenalkan oleh Joseph Renzulli iaitu *School Wide Enrichment (SEM)*. Model ini sedang diaplikasikan di MRSM terpilih di Malaysia. Rujuk J. S. Renzulli, and S. M. Rei, *The Schoolwide Enrichment Model: A How-to Guide for Educational Excellence*, Mansfield Center CT: Creative Learning Press, 1997, hlm. 14.

³⁰ Ibid.

³¹ Ibid., hlm. 3.

³² Ibid., hlm. 2.

pertama bagi pelaksanaan projek di Seremban, peruntukan pembangunan berjumlah \$380,000 diperlukan.³³ Projek pembinaan MRSM di Seremban menelan belanja berjumlah \$945,000.³⁴ Pemilihan Seremban sebagai lokasi adalah sebagai token menghargai sumbangan dan kerjasama baik di antara MARA dan Menteri Besar Negeri Sembilan iaitu Encik Mansor Othman yang juga merupakan bekas Pengarah Bahagian Latihan MARA.³⁵ MARA juga telah membuka dua buah MRSM lagi di Kota Bharu³⁶ dan Kuantan.³⁷

Encik Abdul Wahab yang berkhidmat sebagai Timbalan Pengarah Bahagian Latihan MARA ketika itu telah membawa dua orang tenaga pengajar dari New York Bronx University untuk menulis *piece core* iaitu rangka asas bagi menubuhkan MRSM. Setelah hampir seminggu mereka di sini, terhasillah apa yang digelar sebagai *Batik Paper*. Nama Batik digunakan sempena nama muka hadapan kertas cadangan yang bercorak batik. Sebagai langkah permulaan, Encik Wahab telah mengambil 10 orang tenaga pengajar yang terdiri daripada dua orang guru Matematik, tiga orang guru Sains, seorang guru Sejarah, seorang guru Geografi, seorang guru Bahasa Melayu dan dua orang guru Bahasa Inggeris.³⁸

Mereka ini merupakan kumpulan pertama yang dipilih sebagai guru di MRSM Seremban. Seramai dua orang kakitangan sokongan juga dilantik iaitu seorang pegawai perpustakaan dan seorang Pegawai Tadbir. Peringkat seterusnya adalah pemilihan

³³ Sebuah bangunan turut dihadiahkan oleh Kerajaan Negeri Sembilan di Seremban kepada pihak MARA untuk tujuan berkenaan. Surat Alias bin Sulaiman (b. p. Ketua Pengarah Kerja MARA kepada Ketua Setiausaha Negara, 5 Ogos 1971, dalam BPE (BT) 58/10/1, Colombo Plan- U.K. Teachers-Cum-Advisors for MARA. Junior Science College.

³⁴ Kertas Mesyuarat Majlis MARA, Bil. 33/71, Mesyuarat Ke-24, 22 April 1971, hlm. 4.

³⁵ Tanah Lot. 4092, C. T. 5139 Seremban Town ini telah dibeli dengan harga \$59,000. Rujuk surat dari Tetuan Yazid Baba & Co. kepada Pengarah Bahagian Kewangan dan Akaun MARA, Fail MARA Seremban, BL 117, Arkib Negara Kuala Lumpur.

³⁶ Tanah seluas 7.1076 ekar yang dikenali sebagai Lot 1978 di dalam Mukim Kemumin, Jajahan Kota Bharu telah diluluskan permohonan oleh Kerajaan Negeri Kelantan untuk pembelian MARA dengan harga sebanyak \$4000 seekar. Walau bagaimanapun, tanah ini tidak cukup luas dan MARA telah berbincang dengan Institut Pendidikan Kelantan yang memiliki tanah di sebelah iaitu Lot 1979 yang seluas 8.9451 ekar. Tanah ini telah dibeli oleh MARA dengan harga \$ 45,000. Tanah di Kelantan ini diperolehi melalui hasil usaha Pengarah Bahagian Latihan Encik Wahab Alwi yang juga merupakan anak jati Kelantan. Rujuk Minit Mesyuarat Majlis MARA, Bil. 5/72, 2 Februari 1972.

³⁷ Ibid., hlm. 1.

³⁸ BPE (BT) 58/10/1. Colombo Plan-U.K. Teachers-Cum-Advisors for MARA. Junior Science College. Majlis Amanah Rak'ayat, Kakitangan Maktab Rendah Sains MARA.

Pengetua bagi MRSM. Hampir sepuluh orang telah ditemuduga oleh Encik Wahab sendiri dan akhirnya yang terpilih ialah Encik Jamaluddin Abdul Hamid (kini bergelar Dato').³⁹ Kesemua guru yang diambil oleh MARA adalah berkelulusan ijazah dan MRSM menjadi sekolah pertama di Malaysia yang mengambil guru dalam kalangan mereka yang mempunyai ijazah.⁴⁰

Sebagai langkah permulaan, kesemua mereka ini ditempatkan di sebuah bilik di Bahagian Latihan MARA buat sementara sehingga bangunan MRSM yang sebenar siap dibina. Pada peringkat awal, mereka telah mengikuti Kursus Dinamik yang dikendalikan oleh Pengarah Institut Tadbiran Awam Negara. Langkah kedua telah diatur oleh Encik Wahab agar Encik Jamaluddin dan seorang guru kimia ketika itu pergi ke Filipina untuk melihat program yang dikendalikan oleh *Science High School of Manila*. Mereka berada di sana selama dua minggu dan mempelajari pelbagai perkara termasuklah aktiviti pelajar, cara menubuhkan makmal, kaedah pengajaran, hal ehwal pelajar dan kurikulum pendidikan. Apa yang menarik ialah sekolah ini telah memperkenalkan satu program yang dikenali sebagai program *home-room*. Ia merupakan satu program yang baru dan tidak pernah dilaksanakan di Malaysia. Idea program ini telah diambil oleh Dato' Jamaluddin dan dibawa pulang serta diserapkan dalam sistem MRSM.⁴¹

Setelah pulang, perbincangan telah dimulakan oleh golongan perintis ini yang meliputi perkara berkaitan rancangan pengajaran, penyediaan buku teks, sistem semester, *team teaching* dan sebagainya. Selama tujuh hingga lapan bulan, mereka mengadakan sesi perbincangan tentang apa yang akan diimplementasikan di MRSM.

³⁹ Encik Jamaluddin bin Abdul Hamid merupakan bekas Guru Besar sebuah sekolah di Segamat. Beliau merupakan kumpulan pertama yang berijazah dan dilantik sebagai Guru Besar. Oleh sebab beliau masih muda iaitu 29 tahun dan gemarkan suatu yang baru, maka beliau telah memohon untuk menjadi Pengetua MRSM. Beliau merasakan ada suatu yang menarik di sebalik tawaran ini kerana ia suatu yang baru dan pastinya akan memberikan beliau suatu pengalaman yang indah. Beliau telah menamatkan perkhidmatan dengan Kementerian Pelajaran lantaran ingin menerima tawaran sebagai Pengetua MRSM.

⁴⁰ Hasil temuramah Dato' Jamaluddin bin Abdul Hamid dan juga beberapa orang guru veteran MRSM.

⁴¹ Temuramah dengan Dato' Jamaluddin bin Abdul Hamid pada 29 November 2009 jam 9.30 pagi di kediaman beliau .

Perkara yang dibincangkan merupakan sesuatu yang baru dan tidak pernah dilaksanakan di sekolah kerajaan sebelum ini. Secara amnya, sukatan masih sama dengan sekolah kementerian tetapi implementasi dan pelaksanaan kurikulum adalah berbeza.⁴² Misalnya, MRSM memulakan pembelajaran yang memerlukan pelajar mencari maklumat sendiri. Pelajar juga didedahkan dengan perkara sains dan matematik secara mendalam bagi menimbulkan daya inkuiri pelajar.⁴³ Prinsip asas penubuhan MRSM ialah untuk memperkenalkan kaedah *learning by discovery*.⁴⁴ Selepas perancangan dilaksanakan, kumpulan ini juga mengadakan lawatan ke beberapa sekolah berhampiran bagi melihat persamaan dan perbezaan idea MRSM. Ia juga suatu pendedahan baru buat kumpulan ini kerana hanya seramai tiga orang sahaja dalam kalangan mereka yang pernah menjadi guru. Sementara yang lain tidak mempunyai pengalaman mengajar.

Bagi mengukuhkan lagi pentadbiran MRSM, Encik Jamaluddin telah dihantar ke University of London selama tiga bulan bagi mengikuti kursus *Secondary School of Management*. Kursus ini hanya dikendalikan buat Pengetua dan seramai 10 orang sahaja yang mendaftar. Meskipun kursus ini menelan kos yang besar, tetapi MARA tetap menghantar wakil untuk mengikuti kursus tersebut. MARA sebenarnya memandang jauh ke hadapan untuk mencipta suatu yang baru dalam arena pendidikan di Malaysia. Kursus ini mengajar bagaimana untuk mentadbir sekolah menengah. Banyak perkara baru yang dipelajari dan membantu Encik Jamaluddin untuk mentadbir kelak.

⁴² Matlamat MRSM ialah pertama, MRSM bertujuan menambah kemudahan persekolahan menengah yang sempurna yang mirip kepada sains. Kedua, MRSM adalah untuk pelajar-pelajar Bumiputera yang berkecayaan terutama mereka yang datang daripada luar bandar. Ketiga, MRSM bertujuan mengasuh dan mendidik pelajar-pelajar berbakat. Keempat, maktab ini bertujuan untuk menimbulkan minat dan kecenderungan terhadap pelajaran sains untuk menjamin kejayaan penuntut-penuntut dan juga membentuk peribadi penuntut supaya sesuai dengan kehendak-kehendak pembangunan negara. Lihat Taklimat Ketiga untuk Majlis Tindakan Negara, 14 Januari, 1975, hlm. 110, dalam Majlis Tindakan Negara, Bahagian Latihan MARA, Susunan dan Kertas-kertas Mesyuarat pada 28 Jan 1975 dalam 0.9839 PT.2. Rancangan Latehan MARA.

⁴³ Pemilihan pelajar juga dibuat oleh pihak pengurusan. Maklumat lanjut mengenai hal ini diuraikan oleh Siti Zaharah Sulaiman, 'MARA Junior Science College: Student Selection and Its Implication for Educational System Development in Malaysia', Ph.D, Cornell University, 1975.

⁴⁴ BPE (BT) 58/10/1, Colombo Plan-U.K. Teachers-Cum-Advisors for MARA. Junior Science College. Appendix 'A'.

Setelah pulang, beliau telah dimaklumkan oleh Encik Wahab tentang maktab yang telah siap untuk beroperasi. Bangunan MRSM yang dimaksudkan merupakan bangunan Pusat Latihan Intan Negeri Sembilan yang terdiri daripada tiga buah rumah papan dan sebuah garaj.⁴⁵ Ia telah diubahsuai menjadi sebuah sekolah yang terdiri daripada tiga buah makmal, lima buah bilik darjah, garaj pejabat dan sebuah dewan makan. Pada 1971, peruntukan wang diperoleh melalui *British Withdrawal Aid* iaitu wang pampasan yang diberikan apabila tentera British berundur dari Malaysia.⁴⁶ Encik Jamaluddin diminta untuk berbincang dengan pegawai British di London untuk mendapatkan peruntukan wang buat MRSM. Hasil perbincangan tersebut, beliau mendapat sejumlah besar geran yang digunakan untuk membeli peralatan sains.

5.4 Perkembangan Penubuhan MRSM Sehingga Tahun 1980

Dalam merealisasikan penubuhan MRSM, sehingga 1980, MARA telah berjaya menubuhkan sebanyak lima buah MRSM iaitu MRSM Seremban pada 1972, MRSM Kota Bharu pada 1973, MRSM Kuantan pada 1974, MRSM Kulim pada 1977 dan akhir sekali MRSM Kuala Terengganu pada 1978.⁴⁷ MRSM Seremban telah dibina di atas tapak 10 ekar di Lorong Green, Seremban Negeri Sembilan.⁴⁸ Ia dapat menampung pelajar seramai 550 orang. Pada tahun 1972, Kerajaan Negeri Kelantan telah bermurah hati untuk membenarkan MRSM kedua dibina di tapak seluas 17 ekar di Pengkalan Chepa.

⁴⁵ Rujuk Maktab Rendah Sains MARA Seremban, Activity Justification-Operating Expenses, 1971, hlm. 1-3.

⁴⁶ *British Withdrawal Aid* adalah bantuan pampasan yang diberikan ketika tentera British berundur sepenuhnya dari Tanah Melayu. Bantuan ini bermula pada tahun 1968 apabila kerajaan di bawah Harold Wilson mengumumkan pengunduran tentera British secara mutlak dari semua wilayah jajahannya. Ekoran itu, British telah memberi wang pampasan kepada Malaysia dan ia digunakan untuk manfaat pendidikan.

⁴⁷ Kerajaan Perlis turut berminat untuk mewujudkan MRSM di negeri berkenaan dan bersedia untuk memberi sebidang tanah berkeluasan 15 ekar di Kangar secara percuma kepada MARA untuk dijadikan tapak MRSM. Namun, menurut Pengerusi MARA ketika itu, Dato' Hj. Mustafa bin Haji Abd. Jabar menyatakan kepada Menteri Besar Perlis, Tan Sri Dato' Sheikh Ahmad bin Mohd. Hashim bahawa MARA ketika itu tidak berhasrat untuk mewujudkan MRSM di Perlis. 441/1-24. 441-Tanah 1-Permohonan, 24-Chadangan Maktab Rendah Sains MARA-Perlis.

⁴⁸ Pada mulanya, MARA berhasrat untuk membatalkan rancangan penubuhan MRSM di Seremban. Rancangan MARA ini sangat 'mendukacitakan' Menteri Besar Negeri Sembilan ketika itu. Beliau sangat berharap supaya keputusan berkenaan dikaji semula dan syarat-syarat berkenaan dengannya diteliti semula. Surat Mohd. Hajazy bin Asid, Pegawai MARA Negeri Sembilan kepada Pengarah Bahagian Latehan MARA Kuala Lumpur, 7 Disember 1970. 441/1-19. 441-Tanah, 1-Permohonan, -19-Tapak Tanah Kolej Rendah MARA di Seremban.

Di bandar kecil ini dengan tapak kering dan berpasir serta berbekalkan sederet bangunan papan sebagai bilik darjah, sederet lagi untuk makmal dan dihiasi pula dengan sederet pondok kecil yang cantik sebagai asrama, lahirlah apa yang dikenali sebagai MRSM Kota Bharu. Berpegang kepada moto berdisiplin, berilmu dan beramal, bermulalah langkah pertama MRSM ini dengan menerima pelajar sulung seramai 149 orang iaitu pada pertengahan Januari 1973.⁴⁹ Maktab ini diketuai oleh En Mohd Tajuddin bin Samsuddin atau lebih mesra dengan panggilan Pak Din selaku Pengetua bersama lima orang guru lelaki dan tiga orang guru wanita sebagai tenaga pengajar utama di maktab ini. Berikut ialah senarai guru di MRSM Kota Bharu ketika awal penubuhannya.⁵⁰

Jadual 5.10: Senarai Guru di MRSM Kota Bharu

Nama Guru	Subjek
a) En Aw Dai Kooi	Sains
b) En Mohd Mydin bin Shariff	Sains
c) En Abdul Ghani bin Jusoh	Ilmu Hisab
d) En Leong Goon Hong	Ilmu Hisab
e) Cik Joyce Yeo Bee Cheng	Bahasa Inggeris
f) En Muhammad bin Merak	Bahasa Melayu
g) Cik Wan Tik Sakinah bt Wan Mohd Zin	Bahasa Melayu
h) Cik Wan Karimah	Ilmu Alam

Sumber: *Catatan Ringkas Sejarah Sepintas Lalu MRSM Pengkalan Chepa*, 2000, hlm. 3-4.

⁴⁹ Syarat-syarat untuk memasuki MRSM ialah mendapat kelulusan sekurang-kurangnya 3A dalam Peperiksaan Penilaian Darjah Lima dan disokong oleh Kementerian Pelajaran. Pelajar juga mestilah lulus dalam ujian masuk yang dikeendalikan oleh MARA dan lulus temuduga. *MARA: Panduan dan Penerangan*, Cawangan Hubungan Awam, Ibu Pejabat MARA, Kuala Lumpur, hlm. 11. Bahagian Latihan.

⁵⁰ *Catatan Ringkas Sejarah Sepintas Lalu MRSM Pengkalan Chepa*, 2000, hlm. 3-4.

Pada 1975 iaitu selepas dua tahun penubuhannya, kawasan yang berbukit pasir ini telah berubah wajah apabila bangunan bata merah siap dibina. Pada ketika ini, ia menjadi lambang kemegahan dan mercu tanda kebanggaan pekan kecil ini. Pada tanggal 12 Ogos 1975, MRSM ini telah dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Yahya Petra D. K. S. P. M. K. (ketika itu baginda masih lagi bergelar Tengku Mahkota iaitu sebagai Pemangku Raja Negeri Kelantan Darul Naim).⁵¹

MRSM seterusnya ialah MRSM Kuantan yang ditubuhkan pada 1974 iaitu bertempat di Alor Akar, Kuantan. Maktab ini mula mengambil pelajar pada 1974, namun pembinaan siap sepenuhnya pada 1978. MRSM Kuantan memulakan sesi pengajian pada 9 Mac 1974 dengan pelajar seramai 142 orang yang terdiri daripada pelajar tingkatan 4 dan 5. Maktab ini menawarkan peperiksaan LCE mulai 1976 dan pada 1978, para pelajarnya menduduki peperiksaan MCE untuk kali yang pertama.⁵² MRSM Kuantan telah dirasmikan pada 3 Julai 1978 oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang, Sultan Haji Ahmad Shah Al Mustain Billah Ibni Al Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al Mua'dzam Shah.

Seterusnya adalah pembinaan MRSM Kulim pada 1976. Maktab ini mula dibina di satu kawasan seluas 52 ekar iaitu kira-kira 11/2 batu dari bandar Kulim. Ia menelan belanja sebanyak RM86.2 juta. Pada awal 1977, sebahagian besar bangunannya telah siap dibina dan mula mengambil penuntut pada tahun itu juga. Pengambilan pertama pelajar adalah seramai 149 orang pelajar Tingkatan 1. Pada tanggal 5 November 1979, MRSM Kulim telah dirasmikan secara rasminya oleh DYMM Tuanku Sultan dan Sultanah Kedah.⁵³ Upacara yang diadakan dengan gilang-gemilang ini mencatatkan satu sejarah besar bagi bumi Kedah kerana lahirnya sebuah institusi pendidikan di bahagian

⁵¹ *Catatan Ringkas Sejarah Sepintas Lalu MRSM Pengkalan Chepa*, 2000, hlm.1-2.

⁵² Majlis Amanah Rakyat (MARA), *Laporan Tahunan MARA 1974 hingga 1978*.

⁵³ Kolej MARA Kulim, *Majalah Sepintas Lalu Mengenai MRSM Kulim Kedah*, hlm. 1-5.

utara bagi menampung pelajar di kawasan tersebut. Niat murni MARA untuk membantu anak Bumiputera di bahagian utara tanahair telah tertunai akhirnya.⁵⁴

MRSM kelima yang dibina ialah MRSM Kuala Terengganu iaitu pada 1978. Ia terletak di Wakaf Tengah, Mengabang Telipot iaitu 25 km dari bandar Kuala Terengganu. Keluasan tapak maktab ini ialah seluas 53 ekar dan hampir 80% telah dibangunkan. Maktab ini telah dirasmikan pada 1 Julai 1978 oleh Dr Mahathir Mohamad (selaku Timbalan Perdana Menteri ketika itu). Pengambilan pertama pelajar ialah seramai 157 orang dengan 13 orang tenaga pengajar, 38 orang staf sokongan dan 3 orang perkeranian. Kumpulan pertama pelajar yang menduduki peperiksaan SRP ialah pada tahun 1980 manakala SPM pada tahun 1982. Pengetua pertama maktab ini ialah En. Khu Khiok Boon yang bertugas dari 15 Februari 1978 hingga 31 Disember 1979.⁵⁵

5.5 Pengambilan dan Pencapaian Pelajar

Pengambilan penuntut bagi kali pertama untuk memasuki Tingkatan 1 di MRSM Seremban telah dibuat pada awal tahun 1972.⁵⁶ Seramai 150 orang pelajar telah dipilih dari murid darjah enam. Mereka terdiri daripada murid-murid luar bandar yang kebanyakannya berpendapatan di bawah \$200 sebulan. Setelah penubuhan MRSM Seremban, MARA telah menyusul dengan projek keduanya iaitu dengan penubuhan maktab di Kota Bharu, Kelantan pada tahun 1973. Maktab ini telah memulakan operasinya pada tahun 1973 dengan pengambilan pelajar seramai 150 orang pelajar

⁵⁴ MARA juga bercadang untuk membina MRSM di Terengganu sekitar tahun 1975. Kerajaan negeri telah memperuntukkan tanah seluas 54 ekar di Mukim Batu Rakit, kira-kira 15 batu dari Bandar Kuala Terengganu. Kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan air, telefon dan jalan raya sudah tersedia. Walau bagaimanapun, pada masa itu, bekalan air dan kawasan perumahan belum disediakan. MARA telah mengemukakan kesulitan ini kepada kerajaan negeri dan meminta supaya suatu kawasan yang lain yang lebih sesuai dan mempunyai kemudahan yang diperlukan. Namun, rancangan berkenaan tidak dilaksanakan dalam tempoh berkenaan. Taklimat Ketiga untuk Majlis Tindakan Negara, 14 Januari, 1975, hlm. 35, dalam Majlis Tindakan Negara, Bahagian Latihan MARA, Susunan dan Kertas-kertas Mesyuarat pada 28 Jan 1975, dalam 0.9839 PT.2. Rancangan Latehan MARA.

⁵⁵ Sejarah Ringkas MRSM Kuala Terengganu, hlm. 1-3.

⁵⁶ MARA menasaskan jumlah penuntut MRSM di seluruh negara berjumlah 5,310 orang pada tahun 1982 dan mempunyai Tingkatan Enam. Taklimat Ketiga untuk Majlis Tindakan Negara, 14 Januari, 1975, hlm. 21, dalam Majlis Tindakan Negara, Bahagian Latihan MARA, Susunan dan Kertas-kertas Mesyuarat pada 28 Jan 1975, dalam 0.9839 PT. 2. Rancangan Latehan MARA.

lelaki ke Tingkatan 1.⁵⁷ Di MRSM Seremban pula, pelajarannya adalah seramai 360 orang iaitu 150 di Tingkatan 2 manakala 210 orang di Tingkatan 1 pada tahun 1973.⁵⁸ Pada tahun 1974, jumlah pelajar di MRSM telah meningkat seperti dalam jadual di bawah:

Jadual 5.11: Jumlah Pelajar di Ketiga-tiga MRSM Bagi Tahun 1974

Nama Maktab	Tingkatan 1	Tingkatan 2	Tingkatan 3	Tingkatan 4
MRSM Seremban	106	210	250	466
MRSM Kota Bahru	125	149	-	274
MRSM Kuantan	142	-	-	142
Jumlah	373	359	250	882

Sumber: Majlis Amanah Rakyat (MARA), *Laporan Tahunan Bahagian Latihan MARA*, 1974, hlm. 19.

Jadual di atas menunjukkan bahawa terdapat seramai 373 orang murid di Tingkatan 1 manakala 359 murid di Tingkatan 2, 150 murid pula di Tingkatan 3 dan 882 orang murid di Tingkatan 4. Jumlah ini adalah tinggi jika dibandingkan dengan tempoh operasinya yang baru mencecah dua tahun.⁵⁹

Jadual 5.12: Jumlah Pelajar di MRSM Bagi Tahun 1975

Nama Maktab	Jumlah Pelajar
MRSM Seremban	605
MRSM Kota Bahru	402
MRSM Kuantan	251
Jumlah	1258

Sumber: *Laporan Tahunan Bahagian Latihan MARA 1977*, hlm. 33.

⁵⁷ Lihat Bahagian Latihan dalam MARA, Panduan dan Penerangan, Cawangan Hubungan Awam, Ibu Pejabat MARA, Kuala Lumpur, hlm. 8.

⁵⁸ Majlis Amanah Rakyat (MARA), *Penyata Tahunan MARA 1973*, hlm. 21

⁵⁹ *Laporan Tahunan Bahagian Latihan MARA*, 1974, hlm. 19.

Jadual 5.12 menunjukkan bahawa pada tahun 1975, seramai 377 pelajar telah mendaftarkan diri di tiga buah MRSM yang sedia ada iaitu 140 seramai pelajar didaftarkan di MRSM Seremban, 128 pelajar di MRSM Kota Bharu dan 109 pelajar di MRSM Kuantan. Dengan bertambahnya bilangan ini maka sehingga akhir tahun 1975, terdapat sejumlah 1258 orang pelajar didaftarkan di tiga buah MRSM. Daripada jumlah ini, seramai 605 pelajar berada di MRSM Seremban, 402 pelajar di MRSM Kota Bharu dan 251 pelajar di MRSM Kuantan.⁶⁰

Jadual 5.13: Jumlah Pelajar MRSM Bagi Tahun 1977

Tingkatan / MRSM	Satu	Dua	Tiga	Empat	Lima	Jumlah Keseluruhan
MRSM Seremban	150	49	140	108	206	653
MRSM Kota Bharu	150	146	1276	125	148	695
MRSM Kuantan	50	114	108	142	-	414
MRSM Kulim	149	-	-	-	-	149
Jumlah	499	309	374	375	354	1,919

Sumber: *Laporan Tahunan Bahagian Pendidikan dan Latihan MARA, 1977*, hlm. 32.

Tahun 1977 mencatatkan perkembangan besar dalam kemajuan MRSM apabila sebuah lagi Maktab Rendah Sains Mara iaitu MRSM Kulim telah siap dibina dan mula mengambil pelajar Tingkatan 1 seramai 149 orang pada awal tahun. Dengan siapnya MRSM Kulim ini menjadikan empat buah MRSM sekarang ini. Jadual di atas menunjukkan unjuran bilangan pelajar mengikut tingkatan di keempat-empat buah MRSM. Jumlah pelajar yang menuntut di MRSM Seremban bagi tahun 1977 ialah seramai 653 orang, MRSM Kota Bharu 695 orang, MRSM Kuantan 414 orang, MRSM Kulim pula seramai 149 orang dan jumlah keseluruhan pelajar ialah seramai 1,919

⁶⁰ *Laporan Tahunan Bahagian Latihan MARA, 1977*, hlm. 19.

orang.⁶¹ Pengambilan pelajar pada tahun ini adalah mengikut sistem baru yang diperkenalkan berdasarkan empat kriteria tertentu.⁶²

Kriteria pertama ialah berdasarkan keputusan Peperiksaan Penilaian Darjah 5. Nilai Gred A diberikan 4 markah manakala Gred B diberikan 3 markah dan Gred C adalah 2 markah. Pelajar yang mendapat Gred D dan E adalah tidak layak untuk memasuki MRSM. Seseorang pelajar juga hendaklah mendapat markah 15 mata atau lebih untuk melayakkan mereka menduduki ujian bertulis. Kriteria kedua ialah sistem mata untuk menilai pendapatan penjaga dan tanggungan keluarga. Analisis telah dibuat untuk melihat pendapatan keluarga pelajar. Pada 1973, seramai 207 orang pelajar MRSM Seremban telah dijadikan sampel kajian. Jadual 5.14 menunjukkan pendapatan keluarga pelajar mengikut negeri.

Jadual 5.14: Pendapatan Keluarga Pelajar Mengikut Negeri Bagi Tahun 1972.

Negeri	Bilangan Penuntut	Kurang daripada RM 500	Pendapatan Keluarga	
			RM 500 ke RM 1000	Lebih daripada RM 1,001
Selangor	73	51	11	11
Johor	53	36	11	6
Melaka	14	11	3	0
Negeri Sembilan	13	6	5	2
Perak	12	8	3	1
Pulau Pinang	12	9	0	3
Kelantan	12	10	2	0
Terengganu	2	2	0	0
Kedah	2	1	1	0

⁶¹ *Laporan Tahunan Bahagian Pendidikan dan Latihan MARA, 1977*, hlm. 32.

⁶² Temubual dengan En. Abdul Wahab Alwi di pejabat beliau di Shah Alam pada 9 September 2008, jam 11:30 pagi.

Jadual 5.14, sambungan

Negeri	Bilangan Penuntut	Kurang daripada RM 500	Pendapatan Keluarga	
			RM 500 ke RM 1000	Lebih daripada RM 1,001
	193	134 (69.4%)	36 (18.7%)	23 (11.9%)

Sumber: Majlis Amanah Rakyat (MARA), Fail Bahagian Latihan MARA, Fail No. 5, MARA KL, 1965-1975 (BK 5).

Jadual 5.14 menunjukkan sebanyak 69.4% daripada pelajar iaitu seramai 193 orang adalah berasal daripada keluarga yang berpendapatan kurang daripada RM 500. Sebanyak 18.7% iaitu 36 orang pelajar adalah berpendapatan di antara RM 500 hingga RM 1000. Manakala seramai 23 orang pelajar ataupun 11.9% berasal daripada keluarga yang berpendapatan lebih daripada RM1,001. Ini bermakna sebahagian besar pelajar yang menuntut di MRSM Seremban adalah pelajar yang berasal daripada keluarga berpendapatan rendah. Malah kebanyakan mereka juga berasal daripada keluarga yang besar yang terdiri daripada lima hingga sepuluh orang adik beradik. Jelas di sini bahawa kebanyakan pelajar yang diambil adalah daripada golongan yang berpendapatan rendah. Ini selaras dengan dasar kerajaan bagi membantu Bumiputera luar bandar dalam memberi kemudahan pendidikan yang terbaik buat mereka.

Kriteria ketiga pula ialah sistem mata bagi aliran dan lokasi sekolah. Misalnya jika lokasi sekolah adalah dari kawasan luar bandar, maka mata yang diperoleh pelajar adalah lebih tinggi. Kriteria terakhir ialah temuduga. Setelah melepasi keempat-empat syarat tersebut, barulah urusan pengambilan akan dilakukan.⁶³ Bagi mengukur kejayaan sesuatu institusi pendidikan, pencapaian adalah merupakan kriteria yang utama. Pada

⁶³ Laporan Tahunan Bahagian Latihan dan Pendidikan MARA, 1977, hlm. 31.

tahun 1974, seramai 150 orang pelajar perintis MRSM Seremban telah menduduki peperiksaan L.C.E dan keputusannya yang diperoleh adalah seperti jadual 5.15:

Jadual 5.15: Analisis Keputusan Peperiksaan LCE MRSM Seremban Bagi Tahun 1974

Subjek/Gred	1	2	3	4	5	6	7	8	9	Jumlah
1. Bahasa Malaysia	9	44	62	23	12	-	-	-	-	150
2. English II	52	37	39	30	5	4	1	2	-	150
3. Sejarah	9	62	34	24	15	3	-	3	-	150
4. Geografi	16	53	26	25	17	8	3	-	-	150
5. Pendidikan Agama	11	25	23	20	13	9	7	6	3	125
6. Matematik	24	46	21	22	21	10	6	-	-	150
7. Sains	14	35	44	29	20	5	3	-	-	150

7A	6A	5A	4A	3A	2A	1A	-	Jumlah
4	10	18	24	27	21	22	24	150

Sumber: *Laporan Tahunan Bahagian Latihan MARA 1974*, hlm. 20.

Jadual di atas menunjukkan seramai empat orang pelajar mendapat 7A dalam peperiksaan LCE manakala seramai 10 orang mendapat 6A. Di samping itu, seramai 18 orang mendapat 5A, 24 orang mendapat 4A, 27 orang mendapat 3A dan 21 orang mendapat 2A. Sementara itu, bagi Gred 1A mencatatkan seramai 22 orang manakala seramai 24 orang tidak mendapat A bagi mana-mana mata pelajaran.⁶⁴

⁶⁴ *Laporan Tahunan Bahagian Latihan MARA, 1974*, hlm. 20.

Pada tahun 1977, seperti juga pada tahun 1976, MRSM Seremban, Kota Bharu dan Kuantan dapat mengekalkan kejayaan 100% kelulusan dalam peperiksaan LCE/SRP. Seramai 11 orang pelajar yang menduduki peperiksaan tersebut bagi MRSM Seremban, 114 dari MRSM Kota Bharu dan 94 dari MRSM Kuantan. Jadual 5.16 adalah perbandingan pencapaian (*distinctions*) 1977 dengan 1976.

Jadual 5.16: Peratus Bertambah dan Berkurang Pencapaian *Distinction* 1977 dan 1976

Matapelajaran/ Aliran	MRSM Seremban	MRSM Kota Bharu	MRSM Kuantan
1. Bahasa Malaysia -LCE -SRP	+15.8 -12.4	+42.4 +12.8	-33.5 +38.3
2. Bahasa Inggeris -LCE -SRP	+19.8 +16.5	+5.5 +12.4	+7.9
3. Ilmu Hisab -LCE -SRP	-17.7 -16.9	-16.3 -15.3	-10.9 -20.0
4. Ilmu Sains -LCE -SRP	-7.9 -12.4	-22.88 -52.9	-12.8 -28.4
5. Tawarikh -LCE -SRP	-17.2 -26.9	-33.6 -35.5	-13.5 +25.0
6. Ilmu Alam -LCE -SRP	-26.5 -27.6	-10.9 -20.2	-15.4 -21.7

Sumber: *Laporan Tahunan Bahagian Pendidikan dan Latihan MARA, 1977*, hlm. 34.

Jadual 5.16 menunjukkan perbandingan keputusan tahun 1976 dan 1977. Meskipun ketiga-tiga MRSM ini berjaya mencapai keputusan 100%, namun pencapaian tahun 1977 bagi semua MRSM adalah merosot. Kemerosotan ini meliputi subjek Ilmu Hisab, Ilmu Sains, Sejarah/Tawarikh dan Ilmu Alam.⁶⁵ Laporan tahunan Bahagian Latihan dan Pendidikan MARA 1978 memetik kenyataan Menteri Pelajaran menyatakan kemerosotan ini disebabkan:

“One possible explanation is that most candidates taking this paper (history) were those who come from the weaker group since the more able candidate who were in the Science Stream offered Geography instead.”⁶⁶

Bagi peperiksaan MCE atau SPM, dalam tahun 1976 MRSM Seremban telah mendapat kejayaan 100% lulus dalam peperiksaan tersebut. Pada tahun 1977 pula, MRSM mendapat kejayaan 100% lulus dengan calon yang seramai 145 orang. Manakala bagi peperiksaan SPM, MRSM Seremban hanya mendapat peratus lulus sebanyak 98.3% bagi 59 orang calon dan seorang calon telah gagal dalam peperiksaan ini. Berikut adalah jadual pencapaian kelulusan bagi MRSM Seremban.

Jadual 5.17: Keputusan Peperiksaan MCE dan SPM Bagi MRSM Seremban Bagi Tahun 1977

Gred	MCE	Peratus (%)	SPM	Peratus (%)
Gred 1	97	66.9	25	42.4
Gred 2	35	24.1	25	42.4
Gred 3	13	9.0	8	13.6
Gagal	-	-	1	1.7

⁶⁵ Laporan Tahunan Bahagian Pendidikan dan Latihan MARA, 1977, hlm. 34.

⁶⁶ Majlis Amanah Rakyat (MARA), Laporan Tahunan Bahagian Pendidikan dan Latihan MARA 1978.

Jadual 5.17, sambungan

Gred	MCE	Peratus (%)	SPM	Peratus (%)
Jumlah	145	100%	59	98.3%

Sumber: *Laporan Bahagian Latihan dan Pendidikan MARA, 1977*, hlm. 35.

Pelajar terbaik MCE ialah Rohana Yusof yang mendapat 2 (A1), 3 (A2) dan 4 (C3) manakala pelajar terbaik SPM pula ialah Faridah Abdullah dengan mendapat 4 (A2), 3 (C3) dan 1 (C4). Bagi MRSM Kota Bharu pula, seramai 96 orang calon yang menduduki peperiksaan MCE telah memperoleh kelulusan 100%. Bagi peperiksaan SPM pula seorang daripada 52 orang calon telah gagal dalam peperiksaan dan menyebabkan MRSM itu hanya memperoleh 98.1% kelulusan. Jadual 5.18 menunjukkan analisis keputusan peperiksaan.

Jadual 5.18: Keputusan Peperiksaan MCE dan SPM MRSM Kota Bharu Bagi Tahun 1977

Gred	MCE	Peratus (%)	SPM	Peratus (%)
Gred 1	68	70.8	27	41.4
Gred 2	22	22.9	18	34.6
Gred 3	6	6.3	6	11.6
Gagal	-	-	1	1.9
Jumlah	96	100%	52	100%

Sumber: *Laporan Bahagian Latihan dan Pendidikan MARA, 1977*, hlm. 35.

Pelajar terbaik MCE ialah Khairul Azmy bin A.Ghafar dengan mendapat 5 (A1), 2 (A2) dan 1 (C3). Dalam peperiksaan SPM pula, pelajar terbaik ialah Shamsudin bin Muhamad dengan mendapat 4 (A1), 2 (A2), 1 (C3) dan 1 (P7) iaitu dalam Bahasa Inggeris. Keputusan peperiksaan MRSM telah menunjukkan peningkatan dari setahun

ke setahun. Misalnya pada tahun 1979, keputusan SRP keempat-empat MRSM ini menunjukkan pencapaian 100% Pangkat A dengan 45.6% daripada jumlah pelajar memperoleh *aggregate* 10 ke bawah. *Aggregate* terbaik ialah C5 terdapat di keempat-empat MRSM manakala *aggregate* yang paling lemah ialah 27 iaitu di MRSM Kulim.

Pada keseluruhannya 47.9% daripada jumlah pelajar telah mendapat 4 *distinction* (A) dan lebih. Jika dibuat perbandingan dengan sekolah berasrama penuh yang lain, MRSM telah menduduki tangga teratas bagi empat subjek iaitu Ilmu Hisab Moden, Sains Paduan, Ilmu Alam dan Sejarah.⁶⁷ Perbandingan juga telah dibuat bagi meninjau pencapaian *distinction* yang tertinggi di antara MRSM dan sekolah berasrama penuh kerajaan. Hasilnya adalah seperti jadual berikut:

Jadual 5.19: Pencapaian Peratus *Distinction* yang Tertinggi dalam Subjek Bagi Peperiksaan SRP 1979

Subjek	Sekolah	Distinction (%)
Bahasa Malaysia	Sekolah Menengah Sains Kelantan	83.6
Bahasa Inggeris	Kolej Tunku Kursiah	83.9
Sejarah	MRSM Kulim	55.0
Ilmu Alam	MRSM Seremban	66.9
Ilmu Hisab Moden	MRSM Seremban	80.0
Sains Paduan	MRSM Kulim	60.4

Sumber: *Laporan Tahunan Bahagian Latihan dan Pendidikan MARA, 1979*, hlm. 40.

Bagi peperiksaan SPM 1979 pula, ketiga-tiga MRSM Seremban, Kota Bharu dan Kuantan telah mendapat kelulusan 100%.⁶⁸ Berikut adalah analisis keputusan mereka:

⁶⁷ *Laporan Suku Tahun Pertama Bahagian Latihan dan Pendidikan MARA Januari-Mac, 1980*, hlm. 22-Lampiran D.

⁶⁸ MRSM Kuantan misalnya berjaya mempertahankan tahap akademik yang tinggi dalam peperiksaan MCE/SPM dan LCE/SRP. Pada tahun 1979, kejayaan 100 peratus telah berjaya dicapai bagi keputusan SPM dengan 80 peratus mendapat Gred I dan 20 peratus mendapat Gred II. Bagi MCE, 99% kejayaan berjaya diperoleh dengan 80 peratus mendapat Gred I, 17 peratus mendapat

Jadual 5.20: Analisis Keputusan Peperiksaan SPM 1979

Gred	Seremban		Kota Bharu		Kuantan		Jumlah	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%
I	27	67.5	17	85.0	16	80.0	60	75
II	10	25.0	2	10.0	4	20.0	16	20
III	3	7.5	1	5.0	-	-	4	5
Gagal	-	-	-	-	-	-	-	-
Jumlah	40	100	20	100	20	100	80	100

Sumber: *Laporan Tahunan Bahagian Pendidikan dan Latihan MARA, 1979*, hlm. 52.

Keputusan dalam jadual berkenaan menunjukkan bahawa peratusan yang tinggi telah mendapat Gred 1 dalam peperiksaan SPM 1979. Namun, masih terdapat lagi sebahagian kecil iaitu seramai tiga orang di MRSM Seremban dan seorang di MRSM Kota Bharu telah mendapat Gred 3. Kesemua mereka ini menduduki SPM dalam aliran Sains. Keputusan ini masih lagi belum memuaskan dan usaha menambah baik telah mula dipergiatkan dalam tahun berikutnya.⁶⁹

MARA mula mewujudkan MRSM dalam tempoh DEB dilaksanakan iaitu ketika Rancangan Malaysia Kedua.⁷⁰ Sejak tahun 1971 hingga 1978, seramai 2,649 orang anak Bumiputera telah mendapat peluang untuk mengikuti pendidikan di maktab ini. Seramai 1,910 orang lagi telah mendapat peluang pendidikan ini antara tahun 1979 hingga 1980. Ini telah menjadikan peratus pencapaian jika dibandingkan dengan unjuran pengambilan sebanyak 83.5%.⁷¹ Peruntukan wang untuk Bahagian Latihan adalah yang tertinggi diperuntukkan oleh MARA. Dalam Rancangan Malaysia Ketiga, Bahagian Latihan MARA telah mendapat peruntukan sebanyak \$275,014,452 bagi mencapai program pembangunannya. Bahagian ini telah menggunakan 99% daripada peruntukan tersebut

Gred II dan dua peratus mendapat Gred III. Manakala SRP mencatatkan kejayaan yang memberangsangkan di mana 100 peratus berjaya mendapat Pangkat A. *Maktab Rendah Sains MARA Kuantan, Laporan Tahunan 1980*.

⁶⁹ *Laporan Tahunan Bahagian Pendidikan Latihan dan Pendidikan MARA 1977*, hlm. 21.

⁷⁰ Lihat Surat Azizan Bin Husain (b.p. Ketua Setiausaha Negara) kepada D. Sands Smith, *British High Commission*, 13 Ogos 1971, dalam BPE (BT) 58/10/1. Colombo Plan-U.K. Teachers-Cum-Advisors for MARA Junior Science College.

⁷¹ *Kajian Semula Rancangan Malaysia Ketiga 1976 hingga 1980*, Bahagian Latihan dan Pendidikan MARA, hlm. 5.

untuk tujuan pembangunan MRSM.⁷² Jelas di sini bahawa tumpuan MARA amat mendalam bagi pendidikan menengah. Sejumlah besar wang telah dibelanjakan bagi memastikan perkembangan pesat bahagian ini. Perkembangan pelajar dan peratusan pencapaian dalam peperiksaan memberi konotasi bahawa MARA telah mengorak langkah ke hadapan dalam memberi ruangan belajar kepada pelajar Bumiputera yang ada.

5.6 Masalah dan Cabaran

MRSM di awal penubuhannya terpaksa berhadapan dengan masalah dan cabaran yang membelenggunya untuk terus berkembang pesat. Masalah utama adalah kekurangan guru.⁷³ Guru Matematik yang ditempatkan di MRSM di peringkat awal terdiri daripada mereka yang tidak mempunyai kelulusan khas dalam bidang pendidikan. Malah mereka juga tidak mempunyai sijil dalam pendidikan. Ada di antara mereka yang berkhidmat sebagai guru bagi menebus segala pinjaman pengajian ketika menuntut di universiti dahulu.

Keadaan ini berlaku disebabkan kekurangan guru lulusan pendidikan di negara kita. Kebanyakan guru lulusan pendidikan akan berkhidmat sebagai guru di sekolah yang dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan iaitu sekolah kementerian sahaja. MARA sendiri menghadapi masalah dalam memperoleh tenaga guru yang bertauliah.⁷⁴

⁷² Ibid., hlm. 6-7.

⁷³ Jumlah pengajar di MRSM seluruh negara pada tahun 1974 berjumlah 62 orang iaitu MRSM Seremban (30 orang), Kota Bharu (22 orang) dan Kuantan (10 orang). Rujuk Taklimat Ketiga untuk Majlis Tindakan Negara, 14 Januari, 1975, hlm. 19, dalam Majlis Tindakan Negara, Bahagian Latihan MARA, Susunan dan Kertas-kertas Mesyuarat pada 28 Jan 1975, dalam 0.9839 PT. 2. Rancangan Latehan MARA. MRSM yang menghadapi masalah kekurangan tenaga pengajar ini memohon kerajaan supaya para pengajarnya diberi elaun khas atas tugas-tugas khas yang dijalankan.

⁷⁴ Guru MRSM merupakan perkhidmatan tertutup. Berdasarkan skim perkhidmatan ketika itu, para guru MRSM dibayar gaji menurut perkhidmatan MARA iaitu sebanyak \$628/- (gaji pokok) bagi mereka yang mempunyai Ijazah Kepujian manakala gaji sebanyak \$430/- (gaji pokok) dibayar kepada guru-guru yang memiliki Ijazah Am. Oleh yang demikian, ia tidak menarik minat siswazah-siswazah untuk menyumbangkan tenaga mereka kepada MARA walaupun pada asasnya gaji berkenaan boleh dikatakan agak lumayan jika dibandingkan dengan Sistem Gaji Aziz. Guru-guru yang memiliki Ijazah Kepujian yang bertugas dengan MARA menerima gaji penuh sebanyak \$954/- sebulan. Jika dibandingkan jumlah berkenaan dengan jumlah gaji guru di bawah perkhidmatan Aziz yang menerima sebanyak \$800/- sebulan bersih, guru-guru MRSM nyata mendapat lebih gaji sebanyak \$154/- Di bawah cadangan Skim Harun pula, guru-guru MRSM akan dimasukkan ke dalam kategori A-11-9 dimana mereka akan

Oleh sebab tiadanya latihan asas perguruan, kebanyakan mereka masih tidak tahu akan matlamat, hala tuju dan kaedah dalam pendidikan.⁷⁵ Oleh yang demikian, MARA telah mengambil tenaga pengajar dalam kalangan warga asing yang terdiri daripada *American Peace Corps Volunteers* dan juga penasihat melalui Rancangan Colombo yang dibawa masuk bagi subjek Matematik dan Sains.⁷⁶ Mereka ini berkecukupan untuk mengajar bidang tersebut kerana mempunyai pengalaman yang luas.⁷⁷

Seramai empat orang penasihat telah diminta di bawah Rancangan Colombo bagi mengajar subjek *Nuffield Science* dan *Scottish Mathematics*.⁷⁸ Di MRSM Seremban, seorang penasihat Matematik iaitu Mr David Wells diambil untuk berkhidmat.⁷⁹ Pada 1973 pula, Mr Douglas Anderson telah diambil bekerja secara kontrak selama dua tahun dengan gaji pokok sebanyak \$730.⁸⁰ Selain itu, Mr Robert

menerima gaji permulaan \$650/- sebulan bersih. Sedangkan dalam skim sedia ada, guru-guru MARA menerima \$154/- lebih daripada guru-guru di bawah perkhidmatan Aziz. Oleh itu, ketika itu MARA menghadapi kesulitan untuk mendapatkan guru-guru untuk MRSM, lebih-lebih lagi apabila skim guru MRSM diubah kepada Skim Harun. Taklimat Ketiga untuk Majlis Tindakan Negara, 14HB. Januari, 1975, hlm. 29, dalam Majlis Tindakan Negara, Bahagian Latihan MARA, Susunan dan Kertas-kertas Mesyuarat pada 28 Jan 1975, dalam 0.9839 PT.2. Rancangan Latehan MARA.

⁷⁵ Kebanyakan guru MRSM dalam tempoh berkenaan tidak memiliki pengalaman mengajar dan tidak pula memiliki kelayakan latihan perguruan. Sebilangan guru MRSM terikat dengan MARA sebagai satu cara untuk membayar semula pinjaman atau biasiswa. Oleh itu, ramai dalam kalangan mereka yang tidak mencintai kerja mengajar. Report Covering the Period from 14th November, 1973 to 13th November, 1975 by Robert B. Lowrie-Colombo Plan Adviser in Mathematics to the MARA Junior Science Colleges, Malaysia. Final Report., hlm. 1. BPE (BT) 58/10/1, Colombo Plan-U.K. Teachers-Cum-Advisors for MARA Junior Science College.

⁷⁶ Pada tahun 1973-1975, seramai 152 orang pengajar dikehendaki MARA untuk Institut Kemahiran MARA (IKM) dan 34 orang guru tambahan diperlukan untuk MRSM. Kesulitan yang dihadapi MARA untuk mendapatkan tenaga pengajar adalah disebabkan tiadanya calon yang sesuai untuk jawatan-jawatan tersebut. Sehubungan itu, satu jalan keluar untuk mengatasi masalah berkenaan ialah dengan cara mendapatkan bantuan daripada pertubuhan atau badan luar negeri seperti *Peace Corp*, *Japanese Volunteer Organisation* dan *Colombo Plan Aid* sebagai *stop-gap measure* sementara MARA melatih anak-anak tempatan bagi mengambil alih tempat orang asing dalam tempoh dua tahun. II. Lampiran B. Permohonan untuk mendapatkan perkhidmatan *American Peace Corp* bagi Institut-Institusi Kemahiran MARA dan Maktab Rendah Sains MARA, Surat Abdul Shukor b. Hj. Alwi (b. p. Pengerusi MARA) kepada Setiausaha Negara, 19 Februari 1973, dalam BPE (BT) 40/291/2, Vol: III. U. S. Peace Corps. Volunteers Programme.

⁷⁷ Calon-calon guru *Peace Corps* sekitar tahun 1971 diletakkan dalam tahun akademik 1971/1972 di Universiti California, Santa Cruz untuk mendapatkan kelayakan mengajar. Mereka kemudian dihantar ke Malaysia pada bulan Julai 1972 untuk *In-Country Training*. Mereka yang akan bertugas sebagai guru bagi mata pelajaran Sains dan Matematik akan melalui kursus selama empat bulan. K. P. 8509/YB_5 (56) Teacher Corps/Peace Corps (Background Paper), hlm. 1, dalam BPE (BT) 40/291/2 Vol: III. U. S. Peace Corps. Volunteers Programme. Kebergantungan MARA yang tinggi kepada tenaga asing untuk menggerakkan MRSM pada peringkat awal misalnya dapat dilihat apabila seorang anggota sukarelawan *Peace Corps* iaitu Barbara Ann Pastva diminta oleh MARA untuk berkhidmat dengannya. Hal ini memandangkan kelayakan beliau dalam bidang *Art & Craft*. Beliau diharapkan MARA untuk berkhidmat di MRSM Kota Bharu. Sehubungan itu, MARA memohon kepada Ketua Setiausaha Negara untuk meluluskan pertukaran beliau dari Kementerian Pelajaran kepada MARA memandangkan pengalamannya yang begitu diperlukan MRSM. Surat Ali Redza bin Khalid (b. p. Pengarah Bahagian Latihan MARA kepada Ketua Setiausaha Negara, 26 November 1973, dalam BPE () 40/291/2 Vol: VI. U.S. Peace Corps-Volunteers Programme.

⁷⁸ Selain Rancangan Colombo, seramai 12 orang guru daripada *American Peace Corp Aid* diperlukan untuk jangka masa 1973-1975 bagi MRSM. MRSM mengkehendaki empat orang guru Sains, empat orang guru Matematik serta masing-masing dua orang guru untuk Pendidikan Jasmani dan Muzik. BPE (BT) 40/291/2 Vol: III. U. S. Peace Corps. Volunteers Programme.

⁷⁹ Mr David Wells pernah berkhidmat sebagai *Senior Mathematics Master* di Sekolah Berasrama di Nigeria. Rujuk surat daripada British High Commission kepada Encik Azizan bin Husain di Bahagian Perancang Ekonomi bertarikh 29 November 1971. Fail Jabatan Ketua Pengarah TKP 250/6.

⁸⁰ Mr. Anderson berkelulusan B. A. dari *Willamette University U. S. A.* Beliau mempunyai pengalaman mengajar selama setahun di U. S. A. dan tiga tahun di sekolah kementerian di Malaysia. Selain dari pengalaman mengajar, beliau juga pernah mengambil bahagian dalam projek khas Kementerian Pelajaran iaitu *Mathematics and Science Curriculum Development Programme* serta membantu menjalankan kursus untuk guru-guru Sains mengenai cara-cara mengajar Sains moden. Beliau telah ditempatkan di

Brown Lowrie juga telah dilantik sebagai penasihat Matematik di bawah Rancangan Colombo dan akan berkhidmat di MRSM Kota Bharu.⁸¹ Kedatangan mereka yang membawa budaya belajar yang tinggi serta menanamkan daya usaha dalam kalangan guru dan pelajar sewajarnya dicontohi dan diteruskan oleh MRSM itu sendiri.⁸² Tidak syak lagi idea dan cadangan yang diberikan mereka telah membantu MRSM membentuk satu suasana pembelajaran yang berbeza dari sekolah kementerian pada ketika itu.⁸³ Mereka berjaya membuka minda guru, menanamkan semangat tinggi, kecekapan dan memenuhi kualiti kerja yang dikehendaki. Pendek kata, ketika ini objektif MRSM ialah: *“The colleges shall be pace-setters in educational innovation in this country where fresh approaches to the improvement of the school instruction shall be experimented with.”*⁸⁴

Masalah kedua ialah masalah kekurangan kelengkapan mengajar.⁸⁵ MARA mengatasinya dengan menyediakan setiap pelajar dengan sebuah buku teks berserta nota bagi membantu pengajaran. Dalam tahun 1976, apabila medium pengajaran bertukar ke Bahasa Melayu, kerja penterjemahan telah dilakukan dengan menterjemah buku teks ke

MRSM Kota Bharu. Rujuk surat Pengarah Bahagian Latihan MARA kepada Ketua Pengarah Imigresen Malaysia bertarikh 30 Mac 1973. Diambil daripada fail Bahagian Latihan Menengah 1970-1972. Fail Jabatan Ketua Pengarah TKP 250/6.

⁸¹ Mr. Lowrie berkelulusan B. Sc Nottingham. Beliau juga merupakan *Mathematics Organiser* di *Blackburn Burgh Council*. Beliau berpengalaman dalam mengajar subjek Matematik. Rujuk surat daripada British High Commission kepada En Azizan bin Husain di *Economic Planning Unit* bertarikh 13 Mac 1973. Rujuk juga Personal Record Form Mr. Lowrie di Ministry of Overseas Development.

⁸² Lihat BPE (BT) 40/291/2 Vol: V. U. S. Peace Corps Volunteers Programme bagi melihat permintaan tenaga pengajar oleh MARA. Lihat juga Surat Abdul Shukor bin Hj. Alwi (b. p. Pengerusi MARA kepada Ketua Setiausaha Negara, 9 Mei 1973 dalam BPE (BT) 40/291/2 Vol: IV. U. S. Peace Corps. Volunteers Programme.

⁸³ Di bawah *Colombo Plan*, guru-guru asing berkenaan juga berperanan sebagai penasihat kepada kakitangan akademik dalam hal-hal melibatkan peningkatan akademik seperti: Pertama, mengkoordinasi dan mempromosikan kerjasama dalam kaedah-kaedah terkini dalam pengajaran Sains dan Matematik. Kedua, menilai dan menganalisis jadual aktiviti, program-program dan cadangan projek-projek. Ini termasuk menilai dan menganalisis perkembangan projek-projek dan mengambil langkah-langkah perlu untuk menyelesaikan objektif dan polisi-polisi berkenaan aktiviti tersebut. Ketiga, mengaturkan pertukaran maklumat dalam kalangan institusi tempatan dan luar serta penyiasat saintifik (*scientific investigators*). Keempat, menyebarkan keputusan-keputusan penyelidikan saintifik dan Matematik di MRSM dan menggalakkan aplikasi praktikal. Kelima, memformulakan langkah untuk mempromosikan usaha saintifik dan kesedaran saintifik dan menjalankan aktiviti-aktiviti berkenaan. Keenam, mengemukakan nasihat terhadap perancangan kurikulum MRSM. Ketujuh, mengadakan kursus/bengkel jangka pendek untuk kakitangan MRSM berkenaan pengajaran Sains dan Matematik. Appendix ‘B’. BPE (BT) 58/10/1, Colombo Plan-U. K. Teachers-Cum-Advisors for MARA Junior Science College.

⁸⁴ Laporan dari Mr. Robert Lowrie selaku Colombo Plan Adviser kepada MJSC, Malaysia, hlm. 9. Laporan ini merujuk pada tempoh masa 14 November 1973 hingga 13 November 1975.

⁸⁵ Dasar satu buku untuk setiap orang murid dijalankan pada awal tahun 1974, namun hanya mata pelajaran Sains dan Matematik sahaja yang terlibat dalam polisi tersebut. Report Covering the Period from 14th November, 1973 to 13th November, 1975 by Robert B. Lowrie-Colombo Plan Adviser in Mathematics to the MARA Junior Science Colleges, Malaysia. Final Report, dalam BPE (BT) 58/10/1, Colombo Plan-U. K. Teachers-Cum-Advisors for MARA Junior Science College.

dalam Bahasa Melayu.⁸⁶ Kerja-kerja terjemahan ini telah dilakukan oleh MARA sendiri. Dari segi kelengkapan infrastruktur pula, hanya MRSM Kota Bharu dan Kuantan yang dilengkapi dengan kelengkapan yang cukup khususnya bagi tujuan riadah. Ia mempunyai ruangan yang cukup untuk aktiviti bersukan sedangkan MRSM Seremban agak terhad kawasannya dan menyukarkan pelajar untuk bersukan. Oleh itu, keperluan untuk membina maktab yang dilengkapi dengan segala kemudahan adalah perlu untuk menjamin para pelajar mahir dalam segala aktiviti.

Budaya baru yang diterapkan oleh *Peace Corps Volunteers* ini telah mewujudkan hubungan yang erat antara guru dan pelajar di dalam dan luar bilik darjah. Ia membantu mereka untuk bertukar idea serta memberi kebebasan kepada pelajar melakukan pembelajaran sendiri dan tidak terkongkong kepada pembelajaran dua hala sahaja. Akan tetapi budaya baru ini mendapat kritikan hebat⁸⁷ daripada masyarakat umum kerana ia bukanlah suatu kebiasaan dalam sistem pendidikan negara ketika itu. Oleh yang demikian, setelah tamat perkhidmatan sukarelawan ini, MRSM telah berubah corak menjadi seperti sekolah kerajaan yang lain yang lebih terikat kepada buku teks, pengajaran dalam kelas dan lain-lain.

MARA sebenarnya telah menceburkan diri dalam bidang pendidikan tanpa mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang tersebut. Menurut laporan Mr. Robert Lowrie:

“Indeed I find it surprising that so much money for schools has been entrusted to an organisation with no previous experience in secondary or primary education and that closer expert educational supervision of the

⁸⁶ Laporan dari Mr. Robert Lowrie selaku Colombo Plan Adviser kepada MJSC, Malaysia, hlm. 3-4.

⁸⁷ Antara perkara yang dikritik ialah konsep MRSM yang lebih terbuka peraturannya. Pakaian seragam tidak ditetapkan di peringkat awal. Selain itu, pelajar dan guru mempunyai hubungan akrab dan lebih *informal*. Proses pengajaran dan pembelajaran tidak terbatas di dalam kelas sahaja. Malah, kelas boleh diadakan di taman sekolah, padang, bawah pokok dan sebagainya. Pelajar juga dibenarkan bergerak ke luar kelas untuk memberi respon terhadap persoalan yang dilontarkan oleh guru. Maklumat ini adalah berdasarkan temuramah dengan Dato' Jamaluddin bin Abdul Hamid dan Encik Wahab Alwi.

subsequent allocation of funds has not been made. MARA has ventured into the field of secondary education with high aims but with none of the knowledge of educational matters, experience or administrative machinery which exists at the Ministry of Education and the deficiencies show in many ways.”⁸⁸

Petikan ini menjelaskan bahawa MARA sememangnya kurang pengetahuan dalam bidang pendidikan. MARA sendiri bukanlah sebuah organisasi pendidikan tetapi ia cuba untuk mewujudkan institusi pendidikan yang dapat menawarkan peluang pendidikan kepada pelajar luar bandar khususnya. Tindakan MARA ini boleh diibaratkan sebagai berani mati kerana sanggup membuat pertaruhan untuk mewujudkan satu model sistem pendidikan yang baru dan berteraskan prinsip dan kaedah yang berbeza dari sekolah kementerian. Oleh itu, tidak mustahil jika dilihat terdapat banyak kekurangan dan masalah dihadapi di peringkat awal penubuhannya. Namun, MARA berjaya dalam percubaannya kerana berjaya untuk menghasilkan pencapaian yang cemerlang dalam peperiksaan SPM. Berkat kesabaran dan tunjuk ajar yang diperoleh dari lawatan pegawai MARA ke luar negara, ia secara tidak langsung berjaya untuk membentuk budaya MRSM yang digunapakai sehingga ke hari ini. Penubuhan MRSM ini juga boleh diibaratkan sebagai satu kaedah untuk mengalihkan wang bagi meningkat taraf sosioekonomi Bumiputera.

5.7 Kesimpulan

Kewujudan MRSM dalam landskap pendidikan negara mulai 1972 bukan sekadar sebagai satu alternatif kepada sistem pendidikan negara umumnya dan pendidikan Bumiputera khususnya. Sebaliknya ia menjadi satu institusi pendidikan menengah yang sangat eksklusif dan berjaya membentuk dan melahirkan generasi terpelajar Bumiputera dalam lapangan Sains dan Teknologi seperti yang dicita-citakan oleh kerajaan dan

⁸⁸ Ibid., hlm. 10.

pendukung-pendukung DEB. Walaupun MRSM pada mulanya sememangnya dilihat sangat tidak bersedia untuk melaksanakan amanah yang dibebankan di atas bahunya, langkah-langkah proaktif telah dijalankan oleh para pemikir MARA dan kerajaan berjaya menembusi halangan-halangan yang wujud. Bantuan yang dijana daripada pakar-pakar luar negeri daripada pelbagai agensi asing telah memperlengkapkan pemurnian pembentukan MRSM. Hasilnya, MRSM berjaya menonjolkan prestasi akademik yang sangat membanggakan tidak sampai tempoh sedekad penubuhannya. Oleh itu, MRSM terbukti menjadi wadah terbaik MARA dalam usaha kerajaan memperbanyakkan jumlah Bumiputera yang berkemahiran dalam bidang Sains dan Teknologi.

BAB 6: PENGUKUHAN DAN KEPELBAGAIAN PENDIDIKAN TINGGI

MARA, 1981-2006

6.1 Pengenalan

Bab ini menganalisis dan menelusuri peranan yang dimainkan Majlis Amanah Rakyat (MARA) dalam penyediaan pendidikan tinggi dalam tempoh 1981 hingga 2006. Persoalan utama yang diketengahkan dalam bab ini ialah sejauhmanakah MARA terus memainkan fungsi dan tanggungjawab untuk memberi pendidikan bertaraf tinggi di Malaysia selepas tahun 1980. Selain itu, bab ini juga akan melihat apakah langkah-langkah yang dilaksanakan MARA dalam konteks pendidikan tinggi untuk memenuhi permintaan tenaga kerja yang berkemahiran dalam negara. Walaupun MARA telah kehilangan Institut Teknologi MARA (ITM) yang menjadi kebanggaannya dalam dekad 1970-an, MARA dilihat tidak mundur dalam daya usahanya menyalurkan peluang pendidikan di peringkat tinggi.

Penubuhan beberapa buah institusi pendidikan yang sangat berkualiti iaitu Kolej MARA, Kolej Profesional MARA (KPM) dan Institut Kemahiran Tinggi MARA (IKTM) membuktikan kesungguhan MARA untuk memenuhi hasrat kerajaan dalam melahirkan tenaga kerja berkemahiran. Kemuncak peranan MARA dalam aspek ini ialah penubuhan Universiti Kuala Lumpur (UniKL) pada tahun 2002. Oleh itu, MARA dilihat sebagai mampu untuk menyediakan pendidikan tinggi yang berimpak tinggi kepada golongan Bumiputera khususnya dan rakyat Malaysia amnya.

6.2 Rasional Pembangunan Pengajian Tinggi MARA


Sektor perindustrian negara kini telah mengalami perubahan yang besar dan lebih bersifat intensif teknologi yang memerlukan tenaga kerja yang bukan sahaja berilmu pengetahuan tetapi juga mempunyai keterampilan dan kemahiran tinggi. Oleh yang demikian, program dan usaha membangunkan tenaga kerja perlulah selari dengan keperluan pembangunan ekonomi negara yang berteraskan pengetahuan (k-ekonomi) yang bersifat teknologi.¹ Bagi mencapai tujuan ini, program latihan kemahiran MARA yang sedia ada perlu ditingkatkan bersesuaian dengan keperluan gunatenaga dan wawasan negara yang menginginkan sekurang-kurangnya 35% tenaga buruh berpendidikan *tertiary*. Malah, program latihan kemahiran yang dahulunya mengutamakan kemahiran pertukangan telah menjadi lebih sofistikated dan melibatkan teknologi tinggi.²

Dengan pertumbuhan pesat ekonomi negara iaitu daripada berteraskan pertanian kepada perkhidmatan dan perindustrian berteknologi tinggi, profil gunatenaga negara juga boleh berubah. Anjakan perubahan profil gunatenaga negara daripada bentuk *top and bottom heavy* (tahun 1960-an) kepada bentuk *middle heavy* menjelang 2020.³ Situasi ini dapat digambarkan melalui rajah di bawah:

¹ K-ekonomi ialah ekonomi berasaskan pengetahuan. K-ekonomi lebih menjurus kepada tiga tunjang utama iaitu tumpuan pengetahuan yang membabitkan perubahan kepada penggunaan modal intelektual, syarikat perlu menerokai kegiatan bukan fizikal seperti keupayaan melakukan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan maklumat berasaskan pelanggan (K-Ekonomi). Mustafa Dakian, *K-Ekonomi: Pemacu Ekonomi di Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2007, hlm. 2.

² *Pelan Strategik Universiti Kuala Lumpur, 2006-2010*, Perpustakaan UniKL, hlm. 5.

³ *Dokumen Penubuhan UniTEK-MARA*, Perpustakaan UniKL, hlm. 8.



Rajah 6.1: Taburan Normal Pencapaian Pelajar Peringkat SPM.

Sumber: Laporan Pembangunan Program Latihan Kemahiran Teknikal Bumiputera yang dipetik daripada Minit Mesyuarat Pendidikan Tinggi MARA, 2000, hlm. 2.

Rajah 6.1 menunjukkan taburan peratusan mengikut kategori pencapaian akademik pada peringkat SPM. Berdasarkan kajian Prof. Hassan Said dari Jabatan Pendidikan Tinggi Kementerian Pendidikan Malaysia, tahun 2000 menunjukkan bilangan mereka yang dikatakan “cemerlang” adalah lebih rendah setiap tahun berbanding yang lain. Malah, lebih 54% lulusan SPM gagal memenuhi syarat minimum akademik kemasukan ke institusi pengajian tinggi akademik.⁴ Ini bermakna setiap tahun lebih 150,000 pelajar terkeluar daripada sistem persekolahan disebabkan pencapaian SPM mereka yang tidak memenuhi syarat kemasukan ke institusi-institusi pengajian tinggi tersebut.⁵

Jumlah mereka ini boleh digambarkan melalui rajah di atas yang mana bahagian yang diwarnakan itu menunjukkan jumlah pelajar di peringkat pertengahan yang gagal untuk memasuki mana-mana institusi pengajian tinggi kerana memperoleh pencapaian

⁴ *Berita Harian*, 13 September 2001.

⁵ *Ibid.*, hlm. 6.

sederhana. Mereka ini dikategorikan sebagai golongan yang tercicir meskipun sebenarnya mereka ini berkebolehan dari segi keupayaan.

Jadual 6.1: Kemasukan Pelajar di Institut Pendidikan Tertiari Mengikut Peringkat Pengajian, 2000-2005

Peringkat Pengajian	Bilangan Pelajar		Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (%) 2001-2005
	2000	2005	
Sijil	23,816	37,931	9.8
Diploma	91,398	98,953	1.6
Ijazah Pertama	170,794	212,326	4.4
Sarjana	24,007	34,436	7.5
Ph.D	3,359	6,742	15.0
Jumlah	313,374	390,388	4.5

Sumber: *Rancangan Malaysia Kesembilan*, 2006-2010.

Kemasukan pelajar ke peringkat Institut Pengajian Tinggi Awam telah menunjukkan peningkatan berterusan setiap tahun. Misalnya pada tahun 2000, bilangan pelajar adalah seramai 54,495 orang dan telah meningkat kepada 80,885 orang pada tahun 2005.⁶ Peningkatan jumlah kemasukan ini menunjukkan minat dan kebolehan yang semakin meningkat dalam kalangan pelajar terhadap bidang tertiar. Kebanyakan mereka ini adalah merupakan golongan yang berpotensi dalam bidang kemahiran atau bukan akademik. Kumpulan ini menjadi penyumbang utama untuk mengisi gunatenaga peringkat pertengahan. Walau bagaimanapun, program latihan untuk mereka adalah sangat terhad. Justeru, wujud keperluan untuk melipatgandakan usaha pembangunan gunatenaga peringkat pertengahan serta memberi peluang untuk mereka meningkatkan

⁶ Jumlah kemasukan pelajar ke Institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia ialah seramai 54,495 (2000), 56,487 (2001), 64,061 (2002), 70,481 (2003), 81,075 (2004) dan 80,885 (2005). Lihat *Perangkaan Sepintas Lalu: Pengajian Tinggi Malaysia 2005*, Bahagian Perancangan & Penyelidikan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, Ogos 2006, hlm. 1.

kelayakan ke peringkat ijazah tanpa mengenyakan kelayakan dan pengalaman yang mereka miliki.⁷

Meskipun terdapat alternatif yang terbuka kepada lepasan SPM untuk mengikuti program latihan kemahiran vokasional, namun kebanyakan program ini tidak menarik minat mereka khususnya bagi pelajar yang berhasrat untuk melanjutkan pendidikan ke peringkat ijazah kerana latihan kemahiran dan vokasional merupakan laluan kerjaya yang tersekat di mana tahap yang paling tinggi ialah Diploma (SKM 4) dan Diploma Lanjutan (SKM 5).⁸ Satu lagi sebab ialah kelayakan Sijil dan Diploma Kemahiran dan juga pengalaman kerja berkaitan tidak diambil kira bagi kemasukan ke institusi pengajian tinggi tempatan.⁹

Terlalu banyak sumber kewangan dan begitu lama masa yang digunakan oleh kerajaan untuk membangunkan para profesional, akademik dan kumpulan pengurusan peringkat atasan dalam usaha pembangunan sumber gunatenaga negara. Meskipun banyak usaha dilakukan, namun bilangan gunatenaga peringkat atasan ini masih tidak mencukupi khususnya dalam bidang teknikal dan vokasional dalam kalangan Bumiputera.¹⁰ Dalam persidangan Kongres Ekonomi Bumiputera, Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad selaku Perdana Menteri Malaysia ketika itu telah menyatakan tentang pencapaian Bumiputera dalam pembangunan gunatenaga adalah baik. Namun dari segi hakmilik dan penyusunan semula gunatenaga, adalah jelas bahawa hasrat

⁷ *Berita Harian*, 13 September 2001, hlm. 10.

⁸ Lihat *Pelan Strategik Transformasi Pendidikan Vokasional*, Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia, 2011, hlm. 14-15. Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1 hingga Tahap 3, Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) merupakan lima kelayakan daripada Sistem Pensijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) yang diperkenalkan pada tahun 1993. Lihat *Perburuan di Malaysia*, Putrajaya: Kementerian Sumber Manusia, 2007, hlm. 137-138.

⁹ *Pelan Strategik Universiti Kuala Lumpur, 2006-2010*, hlm.6-7. Rujuk juga *Dokumen Penubuhan UniTEK-MARA*, hlm. 7.

¹⁰ Menurut Kongres Ekonomi Bumiputera Keempat, penyertaan pelajar Bumiputera yang kurang dalam aliran Sains telah menyebabkan bidang-bidang profesional seperti perubatan, kejuruteraan dan arkitek lebih dimonopoli oleh kalangan bukan Bumiputera. *Kongres Ekonomi Bumiputera Keempat, Cabaran Milenium Baru*, Kuala Lumpur 10-11 September 1999, Kementerian Pembangunan Usahawan, Dewan Perniagaan Melayu Malaysia.

Dasar Ekonomi Baru (DEB) untuk membentuk masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera masih belum tercapai.¹¹

Penyusunan semula Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) dijalankan untuk memastikan penglibatan yang berkesan golongan Bumiputera dalam sektor moden.¹² Matlamatnya agar dalam tempoh satu generasi, Bumiputera dapat memiliki dan menguruskan sekurang-kurangnya 30% daripada semua kegiatan perdagangan dan perindustrian negara. Apa yang tercapai ialah seperti jadual di bawah:

Jadual 6.2: Pencapaian Dasar Ekonomi Baru, 1970-1990

Kadar Kemiskinan	1970 (Matlamat)	1990 (Pencapaian)
Semenanjung Malaysia	49.3%	17.0%
Sabah	-	34.3%
Sarawak	-	21.0%
Malaysia	-	17.0%
Hak Milik Saham	1970	1990
Bumiputera	2.4%	30.0%
Bukan Bumiputera	34.3%	40.0%
Rakyat Asing	63.3%	30.0%
Syarikat Calon	2.0%	8.4%

Sumber: *info.mohr.gov.my* (tarikh diakses 20 Oktober 2010).

¹¹ Kongres Ekonomi Bumiputera Ketiga diadakan pada 10 Januari 1990. Di antara resolusinya adalah menjadikan sains dan teknologi sebagai asas masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera.

¹² Profesor Dr. Anuar Ali menyatakan ekonomi Malaysia yang terbuka perlu mempunyai kecekapan pengeluaran untuk bersaing di pasaran antarabangsa. Pada masa tersebut, daya saing masyarakat Bumiputera masih berada pada tahap yang rendah. Oleh itu, adalah sukar untuk bersaing di peringkat antarabangsa. Pembangunan keusahawanan dan kemahiran masyarakat Bumiputera perlu dibangunkan secara berterusan. Lihat "Rancangan Pembangunan Lima Tahun Malaysia: Penilaian, Pendekatan dan Keberkesanan", hlm. 1-15, dalam *Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB): Satu Penilaian Kembali dan Langkah-langkah Ke Hadapan*, Kuala Lumpur: Dewan Perniagaan Melayu Malaysia, 1995. Manakala menurut pandangan Kamaruddin M. Said, kemiskinan orang Melayu yang cuba dibasmi oleh DEB adalah kesan sejarah penyisihan orang Melayu daripada terlibat dalam perkembangan ekonomi pasaran sejak permulaan era penjajahan British. Dalam sektor ekonomi pasaran domestik, golongan bukan Bumiputera terus mengungguli sektor berkenaan sejak penghujung abad ke-19. Lihat Kamaruddin M. Said, "Perlembagaan dan Pembinaan Bangsa Malaysia: Satu Pandangan Sosiologi", Dewan Budaya, Jun 1992 dalam Simposium Dasar Pelajaran Malaysia. S. P. Prof. Dato' Nik Anuar Bin Nik Mahmud.

Data dalam Jadual 6.2 jelas menunjukkan bahawa pemilikan saham yang wujud hanyalah sebanyak 17%. Malah, kadar kemiskinan yang wujud pada tahun 1990 adalah sebanyak 17.1% berbanding dengan 49.3% pada tahun 1970.¹³

Modal insan merupakan aset yang dominan bagi sesebuah negara yang sedang membangun. Oleh itu, pembangunan modal insan memainkan peranan penting dalam menjana dan meningkatkan pencapaian ekonomi negara. Teori modal insan mengatakan bahawa semakin tinggi taraf pendidikan dan latihan yang dimiliki oleh seseorang, maka semakin produktif individu tersebut dan keadaan ini mewujudkan hubungan yang positif antara taraf pendidikan dengan pendapatan dan akhirnya menyumbang kepada pertumbuhan sistem ekonomi negara.¹⁴ Ini bermakna keutuhan sesebuah organisasi sangat bergantung kepada produktiviti yang dihasilkan oleh modal insan yang efisien. Namun, modal insan hanyalah menjadi aset berharga bagi sesebuah organisasi dan negara sekiranya tahap kecekapan, kemahiran, sikap serta pengetahuan modal insan dibangunkan adalah selaras dengan keperluan organisasi dan negara tersebut.¹⁵

Sejak pelancaran Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2) dari tahun 1991-2000, modal insan telah diberikan tumpuan khusus supaya dapat dibangunkan sejajar dengan kehendak dan keperluan pertumbuhan ekonomi negara.¹⁶ Kaedahnya adalah melalui strategi mempertingkatkan dan memperbaiki secara berterusan program

¹³ Siti Hadijah Che Mat, Fauzi Hussin dan Mohd Razani Mohd Jali, *Ekonomi Malaysia*, Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2003, hlm. 17. Lihat juga tulisan Kevin Young "The New Economic Policy and Long-term Development Issues", hlm. 61, dalam Kevin Young, Willem C.F. Bussink and Parvez Hasan (eds.), *Growth and Equity in a Multiracial Society*, Washington D.C: The World Bank, 1980.

¹⁴ Sufean Hussin dan Norliza Zakuan, *Dasar Modal Insan, 60:40 dalam Sains & Teknologi*, Kuala Lumpur: Tinta Publishers, 2009, hlm. 6.

¹⁵ Yahya Ibrahim dan Abd Hair Awang, *Pembangunan Modal Insan Isu dan Cabaran*, Bangi: UKM, 2008, hlm. 13.

¹⁶ Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2) yang merangkumi tempoh masa 1991-2000 telah digubal berasaskan kepada dasar yang dikenali sebagai Dasar Pembangunan Baru (DPB). DPB akan memperkukuhkan lagi pencapaian di sepanjang RRJP1 bagi mempercepatkan proses pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat dalam usaha untuk memperbaiki ketidakseimbangan sosial dan ekonomi. Ia merupakan satu rangka dasar yang lebih luas bagi mencapai matlamat sosioekonomi untuk tempoh 10 tahun yang akan datang dalam konteks perkembangan ekonomi yang pesat. Ketika penggubalan DPB, kerajaan telah mempertimbangkan pandangan dan cadangan daripada pelbagai pihak termasuk Laporan Majlis Perundangan Ekonomi Negara mengenai dasar negara selepas 1990. Lihat *Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua 1991-2000*, Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1991, hlm. 3. Tempoh di awal 1990-an merupakan era Persyarikatan Malaysia-Pendekatan Kerjasama Sektor Awam dan Swasta. Rangka Rancangan Jangka Panjang II (RRJP II) 1991 hingga 2000 dan Rangka Rancangan Jangka Panjang III (RRJP III) 2001 hingga 2010. Lihat *Perburuan di Malaysia*, Putrajaya: Kementerian Sumber Manusia, 2007, hlm. 36.

dan kemudahan pendidikan dan latihan untuk memenuhi kehendak kemahiran yang sering berubah.¹⁷ Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam misalnya, beberapa langkah telah digariskan supaya modal insan dapat memberi sumbangan optimum kepada pertumbuhan ekonomi negara.¹⁸ Kajian Bank Dunia mendapati pada akhir tahun 1980-an dan awal 1990-an, tahap kemahiran dalam industri pembuatan di Malaysia telah mengalami penurunan yang agak besar. Isu utama yang membawa kepada masalah ini berkait rapat dengan kekurangan modal insan yang berpengetahuan dan berkemahiran selaras dengan keperluan ekonomi.¹⁹ Dalam tempoh ini, berlaku masalah kekangan tenaga kerja yang jelas menunjukkan kegagalan sistem pembangunan dan perancangan modal insan.²⁰

Malaysia menghadapi masalah kekurangan tenaga kerja yang sangat ketara terutama sekali dalam bidang-bidang profesional dan teknikal sehingga menyebabkan ekonomi menjadi kaku.²¹ Sistem ekonomi menjadi lambat untuk beralih kepada aktiviti pengeluaran yang bersifat intensif modal kerana kekangan modal insan.²² Akibatnya,

¹⁷ Dalam pembangunan sumber manusia, MARA antara lain bertanggungjawab untuk memastikan kemahiran tenaga kerja adalah bersesuaian dengan permintaan akibat pembangunan teknologi yang pesat. Oleh itu, MARA berusaha untuk menjalankan pengawasan dan kajian semula yang lebih kerap dan rapi terhadap kurikulum pendidikan dan latihan, menambahkan kemudahan latihan dan meningkatkan kualiti guru, menyediakan latihan pedagogi kepada pensyarah dan tenaga pengajar, menggalakkan latihan semula tenaga kerja dan latihan berasaskan industri bagi melengkapkan mereka dengan kemahiran khusus dan terkini disamping meningkatkan kualiti dan keupayaan menyesuaikan diri, menggalakkan publisiti yang luas terhadap latihan kemahiran yang dikendalikan oleh institusi latihan awam melalui media massa. Rujuk *Kenyataan Dasar RRP2 dan RM6: Pelaksanaan Dasar dan Program*, Kuala Lumpur: Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri, 1991.

¹⁸ Kerajaan memberikan penekanan yang lebih kepada pendidikan dan latihan dalam RMK6 kerana ia memberikan sumbangan yang penting kepada matlamat Dasar Pembangunan Nasional. Di antara langkah-langkah yang dilaksanakan oleh kerajaan ialah dengan meningkatkan mutu pendidikan dan latihan serta menghasilkan satu sistem penyampaian yang lebih berkesan bagi membolehkan golongan berpendapatan rendah dan mereka yang berada di kawasan-kawasan mundur mendapat lebih banyak peluang dan latihan. Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM 8,501 juta dalam RMK6 dibawah "Peruntukan Pembangunan bagi Pendidikan dan Latihan, 1986-95". Lihat *Rancangan Malaysia Keenam, 1991-1995*, Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1991, hlm. 173-201.

¹⁹ Sebagai contoh, dalam sudut kemakmuran negara, negara ekonomi berpendapatan tinggi seperti Perancis, Finland, Jerman, Korea Selatan dan Singapura tidak bergantung kepada hasil bumi tetapi dijana oleh rakyatnya yang berilmu, berkemahiran dan mempamerkan watak profesional dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan. *Pelan Strategik Tranformasi Pendidikan Vokasional*, hlm. 25.

²⁰ Dengan bertambahnya permintaan terhadap kemahiran kesan daripada pertumbuhan perindustrian yang pesat, kerajaan melihat kepentingan sistem melatih tenaga mahir yang sedia ada diperbaiki untuk membolehkan penyesuaian yang lebih berkesan dan selaras dengan keperluan permintaan tersebut. *Rancangan Malaysia Keenam, 1991-1995*, hlm. 163.

²¹ Latihan untuk tenaga manusia mahir dan separuh mahir telah meningkat dalam tempoh dua dekad (sekitar 1970-1990) tetapi berbanding dengan permintaan, penawaran masih tidak dapat memenuhi permintaan. Dalam tempoh 1970-1980, seramai kira-kira 87,000 orang telah dilatih di institusi-institusi latihan awam dan seramai 108,000 orang untuk tempoh 1986-1990. Chamhuri Siwar, Mohd. Yusof Kasim dan Abdul Malik Ismail, *Ekonomi Bumiputera Selepas 1990*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1992, hlm. 176. Rujuk Bab "Keperluan Kemahiran Kritis dan Sumber Tenaga Manusia Selepas 1990, Implikasi dan Cabaran ke atas Bumiputera", oleh Zainal Aznan Yusof, hlm. 160-198.

²² Lihat *Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Latihan, Latihan Untuk Pembangunan Perindustrian, Cabaran Sembilan Puluhan*, Kuala Lumpur: Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri & Kementerian Pendidikan Malaysia, 1991, hlm. 27-47.

berlakulah kemasukan secara besar-besaran buruh asing bagi menampung kekurangan pekerja di Malaysia.

Suatu usaha untuk meningkatkan bilangan gunatenaga peringkat atasan perlu dilakukan kerana modal insan sedia ada dari kumpulan pelajar cemerlang SPM adalah terhad. Melalui Rajah 6.1, sumber yang mungkin boleh diperolehi adalah daripada kumpulan sederhana SPM iaitu kumpulan yang tertinggi bilangannya berbanding kumpulan lain. Walau bagaimanapun, peluang pendidikan untuk kumpulan ini adalah amat terhad dan terhenti hingga ke tahap diploma sahaja. Seharusnya, mereka yang cemerlang di peringkat diploma ini wajar diberi peluang untuk mengikuti pengajian ijazah di bidang masing-masing. Namun, pelajar kekurangan peluang di mana kebanyakan kursus yang ditawarkan di peringkat ijazah memerlukan pencapaian akademik SPM yang baik. Meskipun pelajar ini memiliki diploma tetapi mereka adalah daripada aliran vokasional dan kelayakan ikhtisas SPM mereka adalah amat rendah. Oleh yang demikian, peluang mereka ke menara gading terjejas.

Senario ini berbeza di luar negara di mana laluan kerjaya bagi bidang kemahiran adalah lebih terbuka. Kebanyakan universiti di Amerika Syarikat yang mengamalkan falsafah “pendidikan untuk semua” juga menawarkan program ijazah akademik dan bukan akademik. Misalnya di Kanada, bagi program teknikal yang tidak bersifat akademik dikenali sebagai program teknologi. Ia bagi membezakan antara program kemahiran dan yang bersifat akademik.²³ Di United Kingdom misalnya, pihak kerajaan memberi tumpuan paling khusus kepada kemahiran teknikal dengan meningkatkan taraf politeknik ke tahap universiti. Begitu juga di Amerika Syarikat dan Kanada yang menunjukkan peratus kemasukan bagi jurusan teknikal yang lebih tinggi berbanding

²³ *Dokumen Penubuhan UniTEK-MARA*, hlm.11.

bidang akademik. Tidak kurang juga di Jerman dan Taiwan yang masing-masing menunjukkan nisbah kemasukan 60:40 dan 70:30.²⁴

Program latihan merupakan komponen kedua terpenting dan menjadi pelengkap kepada sistem pendidikan formal. Latihan memberikan pengetahuan dan kemahiran yang lebih khusus dan berorientasikan pekerjaan untuk meningkatkan daya pengeluaran pekerja. Secara keseluruhannya, institusi latihan swasta mengeluarkan 40% daripada tenaga kerja mahir dan separuh mahir negara.

6.3 Penubuhan Kolej MARA

Penghujung tahun 1985, telah lahirnya keperluan untuk menubuhkan sebuah Kolej MARA bagi menampung pengajian pelajar lepasan SPM.²⁵ Penubuhan MRSM yang kian pesat telah memberi impak lahirnya pelajar cemerlang dalam bidang sains dan teknologi dengan begitu ramai sekali.²⁶ Lambakan pelajar yang cemerlang ini agak merunsingkan pihak MARA apabila mereka ini menghadapi kesukaran untuk meneruskan pengajian di peringkat yang lebih tinggi. Ini disebabkan tempat yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan bagi program lepasan SPM seperti Matrikulasi adalah amat terhad. Ia hanya mampu menampung sebilangan pelajar sahaja. MARA memandang serius masalah ini memandangkan ia akan merugikan masa depan anak Melayu yang mendambakan peluang untuk memasuki universiti. Jadual 6.3 menunjukkan jumlah pelajar Tingkatan 5 yang dihasilkan oleh MRSM dari tahun 1976 hingga 1982.

²⁴ *Berita Harian*, 13 September 2001.

²⁵ Hal ini selari dengan strategi Bahagian Latihan dan Pendidikan MARA dalam Rancangan Malaysia Keempat yang antara lain mewujudkan kemudahan-kemudahan persekolahan menengah dan prauniversiti di maktab-maktab rendah sains dengan menitikberatkan pengajian-pengajian sains, perdagangan dan pengajian bahasa-bahasa asing, disamping memupuk nilai-nilai kemasyarakatan yang membina. BK/MARA16/7. Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985), Bahagian 'D' dan 'E'; Objektif, Strategi, Skop dan Program Perbelanjaan Pembangunan, Bahagian 'F'; Keupayaan Perlaksanaan, Buku 3, Rancangan Malaysia Keempat 1981-1985, Bahagian Latihan dan Pendidikan, hlm. 2.

²⁶ "Kejayaan MRSM Jangan Sampai Melalaikan Tugas Guru-guru", Rahim Bakar, hlm. 18, dalam *AlamMARA*, Bil. 2, Mac/April 1983, Bilangan 1-4, Januari-Disember 1983.

Jadual 6.3: Jumlah Pelajar di MRSM, 1976-1982

Tahun	MRSM Seremban	MRSM Kota Bahru	MRSM Kelantan	MRSM Kulim	MRSM Kuala Terengganu	Jumlah
1976	148	-	-	-	-	148
1977	204	148	-	-	-	352
1978	112	124	124	-	-	360
1979	134	118	99	-	-	351
1980	49	145	115	-	-	309
1981	148	150	49	149	-	496
1982	-	148	150	159	152	609

Sumber: Fail Jabatan Ketua Pengarah TKP 250/6.

Seperti kebiasaannya, para pelajar yang tamat peperiksaan SPM akan ditaja dengan biasiswa untuk melanjutkan pengajian sama ada di luar negara mahupun tempatan. Walau bagaimanapun, disebabkan terlalu ramai pelajar yang dihasilkan dari tahun ke tahun telah mengakibatkan MARA tidak dapat memberikan biasiswa kepada semua pelajarinya.²⁷ Ini secara tidak langsung telah mengakibatkan kesukaran pelajar untuk meneruskan pengajian di peringkat seterusnya. Salah satu peluang yang ada adalah dengan melanjutkan pelajaran ke Tingkatan Enam. Walau bagaimanapun, sekali lagi timbul kesukaran apabila kementerian menetapkan dasar mengutamakan para pelajar dari sekolah kementerian terlebih dahulu berbanding dengan pelajar MARA yang dianggap sebagai calon persendirian.

²⁷ Sejak pelancaran Rancangan Malaysia Pertama dari tahun 1966 hingga Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985), tidak kurang daripada 16,000 orang pelajar Bumiputera telah memperoleh faedah pemberian biasiswa dan pinjaman pelajaran daripada MARA. Secara purata, lebih kurang 1,000 orang pelajar Bumiputera ditaja oleh MARA saban tahun. Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985), Bahagian Latihan dan Pendidikan (Biasiswa & Pinjaman Pelajaran) dan (Maktab Rendah Sains MARA) Buku 4, Vol. I, hlm. 1.

Permohonan pelajar MRSM akan hanya dipertimbangkan setelah semua pelajar sekolah kementerian mendapat tempat untuk pengajian mereka. Keadaan ini telah menyebabkan para pelajar MRSM mula belajar lebih lewat berbanding pelajar lain. Kesan negatif yang timbul ialah para pelajar MRSM agak ketinggalan dalam pelajaran berbanding dengan yang lain. Mereka juga akan ditawarkan ke sekolah-sekolah yang kurang baik berbanding dengan pelajar sekolah kementerian.

Para pelajar MRSM juga menghadapi masalah menyesuaikan diri dengan sistem pendidikan sekolah kerajaan kerana ia jauh berbeza dengan sistem yang diamalkan oleh MRSM. Oleh yang demikian, ramai pelajar MRSM mengalami kemerosotan dalam pelajaran malah ada yang gagal. Ini merugikan MARA kerana gagal menyalurkan pelajarnya ke tempat yang lebih baik. Masalah ini hanya dapat diatasi sekiranya MARA menubuhkan pusat prauniversiti. Maka timbullah idea untuk mewujudkan program prauniversiti sendiri yang akan memuatkan pelajar MRSM.²⁸

Dengan adanya program sendiri bermakna mereka secara langsung dapat memastikan para pelajar MRSM berjaya meneruskan pengajian di peringkat yang lebih tinggi.²⁹ Mereka dapat menjurus pada bidang yang diminati serta lebih fokus dengan kurikulum yang disediakan. Tenaga pengajar yang diserapkan adalah dalam kalangan guru MRSM. Guru yang mempunyai kelayakan ikhtisas yang tinggi akan dipindahkan ke sini untuk menjayakan semua program prauniversiti ini. Jadual 6.4 menunjukkan jumlah pelajar di pusat pengajian prauniversiti.

²⁸ Majlis Amanah Raayat (MARA), Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985), Rengkasannya Buku 1, Program-program MARA, hlm. 18.

²⁹ Kemudahan-kemudahan persekolahan menengah dan prauniversiti di MRSM turut menitikberatkan pengajian-pengajian sains, perdagangan dan pengajian bahasa-bahasa asing, disamping memupuk nilai-nilai kemasyarakatan yang membina. Majlis Amanah Rakyat (MARA), Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985). Rancangan Malaysia Keempat 1981-1985, Bahagian Latihan dan Pendidikan, Bab III, Strategi, hlm. 2.

Jadual 6.4: Jumlah Pelajar MRSM yang Sedia Ada Berbanding Pelajar yang Memasuki Prauniversiti

Tahun	Bilangan Pelajar MRSM yang Ada	Bilangan Diterima Masuk ke Pusat-pusat Prauniversiti
1980	309	185
1981	496	298
1982	609	365
1983	600	360
1984	750	450

Sumber: Fail Jabatan Ketua Pengarah, (TKP 250/6).

Jadual di atas jelas menunjukkan jumlah pelajar di MRSM yang mendapat tempat untuk mengikuti kursus prauniversiti adalah hanya separuh sahaja daripada jumlah keseluruhannya. Ini bermakna, hampir separuh daripada pelajar akan tercicir dan tiada peluang untuk menyambung pengajian. Kerugian ini begitu ketara dan MARA mengambil jalan mengatasi masalah ini dengan menubuhkan Kolej MARA.

Pada peringkat permulaan, kolej MARA diwujudkan dengan menaik taraf MRSM yang sedia ada. Kolej MARA Seremban merupakan satu-satunya pusat matrikulasi yang terletak di Seremban iaitu ibu negeri kepada Negeri Sembilan. Pada awal penubuhan, Kolej MARA Seremban yang dahulunya dikenali sebagai MRSM Seremban telah menjalankan program pendidikan menengah. Pada tahun 1985, program pendidikan menengah telah digantikan dengan program *A-Level* iaitu program persediaan bagi para pelajar yang ingin belajar di luar negara.

Serentak dengan itu juga, MRSM Kulim telah mula memperkenalkan program matrikulasi pada tahun 1991. MRSM Kulim telah dinaik taraf menjadi kolej pada Februari 1994 manakala MRSM Seremban dinaiktaraf ke tahap kolej pada tahun 1992. Pada tanggal 3 Februari 1994, atas arahan ibu pejabat MARA, Kolej MARA Sains Seremban telah ditukar namanya kepada Kolej MARA Seremban. Bermulalah peranan Kolej MARA Seremban dan Kulim sebagai kolej yang menawarkan kursus prauniversiti. Berikut merupakan program-program yang dijalankan di Kolej MARA Seremban dan Kolej MARA Kulim.

Jadual 6.5: Jenis Program yang Ditawarkan di Kolej MARA Kulim, 1984 Hingga 2006

Jenis Program	Tahun
Matrikulasi Universiti Sains Malaysia	1985-1991
Matrikulasi Universiti Kebangsaan Malaysia	1985-1991
Matrikulasi Universiti Utara Malaysia	1985-1994
Matrikulasi Universiti Putra Malaysia	1988-2000
Matrikulasi Universiti Malaysia Sabah	1995-2000
Kursus Persediaan Universiti Teknologi Malaysia	1995-2004
Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia	2000 hingga kini
Kursus Persediaan UniKL(FIST UniKL)	2004-2010

Sumber: Laporan Kolej MARA, Bahagian Pendidikan Tinggi MARA, 2000.

Jadual 6.6: Jenis Program yang Telah Ditawarkan di Kolej MARA Seremban

Jenis Program	Tahun
Matrikulasi UKM bersama program menengah	1978
Program GCE A-Level	1985
Ijazah <i>Northern Consortium University United Kingdom</i> (NCUK) pula dijalankan.	1988
Matrikulasi Universiti Kebangsaan ditawarkan semula	1992
Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	2000
Program <i>International Baccalaureate</i> (IB) pula ditawarkan.	28 Jun 2005 hingga kini

Sumber: Laporan Kolej MARA, Bahagian Pendidikan Tinggi MARA, 2000.

Sebuah lagi kolej MARA ditubuhkan dan diberi nama Kolej MARA Banting. Sejarah Kolej MARA Banting bermula seawal tahun 1985 dengan menumpang di MRSM Seremban bagi tujuan menyediakan pelajar MRSM untuk program *GCE A-Level*. Program tersebut merupakan program persediaan untuk kemasukan pelajar ke universiti di luar negara. Bagi mempelbagaikan bilangan universiti yang boleh disertai oleh pelajar, pada tahun 1991, kolej ini telahpun memperkenalkan satu lagi program prauniversiti yang baru iaitu program *International Baccalaureate* (IB) setelah mendapat pengiktirafan dari *International Baccalaureate Organisation* bagi menjalankan program tersebut.³⁰

Bagi menampung keperluan program dan pelajar yang bertambah, kolej ini telahpun diubah ke lokasi baru seluas 84 ekar iaitu lokasi yang digunapakai sekarang. Maka bermula dari tanggal 1 Julai 1992, kolej ini beroperasi di lokasi baru dengan

³⁰ Sistem pengajian *International Baccalaureate* (IB) merupakan kursus di peringkat universiti yang memakan masa dua tahun selepas tamat Tingkatan Lima. Berbanding kursus-kursus Tingkatan Enam (HSC/STP), kursus IB lebih menguntungkan dari sudut mata pelajaran yang diwajibkan yang meliputi kajian manusia dan bersifat lebih liberal manakala kursus Tingkatan Enam Sains biasanya terhad kepada subjek sains dan matematik sahaja. Kursus IB juga dapat dikelola dengan penggunaan Bahasa Inggeris. Kursus Tingkatan Enam tidak lagi menggunakan Bahasa Inggeris selepas tahun 1981. Oleh itu, lulusan IB adalah lebih sesuai untuk diterima oleh pusat pengajian tinggi di luar negara. Selain itu, lulusan IB lebih mendapat pengiktirafan di luar negara. BK/MARA 16/7. Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985), Bahagian 'D' dan 'E'; Objektif, Strategi, Skop dan Program Perbelanjaan Pembangunan. Bahagian 'F'; Keupayaan Perlaksanaan. Buku 3. Lampiran C, Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985) Cawangan Maktab Rendah Sains MARA, hlm. 3.

menggunakan nama MRSM Banting dengan pelajar seramai 71 orang pelajar *International Baccalaureate* dan 310 orang pelajar *GCE A-Level*. Pada tahun 1994, nama kolej ini telah ditukar kepada nama yang baru iaitu Kolej MARA Banting sehinggalah sekarang. Kolej MARA Banting mempunyai seramai 36 kakitangan di Bahagian Pentadbiran dan 85 orang guru yang bertauliah di Bahagian Akademik. Jumlah keseluruhan kakitangan di kolej ini ialah seramai 121 orang. Mulai dari bulan Mei 2003 Kolej MARA Banting telah menjadi *IB World School* sepenuhnya. Sebelum ini Kolej MARA Banting mengendalikan dua program iaitu IB dan Matrikulasi. Kini bilangan pelajar IB telah mencecah kepada 663 orang pelajar terdiri daripada pelajar IB Tahun 1 sesi 2008/2010 seramai 325 orang pelajar dan pelajar IB Tahun 2, Sesi 2007/2009 seramai 338 orang pelajar.³¹

Kolej keempat yang ditubuhkan ialah Kolej MARA Kuala Nerang. Kolej MARA Kuala Nerang telah memulakan operasi dan misi utamanya dalam mendidik anak bangsa pada 1 Disember 1994. Pembinaannya telah menelan belanja sebanyak RM 16 juta di dalam kawasan seluas 36 ekar yang terdiri daripada blok pentadbiran, blok akademik dan blok asrama. Sehingga kini, Kolej MARA Kuala Nerang berkeupayaan menampung seramai 600 pelajar pada setiap sesi pengajian. Kolej ini mengendalikan sebanyak dua buah program iaitu program Matrikulasi Universiti Utara Malaysia iaitu antara 1995 hingga 2000 dan juga program Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia dalam bidang perakaunan iaitu dari tahun 2000 hingga 2006.³²

³¹ Laporan Kolej MARA, Bahagian Pendidikan Tinggi MARA, 2000.

³² Ibid.

6.4 Program *International Baccalaureate*

Program ini merupakan program di peringkat diploma yang dikendalikan oleh *International Baccalaureate Organisation* (IBO). IBO merupakan sebuah badan bukan kerajaan (NGO) yang beribu pejabat di Geneva, Switzerland. Walau bagaimanapun, pejabat yang menguruskan hal-hal peperiksaan dan kurikulum (IBCA) terletak di Cardiff, United Kingdom. Program ini diasaskan pada tahun 1968. Program ini digubal khusus untuk pelajar yang bermotivasi tinggi berumur diantara 16 dan 19 tahun. Program ini bertaraf diploma dengan tempoh pengajian selama dua tahun. Pelajar yang mengikuti program IB ini adalah merupakan pelajar yang paling cemerlang di peringkat SPM. Secara umumnya, program IB ini adalah program bertaraf antarabangsa dan turut ditawarkan di seluruh dunia.

Kurikulumnya mempunyai pendekatan menyeluruh, mencabar dan merangsang intelektual pelajar. Ia mengandungi latihan formal dan penerapan nilai kemahiran kritis agar mampu membuat penilaian. Keistimewaan program ini ialah kerana kaedah penilaiannya yang mantap serta sistem penilaian yang terperinci. Kursus ini juga menjadi platform utama bagi pemegang diploma ini untuk melanjutkan pengajian ke universiti-universiti terkemuka dunia. Terdapat tiga bahasa pengantar yang utama bagi program ini iaitu Bahasa Inggeris, Perancis dan Sepanyol. Walau bagaimanapun, Kolej MARA Banting memilih Bahasa Inggeris sebagai medium utama pembelajaran. Program ini mengambil masa selama dua tahun dan kemasukan dilakukan setiap bulan Jun. Terdapat seramai 94 pensyarah yang bertauliah lagi berpengalaman mengajar program *International Baccalaureate* ini. Jadual 6.7 menunjukkan perbandingan purata mata yang terkumpul di bawah kursus IB antara Kolej MARA Banting dan purata mata dunia.


Jadual 6.7: Perbandingan Purata Mata Bagi Kursus IB

Tahun	Purata Mata KM Banting	Purata Mata Dunia
2006	37.8	29.89
2005	37.55	30.09
2004	38.1	30.14
2003	38.71	30.26
2002	38.93	30.29
2001	41.17	30.16
2000	37.01	30.27

Sumber: Laporan Kolej Mara, Bahagian Pendidikan Tinggi MARA, 2000.

Jadual di atas menunjukkan purata mata bagi Kolej MARA adalah mengatasi purata mata dunia. Jelas di sini bahawa Kolej MARA Banting mengatasi paras purata mata dunia. Misalnya pada tahun 2006, paras mata dunia yang diperoleh ialah sebanyak 29.89%. Kolej MARA Banting telah melepasi tahap yang diharapkan dengan memperoleh 37.8%.³³ Malah kecemerlangan pencapaian ini adalah berturut-turut bagi setiap tahun dan ini merupakan suatu yang amat membanggakan kerana kejayaan ini meletakkan Kolej MARA Banting sebagai antara pusat pendidikan terbaik di peringkat antarabangsa.

³³*Utusan Malaysia*, 2 September 2009.



Rajah 6.2: Perbandingan Purata Antara Kolej MARA dan Purata Mata Dunia.

Sumber: Laporan Kolej MARA, Bahagian Pendidikan Tinggi MARA, 2000.

Rajah di atas menunjukkan bahawa dari tahun 2000 hingga 2006, Kolej MARA telah berjaya mengatasi purata mata dunia. Ini melayakkan Kolej MARA diiktiraf sebagai institusi pendidikan bertaraf antarabangsa. Malah Kolej MARA Banting telah mendapat pujian hebat dari Pengarah IB Asia-Pasifik, John Goodban. Beliau telah mengucapkan tahniah dan menyatakan bahawa pencapaian ini bukan sahaja cemerlang tetapi terbaik di dunia kerana belum ada mana-mana institusi yang mengendalikan program IB ini berjaya mencapai keputusan sebegini.³⁴ Dalam peperiksaan tahun 2002 misalnya, kesemua 127 calon Kolej MARA Banting berjaya memperoleh kelulusan 100% dengan skor diploma purata 39 mata daripada skor maksimum 45 mata. Malah skor gred subjek individu mencatatkan 6.23 berbanding gred maksimum tujuh.³⁵ Kejayaan ini telah dikongsi bersama dengan Tun Dr. Mahathir yang ketika itu menjadi Perdana Menteri.

³⁴ Rujuk surat Regional Director IB Asia Pacific, John Goodban kepada Pengarah Kolej MARA Banting, En. Matias De Fernandez bertarikh 16 Julai 2002 dalam fail peribadi En Matias.

³⁵ Ibid.

Pencapaian ini adalah suatu yang begitu membanggakan kerana ia berjaya membuktikan bahawa pelajar Melayu mampu mengatasi pelajar lain di serata dunia.³⁶ Kertas ujian yang diduduki oleh pelajar adalah seragam dan menggunakan bahasa pengantar Bahasa Inggeris malah disemak di Switzerland. Kejayaan Kolej MARA menduduki tangga teratas sekaligus menampakkan kejayaan MARA dalam melahirkan cendekiawan terkemuka di serata dunia. Sebanyak 726 buah institusi telah mendaftar untuk menduduki peperiksaan IB. Seramai 19,267 orang pelajar telah menduduki peperiksaan IB. Daripada jumlah tersebut, seramai 127 orang pelajar dari Kolej MARA Banting telah menduduki peperiksaan IB bagi tahun 2002 dan seramai 110 orang telah menerima tawaran untuk mengikuti bidang perubatan di universiti terkemuka seluruh dunia termasuklah Ireland, United Kingdom, Australia dan New Zealand. Manakala seramai 13 orang yang lain telah mengikuti bidang kejuruteraan.³⁷ Jadual 6.8 menunjukkan penempatan pelajar bagi tahun 2002.

Jadual 6.8: Jumlah Pelajar Kolej MARA Banting yang Melanjutkan Pelajaran dalam Bidang Perubatan dan Kejuruteraan Bagi Tahun 2002

Bil	Universiti di United Kingdom	Jumlah
1.	University of Cambridge	3
2.	University of Wales College of Medical	3
3.	University of Leicester	5
4.	University of Manchester	10
5.	University of Sheffield	5
6.	Queen Mary, University of London	6
7.	Queen's University, Belfast	9
8.	King's College London	1
9.	University College London	1
10.	University of Edinburgh	3
11.	University of Leeds	1
12.	University of Bristol	1

³⁶ Perkara ini adalah selari dengan kenyataan yang pernah dibuat oleh Tan Sri Dato' Wan Mohd. Zahid Mohd. Nordin (kini Pengerusi UiTM) pada tahun 1999 yang menyebut bahawa apabila anak bangsa Melayu benar-benar diberikan peluang, mereka menunjukkan bahawa mereka boleh mempelajari apa-apa sahaja. Menurut beliau lagi, ini bermakna 'kelemahan' anak bangsa Melayu selama ini bukanlah berkait dengan soal kebolehan atau bakat. Kebolehan atau bakat sememangnya sudah wujud dalam diri anak bangsa Melayu dan peluang perlu diberikan supaya mereka dapat menguasai bidang yang mereka pelajari. Lampiran 1 (b). Kertas 2. Pencapaian Bumiputera dalam Bidang Pendidikan oleh Y. Bhg. Tan Sri Dato' Dr. Wan Mohd. Zahid Mohd. Noordin, hlm. 27, dalam *Kongres Ekonomi Bumiputera Keempat, Cabaran Milenium Baru*.

³⁷ *New Straits Times*, 27 Ogos 2003.

Jadual 6.8, sambungan

Bil	Universiti di United Kingdom	Jumlah
13.	UNIVERSITI DI IRELAND	
14.	Irish University Medical Consortium	49
15.	UNIVERSITI DI AUSTRALIA	
16.	Monash University	13
	Jumlah	110

Sumber: Koleksi Peribadi En. Matias De Fernandez, 2003, MARA College Banting Malaysia, IB World School, A Case Study, hlm. 90-91.

Jadual 6.9: Jumlah Pelajar Kolej MARA Banting yang Melanjutkan Pelajaran dalam Bidang Kejuruteraan Bagi Tahun 2002

Bil	Universiti	Jumlah
1.	University of Sheffield	4
2.	University of Manchester Institute of Science and Technology	2
3.	University of Warwick	1
4.	University of Cardiff	2
5.	University of Bath	1
6.	University of Bristol	3
	Jumlah	13

Sumber: Koleksi Peribadi En. Matias De Fernandez, hlm. 90-91.

Jadual 6.9 menunjukkan universiti yang ditawarkan untuk pelajar sesi 2002. Seramai 110 orang pelajar telah ditawarkan melanjutkan pelajaran ke United Kingdom bagi mengikuti jurusan perubatan manakala seramai 13 orang pelajar telah mendapat tawaran melanjutkan pelajaran dalam bidang kejuruteraan. Kesemua universiti yang ditawarkan merupakan universiti terkemuka di dunia. Jelas di sini, peranan Kolej MARA Banting sebagai platform melahirkan bakal doktor dan jurutera tidak dapat disangkal lagi. Malah, Jabatan Perkhidmatan Awam sendiri telah merakamkan penghargaan di atas komitmen Kolej MARA dalam melahirkan pelajar yang cemerlang untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara.³⁸

³⁸ Surat Tan Sri Jamaluddin bin Hj Ahmad Damanhuri selaku Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam kepada Pengetua Kolej MARA Banting bertarikh 1 Oktober 2002.

6.5 Penubuhan Kolej Profesional MARA

Kolej Profesional MARA pada asalnya dikenali sebagai Institut Perdagangan MARA (IPM). Ia menawarkan pelbagai jenis kursus yang berlatar belakangkan perakaunan dan perniagaan. Operasinya bermula di Bangunan Sing Hoe Motor, Jalan Ipoh Kuala Lumpur pada tahun 1977. Pada Julai 1982, ia berpindah ke Bandar Tun Razak, Cheras. Apabila pusat pentadbiran MARA berpindah ke bangunan baru di Jalan Raja Laut, IPM telah mengambil alih lokasi bangunan MARA lama iaitu di Jalan Tuanku Abdul Rahman. Pada tahun 1993, IPM telah berpindah ke Wisma Sachdev (Bangunan Akademik) dan Wisma Thakurdas (Blok Pentadbiran) di Jalan Raja Laut.

Pada masa yang sama, IPM Melaka telah ditubuhkan, namun ia ditumpangkan di lokasi Kuala Lumpur sementara mencari lokasi yang sesuai. Pada bulan Jun 1994, IPM Melaka telah berpindah ke Jalan Hang Tuah, Melaka. Manakala, IPM Kuala Lumpur pula telah berpindah ke tapak yang baru di Lot 2333, Mukim Beranang, Selangor. Pada bulan November 1998, nama IPM telah ditukar kepada Kolej Profesional MARA.³⁹ Ini bermakna IPM Melaka dikenali sebagai Kolej Profesional MARA Melaka manakala IPM Kuala Lumpur dikenali sebagai Kolej Profesional MARA Beranang. Pemberian nama ini adalah mengikut nama lokasi kolej tersebut berada.

Perubahan nama ini adalah selari dengan perubahan visi, misi dan kursus yang akan ditawarkan di KPM. Oleh sebab perlunya ditingkatkan taraf bagi kursus yang bakal ditawarkan, MARA telah menaikkan taraf IPM daripada sebuah institut kepada sebuah kolej. Nama profesional telah diletakkan bagi menampakkan matlamat kolej yang menjurus untuk melahirkan graduan yang mempunyai ciri profesionalisme. Kolej Profesional MARA berwawasan untuk merealisasikan satu visi ke arah membentuk

³⁹ *Laporan Tahunan MARA 2004*, Majlis Amanah Rakyat (MARA), hlm. 168-169.

satu institusi pendidikan tinggi yang berkualiti bagi melahirkan masyarakat berilmu, berakhlak mulia, dinamis dan mempunyai ciri-ciri keusahawanan. Oleh sebab itu, setiap kursus yang ditawarkan akan diterapkan dengan daya kreativiti untuk menjadi seorang usahawan.

Sejajar dengan perubahan nama kepada Kolej Profesional MARA dan matlamat untuk melahirkan usahawan Bumiputera, kursus yang ditawarkan juga telah berubah. Sebagai permulaan, KPM memperkenalkan dua buah kursus sahaja iaitu *Diploma in Bussiness Studies* dan *Diploma in Accounting*. Namun, dari semasa ke semasa, telah berlaku penambahan kursus baru seperti kursus *HND Business in Technology*, *HND in Computing (Business Information Technology)*, *HND in Computing (Software Development)*, Program Intensif Persediaan, *Diploma in English Communication*, *Diploma in Agro Business*, *Diploma in Entrepreneurship* dan *Diploma in Islamic Banking and Finance*. Kursus-kursus yang ditawarkan ini telah mendapat pengiktirafan dari Lembaga Akreditasi Negara (LAN) dan diplamanya diperakui berkualiti dan setaraf. Kesemua subjek di KPM diajar dalam Bahasa Inggeris melainkan bagi subjek wajib LAN iaitu Pengajian Malaysia dan Pengajian Islam.⁴⁰

Sehingga tahun 2006, sebanyak empat buah KPM telah ditubuhkan iaitu KPM Beranang, KPM Bandar Melaka, KPM Indera Mahkota, Pahang dan KPM Seri Iskandar, Perak. Kursus yang ditawarkan juga telah bertambah. Malah kebanyakan kursus yang ditawarkan adalah hasil kerjasama dengan universiti di luar negara. Misalnya kursus *Diploma in English Communication* (DECom) digubal dengan kerjasama *University of South Australia* (UniSA) manakala program HND yang ditawarkan adalah program yang berdaftar secara langsung dengan Edexcel International

⁴⁰ Perkara tersebut bersesuaian dengan sistem pendidikan Malaysia yang bersifat bilingual khususnya selepas kerajaan meluluskan *Private Higher Education Act* atau Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 546) pada tahun 1996. Bahasa Inggeris dianggap sebagai bahasa yang penting untuk berjaya dalam globalisasi. Lihat Jahara Yahaya, Tey Nai Peng & Yeoh Kok Kheng (eds.), *Sustaining Growth, Enhancing Distribution: The NEP and NDP Revisited*, Kuala Lumpur: CEDER, 2003, hlm. 37-38.

di United Kingdom iaitu sebuah badan pertubuhan yang menganugerahkan sijil atau diploma. Kursus HND ini mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa. Malah, bagi menjamin kualiti kursus yang dijalankan, MARA telah melantik *Bradford School of Law and Business*, United Kingdom sebagai rakan kualiti bagi program HND di KPM Seri Iskandar. Manakala program HND di KPM Beranang dan Indera Mahkota dipantau oleh *External Verifier* yang dilantik oleh Edexcel.⁴¹

Jadual 6.10: Kedudukan Pelajar Kolej Profesional MARA Sehingga 31 Disember 2006

Bidang kursus	Pengambilan Pelajar 2006	Pelajar Semasa 31 Disember 2006	Pelajar Tamat Setakat 31 Disember 2006
<i>Diploma in Accountancy (DIA)</i>	246	592	1,209
<i>Diploma in Business Studies (DBS)</i>	185	417	866
<i>HND Business Information Technology (HND BIT)</i>	85	514	383
<i>Intensive Preparatory Programme (PIP)</i>	176	147	1431
<i>Diploma in Industrial Communication (DCom)</i>	101	229	124
<i>HND in Business & Marketing (HND BMK)</i>	95	294	-
<i>HND in Business and Computing (HND BCom)</i>	31	151	-
<i>HND in Business & e-Commerce (HND BeC)</i>	37	164	-
<i>Diploma in Entrepreneurship (DEN)</i>	73	150	-
<i>Diploma in Agro Business (DAB)</i>	47	84	-
<i>HND in Business & Computer Networking</i>	42	41	-
Jumlah	1,118	2,783	4,013

Sumber: *Laporan Tahunan MARA 2006*, Majlis Amanah Rakyat (MARA), hlm. 132-134.

⁴¹ *Laporan Tahunan MARA 2006*, Majlis Amanah Rakyat (MARA), hlm. 132.

Jadual 6.10 menunjukkan jumlah graduan bagi tahun 2006 bagi kesemua kursus yang ditawarkan. Kesemua graduan KPM adalah terdiri daripada Bumiputera sahaja. Secara keseluruhannya, MARA telahpun menjalankan kajian pengesanan graduan KPM bagi mengenalpasti hala tuju graduan KPM. Meskipun hanya sebilangan sahaja responden⁴² yang diguna pakai, namun ia secara tidak langsung dapat memberi gambaran tentang pencapaian mereka. Rajah berikutnya menunjukkan jumlah responden mengikut bidang pekerjaan.




Rajah 6.3: Jumlah Responden Mengikut Sektor Pekerjaan.

Sumber: Laporan Kajian Pengesanan Graduan Kolej Profesional MARA (Pelajar Ambilan 1997-2007), Unit Penyelidikan Seksyen Naziran dan Kualiti, Bahagian Pendidikan Tinggi MARA, November 2010, hlm. 12.

Rajah 6.4 menunjukkan jumlah responden mengikut bidang pekerjaan. Bidang pekerjaan utama yang mewakili responden terbesar ialah bidang pengkeranian dan juga profesional. Manakala tiada responden yang terlibat dalam bidang kraftangan dan operator kilang.


⁴² Kajian ini melibatkan seramai 351 orang responden yang terdiri daripada 243 orang perempuan manakala selebihnya lelaki. Kebanyakan dari responden ini adalah dari KPM Melaka dan KPM Beranang. Kebanyakan responden juga merupakan lulusan *Diploma in Accountancy* dan *Diploma in Bussiness Studies*. Kajian ini telah dikendalikan oleh Bahagian Pendidikan Tinggi MARA.



Rajah 6.4: Jumlah Responden Mengikut Bidang Pekerjaan.

Sumber: Laporan Kajian Pengesanan Graduan Kolej Profesional MARA (Pelajar Ambilan 1997-2007), hlm. 12.

Rajah 6.5 pula menunjukkan tahap pekerjaan responden yang telah direkodkan dalam kajian yang telah dilaksanakan.



Rajah 6.5: Taburan Peratus Tahap Pekerjaan Responden.

Sumber: Laporan Kajian Pengesanan Graduan Kolej Profesional MARA (Pelajar Ambilan 1997-2007), hlm. 13.

Berdasarkan kajian, Rajah 6.5 memperlihatkan bahawa seramai 45% responden terlibat dalam pekerjaan tahap pengurusan. Ini diikuti oleh tahap sokongan dan seterusnya tahap penyeliaan. Meskipun tahap akademik graduan KPM adalah di peringkat diploma, namun ada di antara mereka hanya layak menjawat jawatan peringkat sokongan. Hasil penyelidikan yang dijalankan menunjukkan bahawa seramai 72% responden menyatakan bidang pekerjaan mereka mempunyai kaitan dengan program pengajian yang diikuti di KPM. Jelas di sini menunjukkan kerelevanan program yang ditawarkan dan kepentingannya di alam pekerjaan. Malah kebanyakan responden berjaya meraih pendapatan bulanan sebanyak RM 1000-RM 2000 sebulan. Ada juga di antara mereka yang menyambung pengajian di peringkat yang lebih tinggi bagi meningkatkan lagi taraf pendidikan mereka.

6.6 Penubuhan Institut Kemahiran Tinggi MARA

Usul penubuhan Institut Kemahiran Tinggi MARA (IKTM) telah disuarakan pada tahun 1987 oleh MARA melalui kertas cadangannya kepada *Economic Planning Unit* (EPU). MARA telah menyuarakan rasionalnya penubuhan sebuah IKTM bagi membolehkan haluan kemahiran tidak tersekat. Sebelum ini, aliran kemahiran hanya terhad hingga ke tahap pertengahan dengan penubuhan GiatMARA⁴³ bagi tahap asas dan IKM bagi tahap pertengahan. Tiada saluran bagi pelatih IKM untuk meneruskan hala tuju mereka ke tahap yang lebih tinggi. Alasan ini mengakibatkan bidang kemahiran kurang mendapat perhatian dalam kalangan para pelajar mahupun ibu bapa. Aliran akademik mempunyai haluan hingga ke tahap tertinggi iaitu universiti tetapi tidak bagi aliran kemahiran. Alasan ini menjadi sebab utama MARA muncul sebagai perintis dalam mewujudkan peringkat kemahiran yang tertinggi yang menawarkan pendidikan di tahap

⁴³ Sila rujuk Bab 7 untuk maklumat mengenai GiatMARA dengan lebih lanjut.

diploma dan ijazah. Dengan adanya laluan baru ini membolehkan pendidikan kemahiran menjadi suatu alternatif dalam pemilihan kerjaya para pelajar.⁴⁴

Bermula tahun 1993, penubuhan IKTM telah dilaksanakan secara perlahan-lahan. Fungsi IKTM ini adalah sebagai institut yang menyediakan bentuk pendidikan secara menyeluruh dan memberi penekanan kepada penyediaan pendidikan berteraskan kemahiran teknikal.⁴⁵ Tumpuan pengajian adalah kepada pengkajian teori dan penguasaan kemahiran teknikal melalui pendekatan pengajaran bercorak aplikasi industri (*hands-on*). MARA menggunakan *technology provider* daripada negara-negara tertentu dalam membangunkan institut berkaitan. Dengan kaedah ini, pemindahan teknologi daripada negara yang berkenaan dapat dilakukan di negara ini. Pemindahan teknologi ini dilakukan dalam tempoh tiga hingga lima tahun melalui perjanjian yang telah ditandatangani. Negara-negara yang terlibat dalam pemindahan teknologi adalah Jerman, Perancis, Britain, Amerika Syarikat, Sepanyol dan Australia. Selain itu, kepakaran dalaman atau penggunaan *technology provider* tempatan juga digunakan.⁴⁶

Sehingga tahun 2006, terdapat sebanyak tujuh buah IKTM yang ditubuhkan. Kesemua IKTM ini telah beroperasi dengan menawarkan kursus yang berbeza. Setiap IKTM ini melaksanakan program di peringkat diploma dan diploma lanjutan. Sebagai pelengkap kepada program diploma yang dilaksanakan di semua IKTM, Universiti Kuala Lumpur ditubuhkan bagi melaksanakan program peringkat ijazah. Kesemua IKTM ini akan menjadi feeders kepada UniKL dan juga menjadi kampus cawangan atau

⁴⁴ Usul Pengujudatan Satu Institusi Kemahiran dan Teknologi Tinggi Perindustrian MARA, dalam Fail Perkara-perkara Berbangkit Dari Mesyuarat Majlis MARA, (SUM: 087 Ke-7), 20 April 1986.

⁴⁵ Malaysia mengalami masalah kekurangan buruh mahir. Keadaan ini dikhuatiri akan menjejaskan proses perindustrian negara ke arah mencapai Wawasan 2020. Masalah kekurangan buruh mahir dialami oleh hampir semua sektor ekonomi. Dalam sektor perkilangan, bidang kemahiran yang kerap mengalami masalah kekurangan buruh ialah Jurutera dan Juruteknik khususnya dalam bidang mekanikal, pengeluaran dan elektrik, Penyelia/Mandur, kemahiran pertukangan terutamanya Jurumesin, Pengimpal, Juruelektrik dan pemasangan, pengendali CAD-CAM dan pengendali mesin berkomputer. Sektor perkhidmatan pula mengalami kekurangan buruh mahir terutamanya dalam bidang pengurusan dan pegawai kanan. Lihat Fatimah Said dan Saad Mohd. Said, "Guna Tenaga: Perkembangan dan Masalah", dalam Mohd. Rosli Mohamad dan Mohamad Aslam Gulam Hassan (eds.), *Pembangunan Ekonomi Malaysia Era Globalisasi*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2000, hlm. 380.

⁴⁶ Laporan Kemajuan Projek IKTM untuk Jemaah Menteri, hlm. 1.

fakulti di bawah UniKL.⁴⁷ Dengan mengelompokkan kesemua IKTM ini di bawah sebuah universiti, hasrat MARA untuk meneroka laluan tertinggi untuk kemahiran dapat direalisasikan.

6.7 Malaysia France Institute (MFI)

Malaysia France Institute (MFI) telah dibangunkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam dan bersambung ke Rancangan Malaysia Ketujuh.⁴⁸ MFI telah ditubuhkan pada tahun 1995 dan memulakan operasi dengan pengambilan pertamanya pada bulan Januari 1996.⁴⁹ MFI telah dibangunkan dengan kerjasama Kerajaan Perancis melalui *JF Bocard Association de Formation Professionnelle de l'Industrie* (AFPI Rhodannienne). Penubuhannya adalah berteraskan matlamat untuk berkongsi, bertukar maklumat serta pandangan mengenai pelbagai aspek teknologi kedua-dua negara agar dapat dimanfaatkan khususnya dalam bidang pendidikan teknikal.⁵⁰ Kemajuan dan perkembangan teknologi Perancis yang kukuh menjadi aset utama MFI berkongsi visi dengan negara berkenaan untuk menyediakan tenaga kerja tempatan yang cemerlang.⁵¹ Pada 15 Disember 1992, perjanjian telah ditandatangani. Kerajaan Perancis telah menyediakan bantuan sokongan dan kepakaran serta latihan kakitangan. Kerajaan

⁴⁷ Zamani bin Mohd Noor, "Isu-isu Pemerkasaan Corak Penilaian dalam Sistem Pendidikan dan latihan Teknik dan Vokasional Melalui Perjanjian Persefahaman", dalam *Persidangan Kebangsaan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional*, Johor: Batu Pahat, 2003, hlm. 9.

⁴⁸ Menurut RMK7, aliran masuk pelaburan asing yang tinggi ke dalam negara telah memperkenalkan proses pengeluaran dan teknologi baru khususnya oleh pihak syarikat multinasional. Keadaan yang wujud ini telah mendorong negara untuk mengeluarkan lebih ramai tenaga pekerja yang berkemahiran tinggi dalam bidang-bidang berkaitan. Bagi memenuhi keperluan baru perindustrian, dua buah pusat latihan kemahiran di peringkat tinggi telah ditubuhkan dalam tempoh RMK iaitu Institut Jerman-Malaysia (GMI) dalam bidang industri elektronik dan teknologi pengeluaran serta Institut Malaysia-Perancis (MFI) dalam bidang pemasangan peralatan elektrik, teknologi kimpalan dan sistem penyelenggaraan automatik. Lihat *Rancangan Malaysia Ketujuh 1996-2000*, Kuala Lumpur: Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, 1996, hlm. 126.

⁴⁹ *Laporan Tahunan MARA 1995*, Majlis Amanah Rakyat (MARA).

⁵⁰ Hal ini selaras dengan strategi pelaksanaan kerajaan terhadap dasar pendidikan teknik dan vokasional yang bermatlamat memperkukuh dan memperkemaskan sistem pendidikan teknik dan vokasional ke arah mewujudkan golongan pelajar yang berorientasi kemahiran teknikal bagi memenuhi keperluan guna tenaga negara. Lihat *Dasar Pendidikan Kebangsaan*, Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia, 1999, hlm. 6.

⁵¹ *Harian Metro*, 17 Februari 2005.

Malaysia melalui MARA menyediakan kemudahan infrastruktur dan kakitangan. MFI dikendalikan oleh MFI Sdn. Bhd., anak syarikat milik penuh MARA.⁵²

MFI melaksanakan kursus di peringkat diploma secara sepenuh masa dan separuh masa serta program ijazah. MFI mengkhusus dalam bidang *Industrial Maintenance Technology (Air Conditioning and Refrigeration)*. Kursus-kursus yang ditawarkan di peringkat Diploma adalah:

1. Diploma Teknologi (*Automated System and Maintenance*).
2. Diploma Teknologi (*Air Conditioning and Refrigeration*).
3. Diploma Teknologi (*Electrical and Equipment Installation*).
4. Diploma Teknologi (*Machine Building and Maintenance*).
5. Diploma Teknologi (*Metal Fabrication*).
6. Diploma Teknologi (*Welding*).
7. Diploma Teknologi (*Automotive Maintenance*).
8. Diploma Teknologi (*Computer and Networking*).

MFI juga telah mengadakan program peringkat Ijazah Sarjana Muda dengan kerjasama *University of Nice Sophia-Atipolis* dan *Institute Francais du Froid Industriel, Conservatoire des Arts et Metiers (IFFI-CNAM)*. Kursus yang ditawarkan ialah:

1. Bachelor Kejuruteraan Teknologi (*Air- Conditioning and Refrigeration*).
2. Bachelor Kejuruteraan Teknologi (*Industrial Automation & Robotics*).

⁵² Perjanjian Pinjaman di Antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Perancis Bagi Projek Malaysia France Institute (oleh MARA) bertarikh 17 Mac 1994.

Selain itu, MFI juga melaksanakan program Teknokrat Bumiputera secara sepenuh masa. Program ini adalah anjuran Kementerian Pembangunan Usahawan dan ditumpukan kepada golongan yang sedang bekerja bagi mempertingkatkan tahap pendidikan. Bidang pengajian yang ditawarkan adalah di peringkat diploma ialah:

1. *Machine Building and Maintenance Technology.*
2. *Air Conditioning and Refrigeration Technology.*
3. *Welding Technology.*
4. *Automotive Maintenance Technology.*⁵³

Pada tahun 2003, UniKL-MFI telah menghantar dua orang pelajar semester akhir untuk mengikuti latihan industri di Perancis selama 3 bulan mulai Februari 2003 hingga April 2003. Mereka telah ditempatkan di *Universitaire de Technologie* (IUT), Marseille, Perancis. Pelajar-pelajar ini telah didedahkan dengan latihan industri yang dijalankan di Perancis dan menjalankan projek yang berkaitan dengan *go kart*. UniKL-MFI juga pada masa yang sama telah menerima dua orang pelajar Perancis untuk menjalani latihan industri yang memerlukan mereka membina aplikasi web portal MFI untuk para kakitangan dan pelajar UniKL-MFI. Ini merupakan satu pertukaran informasi yang berkesan di antara kedua-dua negara di samping ia menjalin hubungan baik kedua-dua mereka. Selain dari penghantaran pelajar, UniKL-MFI juga telah menghantar seorang kakitangan akademiknya⁵⁴ untuk menjalani latihan dalam bidang *Maintenance Management* di IUT.⁵⁵

⁵³ Ibid., hlm. 8-11.

⁵⁴ Kakitangan akademik tersebut ialah Puan Badlishah Mohd Yusoff yang dihantar pada tahun 2003. *Laporan Tahunan MARA 2003*, Majlis Amanah Rakyat (MARA), hlm.56.

⁵⁵ *Laporan Tahunan MARA 2003*, Majlis Amanah Rakyat (MARA), hlm. 56.

UniKL-MFI juga ada mengadakan lawatan ke Eropah bagi meninjau peluang pendidikan dengan institusi pendidikan di Sepanyol, England dan Jerman. Delegasi ini diketuai oleh Pengerusi MARA, Y.B. Datuk Wira Abu Seman bin Yusop. Di Perancis, delegasi UniKL telah menandatangani *Memorandum of Intent* dengan *Universitaire de Technologie* (IUT) *Marseille*, Perancis bagi menjalankan kerjasama dalam bidang mekanikal.⁵⁶

Bagi meningkatkan mutu pendidikan, UniKL-MFI telah mengorak langkah dengan mendapat taraf pensijilan ISO 9001:2000 sejak bulan Ogos 2000 yang lalu. Pada 22 Februari 2003, UniKL-MFI telah dianugerahkan pensijilan ISO 9002:2000 dari *Bureau Veritas Quality International* (BVQI) dan *UKAS Quality Management*. Pencapaian ini merupakan satu titik penting kepada semua pihak di institusi ini untuk terus mengorak langkah yang lebih jitu dalam mengekalkan kualiti perkhidmatan dan pendidikan yang dijalankan.⁵⁷

6.8 British Malaysian Institute (BMI)

British Malaysian Institute (BMI) telah dibangunkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh.⁵⁸ BMI telah ditubuhkan pada tahun 1997. Sebelum ini, ia dikenali sebagai *Tuas Polytech* yang telah ditubuhkan pada tahun 1993.⁵⁹ BMI telah dibangunkan dengan kerjasama kerajaan *British dan Overseas Development Administration* yang telah terjalin sekian lama. Kerajaan British menyediakan bantuan sokongan dan kepakaran dalam bidang industri seperti *BAE Systems, British Airways, Standard Chartered Bank (M) Bhd, Rolls Royce* serta kepakaran dalam bidang akademik

⁵⁶ Ibid., hlm. 57.

⁵⁷ Ibid.

⁵⁸ Dalam kerangka rancangan pembangunan pendidikan tinggi dalam tempoh RMK7, BMI memenuhi tumpuan utama RMK7 iaitu meningkatkan kapasiti enrolmen dalam kursus sains, kejuruteraan dan kursus berkaitan dengan teknikal bagi menambah pengeluaran tenaga manusia yang berpengetahuan sains dan teknologi. Lihat *Rancangan Malaysia Ketujuh, 1996-2000*, hlm. 348.

⁵⁹ *Laporan Tahunan MARA 1993*, Majlis Amanah Rakyat (MARA).

seperti *Wigan & Leigh College* dan *University of Hertfordshire*.⁶⁰ MARA mengambil alih peranan bagi menyediakan kemudahan infrastruktur dan kakitangan. Manakala kerajaan British pula menyediakan latihan kakitangan buat BMI.⁶¹ BMI melaksanakan kursus di peringkat Diploma Lanjutan secara sepenuh masa dan separuh masa. BMI mengkhusus dalam bidang *Electronics dan Communication Technology*. Kursus-kursus yang ditawarkan di peringkat Diploma Lanjutan ialah:

- 1) *HND in Electrical Engineering.*
- 2) *HND in Electronic Engineering.*
- 3) *HND in Medical Electronics Engineering.*
- 4) *HND in Telecommunication Engineering.*
- 5) *HND in Engineering and Computing.*
- 6) *HND in Engineering and Business Information Technology.*

Kursus peringkat Ijazah Sarjana Muda yang ditawarkan ialah:

- 1) Bachelor Kejuruteraan Teknologi (*Electronic*).
- 2) Bachelor Kejuruteraan Teknologi (*Electrical*).

Selain itu, BMI juga melaksanakan program Teknokrat Bumiputera secara sepenuh masa. Program ini adalah anjuran Kementerian Pembangunan Usahawan iaitu:

⁶⁰ *Laporan Tahunan MARA 2004*, Majlis Amanah Rakyat (MARA), hlm. 159.

⁶¹ Perjanjian antara Universiti Teknikal MARA Sdn. Bhd. dan British Malaysian Institute Sdn. Bhd. Bertarikh 2 September 2003.

- 1) *HND in Electrical/Electronic Engineering.*
- 2) *HND in Business Information Technology.*⁶²

Pada tahun 1998, seramai 580 orang pelatih baru ditawarkan bagi mengikuti kursus berkaitan menjadikan jumlah pelatih semasa adalah seramai 608 orang. Manakala sejumlah 440 orang pelatih telah berjaya menamatkan latihan.⁶³

6.9 Malaysian Institute of Aviation Technology (MIAT)

Malaysian Institute of Aviation Technology (MIAT) telah dibangunkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh. MIAT telah ditubuhkan pada tahun 1997 di IKM Jasin dengan nama MNRI (*MARA Northrop Rice Institute*) pada peringkat sijil.⁶⁴ Peningkatan program di MIAT dibuat pada peringkat diploma. Pengambilan pelajar pertamanya telah dibuat pada Jun 2001. MIAT melaksanakan kursus dalam bidang Teknologi Aviasi dan penyelenggaraan/pembuatan komponen. MIAT telah dibangunkan dengan kerjasama sebuah syarikat dari Amerika Syarikat iaitu *Northrop Rice USA* (NURSA). Kerajaan Malaysia melalui MARA menyediakan kemudahan infrastruktur dan kakitangan. Latihan kakitangan untuk pelaksanaan program di MIAT telah diberikan kepada NURSA. Pendekatan yang digunakan dalam melaksanakan projek ini adalah menggunakan pendekatan pemindahan teknologi dengan kaedah pelaksanaan kepada *technology provider*. Beberapa syarikat dari Amerika yang ada di Malaysia turut memberikan kerjasama dalam menjayakan pembangunan program teknikal di MIAT.⁶⁵

⁶² Ibid., hlm.13-16.

⁶³ *Laporan Tahunan MARA 1998*, Majlis Amanah Rakyat (MARA), hlm. 24.

⁶⁴ *Propelling Technical Education to Greater Heights*, Universiti Kuala Lumpur, hlm. 59.

⁶⁵ Perjanjian antara Universiti Teknikal MARA Sdn. Bhd. dan Malaysian Institute of Aviation pada 2 September 2003, dari fail sektor pendidikan, Perpustakaan UniKL.

MIAT melaksanakan kursus di peringkat sijil dan diploma secara sepenuh masa. MIAT mengkhusus dalam bidang teknologi Aviati. Kursus-kursus yang ditawarkan di peringkat diploma ialah:

- 1) *License Airframe and Powerplant.*
- 2) *Diploma in Avionics.*
- 3) *Diploma in Composite.*
- 4) *Diploma in Aircraft Manufacturing Technology.*

Peruntukan RMK 7 yang diluluskan bagi projek penubuhan MIAT ini adalah sebanyak RM 90,820,000. Kos keseluruhan projek MIAT adalah RM 123,686,000. Tiada sumbangan kerajaan Amerika dalam pembangunan projek ini. Kini MIAT telah beroperasi sepenuhnya di kampus tetapnya di Sepang, Selangor. Hingga tahun 2002, pelajar MIAT adalah seramai 351 orang.

Melahirkan pakar dalam bidang kejuruteraan pesawat menjadi aspirasi MIAT dalam memenuhi permintaan pasaran kerjaya pada era globalisasi. Ia merupakan satu-satunya institusi yang menawarkan kursus penyelenggaraan enjin pesawat di negara ini. MIAT menyediakan tenaga pakar profesional, berpengalaman serta pembelajaran efisien untuk pelajarnya. Matlamat utamanya adalah untuk melahirkan pakar penyelenggaraan enjin pesawat terbaik untuk mengisi industri penerbangan negara. Bagi menjamin kualiti pengajian, pelajar diwajibkan menjalani latihan praktikal selama enam bulan sebagai syarat utama sebelum menamatkan pengajian untuk merasai alam pekerjaan sebenar. Antaranya ialah latihan bersama Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) dan *Malaysian Helicopter and Services* di Kerteh, Terengganu. Ekoran kelainan program ini, tidak syak lagi jika graduan dari MIAT mendapat permintaan yang tinggi

daripada Jabatan Penerbangan Awam (DCA) Transmile Sdn. Bhd. serta MHS Berhad selain MAS dan Air Asia.⁶⁶

6.10 Malaysian Spanish Institute (MSI)

Malaysian Spanish Institute (MSI) telah dibangunkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh. MSI telah ditubuhkan pada tahun 2000 dan pengambilan pelajar pertamanya telah dibuat pada September 2002.⁶⁷ MSI menjalankan kursus dalam bidang Kejuruteraan Teknologi Automotif dan pembuatan komponen. MSI telah dibangunkan dengan kerjasama Kerajaan Sepanyol melalui Contes. Kerajaan Sepanyol telah menyumbang sejumlah peruntukan dalam bentuk geran dan pinjaman mudah (*soft loan*) dalam menjayakan projek ini. Geran yang disediakan berjumlah USD 2,655,000.00 untuk tujuan pembangunan MSI termasuklah latihan tenaga pengajar. Sementara *soft loan* yang diperuntukkan adalah sebanyak USD 5,900,000.00 untuk tujuan pembelian peralatan teknikal.⁶⁸ MSI melaksanakan kursus di peringkat sijil dan diploma secara sepenuh masa.⁶⁹ MSI mengkhusus dalam bidang Kejuruteraan Teknologi Automotif dan pembuatan komponen. Kursus-kursus yang ditawarkan di peringkat diploma ialah:

- 1) *Diploma in Automatic Regulation and Control Systems.*
- 2) *Diploma in Instalation & Electro-Mechanical Maintenance.*
- 3) *Diploma in Mechanical Project Design and Development.*
- 4) *Diploma in Production by Machining.*
- 5) *Diploma in Machining & Mould Manufacturing.*

⁶⁶ *Harian Metro*, 3 Mac 2005.

⁶⁷ *Cadangan Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010)*, Program Pendidikan dan Latihan, Majlis Amanah Rakyat (MARA).

⁶⁸ Perjanjian antara Universiti Teknikal MARA Sdn. Bhd. dan Malaysian Spanish Institute Sdn. Bhd. pada 2 September 2003, Perpustakaan UniKL.

⁶⁹ Operasi MSI dimulakan di kampus sementara di Kulim Hi-Tach pada bulan Ogos 2002 dan kemudian berpindah ke kampus utamanya yang dibina di atas tanah seluas lebih kurang 39.27 ekar di Kulim Hi-Tech, Kedah pada bulan Disember 2002. *Propelling Technical Education to Greater Heights*, hlm. 63.

6.11 *Malaysian Institute of Chemical Engineering Technology (MICET)*

Malaysian Institute of Chemical Engineering Technology (MICET) telah dibangunkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh. Nama asalnya adalah *Canadian Malaysian Institute*. MICET telah dibangunkan menggunakan kepakaran tempatan iaitu SIRIM dan universiti-universiti tempatan.⁷⁰ Pengambilan pelajar pertamanya telah dibuat pada September 2002.⁷¹ MICET melaksanakan kursus dalam bidang kejuruteraan teknologi kimia. MICET telah dibangunkan dengan menggunakan kepakaran tempatan. Kausar Corporation Sdn. Bhd. telah dilantik menjadi *turnkey project*. Kausar telah membangunkan projek ini dengan kerjasama Universiti Sains Malaysia (USM). Semua keperluan untuk projek ini adalah daripada Kerajaan Malaysia melalui MARA. Pendekatan yang digunakan dalam melaksanakan projek ini adalah menggunakan *turnkey element*.

MICET melaksanakan kursus di peringkat sijil dan diploma secara sepenuh masa. MICET mengkhusus dalam bidang Teknologi Kimia. Kursus-kursus yang ditawarkan di peringkat diploma ialah:

- 1) *Diploma in Chemical Technology.*
- 2) *Diploma in Environmental Technology.*
- 3) *Diploma in Food Technology.*
- 4) *Diploma in Bioprocess Technology.*
- 5) *Diploma in Plastic and Rubber Technology.*

⁷⁰ MICET terletak di Taboh Naning, Melaka di persekitaran kawasan Lembah Bio. *Propelling Technical Education to Greater Heights*, hlm. 67.

⁷¹ Maklumat lanjut mengenai institusi ini boleh diperolehi daripada www.micet.unikl.edu.my (Tarikh diakses pada 21 Januari 2014).

MICET beroperasi sebagai sebuah syarikat sendirian berhad iaitu MICET Sdn. Bhd. dan merupakan anak syarikat milik penuh MARA. Kini MICET telah bertukar entiti sebagai Fakulti Kejuruteraan Teknologi Kimia (FCET) di bawah UniKL.

6.12 Malaysian Institute of Marine Engineering Technology (MIMET)

Malaysian Institute of Marine Engineering Technology (MIMET) telah dibangunkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh (1996 hingga 2000). MIMET dibangunkan dengan menggunakan kepakaran teknologi dari Australia. *International Training Australia* (ITA) telah dilantik untuk menjadi *technology provider* projek ini.⁷² Pengambilan pelajar pertamanya adalah pada Jun 2004.⁷³ MIMET melaksanakan kursus dalam bidang teknologi marinedan pembuatan komponen.

Pada peringkat awal, MIMET melaksanakan kursus di peringkat Diploma secara sepenuh masa. MIMET mengkhusus dalam bidang Kejuruteraan Teknologi Perkapalan. Kursus yang ditawarkan di peringkat diploma ialah *Diploma in Shipbuilding* dan *Diploma in Shipbuilding Design*. Pada peringkat awal, MIMET beroperasi sebagai sebuah syarikat sendirian berhad iaitu MIMET Sdn. Bhd. MIMET adalah anak syarikat milik penuh MARA. Kini MIMET telah bertukar entiti menjadi Fakulti Kejuruteraan Teknologi Marine di bawah UniKL. Pendek kata, tindakan MARA meletakkan IKTM ini di bawah UniKL merupakan satu langkah yang bijak memandangkan ia dapat berfungsi dalam mengoptimumkan penggunaan sumber yang terdapat di Institusi Latihan di bawah MARA. Lulusan MIMET ini kelak layak untuk berkhidmat sebagai *boatbuilding, shipbuilding, welding and fabrication, Ship/Project Planning, Naval Architecture, Technical Design/Draught Person, CAM Programming, Ship*

⁷² *Propelling Technical Education to Greater Heights*, hlm. 71.

⁷³ *Laporan Tahunan MARA 2004*,Majlis Amanah Rakyat (MARA).

Maintenance, Hydraulic and Pneumatics, CNC Machining, Steel & Aluminum Fabrication, Woodworking, Fiberglass dan sebagainya. Penubuhan MIMET ini secara tidak langsung berjaya melahirkan gunatenaga yang menjurus kepada bidang perindustrian baru di negara kita.⁷⁴

6.13 Institut Infotech MARA (IIM)

Satu lagi IKTM yang ditubuhkan ialah Institut *Infotech MARA* (IIM) yang dahulunya ia dikenali sebagai Akademi Infotech MARA iaitu sebuah institut yang melahirkan pelajar cemerlang dalam bidang IT.⁷⁵ Ia ditubuhkan pada tahun 1982 dan berpusat di Tingkat RG, Kompleks Pertama, Jalan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur. Sebagai institusi pendidikan dan penyelidikan ICT, ia membentuk teknologi ICT untuk membangunkan teknologi yang relevan kepada negara dan insan sejangat.

Diploma yang ditawarkan oleh institusi ini ialah Diploma Teknologi Maklumat, Diploma Multimedia Interaktif, Diploma Sains Komputer dengan kerjasama Universiti Institut Teknologi MARA (UiTM), Diploma Sains Komputer (multimedia) dengan UiTM, Diploma Animasi dan Diploma Sistem dan Rangkaian Komputer. Bagi program ijazah pula, institusi ini menawarkan kursus berikut:

- a) Sarjana Muda IT (kepujian) dalam Kejuruteraan perisian.
- b) Sarjana Muda IT (kepujian) dalam E-Perdagangan Komputer.
- c) Sarjana Muda Teknologi Multimedia (kepujian) dalam Rekabentuk Teraktif Multimedia.

⁷⁴ *Pelan Strategik UniKL 2006-2010*, hlm.40.

⁷⁵ Ia bermula sebagai *Sekolah Electronic Data Processing* (EDP) MARA. Objektif utama penubuhannya adalah untuk melatih para pelajar Bumiputera dalam pengaturcaraan komputer. Ia juga merupakan pusat latihan luaran *National Computing Centre* (NCC) United Kingdom yang pertama ditauliahkan. Lihat *Propelling Technical Education to Greater Heights*, hlm. 47.

Pendek kata, IIM berusaha menyediakan pelajar IT yang cemerlang bagi memenuhi keperluan tenaga kerja yang memerlukan pemikiran multimedia dalam menangani cabaran globalisasi.⁷⁶ Selaras dengan hasrat Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir ketika membentangkan Rancangan Malaysia Kelapan yang menekankan kepada pertumbuhan pemacuan produktiviti, MARA mengambil inisiatif mempertingkatkan pendidikan yang berteraskan kemahiran berteknologi tinggi bagi melahirkan sumber tenaga yang berkemahiran dan terlatih.⁷⁷ MARA sekali lagi menyahut hasrat Perdana Menteri dalam menjadikan sektor swasta sebagai pemangkin utama kepada kemajuan pendidikan negara.⁷⁸ Saranan kerajaan di dalam Rancangan Malaysia Kelapan bagi meningkatkan kapasiti pendidikan dan latihan untuk melahirkan sumber manusia yang memiliki kemahiran dan kepakaran tinggi, termasuk kemahiran berfikir adalah bertepatan dengan keperluan K-ekonomi negara. Ia berkait langsung dengan tujuh daripada sepuluh teras Dasar Pembangunan Sumber Manusia yang digariskan dalam RMK-8 iaitu:

- 1) Menambah penawaran tenaga manusia berkemahiran tinggi dan berpengetahuan untuk menyokong pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan.
- 2) Menambah peluang pendidikan dan latihan berkualiti bagi meningkatkan keupayaan menjana pendapatan dan kualiti hidup.
- 3) Meningkatkan kualiti sistem penyampaian pendidikan dan latihan untuk memastikan penawaran tenaga manusia selaras dengan perubahan teknologi dan permintaan pasaran.
- 4) Menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat untuk meningkatkan peluang bekerja dan produktiviti tenaga buruh.
- 5) Mengoptimumkan penggunaan tenaga buruh tempatan.

⁷⁶ *Harian Metro*, 27 Januari 2005.

⁷⁷ Lihat *Rancangan Malaysia Kelapan, 2001-2005*, Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, 2001, hlm. 119.

⁷⁸ Dokumen Penubuhan UniTEK-MARA, Perpustakaan UniKL, hlm. 3.

- 6) Meningkatkan penawaran tenaga manusia sains dan teknologi.
- 7) Mempercepatkan pelaksanaan sistem upah yang dikaitkan dengan produktiviti.
- 8) Memperkukuhkan sistem maklumat pasaran buruh.
- 9) Mempergiatkan usaha membangun dan mempromosikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan serantau.
- 10) Memperkukuhkan nilai-nilai positif.⁷⁹

Jadual 6.11 menunjukkan keluaran tenaga kerja mahir dan separuh mahir berdasarkan kursus-kursus yang ditawarkan oleh institusi-institusi latihan milik awam dan swasta dalam tempoh RMK-7 dan RMK-8.

Jadual 6.11: Keluaran Tenaga Kerja Mahir dan Separuh Mahir Mengikut Kursus, 1995-2005

Kursus	Output Tenaga Mahir/Separuh Mahir			Jumlah Keluaran	
	1995	2000	2005	RM Ke-7	RM Ke-8
Kejuruteraan	18,254	26,984	49,802	122,593	197,441
Mekanikal	8,483	11,700	23,514	56,971	91,758
Elektrikal	9,477	14,742	25,406	63,643	102,496
Awam	294	542	882	1,979	3,187
Ketukangan Bangunan	1,997	2,513	3,800	13,415	21,601
Teknologi Maklumat & Komunikasi	4,214	8,304	12,011	28,296	45,566
Lain-lain	2,882	3,792	4,904	19,354	31,161

⁷⁹ Ibid, hlm. 35-36.

Jadual 6.11, sambungan

Kursus	Output Tenaga Mahir/Separuh Mahir			Jumlah Keluaran	
	1995	2000	2005	RM Ke-7	RM Ke-8
Peningkatan Kemahiran	563	2,893	4,651	3,781	6,089
Jumlah	27,910	44,486	75,168	187,439	301,859

Sumber: The Third Outline Perspective Plan, 2001-2010. Dipetik daripada kertas kerja pembentangan MARA dalam *Laporan Ekonomi MARA 2010*, hlm. 34.

Jadual 6.11 menunjukkan bahawa tumpuan kepada bidang-bidang kritikal semakin meningkat khususnya dalam bidang kejuruteraan dan teknikal. Oleh yang demikian, amatlah perlu bagi negara untuk melahirkan tenaga kerja di bidang ini memandangkan negara memerlukan gunatenaga bagi sektor tersebut.⁸⁰

6.14 Penubuhan UniKL

Penglibatan MARA dalam bidang pendidikan terutama dalam bidang latihan vokasional dan teknikal akan menjadi aset penting untuk membolehkan MARA mengendalikan dan mengurus sebuah institusi pengajian tinggi bertaraf universiti bercorak teknikal.⁸¹ Penubuhan universiti bercorak teknikal ini akan menjadi pemangkin kepada usaha MARA dalam memperluaskan latihan teknikal yang bukan sahaja berperanan dalam melahirkan sumber tenaga teknikal pada peringkat ijazah tetapi juga untuk mempertingkatkan tenaga profesional Bumiputera pada peringkat pasca ijazah.⁸²

⁸⁰ Ibid., hlm. 3.

⁸¹ Dalam laporan Rancangan Malaysia Ketujuh menyatakan bahawa institusi pendidikan awam dan swasta tempatan serta luar negara tidak dapat memenuhi permintaan bagi kumpulan pekerjaan profesional dan teknikal terpilih seperti bidang kejuruteraan, kesihatan dan perguruan. *Rancangan Malaysia Ketujuh, 1996-2000*, Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad, 1996, hlm. 120.

⁸² Minit Mesyuarat Majlis MARA, Kertas 85/2001, hlm. 3.

Setelah mewujudkan tujuh buah IKTM, MARA mempunyai perancangan untuk menggabungkan kesemua IKTM tersebut bagi membentuk sebuah universiti. Idea ini telah difikirkan oleh Encik Kandan bin Saikon yang ketika itu menjadi Pengarah Bahagian Pendidikan Profesional. Beliau telah melontarkan idea ini kepada Datuk Seri Abu Seman bin Yusoff yang pada ketika itu menjadi Pengerusi MARA. Datuk Abu Seman telah menerima saranan ini dengan baik dan seterusnya beliau menjadikan misi penubuhan UniTEK-MARA sebagai salah satu misi penting dalam MARA.⁸³ Hasilnya, pada 13 Julai 2001, MARA telah mengemukakan permohonan untuk menubuhkan Universiti Teknikal MARA (UniTEK-MARA) kepada Kementerian Pendidikan Malaysia.⁸⁴ Kertas kerja tentang konsep penubuhan universiti telah dibentangkan kepada Jabatan Pendidikan Swasta.⁸⁵ Setelah dipersetujui oleh pihak Kementerian Pendidikan, surat pelawaan penubuhan universiti ini telah dikeluarkan kepada MARA pada 18 Ogos 2001.⁸⁶

Setelah penubuhannya, nama UniTEK-MARA yang digunakan pada asalnya telah ditukar kepada UniKL. Sebab utama yang membawa kepada penukaran nama tersebut ialah untuk mengetengahkan imej Kuala Lumpur di mata dunia terutama di dalam bidang pendidikan. Orang ramai lebih mengenali Kuala Lumpur berbanding nama MARA itu sendiri. Hubungan baik MARA dengan syarikat-syarikat dan kerajaan asing yang telah terjalin sekian lama sebagai rakan usahasama kepakaran dijangka mampu dijadikan teras untuk mempromosikan Kuala Lumpur dalam bidang pendidikan dengan tertubuhnya UniKL. Dengan adanya hubungan kerjasama di antara kerajaan dan

⁸³ Temuramah dengan En. Kandan bin Saikon pada 15 Julai 2010, jam 10.50 pagi di kediaman beliau di Bangsar.

⁸⁴ Rasional penubuhan universiti berkenaan ialah; Menyumbang kepada aspirasi negara untuk menjadi negara maju menjelang tahun 2020; Memenuhi permintaan bagi profesional teknikal yang berkemahiran tinggi; Melahirkan para graduan yang boleh menerima, menyesuaikan, memajukan dan mencipta teknologi; Menyediakan laluan pendidikan alternatif untuk para pelajar yang cenderung kepada bidang teknologi; Menggalakkan aplikasi pengetahuan dan kemahiran secara praktikal bagi menyumbang kepada perkembangan tamadun. *Propelling Technical Education to Greater Heights*, hlm. 43.

⁸⁵ *Berita Harian*, 12 Mei 2001.

⁸⁶ Rujuk surat Ketua Pegawai Eksekutif UniKL kepada Timbalan Ketua Pengarah (Pendidikan), Jabatan Pendidikan Swasta, Kementerian Pendidikan Malaysia bertarikh 1 April 2002; *Berita Harian*, 8 April 2002 dan *Berita Harian*, 10 September 2001.

syarikat asing dengan UniKL kelak, diharap ia akan menarik lebih ramai pelabur asing untuk melabur di Malaysia amnya dan Kuala Lumpur khasnya.⁸⁷

Oleh itu, Menteri Pembangunan Usahawan ketika itu iaitu Datuk Seri Nazri telah mencadangkan nama "Universiti Kuala Lumpur" bagi menaikkan imej Kuala Lumpur khususnya dalam bidang pendidikan.⁸⁸ Di samping itu, nama MARA tidak digunakan bagi membolehkan kemasukan universiti ini terbuka kepada semua bangsa bukan sahaja dalam kalangan warganegara malah bukan warganegara juga. Cadangan nama Kuala Lumpur yang ingin digunapakai mestilah mendapat kebenaran dari Datuk Bandar Kuala Lumpur.⁸⁹

Mesyuarat telah diadakan antara pihak tertinggi UniKL dan Datuk Bandar pada 23 Ogos 2002.⁹⁰ Bagi mengelakkan sebarang penolakan, MARA telah mendapatkan sokongan penuh daripada Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang pada ketika itu menjadi Perdana Menteri Malaysia.⁹¹ Kelulusan dan sokongan Perdana Menteri telah digunapakai oleh pihak Kementerian Pendidikan dan akhirnya nama baru telah diberi iaitu Universiti Kuala Lumpur.⁹² Selain itu, MARA juga merasakan penggunaan nama MARA pada sebuah universiti akan memberi gambaran bahawa ia dimiliki oleh Bumiputera dan ini akan membantutkan perkembangan UniKL di masa akan datang. Oleh sebab MARA tidak mahu isu pembinaan universiti disensasikan, maka ia mengambil jalan selamat untuk tidak menunjukkan identiti sebenar UniKL.

⁸⁷ Rujuk surat Ketua Pegawai Eksekutif UniKL kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bertarikh 30 Ogos 2002.

⁸⁸ *Berita Harian*, 20 September 2002.

⁸⁹ Rujuk surat Timbalan Ketua Pendaftar, Institusi Pendidikan Tinggi Swasta, Kementerian Pendidikan Malaysia kepada Ketua Eksekutif UniKL bertarikh 30 Julai 2002. Dirujuk dari Fail Penubuhan UniKL, Bahagian Dokumentasi UniKL, Kuala Lumpur.

⁹⁰ Rujuk surat Penolong Ketua Pegawai Eksekutif UniKL kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur bertarikh 20 Ogos 2002, daripada fail pentadbiran UniKL.

⁹¹ Dalam konteks pendidikan tinggi terhadap Bumiputera khususnya orang Melayu, Datuk Seri Dr. Mahathir melihat pendidikan sains dan latihan sebagai suatu perkara yang sangat penting bagi kestabilan negara dan masyarakat. Lihat Mahathir Mohamad, *The Challenge*, Petaling Jaya: Pelanduk Publications (M) Sdn Bhd., hlm. 17-43.

⁹² Rujuk surat kelulusan penubuhan Universiti Teknikal MARA oleh Dato' Dr. Ibrahim Saad kepada Menteri Pembangunan Usahawan Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz bertarikh 20 Jun 2002. Maklumat juga diperoleh melalui hasil temuramah En. Kandan bin Saikon dan juga En. Amir Azhar di UniKL, daripada fail pentadbiran UniKL.

Pada 17 Jun 2002, penubuhan UniKL telah diluluskan dan seterusnya pada 20 Ogos 2002, pendaftaran universiti tersebut telah diluluskan.⁹³ UniKL telah ditubuhkan sebagai sebuah Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) di bawah Akta Pendidikan Tinggi Swasta, 1996.⁹⁴ Pendekatan penubuhan UniKL sebagai sebuah Institut Pengajian Tinggi Swasta adalah untuk memastikan agar pengurusan UniKL akan terus kekal di bawah Majlis Amanah Rakyat. Hal ini disebabkan MARA tidak mahu ”pisang berbuah dua kali” di mana peristiwa kehilangan ITM daripada tangan MARA berulang kembali. Sebagai IPTS, UniKL akan mempunyai lebih autonomi dan tanggungjawab tertentu untuk lebih responsif dengan perubahan dan keperluan pasaran. Kedudukan UniKL di bawah MARA juga lebih terjamin.⁹⁵

UniKL dikelolakan oleh Universiti Teknikal MARA Sdn. Bhd., sebuah syarikat milik penuh MARA yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965.⁹⁶ Usaha terkini MARA dalam menubuhkan Universiti Kuala Lumpur adalah merupakan mercu kejayaan alaf baru dalam pembangunan program latihan dan pendidikan.⁹⁷ Selaku sebuah universiti teknikal yang menjalani pembangunan teknopreneur, UniKL akan berganding bahu dengan MARA dalam merealisasikan hasrat ini.⁹⁸ Penubuhan UniKL adalah merupakan satu langkah yang dapat mendekatkan pencapaian matlamat MARA

⁹³ *Laporan Tahunan MARA 2005*, hlm. 94.

⁹⁴ Rujuk surat perakuan Universiti Kuala Lumpur yang didaftarkan di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 bertarikh 20 Februari 2003 dan surat Penolong Ketua Pegawai Eksekutif UniKL kepada Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan Tinggi Swasta, Jabatan Pendidikan Swasta, Kementerian Pendidikan Malaysia bertarikh 15 Ogos 2002.

⁹⁵ Temuramah dengan En. Kandan bin Saikon pada 15 Julai 2010, jam 10.50 pagi di rumah beliau di Bangsar.

⁹⁶ *Laporan Tahunan MARA 2004*, hlm. 158.

⁹⁷ Ucapan Dato’ Zamani Md Noor selaku Ketua Pengarah MARA pada 14 September 2004 bertempat di Pan Pacific Hotel, KLIA pada 14 September 2004.

⁹⁸ Menurut Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi merangkap Pro Canselor UniKL, Dato’ Mohamed Khaled Nordin, UniKL berada dalam kedudukan yang begitu unik sebagai puncak atau *apex* kepada keseluruhan institusi pendidikan MARA berdasarkan ciri-ciri antarabangsa yang dimiliki melalui usaha sama dengan kerajaan Perancis, Britain, Sepanyol, Jerman, Australia dan Amerika Syarikat. Perkara ini bukan sahaja membuatkan UniKL berada dalam kelas yang tersendiri tetapi pada masa yang sama menjadikan UniKL sebagai institusi pilihan generasi baru pelajar yang ingin memperoleh pendidikan akademik dan latihan teknikal secara *hands-on* yang tidak ditawarkan oleh mana-mana institusi pendidikan tinggi di Malaysia. Lihat Kata-kata Aluan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi/Pro-Canselor Y.B. Dato’ Mohamed Khaled Nordin, dalam *Propelling Technical Education to Greater Heights*, hlm. 7.

untuk pembangunan Usahawan Bumiputera dan pembangunan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera atau MPPB.⁹⁹

Sebagai langkah awal, UniKL telah didaftarkan dan beroperasi di kampus sementara di MFI, Bangi¹⁰⁰ dengan mengendalikan dua kursus diperingkat ijazah. Rentetan daripada itu, Jemaah Menteri Kabinet juga telah meluluskan permohonan Majlis Amanah Rakyat untuk menubuhkan sebuah kampus induk UniKL yang tersendiri. Dalam memantapkan perancangan dan operasi UniKL, MARA telah menyusun semula struktur organisasi UniKL di mana tujuh buah Institut Kemahiran Tinggi MARA seperti yang dinyatakan di bawah diambilalih oleh UniKL dan dijadikan sebagai institut di bawah UniKL dengan status kampus cawangan UniKL. Berikut adalah senarai institut di bawah UniKL:

1. Universiti Kuala Lumpur, *Malaysia France Institute* (UniKL MFI), Bangi Selangor.
2. Universiti Kuala Lumpur, *British Malaysian Institute* (UniKL BMI), Gombak, Selangor.¹⁰¹
3. Universiti Kuala Lumpur, *Malaysian Spanish Institute* (UniKL MSI), Kulim Hi Tech Park, Kedah.¹⁰²
4. Universiti Kuala Lumpur, *Malaysian Institute of Aviation Technology* (UniKL MIAT), Sepang, Selangor.
5. Universiti Kuala Lumpur, *Institute Infotech MARA* (UniKL IIM), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.¹⁰³

⁹⁹ Ucapan Dato' Zamani Md Noor selaku Ketua Pengarah MARA pada 14 September 2004 bertempat di Pan Pacific Hotel, KLIA pada 14 September 2004.

¹⁰⁰ Premis kampus UniKL telah ditukar ke Menara 3, Bandar Wawasan Jalan Sultan Ismail. Rujuk surat Pengarah Bahagian Pendaftaran dan Piawaian Sektor Pengurusan Institut Pendidikan Tinggi Swasta, Kementerian Pengajian Tinggi kepada Ketua Eksekutif Universiti Kuala Lumpur bertarikh 22 Mei 2006.

¹⁰¹ Rujuk surat perakuan pendaftaran UniKL-BMI di bawah Akta Institut Pendidikan Tinggi Swasta 1996 bertarikh 16 Februari 2005. Dirujuk dari Fail Penubuhan UniKL, Bahagian Dokumentasi UniKL, Kuala Lumpur.

¹⁰² Rujuk surat perakuan pendaftaran UniKL-MSI di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 bertarikh 16 Februari 2005. Dirujuk dari Fail Penubuhan UniKL, Bahagian Dokumentasi UniKL, Kuala Lumpur.

6. Universiti Kuala Lumpur, *Malaysian Institute of Chemical and Bioengineering Technology* (UniKL MICET)¹⁰⁴
7. Universiti Kuala Lumpur, *Malaysian Institute of Marine Engineering Technology* (UniKL MIMET).¹⁰⁵

IKTM yang mempunyai hubungkait secara kerjasama dengan kerajaan-kerajaan luar negara akan dijadikan sebagai Institut Bersekutu kepada UniKL.¹⁰⁶ Institusi ini ialah *Malaysia France Institute* (MFI), *German Malaysian Institute* (GMI), *British Malaysian Institute* (BMI) dan *Malaysian Spanish Institute* (MSI). Institut bersekutu ini akan meneruskan pelaksanaan program-program diploma mereka dan menjadi *feeder* kepada UniKL bagi program-program peringkat ijazah.¹⁰⁷

6.15 Struktur Organisasi UniKL

Universiti Kuala Lumpur (yang sebelum ini dikenali sebagai Universiti Teknikal MARA) telah diluluskan penubuhan pada 17 Jun 2002 dan pendaftarannya pada 20 Ogos 2002. Oleh sebab UniKL mengambil contoh *University of London* dari segi pendekatan dalam penubuhannya, ia telah memperkenalkan struktur organisasi yang hampir sama dengan *University of London*.¹⁰⁸ Rasional di sebalik idea ini lahir secara spontan melalui pengalaman Encik Kandan ketika beliau mengikuti pengajian peringkat ijazah di luar negara. Beliau sememangnya tertarik dengan idea *University of London*

¹⁰³ Rujuk surat perakuan pendaftaran UniKL-IIM di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 bertarikh 16 Februari 2005. Dirujuk dari Fail Penubuhan UniKL, Bahagian Dokumentasi UniKL, Kuala Lumpur.

¹⁰⁴ Rujuk surat perakuan pendaftaran UniKL-MICET di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 bertarikh 16 Februari 2005. Dirujuk dari Fail Penubuhan UniKL, Bahagian Dokumentasi UniKL, Kuala Lumpur.

¹⁰⁵ Rujuk surat perakuan pendaftaran UniKL-MIMET di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 bertarikh 6 Disember 2004. Dirujuk dari Fail Penubuhan UniKL, Bahagian Dokumentasi UniKL, Kuala Lumpur.

¹⁰⁶ Hal ini merupakan satu ciri pengantarabangsaan yang dijalankan oleh pihak MARA dengan menjalinkan kerjasama dengan pelbagai organisasi multinasional. Kerjasama-kerjasama ini memberi banyak peluang terhadap pemindahan teknologi melalui, pembangunan kurikulum, latihan kakitangan, penyediaan kemudahan dan peralatan dan sistem jaminan kualiti. *Propelling Technical Education to Greater Heights*, hlm. 91.

¹⁰⁷ Minit Mesyuarat Majlis MARA, Bil. 281, (3/2002), 25 Jun 2002.

¹⁰⁸ *University of London* adalah gabungan 17 institusi yang diperbadankan secara berasingan namun berpusat dari segi hal akademik. Universiti ini ditubuhkan pada 1836 di bawah *Royal Charter*. Kesemua kolej menganugerahkan ijazah *University of London* dan secara kolektif memastikan pematuhan standard serta mutu ijazah.

ketika beliau bergelar sebagai mahasiswa lagi. Oleh yang demikian, beliau mengambil kesempatan ini untuk merealisasikan idea yang beliau ilhamkan ini. Keunikan *University of London* jelas dari segi saiz, struktur, peranan dan juga sejarah penubuhannya. Ini jelas melalui petikan berikut:

“The University of London is essentially characterized by its federal structure, its existence in a variety of different institutional forms variously called ‘colleges’, ‘schools’, and ‘institutes’. Spread out all over London and beyond are the present total of the thirth-seven distinct and separate institutions which constitute the University of London. Some of them are very distinct and separate. Some are federations in themselves. All of them treasure their own identity and individuality. All have their own history, and the history of several of them is older than that of the University itself. The University of London grew not from one root, but from several. It cannot, however, be regarded as a natural growth. Its development has been seminally shaped by government policy at various times over the hundred and fifty years of its existence in various ways, and shaped too by a variety of other interest groups of a very disparate and often conflicting sort.”¹⁰⁹

Oleh yang demikian, struktur UniKL ini yang terdiri daripada institusi-institusi dan institusi bersekutu akan menjadi seperti struktur *University of London* yang terdiri dari pelbagai kolej di merata tempat misalnya *Imperial College of Science and Technology*, *University of London* atau *Royal Free Hospital School of Medicine*, *University of London*. Bagi konteks UniKL pula, nama yang akan digunakan juga adalah seperti berikut iaitu MSI akan dikenali sebagai MSI-UniKL dan BMI akan dikenali sebagai BMI-UniKL. Kedudukan IKTM ini juga adalah tidak bertempat di satu lokasi yang sama seperti kebiasaan universiti. Ia berada di merata tempat memandangkan penubuhannya juga mempunyai sejarah tersendiri.

IKTM ini akan beroperasi seperti sekarang dengan Lembaga Pengarahnya sendiri dan Ketua Eksekutif sebagai jawatan tertinggi di peringkat operasi. Apa yang membezakannya ialah mereka akan menjalankan kursus-kursus ijazah yang akan

¹⁰⁹ Negley Harte, *The University of London ,1836-1986*, Cambridge: University Press,1986, hlm. 10-12.

dikurniakan oleh UniKL. Bagi menjaga integriti UniKL, IKTM yang menjalankan kursus-kursus ijazah UniKL tidak boleh menjalankan program-program ijazah dengan universiti-universiti lain selain UniKL sendiri. Bagi program diploma yang dikeluarkan oleh IKTM ini, ia juga dianugerahkan oleh UniKL. Ini adalah sama dengan model *University of London* di mana diploma yang dikeluarkan oleh kolej-kolej, institusi dan institusi bersekutu adalah di atas nama *University of London*.¹¹⁰

Selain institut-institut yang disebutkan di atas, UniKL juga telah dan sedang merancang untuk menubuhkan beberapa fakulti dan pusat di dalam kampus UniKL. Lokality sesebuah institut atau pusat ini dibuat berdasarkan kepada kemudahan sokongan yang diperlukan dalam menjayakan program yang akan dijalankan. Dari sudut *governance* dan pengurusan UniKL pula, UniKL adalah dimiliki sepenuhnya oleh MARA. Lembaga Pengarah Syarikat dan Majlis Universiti adalah badan eksekutif tertinggi dan boleh melaksanakan kesemua kuasa yang diberi kepada UniKL. Ini diikuti oleh Jawatankuasa Kecil peringkat pengurusan yang ditubuhkan untuk membantu pentadbiran. Pentadbiran UniKL diketuai oleh seorang Ketua Pegawai Eksekutif yang dipanggil Presiden. Presiden bertanggungjawab terus kepada Lembaga Pengarah dan Majlis UniKL. Senat UniKL adalah badan akademik kepada UniKL yang akan membantu Presiden melaksanakan pengawasan terhadap pembangunan dan penyampaian program-program akademik, penyelidikan, peperiksaan dan penganugerahan ijazah. Panel penasihat industri yang ditubuhkan oleh UniKL pula akan menasihati Presiden dalam pembangunan program akademik dan pembangunan fizikal UniKL termasuk pemantauan program sedia ada agar kekal relevan dan kompetitif dengan keperluan gunatenaga negara dan antarabangsa. Majlis ini juga terdiri daripada wakil daripada setiap IKTM yang ditubuhkan.

¹¹⁰ Surat cadangan pelaksanaan UniTEK-MARA ala *University of London* dari Ketua Pegawai Eksekutifnya kepada Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz bertarikh 6 Jun 2002.

Jawatankuasa Pengurusan pula terdiri daripada kakitangan akademik dan pengurusan/pentadbiran akan membantu dan menasihati dalam hal-hal pentadbiran, kewangan dan hal ehwal pelajar. Jawatankuasa ini berperanan sebagai penasihat kepada Presiden dan terlibat dalam hal-hal pengurusan/pentadbiran, akademik, penyelidikan dan kewangan. Syarikat pengurusan UniKL yang ditubuhkan sejajar dengan keperluan di bawah Seksyen 12(1) (c) Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996, iaitu Universiti Teknikal MARA Sdn. Bhd. akan menjadi wahana bagi memudah dan melicinkan semua urusan pentadbiran, pengurusan dan pengawalan kualiti.¹¹¹

6.16 Program Pengajian UniKL

Dalam usaha meletakkan UniKL sebagai peneraju di dalam segmen pasaran latihan teknikal dan aplikasi industri, pemilihan bidang pengajian kritikal dengan kadar keperluan yang tinggi adalah penting.¹¹² Oleh yang demikian, UniKL telah merancang kursus-kursus pengajian yang akan dikendalikan dalam bidang-bidang seperti teknologi elektrik, elektronik, ICT, mekanikal, sivil, kejuruteraan kimia, perubatan dan perkhidmatan kesihatan.¹¹³ Pengurusan teknikal UniKL juga telah mula menjalankan dua kursus pengajian pada sesi Julai 2002 di *Malaysia France Institute* iaitu dalam bidang:

- 1) *Bachelor of Engineering Technology (Industrial Automation and Robotics).*

¹¹¹ *Pelan Strategik UniKL 2006-2010*, hlm. 13.

¹¹² UniKL dimodel berdasarkan sistem pendidikan teknologi yang diamalkan secara meluas di Eropah. *Propelling Technical Education to Greater Heights*, hlm. 1.

¹¹³ Ciri-ciri istimewa UniKL antara lain ialah kurikulum yang berorientasikan praktikal, kurikulum dan kemudahan spesifik industri, para graduan sedia pasaran, satu kampus satu pengkhususan dan pengantarabangsaan. *Ibid.*, hlm. 83-91.

2) *Bachelor of Engineering Technology (Air Conditioning and Industrial Refrigeration)*.¹¹⁴

Ijazah berkenaan masing-masing dianugerahkan oleh Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan institusi pengajian tinggi di Perancis. Bagi program Ijazah Kejuruteraan Teknologi Automasi dan Robotik, graduan terbabit akan menerima anugerah daripada pihak MARA dan *University of Nice Sophia Antipolis* (Unsa). Manakala bagi program Bachelo Kejuruteraan Teknologi Penyejukbekuan dan Penyaman Udara, masing-masing menerima ijazah dari MARA dan *Institute Francais du Froid Industriel/Conservatoire National des Aas Metiers*.¹¹⁵ Bagi sesi pengambilan Julai 2003 pula, sebanyak 8 kursus pengajian tambahan peringkat ijazah dan lima kursus pengajian tambahan peringkat diploma telah mula diperkenalkan.¹¹⁶

Selain itu, UniKL juga menawarkan pelbagai program peringkat diploma yang menggabungkan pengetahuan akademik dan kemahiran dengan penekanan yang lebih diberikan kepada aspek kemahiran dan aplikasi industri. Program diploma yang ditawarkan dijalankan di institut-institut di bawah UniKL dengan beberapa program diploma terpilih dijalankan di beberapa fakulti. UniKL juga menawarkan pelbagai program ijazah yang mengkhusus dalam bidang teknikal yang mengutamakan aplikasi industri.¹¹⁷ Tumpuan utama program penyelidikan dan pembangunan UniKL ialah dalam bidang aplikasi dan kawalan industri dari sudut peningkatan kualiti dan kuantiti.

¹¹⁴ Penukaran nama kursus Ijazah Pertama Universiti Kuala Lumpur telah diluluskan pada 3 Mac 2005. Kesemua nama kursus yang ditawarkan telah ditambah dengan nama baru kursus pengajian dengan kepujian. Rujuk surat Pengarah Jabatan Jaminan Kualiti kepada Timbalan Ketua Pengarah Institut Pendidikan Tinggi Swasta, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia bertarikh 3 Mac 2005.

¹¹⁵ *Berita Harian*, 11 Julai 2002.

¹¹⁶ *Pelan Strategik UniKL, 2006-2010*, hlm. 44.

¹¹⁷ UniKL memiliki kelengkapan yang cukup untuk mencapai tujuan pemberian latihan yang berkaitan. Misalnya UniKL MIAT dilengkapi dengan tiga buah hangar yang boleh menempatkan pesawat-pesawat kecil dan besar termasuklah jet peribadi. Manakala kampus UniKL MFI dilengkapi dengan makmal robotik, mekanikal dan elektronik serta bengkel Citroen yang lengkap. *Propelling Technical Education to Greater Heights*, hlm. 85.

Di antara bidang penyelidikan yang akan diberi penekanan adalah berkaitan rekacipta peningkatan peralatan dan mesin, rekacipta peningkatan sistem kawalan automatik dan robotik dan menaiktaraf keupayaan mesin. Program penyelidikan dan pembangunan (R & D) UniKL juga akan menyumbang kepada pembangunan industri perkhidmatan dalam bidang sistem kawalan mesin-mesin pembuatan, sistem kawalan sejuk bekuan terutamanya dalam industri pemakanan, industri teknologi maklumat serta telekomunikasi melalui penghasilan perisian dan peningkatan keupayaan teknikal sistem komputer kegunaan industri.¹¹⁸

6.17 Pengambilan Pelajar

Sebagai sebuah Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), UniKL melakukan proses pengambilan pelajar secara terus kerana ketiadaan agensi atau badan yang menyelaras urusan pengambilan pelajar bagi IPTS. Pengiklanan di dalam akhbar-akhbar dan majalah-majalah utama dijadikan sebagai ejen penyebaran maklumat dalam mendapatkan para pelajarnya. Trend terkini ialah dengan menyediakan kemudahan aplikasi *on-line* menerusi laman web masing-masing. Terdapat juga beberapa agensi yang menyediakan kemudahan pengiklanan secara berkumpulan bagi mendapatkan impak yang lebih besar termasuk ke peringkat antarabangsa. *Study Malaysia.com* adalah salah satu agensi terbabit yang telah berjaya menarik minat pembaca yang meluas melalui majalah terbitan mereka dan laman webnya yang juga diiktiraf oleh Jabatan Pendidikan Swasta (JPS).

¹¹⁸ UniKL juga melakukan perancangan strategik untuk menawarkan program-program teknikal hingga ke peringkat Doktor Falsafah. Ia bertujuan untuk menggalakkan komitmen yang tinggi terhadap inovasi dan penyelidikan. Hasrat ini termaktub dalam model berkenaan yang akan melahirkan para graduan yang boleh menerima, menyesuaikan, memajukan dan mencipta teknologi. Ibid., hlm. 3.

MARA sendiri telah menubuhkan Unit Pengambilan Institusi MARA (UPIM) yang bertindak sebagai ejen pengedaran utamanya. UPIM berperanan sebagai agensi yang mempromosi, mengedar dan memproses permohonan kemasukan ke semua institusi pengajian tinggi di bawah MARA. Pada masa ini, jumlah jualan borang bagi sesi pengambilan Julai 2006 adalah sekitar 25,000 hingga 50,000. Meskipun UPIM bertindak mempromosikan UniKL tetapi ia juga tidak lari daripada kelemahannya. Memandangkan UPIM turut mempromosikan institusi-institusi pendidikan tinggi MARA yang lain, penumpuan penuh kepada UniKL tidak dapat diberikan dan persaingan secara tidak langsung dengan institusi MARA yang lain juga bakal wujud. Operasi UPIM yang bertumpu kepada pengambilan sesi Julai juga menghadkan promosi keseluruhan UniKL. Oleh yang demikian, UniKL masih perlu merangka program pemasaran dan promosi tahunannya untuk melengkapkan program promosi yang dirangka oleh UPIM.

Meskipun UniKL terbuka buat semua kaum, namun majoriti pelajarinya adalah terdiri daripada pelajar Bumiputera. UniKL yang beroperasi sebagai badan swasta tidak membiaya mana-mana pelajarinya seperti institusi pengajian MARA yang lain. Kesemua pelajar di UniKL menanggung sendiri kos pembelajaran mereka. Tiada elaun yang diberi buat pelajar memandangkan kos pengajian di sini juga agak tinggi. Oleh yang demikian, MARA membuka peluang kepada semua kaum malah membuka juga pintu UniKL buat pelajar antarabangsa. Ini tidak boleh dianggap sebagai lari daripada konsep asal MARA untuk membantu Bumiputera kerana pembukaan kepada kaum lain ini wajar dilakukan demi mewujudkan persaingan antara pelajar di peringkat yang tinggi.

6.18 Dana Kewangan UniKL

Dana kewangan UniKL bergantung sepenuhnya kepada MARA. Ini disebabkan statusnya sebagai sebuah anak syarikat MARA. Jelas bahawa MARA yang sememangnya mendapat peruntukan dari kerajaan setiap tahun, perlu memperuntukkan sebahagian dari jumlah kewangannya kepada UniKL untuk kos operasinya. Berikut adalah jadual yang menunjukkan analisis pendapatan dan perbelanjaan bagi tahun 2003 hingga 2005.

Jadual 6.12: Analisis Pendapatan dan Perbelanjaan UniKL, 2003- 2005

Pendapatan Operasi	2003 (RM)	2004 (RM)	2005 (RM)
Yuran Pelajar	13,393,973	43,510,713	57,306,054
Yuran Perkhidmatan	652,776	1,927,582	3,996,881
Hasil Pelbagai	149,716	512,942	555,359
Jumlah	14,196,465	45,951,237	61,858,294
Perbelanjaan Operasi	2003 (RM)	2004 (RM)	2005 (RM)
Kos kakitangan	(14,507,065)	(43,197,083)	(59,597,564)
Lain-lain Perbelanjaan	(10,510,199)	(30,523,191)	(40,288,454)
Jumlah	(25,017,264)	(73,720,274)	(99,886,018)
Kerugian Operasi	(10,820,799)	(27,769,037)	(38,027,724)
Geran dari Kerajaan/MARA	8,630,275	19,825,721	6,490,000
Kerugian Sebelum Cukai	(2,190,524)	(7,943,316)	(31,537,724)
Cukai	-	-	-
Kerugian Selepas Cukai	(2,190,524)	(7,943,316)	(31,537,724)

Sumber: Analisis Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan 2003 hingga 2005, hlm. 5.

Jadual 6.12 menunjukkan bagi ketiga-tiga tahun iaitu bermula dari 2003 hinggalah 2005, UniKL telah mengalami kerugian yang besar setiap tahun. Ini adalah disebabkan perbelanjaan operasi yang melebihi pendapatan. Misalnya pada tahun 2003, pendapatan operasi ialah sebanyak RM14,196,465. Pada tahun 2004 pula, pendapatannya ialah sebanyak RM 45,951,237. Manakala pada tahun 2005 ialah sebanyak RM61,858,294. Hampir keseluruhan pendapatan operasi adalah bergantung kepada yuran pelajar semata-mata. Lebih merumitkan keadaan ialah yuran yang dikenakan terhadap pelajar adalah berbentuk subsidi mana purata pendapatan pelajaran sebanyak RM 8,000 hingga RM 9,000 hanya dapat menampung di antara 50% kepada 70% sahaja dari purata kos operasi seperti yang tersebut di atas.

Purata kos operasi tahunan UniKL juga semakin meningkat setiap tahun. Purata kos operasi tahunan untuk menjayakan program di UniKL adalah agak tinggi iaitu di antara RM 15,000 hingga RM 16,000 setahun bagi seorang pelajar. Ini disebabkan oleh kos bagi menjalankan program yang bercorak kejuruteraan dan berbentuk *hands-on* adalah tinggi. Terdapat perbezaan ketara bagi purata kos operasi bagi seorang pelajar mengikut kampus iaitu di antara RM 10,000 hingga RM16,000. Ini disebabkan setiap kampus yang berlainan mengekalkan struktur program mereka yang unik. Di samping itu, purata kos bagi seorang pelajar di kampus-kampus baru melambung naik dari RM 18,000 sehingga RM 57,000. Keadaan ini wujud kerana kos operasi pada awal penubuhan adalah tinggi tetapi tidak ditampung oleh bilangan pelajar yang optimum.¹¹⁹

Keadaan menjadi bertambah buruk apabila berlaku penurunan peratusan pembiayaan daripada geran ataupun bantuan kewangan daripada pengurusan kewangan MARA untuk menampung kos operasi syarikat yang amat ketara iaitu daripada 35% kepada 6.5% sahaja. Ini telah membawa kepada peningkatan kedudukan defisit yang

¹¹⁹ Rujuk Analisa Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan 2003 hingga 2005, hlm. 5.

terpaksa ditanggung oleh UniKL. Jelas di sini, meskipun UniKL berstatuskan Institut Pengajian Tinggi Swasta yang seharusnya mempunyai sumber kewangannya sendiri, namun realitinya, UniKL yang ditubuhkan bagi memenuhi agenda pendidikan teknologi tinggi masih memerlukan bantuan kewangan bagi memastikan kelangsungan survivalnya.

6.19 Permasalahan dan Cabaran UniKL

Sejak penubuhannya UniKL terpaksa berhadapan dengan pelbagai masalah dan cabaran. Memandangkan UniKL telah meletakkan dirinya di dalam segmen pasaran latihan teknikal dan aplikasi industri, kos operasi yang terpaksa ditanggung adalah tinggi akibat penggunaan mesin dan bekalan bahan mentah yang tinggi lantas menyebabkan yuran pengajian yang dikenakan agak tinggi. Oleh yang demikian, pengoptimuman penggunaan sumber adalah penting untuk mengekalkan kos operasi di tahap sedia ada. Apabila yuran yang dikenakan agak tinggi, maka berlakulah persaingan dengan Institusi Pengajian Tinggi Swasta yang lain.¹²⁰

UniKL juga menghadapi masalah persaingan langsung yang bakal wujud daripada IPTA-IPTA milik kerajaan yang mengendalikan kursus yang sama dan juga IPTS bertaraf universiti yang menjalankan program kejuruteraan. Persaingan yang wujud dengan IPTA ini akan melemahkan UniKL memandangkan UniKL mengenakan yuran pengajian berlipatganda berbanding IPTA yang lain. Oleh yang demikian adalah penting untuk UniKL mengutamakan kualiti program kendaliannya dan juga graduannya agar persepsi UniKL sebagai universiti pilihan dapat diwujudkan.¹²¹

¹²⁰ Ibid., hlm. 41.

¹²¹ Ibid.

Cabaran yang ketiga ialah kos operasi UniKL yang terlalu tinggi ekoran daripada penggunaan peralatan yang mahal bagi tujuan programnya. Ini disebabkan UniKL mengekalkan keunikannya dengan program bercorak *hands-on*. Oleh itu, UniKL terpaksa membeli segala peralatan misalnya replika kapal terbang bagi tujuan kajian pelajarannya. Ini melibatkan kos yang tinggi. Seandainya UniKL menaikkan yuran pengajian pelajarannya bagi menampung kos ini, masalah lain akan timbul, antaranya pelajar mungkin akan beralih ke IPTA yang lain misalnya Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia yang juga mengendalikan program kejuruteraan dengan harga yuran amat rendah.

Cabaran ketiga yang perlu ditempuhi ialah dari aspek program yang dikendalikan oleh UniKL itu sendiri. Memandangkan ia merupakan universiti berasaskan teknikal, maka ia perlu sentiasa mengemaskini peralatan dan teknologinya ke tahap yang terkini. Sekiranya masalah kewangan terus membelenggu UniKL, berkemungkinan satu hari nanti UniKL tidak dapat mengendalikan program berbentuk *hands-on*. Ia mungkin akan mengendalikan program seperti IPTA yang lain yang lebih menekankan teori sahaja. Oleh itu, adalah wajar bagi UniKL untuk mempertahankan identitinya agar ia tidak tergelincir dari landasan visi dan misinya.

Pemilihan UPIM sebagai ejen utama pengedaran juga ada kelemahannya. Memandangkan UPIM turut mempromosikan institusi-institusi pendidikan tinggi MARA yang lain, penumpuan penuh kepada UniKL tidak dapat diberikan. Malah, secara tidak langsung wujud persaingan dengan institusi MARA yang lain. Operasi UPIM yang tertumpu kepada pengambilan sesi Julai juga mengehendkan promosi keseluruhan UniKL. Oleh yang demikian, UniKL masih perlu merangka program pemasaran dan promosi tahunannya untuk melengkapkan program promosi yang

dirangka oleh UPIM agar hebahan menjadi lebih meluas. Memandangkan UniKL masih di peringkat awal operasi, tiada sebarang program R & D dijalankan buat masa ini. Program R & D perlu dimulakan di dalam masa terdekat memandangkan ia adalah salah satu faktor penilaian sesebuah universiti dan juga sumber untuk mendapatkan peruntukan.¹²² Oleh yang demikian adalah penting bagi UniKL untuk memulakan R & D bagi mencapai kualiti sebagai sebuah universiti.

6.20 Kesimpulan

MARA nyata mempunyai keupayaan yang begitu tinggi dalam penyediaan pendidikan tinggi khususnya dalam aspek pembentukan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi dan profesional dalam tempoh masa 1981-2006. Kejayaan MARA ini adalah disumbang oleh pemahaman MARA yang mendalam terhadap aspirasi kerajaan dan negara yang sangat memerlukan tenaga kerja yang bermutu dan berpotensi untuk melonjakkan pembangunan industri negara. Oleh itu, bermula dengan institusi-institusi kemahiran iaitu Kolej MARA, Kolej Profesional MARA dan Institut Kemahiran Tinggi MARA, MARA nyata mengorak langkah yang berkesan apabila institusi-institusi berkenaan berhasil mengeluarkan tenaga kerja yang mampu memenuhi permintaan negara.

Daya usaha MARA diperkembangkan lagi apabila jalinan kerjasama antara MARA dengan negara-negara asing sehingga membawa kepada penubuhan beberapa institusi yang mempunyai pengkhususan yang tersendiri iaitu, MFI, BMI, MSI, MIAT, IIM, MICET dan MIMET. MARA melaksanakan langkah yang lebih proaktif apabila ketujuh-tujuh institusi berkenaan kemudian dirangkumkan dalam sebuah universiti di bawah satu jenama baru pada tahun 2002 iaitu UniKL. Penubuhan dan kewujudan

¹²² Ibid.

UniKL menjadi bukti kukuh terhadap penerusan peranan *vital* MARA dalam pemberian pendidikan tinggi negara, lebih tepat lagi dalam bidang teknikal dan profesional.

BAB 7: PENGUKUHAN DAN PERKEMBANGAN PENDIDIKAN KEMAHIRAN MARA, 1981-2006

7.1 Pengenalan

Bab ini memperjelaskan perkembangan era pengukuhan pendidikan kemahiran MARA dalam tempoh 1981 sehingga 2006. Berbeza dengan tempoh 1968 sehingga tahun 1980 yang menyaksikan proses pembentukan dan perkembangan awal Institut Kemahiran MARA (IKM), tempoh 1981 hingga 2006 pula merupakan tahap pengukuhan institusi berkenaan. Jangkamasa ini mempamerkan perkembangan IKM yang signifikan dengan proses pembentukan ekonomi Malaysia ke arah negara maju. IKM bukan sahaja perlu meneruskan peranan menyediakan tenaga kerja Bumiputera yang berkemahiran di Malaysia, malah ia harus melalui proses rombakan sistem latihan kemahirannya. Selain itu, bab ini turut membincangkan mengenai sebuah lagi institusi kemahiran yang ditubuhkan pada tahun 1986 iaitu GiatMARA. Perkara ini dilaksanakan agar MARA berupaya memenuhi kehendak tindakan afirmatif dalam membangunkan sosioekonomi Bumiputera dan beradaptasi dengan landskap semasa negara yang semakin kompleks.

Persoalan yang akan dihuraikan dalam bab ini ialah sejauhmanakah IKM dan GiatMARA telah berkembang dan mengukuhkan kedudukannya sebagai institusi-institusi kemahiran yang dikendalikan MARA, dalam membangunkan pendidikan kemahiran Bumiputera dan berinteraksi dengan kehendak industri Malaysia. Bab ini terbahagi kepada beberapa komponen meliputi perkembangan perindustrian negara selepas tahun 1981, pengukuhan IKM merangkumi kurikulum serta pencapaian-pencapaiannya. Bab ini juga membicarakan mengenai satu lagi institusi kemahiran yang baru iaitu GiatMARA yang dikelola MARA dalam tempoh pengukuhan latihan

kemahirannya. Perkembangan kedua-dua institusi latihan kemahiran dalam tempoh kukuh ini telah memberikan sumbangan yang penting kepada pertumbuhan sosioekonomi Bumiputera dan negara.

7.2 Perkembangan Perindustrian Negara Mulai Dekad 1980-an

Dekad 1980-an memperlihatkan permulaan kepada suatu era baru dalam landskap pembangunan ekonomi negara di mana sektor perindustrian menjadi suatu keutamaan dalam dasar pembangunan ekonomi Malaysia. Perkara ini didasari oleh faktor pertukaran pucuk pimpinan negara daripada Perdana Menteri Malaysia ketiga iaitu Tun Hussein Onn kepada Dr. Mahathir Mohamad pada 16 Julai 1981. Bermulanya pentadbiran Dr. Mahathir menyaksikan Malaysia bergerak pesat ke arah pembentukan negara yang mengutamakan perindustrian. Komitmen Dr. Mahathir yang eksplisit untuk membangunkan industri-industri berat menyerlahkan corak kepimpinannya.¹ Selepas beliau mengambil alih tugas sebagai Perdana Menteri, beliau bertindak membawa Perbadanan Industri Berat Malaysia atau The Heavy Industries Corporation of Malaysia Berhad (HICOM) ke bawah tanggungjawab langsungnya, sekaligus membolehkan kerajaan memberikan sokongan yang besar kepada pelan-pelan perindustrian berat.²

Bermula dekad berkenaan, program perindustrian negara mengalami perkembangan penting iaitu penggalakan industri berat. Penggalakan industri berat ini bertujuan untuk memperkukuhkan lagi asas perindustrian negara dan menambah kemahiran rakyat di bidang teknologi yang lebih tinggi. Perkembangan pesat proses perindustrian, termasuk pembangunan industri-industri berat tertentu memerlukan langkah-langkah komplemen dalam menghasilkan tenaga manusia berkemahiran yang

¹ Lee Poh Ping, "Heavy Industrialisation", dalam Jomo, *Mahathir's Economic Policies*, Kuala Lumpur: Insan, 1989, hlm. 38.

² Ibid., hlm. 38-43.

diperlukan dalam pelbagai lapangan aktiviti industri.³ Kehendak pasaran memerlukan gunatenaga yang ramai dalam sektor perindustrian khususnya apabila diperkenalkan *resource-based industri, food based industry* dan *chemical based*.⁴

Dasar kerajaan yang mulai mengutamakan perindustrian memberi impak kepada sektor pendidikan dan latihan dalam negara. Dalam konteks pelaksanaan tindakan afirmatif melalui Dasar Ekonomi Baru (DEB), program-program pendidikan dan latihan kepada golongan Bumiputera menerima kesan langsung daripada perubahan berkenaan. Selaras dengan tumpuan kerajaan dalam menggiatkan proses perindustrian di Malaysia, dekad 1980-an masih menyaksikan kekurangan penyertaan orang Melayu dan Bumiputera lain dalam sektor moden, khususnya dalam lapangan-lapangan tertentu. Oleh itu, dalam pelaksanaan DEB, langkah-langkah dasar untuk menjayakan proses penyusunan semula turut merangkumi usaha-usaha memajukan program pelajaran dan latihan yang bersesuaian untuk menambahkan tenaga manusia yang terlatih.⁵

Selepas penamatan DEB pada tahun 1990, di bawah Dasar Pembangunan Baru (DPB),⁶ kerajaan memberikan tumpuan untuk membangunkan tenaga buruh luar bandar untuk membolehkan mereka memasuki pasaran buruh yang semakin bersifat canggih dan berorientasikan teknologi. Tenaga buruh luar bandar yang sebahagian besarnya terdiri daripada golongan Bumiputera perlu mengubah tumpuan daripada aktiviti tradisional yang rendah produktivitinya kepada kegiatan sektor moden yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi. Oleh itu, untuk membolehkan tenaga buruh luar bandar turut menyertai pembangunan ekonomi negara dengan lebih berkesan, golongan berkenaan

³ *Rancangan Malaysia Kelima 1986-1990*, Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1986, hlm. 553.

⁴ Kertas Taklimat Pembangunan Pendidikan dan Gunatenaga oleh MARA pada 3 September 1999.

⁵ *Rancangan Malaysia Keempat 1981-1985*, Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1981, hlm. 5.

⁶ Dasar Pembangunan Baru (DPB) merupakan satu dasar yang memperkukuhkan pencapaian Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama (RRJP1) (1971-1990) untuk mempercepatkan proses membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat dalam usaha memperbaiki lagi ketidakseimbangan sosial dan ekonomi. DPB merupakan satu rangka dasar yang lebih luas untuk mencapai matlamat sosioekonomi yang tempoh sepuluh tahun (1991-2000) dalam konteks perkembangan ekonomi yang pesat. Dalam penggubalan DPB, Kerajaan telah menimbangkan pandangan dan cadangan daripada pelbagai pihak termasuk Laporan Majlis Perundingan Ekonomi Negara mengenai dasar negara selepas 1990.

perlu diberi peluang mendapat kemudahan pendidikan yang lebih baik, maklumat pasaran buruh dan kemahiran-kemahiran baru, di samping memiliki semangat yang kuat untuk bersaing dan berdikari.⁷ Selain itu, Malaysia juga mengalami masalah kekurangan tenaga kerja terutamanya dalam sektor pembinaan sejak penghujung era 1980-an. Masalah berkenaan berlanjutan sehingga dekad 1990-an. Kekurangan tenaga kerja ini mengakibatkan berlakunya kemasukan buruh asing secara besar-besaran yang bertumpu di bandar-bandar utama di Malaysia.

Berdasarkan perubahan-perubahan pesat yang berlaku dalam sektor perindustrian negara mulai dekad 1980-an, pemberian latihan vokasional dan teknikal merupakan satu pendekatan dalam usaha kerajaan untuk berhadapan dengan masalah kekurangan tenaga kerja yang berkemahiran serta mewujudkan tenaga kerja manusia yang mampu memenuhi kehendak dan dasar industri di Malaysia. Selain itu, pertambahan bilangan kontraktor dan kemajuan sektor industri pembinaan juga telah mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan selaras dengan peningkatan ekonomi semasa. Sehubungan itu, penubuhan institusi-institusi latihan baru secara berterusan menjadi salah satu usaha dalam menarik lebih ramai golongan belia menceburi bidang kemahiran vokasional dan teknikal. Selain itu, perancangan dan perkembangan latihan dipantau oleh kerajaan untuk memastikan kurikulum dan standard memenuhi kehendak industri.⁸

Dalam merancang dasar pemberian latihan kemahiran, Kerajaan Malaysia mulai dekad 1980-an telah bertindak merangka sasaran-sasaran yang ingin dicapai dalam kerangka penawaran latihan kemahiran. Secara umumnya, objektif keseluruhan dalam pendidikan dan latihan ialah bagi mempromosikan kesatuan nasional. Selain matlamat

⁷ *Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua 1991-2000*, Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1991, hlm. 172.

⁸ Shireen Mardziah Hashim, *Income Inequality and Poverty in Malaysia*, Lanham: Rowman & Littlefield Publishers, Inc., 1998, hlm. 209.

berkenaan, sektor pendidikan dan latihan merupakan satu daripada bentuk pelaburan sosial yang akan memberikan faedah kepada negara dalam jangka masa yang panjang. Peranan pendidikan dan latihan dalam negara ialah untuk menghasilkan individu-individu yang berpengetahuan, terlatih dan mempunyai kemahiran bagi memenuhi keperluan tenaga manusia dan keperluan sosial yang semakin berkembang. Pembangunan negara di masa hadapan dijangka akan menghadapi cabaran-cabaran yang memerlukan tenaga manusia yang berupaya memperkenalkan pembaharuan dan berpengetahuan serta terlatih dalam bidang-bidang sains dan teknologi, pengurusan dan kemahiran-kemahiran yang berkaitan.⁹

Selaras dengan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan perindustrian yang berasaskan teknologi tinggi, Malaysia akan memerlukan lebih ramai tenaga kerja mahir untuk memenuhi permintaan industri. Dalam dekad 1990-an, kerajaan mengutamakan dasar untuk memajukan tenaga manusia supaya ia dapat menampung keperluan sektor pembuatan dan sektor perkhidmatan yang semakin meningkat. Pembaharuan dasar dalam bidang ini merangkumi langkah-langkah untuk mengatasi kekurangan tenaga mahir dalam sektor-sektor tertentu, menjalankan program latihan perindustrian berdasarkan keperluan pasaran serta memperkukuhkan sistem maklumat pasaran buruh. Perhatian yang lebih diberikan untuk memastikan sistem pendidikan selaras dengan perubahan permintaan di pasaran buruh. Kerajaan juga melaksanakan kawalan yang lebih rapi terhadap sistem pelajaran dan latihan serta usaha-usaha untuk memperbaiki kurikulum dilaksanakan untuk memastikan kemahiran yang diajar sesuai dengan keperluan industri. Oleh itu, dalam situasi di mana terdapat pasaran buruh yang ketat, penekanan diberi kepada usaha untuk menghasilkan pekerja yang terlatih, fleksibel, berdikari dan mudah menyesuaikan diri bagi memenuhi kehendak pasaran di samping

⁹ *Rancangan Malaysia Kelima 1986-1990*, hlm. 541.

mengelak daripada mewujudkan peluang pekerjaan berproduktiviti rendah dan tidak kekal melalui peningkatan permintaan dalam negeri.¹⁰

Untuk membolehkan latihan kemahiran diberikan kepada golongan sasaran, Kerajaan Malaysia berusaha membangunkan program latihan kemahiran merangkumi latihan teknik dan vokasional secara berterusan. Sehubungan itu, sektor awam memainkan peranan yang utama dalam pembangunan latihan industri. Antara pengeluar utama tenaga buruh berkemahiran bagi memenuhi keperluan ekonomi ialah Institut-institut Latihan Perindustrian (ILP) di bawah Kementerian Buruh dan Institut-institut Kemahiran MARA (IKM), dan pusat-pusat latihan belia yang dikelolakan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.¹¹ Dalam penawaran dan pemberian pendidikan berteraskan kemahiran, MARA memainkan peranan yang besar sebagai ejen penggerak dalam merealisasikan hasrat dan dasar kerajaan ini. Hal ini kerana, melalui institusi-institusi kemahiran yang digerakkannya, MARA bukan sahaja menjadi salah satu ejen yang menggerakkan dasar-dasar perindustrian negara, bahkan terus memainkan peranan sebagai badan yang dipertanggungjawabkan Kerajaan Malaysia untuk membangunkan sosioekonomi golongan Bumiputera. Peluang ini telah diambil MARA dengan menawarkan kursus-kursus baru yang bersesuaian dengan kehendak pasaran.¹² Oleh itu, di era 1980-an, selaras dengan pengenalan Dasar Perindustrian Negara,¹³ MARA telah mula mengubah corak kursus-kursus yang ditawarkan di institusi-institusi kemahiran yang dikendalikannya.

¹⁰ *Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua 1991-2000*, hlm. 99.

¹¹ *Rancangan Malaysia Kelima 1986-1990*, hlm. 554.

¹² Temuramah Puan Zarina binti Idrus, Timbalan Pengarah Penyelidikan dan Maklumat pada 19 Ogos 2008, jam 11.20 pagi di pejabat beliau.

¹³ Dasar Perindustrian Negara diperkenalkan pada tahun 1983. Kerajaan telah melancarkan dua kajian utama iaitu Kajian Dasar Perindustrian Malaysia (KDPM) dan Pelan Induk Perindustrian (PIP).

Matlamat utama latihan kemahiran dalam era ini adalah untuk menambah bilangan gunatenaga mahir Bumiputera dalam pelbagai bidang dan meningkatkan tahap kemahiran teknikal bagi keperluan sektor perkilangan dan perindustrian negara dalam melahirkan usahawan teknikal.¹⁴ Teknologi yang semakin berkembang juga mempengaruhi perkembangan pendidikan teknikal yang dikelolakan MARA dengan pantas. Pelaksanaan program-program kemahiran MARA juga mengambil kira faktor kekurangan bekalan tenaga mahir yang dialami negara. Oleh yang demikian, faktor ini telah diberi keutamaan dalam menggubal dasar pelaksanaan program pendidikan dan latihan MARA.¹⁵ Selain itu, perkembangan-perkembangan semasa dalam dan luar negara yang bergerak pantas memerlukan MARA untuk bersifat elastik dan progresif dalam pemberian latihan kemahirannya.

Dekad 1990-an menyaksikan Malaysia dikategorikan sebagai negara perindustrian baru dan mulai tahun 1995, Malaysia merupakan antara 20 negara yang paling kompetitif di dunia.¹⁶ Oleh itu, MARA perlu bersifat dinamik dalam lapangan penawaran dan pemberian latihan kemahirannya agar segala aspirasi kerajaan dalam menggerakkan dasar perindustrian dan pelaksanaan tindakan afirmatif dapat dipenuhi. Dinamika latihan kemahiran MARA dalam tempoh 1980-an sehingga 2006 dapat diukur dengan menilai penerusan dan pembangunan IKM sepanjang tempoh berkenaan. Selain itu, MARA mengambil suatu langkah yang efisien dalam pengendalian latihan kemahiran dalam dekad 1980-an apabila menubuhkan sebuah lagi institusi latihan kemahiran iaitu GiatMARA yang berperanan melebarkan peluang latihan kemahiran kepada Bumiputera seluas-luasnya.

¹⁴ Majlis Amanah Rakyat (MARA), *Laporan Tahunan MARA 1997*, hlm. 38.

¹⁵ Perutusan Pengerusi dalam Majlis Amanah Rakyat (MARA), *Laporan Tahunan MARA 1993*, hlm. 4.

¹⁶ K. S. Balakrishnan, "Globalisation and Malaysia's Foreign Policy", dalam Khairulmaini Osman Salleh, Kanthasamy N., *Malaysia and Globalisation: Issues and Challenges in the 21st Century*, Kuala Lumpur: University of Malaya, 2003, hlm. 412.

7.3 Pembangunan dan Pengukuhan Latihan Institut Kemahiran MARA, 1981-2006

Pelaksanaan program-program pemberian latihan yang dimulakan oleh IKM sejak tahun 1968 kepada golongan Bumiputera telah berupaya membantu golongan berkenaan untuk memiliki kemahiran dalam lapangan teknik dan vokasional. Namun, bermula pada tahun 1981, IKM telah memperlihatkan titik tolak perubahan-perubahan yang ketara dalam kerangka usaha tindakan afirmatif dan langkah untuk menambah gunatenaga mahir di Malaysia. Proses pembentukan negara yang mengutamakan perindustrian telah mempengaruhi corak penawaran latihan kemahiran yang dikelolakan IKM. Tempoh ini bukan sahaja memperlihatkan penerusan fungsi IKM sebagai satu cabang sektor pendidikan MARA dalam melatih Bumiputera, bahkan menyaksikan pertambahan bilangan IKM yang ditubuhkan dan evolusi kursus-kursus kemahiran yang ditawarkan.

Dalam Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985), objektif Bahagian Latihan dan Pendidikan MARA adalah menambahkan bilangan gunatenaga Bumiputera yang terlatih dalam berbagai bidang di semua peringkat untuk keperluan sektor perdagangan dan perindustrian. Dalam konteks latihan kemahiran, antara strategi yang digariskan bagi mencapai tujuan tersebut ialah pertama, menyediakan kemudahan-kemudahan latihan kemahiran di IKM-IKM. Kedua, memperkenalkan ketukangan-ketukangan (*trades*) baru di IKM-IKM selaras dengan perubahan-perubahan dan perkembangan teknologi moden yang bersesuaian dengan kehendak-kehendak perkembangan perindustrian di negara ini. Ketiga, memperkenalkan latihan urusan perniagaan serentak dengan latihan-latihan kemahiran di IKM-IKM dengan tujuan supaya bekas-bekas pelatih akan meminati dan mengusahakan perusahaan sendiri setelah tamat latihan.

Keempat, memperkenalkan rancangan latihan sambil pengeluaran dalam bidang-bidang kemahiran tertentu di IKM-IKM untuk mendedahkan pelatih-pelatih kepada suasana semangat perusahaan dan etika perniagaan. Kelima, mengadakan rancangan latihan bagi mewujudkan tenaga pengajar.¹⁷

Sejajar dengan Rancangan Malaysia Keempat, MARA berhasrat untuk menubuhkan sekurang-kurangnya sebuah IKM di setiap negeri di Malaysia.¹⁸ Oleh itu, tempoh Rancangan Malaysia Keempat, MARA telah merancang untuk membina enam buah Institut Kemahiran MARA di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Perlis, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak dan Terengganu. IKM akan turut mengendalikan kursus-kursus ketukangan seperti pembinaan, elektrik, pertukangan logam, pertukangan kayu, automotif dan percetakan. Dengan siapnya IKM yang dirancang, MARA akan mampu melatih sejumlah 22,360 pelatih dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat.¹⁹

Dalam konteks pelaksanaan DEB yang masih berjalan, MARA sebagai satu badan yang memberi fokus kepada bidang pendidikan Bumiputera juga perlu menyelaraskan semula program-program latihan kemahiran agar selari dengan keperluan semasa negara. Mulai tahun 1981, dalam Rancangan Malaysia Keempat, sebanyak 11 bidang-bidang ketukangan baru iaitu Kajizawat Motor Perdagangan, Instrumentation, Elektronik Perindustrian, Metal Fabrication, Printing Technology I, Printing Technology II, Tool and Die Making, Tiling and Paving, Transport and General Clerical, Salesmanship and Distributive Trade, dan Card, Tape and Machine Operator.²⁰ Latihan-latihan yang dijalankan di IKM adalah mirip kepada lapangan-lapangan teknikal dan pengeluaran. Meskipun fokus latihan-latihan di IKM adalah ke

¹⁷ Majlis Amanah Rakyat (MARA). Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985), Bahagian 'D' dan 'E'; Objektif, Strategi, Skop dan Program Perbelanjaan Pembangunan, Bahagian 'F'; Keupayaan Pelaksanaan, Buku 3, Bahagian Latihan dan Pendidikan, hlm. 1-2.

¹⁸ Ibid., hlm. 3.

¹⁹ *Rancangan Malaysia Keempat 1981-1985*, hlm. 406.

²⁰ Majlis Amanah Rakyat (MARA). Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985), Bahagian 'D' dan 'E'; Objektif, Strategi, Skop dan Program Perbelanjaan Pembangunan, Bahagian 'F'; Keupayaan Pelaksanaan, Buku 3, Cawangan Latihan Kemahiran, hlm. 3, dan Lampiran B1, hlm. 1-2.

arah persediaan kemahiran di peringkat asas dan menengah, usaha-usaha juga akan ditentukan untuk membolehkan para pelatih diberi latihan di peringkat lanjutan (Advanced Level). Sebelum 1981, hanya bidang Latihan Jahitan sahaja yang menyediakan kemudahan latihan di peringkat lanjutan. Oleh itu, bermula 1981, latihan di peringkat lanjutan akan diperluaskan lagi untuk meliputi ketukangan-ketukangan lain.

Selain itu, kemudahan-kemudahan latihan di IKM akan turut dipanjangkan khusus bagi menyediakan bakal pekerja-pekerja mahir untuk pihak-pihak seperti Perbadanan-perbadanan Kerajaan (FLDA, RISDA, PKEN, MSE dan lain-lain), Projek-projek Pembangunan Kerajaan Penempatan seperti Projek Pembangunan Bintulu, dan seterusnya membolehkan para usahawan Bumiputera mengikuti latihan untuk menyesuaikan kemahiran mereka dengan teknologi baru.²¹ Pada 16 Oktober 1989, dalam mesyuarat yang dijalankan oleh Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri mengenai latihan kemahiran, beberapa masalah telah dikenalpasti berhubung dengan latihan kemahiran sedia ada yang dilaksanakan di Malaysia. Sehubungan itu, mesyuarat berkenaan bersetuju agar kurikulum latihan kemahiran perlu dikaji semula secara menyeluruh. Kurikulum latihan kemahiran hendaklah menekankan bidang-bidang yang sesuai untuk perkembangan perindustrian di masa hadapan dan dapat menghasilkan tenaga manusia mahir yang diperlukan negara. Mesyuarat berkenaan juga mendapati bahawa terdapat empat bidang yang masih kekurangan dan diperlukan oleh negara pada ketika itu iaitu elektronik, tekstil, kimia dan getah. Bidang-bidang lain yang tidak kurang pentingnya untuk diberikan perhatian seperti “tool and die”,

²¹ Ibid., hlm. 4.

pertanian, sektor pembuatan, percetakan, pengeluaran perabot, komputer, kimpalan dan lain-lain.²²

Selain itu, keupayaan institusi-institusi latihan sedia ada untuk melahirkan tenaga mahir yang diperlukan negara adalah terhad manakala bilangan calon yang layak memasuki institusi-institusi kemahiran tersebut adalah ramai. Hal ini memperlihatkan permintaan terhadap latihan kemahiran adalah melebihi penawaran tempat yang disediakan.²³ Kesan daripada keadaan ini ialah berlakunya pembaziran sumber tenaga manusia yang boleh dilatih untuk menjadi tenaga manusia yang berguna kepada negara. Oleh itu, jumlah institusi latihan kemahiran perlu ditambah dan kapasiti institusi sedia ada perlu dipertingkatkan bagi menampung jumlah pelatih yang ramai.²⁴

Gunatenaga dan pengangguran merupakan antara perkara yang mempengaruhi MARA dalam pelaksanaan latihan kemahiran selepas 1981. Sehingga pertengahan dekad 1980-an, Malaysia berjaya mencapai kejayaan yang besar dalam meningkatkan peluang-peluang pekerjaan terutamanya di sektor ekonomi moden. Gunatenaga telah meningkat pada kadar 3.6% setahun sepanjang dekad 1970-an melebihi kadar pertambahan tenaga buruh. Keadaan berkenaan telah mengurangkan kadar pengangguran dengan banyaknya kepada 4.6% pada tahun 1982. Hal tersebut merupakan pencapaian besar berbanding keadaan yang wujud pada tahun 1970 yang menyaksikan kadar pengangguran berada pada paras yang tinggi iaitu 7.4%. Bagaimanapun, kesan daripada kelemesetan ekonomi dalam tempoh 1985-1986, kadar pengangguran mencapai paras tertinggi iaitu 8.3% pada tahun 1986.²⁵ Kadar pengangguran sebanyak 8.2% pada tahun 1987 turun kepada 8.1% pada tahun 1988.

²² 2021/3/2/1. Kumpulan Kerja Teknikal Pembasmian Kemiskinan (Kumpulan Sistem Institusi dan Penyampaian). UPE. SULIT. 52/100/19. Catatan Mesyuarat Kedua Kumpulan Kerja Teknik (TWG) Mengenai Latihan Kemahiran, hlm. 3.

²³ Ibid., hlm. 4.

²⁴ Ibid., hlm. 5.

²⁵ *Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua 1991-2000*, hlm. 11.

Manakala tahun 1989 mencatatkan kadar pengangguran sebanyak 7.9%. Peratusan berkenaan walaupun menunjukkan pengurangan, masih lagi dianggap tinggi bagi Malaysia sebagai sebuah negara yang sedang membangun. Justeru, isu pengangguran turut berkait rapat dengan pelaksanaan program-program pendidikan MARA. Sehubungan itu, dalam menggubal dasar bagi pelaksanaan program-program pendidikan MARA, faktor ini diambil kira untuk membantu mengurangkan masalah pengangguran.²⁶ Oleh yang demikian, dasar MARA dalam pendidikan adalah untuk menambah guna tenaga yang sedia ada agar dapat menjadi ejen penggerak kepada negara.

Dasar pembangunan sumber manusia telah ditetapkan dalam semua pelan pembangunan utama. Pembangunan sumber manusia merupakan komponen penting dalam Rancangan Lima Tahun, Pelan Rangka Rancangan Jangka Panjang dan Pelan Induk Perindustrian bagi menggariskan satu garis panduan mengenai peruntukan, dasar, strategi dan program yang akan dilaksanakan. Contohnya Rancangan Malaysia Kelapan telah menetapkan Teras Dasar Sumber Manusia antaranya untuk menambah penawaran tenaga manusia berkemahiran tinggi dan berpengetahuan untuk menyokong pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan.²⁷ Selain itu, ia juga bertujuan untuk menambah peluang pendidikan dan latihan berkualiti bagi meningkatkan keupayaan menjana pendapatan dan kualiti hidup dan meningkatkan kualiti sistem penyampaian pendidikan dan latihan untuk memastikan penawaran tenaga manusia selaras dengan perubahan teknologi dan permintaan pasaran.²⁸

²⁶ Majlis Amanah Rakyat (MARA), *Laporan Tahunan 1989*, hlm. 4.

²⁷ *Rancangan Malaysia Kelapan, 2001-2005*, Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad, 2001, hlm. 99-104.

²⁸ *Ibid.*, hlm. 6.

Jadual 7.1 menunjukkan gunatenaga sektor pembuatan mengikut kategori pekerjaan bagi tahun perbandingan 1995, 2000 dan 2010. Sektor pengeluaran merupakan kategori pekerjaan yang paling tinggi gunatenaganya dan memerlukan lebih ramai guna tenaga pada masa hadapan. Peningkatan ini adalah selaras dengan saranan kerajaan untuk menggalakkan sektor swasta tempatan mengeluarkan produk tempatan yang bertaraf dunia bagi mengambil peranan sebagai pelabur, pengeluar dan pengeksport daripada pelabur asing.

Jadual 7.1: Malaysia:Guna Tenaga Sektor Pembuatan Mengikut Kategori Pekerjaan 1995 dan 2000

Kategori Pekerjaan	1995	2000
Profesional & Teknikal	74.4	119.8
Pengurus Pentadbiran	61.3	71
Perkeranian	143.7	165.8
Jualan	24.8	30.2
Perkhidmatan	39	45.6
Pertanian	10.3	15.7
Pengeluaran	1698.3	2262
Jumlah	2051.6	2710

Sumber: UPE (Kajian Skills Need Model).

Jadual 7.1 menunjukkan guna tenaga yang paling banyak diperlukan adalah daripada kategori pekerjaan pengeluaran. Terdapat peningkatan bagi setiap kategori pekerjaan untuk tahun 2000. Ini menunjukkan bahawa penekanan terhadap kemahiran-kemahiran Teknikal dan Komunikasi adalah penting.²⁹ Bidang kritikal yang dikenalpasti mengalami kekurangan tenaga mahir khususnya di peringkat *highly-skilled* atau *multi-skilled* sementara keperluan terhadap tenaga kerja *unskilled* dan *semi skilled* adalah menurun.


Selain itu, dalam suasana persekitaran yang memerlukan daya saing yang tinggi, bilangan permintaan untuk tenaga kerja mahir atau K-pekerja adalah tinggi. Pekerja berilmu merupakan penyumbang untuk membina satu bangsa yang berdaya tahan, berdaya saing dan berdaya maju. K-pekerja dikenal pasti sebagai peneraju pembangunan negara alaf baru dan amat penting dalam menangani cabaran globalisasi masa kini. Dalam perutusan Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Bin Mohamed sempena Hari Pekerja pada 1 Mei 2001, beliau antara lain menegaskan:

“... pekerja zaman ini memerlukan pengetahuan yang lebih untuk meningkatkan produktiviti mereka dan menjadikan hasil kerja mereka lebih kompetitif. Sudah tentu ini bermakna pekerja mestilah sanggup dilatih semula. Adalah diharap kecekapan yang baru ini akan menolong meningkatkan pendapatan pekerja. Tidak ada jaminan yang ini berlaku tetapi perkara yang tetap akan berlaku ialah kegagalan kita menguasai pengetahuan yang diperlukan akan membawa bencana kepada kita, termasuk pengangguran akibat pelaburan dibawa ke negara lain. Dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) Kerajaan memberi fokus kepada usaha melatih dan mendidik tenaga kerja kita dengan pengetahuan, kemahiran dan kepakaran agar mereka dapat terus mendapat peluang bekerja dan menyumbang kepada pembangunan negara.”³⁰

²⁹ Persidangan Kebangsaan Pendidikan dan Latihan Teknik dan Vokasional pada 29 September 2003 di Batu Pahat, Johor, hlm. 4.

³⁰ K-Pekerja, Pemangkin Kecemerlangan Negara, Siri Ucapan Penting, Kementerian Penerangan.

Memandangkan keperluan semasa yang memerlukan sektor latihan kemahiran negara untuk sentiasa bersifat dinamik, MARA mengambil langkah untuk sentiasa sentiasa beradaptasi dengan keperluan semasa negara. Langkah-langkah memperkemarkan latihan kemahiran khasnya di IKM sentiasa dilakukan dari masa ke masa sejak tahun 1981. Pada peringkat akhir tempoh pengukuhan IKM, iaitu memasuki alaf baru, Majlis Tindakan Negara telah memutuskan bahawa MARA perlu mengkaji kelayakan masuk serta sukatan pelajaran bagi institut MARA tersebut. Perkara ini selaras dengan saranan kerajaan bagi melahirkan guna tenaga yang berkualiti. Kelayakan masuk ke IKM perlu dinaikkan kepada yang lebih tinggi dari Sijil Rendah Pelajaran. Dengan itu, pelajar-pelajar di IKM akan lebih berkemampuan untuk menerima dan mengikuti sukatan pelajaran yang cukup tinggi bagi membolehkan lepasan institut itu menjalankan perusahaan dan perniagaan sebaik sahaja tamat dari kursus.³¹ Dengan menaikkan kelayakan masuk ke IKM, MARA sekaligus dapat melahirkan pekerja mahir yang berpengetahuan (k-workers). Malah, matlamat kemahiran kini bukan sahaja untuk melahirkan pekerja mahir tetapi untuk menyediakan laluan melanjutkan pelajaran ke Institusi Pengajian Tinggi.³² Laluan yang dimaksudkan adalah seperti yang ditunjukkan di bawah:



Rajah 7.1: Laluan Pendidikan Kemahiran MARA

³¹ *Rancangan Malaysia Kelapan, 2001-2005*, hlm. 6.

³² *Sejarah, Kini, Menuju Puncak Latihan Kemahiran MARA*, hlm. 8.

³³ KKTM merujuk kepada Kolej Kemahiran Tinggi MARA. Ia merupakan sebuah organisasi dalam MARA yang menawarkan program diploma kepada para pelatihnya.

Berdasarkan laluan pengajian kemahiran yang dibentuk oleh MARA, ia telah membolehkan para pelajar dalam bidang ini untuk bermula daripada peringkat yang paling asas. Bermula daripada GiatMARA, pelajar-pelajar lepasan institusi ini boleh melanjutkan pengajian di IKM. Setelah memperolehi sijil di IKM, mereka boleh memohon untuk melanjutkan pengajian di peringkat Diploma di Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTm). Peringkat terakhir dalam laluan pengajian ialah pelajar yang berjaya mendapat diploma di KKTm boleh memohon untuk mengikuti kursus peringkat ijazah di Universiti Kuala Lumpur (UniKL). Laluan pengajian ini jelas menunjukkan peluang yang telah disusun atur oleh MARA untuk membolehkan para pelajar yang kurang berkeupayaan dari segi akademik menimba kemahiran secara berperingkat sehingga mereka berjaya menggenggam segulung ijazah diakhirnya. Laluan pengajian berasaskan kemahiran ini merupakan laluan kedua yang dicipta oleh MARA selain laluan akademik yang khusus buat pelajar yang cemerlang di bidang akademik.³⁴

7.4 Kurikulum

Dalam memperjelaskan aspek kurikulum pendidikan dan latihannya, IKM dalam tempoh 1981-2006 telah membentuk program pengajian yang lebih mantap berbanding dengan tempoh sebelumnya. Aspek kurikulum pendidikan dan latihan yang ditawarkan oleh IKM memperlihatkan fokus yang khusus kepada pemberian latihan berbentuk amali berbanding dengan penekanan terhadap teori. Perkara ini jelas ditekankan dalam konsep latihan kemahiran IKM:

“The curriculum are designed not to develop conceptual abilities but to develop specific skills. Current design approaches are being used and applied to solve problem situation similar to those used in industrial and real work environment. Our training programmes use fundamental and

³⁴ Temuramah dengan Tuan Haji Roseli bin Dol, Pengarah Kolej Kemahiran Tinggi MARA Pasir Mas pada 10 Ogos 2009 jam 10.30 pagi di pejabat beliau.

basic knowledge of materials, forces, energy, physical and chemical behaviour and apply this knowledge to operations, equipments maintenance and component development.”³⁵

Jesteru, kemahiran yang disediakan merupakan sebagai tambahan kepada bidang kejuruteraan, misalnya bagi menyiapkan *engineering-drawing, machine placement maintenance procedures and safety practices*. Kursus yang disediakan juga merupakan pemberian latihan kemahiran sebagaimana yang diperlukan oleh pasaran kerja. Oleh itu kursus-kursus di IKM adalah dilengkapi dengan pengetahuan, kemahiran dan sikap yang perlu ada bagi melahirkan gunatenaga kepada negara.

Bagi mewujudkan pelatih yang memiliki ilmu pengetahuan dan mempunyai ciri keusahawanan, MARA telah menggubal kurikulumnya yang tersendiri. Ia bukan hanya sekadar bertumpu kepada latihan kemahiran tetapi juga merangkumi ciri-ciri lain yang diperlukan dalam kehidupan. Pelatih yang mengikuti latihan di mana-mana IKM diwajibkan untuk mengikuti empat kategori latihan yang ditetapkan MARA. Empat kategori latihan ini dibentuk bagi menstrukturkan semula sistem kemahiran itu sendiri. Komponen latihan adalah terbahagi kepada empat bahagian iaitu:

- a) Pengajian Teknikal.
- b) Pengajian Am.
- c) Ko-kurikulum.
- d) Latihan dalam logi (LDL).

Pembahagian kepada empat komponen ini hanya dilakukan pada tahun 1981 apabila Bahagian Kemahiran merombak semula struktur pengajian mereka untuk tujuan pemantapan. Kursus yang diperkenalkan kini meliputi semua aspek iaitu kemahiran.

³⁵ MARA Vocational Training, Majlis Amanah Rakyat (MARA), hlm. 3.

Pengajian Am dan juga ko-kurikulum. Ianya lebih bersifat seimbang dan cenderung dalam menghasilkan guna tenaga yang holistik.

7.4.1 Pengajian Teknikal

Matlamat pembelajaran dalam komponen Pengajian Teknikal adalah untuk menyampaikan seberapa banyak pengetahuan dan kemahiran sesuai dengan tahap dan bidang yang diikuti pelatih supaya dapat memenuhi keperluan industri negara. Pengajian Teknikal ini merupakan bahagian latihan yang paling utama bagi setiap kursus yang ditawarkan di IKM. Pelatih diwajibkan mengikuti setiap subjek yang ditawarkan dalam bahagian ini dan perlu lulus keseluruhannya. Pelatih yang didapati gagal mencapai tahap yang ditetapkan perlu mengulangi subjek berkenaan sehingga lulus. Kursus-kursus yang ditawarkan IKM juga berubah dari semasa ke semasa mengikut permintaan pasaran kerja. Perubahan-perubahan yang berlaku ini adalah ekoran daripada perubahan teknologi yang berkembang dengan begitu pantas. Oleh itu, kursus-kursus yang agak ketinggalan zaman akan dijumudkan atau dicantumkan dengan kursus yang baru.³⁶ Sehingga dekad pertama 2000, IKM mempunyai 10 jurusan kemahiran iaitu Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Lukisan & Rekabentuk), Teknologi Kejuruteraan Automobol (Jentera Berat), Teknologi Kejuruteraan Automobol, Teknologi Baik Pulih Badan Kenderaan, Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Domestik & Industri), Teknologi Kimpalan & Fabrikasi, Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Pembuatan), Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Penyelenggaraan Mesin), Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Penjaga Jentera) dan Teknologi Mekanikal (Automotif).³⁷

³⁶ Temuramah Tuan Haji Roseli bin Dol, Pengarah Kolej Kemahiran Tinggi MARA Pasir Mas pada 10 Ogos 2009 jam 10.30 pagi di pejabat beliau.

³⁷ Norasmah Othman dan Muharam Gaya, "Tahap Pengetahuan Pelatih Institut Kemahiran MARA Mengenai Persekitaran Kondusif Untuk Bakal Usahawan" *Jurnal Teknologi*, Universiti Teknologi Malaysia, 2009, hlm. 49.

7.4.2 Pengajian Am

Matlamat pembelajaran dalam komponen Pengajian Am ini merupakan subjek sokongan bagi mencapai matlamat latihan kemahiran MARA. Pelatih daripada semua kursus diwajibkan mengambil Pengajian Am dan perlu lulus untuk tujuan persijilan. Subjek-subjek yang terkandung dalam komponen Pengajian Am ialah Bahasa Inggeris, Pendidikan Islam dan Keusahawanan. Pembelajaran komponen-komponen ini bertujuan untuk melahirkan golongan belia yang mempunyai keseimbangan diri dari aspek Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek (JERI). Jesteru, MARA mahu menghasilkan belia yang bukan sahaja mempunyai kemampuan teknikal yang tinggi tetapi juga berakhlak mulia dan menjadi insan yang berintegriti.³⁸

7.4.3 Ko-kurikulum

Komponen ko-kurikulum yang perlu diikuti pelatih di IKM terdiri daripada aktiviti-aktiviti pertubuhan badan beruniform, sukan, persatuan, kelab dan aktiviti kemasyarakatan. Pelatih diwajibkan untuk melibatkan diri dalam sekurang-kurangnya satu aktiviti ko-kurikulum sepanjang latihan. Pelatih yang melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti ko-kurikulum akan diberikan sijil atau surat pengesahan yang dikeluarkan oleh IKM atau badan yang menganjurkannya.³⁹

³⁸ Temuramah Tuan Haji Roseli bin Dol, Pengarah Kolej Kemahiran Tinggi MARA Pasir Mas pada 10 Ogos 2009 jam 10.30 pagi di pejabat beliau.

³⁹ *Buku Panduan Kursus, Program Latihan Sepenuh Masa Institut Kemahiran MARA*, 1988, hlm. 4.

7.4.4 Latihan Industri

Selain daripada Pengajian Teknikal, Pengajian Am, dan ko-kurikulum, Latihan Industri merupakan satu aktiviti yang dilaksanakan IKM dalam mendedahkan para pelatih kepada suasana latihan di industri tempatan untuk memenuhi keperluan latihan. Pelatih-pelatih dimestikan menghadiri kuliah dan bengkel bagi setiap subjek. Kehadiran yang direkodkan kurang daripada 90% daripada masa yang ditetapkan untuk sesuatu subjek tanpa sebab yang munasabah, akan diambil tindakan.⁴⁰ Tujuan latihan ini diwajibkan adalah untuk memberikan pendedahan sebenar kepada pelatih meliputi pengalaman bekerja dalam sektor industri. Latihan Industri ini secara langsung berupaya menyiapkan pelatih-pelatih IKM kepada suasana dan persekitaran pekerjaan di masa hadapan.

7.5 Sistem Penilaian dan Persijilan

Untuk memastikan keberkesanan sesuatu latihan yang dijalankan di IKM, penilaian wajib merupakan satu kaedah pengukuran keberkesanannya. Penilaian akan dijalankan terhadap setiap subjek yang diajar dalam kursus berkenaan. Peratus penekanan dari segi pengetahuan dan kemahiran akan ditetapkan mengikut matlamat pembelajaran subjek tersebut. Jumlah dan bentuk penilaian yang dijalankan pada setiap subjek juga akan ditentukan mengikut keperluan subjek berkenaan. Markah penilaian keseluruhan bagi setiap subjek akan diambil dari mana-mana bentuk penilaian yang ditetapkan seperti markah-markah dari ujian, ujian lisan, tugas dan ujian akhir. Keputusan penilaian setiap subjek dikeluarkan dalam bentuk gred. Gred yang diperolehi akan tertera dalam Penyata Pencapaian. Pada peringkat awal, penilaian dibuat berdasarkan pencapaian lulus atau gagal. Corak penilaian kemudiannya bertukar kepada sistem CGPA

⁴⁰ Ibid, hlm. 4-5.

(Cumulative Grade Point Average). Penilaian bagi setiap subjek dibuat secara berkala dan berterusan. Bagi pelatih yang telah tamat latihan, pengiraan CGPA dibuat dengan mengambil kira keputusan yang lalu. Pelatih hanya akan dianugerahkan Sijil Teknologi yang dikeluarkan oleh Bahagian Kemahiran MARA (BKM) setelah memenuhi dua syarat berikut:

- a) Lulus dalam setiap subjek yang disyaratkan bagi kursus berkenaan.
- b) Lulus sekurang-kurangnya tiga semester aktiviti ko-kurikulum yang diwajibkan.⁴¹

Selain persijilan yang dianugerahkan oleh Latihan Kemahiran MARA, pelatih IKM juga memperoleh sijil tambahan seperti Sijil Pendawai Elektrik dan Sijil Penjaga Jentera bagi bidang Elektrikal, Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), *Welding Inspector Certificate* dan lain-lain. Pada tahun 2006, kursus sijil di IKM telah mendapat pengiktirafan dari JPA sebagai setaraf dengan Sijil Kejuruteraan atau Sijil Teknologi dari institusi-institusi pengajian tinggi tempatan yang lain.⁴² Tujuan menaikkan taraf kelayakan adalah untuk memastikan kualiti guna tenaga yang cemerlang. Dalam hal ini, MARA tidak berkompromi dalam memastikan sijil yang diberikan kepada pelatihnya menepati piawaian yang ditetapkan.

7.6 Kursus-kursus di IKM

Dalam tempoh 1981 sehingga 2006, kursus-kursus yang ditawarkan di bawah Latihan Kemahiran MARA menunjukkan pertambahan dari masa ke masa. Kursus-kursus yang dilaksanakan di IKM dikategorikan kepada tujuh sektor bidang utama melibatkan 30

⁴¹ Majlis Amanah Rakyat (MARA), *Program Latihan dan Kemahiran MARA Tahap Sijil dan Diploma Tahun 2004/05*, hlm. 19.

⁴² Surat Puan Rukiah bt. Shafei dari Unit Pengiktirafan Kelayakan Bahagian Latihan JPA kepada Y.Bhg Datuk Nam Marthinin, 13 Julai 2006. Lihat fail Bahagian Kemahiran Tinggi Bil 3/06. Maklumat lanjut juga diperolehi hasil temuramah Encik Mohd Nizam bin Ali, Penolong Ketua Pengarah Bahagian Kurikulum bertarikh 16 Julai 2009 jam 10.50 pagi di Ibu Pejabat MARA.

jenis kursus di peringkat sijil di seluruh IKM di Malaysia. Jadual 7.2 berikutnya menunjukkan jenis kursus dalam sektor bidang utama yang ditawarkan di IKM. Merangkumi tujuh sektor, ia terbahagi kepada mekanikal (pembuatan), mekanikal (servis), automotif, awam, elektronik, elektrik, seni dan rekabentuk. Kursus-kursus yang ditawarkan ini adalah seiring dengan keperluan semasa negara di mana penawarannya oleh IKM adalah untuk membolehkan sukatan pendidikan di institusi berkenaan sentiasa “up to date”. Ditinjau terhadap dinamika atau kepelbagaian jenis kursus yang dikendalikan oleh IKM dalam jadual tersebut, ia turut menyediakan para pelajarnya untuk bergiat dalam bidang kemahiran khususnya dalam pelbagai aspek kemahiran yang begitu diperlukan negara.

Jadual 7.2: Jenis Kursus dalam Sektor Bidang Utama yang Ditawarkan di IKM

SEKTOR BIDANG UTAMA						
MEKANIKA (PEMBUATAN)	MEKANIKA (SERVIS)	AUTOMOTIF	AWAM	ELEKTRONIK	ELEKTRIKAL	SENI & REKABENTUK
Pembuatan Foundri Kimpalan	Penyelenggaraan Mesin	Automobil Maritim Automotif Komersial	Bangunan Bekalan Air dan Pembentungan	Elektronik Industri	Elektrik Domestik & Dalaman	Senibina Pengiklanan & Rekabentuk Grafik
Lukisan & Rekabentuk Teknikal	Pemanasan, Pengudaraan, Penyaman Udara dan Penyejukan (HVAC & R)	Baikpulih Badan Kenderaan	Lukisan Struktur	Elektronik Komunikasi	Elektrik Kuasa	Upholstri Industri dan Hiasan Dalaman
Fabrikasi Logam		Automotif Jentera Berat		Elektronik Instrumen	Penjaga Jentera Elektrik	Rekabentuk & Pembuatan Perabot
Elektro Penyaduran		Penyelenggaraa n Pesawat Udara		Mekatronik Komputer		Landskap

Sehingga tahun 2006, terdapat sebanyak 12 buah IKM yang sedang beroperasi mengendalikan kursus bertaraf sijil. Antara IKM tersebut ialah:

Jadual 7.3: Senarai IKM di seluruh Malaysia Sehingga Tahun 2006

Nama Institusi	Tahun Operasi
IKM Jasin	1968
IKM Alor Setar	1969
IKM Johor Bahru	1973
IKM Sungai Petani	1973
IKM Kuala Lumpur	1974
IKM Tan Sri Yahya Ahmad (Pekan)	1976
IKM Lumut	1977
IKM Kuching	1984
IKM Beseri	1992
IKM Besut	1992
IKM Kota Kinabalu, Sabah	2002
IKM Sik	2004

Sumber: Majlis Amanah Rakyat (MARA), *Data Korporat MARA 2006*, hlm. 42.

Pengendalian kursus-kursus kemahiran di IKM menghadapi masalah dan cabaran yang tersendiri. Antara dilema yang dihadapi MARA adalah menjurus kepada sistem piawaian bagi kursus kemahiran di institusi tersebut. Selain IKM, pelbagai institusi kemahiran telah tumbuh dengan pesatnya dan turut sama memperkenalkan berbagai bentuk program kemahiran.⁴³ Ada di antara institusi-institusi kemahiran yang

⁴³ Selain dari MARA, terdapat pelbagai institusi lain juga yang mengendalikan latihan kemahiran seperti Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Institut Latihan Perindustrian (ILP) dan politeknik.

lebih mengutamakan keuntungan. Oleh yang demikian, kursus sijil dan diploma yang dihasilkan adalah mengikut takrif tersendiri dan tidak merujuk kepada suatu piawaian yang khusus. Masalah dalam mewujudkan standard piawaian seragam merupakan masalah yang melanda kesemua institusi kemahiran di Malaysia termasuk IKM. Di awal penubuhan IKM, pengiktirafan adalah diperolehi daripada kelayakan vokasional luar negara iaitu *City and Guilds of London Institute (CGLI)*.

MARA kemudiannya telah mendaftar dengan Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK).⁴⁴ MLVK telah dibentuk pada tahun 1989 bagi menggantikan Lembaga Latihan dan Persijilan Perindustrian dan Ketukangan Kebangsaan. MLVK mempunyai perwakilan daripada awam dan swasta untuk menyelaras perancangan dan pembangunan latihan vokasional kebangsaan dan memastikan program-program latihan memenuhi kehendak perindustrian.⁴⁵ MLVK merupakan sebuah agensi kerajaan yang berperanan dalam membangunkan prasarana untuk mengembangkan pentauliahan kemahiran. Selain itu, MLVK juga berperanan mengeluarkan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) yang terbahagi kepada tiga tahap iaitu asas, pertengahan dan tinggi.

MLVK mengenakan bayaran yang agak tinggi bagi institusi yang mahu pengiktirafannya. Hal ini mendatangkan kepada kesukaran kepada para pelatih yang mengikuti program kemahiran tersebut kerana rata-rata dalam kalangan mereka terdiri daripada keluarga yang berpendapatan rendah. Memandangkan bayaran yang dikenakan adalah tinggi untuk mendapatkan SKM ini, MARA mencari alternatif lain yang lebih menjimatkan pelajar dan memudahkan mereka mengikuti pengajian di IKM. MARA telah memohon pengiktirafan dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Masalah lain

⁴⁴MLVK di bawah Kementerian Sumber Manusia ditubuhkan untuk mengiktiraf pencapaian kemahiran melalui Skim Kemahiran Malaysia (SKM) berdasarkan kepada tahap kompetensi melalui pematuhan standard yang ditetapkan. Sistem pengiktirafan kemahiran ini yang berasaskan kepada keperluan industri bertujuan mengenalpasti kemahiran-kemahiran penting dalam industri utama negara bagi membantu meningkatkan latihan dan pensijilan.

⁴⁵ *Rancangan Malaysia Keenam 1991-1995*, Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1991, hlm. 185.

yang turut dihadapi MARA ialah, sektor industri yang bertanggungjawab untuk mengambil pekerja juga tiada garis standard untuk menentukan tahap seseorang pelatih kemahiran.⁴⁶

Satu lagi masalah utama yang terpaksa dihadapi MARA ialah perubahan teknologi yang begitu pantas telah membawa kepada masalah pengendalian kursus-kursus kemahiran. Perkara ini disebabkan terdapat sesetengah kursus yang dianggap telah ketinggalan zaman dan perlu ditukar ke suatu pendekatan yang baru. Hal yang sama juga berlaku dengan peralatan dan mesin yang digunakan. Peralatan dan mesin yang dimiliki dan digunakan IKM perlu sentiasa terkini agar kualiti pengajian yang baik dapat dikekalkan. Usaha untuk mengekalkan kualiti bukanlah suatu yang mudah kerana kos yang diperlukan bagi suatu kursus baru bukanlah sedikit malah ia menelan belanja yang banyak.⁴⁷

MARA juga menghadapi masalah mencari tenaga pengajar yang bertauliah. Ini disebabkan MARA tidak dapat menawarkan gaji yang tinggi seperti mana yang ditawarkan oleh syarikat swasta yang lain. Oleh yang demikian, ramai tenaga pengajar memilih untuk bekerja di sektor swasta memandangkan gaji yang mereka bakal perolehi adalah tiga kali ganda dengan gaji yang ditawarkan oleh MARA. Kehilangan tenaga pengajar yang berwibawa menjadi masalah yang utama dalam bidang kemahiran. Kadangkala MARA terpaksa menanggung kerugian kehilangan tenaga pengajar yang terlatih apabila mereka memilih untuk berkecimpung dalam sektor perindustrian.

⁴⁶ Temuramah Tuan Haji Roseli bin Dol, Pengarah Kolej Kemahiran Tinggi MARA Pasir Mas pada 10 Ogos 2009 jam 10.30 pagi di pejabat beliau.

⁴⁷ Ibid.

Kursus kemahiran ini juga menerima pandangan serong segelintir masyarakat yang sering menganggap kursus ini adalah untuk pelajar yang lemah pencapaian akademiknya. Masyarakat umumnya tidak melihat latihan kemahiran sebagai suatu peluang yang baru dan boleh diterokai. Oleh itu, kursus kemahiran sentiasa menjadi pilihan terakhir dan kurang popular dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Perkara berkenaan merupakan antara cabaran besar yang perlu ditempuhi oleh MARA amnya dan Bahagian Kemahiran khususnya dalam mengetengahkan program kemahiran agar sentiasa mendapat tempat yang sewajarnya dalam masyarakat. Hal ini kerana kemahiran yang diperolehi mampu menawarkan prospek kerjaya yang tinggi. Lulusan kemahiran juga didapati berupaya mendapat pekerjaan dengan mudah serta gaji yang diperolehi adalah lebih tinggi berbanding graduan aliran akademik. Justeru, dengan usaha yang digerakkan oleh MARA ini akan membolehkan bidang kemahiran berdiri sebaris dengan bidang akademik pada masa hadapan.⁴⁸

Di sebalik masalah dan cabaran yang terpaksa dihadapi IKM, secara keseluruhannya institusi latihan kemahiran ini memperlihatkan keupayaan untuk mengatasi halangan-halangan berkenaan. Keupayaan dalam mengatasi masalah dan cabaran dapat diukur dan dinilai secara menyeluruh melalui pencapaian IKM untuk memenuhi matlamat utamanya iaitu memberikan latihan kemahiran kepada Bumiputera sesuai dengan perkembangan semasa. Bagi tujuan pengukuran pencapaian latihan kemahiran, MARA telah mengambil inisiatif untuk mengkaji keberkesanan program kemahirannya. Ia dilaksanakan melalui kajian pengesanan graduan yang diadakan dari tahun 2000 hingga 2009. Hasil kajian tersebut menunjukkan bahawa program kemahiran ini mampu untuk memberi jaminan masa depan kepada para pelatih. Jadual 7.4 menunjukkan pendapatan bulanan pelatih kemahiran MARA.

⁴⁸ Kertas kerja Kajian Sistem Pendidikan Kebangsaan, Tinjauan Mengenai Cabaran-cabaran Pendidikan Vokasional di Malaysia, hlm. 12.

Jadual 7.4: Jumlah pendapatan yang dimiliki oleh pelatih Institut Kemahiran MARA dari tahun 2000-2006

PENDAPATAN BULANAN	BILANGAN	PERATUS
Kurang RM 1000	986	38.3
RM 1,001-RM 2,000	1359	52.8
RM 2001-RM 3000	211	8.2
RM 3001-RM 4000	15	0.6
Melebihi 5,001	3	0.1
Keseluruhan	2574	100.0

Sumber: Majlis Amanah Rakyat (MARA), Laporan Kajian Pengesanan Graduan IKM dan KKTM, hlm. 10.

Jadual di atas menunjukkan bahawa rata-rata graduan IKM menerima pendapatan dalam lingkungan RM 1,001 hingga RM 2,000, iaitu dalam lingkungan 52.8%. Manakala peratusan graduan yang menerima pendapatan dalam lingkungan kurang daripada RM 1000 membentuk 38.3%.⁴⁹ Berdasarkan rekod berkenaan, penawaran kursus sijil oleh IKM terbukti mampu membantu pelatih institusi tersebut untuk meraih pendapatan mencecah ribuan ringgit. Oleh itu, berdasarkan perolehan kewangan, IKM secara tidak langsung berupaya membantu meningkatkan taraf hidup para pelatih Bumiputera. Jadual 7.5 pula menunjukkan jenis pekerjaan yang diceburi oleh pelatih kemahiran.

⁴⁹ Laporan Kajian Pengesanan Graduan IKM dan KKTM, Unit Penyelidikan, Seksyen Penyelidikan dan Maklumat BKT, hlm. 10.

Jadual 7.5: Jenis Pekerjaan dan Peratus Penglibatan Pelatih Kemahiran

Jenis Pekerjaan	Bilangan	Peratus %
Swasta/Industri	2267	59.5%
Kerajaan/Badan Berkanun	307	8.1%
Usahawan	83	2.2%
Melanjutkan Pelajaran	645	16.9%
Tidak Bekerja	420	11.0%
Sedang Mencari Pekerjaan (dalam tempoh 6 bulan selepas konvokesyen)	86	2.3%
Jumlah	3808	100.0

Sumber : Laporan Kajian Pengesanan Graduan IKM dan KKTm, hlm. 9.

Daripada 3,808 responden yang di soal-selidik, seramai 2,574 (67.6%) lepasan graduan IKM merupakan mereka yang bekerja. Seramai 2,267 orang (59.5%) bekerja dalam sektor swasta atau industri manakala seramai 307 orang (8.1%) bekerja dengan agensi kerajaan atau badan berkanun. Manakala sejumlah 83 orang (2.2%) menjadi usahawan, 645 orang (16.9%) melanjutkan pelajaran, 420 orang (11.0%) tidak bekerja dan 86 orang (2.3%) didapati sedang berada dalam proses mencari pekerjaan. Secara keseluruhannya seramai 86.7% lepasan graduan telah berjaya mendapat pekerjaan, menjadi usahawan dan melanjutkan pelajaran.

Jadual 7.6: Jadual Bidang Pekerjaan yang diceburi oleh Pelatih IKM.

Jenis Pekerjaan	Bilangan	Peratus %
Kemahiran	737	28.6

Jadual 7.6, sambungan

Jenis Pekerjaan	Bilangan	Peratus %
Pengurusan Perniagaan	80	3.1
Perkhidmatan	335	13.0
Kejuruteraan	928	36.1
Pemasaran	46	1.8
Pengkomputeraan	84	3.3
Pembuatan	153	5.9
Pendidikan/Latihan	64	2.5
Pengurusan dan Pentadbiran	147	5.7
Jumlah	2574	100.0

Sumber : Laporan Kajian Pengesanan Graduan IKM dan KKTm, hlm. 9.

Jadual 7.6 menunjukkan bahawa kebanyakan lepasan graduan IKM dan KKTm bekerja dalam bidang kejuruteraan iaitu sebanyak 36.1%. Manakala bidang pemasaran menjadi paling sedikit untuk diceburi oleh lepasan graduan kerana kurang berkaitan dengan apa yang telah dipelajari di IKM. Jadual ini juga menunjukkan bahawa pekerjaan yang diceburi oleh graduan IKM amat berkaitan dengan bidang yang mereka pelajari. Hal ini memperlihatkan korelevan program-program kemahiran yang dilaksanakan di IKM.

Justeru, berdasarkan pencapaian-pencapaian yang diperolehi IKM, jelas institusi kemahiran tersebut mampu memenuhi kehendak-kehendak perindustrian negara dan tindakan afirmatif terhadap Bumiputera sejak tahun 1981 hingga tahun 2006. Latihan kemahiran yang disediakan di IKM sentiasa berkembang menurut keperluan-keperluan semasa, ia sekaligus memperlihatkan dinamika bidang latihan dan kemahiran yang

dikendalikan MARA. Keupayaan IKM dalam mencapai sasaran-sasaran perindustrian yang disasarkan kerajaan juga membuktikan IKM mencapai suatu tahap kukuh dalam jangkamasa 1981-2006.

7.7 Penubuhan dan Perkembangan GiatMARA, 1986-2006

Selain IKM, usaha pemberian latihan kemahiran kepada Bumiputera diperluaskan melalui penubuhan sebuah institusi latihan kemahiran yang lain pada tahun 1986. Berbeza dengan IKM yang lebih kompleks, MARA telah menubuhkan sebuah institusi kemahiran yang dikenali sebagai GiatMARA untuk memberikan pendidikan berorientasikan kemahiran yang asas kepada Bumiputera. Penubuhan institusi tersebut merupakan hasil daripada keputusan Mesyuarat Majlis MARA ke 148 pada tahun 1986 yang telah meluluskan konsep pusat GiatMARA dan seterusnya bersetuju menubuhkan Syarikat GiatMARA Sdn. Bhd.⁵⁰ GiatMARA merupakan sebuah institusi latihan peringkat akar umbi yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat. Pentadbiran institusi ini diletakkan di bawah MARA sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar.

Tujuan penubuhan GiatMARA ialah menyediakan latihan kemahiran teknikal dan vokasional kepada belia-belie di luar bandar dan di dalam bandar. Pada mulanya, MARA bercadang untuk menubuhkan Mini IKM, namun ia kurang mendapat sambutan. GiatMARA ditubuhkan sebagai projek perintis dengan menggunakan peruntukan dalaman MARA.⁵¹ Latihan yang disediakan GiatMARA membolehkan para belia mendapat kemahiran sebagai suatu persediaan untuk menjadi tenaga kerja mahir dan usahawan teknikal bagi memenuhi keperluan industri dan keperluan kegiatan ekonomi

⁵⁰ Minit Mesyuarat Majlis MARA 148, Bil. 12, 1986.

⁵¹ Majlis Amanah Rakyat (MARA), GiatMARA Malaysia. Majlis Taklimat GiatMARA kepada Y. B. Dato' Mohamed Khaled Nordin, Menteri Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD) pada 16 Februari 2006, di Tingkat 24 Ibu Pejabat MARA, hlm. 2.

serta keusahawanan di daerah setempat dan dalam negara. Bajet kewangan dalam pengoperasian GiatTMARA dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia melalui peruntukan yang disalurkan menerusi MARA. Penggunaan peruntukan yang diterima adalah berpandukan kepada Pekeliling Kewangan Kerajaan dan Pekeliling Kewangan MARA dari masa ke masa.⁵²

7.8 Matlamat Penubuhan GiatMARA

Berbeza dengan IKM yang memerlukan kelayakan akademik yang minimum untuk membolehkan seseorang pelajar Bumiputera memasukinya, kemasukan ke program GiatMARA tidak memerlukan syarat sebagaimana yang dikenakan oleh IKM. Hal ini didasari oleh matlamat penubuhan GiatMARA yang memberikan latihan kemahiran asas dan bertumpu di kawasan luar bandar. Berbanding dengan penduduk di kawasan bandar yang berpeluang mendapat pendidikan di sekolah-sekolah yang baik, penduduk di kawasan luar bandar tidak mempunyai peluang pendidikan yang sama. Oleh itu, disebabkan oleh faktor berkenaan, keciciran sekolah dan pencapaian akademik yang rendah adalah lebih lazim berlaku di kawasan luar bandar berbanding di kawasan bandar.

Perkara ini terbukti berdasarkan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJK2), 1991-2000 yang menekankan perkara tersebut. RRJK2 menyatakan bahawa satu masalah besar yang berlaku di luar bandar, khususnya di kampung-kampung terpencil dan di kebanyakan ladang-ladang ialah kekurangan sekolah yang memiliki kelengkapan yang cukup dan guru-guru terlatih yang sesuai serta persekitaran yang lebih baik untuk aktiviti pembelajaran. Keadaan berkenaan menjejaskan mutu pendidikan dan mengakibatkan kadar keciciran yang tinggi di sekolah-sekolah. Situasi

⁵² *Dasar-dasar GiatMARA: Kemahiran Wawasan Negara*, Kuala Lumpur: Majlis Amanah Rakyat, hlm. 8.

ini mengurangkan peluang-peluang bagi golongan miskin untuk memperbaiki kehidupan mereka melalui pendidikan.⁵³

Berdasarkan keadaan sedemikian, pemberian latihan kemahiran yang bersifat asas merupakan satu kaedah pihak kerajaan dalam memperbetulkan keadaan yang wujud akibat ketidakseimbangan yang wujud antara kawasan bandar dan luar bandar. Memandangkan golongan Bumiputera khasnya orang Melayu membentuk majoriti di kawasan luar bandar, pemberian latihan kemahiran yang asas adalah satu langkah dalam memperbaiki keadaan sosioekonomi Bumiputera sekaligus membantu membasmi kemiskinan. Hal ini bertepatan dengan agenda utama pentadbiran Dr. Mahathir yang mahu meningkatkan taraf hidup masyarakat Melayu dalam bidang ekonomi.⁵⁴

Langkah MARA menyediakan pemberian latihan kemahiran melalui GiatMARA jelas menjadi satu suntikan yang penting dalam konteks pemberian pendidikan kepada Bumiputera secara menyeluruh. Mulai tahun 1990, penubuhan GiatMARA adalah berkonsepkan setiap kawasan parlimen akan mempunyai satu Pusat GiatMARA.⁵⁵ Dalam perencanaanya, penubuhan GiatMARA adalah mengikut keperluan sama ada menerusi pembinaan bangunan secara kekal, separuh kekal atau menggunakan kabin yang diubahsuai. Setiap GiatMARA diwajibkan mengendalikan sekurang-kurangnya tiga jenis kursus. Jangkamasa kursus di GiatMARA adalah antara enam bulan hingga setahun. Kemudahan yang disediakan di setiap GiatMARA merangkumi komponen seperti bangunan pentadbiran, dewan serbaguna, bilik kuliah, makmal komputer, bengkel, bilik tamu, bilik tenaga pengajar, stor, tandas dan pondok pengawal.

⁵³ *Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua 1991-2000*, hlm. 11.

⁵⁴ Sivamurugan Pandian, *Legasi Mahathir*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 2005, hlm. 99.

⁵⁵ *Dasar-dasar GiatMARA: Kemahiran Wawasan Negara*, hlm. 1.

Program GiatMARA dilaksanakan sebagai satu usaha yang cepat ke arah menambah bilangan tenaga mahir yang diperlukan oleh negara. Kursus-kursus yang diadakan di GiatMARA adalah sesuai dengan keperluan semasa serta sesuai mengikut tahap dan jenis keperluan tenaga kerja. Harapan MARA agar program ini akan berupaya meningkatkan taraf sosioekonomi seseorang individu. Melalui latihan yang diperoleh, seseorang pelatih dapat menggunakan kemahiran yang diperoleh untuk menjana pendapatan. Di samping membekalkan tenaga mahir tempatan, pelatih-pelatih GiatMARA juga boleh dibentuk untuk menjadi usahawan kerana mereka yang selesai menjalani latihan di institusi berkenaan akan mempunyai kebolehan dalam aspek teknikal.

7.9 Perkembangan GiatMARA

Sebagai syarikat pengurus pentadbir, GiatMARA yang pertama ditubuhkan bertempat di Jitra, Kedah pada Januari 1986 (kini dikenali sebagai GiatMARA Prima Kubang Pasu) dengan pengambilan pertama seramai 60 orang pelatih dalam bidang Elektrik Domestik, Menerap Bata & Kayu Tanggam dan Bengkuk Besi. Akhir tahun pertama penubuhan Pusat GiatMARA pada tahun 1986, terdapat tiga buah Pusat GiatMARA termasuk di Paka, Kemaman dan di Bandar Muadzam Shah, Pahang.⁵⁶ Sebagai kesan daripada permintaan yang tinggi terhadap latihan kemahiran yang dikendalikan MARA, bilangan jumlah GiatMARA menunjukkan pertambahan sebanyak enam buah menjadikannya sembilan buah pada tahun 1987.⁵⁷ Bilangan GiatMARA terus meningkat pada tahun-tahun berikutnya apabila jumlah GiatMARA pada tahun 1988 ialah sebanyak 14 buah dan 16 buah pada tahun 1989.⁵⁸

⁵⁶ Majlis Amanah Rakyat (MARA), *Laporan Tahunan 1986*, hlm. 10.

⁵⁷ Majlis Amanah Rakyat (MARA), *Laporan Tahunan 1987*, hlm. 12.

⁵⁸ Majlis Amanah Rakyat (MARA), *Laporan Tahunan 1988*, hlm. 11 dan Majlis Amanah Rakyat (MARA), *Laporan Tahunan 1989*, hlm. 6.

Pada tahun 1990, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar merancang untuk menubuhkan GiatMARA di semua daerah dalam negara bagi menyediakan latihan asas teknikal dan vokasional kepada belia-belia di kawasan luar bandar. Bertepatan dengan tahun terakhir pelaksanaan DEB, Kerajaan Persekutuan merancang untuk membina sebanyak 30 buah GiatMARA. Menurut Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba, pengoperasian GiatMARA tidak memerlukan belanja yang besar memandangkan ia hanya memerlukan struktur bangunan yang asas sahaja seperti rumah-rumah kedai atau balai bomba yang tidak lagi digunakan sebagai tempat pelaksanaan program berkenaan. Encik Ghafar Baba menegaskan bahawa kerajaan tidak mahu para belia hanya berdiam diri dan terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang tidak sihat. Selain itu, wujud juga keperluan untuk membekalkan tenaga berkemahiran dalam negara selaras dengan peningkatan jumlah pelaburan luar.

Satu daripada ciri GiatMARA ialah tiada sebarang kelayakan akademik diperlukan untuk memasukinya dan para belia boleh mengikuti pengajian yang disediakan untuk tempoh selama yang disukai.⁵⁹ Jumlah GiatMARA yang ditubuhkan juga memperlihatkan pertambahan dari masa ke masa. Keadaan ini menunjukkan bahawa institusi latihan kemahiran yang asas ini sangat diperlukan untuk membangunkan tenaga Bumiputera luar bandar. Pada tahun 1991, bilangan GiatMARA yang ditubuhkan ialah 35 buah sahaja, namun jumlah ini meningkat sehingga 120 buah pada tahun 1995.⁶⁰ Sehingga akhir Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK-7) pada tahun 2000, sebanyak 152 buah GiatMARA berjaya ditubuhkan.

⁵⁹ *New Straits Times*, "Free Basic Technical Training in Districts", 19 Januari 1990, hlm. 2, dalam UPSE 179/991/50. Dasar Belia Negara.

⁶⁰ Majlis Amanah Rakyat (MARA). *Laporan Tahunan 1991*, hlm. 10, dan Majlis Amanah Rakyat (MARA). *Laporan Tahunan 1995*, hlm. 23.

Objektif penubuhan GiatMARA ialah untuk memberi pengetahuan dan latihan kemahiran teknikal kepada masyarakat setempat dalam pelbagai bidang yang bersesuaian. Pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi dapat digunakan untuk mencari peluang pekerjaan dan meningkatkan taraf hidup. Untuk mencapai hasrat menubuhkan GiatMARA di setiap kawasan parlimen, kerajaan menerusi Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD) telah memperuntukkan kepada MARA sebanyak RM 217,197,000 untuk tempoh dari tahun 1986 hingga 2005. Dalam Rancangan Malaysia ke 5, peruntukan yang diperolehi ialah sebanyak RM 15,630,000 manakala dalam Rancangan Malaysia ke 6 pula sebanyak RM 33,448,000 dan bagi Rancangan Malaysia ke 7 sebanyak RM 65,009,000 dan Rancangan Malaysia ke 8 ialah sebanyak RM 103,110,000.⁶¹

Dalam tempoh Rancangan Malaysia ke 5, kerajaan telah meluluskan sejumlah 15 buah GiatMARA dengan peruntukan belanja pembangunan sebanyak RM 15,630,000. Manakala, di dalam tempoh Rancangan Malaysia ke 6 kerajaan telah meluluskan tambahan sebanyak 22 buah GiatMARA lagi yang telah menjadikan 36 buah GiatMARA secara keseluruhannya. Peruntukan pembangunan untuk 36 buah GiatMARA ini ialah sebanyak RM 45,556,000. Di dalam tempoh Rancangan Malaysia ke 7, peruntukan pembangunan yang telah diluluskan ialah sebanyak RM 95,900,000 untuk 135 buah GiatMARA. Sehingga Januari 1999, 128 buah GiatMARA telah beroperasi di seluruh negara. Manakala sehingga Jun 2005 sebanyak 175 buah GIATMARA telah ditubuhkan. Dari tahun 1986 hingga tahun 2005, kerajaan telah memperuntukkan kepada MARA sebanyak RM 217,197,000 bagi penubuhan GiatMARA di setiap kawasan parlimen.

⁶¹ Analisa Pengambilan Pelatih dan Status Pelatih Lulusan GiatMARA, Unit Penyelidikan dan Pembangunan, Bahagian Perancangan Korporat MARA, Ibu Pejabat MARA, hlm. 1-3.

Program GiatMARA ini merupakan suatu usaha cepat dan singkat ke arah penambahan bilangan tenaga mahir yang sangat diperlukan oleh sektor perindustrian khususnya di kawasan luar bandar dan juga di kawasan separa bandar. Kursus yang diberi tumpuan adalah relevan dengan keperluan semasa dan berkait rapat dengan keperluan masyarakat setempat dan disesuaikan dengan jenis keperluan tenaga kerja. Seajar dengan keperluan tenaga negara dalam bidang industri, GiatMARA bersedia untuk bergerak maju memberi latihan teknikal kepada belia luar bandar dalam bidang bersesuaian dan mengikut keperluan masyarakat tempatan. Pertumbuhan ekonomi yang pesat dan dinamik memerlukan ramai tenaga mahir bagi memenuhi hasrat kerajaan menjayakan proses perindustrian negara.

Program GiatMARA dapat membantu kerajaan dalam usaha mengurangkan masalah sosial dalam kalangan muda-mudi. Langkah ini akan membantu negara dalam merealisasikan Wawasan 2020. Melalui pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi di pusat GiatMARA, belia yang terlatih dapat dipertingkatkan tahap sosioekonomi mereka, diberi rangsangan untuk mewujudkan sesuatu aktiviti ekonomi. Selain itu, bekas pelatih juga dibentuk untuk menjadi usahawan. Malah, bekas pelatih GIAT adalah merupakan sasaran utama MARA dalam membentuk “usahawan teknikal”.

Kumpulan sasar bagi program GiatMARA terfokus kepada belia-belia tempatan yang mengalami kesukaran untuk mendapat peluang pekerjaan yang menawarkan pendapatan yang lumayan. Program ini juga turut memberikan fokus kepada mereka yang tidak berpeluang untuk meneruskan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi atau lebih dikenali sebagai “*drop outs*”. Selain itu, kelompok yang belum pernah mendapat latihan juga tergolong dalam kumpulan ini. Program GiatMARA turut menyasarkan golongan yang kehilangan pekerjaan dan terpaksa mencari pekerjaan baru. Pendek kata,

golongan yang mempunyai kelayakan akademik yang rendah merupakan sasaran utama GiatMARA. Jesteru, GiatMARA berperanan sebagai platform kemahiran asas untuk mencari rezeki. Syarat kemasukan bagi mengikuti kursus di GiatMARA adalah seperti berikut:

- a) Bumiputera.
- b) Penduduk tempatan.
- c) Berumur antara 15 hingga 40 tahun pada tarikh memohon.
- d) Kelulusan akademik iaitu boleh menulis, membaca dan mengira.
- e) Sihat tubuh badan dan tidak cacat.
- f) Minat dalam bidang terpilih.

Pembangunan kurikulum bagi setiap kursus di GiatMARA adalah berpandu kepada NOSS Pembelajaran di MLVK. Kurikulum bagi kursus elektrik menggunakan kurikulum yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga. Pembelajaran yang dilaksanakan di GiatMARA adalah secara bermodul menurut kursus yang ditawarkan. Kurikulum yang ditawarkan GiatMARA adalah “multi-skill” dan “single-skill”. Setiap GiatMARA diharuskan menerima pentauliah MLVK sebagai pusat bertauliah untuk melaksanakan kursus latihan kemahiran. Pelatih-pelatih akan ditauliahkan dengan Sijil Kemahiran Malaysia (tahap 1, 2 atau 3) dan Sijil GiatMARA. Bagi kursus elektrik, pelatih-pelatih akan ditauliahkan dengan Sijil GiatMARA dan sijil yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga mengikut tahap kelulusan (PW1 sehingga PW4). Selain itu, pelatih-pelatih GiatMARA juga didedahkan dengan konsep “training cum production”, misalnya Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) iaitu mendirikan rumah kepada

golongan termiskin sebagai latihan kemahiran dalam bidang yang dipelajari.⁶² Kursus-kursus yang ditawarkan oleh GiatMARA merangkumi bidang-bidang berikut:

Jadual 7.7: Jenis Kursus yang ditawarkan oleh GiatMARA

BIDANG KURSUS
A) Bidang Binaan -Binaan (Batu Bata) -Binaan (Tukang Kayu) -Binaan Ubin -Memasang Paip Domestik -Teknologi Bangunan -Teknologi Simen dan Craft -Industrial Engineering&Maintenance
B) Bidang Perabot -Perabot Kayu -Perabot Rotan
C) Bidang Elektrik -Pendawaian Elektrik Domestik -Penyejukbekuan dan Penyaman Udara
D) Bidang Pembuatan -Fabrikasi Logam -Kerja Fibreglass -Kimpalan (6G) -Pembuatan Acuan dan Alat Pemotong L 1 dan L2 -Pemesin Am
E) Bidang Automotif -Teknologi Automotif Kenderaan -Membaiki Motosikal -Mengetuk dan Mengecat Kenderaan -Membaiki Injin Motorbot -Mekanik Am

⁶² *Dasar-dasar GiatMARA: Kemahiran Wawasan Negara*, hlm. 2.

Jadual 7.7, sambungan

BIDANG KURSUS
F) Bidang Mekanikal-Penyelenggaraan -Industrial Engineering Maintenance
G) Bidang Elektronik - Membaiki Radio&TV - Membaiki Alat Elektrik Penggera -Mekanik Komputer -Membaiki Alat Elektronik Pengguna&IT
H) Bidang Jahitan -Teknologi Fabrik -Jahitan Pakaian -Jahitan Kusyen
I) Bidang Percetakan -Teknologi Percetakan
J) Bidang Perkhidmatan - Pereka Gaya Rambut dan Kecantikan - Pengurusan Makanan dan Minuman

Sumber: Analisa Pengambilan Pelatih dan Status Pelatih Lepasan GiatMARA yang Menubuhkan Perniagaan, hlm. 4 dan 5.

Sehingga September 2004, sebanyak 169 GiatMARA telah berjaya diwujudkan dan beroperasi di seluruh Malaysia dengan keupayaan menerima seramai 15,433 orang pelatih setahun. Pada tahun 2006, terdapat sebanyak 184 buah GiatMARA di seluruh Malaysia.⁶³ Setiap negeri mempunyai GiatMARA bagi melatih anak tempatan dalam bidang kemahiran. Dari tahun 1986 hingga tahun 2004, jumlah pelajar yang diambil ialah seramai 145,722 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 127,226 orang direkodkan berjaya menamatkan latihan di GiatMARA merangkumi sebanyak 33 jenis

⁶³ Majlis Amanah Rakyat (MARA), *Data Korporat MARA 2006*, hlm. 44-48.

latihan dalam 10 bidang kursus. Jadual 7.8 adalah pecahan bilangan pengambilan pelatih dan pelatih yang berjaya menamatkan latihan mengikut bidang-bidang kursus.

Jadual 7.8: Bilangan Keseluruhan Pelatih dan Pelatih Tamat Mengikut Kursus Bagi Tahun 1986 hingga 2004

BIDANG KURSUS	BILANGAN PELATIH			
	PENGAMBILAN		TAMAT	
	BILANGAN	%	BILANGAN	%
a) Binaan	17,960	12.32	15,318	12.04
b) Perabot	3,727	2.56	3,102	2.44
c) Elektrik	24,488	16.81	20,203	15.88
d) Pembuatan	14,669	10.07	13,082	10.28
e) Automotif	59,321	40.71	53,456	42.02
f) Mekanikal- Penyelenggaraan	560	0.38	340	0.27
g) Elektronik	6,109	4.19	5,039	3.96
h) Jahitan	17,651	12.11	15,592	12.25
i) Percetakan	1,061	0.73	950	0.75
j) Kecantikan	176	0.12	144	0.11
Jumlah	145,722	100	127,226	100

Sumber: Majlis Amanah Rakyat (MARA), *Unit Perancang dan Penyelidikan, Bahagian Perancangan Korporat*, Ibu Pejabat MARA, hlm. 7.

Jadual 7.8 menunjukkan bahawa seramai 127,226 (87.31%) pelatih telah berjaya menamatkan latihan dalam pelbagai bidang kursus di GiatMARA. Daripada keseluruhan pelatih seramai 145,722 orang, didapati seramai 42.02% atau 53,456 pelatih adalah daripada kursus automotif, 20,203 orang (15.88%) daripada kursus elektrik, 15,318 orang (12.04%) daripada kursus binaan, 5,039 orang (3.96%) telah mengikuti kursus elektronik, 15,592 orang (12.25%) pula mengikuti kursus jahitan dan seramai 17,618 orang (13.85%) selesai menjalani lain-lain kursus. Data-data ini

menunjukkan bahawa sebanyak 86.15% atau seramai 109,608 orang daripada jumlah keseluruhan 127,226 pelatih lepasan GiatMARA adalah terdiri lepasan kursus-kursus automotif, elektrik, elektronik, binaan dan jahitan. Jika dibandingkan jumlah keseluruhan pengambilan pelatih seramai 127,226 orang (87.3%) didapati perbezaan seramai 18,496 orang merupakan bilangan pelatih yang tidak menamatkan kursus sama ada terdiri daripada mereka yang masih berkursus telah berhenti. Jadual 7.9 menunjukkan analisis bilangan pelatih mengikut bidang kursus.

Jadual 7.9: Bilangan Pelatih Mengikut Bidang Kursus 1986-2004.

BIL	BIDANG KURSUS	BILANGAN PELATIH	
		BILANGAN	PERATUS
1.	Binaan	17,960	12.32
2.	Perabot	3,727	2.56
3.	Elektrik	24,488	16.81
4.	Pembuatan	14,669	10.07
5.	Automotif	59,321	40.71
6.	Mekanikal Penyelenggaraan	560	0.38
7.	Elektronik	6,109	4.19
8.	Jahitan	17,651	12.11
9.	Percetakan	1,061	0.73
10.	Kecantikan	176	0.12
	JUMLAH	145,722	100

Sumber: Majlis Amanah Rakyat (MARA), Unit R&D Bahagian Perancang Korporat MARA.

Jadual 7.9 menunjukkan kategori kursus yang ditawarkan. Daripada 33 jenis kursus yang dikendalikan, sebanyak 10 kursus telah disenaraikan sebagai pilihan utama pelatih. Pilihan utama pelatih ialah bagi kursus automotif iaitu sebanyak 40.71%. Ini

diikuti oleh kursus elektronik, binaan, jahitan dan lain-lain kursus. Kursus yang tergolong dalam bidang automotif ialah kursus Teknologi Automotif Kenderaan Komersial, Membaiki Motosikal, Ketuk dan Cat Kereta, Membaiki Enjin Motobot dan Mekanik Am. Majoriti pelatih mengikuti kursus Teknologi Automotif Kenderaan Komersial ialah seramai 28,775 orang atau 48.51% dan diikuti oleh kursus Membaiki Motosikal seramai 17,002 orang (28.63%) dan kursus ketuk dan cat kereta seramai 11,518 orang (19.50%).⁶⁴ Kursus ini menjadi pilihan utama pelatih kerana pasaran kerja bagi kursus ini agak luas dan mempunyai permintaan yang tinggi.

GiatMARA turut bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan dan swasta untuk memberi latihan kemahiran teknikal kepada golongan Bumiputera. Kerjasama yang dijalin dengan agensi-agensi berkenaan adalah berbentuk penyediaan kepakaran dalam pelbagai bidang kemahiran. Untuk tujuan berkenaan, bangunan, tanah dan peralatan disediakan oleh agensi yang terlibat. Antara agensi yang telah bekerjasama dengan GiatMARA ialah, Polis Di Raja Malaysia (PDRM), Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHOEA), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Institut Kemajuan Islam Sarawak (IKMAS), Universiti Malaysia Sabah (dalam projek incinerator dan Go-Kart) dan Wong Kwok Group, Sabah (penyediaan peluang pekerjaan kepada lepasan pelatih). GiatMARA juga turut bekerjasama dengan agensi-agensi kemahiran kerajaan seperti Majlis Latihan Vokasional Kerajaan (MLVK) dan Suruhajaya Tenaga (ST) untuk meningkatkan kualiti kursus di GiatMARA.⁶⁵

⁶⁴ Ibid., hlm. 50.

⁶⁵ *Dasar-dasar GiatMARA: Kemahiran Wawasan Negara*, hlm. 8.

Jadual 7.10: Analisis Pelajar Bagi Tahun 2006 Mengikut Kumpulan Kursus

Kumpulan Kursus	Pelajar Sedia Ada (01.01.2006)	Pelajar Baru 2006	Pelajar Tamat 2006	Pelajar Semasa 31.12.2006	Pelajar Tamat 1986 hingga 2006
Binaan	138	1,039	799	131	17,125
Perabut	0	132	106	0	3,383
Elektrik	680	2,976	2,145	841	24,682
Pembuatan	139	1,249	1,049	136	15,051
Automotif	607	6,118	5,227	697	63,316
Elektronik	266	1,624	1,471	193	7,576
Jahitan	397	3,330	2,751	564	20,826
Percetakan	0	85	84	0	1,178
Mekanikal-Penyenggaraan	17	17	27	0	381
Perkhidmatan	8	418	295	78	638
Lain-lain	0	34	32	0	32
Jumlah	2,252	17,022	13,986		154,188

Sumber: Majlis Amanah Rakyat (MARA), *Laporan GiatMARA 2006*, hlm. 6.

Jadual 7.10 menunjukkan jumlah pelajar yang sedia ada dan juga jumlah pelajar yang telah tamat di bawah program GiatMARA. Jumlah pelajar yang tamat antara tahun 1986 hingga 2006 ialah seramai 154,118 orang. Ini bermakna dalam tempoh 20 tahun penubuhan GiatMARA, sejumlah besar pelajar Bumiputera berkemahiran telah berjaya dihasilkan. Daripada jumlah ini, bilangan pelatih yang paling besar adalah daripada kursus Automotif iaitu seramai 63,316 orang. Kursus automotif merupakan antara kursus yang begitu diminati ramai memandangkan peluang untuk mendapat pekerjaan dengan menceburi kursus ini adalah sangat tinggi. Kebanyakan pelajar lebih cenderung untuk memilih kursus yang dijangka akan memudahkan mereka memperolehi pekerjaan

kelak. Selain dari itu, kursus automotif juga menawarkan pasaran kerja yang lebih banyak berbanding kursus-kursus yang lain.⁶⁶

Daripada 145,722 orang pelatih yang telah mengikuti latihan sehingga tahun 2004, seramai 127,226 orang telah dapat menamatkan latihan dengan jayanya. Mengikut rekod GiatMARA, seramai 1,518 bekas pelatih telah menubuhkan syarikat perniagaan dalam pelbagai bidang perniagaan. Bilangan ini merupakan 1.19% daripada keseluruhan pelatih yang berjaya menamatkan latihan mereka. Seramai 242 orang (15.94%) telah berjaya membuka bengkel motosikal, 166 orang (10.93%) menjalankan perniagaan jahitan pakaian, 148 orang (9.74%) menjadi kontraktor, 145 orang (9.55%) membuka bengkel mengetuk dan mengecat kereta, 102 orang (6.72%) membuka bengkel fabrikasi logam dan kimpalan, manakala selebihnya pula menjalankan pelbagai perniagaan lain dan seramai 264 orang (17.39%) tidak memberi maklumat tentang perniagaan yang dijalankan.⁶⁷ Majoriti bekas pelatih perempuan didapati menjalankan perniagaan dalam bidang jahitan manakala bekas pelatih lelaki pula menjalankan perniagaan bengkel motosikal, cat mengecat kereta dan menjadi kontraktor. Jadual 7.11 menunjukkan bilangan pelatih perempuan dan lelaki serta jenis perniagaan yang diceburinya.

Jadual 7.11: Bilangan Bekas Pelatih Berniaga Mengikut Jenis Perniagaan dan Jantina

JENIS PERNIAGAAN	LELAKI	PEREMPUAN	JUMLAH BEKAS PELATIH
Pendawaian Elektrik dan kerja paip	68	7	75

⁶⁶ Ginzberg Eli, *Occupational Choice, An Approach to A General Theory*, New York: Columbia University Press, 1951, hlm. 61-65.

⁶⁷ Majlis Amanah Rakyat (MARA), *Analisa Pengambilan Pelatih dan Status Pelatih Lepas GiatMARA*, hlm. 43.

Jadual 7.11, sambungan

JENIS PERNIAGAAN	LELAKI	PEREMPUAN	JUMLAH BEKAS PELATIH
Baik Pulih Penyaman Udara	3	0	3
Bengkel Kereta	84	0	84
Bengkel Motosikal	240	2	242
Kontraktor Letrik dan Bangunan	144	4	148
Jahitan Pakaian, Langsirulaman dan Andaman	35	138	173
Kereta Sewa	14	0	14
Membuat Kusyen Kereta	84	7	91
Mengetuk dan Mengecat Kereta	145	0	145
Fabrikasi Logam/Kimpalan	102	0	102
Pembekalan Alat Makmal dan Hardware	43	1	44
Fibreglass	3	0	3
Membuat Sofa	7	1	8
Mini Market/Kedai Runcit	2	2	4
Membaiki Jentera Berat	9	0	9
Bengkel Perabot/Jual Perabot	28	2	30

Jadual 7.11, sambungan

JENIS PERNIAGAAN	LELAKI	PEREMPUAN	JUMLAH BEKAS PELATIH
Membaiki Barang Elektronik dan Membekal Peti Sejuk dan Hawadingin	75	1	76
Percetakan	9	4	13
Restoran dan Kedai Makan	3	0	3
Tiada maklumat	244	7	251
Jumlah	1,342	176	1,518

Sumber: Majlis Amanah Rakyat (MARA), *Unit Penyelidikan dan Pembangunan, Bahagian Perancang Korporat MARA*, hlm. 44.

Jadual 7.11 menunjukkan bahawa jumlah pelatih perempuan paling ramai menceburi perniagaan jahitan manakala pelatih lelaki paling ramai menceburi perniagaan bengkel motosikal. Jadual berikutnya pula menunjukkan analisis kaitan jenis perniagaan dengan jenis kursus yang diikuti semasa di GiatMARA.

Jadual 7.12: Perkaitan antara Jenis Pekerjaan dan Jenis Kursus yang Diikuti

PERKARA	LELAKI	PEREMPUAN	JUMLAH
Jenis Perniagaan sama dengan kursus yang diikuti	963 (63.44%)	151 (9.95%)	1,114 (73.39%)
Jenis perniagaan ada kaitan dengan kursus yang diikuti	86 (5.67%)	10 (0.66%)	96 (6.32%)

Jadual 7.12, sambungan

PERKARA	LELAKI	PEREMPUAN	JUMLAH
Jenis perniagaan tidak ada kaitan dengan jenis kursus yang diikuti	50 (3.29%)	7 (0.46%)	57 (3.75%)
Tiada maklumat	243 (16.01%)	8 (0.53%)	251 (16.54%)
Jumlah	1,342 (88.41%)	176 (11.59%)	1,518 (100%)

Sumber: Majlis Amanah Rakyat (MARA), *Unit Penyelidikan dan Pembangunan, Bahagian Perancang Korporat MARA*, hlm. 46.

Daripada 1,518 bekas pelatih yang menjalankan perniagaan, 73.39% jenis perniagaan didapati sama dengan kursus atau latihan yang diikuti semasa di GiatMARA. Hanya 3.76% direkodkan menjalankan perniagaan yang tidak ada kaitan dengan kursus yang telah diikuti, 6.32% menjalankan perniagaan yang ada kaitan dengan kursus manakala 16.35% tiada maklumat sama ada jenis kursus atau latihan yang diikuti. Meskipun kursus GiatMARA ini tidak setanding dengan ijazah yang diperolehi di peringkat universiti, kursus ini secara tidak langsung mampu memberikan pulangan yang memuaskan melalui gaji yang diperolehi oleh para pelatih. Jadual 7.13 menunjukkan gaji bulanan bekas pelatih GiatMARA.

Jadual 7.13: Gaji Bulanan Bagi Bekas Pelatih GiatMARA

PENDAPATAN BULANAN	LELAKI	PEREMPUAN	JUMLAH BEKAS PELATIH
Bawah RM 1,500.00	482 (31.75%)	84 (5.54%)	566 (37.29%)

Jadual 7.13, sambungan

PENDAPATAN BULANAN	LELAKI	PEREMPUAN	JUMLAH BEKAS PELATIH
RM 1,501.00 hingga RM 3,000.00	369 (24.31%)	25 (1.65%)	394 (25.96%)
RM 3,001.00 hingga RM 5,000.00	71 (4.68%)	3 (0.19%)	74 (4.87%)
RM 5,001.00 ke atas	74 (4.87%)	5 (0.33%)	79 (5.20%)
Tiada Maklumat	346 (22.79%)	59 (3.89%)	405 (26.88%)
JUMLAH	1342 (88.4%)	176 (11.6%)	1,518 (100%)

Sumber: Majlis Amanah Rakyat (MARA), *Unit R & D Bahagian Perancang Korporat MARA*, hlm. 48.

Daripada 1,158 orang pelatih yang menjalankan perniagaan, seramai 566 orang (37.29%) memperolehi pendapatan bawah RM 1500.00 sebulan. Sejumlah 394 orang (25.96%) mendapat pendapatan bulanan sekitar RM 1,501.00 hingga RM 3,000.00, manakala seramai 74 orang (4.87%) memperolehi pendapatan antara RM 3,001.00 hingga RM 5,000.00 ke atas. Jadual di atas menunjukkan bahawa, terdapat pelatih yang mampu menceburi bidang pekerjaan yang menawarkan gaji mencecah ribuan ringgit sebulan. Pendapatan yang diperolehi oleh para pelatih lulusan GiatMARA adalah amat memuaskan dan jika dibandingkan dengan gaji lepasan SPM tanpa latihan kemahiran, sememangnya pendapatan yang mereka perolehi adalah jauh lebih tinggi. Seramai 79 orang iaitu 5.20% telah mendapat pendapatan melebihi RM 5,000.00 sebulan dan mereka dapat diklasifikasikan sebagai usahawan kelas menengah. Golongan usahawan ini telah menjalankan pelbagai perniagaan di seluruh negeri dan perniagaan mereka mempunyai kaitan dengan kursus GiatMARA yang telah mereka ceburi. Hal ini jelas menunjukkan bahawa kemahiran yang disediakan oleh GiatMARA amat membantu

dalam meningkatkan mobiliti sosial Bumiputera khususnya bagi mereka yang tidak memiliki kecemerlangan dari aspek akademik.

Dalam konteks pencapaian anugerah dan kejayaan GiatMARA, institusi ini telah memperlihatkan pelbagai pencapaian sejak penubuhannya dan pernah diiktiraf sebagai antara institusi latihan kemahiran terbaik di Malaysia. Pada tahun 1996, GiatMARA telah menerima Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri bagi Institut Latihan Kemahiran terbaik di Malaysia pada tahun tersebut. Selain itu, GiatMARA juga telah menerima Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri Institusi/Agensi Latihan Terbaik Pertandingan Johan Kemahiran Malaysia ke Sembilan Tahun 1998. GiatMARA juga telah melakar kejayaan yang sama pada tahun 2003 apabila memperoleh Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri bagi Institut Latihan Kemahiran Terbaik di Malaysia Tahun 2003 dan menjadi Johan Pertandingan Kemahiran Malaysia Ke-13.⁶⁸

Penubuhan GiatMARA sejak tahun 1986 jelas menunjukkan komitmen MARA untuk memperbaiki taraf hidup Bumiputera sehingga ke peringkat dasarnya. Peranan GiatMARA dalam memberikan latihan kemahiran yang asas merupakan satu daripada langkah kerajaan di bawah pimpinan Dr. Mahathir Mohamad untuk membasmi kemiskinan dalam kalangan Bumiputera, khasnya di kawasan luar bandar. Selain itu, ia membuktikan prospek pembasmian kemiskinan di Malaysia adalah menyeluruh dan dalam hal ini, MARA telah memainkan peranan yang dipertanggungjawabkan kepadanya. Sehubungan itu, dalam usaha kerajaan membasmi kemiskinan dalam negara yang bersifat menyeluruh, Perdana Menteri Malaysia, Dr. Mahathir Mohamed telah menyatakan bahawa:

⁶⁸ *Dasar-dasar GiatMARA: Kemahiran Wawasan Negara*, Lampiran 6.

“As far as the eradication of poverty is concerned, this too has been largely achieved. No one willing to work should face absolute poverty in Malaysia. Even the disabled have been given opportunity to work and earn a living. Those incapable of helping themselves have been assisted through various poverty eradication programmes, including the provision of funds to build or repair their houses. There is truly no reason for poverty to exist, whether in the urban or rural areas, or amongst the bumiputeras or the non-bumiputeras.”⁶⁹

Latihan kemahiran yang diberikan MARA dalam tempoh pengukuhanannya ini telah menghasilkan lebih banyak tenaga Bumiputera yang berkemahiran. Antara contoh keluaran IKM yang berjaya mendaki tangga kejayaan ialah Encik Mohd Yusof Bin Shahir yang pernah mengikuti kursus Elektronik Radio dan TV (ERTV) pada tahun 1980-1982). Setelah tamat latihan di IKM, beliau bekerja di sektor swasta dalam bidang pemasaran, seterusnya dihantar ke luar negara melalui program MARA dan ditempatkan di Universiti Southwest Minnesota State pada tahun 1986. Encik Mohd Yusof kemudiannya menamatkan pengajiannya di peringkat sarjana di Universiti Teknologi Malaysia pada tahun 2000. Bermula November 2002, beliau dilantik sebagai Pengarah Urusan German Malaysia Institute (GMI). Beliau merasakan langkah pertama beliau adalah di IKM Johor Bahru yang memberikan banyak cetusan ilham dan semangat kepadanya untuk bergerak lebih jauh dalam kehidupannya.⁷⁰ Seorang lagi bekas penuntut IKM Lumut (2002) iaitu Encik Abdul Kadir bin Ismail juga telah mencapai kejayaan dalam kehidupannya. Ia bertitik tolak daripada pendidikan yang diterima dari IKM (Sijil Ketuk dan Cat). Beliau kini merupakan Pengarah Kadir Painting Int. yang mengeluarkan cat kereta pelbagai kualiti pertama Bumiputera.⁷¹

⁶⁹ Dr Mahathir bin Mohamad, *The Way Forward*, London: Weidenfeld & Nicolson, 1998, hlm. 36.

⁷⁰ *Inspirasi Kejayaan Ikon Kemahiran MARA*, Kuala Lumpur, MARA, 2010, hlm. 59.

⁷¹ *Ibid.*, hlm. 88.

7.10 Kesimpulan

Tempoh 1981 sehingga 2006 jelas memperlihatkan aspek latihan kemahiran yang dilaksanakan MARA telah mencapai tahap kukuh. Dalam tempoh pengukuhan ini, IKM sebagai institusi kemahiran MARA yang penting telah dimantapkan dan diperkukuhkan serta dapat menyesuaikan penawaran kursus-kursusnya dengan kehendak-kehendak industri negara yang berkembang dengan rancak mulai tahun 1981. Ukuran-ukuran pengukuhan IKM ini dapat dinilai melalui pemantapan kursus-kursus yang ditawarkannya serta keupayaan IKM untuk memenuhi keperluan negara yang memerlukan tenaga manusia yang berkemahiran. Lulusan IKM juga didapati mempunyai prospek kerjaya yang luas serta mampu menikmati taraf kehidupan yang baik.

Selain IKM, pengukuhan kemahiran MARA dapat dibuktikan apabila pada tempoh ini, badan berkenaan telah mewujudkan satu lagi institusi kemahiran baru iaitu GiatMARA pada tahun 1986. Dengan tertubuhnya GiatMARA, sasaran pemberian latihan kemahiran kepada Bumiputera telah tercapai sehingga ke peringkat dasarnya memandangkan institusi ini menyasarkan golongan belia Bumiputera yang terpinggir dalam lapangan akademik. Dalam hal ini, GiatMARA merupakan ejen penting negara dalam menaikkan taraf kehidupan kumpulan Bumiputera yang tercicir dalam pendidikan negara. Jesteru dalam konteks pembangunan tenaga Bumiputera dalam kerangka tindakan afirmatif kerajaan, IKM dan GiatMARA telah memberi kemahiran kepada golongan Bumiputera yang tidak cemerlang dalam akademik untuk mendapat pendidikan yang lebih tinggi.

BAB 8: PENGUKUHAN DAN PERKEMBANGAN PENDIDIKAN MENENGAH MARA 1981-2006

8.1 Pengenalan

Bab ini menghuraikan perkembangan pendidikan menengah Majlis Amanah Rakyat (MARA) iaitu Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) dalam jangka masa 1981 hingga 2006. Persoalan tunjang yang dipaparkan dalam bab ini ialah sejauhmanakah usaha yang digerakkan MRSM untuk mempertingkatkan mutu dan kualiti pendidikan menengah bermula dekad 1980-an. Selain itu, bab ini turut menilai langkah proaktif MRSM untuk mengembangkan prospek pelajar Bumiputera yang pintar melalui program pintar cerdas. Berdasarkan kedudukan MRSM yang sangat istimewa dalam rangka pembangunan tenaga muda negara, MARA nyata berhasil mengendalikan perkhidmatan pendidikan menengah yang bersifat eksklusif di Malaysia.

Tempoh 1981-2006 telah mempamerkan perkembangan yang begitu giat dan signifikan dalam konteks penawaran dan pemberian perkhidmatan pendidikan oleh pihak MRSM. Tidak lari daripada prinsip Pendidikan Negara, MRSM telah merumus dan mengimplementasikan kaedah-kaedah yang tersendiri dalam usaha berterusan untuk mencungkil keintelektualan generasi muda Bumiputera. Pencapaian peperiksaan yang cemerlang berjaya dipamerkan MRSM jelas menunjukkan keberhasilan program-program yang terangkum dalam strategi MRSM untuk melahirkan modal insan Bumiputera berprestasi tinggi dalam bidang Sains dan Teknologi .

8.2 Pendidikan MRSM Menjelang Tahun 1980-an

Selepas tahun 1980, sistem pendidikan MRSM telah melonjak ke fasa barubagi mengantarabangsakan pendidikannya agar ia lebih berkualiti.¹ Tempoh masa 1980 merupakan jangka masa pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) iaitu satu dasar yang mementingkan ekuiti ekonomi dalam kalangan kaum dan satu dasar yang melindungi kegiatan usahawan Bumiputera agar mampu bersaing secara terbuka dengan pelabur tempatan dan luar negara.² Bumiputera khususnya orang Melayu berasa resah dengan penamatan dasar itu dan menyeru agar mengorak langkah dengan berani dan yakin untuk berjaya dalam pelbagai bidang kehidupan.³

Selaras dengan Wawasan 2020, keinginan kerajaan membentuk satu tamadun bertaraf atau berkualiti tinggi memerlukan jentera pentadbiran kerajaan yang juga mengamalkan dasar kualiti dan produktiviti tinggi. Institusi pendidikan seperti sekolah menjadi saluran utama untuk melahirkan generasi wawasan.⁴ Lantaran itu MRSM, sebuah institusi pendidikan menengah di bawah MARA yang menawarkan perkhidmatan pendidikan alternatif melalui Sistem Pendidikan MRSM (SPMRSM) menjadi salah satu egennya. Bermula dengan penubuhan MRSM pertama pada tahun

¹ Dekad 1980-an menyaksikan kerajaan melipatgandakan usaha-usaha untuk mencapai matlamat DEB. Lihat “Merangka Strategi Baru untuk Merealisasikan Matlamat DEB-Kongres Ekonomi Bumiputra 1980”, hlm. 350, dalam *One Nation One Vision, Satu Negara Satu Wawasan Malaysia*, Kuala Lumpur: Permodalan Nasional Berhad, 2007.

² Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pendidikan Negara mempunyai tujuan bersepadu dalam mencari dan mencapai identiti kebangsaan yang memberikan kesempatan untuk Malaysia dikenal sebagai negara yang mengutamakan perpaduan dan pembangunan. Oleh itu, pendidikan berdaya maju menjadi jentera dalam menyusun semula masyarakat dalam konteks demokratik, adil, maju dan berfikiran luas. Abdullah Sani Yahaya, *Perkembangan Pendidikan di Malaysia*, Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd, 2003. Sufean Hussin menyatakan bahawa dasar pendidikan yang berkait dengan DEB mengikut falsafah progresivisme dan perenialisme. Menurutnya, progresivisme kerana menekankan pencapaian keperluan masyarakat yang seimbang dan perenialisme kerana pembelajaran lebih mengutamakan pemerolehan pengetahuan dan kemahiran untuk meningkatkan daya upaya bagi bersaing dalam kehidupan yang serba mencabar. Pendidikan bukan sahaja menjadi ejen kepada sosialisasi, malah menjadi ejen bagi mengurangkan jurang sosioekonomi antara kaum, wilayah dan antara elit dan bawahan. Lihat Sufean Hussin, *Pendidikan di Malaysia, Sejarah, Sistem dan Falsafah* (Edisi Kedua), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004, hlm. 155.

³ Sufean Hussin, *Dasar Pembangunan Pendidikan Malaysia Teori dan Analisis*, Kuala Lumpur: DBP, 2002, hlm. 173.

⁴ Dalam memperjelaskan Wawasan 2020, Hussein Hj. Ahmad menyatakan bentuk pelajar yang dihasilkan daripada sistem pendidikan (sekurang-kurangnya tamat Tingkatan Lima) dapat dilihat melalui empat dimensi iaitu:

- i) memiliki akhlak yang cemerlang berasaskan nilai agama, moral dan etika yang tinggi.
- ii) bertoleransi antara agama dan kaum menurut batasannya dengan menggunakan perbezaan sebagai kekuatan.
- iii) mengamalkan nilai hidup bermasyarakat serta mempunyai kesedaran politik, ekonomi, sosial dan alam sekitar yang tinggi.
- iv) menguasai ilmu dan kemahiran tinggi, meliputi kebolehan berkomunikasi (bertutur dan menulis) dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, mampu menyelesaikan masalah matematik dan sains, memiliki daya fikir yang berupaya menjalankan usaha tinjau siasat dan boleh menyampaikan ilmu, kemahiran dan keterampilan, memiliki kebolehan komputer, teknik dan teknologi. Hussein Hj. Ahmad, *Pendidikan dan Masyarakat, Antara Dasar, Reformasi dan Wawasan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1993, hlm. 450.

1971, MRSM menyediakan pendidikan dalam bidang matematik, sains dan teknologi kepada pelajar-pelajar Bumiputera untuk meneruskan pengajian ke institusi-institusi pendidikan tinggi di dalam dan luar negara.

Sehingga tahun 2006, jumlah MRSM keseluruhannya adalah sebanyak 32 buah.⁵ Jumlah pelajar yang telah dihasilkan oleh MRSM bermula dari tahun 1972 sehingga 2006 mencecah seramai 107,236 orang.⁶ Dianggarkan lebih 36,900 pelajar telah berjaya menyelesaikan pengajian mereka di universiti-universiti tempatan mahupun luar negara.⁷ Dari segi perbelanjaan pula, pertambahan ketara berlaku dari segi peruntukan yang diperoleh Bahagian Latihan MARA iaitu dari jumlah RM 9,277,188 pada tahun 1971⁸ kepada RM 796.97 juta pada tahun 2006.⁹ Pertambahan angka ini jelas menunjukkan pertumbuhan pesat MRSM serta peningkatan mendadak keluaran MRSM demi memenuhi aspirasi negara.

Bagi mendukung aspirasi kerajaan untuk mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera Generasi Kedua (MPPB II), MRSM telah melakukan penambahbaikan untuk menjadikannya bertaraf dunia dan mampu melahirkan ahli sains yang bertaraf *nobel laureate*¹⁰ serta usahawan yang berjaya pada peringkat global. Pada masa yang sama, konsep dan falsafah MRSM masih dikekalkan. Menurut Bahagian Pendidikan Menengah MARA, visi sistem pendidikan MRSM ialah untuk menjadi pusat kecemerlangan pendidikan bertaraf dunia dengan menyediakan prasarana pendidikan yang berkualiti untuk menghasilkan individu yang berkualiti. Oleh yang demikian, Bahagian Pendidikan Menengah MARA dengan penubuhan unit

⁵ Majlis Amanah Rakyat (MARA), *Laporan Tahunan MARA 2006*, hlm. 98.

⁶ Majlis Amanah Rakyat (MARA), *Data Korporat MARA 2006*, hlm. 36.

⁷ *Utusan Malaysia*, 7 Februari 2003, hlm. 12.

⁸ Majlis Amanah Rakyat (MARA), *Laporan Tahunan MARA 1971*, hlm. 3.

⁹ Majlis Amanah Rakyat (MARA), *Laporan Tahunan MARA 2006*, hlm. 22.

¹⁰ Nobel laureate boleh ditakrifkan sebagai “individu yang mendapat anugerah berdasarkan pencapaian intelektual dan kreativiti yang luar biasa”. <http://www.oxforddictionaries.com/definition/english/laureate> (tarikh diakses 27 April 2015, 5.03 p.m.).

pengantarabangsaan telah mengambil inovasi dalam membentuk sistem pendidikan yang bertaraf antarabangsa.

SPMRSM telah menjalani penambahbaikan dengan menerapkan elemen keterbezaan dalam kurikulum, kokurikulum dan pengurusan bagi membolehkan pelajar-pelajar meneroka potensi diri berdasarkan minat dan bakat. Misalnya pelajar didedahkan dengan pelbagai kemahiran yang disalurkan melalui pengajaran guru di kelas. Hasilnya bukan sahaja dapat meningkatkan pencapaian akademik dan sahsiah pelajar, tetapi juga menjadi asas persediaan bagi pelajar menceburi bidang pekerjaan berasaskan Sains dan Teknologi serta keusahawanan bagi memenuhi keperluan global.

8.3 Perkembangan Kurikulum MRSM

Pada peringkat ini, kurikulum MRSM dibentuk dengan mengambil kira keperluan dasar-dasar MARA, Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan MRSM untuk melahirkan pelajar yang dapat memenuhi hasrat merealisasikan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) sesuai dengan tuntutan semasa dan cabaran globalisasi. Menurut Falsafah Pendidikan Kebangsaan:

“Pendidikan di Malaysia ialah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.”¹¹

¹¹ Sufean Hussin, *Pendidikan di Malaysia: Sejarah, Sistem dan Falsafah*, hlm. 146.

Berasaskan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan, matlamat pendidikan negara dapat ditafsirkan sebagai usaha yang komprehensif dan berterusan untuk melahirkan individu yang bersahsiah baik, berketerampilan seterusnya seimbang dan bersepadu dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani tanpa mengenyepikan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan.¹² Individu tersebut perlu berilmu dan berfikiran kreatif dan rasional, berakhlak mulia, berkeupayaan memberi sumbangan ke arah memakmurkan masyarakat dan negara.¹³

Pendidikan seperti yang dihasratkan oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan ialah suatu usaha berterusan dan berlangsung sepanjang hayat (*life long education*). Sebagai manusia, seseorang itu akan mengalami pertumbuhan dan perkembangan dalam kehidupan. Proses pertumbuhan dan perkembangan akan menyebabkan perubahan berlaku pada individu. Usaha mengadaptasi kepada perubahan adalah perlu bagi seseorang individu. Selain itu, persekitaran yang terus berubah dari semasa ke semasa juga menuntut kepada keterampilan yang perlu sentiasa dipertingkatkan. Melalui konsep pendidikan sepanjang hayat, kesinambungan dalam kehidupan dapat berlangsung dengan lancar.¹⁴

Falsafah Pendidikan MRSM telah digubal pada tahun 1982 oleh Bahagian Pendidikan Menengah MARA. Falsafah berkenaan adalah selaras dengan intipati Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menyatakan bahawa:

“Kami percaya bahawa pendidikan adalah satu usaha berterusan, dinamik dan saintifik untuk mempertingkatkan kualiti kepada diri sendiri, masyarakat, negara dan Tuhan. Kami juga yakin bahawa maktab

¹² MRSM menawarkan program pendidikan berteraskan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Selain berpandu kepada kurikulum KBSM, MRSM turut menyediakan program-program pembangunan sahsiah, sukan dan kokurikulum dalam usaha memberikan satu program pendidikan yang menitik beratkan keperibadian dan keindividuan para pelajar. Noorzalina Binti Mohd. Noor, ‘Kajian Profil Kecerdasan Pelbagai dan Gaya Pembelajaran Pelajar Maktab Rendah Sains MARA’, (Tesis Ph.D.), Universiti Kebangsaan Malaysia, 2007, hlm. 12.

¹³ Abu Bakar Nordin dan Ikhsan Othman, *Falsafah Pendidikan dan Kurikulum*, Tanjung Malim: Quantum Book, 2008, hlm. 70.


¹⁴ Ibid., hlm. 72.

yang berkualiti dan cemerlang sentiasa peka dan komited kepada usaha-usaha meningkatkan kualiti, produktiviti, kecemerlangan, penyuburan dan pengembangan potensi, kepimpinan dan kreativiti. Sesungguhnya setiap pelajar itu unik, istimewa dan berpotensi tinggi untuk terus maju dan mencipta kecemerlangan.”¹⁵

Langkah yang diatur dalam Sistem Pendidikan MRSM bagi tahun 1980-an dapat dilihat melalui pengenalan model pengurusan pendidikan MRSM seperti Rajah 6.1. Hasil terakhir yang diharapkan ialah untuk menghasilkan pelajar K-Bumiputera¹⁶ yang cemerlang dalam Sains dan Teknologi. Pelajar ini dibekalkan dengan ilmu dan nilai teras korporat MRSM melalui tiga program utama iaitu Program Pembangunan Ilmu, Program Pembangunan Emosi dan Sosial dan Program Pembangunan Bakat yang menjadi teras utama dalam pendidikan. Pelaksanaan teras utama ini melalui tiga pendekatan iaitu Kecekapan dan Keberkesanan Pengurusan, Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran dan Kecemerlangan Kemudahan dan Perkhidmatan. Secara umum, gerak kerja dan hala tuju pendidikan MRSM ditunjukkan seperti dalam Model Pengurusan Pendidikan MRSM.

¹⁵ *Sistem Pendidikan MRSM Abad ke 21 (SPMRSM21)*, Bahagian Pendidikan dan Latihan (Menengah) MARA, Majlis Amanah Rakyat (MARA), hlm.3.

¹⁶ K-bumiputera bermaksud Bumiputera yang berpengetahuan dalam pelbagai lapangan pendidikan. K merujuk kepada perkataan “knowledge”.



Rajah 8.1: Model Pengurusan Pendidikan MRSM

Program pembangunan pelajar MRSM meliputi Program Pembangunan Ilmu, Program Pembangunan Emosi dan Pembangunan Bakat. Ia dirancang dan dilaksanakan bersesuaian dengan tahap akademik yang dimiliki oleh pelajar, bakat yang sedia wujud dan kepelbagaian emosi yang ada pada diri mereka sendiri. Program-program ini disediakan bertujuan untuk menghasilkan pelajar yang berpengetahuan luas melampaui

batas subjek mereka, tahu dan jelas dengan bakat yang mereka ada serta mampu mengembangkannya dan seterusnya berupaya menyelesaikan dan menangani masalah emosi yang dihadapi.¹⁷

Dalam sistem pendidikan MRSM juga terdapat kurikulum perkembangan sahsiah. Kurikulum ini adalah berasaskan kepada konsep sendiri. Konsep sendiri ini walaupun terbentuk sendiri namun ia boleh berubah jika mengalami pengalaman yang bermakna dan mendalam. Kurikulum perkembangan sahsiah dibentuk untuk menyokong pendidikan afektif yang menekankan pengenalan diri sebagai sebahagian daripada individu masyarakat. Kurikulum ini disusun untuk membentuk konsep sendiri yang positif.

Kandungan kurikulum ini mengambil kira pelajar-pelajar sebagai insan yang sentiasa berkembang, unik dan sentiasa berkeinginan untuk merealisasikan kemampuan diri. Ia dimuatkan juga dengan program kerjaya yang bertujuan untuk melahirkan sikap sihat terhadap dunia pekerjaan dengan membimbing pelajar untuk mengkaji kedudukan akademik, imej diri, nilai dan minat serta isu berkaitan dengan dunia pekerjaan.¹⁸

Kurikulum Perkembangan Sahsiah MRSM yang dilaksanakan melalui Program Pembangunan Emosi mengandungi program pengajaran dan pengalaman yang diatitkan kepada pelajar sebagai usaha mewujudkan bukan sahaja insan yang seimbang dan harmonis tetapi juga individu yang berpersonaliti dinamik. Ciri-ciri utama personaliti insan yang berkonsep sendiri positif diharap dapat melahirkan pelajar yang cemerlang dalam bidang akademik, mempunyai sahsiah yang sempurna dan memiliki kecekapan sebagai usahawan. Aspek-aspek kecemerlangan pelajar telah dikenal pasti

¹⁷ *Sistem Pendidikan MRSM Abad ke 21(SPMRSM21)*, Bahagian Pendidikan dan Latihan (Menengah) MARA, Majlis Amanah Rakyat (MAR), hlm. 15-16.

¹⁸ *Kurikulum Perkembangan Sahsiah*, Bahagian Pendidikan dan Latihan (Menengah) MARA, Majlis Amanah Rakyat (MAR), hlm. 12.

untuk dipupuk, disemai dan dikembangkan ke tahap yang maksimum merentasi seluruh kurikulum MRSM.¹⁹ Antara program pembangunan emosi yang telah dijalankan dalam tempoh 1990-an ialah program kemahiran Kecerdasan Emosi (EQ) (Sahsiah dan Sosial) yang diperkenalkan melalui kursus-kursus yang dikendalikan kepada para pelajar.²⁰ Selain itu, dari aspek kokurikulum juga diperkenalkan aktiviti sukan, kelab dan badan beruniform bagi mengasah bakat seseorang individu. Bermula tahun 1995, modul konsep sendiri juga telah diperkenalkan di peringkat menengah rendah bagi membentuk pelajar tentang sifat sendiri yang positif yang harus dimiliki mereka.


8.4 Kerangka Konsep SPMRSM

Kerangka konsep SPMRSM diubahsuai daripada Model Congruence (*congruence model*) yang dibangunkan oleh David A. Nadler.²¹ Model ini menggambarkan organisasi pendidikan MRSM sebagai sebuah sistem terbuka (*open system*) yang sentiasa berhubung dan berinteraksi dengan persekitaran (*environment*).

¹⁹ Ibid., hlm.13.

²⁰ Kemahiran Kecerdasan Emosi (EQ) adalah kebolehan menyedari, mengenal pasti dan mengurus emosinya sendiri serta menjalin hubungan yang mesra di samping memiliki motivasi sendiri. Ia mula diperkenalkan pada tahun 1996 di seluruh institusi pendidikan MARA. Rujuk D. Goleman, *Working With Emotional Intelligence*, New York : Bantam Books, 1999.

²¹ David A. Nadler dan Michael L. Tushman telah memperkenalkan Teori Congruence pada tahun 1980. Ia merupakan kunci utama dalam kejayaan sesebuah institusi. Kedua-dua mereka merupakan professor terkemuka dari Columbia. Model ini telah diadaptasikan dalam sistem pendidikan MRSM bagi tujuan penambahbaikan institusi tersebut. Model ini membantu dalam mengenalpasti kelemahan sesebuah organisasi dan cara mengatasinya.



Rajah 8.2 : Kerangka Konseptual SPMRSM.

Sumber: David A. Nadler, *Champions of Change*, hlm. 41.

Model Congruence dan teori sistem (Systems Theory) diguna pakai dalam era 1990-an di seluruh MRSM bagi menggambarkan SPMRSM. Setiap komponen yang ada dalam sistem MRSM mempunyai fungsi-fungsi tertentu yang saling bergantung, berhubungan, berinteraksi dan berkaitan antara satu sama lain. Keselarian mestilah diwujudkan dalam kalangan komponen sistem untuk membolehkan organisasi MRSM menghasilkan *output* yang berkesan.

Keberkesanan sesebuah institusi pendidikan bergantung kepada dua aspek utama, iaitu kualiti input dan kualiti proses. Kualiti input meliputi kualiti pengetua, guru, staf, pelajar, kurikulum, program berkaitan, sumber kewangan, dasar, peraturan dan sebagainya. Manakala kualiti proses memfokuskan kepada kualiti pengurusan dan pentadbiran, pengajaran dan pembelajaran, persekitaran dan lain-lain. Oleh itu, dasar MARA khasnya Bahagian Pendidikan dan Latihan Menengah BPL (M) adalah memastikan bahawa kedua-dua aspek ini terkandung dalam SPMRSM.

Input adalah sumber yang ada di MRSM. Untuk menukar input kepada output, ia perlulah melalui proses transformasi. Proses transformasi ini boleh dibahagikan kepada empat strategi pembangunan iaitu pembangunan kurikulum, pembangunan kokurikulum, pembangunan pelajar dan pembangunan perkhidmatan pendidikan. Output pula merupakan hasil atau matlamat yang hendak dicapai sama ada pada peringkat individu dan organisasi (sistem). Output peringkat individu adalah untuk melahirkan pelajar yang cemerlang, kompetitif dan global. Ia bertujuan untuk menyediakan asas kepada pelajar ke arah mencapai taraf *nobel laureate* dan usahawan berdaya saing yang dapat menyumbang kepada pembinaan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera II (MPPB II). Manakala output di peringkat institusi pula adalah untuk menjadikan MRSM sebagai pusat kecemerlangan pendidikan terbeza, terbaik, inovatif dan bertaraf dunia.

Kerangka konsep SPMRSM ini menerangkan sistem pendidikan yang dilaksanakan di MRSM, dan digunakan sebagai instrumen untuk menganalisis atau mendiagnos organisasi. Di samping itu, maklum balas persekitaran juga berperanan penting untuk menilai prestasi organisasi yang merupakan kunci kepada pengawalan sistem bagi memastikan matlamat organisasi sejajar dengan keperluan persekitaran.²² Oleh yang demikian, dasar MARA terhadap pendidikan lebih terbuka demi mencapai matlamat yang diinginkan.

²² *Sistem Pendidikan Maktab Rendah Sains MARA*, Bahagian Pendidikan Menengah, hlm. 12. Sumber dari Bilik Sumber Bahagian Pendidikan dan Latihan Menengah MARA.

8.5 Perkembangan Pendidikan Menengah MARA Tahun 1980-an

Peningkatan pelajar telah berlaku secara mendadak dalam tempoh tahun 1980-an. Pihak MARA khususnya Bahagian Pendidikan Menengah telah melakukan perubahan dalam corak pemilihan pelajar ke MRSM. Ini disebabkan jumlah pelajar yang cemerlang semakin ramai dan berlaku persaingan yang hebat dari segi kemasukan. Bermula dari tahun 1980, setiap pelajar dikehendaki menduduki Ujian Kemasukan ke MRSM (UKKM) dan sekiranya berjaya barulah mereka akan dipilih untuk memasuki MRSM. Jawatankuasa Pemilihan Pelajar Bahagian pendidikan Menengah telah menetapkan kriteria pemilihan yang berbeza berbanding sebelumnya iaitu peratus pemilihan terbesar sebanyak 75% adalah dari ujian tersebut manakala 25% lagi adalah penilaian aspek latar belakang keluarga dan ekonomi.²³ Kriteria baru ini dikendalikan bagi melancarkan pemilihan pelajar agar lebih tepat dari segi kualitinya. Memandangkan pelajar yang beroleh semua A semakin ramai setiap tahun, maka keperluan untuk memilih yang terbaik dalam kalangan yang baik menjadi satu kemestian.

Pelajar perlu menduduki ujian yang mencakupi aspek Matematik, Sains dan Personaliti.²⁴ Pelajar yang layak dan mendapat markah tinggi sahaja akan diterima masuk ke MRSM. Satu kajian telah dijalankan bagi membandingkan pencapaian pelajar dalam markah Matematik dan Sains UKKM dengan pencapaian subjek Matematik, Matematik Tambahan, Fizik, Kimia dan Biologi SPM.²⁵ Kajian ini dibuat bagi menunjukkan betapa relevannya ujian ini dalam pemilihan pelajar ke MRSM.²⁶

²³ *Laporan Kajian Perimbangan Pelajaran Melalui Sekolah Berasrama Penuh*, Kementerian Pelajaran Malaysia, 1990, hlm. 90.

²⁴ Soalan UKKM ini amat sulit dan tidak boleh didedahkan oleh mana-mana pihak. Malah panel pembuat soalan ini juga dirahsiakan bagi menjamin ketelusan perjalanan peperiksaan ini.

²⁵ Kajian ini telah dijalankan oleh Unit Peperiksaan Bahagian Pendidikan dan Latihan Menengah pada tahun 2001.

²⁶ Kaedah yang lazim digunakan di negara-negara Barat dalam menilai kecerdikan dan kepintaran secara individu ialah *Stanford-Binet* dan *Wechsler Intelligence Scales*. Manakala kaedah bagi menguji kepintaran dan kecerdasan secara berkelompok ialah *Kuhlman Anderson*, *Otis Lennon*, dan *Primary Mental Abilities Test*. Patricia A. Alexander and Joseph A. Muia, *Gifted Education, A Comprehensive Roadmap*, London: An Aspen Publication, 1982, hlm. 22.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pelajar yang mendapat markah tinggi bagi subjek Matematik UKKM cenderung untuk mendapat A1 dan A2 bagi subjek Matematik dan Matematik Tambahan. Manakala pelajar yang mendapat markah tinggi bagi subjek Sains UKKM juga cenderung mendapat markah tinggi bagi subjek Fizik, Kimia dan Biologi SPM.²⁷ Jelas di sini bahawa ujian UKKM adalah satu instrumen yang boleh digunakan untuk membezakan pelajar yang berprestasi tinggi yang layak ke MRSM. Oleh sebab bilangan pelajar yang melebihi kelayakan minimum semakin bertambah setiap tahun, maka ujian UKKM menjadi instrumen yang sangat membantu pihak MARA untuk membuat pemilihan yang tepat. Dengan kepintaran yang ada pada pelajar akan lebih membantu MARA dalam mengaplikasikan pelbagai unsur tambahan yang akan melahirkan pelajar yang lebih cemerlang.

Dalam era ini juga keperluan tenaga pengajar telah meningkat secara mendadak ekoran penubuhan MRSM yang semakin meningkat. Pada tahun 1980, sebanyak enam buah MRSM telah beroperasi dan jumlah guru telah meningkat kepada 252 orang. Pada tahun 1990 pula, jumlah guru telah meningkat kepada 808 orang.²⁸ MRSM merupakan antara perintis terawal yang meletakkan kriteria tenaga pengajar yang berijazah untuk mengajar pelajarannya. Guru MARA ini adalah lulusan dalam dan luar negara. Guru ini adalah dilantik oleh MARA melalui Program Tindakan Guru ataupun guru yang diambil dari pelajar tajaan MARA sendiri. Ini bermakna MARA tidak mengambil guru tajaan Kementerian Pelajaran Malaysia. MARA mengambil inisiatif sendiri menghantar guru mereka untuk mengikuti Latihan Perguruan di universiti berhampiran. Guru yang tidak mempunyai latihan perguruan akan mengikuti program ini dan seterusnya terikat kontrak bekerja dengan MARA selama lima tahun.²⁹

²⁷ Analisis perbandingan pencapaian keputusan Matematik dan Sains dalam UKKM dengan pencapaian Matematik, Matematik Tambahan, Fizik, Kimia dan Biologi SPM, Unit Peperiksaan BPLM MARA, hlm. 16.

²⁸ Jumlah Guru MRSM dari tahun 1972 hingga 1990, Bahagian Pelajaran Menengah MARA, Kuala Lumpur.

²⁹ Laporan Kajian Keberkesanan Guru MRSM, BPM, 1995, hlm. 12.

Selain memiliki ijazah, guru MARA perlulah mempunyai minat yang mendalam dalam profesion pendidikan dan bersedia untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang tersebut.³⁰ Satu kajian telah dilakukan oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pelajaran Malaysia terhadap pencapaian pelajar Sekolah Berasrama Penuh dan MRSM pada tahun 2006. Hasil kajian itu menunjukkan bahawa sebanyak 100% guru MRSM yang terdapat dalam sampel kajian tersebut memperoleh ijazah manakala seramai 93.3% guru di Sekolah Berasrama Penuh merupakan guru siswazah.³¹ Ini jelas menunjukkan polisi MARA yang amat mengambil berat tentang kualiti pendidikannya. Di samping itu, guru juga dikehendaki mengajar satu mata pelajaran sahaja supaya mereka lebih fokus dan menumpukan perhatian dalam memberi pengajaran yang efektif. Berbeza dengan sekolah harian biasa yang menetapkan seorang guru untuk mengajar dua atau lebih matapelajaran di sekolah. MRSM mempunyai cara tersendiri untuk memahirkan guru bagi satu-satu subjek tertentu agar mereka cekap menguasai subjek yang diajar.

Selain itu, nisbah guru dan pelajar yang kecil juga telah mewujudkan tali perhubungan yang kukuh antara pelajar dan pengajar. Jumlah pelajar di dalam bilik darjah adalah dalam lingkungan 20 hingga 25 orang murid amat membantu guru untuk mengawal kelas dengan baik. Malah, penyampaian subjek juga dapat dijalankan dengan sempurna. Jumlah kelas di MRSM juga lebih banyak berbanding Sekolah Berasrama Penuh. Sebuah MRSM mempunyai purata 30 buah kelas manakala Sekolah Berasrama Penuh mempunyai purata 24 buah kelas.³² Ia secara tidak langsung membentuk suasana pembelajaran yang kondusif dan mewujudkan persekitaran yang sihat.

³⁰ *Memorandum Mengenai Sistem Pendidikan MARA kepada Kementerian Pelajaran*, EPRD Kementerian Pendidikan Malaysia, 1979, hlm. 8-9.

³¹ *Laporan Kajian Status dan Pencapaian SBP dan MRSM dalam Peperiksaan SPM tahun 2000-2003*, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006, hlm. 31.

³² *Laporan Kajian Status dan Pencapaian SBP dan MRSM dalam Peperiksaan SPM tahun 2000-2003*, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006, hlm. 32.

Unit *homeroom* merupakan satu entiti penting di MRSM. Ia telah diperkenalkan di MRSM seawal penubuhannya pada tahun 1972. Namun, di peringkat awal fungsi *homeroom* tidak begitu jelas dan lebih kepada peranan guru dan murid. Setelah memasuki fasa kedua iaitu tahun 1980-an, MARA telah mempergiatkan peranan *homeroom* agar ia dapat memberikan kesan yang mendalam. Program *homeroom* ini merupakan satu program pembentukan unit kekeluargaan yang terdiri daripada guru dan murid. Guru akan menjadi penasihat dan bertanggungjawab terhadap murid di bawah seliaan mereka.³³

“The homeroom programmes is a part of the college curriculum and is as important as the academic aspect of the curriculum. It is a unit composed of a group of fifteen students under the supervision of a teacher. Every MRSM student is a member of a homeroom and every MRSM teacher is a homeroom advisor. The aim of the homeroom is to develop leadership ability, collaborative learning, sense of responsibility, civic-consciousness, initiative, and ‘esprit de corps.’”³⁴

Kewujudan *homeroom* di MRSM yang mementingkan elemen kekeluargaan bertujuan memberi peluang kepada kumpulan kecil pelajar (10-15 orang) menjalani kehidupan dalam suasana persaudaraan dengan guru penasihat sebagai pembimbing dan penjaga ketika mereka menuntut di MRSM.³⁵

Modul-modul disediakan dari semasa ke semasa sebagai pencetus perbincangan dalam kalangan pelajar. Topik yang disediakan menjurus ke arah “mencabar minda” pelajar-pelajar serta memberi peluang kepada mereka memberikan reaksi dan pendapat. Guru sentiasa berusaha menyediakan rencana yang berkaitan dengan hal-hal kecemerlangan diri, imej diri, budaya Melayu atau Islam serta apa jua topik yang difikirkan perlu. Guru disarankan bertindak sebagai “pembimbing” dan fasilitator

³³ Abdul Halim Bin Mahmud, ‘Perkembangan Pendidikan di Bawah Pentadbiran Majlis Amanah Rakyat (MARA), 1966-1990’, (Disertasi M.A.), Universiti Malaya, 2002, hlm. 121.

³⁴ *A Handbook of MRSM*, Bahagian Latihan dan Pendidikan MARA, hlm. 5.

³⁵ *Sistem Pendidikan MRSM Abad ke 21 (SPMRSM21)*, Bahagian Pendidikan dan Latihan MARA, hlm. 5.

manakala pelajar digalakkan menjadi penggerak utama dalam setiap aktiviti *homeroom*.³⁶

Kewujudan *homeroom* di MRSM memberi kesan yang mendalam dalam kejayaan peperiksaan para pelajarnya. Ini disebabkan *homeroom* menjadi tempat rujukan seandainya para pelajar dilanda masalah. Misalnya, apabila seorang *mentee* itu terlibat dalam salah laku disiplin, pelajar tersebut akan dirujuk kepada mentornya untuk pemantauan. Begitu juga jika *mentee* mendapat keputusan yang tidak memuaskan, mentor akan mengambil inisiatif memberi kata-kata perangsang dan tunjuk ajar bagi meningkatkan tahap prestasi pelajar. Pendek kata, peranan seorang guru MRSM bukan sekadar guru malah mereka juga menjadi ibu atau bapa angkat kepada para pelajar mereka. Kewujudan sistem ini akan memudahkan perjalanan rutin seharian pelajar di asrama. Mereka akan merasa dekat dengan guru dan hubungan juga bertambah rapat.

8.6 Perkembangan Pendidikan Menengah dalam tahun 1990-an

Pada era 1990-an, MARA tampil dengan “kurikulum terbeza”.³⁷ Ia merujuk kepada program-program pendidikan yang dirangka dan digubal khusus bagi memenuhi matlamat dan memperkasakan SPMRSM untuk melahirkan pelajar-pelajar yang cemerlang melalui penerapan nilai-nilai yang berlandaskan prinsip pendidikan pintar-cerdas (*gifted education*), Kemahiran Amalan Belajar (KAB) dan pembelajaran bersepadu (*integrative learning*).³⁸ Program pintar cerdas iaitu *Schoolwide Enrichment Model* (SEM) ini telah diperkenalkan pada tahun 1988, manakala KAB diperkenalkan

³⁶ *Program Homeroom MRSM Pengkalan Chepa*, Majlis Amanah Rakyat (MARA), hlm. 22.

³⁷ Kurikulum terbeza (*differentiated curriculum*) merupakan satu istilah yang luas takrifnya merujuk kepada keperluan membentuk persekitaran pengajaran dan amalannya. Kurikulum terbeza ini bermatlamat untuk member pengalaman pembelajaran yang berbeza kepada pelajar yang berbeza. Muhammad Amin Bin Zakaria, ‘Penilaian Pelaksanaan Model Pengayaan Seluruh Sekolah untuk Pelajar Pintar Cerdas di Maktab Rendah Sains MARA: Satu Kajian Kes’, (Tesis Ph.D.), Universiti Sains Malaysia, 2008, hlm. 62.

³⁸ Menurut S.L. Berger, ahli-ahli teori pendidikan pintar cerdas sependapat menyatakan bahawa kurikulum yang unggul bagi pendidikan pintar cerdas harus memasukkan penekanan kepada kemahiran berfikir peringkat tinggi dan kemahiran menyelesaikan masalah dengan kebolehan melihat yang abstrak dan kompleks, mementingkan keaslian, dan fokus kepada isu-isu terkini dan berupaya membuat jangkaan. Lihat Muhammad Amin Bin Zakaria, ‘Penilaian Pelaksanaan Model Pengayaan Seluruh Sekolah untuk Pelajar Pintar Cerdas di Maktab Rendah Sains MARA: Satu Kajian Kes’, hlm. 38.

pada tahun 1985 dan program *Integrative Learning* (IL) diperkenalkan pada tahun 1990. Meskipun program ini diperkenalkan dalam pertengahan 1980-an, namun, ia telah diperkasakan dalam era tahun 1990-an.

Melalui kurikulum ini, pelajar akan didedahkan dengan pengetahuan, ilmu dan kemahiran bagi memperlengkap diri ke peringkat pengajian yang lebih tinggi dan seterusnya apabila menempuh alam pekerjaan kelak.³⁹ Kurikulum berbeza dibangunkan untuk memenuhi pendidikan lima tahun persekolahan berasaskan kemahiran-kemahiran yang berikut:

- i. Kemahiran Amalan Belajar (KAB).
- ii. Kemahiran Berfikir (KKB).
- iii. Pendidikan Keusahawanan (KPU).
- iv. Pembangunan Bakat dan Pintar Cerdas (PBC).
- v. Kemahiran Komunikasi (KPD).
- vi. Perkembangan Kerjaya (KPD).
- vii. Sains Komputer (MSK).
- viii. Pembangunan Modal Insan (PMI).
- ix. Asas Pengurusan Strategik (APS).

³⁹ Penerapan kemahiran berfikir yang merupakan satu pelajaran di MRSM telah memberi peluang kepada para pelajar untuk berfikir secara kritis dan kreatif, membuat keputusan dan menyelesaikan masalah, menganalisis, mensintesis dan sebagainya. Ini dapat membantu pelajar untuk memperkembangkan lagi potensi yang dimiliki seperti yang diharapkan dalam Falsafah Pendidikan Negara. Lihat Omar Mohd. Hashim, *Pendidikan, Persoalan, Penyelesaian dan Harapan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1993, hlm. 422.

8.7 Model Pengkayaan Untuk Program Pintar Cerdas

Antara inovasi yang diperkenalkan dalam sistem pendidikan MRSM pada tahap ini ialah mengadaptasi model pendidikan pintar cerdas (gifted) yang diperkenalkan oleh Joseph Renzulli pada tahun 1985. Model ini dikenali sebagai *Schoolwide Enrichment Model* (SEM) atau lebih dikenali sebagai model pendidikan pintar cerdas.⁴⁰ Ia merupakan hasil kajian Joseph Renzulli dan Sally Reis dari Universiti Connecticut lebih 15 tahun yang lalu.⁴¹ Visi SEM adalah menjadikan sekolah sebagai gelanggang dalam menghasilkan pelajar yang berbakat.⁴² SEM juga meletakkan pencapaian akademik sebagai sasaran utama dalam mencapai matlamatnya.⁴³

Pelajar di MRSM diklasifikasikan sebagai pelajar pintar cerdas memandangkan keputusan peperiksaan mereka yang cemerlang bagi melayakkan mereka memasuki MRSM.⁴⁴ Mengikut definisi yang diberi oleh *United States Office of Education* (USOE) di dalam *Gifted and Talented Children's Act*, 1978, kanak-kanak pintar cerdas ialah:

⁴⁰ Matias Francisco De Menezes dan Lee Chai Poe, *Model Pengkayaan Untuk Program Pintar Cerdas* (The Schoolwide Enrichment Model), Perak: Boon Beng Compu-Typesetting Co, 1995, hlm. 2.

⁴¹ SEM telah dimajukan oleh Renzulli dan Reis melalui siri penyelidikan secara berperingkat. Renzulli merupakan bekas guru dan seorang professor dalam bidang Psikologi Pendidikan di University of Connecticut. Beliau banyak terlibat dalam penyelidikan tentang pintar cerdas. Reis pula merupakan bekas guru dan kemudian menjadi penyelaras program pintar cerdas di Torrington Public School dan tenaga pengajar di University of Connecticut. Renzulli dan Reis juga menjadi pakar perunding kepada sekolah-sekolah yang menjalankan pendidikan khas pintar cerdas di Amerika Syarikat. Lihat Muhammad Amin Bin Zakaria, 'Penilaian Pelaksanaan Model Pengkayaan Seluruh Sekolah untuk Pelajar Pintar Cerdas di Maktab Rendah Sains MARA: Satu Kajian Kes', hlm. 76.

⁴² Menurut Renzulli dan Reis, matlamat SEM dapat diringkaskan kepada:

- (i) mengembangkan bakat pelajar dengan:
 - (a) menilai kebolehan secara sistematik.
 - (b) menyediakan peluang-peluang pengayaan, sumber dan perkhidmatan yang diperlukan.
 - (c) menggunakan pendekatan fleksibel terhadap kurikulum terbeza dan penggunaan masa di sekolah.
- (ii) mempertingkatkan prestasi akademik yang ditetapkan dalam kurikulum biasa sedia ada dan menggabungkannya dengan aktiviti kurikulum terbeza sehingga memberi makna dan menyeronokkan
- (iii) menggalakkan peningkatan profesionalisme dalam kalangan staf.
- (iv) melahirkan komuniti yang menghormati etnik, gender, kepelbagaian budaya, prihatin, menghormati prinsip-prinsip demokrasi dan menjaga kekayaan alam sekitar.
- (v) melaksanakan prosedur pengurusan sekolah yang demokratik yang member peluang yang wajar kepada pelajar, ibu bapa, guru dan pentadbir dalam proses membuat keputusan. Muhammad Amin Bin Zakaria, 'Penilaian Pelaksanaan Model Pengkayaan Seluruh Sekolah untuk Pelajar Pintar Cerdas di Maktab Rendah Sains MARA: Satu Kajian Kes', hlm. 81.

⁴³ SEM direka dan dibentuk untuk menggalakkan produktiviti kreatif dalam kalangan pelajar dengan pendedahan pelbagai topik yang diminati dan menanam budaya penyelidikan. Model ini juga melatih pelajar menggunakan pengetahuan isi kandungan, kemahiran proses dan latihan serta kaedah atau metodologi yang sesuai dengan bidang dan minat yang dipilih untuk menghasilkan mini tesis pada tempoh dua tahun di Tingkatan Empat dan Tingkatan Lima. Muhammad Amin Bin Zakaria, 'Penilaian Pelaksanaan Model Pengkayaan Seluruh Sekolah untuk Pelajar Pintar Cerdas di Maktab Rendah Sains MARA: Satu Kajian Kes', hlm. 80.

⁴⁴ Lihat Walter B. Barbe and Joseph S. Renzulli (eds.), *Psychology and Education of the Gifted* (Second Edition), New York: Irvingston Publishers, Inc., 1975.

“The term gifted and talented children means children, and whenever applicable, youths who are identified at the pre-school, elementary or secondary level as possessing demonstrated or potential abilities that give evidence of high performance capabilities in areas such as intellectual, creative, specific academic, or leadership ability, or in the performing and visual arts, and who by reason thereof, require services or activities not ordinarily provided by the school.”⁴⁵

Oleh yang demikian, program SEM ini amat bersesuaian untuk diimplementasikan. MARA telah menaja beberapa orang pegawai Bahagian Pendidikan Menengah MARA untuk mengikuti Confrantute di University of Connecticut, Amerika Syarikat pada tahun 1992. Salah seorang daripada peserta tersebut iaitu En. Matias Francisco de Menezes telah mengikuti program ini dari 20 hingga 31 Julai 1992. Beliau telah menterjemahkan buku yang ditulis oleh Joseph Renzulli bertajuk “*Schoolwide Enrichment*” ke dalam bahasa Melayu bagi memudahkan penguasaan guru-guru terhadap konsep ini.⁴⁶

Schoolwide Enrichment Model (SEM) telah dilaksanakan di MRSM sejak tahun 1988.⁴⁷ Program ini dilaksanakan dari tahun 1988 sehingga 1991 dengan dua pengambilan pelajar pada peringkat tingkatan 4 bagi sesi pengajian 1988-89 dan 1990-91. Hasil pelaksanaan program ini, MRSM Kulim telah meraih keputusan SPM 100% Gred 1 bagi tahun 1989 dan 1991. Ekoran kejayaan tersebut, MARA mengambil tindakan untuk memindahkan program ini ke MRSM Taiping pada tahun 1991 memandangkan MRSM Kulim akan dinaiktaraf bagi melaksanakan program Matrikulasi.⁴⁸

⁴⁵ Khadijah Rohani Mohd Yunus, *Konsep Ujian dan Darjah Kecerdasan dalam Konteks Mengenalpasti Kanak-kanak Pintar Cerdas*, hlm.5. Rujuk juga Abu Hassan bin Ali, *Kreativiti dan Implikasinya Terhadap Perkembangan Kanak-kanak Pintar-cerdas*, hlm. 3-9.

⁴⁶ Temuramah dengan Encik Matia de Menezes pada 18 November 2009 di kediaman beliau di Taman Duyong, Seremban pada jam 11.00 pagi.

⁴⁷ Tahun 1988 merupakan tahun bermulanya inovasi pendidikan MRSM. Hal ini berpunca daripada kesedaran penggubal dasar sistem pendidikan MRSM tentang kepentingan untuk memenuhi keperluan pelajar berprestasi tinggi dan pintar cerdas. Sehubungan itu, MRSM Kulim telah menjalankan projek perintis ke arah memenuhi keperluan pelajar pintar cerdas pada tahun 1988-1989. Projek ini disertai seramai 96 orang pelajar dan mendapat khidmat nasihat daripada Profesor Azman Wan Chik yang menjalankan Projek BAKA serta bertugas di Fakulti Pendidikan di Universiti Malaya. Hamzan Bin Omar, ‘Perkaitan Stail Berfikir dan Stail Belajar Dengan Pencapaian dan Daya Saing Pelajar MRSM’, (Tesis Ph.D.), Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006, hlm. 85.

⁴⁸ *Sepintas Lalu Mengenai MRSM Kulim*, Majlis Amanah Rakyat (MARA), hlm. 3.

Program SEM ini telah diperkenalkan secara rasmi di beberapa buah MRSM terpilih iaitu MRSM Jasin (kini dikenali sebagai MRSM Tun Ghafar), MRSM Pengkalan Chepa dan MRSM Taiping. Ketiga-tiga maktab ini dikenali sebagai MRSM Program Khas Pendidikan (PKP).⁴⁹ Rasional pemilihan MRSM ini adalah kerana lokasinya mengikut zon yang berbeza. Pada tahun 1998 pula, tiga buah MRSM PKP ini menjadi MRSM BITARA manakala MRSM lain telah digerakkan untuk menjadi MRSM PKP. MRSM Langkawi yang baru ditubuhkan pada tahun 1999 juga telah diangkat sebagai MRSM BITARA.⁵⁰

Perkataan BITARA merupakan akronim bagi perkataan berikut iaitu Bijaksana, Islah (Ilmiah), Taqwa, Amal, Rajulul A'Amal (Usahawan) dan Atqan (Kualiti). Berdasarkan kepada 6 prinsip ini maka konsep MRSM ini dibentuk.⁵¹ MRSM BITARA ini akan mengadaptasikan program SEM ke dalam kurikulum pendidikan negara. Tujuan pendidikan di MRSM BITARA ialah menjadi pemangkin dalam melahirkan individu Bumiputera yang berpengetahuan, berdaya saing produktif dan kreatif serta bersifat global.⁵² Selain itu, ia juga bertujuan menyediakan sumber manusia yang berkualiti dan mampu menangkis cabaran Wawasan 2020.

⁴⁹ PKP ini merupakan gabungan kurikulum biasa yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dan SEM. Muhammad Amin Bin Zakaria, 'Penilaian Pelaksanaan Model Pengayaan Seluruh Sekolah untuk Pelajar Pintar Cerdas di Maktab Rendah Sains MARA: Satu Kajian Kes', hlm. 132.

⁵⁰ Lihat Hamzan Bin Omar, 'Perkaitan Stail Berfikir dan Stail Belajar Dengan Pencapaian dan Daya Saing Pelajar MRSM', hlm. 86.

⁵¹ Melalui sistem pendidikan MRSM BITARA, terdapat tiga matlamat utama yang hendak dicapai iaitu:

1. Pembangunan sumber manusia yang memiliki kekuatan jasmani, rohani, minda, emosi dan sosial.
2. Membina kecemerlangan ilmu yang berteraskan kepada kemahiran berfikir, budaya membaca, pendidikan seumur hidup, literasi computer dan penguasaan bahasa antarabangsa.
3. Mewujudkan sistem pendidikan bertaraf dunia mengikut acuan MARA sebagai penanda aras kualiti pendidikan bagi melahirkan individu warga dunia yang seimbang dan harmonis, mempunyai hala tuju, bertanggungjawab serta berpegang kepada wawasan bersama demi kesejahteraan manusia sejagat. Hamzan Bin Omar, 'Perkaitan Stail Berfikir dan Stail Belajar Dengan Pencapaian dan Daya Saing Pelajar MRSM', hlm. 89.

⁵² *Prospektus MRSM/Kolej MARA*, 2000, Majlis Amanah Rakyat (MARA), hlm. 21.

SEM merupakan satu model yang menawarkan program yang dapat mencungkil bakat pelajar yang selalunya gagal diasah melalui kurikulum biasa.⁵³ Ini bermakna kurikulum yang sedia ada tidak diubah malah ia akan diperkayakan dengan pelbagai aktiviti yang dapat memberikan pengalaman kepada pelajar.⁵⁴ Jika sebelum ini pelajar dari pelbagai tahap akan belajar di dalam kelas yang sama dan mengikuti latihan yang sama. Apa yang sering berlaku ialah pelajar yang pintar ini akan menyiapkan latihan yang diberi dengan lebih pantas dan guru akan menambahkan latihan tambahan agar mereka tidak mengganggu rakan lain.⁵⁵ Akibat jangka panjang adalah pelajar pintar tersebut tidak akan menunjukkan kepintarannya dan mudah berasa bosan semasa berada di dalam kelas.⁵⁶

Selain itu, jika semua kelas terdiri daripada pelajar yang mempunyai pelbagai kebolehan, kesannya ialah guru terpaksa menggunakan pendekatan pengajaran yang sederhana untuk memenuhi keperluan majoriti pelajar. Kesannya ialah prestasi kumpulan pelajar pencapaian tinggi akan menurun kerana kurang cabaran. Manakala prestasi kumpulan pelajar berkebolehan sederhana akan kekal dan prestasi kumpulan pelajar berprestasi rendah akan meningkat atau merosot sekiranya mereka tidak dapat mengikuti pengajaran. Dengan mengumpulkan pelajar pencapaian tinggi di dalam satu kelas atau sekolah, pengajaran yang mencabar dan setimpal dengan

⁵³ SEM menawarkan program yang mampu memperkembangkan dan meluaskan pengalaman serta mencungkil bakat-bakat pelajar yang pada kebiasaannya tidak dapat diasah dalam kurikulum biasa. Dalam program tersebut, ia menawarkan pelbagai pendekatan yang sedia ada, mudah serta berkesan untuk dijalankan ke atas para pelajar program khas. Program ini bersifat fleksibel dan tidak memerlukan peruntukan atau perbelanjaan yang besar. SEM sesuai dengan keadaan MRSM dan sekolah-sekolah biasa. Lihat Ahmad Naszeri Bin Salleh, 'Indikator Pelajar Cemerlang Akademik Program Khas Pendidikan MRSM (School Wide Enrichment Model): Satu Kajian Di Maktab Rendah Sains MARA, Jasin, Melaka', (Disertasi M. Ed.), Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003, hlm. 2.

⁵⁴ "MRSM Melahirkan Pelajar Pintar Cerdas dan Berbakat", *Mingguan Malaysia*, 1 Mei 2011, hlm. 13.

⁵⁵ Perkara ini adalah selari dengan nilai SEM yang mengkehendaki para guru menjadikan sekolah sebagai tempat yang lebih menarik dan paling menyeronokkan untuk perkembangan individu ke tahap yang terbaik. Lihat Muhammad Amin Bin Zakaria, 'Penilaian Pelaksanaan Model Pengayaan Seluruh Sekolah untuk Pelajar Pintar Cerdas di Maktab Rendah Sains MARA: Satu Kajian Kes', hlm. 74. Para pelajar MRSM BITARA boleh menggunakan lebih masa yang ada untuk melakukan aktiviti pengayaan yang diminati seperti melakukan penyelidikan (*selected-independent-investigation*), membaca bahan bacaan tambahan atau melakukan pemecutan terhadap sesuatu topik yang terdapat dalam kurikulum. Masa pelajar "ditambah dan dijimatkan" melalui pemadatan kurikulum (*compacting curriculum*) di MRSM BITARA. Lihat, Hamzan Bin Omar, 'Perkaitan Stail Berfikir dan Stail Belajar Dengan Pencapaian dan Daya Saing Pelajar MRSM', hlm. 5.

⁵⁶ Joseph S. Renzulli (terjemahan oleh Matias Francisco de Menezes dan Lee Chai Poh), *The Schoolwide Enrichment Model*, hlm. 2.

kebolehan mereka dapat disajikan.⁵⁷ Pelajar juga akan berpeluang untuk bergaul dengan rakan-rakan yang sama bijak dan dapat menikmati suasana persaingan yang cukup mencabar. Ia secara tidak langsung dapat meningkatkan prestasi pelajaran mereka.⁵⁸

Berbekalkan kepada konsep SEM ini, bermula dari tahun 1995, MARA telah membuat rombakan dari segi pengambilan pelajar iaitu pelajar yang paling cemerlang berdasarkan peperiksaan UKKM (Ujian Kemasukan Ke MRSM) akan ditawarkan tempat di MRSM BITARA. Ini bermakna, mereka ini tergolong dalam golongan pintar cerdas yang mampu mengikuti program SEM yang telah dibentuk oleh Bahagian Pendidikan Latihan Menengah. Para pelajar akan dilatih untuk mencari maklumat dan menggunakan maklumat dengan sebaiknya. Mereka akan didedahkan dengan kaedah penyelidikan dan dilatih untuk mencari maklumat. Kemahiran yang diperoleh oleh pelajar akan digunakan untuk membuat penyelidikan tahap tinggi pada masa hadapan. Dengan adanya pengayaan ilmu tambahan yang disalurkan di MRSM, maka tidak hairanlah jika para pelajar MRSM mampu meraih kejayaan melalui keputusan peperiksaan SPM dan PMR.

8.8 Pencapaian MRSM

Pencapaian MRSM dalam peperiksaan telah menunjukkan peningkatan yang ketara setelah SEM diperkenalkan di beberapa buah maktab. Sepanjang tempoh penubuhan MRSM, ia telah berjaya menghasilkan pelajar yang berjaya dalam peperiksaan SPM. Meskipun di peringkat awal penubuhannya, keputusan hanyalah 100% lulus tetapi sejak akhir-akhir ini bukan lulus yang diharapkan tetapi kecemerlangan dalam setiap keputusan peperiksaan.

⁵⁷ Hamzan Omar dan Zalizan Hj Mohd Jelas, *Program S.E.M: Mengenal Pasti Kepercayaan Guru dan Kesan Sistem Pendidikan MRSM ke atas Pembentukan Daya Saing Pelajar MRSM*, hlm. 9-15.

⁵⁸ Ibid., hlm. 3. Rujuk juga Cheah Swee Ming, *Kanak-kanak Pintar Cerdas Juga Perlu Bermain*, hlm. 1-16.

Jadual 8.1: Analisis Keputusan Peperiksaan MCE/SPM Bagi Tahun 1980-1998

Tahun	GRED 1		GRED 2		GRED 3		SAP		JUMLAH
	BIL	%	BIL	%	BIL	%	BIL	%	
1980	232	75.3	69	22.4	7	2.3	0	0.0	308
1981	360	73.5	102	20.8	27	5.5	1	0.2	490
1982	417	68.4	155	25.4	37	6.1	1	0.2	610
1983	644	72.5	195	22.0	44	5.0	4	0.5	887
1984	899	83.5	146	13.5	32	3.0	0	0.0	1077
1985	1112	85.5	152	11.7	33	2.5	3	0.2	1300
1986	1327	84.6	207	13.2	34	2.2	1	0.1	1569
1987	1397	91.2	109	7.1	23	1.5	1	0.1	1531
1988	1977	91.2	177	8.2	11	0.5	0	0.0	2167
1989	1821	91.7	150	7.6	14	0.7	0	0.0	1985
1990	2614	91.9	211	7.4	16	0.6	2	0.1	2843
1991	2819	90.1	288	9.2	23	0.7	0	0.0	3130
1992	3222	91.2	276	7.8	33	0.9	2	0.1	3534
1993	2533	93.3	153	5.6	8	0.3	20	0.7	2716
1994	3124	95.7	134	4.1	3	0.1	1	0.0	3265
1995	2773	95.6	126	4.3	2	0.1	1	0.0	2902
1996	3248	98.1	62	1.9	1	0.0	0	0.0	3311
1997	2924	99.7	9	0.3	0	0.0	0	0.0	2933
1998	3509	98.9	36	1.0	1	0.0	1	0.0	3547

Sumber: Kajian Data SPM, Bahagian Pendidikan dan Latihan Menengah.

Jadual 8.1 menunjukkan peningkatan keputusan pada setiap tahun. Pelajar yang mendapat Gred 1 telah meningkat daripada 75.3% pada tahun 1980 kepada 98.9% pada tahun 1998. Ini menunjukkan bahawa hampir semua pelajar di MRSM berjaya mendapat Gred 1 dalam peperiksaan SPM.⁵⁹ Manakala bilangan pelajar yang mendapat Gred 3 dan SAP juga semakin berkurangan daripada 2.3% kepada 0.0%. Ini bermakna MRSM telah berjaya mengekalkan sifar kegagalan dalam peperiksaan. Meskipun pelajar di MRSM adalah pelajar yang terpilih tetapi keupayaan bagi pelajar yang terpilih ini untuk berjaya dalam peperiksaan juga bergantung bukan kepada IQ mereka sahaja

⁵⁹ Peratusan pelajar yang mendapat pangkat satu telah menunjukkan peningkatan kepada 78-79% dalam Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985) dan melonjak naik kepada 90.5% dalam tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990). Abdul Halim Bin Mahmud, 'Perkembangan Pendidikan di Bawah Pentadbiran Majlis Amanah Rakyat (MARA), 1966-1990', hlm. 282.

tetapi juga EQ yang diterapkan.⁶⁰ Dari segi jumlah pelajar yang mendapat 9A pula dapat dilihat berdasarkan data maklumat jadual 8.2:

Jadual 8.2: Jumlah Pelajar Yang Mendapat 9A Bagi SPM Tahun 1980-1998

Tahun	9A		Jumlah
	BIL	%	
1980	1	0.3	308
1981	1	0.2	490
1982	3	0.5	610
1983	0	0.0	887
1984	6	0.6	1077
1985	7	0.5	1300
1986	26	1.7	1569
1987	36	2.4	1531
1988	34	1.6	2167
1989	65	3.3	1985
1990	17	0.6	2843
1991	32	1.0	3130
1992	30	0.9	3534
1993	38	1.4	2716
1994	58	1.8	3265
1995	29	1.0	2902
1996	74	2.2	3311
1997	208	7.1	2933
1998	270	7.6	3547

Sumber: Kajian Data SPM, Bahagian Pendidikan dan Latihan Menengah.

Jadual 8.2 menunjukkan bahawa pada tahun 1980 hanya seorang pelajar sahaja yang mendapat 9A iaitu sebanyak 0.3%. Jumlah ini telah meningkat kepada 270 orang pada tahun 1998 iaitu sebanyak 7.6%. Di sini nyata berlaku peningkatan dari segi kualiti pendidikan di MRSM. Untuk melihat peningkatan dari segi kualiti, perbandingan telah dilakukan antara keputusan peperiksaan SPM bagi MRSM dan Sekolah Berasrama Penuh di antara tahun 1990 hingga 1997.

⁶⁰ Mohd Sabri Mamat, Syed Najmuddin Syed Hassan dan Ab. Halim Tamuri, "Amalan ibadat harian dan sumbangannya kepada kecerdasan emosi remaja", *Journal of Islamic and Arabic Education*, 1 (1), 2009, hlm. 29-40. Kajian membuktikan bahawa ibadat harian seperti solat, mengaji dan sebagainya memainkan peranan penting dalam meningkatkan kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar secara umumnya.

Jadual 8.3 menunjukkan perbandingan keputusan SPM antara MRSM dan Sekolah Berasrama Penuh (SBP). Data tersebut menunjukkan bahawa MRSM mengatasi SBP dari segi jumlah pelajar yang mendapat Gred 1 pada setiap tahun. Manakala jumlah pelajar yang mendapat Gred 2, 3 dan SAP adalah kurang berbanding dengan SBP. Secara keseluruhannya, data ini menunjukkan bahawa MRSM mampu mengatasi SBP dalam keputusan peperiksaan SPM. Kejayaan ini adalah suatu yang boleh dibanggakan oleh MARA sendiri atas hasil usahanya menubuhkan MRSM.⁶¹

Berikut adalah analisis keputusan peperiksaan SPM antara MRSM dan Sekolah Berasrama Penuh bagi tahun 1999 mengikut pangkat. Seramai 3780 calon dari 15 buah MRSM telah menduduki peperiksaan SPM pada tahun 1999. Daripada jumlah ini seramai 3,735 (98.81%) pelajar telah mendapat Pangkat 1 manakala baki 45 orang (1.1%) mendapat Pangkat 2. Kesemua 15 buah MRSM mencapai kelulusan 100% dengan empat (26.7%) buah MRSM mendapat keputusan 100% Pangkat 1. MRSM tersebut adalah MRSM Taiping, Pengkalan Chepa, Seriting dan Kuala Berang.

⁶¹ Surat Pengarah Bahagian Pendidikan Menengah kepada Menteri Pembangunan Usahawan, Fail Mesyuarat Sektor Pendidikan MARA, 25 September 1999, hlm. 3.

Jadual 8.3 : Analisis Keputusan SPM Berdasarkan Pencapaian Mengikut Gred SBP dan MRSM, 1990-1997

Tahun	SBP		MRSM		SBP		MRSM		SBP		MRSM		SBP		MRSM		JUM	JUM
	Gred1		Gred 1		Gred 2		Gred 2		Gred 3		Gred 3		SAP		SAP		SBP	MRSM
	BIL	%	BIL	%	BIL	%	BIL	%	BIL	%	BIL	%	BIL	%	BIL	%	BIL	BIL
1990	3279	76.1	2614	91.9	817	19.0	211	7.4	203	4.7	16	0.6	7	0.2	2	0.1	4306	2843
1991	3979	81.5	2819	90.1	767	15.7	288	9.2	130	2.7	23	0.7	6	0.1	0	0.0	4882	3130
1992	3507	86.4	3222	91.2	485	12.0	276	7.8	65	1.6	33	0.9	0	0.0	2	0.1	4057	3534
1993	3555	90.9	2533	93.3	328	8.4	153	5.6	14	0.4	8	0.3	16	0.4	20	0.7	3913	2716
1994	3814	94.4	3124	95.7	210	5.2	134	4.1	8	0.2	3	0.1	7	0.2	1	0.0	4039	3265
1995	3966	89.2	2773	95.6	455	10.2	126	4.3	17	0.4	2	0.1	10	0.2	1	0.0	4448	2902
1996	4046	95.8	3248	98.1	170	4.0	62	1.9	6	0.1	1	0.0	1	0.0	0	0.0	4223	3311
1997	4068	97.0	2924	99.7	124	3.0	9	0.3	2	0.0	0	0.0	0	0.0	0	0.0	4194	2933

Sumber: Kajian Data SPM, Bahagia Pendidikan dan Latihan Menengah MARA

Bagi Sekolah Berasrama Penuh pula, seramai 4,904 calon dari 37 buah SBP telah menduduki peperiksaan ini. Daripada jumlah ini seramai 4,772 (97.31%) telah memperoleh Pangkat 1, 2.57% Pangkat 2, 0.10% Pangkat 3 dan 0.02% Gagal. Sebanyak 36 buah SBP mencapai kelulusan 100% dengan 9 (25%) buah sekolah mendapat 100% Pangkat 1. Sekolah-sekolah ini adalah Kolej Islam Sultan Alam Shah (KISAS), Sek. Men. Agama Persekutuan Kajang (SMAPK), Sekolah Menengah Sains Pokok Sena (SMSPS), Sek Men Agama Persekutuan Labu (SMAPL), Sekolah Tun Fatimah (STF), Sek Sultan Ahmad Shah Pekan (SHAH), SMS Sultan Mahmud (SESMA), SMS Muzaffar Shah (MSY) dan SMS Kuala Selangor. Jadual di bawah menunjukkan pencapaian pelajar MRSM berbanding SBP dalam SPM 1999 mengikut pangkat.⁶²

Jadual 8.4: Pencapaian Pelajar Maktab Rendah Sains MARA Berbanding Sekolah Berasrama Penuh dalam SPM 1999 Mengikut Pangkat

SPM	MRSM	%	SBP	%	+/-
Pangkat 1	3,735	98.81%	4,772	97.31%	+ 1.5
Pangkat 2	45	1.19%	126	2.57%	-1.38
Pangkat 3	0	0%	5	0.10%	-0.10
Jumlah Lulus	3,780	100%	4,903	99.98%	+0.02
SAP/GAGAL	0	0%	1	0.02%	-0.02
Jumlah Calon	3,780	100%	4,904	100%	

Sumber: Kajian Data SPM, Bahagian Pendidikan dan Latihan Menengah.

⁶² Kajian Data SPM, Bahagian Pendidikan dan Latihan Menengah, Majlis Amanah Rakyat (MARA).

Secara keseluruhannya, MRSM mengatasi SBP dari segi peratusan calon yang mendapat Pangkat 1 dengan perbezaan sebanyak 1.5%. Selain daripada itu peratusan calon MRSM yang mendapat Pangkat 2 adalah lebih rendah daripada SBP manakala tiada calon MRSM yang mendapat Pangkat 3 atau Gagal/SAP.⁶³

Berdasarkan kepada pencapaian mengikut agregat, seramai 2,582 (68.29%) calon MRSM mendapat agregat 12 ke bawah mengatasi calon SBP seramai 2,794 (57.0%) iaitu sebanyak 11.29%. MRSM Pengkalan Chepa mencatatkan pencapaian terbaik di antara MRSM dan SBP dengan 91.49% daripada pelajarinya mendapat 12 agregat ke bawah diikuti oleh MRSM Jasin (90.93%), MRSM Seremban (87.20%), Kolej Islam Sultan Alam Shah (85.6%), MRSM Taiping (83.87%), Sekolah Tun Fatimah (82.1%) dan Sekolah Seri Puteri (81%).

Walau bagaimanapun jika dilihat dari segi kecemerlangan calon, daripada seramai 189 orang calon seluruh negara yang berjaya mendapat 10A1, seramai 38 orang (20.1%) adalah dari Sekolah Berasrama Penuh dan 11 orang (5.8%) dari MRSM dan selebihnya adalah dari sekolah harian. Secara keseluruhannya SBP berjaya menghasilkan 206 pelajar yang mendapat 10 A1/A2 berbanding dengan 81 pelajar dari MRSM. Daripada jumlah ini seramai 48 orang calon SBP mendapat 9A1 berbanding dengan 38 orang calon MRSM. Calon MRSM yang mendapat 10A1 adalah dari MRSM Jasin (enam orang), MRSM Taiping (empat orang) dan MRSM PDRM Kulim (seorang). Majoriti calon SBP yang mendapat 10A1 adalah dari Kolej Tunku Kurshiah (sembilan orang), Sek Seri Puteri (lima orang), Sek. Men. Agama Persekutuan Labu (empat orang), Sek Alam Shah (empat orang) dan baki yang lain dari 11 buah SBP yang lain.⁶⁴ Ini secara tidak langsung menunjukkan peratusan sumbangan MRSM buat

⁶³ *Laporan Analisa Prestasi Pencapaian Pelajar MRSM dan SBP dalam SPM 1999*, Majlis Amanah Rakyat (MARA), hlm. 4-5.

⁶⁴ *Ibid.*, hlm. 5-6.

pendidikan anak-anak Bumiputera khususnya melalui pencapaian mereka yang boleh dibanggakan. MARA secara tidak langsung telah menyumbang kepada kelahiran generasi cerdik pandai yang kemudiannya akan di salurkan ke peringkat yang lebih tinggi.

Jika dilihat analisis pencapaian gred A1-A2 mengikut mata pelajaran, jadual menunjukkan perbandingan prestasi pencapaian gred A1-A2 mengikut mata pelajaran.

Jadual 8.5 : Perbandingan Prestasi Pencapaian Gred A1-A2 Mengikut Mata Pelajaran

SUBJEK	1999			1998		
	MRSMSBP	+/-		MRSMSBP	+/-	
1. TERAS						
Bahasa Melayu	77.8	76.8	1.0	83.8	84.1	-0.3
Bahasa Inggeris	28.1	36.5	-8.4	24.0	39.6	-15.6
Matematik	95.1	90.9	4.2	98.7	92.4	6.3
Pendidikan Islam	83.2	80.6	2.6	90.4	80.9	9.5
Sejarah	60.2	57.4	2.8	63.6	57.2	6.4
2. Elektif						
Mat Tambahan	50.8	36.7	14.1	44.9	29.1	15.8
Kimia	32.4	21.9	10.5	31.7	19.2	12.5

Jadual 8.5, sambungan

SUBJEK	1999			1998		
	MRSMSBP		+/-	MRSM	SBP	+/-
Biologi	31.0	28.4	2.6	27.4	21.1	6.3
Fizik	21.4	16.7	4.7	21.4	12.9	8.5
Prinsip Akaun	69.7	58.1	11.6	75.8	60.4	15.4
Ekonomi Asas	60.9	64.7	-3.8	-	60.6	-
Tasawwur Islam	55.5	68.7	-13.2	64.5	63.6	0.9
Bahasa Arab	64.7	96.4	-31.7	-	77.9	-
Pendidikan Seni	81.4	85.1	-3.7	74.2	77.9	-3.7
Rekacipta	9.1	11.3	-2.2	-	19.3	-
Pend. Moral	42.5	22.2	22.2	18.8	21.3	-2.5

Sumber: Unit Penyelidikan dan Pembangunan MARA, Bahagian Perancangan Korporat MARA.

Pencapaian terbaik Gred A1-A2 bagi mata pelajaran Bahasa Melayu adalah dari Sekolah Seri Puteri (97.60%), Sekolah Tun Fatimah (97.4%), MRSM Taiping (97.10%), Sek Men Agama Persekutuan Kajang (96%) dan MRSM Jasin (95.72%). Bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris, pencapaian terbaik adalah dari Sekolah Alam Shah sebanyak 81.4%, Sekolah Seri Puteri (79.8%), Kolej Tunku Kurshiah (76.1%), Sekolah Tun Fatimah (75.2%) diikuti dengan MRSM Jasin (71.79%). Sekolah

Menengah Sains Kuala Selangor mendahului kesemua SBP dan MRSM dalam mata pelajaran Matematik iaitu kesemua 100 orang pelajarnya (100%) mendapat Gred A1 dan A2. Ini diikuti dengan MRSM Pengkalan Chepa (99.65%), MRSM Beseri (98.32%), MRSM Jasin (98.24%), Sek Men Agama Persekutuan Labu (97.7%), SMS Tg. Muhammad Faris Petra (97.3%) dan MRSM Taiping (97.10%)

Bagi mata pelajaran Matematik Tambahan, MRSM Pengkalan Chepa mendahului dengan 85.82% diikuti dengan MRSM Jasin 73.30%, serta Sekolah Tun Fatimah dengan 70.9% dan Kolej Tunku Kurshiah 64.5%. Bagi mata pelajaran Sains Kimia, Biologi dan Fizik, MRSM Pengkalan Chepa mendapat 56.74% dalam mata pelajaran Kimia, diikuti oleh MRSM Taiping dengan 54.52%, Kolej Tunku Kurshiah 54.3% dan MRSM Jasin 54.16%. Pencapaian terbaik bagi mata pelajaran Biologi adalah dari Kolej Tunku Kurshiah 57.2%, Sekolah Seri Puteri 53.6%, MRSM Taiping 53.26% dan Sekolah Alam Shah 53.1%. Untuk mata pelajaran Fizik, 58.4% pelajar Sekolah Alam Shah telah berjaya mendapat gred A1 dan A2 diikuti dengan MRSM Taiping 43.23% dan MRSM Serting 40.28%.⁶⁵

Keputusan peperiksaan SPM 1999 jelas menunjukkan pencapaian MRSM yang lebih baik berbanding SBP iaitu bilangan calon yang mendapat Pangkat 1 melebihi sebanyak 1.5%. Selain itu, peratusan calon yang mendapat Pangkat 2 adalah berkurangan daripada calon SBP dan tiada calon MRSM yang mendapat Pangkat 3 atau gagal. Meskipun MRSM berupaya menghasilkan jumlah pelajar Pangkat 1 yang lebih ramai tetapi jumlah calon yang cemerlang dengan mendapat semua A adalah lebih rendah berbanding dengan SBP iaitu SBP menghasilkan 38 (20.1%) calon berbanding 11 (5.8%) calon MRSM. Pencapaian dari segi mata pelajaran pula menunjukkan bahawa kekuatan MRSM adalah dalam mata pelajaran Matematik dan Sains selaras

⁶⁵ Ibid., hlm. 6-8.

dengan objektif MARA untuk meningkatkan bilangan gunatenaga Bumiputera dalam bidang Sains dan Teknologi.⁶⁶ Kejayaan pelajar bagi subjek Matematik dan Sains ini ada kaitannya dengan fokus MRSM itu sendiri yang menitikberatkan subjek tersebut dalam kriteria pengambilan pelajar. Justeru, sindrom takutkan subjek Matematik dan Sains yang membelenggu pelajar Melayu selama ini dapat diatasi dan suatu generasi yang cintakan ilmu yang baru akan lahir hasil didikan MARA itu sendiri.⁶⁷

Salah satu bukti MARA telah berjaya dalam meningkatkan gunatenaga Bumiputera dalam Sains dan Teknologi jelas terbukti melalui data di bawah. Berikut adalah analisis peratusan pencapaian Bumiputera dalam subjek Sains dan Matematik:

Jadual 8.6: Analisis Peratusan Pencapaian Bumiputera dalam Subjek Matematik dan Sains

SUBJEK	TAHUN	BILANGAN CALON					
		Bumiputera	A1&A2	%	MRSM	%Bumi	(A1&A2)
Matematik	1998	187121	30501	16.3	3500	1.9	11.5
	1997	164269	27104	16.5	2906	1.8	10.7
	1996	147757	12116	8.2	2949	2.0	24.3
Matematik	1998	43265	2899	6.7	1591	3.7	54.9
Tambahan	1997	33834	1320	3.9	997	2.9	75.6
	1996	24412	1001	4.1	835	3.4	83.4

⁶⁶ Kertas Kerja Abdul Wahab Alwi, *Penubuhan Sistem Pendidikan Untuk Melahirkan Tenaga Rakyat Yang Lebih Dinamis*, Kertas Kerja Penubuhan MARA, 1972.

⁶⁷ Isu kelemahan orang Melayu dalam sains boleh dilihat dalam tulisan Kamaruddin Abdul Rahman 'Mengapa Orang Melayu Lemah Dalam Sains', hlm. 42-49, dalam Ibrahim Saad (ed.), *Isu Pendidikan di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, 1982.

Jadual 8.6, sambungan

SUBJEK	TAHUN	BILANGAN CALON					
		Bumiputera	A1&A2	%	MRSM	%Bumi	(A1&A2)
Fizik	1998	38881	1011	2.6	772	2.0	76.4
	1997	30785	831	2.7	743	2.4	89.4
	1996	23139	625	2.7	418	1.8	66.9
Kimia	1998	39758	1670	4.2	1126	2.8	67.4
	1997	31309	1190	3.8	1025	3.3	86.2
	1996	23486	822	3.5	621	2.6	75.5
Biologi	1998	26578	1143	4.3	771	2.9	67.5
	1997	21585	863	4	810	3.8	93.8
	1996	20032	601	3	289	1.4	48.1

Sumber: Kajian Data SPM, Bahagian Pendidikan dan Latihan Menengah, MARA.⁶⁸

Jadual 8.6 menunjukkan peratusan pencapaian Bumiputera dalam subjek Sains dan Matematik bagi SPM 1996-1998. Analisis data menunjukkan bahawa seramai 30,501 orang pelajar mendapat A1 dan A2 bagi tahun 1998 bagi subjek Matematik. Daripada jumlah ini, calon MRSM yang mendapat A1 dan A2 dalam subjek tersebut adalah seramai 3500 atau 11.5%. Begitu juga bagi subjek Matematik Tambahan, pelajar

⁶⁸ Nota: % **Bumi** merupakan peratusan pelajar MRSM daripada keseluruhan pelajar Bumiputera, % **A1 & A2** ialah peratusan pelajar MRSM daripada pelajar Bumiputera yang cemerlang.

MRSM telah menyumbang sebanyak 54.9% dari keseluruhan Bumiputera yang cemerlang pada tahun 1998. Bagi subjek Fizik pula, pelajar MRSM telah menyumbang sebanyak 76.4% dari keseluruhan pelajar Bumiputera yang cemerlang bagi SPM 1998. Bagi subjek Kimia pula, pelajar MRSM menyumbang sebanyak 67.4% dari keseluruhan pelajar Bumiputera yang cemerlang bagi SPM 1998. Bagi subjek Biologi pula, pelajar MRSM menyumbang sebanyak 67.5% dari keseluruhan pelajar Bumiputera yang berjaya.⁶⁹

Jelas di sini matlamat MARA untuk mewujudkan sistem persekolahan buat pelajar Bumiputera khususnya telah tercapai. Dengan adanya MRSM di seluruh negeri dapat memperbanyakkan penghasilan pelajar yang cemerlang dalam bidang sains dan teknologi. Ini merupakan suatu usaha murni MARA dalam meningkatkan taraf hidup penduduk Bumiputera melalui aspek pendidikan. Para pelajar yang berjaya dengan cemerlang sudah pasti akan mengorak langkah dengan lebih jauh dalam pelbagai bidang profesional dan akhirnya dapat menjadi gunatenaga yang bermutu buat negara.⁷⁰

Kejayaan MRSM dalam peperiksaan berterusan malah mencapai kemuncak pada tahun 2006.⁷¹ Pada tahun 2006, seramai 6,556 pelajar dari 29 buah MRSM telah menduduki peperiksaan SPM. Pada umumnya, pelajar MRSM mengambil sembilan matapelajaran teras iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sejarah, Pendidikan Islam/Moral, Matematik, Matematik Tambahan, Fizik, Kimia dan Biologi/Prinsip Perakaunan/Reka Cipta dalam peperiksaan SPM. Terdapat juga pelajar yang mengambil mata pelajaran tambahan seperti English for Science and Technology (EST), Pendidikan Seni Visual, Tasawwur Islam, Ekonomi Asas, Bahasa Arab(Komunikasi),

⁶⁹ Surat Pengarah Peperiksaan Lembaga Peperiksaan Kementerian Pendidikan Malaysia kepada Pegawai Pelajaran (Hal Ehwal pelajar) Bahagian Pendidikan Menengah, 30 Ogos 1999. Dirujuk dari fail Pengurusan Sektor Pendidikan MARA.

⁷⁰ Muhammad Amin Bin Zakaria, 'Penilaian Pelaksanaan Model Pengayaan Seluruh Sekolah untuk Pelajar Pintar Cerdas di Maktab Rendah Sains MARA: Satu Kajian Kes', hlm. 179.

⁷¹ Kejayaan ini adalah berketepatan dengan keperluan model manusia yang berkualiti tinggi bagi mencapai transformasi Pelan Induk Perindustrian Yang Ketiga. Lihat, *One Nation One Vision, Satu Negara Satu Wawasan Malaysia*, hlm. 190.

Bahasa Cina, Bahasa Tamil yang menjadikan subjek yang diambil kepada 10, 11 atau 12 mata pelajaran.

Keputusan peperiksaan SPM 2006 menunjukkan kejayaan bahawa kesemua 29 buah maktab telah mencapai kelulusan 100%. MRSM Tun Ghafar Baba merupakan MRSM terbaik bagi peperiksaan SPM 2006 dengan Purata Nilai Gred atau Gred Purata Sekolah (GPS)⁷² 1.433.⁷³ Empat buah MRSM lain turut mencapai keputusan cemerlang dengan mendapat GPS di bawah 2.00 ialah MRSM Langkawi (1.563), MRSM Pengkalan Chepa (1.580), MRSM Taiping (1.591) dan MRSM Kuala Kubu Bharu (1.881). Pencapaian GPS untuk tahun 2006 menunjukkan penurunan sebanyak 0.202 iaitu dari 2.308 pada tahun 2005 kepada 2.106. Sekali lagi MRSM menunjukkan peningkatan dalam pencapaian peperiksaan SPM.⁷⁴ Jadual 8.7 menunjukkan perbandingan Gred Purata bagi keputusan SPM tahun 2005 dan 2006.

Jadual 8.7 : Gred Purata SPM bagi tahun 2005 dan 2006

BIL	MRSM	GRED PURATA		BEZA
		2005	2006	
1.	Tun Ghaffar Baba	1.651	1.433	-0.219
2.	Langkawi	1.844	1.563	-0.218

⁷² Sistem Purata Nilai Gred telah diperkenalkan di MRSM pada tahun 1986. Ia dikenali sebagai Purata Markah Keseluruhan. Sistem ini merupakan purata mata nilai yang dicapai oleh seseorang pelajar dalam semua peperiksaan yang telah diambil dalam satu semester. Sistem ini akan membahagikan tahun akademik kepada dua semester pengajian yang mana satu semester mengandungi 20 minggu pengajian. Rujuk Buku Panduan Guru MRSM, BPLM MARA, hlm. 55.

⁷³ GPS merujuk kepada Gred Purata Sekolah. Ini bermaksud lebih rendah GPS, lebih cemerlang keputusan sekolah tersebut. Pada tahun 2006, 1,433 ini merupakan GPS terendah yang telah dicapai pada tahun tersebut.

⁷⁴ *Laporan Tahunan MARA 2006*, Majlis Amanah Rakyat (MARA), hlm. 100.

Jadual 8.7, sambungan

BIL	MRSM	GRED PURATA		
		2005	2006	BEZA
3.	Pengkalan Chepa	1.892	1.580	-0.312
4.	Taiping	1.793	1.591	-0.202
5.	Kuala Kubu Bharu	1.876	1.881	0.005
6.	Jeli	2.840	2.076	-0.764
7.	Mersing	2.213	2.099	-0.115
8.	Kuala Krai	2.494	2.132	-0.362
9.	Muadzam Shah	2.454	2.163	-0.291
10.	Kuantan	2.592	2.172	-0.420
11.	Transkrian	2.242	2.192	-0.050
12.	Lenggong	2.736	2.195	-0.542
13.	Beseri	1.870	2.203	-0.333
14.	YT Besut	2.805	2.229	-0.576
15.	Batu Pahat	2.867	2.243	-0.625
16.	Terendak	2.751	2.248	-0.503
17.	Kuala Lipis	2.360	2.260	-0.100

Jadual 8.7, sambungan

BIL	MRSM	GRED PURATA		BEZA
		2005	2006	
18.	Kota Putra	2.609	2.268	-0.341
19.	Muar	2.548	2.274	-0.2.74
20.	Kuala Terengganu	2.671	2.277	-0.394
21.	Pasir Salak		2.304	
22.	Pontian	2.417	2.309	-0.108
23.	Kuala Berang	2.209	2.330	0.121
24.	Kota Kinabalu	2.349	2.340	-0.009
25.	Serting	2.347	2.379	0.031
26.	Kuching	2.423	2.475	0.052
27.	Balik Pulau	2.520	2.492	-0.027
28.	PDRM Kulim	2.446	2.527	0.081
29.	Pendang	2.726	2.700	-0.026
	MIN GPS	2308	2106	-0.202

Sumber: Majlis Amanah Rakyat (MARA), *Laporan Tahunan MARA 2006*, hlm. 101.

Bagi peperiksaan PMR pula, seramai 2,758 orang pelajar dari 19 buah MRSM telah menduduki peperiksaan pada tahun 2006. Kesemua 19 buah MRSM telah memperoleh kelulusan 100%. Terdapat lapan buah MRSM yang mendapat keputusan cemerlang semua A dalam mata pelajaran yang melebihi 60% dalam peperiksaan PMR tahun 2006 iaitu MRSM terendak, Kuala Lipis, Kota Putra, Batu Pahat, Pasir Salak, Kuala Kubu Bharu, Gerik dan Lenggong. Ini merupakan satu peningkatan yang mendadak jika dibandingkan dengan empat buah MRSM pada tahun 2005. Bilangan maktab yang mendapat semua A dalam semua mata pelajaran yang diambil telah meningkat sebanyak 4.4% iaitu 1,594 pelajar atau 57.8% berbanding dengan tahun 2005 seramai 1,605 pelajar (53.4%).⁷⁵

Jadual 8.8 menunjukkan perbandingan keputusan peperiksaan PMR bagi tahun 2005 dan 2006:

Jadual 8.8: Perbandingan Keputusan Peperiksaan PMR Bagi Tahun 2005 dan 2006

BIL	MRSM	2005			2006			% Beza
		Bil Calon	Bil Mendapat Semua A	%	Bil Calon	Bil Mendapat Semua A	%	
1.	Batu Pahat	146	72	49.3	139	87	62.6	13.3
2.	Gerik	184	135	73.4	218	135	61.9	-11.5

⁷⁵ Laporan Tahunan MARA 2006, Majlis Amanah Rakyat (MARA), hlm. 100-101.

Jadual 8.8, sambungan

BIL	MRSM	2005			2006			% Beza
		Bil Calon	Bil Mendapat Semua A	%	Bil Calon	Bil Mendapat Semua A	%	
3.	Jeli	176	78	44.3	172	87	50.6	6.3
4.	Kota Kinabalu	133	57	42.9	119	53	44.5	1.6
5.	Kota Putra	184	62	33.7	173	115	66.5	32.8
6.	Kuala Klawang	193	94	48.7	196	114	58.2	9.5
7.	Kuala Krai	127	25	19.7	113	66	58.4	38.7
8.	Kuala Kubu Baru	203	149	73.4	175	121	69.1	-4.6
9.	Kuala Lipis	147	85	57.8	87	60	69.0	11.2
10.	Kuching	119	55	46.2	116	59	50.9	4.7

Jadual 8.8, sambungan

BIL	MRSM	2005			2006			% Beza
		Bil Calon	Bil Mendapat Semua A	%	Bil Calon	Bil Mendapat Semua A	%	
11.	Lenggong	188	127	67.6	142	89	60.7	-4.9
12.	Mersing	127	65	51.2	137	81	59.1	7.9
13.	Pasir Salak	253	143	56.5	148	89	60.1	3.6
14.	Pasir Tumboh	116	51	44	142	69	58.6	4.6
15.	PDRM Kulim	133	76	57.1	143	75	52.5	-4.7
16.	Pendang	132	76	57.6	150	74	49.3	-8.3
17.	Pontian	141	105	74.5	131	71	54.2	-20.3
18.	Terendak	128	54	42.2	106	75	70.8	28.6
19.	YT Besut	-	-	-	151	74	49.0	-
20.	Transkrian	178	96	53.9	-	-	-	-

Sumber: Majlis Amanah Rakyat (MARA), *Laporan Tahunan MARA 2006*, hlm. 102.

Jadual 8.8 menunjukkan bahawa terdapat peningkatan dari segi peratusan pelajar yang mendapat semua A iaitu pada tahun 2005, sebanyak 53.4% mendapat semua A manakala sebanyak 57.8% mendapat semua A pada tahun 2006. Telah berlaku peningkatan yang agak ketara iaitu sebanyak 4.4% berbanding dengan tahun sebelumnya. Sebanyak 14 buah maktab telah memperoleh peningkatan dari segi peratusan yang mendapat semua A manakala lima buah maktab telah mengalami penurunan. Ini menunjukkan suatu peningkatan yang memberangsangkan bagi MRSM dan secara tidak langsung membantu memperkasakan pendidikannya.⁷⁶

8.9 Kesimpulan

Berdasarkan perkembangan dan pencapaian yang dihasilkan MRSM dalam tempoh 1981-2006, institusi berkenaan dilihat begitu relevan dan berkeupayaan tinggi dalam menjana kelahiran tenaga-tenaga muda Bumiputera yang mempunyai asas yang kuat untuk mencapai matlamat pembangunan negara. Dengan langkah proaktif untuk mewujudkan sistem pendidikan yang mementingkan kualiti, MRSM telah mengadaptasi model pendidikan berkesan dan berimpak tinggi. Program pintar cerdas yang diimplentasi MRSM terbukti menghasilkan produk Bumiputera yang berkualiti. Ini dapat dibuktikan daripada jumlah pelajar institusi berkenaan yang berjaya mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan-peperiksaan peringkat menengah.

Justeru, keadaan telah mewujudkan senario pendidikan di MRSM yang begitu eksklusif dalam arena pendidikan menengah di Malaysia. Oleh itu, MARA melalui MRSM berhasil mewujudkan produk Bumiputera yang mempunyai asas persediaan yang mencukupi untuk bergiat dalam bidang Sains dan Teknologi. Kelainan yang

⁷⁶ Secara umumnya, perkara ini bertepatan dengan pandangan Hussein Ahmad yang menyatakan bahawa perkembangan pendidikan di Malaysia kini bergerak ke arah memastikan pendidikan yang diberikan di Malaysia kekal relevan dan berfungsi. Hussein Ahmad, *Mission of Public Education in Malaysia, The Challenge of Transformation*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 2012, hlm. 166.

ditonjolkan oleh MRSM dalam aspek pemberian pendidikan kepada pelajar yang berbakat serta mempunyai potensi yang besar menyebabkan MRSM kekal unggul sebagai institusi yang melahirkan pelajar yang berkeupayaan serta berdaya saing.

BAB 9: KESIMPULAN

Kajian ini membuktikan bahawa Majlis Amanah Rakyat (MARA) telah berperanan besar dalam menyediakan kepelbagaian institusi pendidikan kepada golongan Bumiputera di Malaysia. Melalui tindakan afirmatif kerajaan, MARA dilihat telah membangunkan sistem pendidikan merangkumi pendidikan tinggi, kemahiran dan menengah. Peranan ini dapat dimainkan dengan berkesan oleh MARA disebabkan badan berkenaan telah menggunakan kaedah “sistem dalam sistem” dalam mengendalikan institusi-institusi pendidikan yang dimilikinya. Kaedah sedemikian perlu dilaksanakan MARA memandangkan Kerajaan Malaysia pasca kemerdekaan telah menjalankan tindakan afirmatif. Tindakan afirmatif ini bertujuan untuk meningkatkan pencapaian sosioekonomi orang Melayu dan golongan Bumiputera lain, supaya dapat bersaing dengan kaum bukan Bumiputera yang memiliki kedudukan sosioekonomi yang lebih baik. Antara aspek jangka panjang untuk memperbaiki kedudukan Bumiputera ialah sektor pendidikan yang merupakan perkara yang sangat penting dalam kerangka tindakan afirmatif.

Walaupun kerajaan sudah memiliki sebuah Kementerian Pendidikan dan sistem pendidikan yang bersifat progresif, peranan kementerian berkenaan adalah bersifat umum dan kurang sesuai untuk melaksanakan tindakan yang terfokus kepada suatu golongan masyarakat sahaja. Dalam isu ini, MARA diberi peranan oleh kerajaan untuk mengoperasikan sistem pendidikan yang tersendiri dalam kerangka sistem pendidikan kebangsaan. Kaedah “sistem dalam sistem” yang dilaksanakan MARA mampu memberi fokus yang khusus kepada peningkatan mutu dan peluang-peluang pendidikan kepada Bumiputera sejak penubuhan badan berkenaan. Hal ini kerana, MARA diberikan autoriti yang bersifat khusus oleh Kerajaan Malaysia untuk menggubal program-

program pendidikan tersendiri yang memfokus kepada mempertingkatkan kualiti pendidikan yang diterima Bumiputera. Keadaan ini merupakan satu ciri yang penting dalam memahami pengoperasian “sistem dalam sistem” oleh MARA.

Keberhasilan MARA dalam konteks pemberian pendidikan kepada Bumiputera dapat diukur dan dinilai melalui kepelbagaian jenis institusi-institusi pendidikan yang dikendalikannya sejak tahun 1966 sehingga 2006. Institusi-institusi pendidikan tersebut merangkumi lapangan pendidikan tinggi, kemahiran dan menengah. Justeru, MARA dilihat telah menyediakan pendidikan dipelbagai peringkat iaitu daripada peringkat remaja sehingga dewasa. Di peringkat pendidikan tinggi, pada mulanya MARA telah mengendalikan ITM sebagai satu institusi untuk membantu golongan Bumiputera mendapat pendidikan tinggi yang bermutu. Namun, memandangkan wujudnya masalah dalaman dalam pentadbiran ITM pada dekad 1970-an, MARA tidak dapat meneruskan pegangannya terhadap ITM. Institusi berkenaan telah diambil alih oleh Kementerian Pelajaran pada tahun 1976. Walaupun MARA didapati gagal mengekalkan kedudukannya sebagai pentadbir ITM, MARA kemudiannya terus menubuh dan mengelolakan beberapa institusi pendidikan tinggi pada akhir 1970-an iaitu Institut Perdagangan MARA (IPM), Kolej MARA, Kolej Profesional MARA (KPM) dan Institut Kemahiran Tinggi MARA (IKTM). Institusi-institusi pendidikan tinggi ini telah menawarkan pelbagai kursus profesional yang dapat memberikan pendedahan dan ilmu yang secukupnya kepada para pelajar Bumiputeranya. Institusi-institusi pendidikan tinggi MARA juga telah menjalin kerjasama dengan institusi-institusi asing serta sentiasa berusaha mempertingkatkan kualiti pendidikan yang disediakan.

Kerjasama ini telah membawa kepada penubuhan *Malaysia France Institute* (MFI), *British Malaysian Institute* (BMI), *Malaysian Spanish Institute* (MSI), *Malaysian Institute of Aviation Technology* (MIAT), *Institut Infotech MARA* (IIM), *Malaysian Institute of Chemical Engineering Technology* (MICET) dan *Malaysian Institute of Marine Engineering Technology* (MIMET). Setiap institusi pendidikan tinggi ini memiliki pengkhususannya yang tersendiri. MARA kemudian bertindak menggabungkan ketujuh-tujuh insititusi tersebut pada tahun 2002 di bawah satu nama iaitu Universiti Kuala Lumpur (UniKL). Peristiwa ini merupakan kemuncak kepada usaha MARA dalam bidang pendidikan di Malaysia. Penubuhan UniKL ini juga merupakan satu *rebranding* kepada institusi-institusi pendidikan tinggi sedia ada yang telah berjaya sebelumnya. Oleh itu, berdasarkan kewujudan pelbagai institusi-institusi pendidikan tingginya, MARA telah berjaya menunjukkan keupayaannya untuk memberikan pendidikan tinggi kepada golongan Bumiputera. Dengan menubuh dan mengendalikan institusi pendidikan tinggi, MARA telah membuka peluang yang luas kepada kalangan Bumiputera yang cemerlang dalam akademik untuk mendapat pendidikan di peringkat yang lebih tinggi.

Peranan MARA yang besar dalam pemberian pendidikan kepada Bumiputera turut merangkumi pendidikan kemahiran. Dalam membicarakan perkara ini, MARA didapati bukan sahaja telah menawarkan pendidikan tinggi kepada Bumiputera yang berkeupayaan dalam akademik, bahkan golongan Bumiputera yang tidak berpeluang mendapat pendidikan tinggi juga berpeluang mendapat pendidikan melalui saluran kemahiran. Sehubungan itu, Institut Kemahiran MARA (IKM) merupakan antara institusi awal yang menjadi perintis usaha MARA untuk melengkapkan golongan belia Bumiputera dengan kemahiran yang mencukupi. Pemilikan kemahiran dalam lapangan teknik dan vokasional merupakan satu prasyarat bagi menjadikan belia Bumiputera

sebagai golongan yang mampu bersaing dalam pasaran kerja serta berpotensi untuk menerokai bidang keusahawanan. Perkara ini membuktikan MARA tidak meminggirkan mana-mana golongan Bumiputera dalam pemberian pendidikannya. Tindakan MARA ini adalah tepat dengan usaha kerajaan untuk menambah gunatenaga mahir untuk sektor perindustrian negara yang semakin rancak mulai tahun 1990. Perkara ini turut membuktikan bahawa MARA tidak pernah ketinggalan dalam memastikan sistem pendidikan yang diuruskannya sentiasa memenuhi kehendak negara. Peranan MARA dalam penyediaan peluang-peluang pendidikan kemahiran teknikal dan vokasional kepada belia-belia di luar dan dalam bandar diperhebatkan lagi dengan penubuhan sebuah institusi kemahiran yang baru, iaitu GiatMARA pada tahun 1986. Matlamat institusi ini adalah menyasarkan pemberian latihan kemahiran kepada golongan Bumiputera yang tidak mempunyai keupayaan akademik dan juga mereka yang tercicir dalam pelajaran.

Selain pengoperasian pelbagai institusi pendidikan tinggi dan kemahiran, kajian ini turut mendapati satu peranan utama MARA dalam bidang pendidikan Bumiputera ialah pengendalian pendidikan menengah yang tersendiri. Pendidikan menengah dilaksanakan melalui penubuhan Maktab Rendah Sains MARA (MRSM). Kewujudan MRSM sebagai satu institusi pendidikan menengah mulai tahun 1972 telah memainkan peranan yang signifikan dalam membentuk dan melahirkan generasi terpelajar dalam kalangan Bumiputera dalam lapangan Sains dan Teknologi. MARA sememangnya telah menyedari bahawa pendidikan di peringkat menengah merupakan satu peringkat yang paling sesuai untuk membentuk pelapis dan tenaga Bumiputera yang berkeupayaan tinggi. Oleh itu, MRSM merupakan saluran MARA yang khusus untuk memastikan mereka yang berpotensi tinggi dan cerdas dalam kalangan remaja Bumiputera mendapat

tempat yang sewajarnya, bagi membolehkan bakat dan keupayaan yang ada diasah dan dipertingkatkan.

Selain kepelbagaian institusi pendidikan, kejayaan MARA dapat diukur melalui penawaran kursus dan sukatan pelajaran di semua peringkat pendidikannya. Dalam aspek pendidikan tinggi. Usaha untuk melonjakkan kedudukan Bumiputera dalam lapangan sosioekonomi memerlukan penawaran sistem pendidikan tinggi yang berkualiti sebagai asas kepada usaha berkenaan. Sebelum kewujudan institusi berkenaan, peluang kelompok Bumiputera untuk mendapat tempat di institusi-institusi pengajian tinggi tempatan terutamanya universiti-universiti awam sedia ada adalah begitu terhad. Golongan bukan Melayu yang memiliki tahap pendidikan yang baik berasaskan peluang-peluang pendidikan menengah yang lebih baik telah mendominasi tempat di universiti-universiti tempatan. Sehubungan itu, kewujudan ITM telah mula membuka ruang yang lebih besar kepada Bumiputera untuk mendapat tempat dalam lapangan pendidikan tinggi di Malaysia. Selain itu, ITM turut merintis kepada penawaran kursus-kursus baru dan menerokai bidang-bidang yang belum wujud di mana-mana institusi pendidikan tinggi Malaysia.

Dalam konteks penawaran kursus-kursus di ITM, institusi berkenaan telah menyediakan pelbagai peluang pendidikan merangkumi bidang perakaunan, pentadbiran dan undang-undang, perniagaan dan pengurusan, seni bina, kejuruteraan, sains gunaan, sains komputer dan kursus pra universiti. Hal ini mencerminkan keupayaan MARA untuk mengendalikan institusi pendidikan tinggi dalam tempoh yang singkat. Kehilangan ITM pada 1976 menyaksikan MARA telah berusaha untuk terus menawarkan kursus-kursus yang berimpak tinggi kepada pelajar-pelajar Bumiputera. Misalnya di IPM, kursus-kursus berkaitan pengurusan akaun, audit, ekonomi dan hal

ehwal perniagaan telah ditawarkan di institusi berkenaan. Menjelang dekad 1990-an, penawaran pendidikan tinggi MARA diperhebatkan dengan wujudnya institusi-institusi yang dikendalikan MARA seperti MFI, BMI, MIAT, MSI, MICET, MIMET, dan IIM. Institusi-institusi tersebut telah mengelolakan kursus-kursus yang berorientasikan sains dan teknologi. Ia kemudian dilanjutkan dengan penubuhan UniKL yang diluluskan penubuhannya pada tahun 2002. Sesuai dengan kedudukannya sebagai sebuah universiti, UniKL pelbagai kursus di peringkat diploma dan ijazah.

Selain pendidikan tinggi, kursus latihan kemahiran yang ditawarkan MARA turut memiliki mutu dan mempunyai standard yang tersendiri berdasarkan perkembangan kurikulumnya. Seperti institusi-institusi pendidikan lain yang dikendalikannya, MARA juga telah berusaha untuk mendapat khidmat daripada para pakar berkecuali dari luar negara untuk membantu MARA memperbaiki kualiti pengajaran dan pembelajaran di IKM. Untuk mencapai sasaran berkenaan, IKM didapati telah mengendalikan kursus-kursus yang merangkumi pelbagai lapangan teknikal dan vokasional. Lapangan teknik dan vokasional merupakan antara keperluan gunatenaga kerja yang utama di Malaysia. Kursus-kursus kemahiran yang ditawarkan oleh MARA melalui IKM dan GiatMARA telah menyediakan para belia yang terlibat untuk menjadi tenaga kerja berkemahiran dan usahawan teknikal. Pengetahuan dan kemahiran yang ditimba juga dapat dimanfaatkan oleh lepasan institut-institut kemahiran berkenaan untuk mencari peluang pekerjaan dan meningkatkan taraf hidup.

MARA juga dilihat mengoperasikan pendidikan menengah yang unik jika dibandingkan dengan sistem pendidikan menengah yang dikendalikan Kementerian Pendidikan. Pelaksanaan sistem pendidikan menengah MARA telah menyaksikan MRSM mula diperkukuh dan dimurnikan dengan bantuan daripada pakar-pakar luar

negeri daripada pelbagai agensi asing seawal dekad 1970-an. Untuk mempertingkatkan mutu pendidikannya, dekad 1980-an menyaksikan MRSM telah bertindak melaksanakan model pendidikan yang berimpak tinggi melalui program pintar cerdas. Hasilnya, berdasarkan data-data keputusan peperiksaan program berkenaan sentiasa mampu menghasilkan keputusan-keputusan peperiksaan yang cemerlang di peringkat menengah saban tahun.

Ditinjau dari sudut kebolehan pasaran, kebanyakan pelajar-pelajar Bumiputera yang menerima pendidikan tinggi yang disediakan MARA telah berjaya mendapat pekerjaan yang baik. Dengan mengambil contoh konteks kerjaya lepasan pelajar beberapa institusi pendidikan tinggi, ia dapat membuktikan kelebihan institusi pendidikan MARA. Misalnya, melalui kajian pengesanan graduan Kolej Profesional MARA (pelajarambilan 1997-2007), didapati kebanyakan bekas pelajarnya telah terlibat dalam sektor swasta tempatan dan asing. Sebanyak 45% daripada responden terlibat dalam bidang pengurusan, 41% responden dalam bidang sokongan dan selebihnya dalam bidang penyeliaan (14%). Selain itu, graduan MIAT yang merupakan pakar dalam bidang kejuruteraan pesawat mendapat permintaan yang tinggi daripada Jabatan Penerbangan Awam (DCA) Transmile Sdn. Bhd., MHS Berhad, MAS dan Air Asia.

Dalam aspek pendidikan kemahiran, hasil daripada langkah-langkah yang diusahakan MARA, golongan belia Bumiputera memiliki peluang dan kemampuan untuk mendapatkan pendidikan kemahiran secara formal. Hasil daripada pemberian pendidikan kemahiran, IKM dan GiatMARA telah memperlihatkan keupayaannya memenuhi sasaran kerajaan untuk membentuk masyarakat Bumiputera yang berkemahiran, selaras dengan rangka usaha memenuhi keperluan sektor perindustrian

negara yang semakin berkembang. IKM dan GiatMARA bukan hanya sekadar sebuah institusi kemahiran yang menyemai daya saing dalam kalangan kelompok belia Bumiputera, bahkan ia menjadi satu bentuk penyelesaian kepada permasalahan kekurangan tenaga kerja yang memiliki kemahiran serta mengatasi masalah pengangguran dalam negara. Dalam laporan kajian pengesanan graduan IKM dan KKTM, daripada sejumlah 2,574 orang pelajar yang telah mengikuti kursus di kedua-dua institusi berkenaan, seramai 928 orang terlibat dalam bidang kejuruteraan, manakala seramai 737 orang berkecimpung dalam lapangan kemahiran, selebihnya ramai bekas pelajar IKM dan KKTM yang bekerja di pelbagai lapangan lain seperti pemasaran, pengurusan perniagaan, pembuatan dan sebagainya. Perkara ini jelas membuktikan kebolehsasaran bekas pelajar-pelajar daripada institusi kemahiran MARA.

Dalam sektor pendidikan menengah, kelainan program pendidikan MRSM menjadikan institusi ini begitu berbeza berbanding dengan institusi-institusi pendidikan menengah yang lain dalam negara. Oleh itu, tidak hairanlah sekiranya ditinjau daripada aspek pencapaian akademik, institusi tersebut sentiasa mempamerkan prestasi akademik yang cemerlang sepanjang penubuhannya. Misalnya keputusan SPM 1999 memperlihatkan 98.81% pelajar MRSM berjaya mendapat Pangkat 1 berbanding dengan 97.31% pelajar dari Sekolah Berasrama Penuh. Keadaan ini menunjukkan bahawa MARA telah berhasil melaksanakan pendidikan menengah yang setanding dengan institusi pendidikan yang dikendalikan pihak Kementerian Pendidikan. Pencapaian-pencapaian yang dikecapi oleh MRSM juga membuktikan bahawa dalam kerangka pengukuhan keupayaan Bumiputera dalam bidang Sains dan Teknologi, MRSM merupakan antara mekanisme terbaik yang dimiliki MARA. Melalui MRSM, golongan Bumiputera dapat diperlengkapkan asas keupayaan mereka di peringkat menengah untuk terus menerokai bidang Sains dan Teknologi. Justeru, MRSM berjaya

mewujudkan produk Bumiputera muda yang mempunyai asas yang mencukupi untuk terus bergiat dalam lapangan berkenaan. Kelainan yang ditunjukkan oleh MRSM dalam pendidikan menengah di Malaysia menjadi bukti keupayaan MARA menggerakkan “sistem dalam sistem” sekaligus telah meletakkan MRSM sebagai satu institusi yang mempunyai kelas yang tersendiri sepanjang penubuhannya.

Sehubungan itu, sistem pendidikan yang digerakkan oleh MARA sepanjang 40 tahun penubuhan badan berkenaan pada tahun 1966 hingga 2004 membuktikan MARA berjaya telah memainkan peranan yang berkesan dalam bidang pendidikan di Malaysia. Dalam berfungsi sebagai “sistem dalam sistem”, MARA telah memenuhi kehendak kerajaan dalam pelan tindakan afirmatif untuk membantu golongan Bumiputera mencapai kedudukan sosioekonomi yang lebih baik. Penawaran pelbagai peluang pendidikan merangkumi bidang pendidikan tinggi, kemahiran serta menengah membuktikan MARA merupakan ejen yang memberikan pendidikan yang bersifat menyeluruh kepada Bumiputera. MARA juga didapati mempamerkan tahap fleksibiliti yang tinggi dalam memenuhi kehendak kerajaan dan situasi semasa. Tidak dinafikan, di sepanjang pengendalian sistem pendidikannya, MARA sentiasa berhadapan dengan pelbagai masalah dan kelemahan.

Berdasarkan ukuran yang telah dinyatakan beserta data-data yang dipaparkan dalam kajian ini, didapati MARA telah berperanan besar. Peranan ini dilaksanakan dalam kaedah “sistem dalam sistem” yang tidak lari daripada sistem pendidikan negara. Walaupun Kementerian Pelajaran Malaysia telah merangka dan melaksanakan satu dasar dan sistem pendidikan kebangsaan, fungsi MARA yang menjalankan sistem pendidikan yang bersifat tersendiri dalam kerangka pendidikan negara memperlihatkan dinamika MARA itu sendiri. Nyata, melalui kepelbagaian institusi-institusi pendidikan

tinggi, kemahiran dan menengah yang ditubuh dan dikendalikannya sepanjang tempoh 1966-2006, MARA telah melaksanakan tindakan afirmatif kerajaan dalam membantu golongan Bumiputera untuk memperbaiki keadaan sosioekonomi mereka. Oleh itu, golongan Bumiputera telah mendapat lonjakan yang ketara dalam aspek pendidikan dan memenuhi sebahagian matlamat pembangunan negara.

RUJUKAN

Majlis Amanah Rakyat (MARA)

“Memperbaiki Ekonomi Bumiputra”, Petikan dari ucapan Y. A. B. Timbalan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak bin Hussein, dalam upacara penutup Konggres Ekonomi Bumiputra di-Kuala Lumpur pada 7hb. Jun, 1965

A Handbook of MRSM, Bahagian Latihan dan Pendidikan MARA.

Amanah (Ogos-September), Bahagian Latihan Mara, Kuala Lumpur, 1979.

Alam MARA, Unit Perhubungan Korporat, Ibu Pejabat MARA Kuala Lumpur, Januari/Februari 1985.

AlamMARA, Bil. 2, Mac/April 1983, Bilangan 1-4, Januari-Disember 1983.

Analisa Pengambilan Pelatih dan Status Pelatih Lepas GiatMARA, Unit Penyelidikan dan Pembangunan, Bahagian Perancangan Korporat MARA, Ibu Pejabat MARA.

Analisa Pengambilan Pelatih dan Status Pelatih Lepas GiatMARA yang Menubuhkan Perniagaan.

Analisis perbandingan pencapaian keputusan Matematik dan Sains dalam UKKM dengan pencapaian Matematik, Matematik Tambahan, Fizik, Kimia dan Biologi SPM, Unit Peperiksaan BPLM MARA.

Bahagian Kemahiran Tinggi Bil 3/06.

Bahagian Korporat MARA (BK/MARA) 8, MARA Secara Ringkas.

Bahagian Latihan dalam MARA, Panduan dan Penerangan, Cawangan Hubungan Awam, Ibu Pejabat MARA, Kuala Lumpur.

Bahagian Latihan MARA, Fail No. 5, MARA KL, 1965-1975 (BK 5).

Bahagian Latihan Menengah 1970-1972. Fail Jabatan Ketua Pengarah TKP 250/6.

Berita MARA, Bil. 1, 1 April 1967.

BL 41, 1965-1973, Fail MARA KL, 1965-1975.

Buku Cenderamata Pembukaan Rasmi IKM Lumut, Perak, 1979.

Buku Cenderamata Rasmi IKM Johor Bahru, 1979.

Buku Panduan Kursus, Program Latihan Sepenuh Masa Institut Kemahiran MARA, 1988.

Buletin MARA Secara Ringkas, BK/MARA, 1966.

Cadangan Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010), Program Pendidikan dan Latihan, Majlis Amanah Rakyat (MARA).

Catatan Ringkas Sejarah Sepintas Lalu MRSM Pengkalan Chepa, 2000.

Dasar Ekonomi Baru, Bahagian Perancangan Korporat MARA.

Dasar-dasar di Bawah Latihan kemahiran, Draf 2, Bahagian Pendidikan dan Latihan Kemahiran, September 2005.

Dasar-dasar GiatMARA: Kemahiran Wawasan Negara, Kuala Lumpur: Majlis Amanah Rakyat.

Data Korporat MARA 2006.

Data Korporat MARA 2006.

Fail Jabatan Ketua Pengarah TKP 250/6.

Fail Pengarah Bahagian MARA, Surat dari Kazuya Sadachi Setiausaha Kedutaan Jepun kepada Pengarah Bahagian Latihan MARA bertarikh 12 Disember 1974.

Fail Peribadi En Mansor bin Othman, Bahagian Sumber Manusia MARA.

Fail Perkara-perkara Berbangkit Dari Mesyuarat Majlis MARA, (SUM: 087 Ke-7), 20 April 1986.

Institut Teknologi MARA Cawangan Perlis, Taklimat kepada Majlis Tindakan Negeri Perlis oleh Y.B. Datuk Haji Lokman Musa, pgdk, asdk, kmn, pjg. pada 20hb. April 1976.

Jumlah Guru MRSM dari tahun 1972 hingga 1990, Bahagian Pelajaran Menengah MARA.

Kajian Data SPM, Bahagian Pendidikan dan Latihan Menengah, Majlis Amanah Rakyat (MARA).

Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua, MARA.

Kajian Semula Rancangan Malaysia Ketiga 1976 hingga 1980, Bahagian Latihan dan Pendidikan MARA.

Kertas Kerja Abdul Wahab Alwi, Penubuhan Sistem Pendidikan Untuk Melahirkan Tenaga Rakyat Yang Lebih Dinamis, Kertas Kerja Penubuhan MARA, 1972.

Kertas kerja Program dan Kursus di IKM.

Kertas Mesyuarat Majlis MARA, Bil. 33/71, Mesyuarat Ke-24, 22 April 1971.

Kertas Taklimat Pembangunan Pendidikan dan Gunatenaga oleh MARA pada 3 September 1999.

Ketua Pegawai Eksekutif UniKL kepada Timbalan Ketua Pengarah (Pendidikan), Jabatan Pendidikan Swasta, Kementerian Pendidikan Malaysia bertarikh 1 April 2002.

Kolej MARA Kulim, *Majalah Sepintas Lalu Mengenai MRSM Kulim Kedah*.

Koleksi Peribadi Abdul Wahab Alwi, Kertas Kerja Penubuhan Maktab Rendah Sains MARA.

Koleksi Peribadi En. Matias De Fernandez, 2003, MARA College Banting Malaysia, IB World School, A Case Study.

Kurikulum Perkembangan Sahsia, Bahagian Pendidikan dan Latihan (Menengah) MARA,

Laporan Analisa Prestasi Pencapaian Pelajar MRSM dan SBP dalam SPM 1999, Majlis Amanah Rakyat (MARA).

Laporan Bahagian Kemahiran MARA, 1 Ogos 1980.

Laporan Ekonomi MARA 2010.

Laporan Kajian Keberkesanan Guru MRSM, BPM, 1995

Laporan Kajian Pengesanan Graduan IKM dan KKTm.

Laporan Kajian Pengesanan Graduan Kolej Profesional MARA (Pelajar Ambilan 1997-2007), Unit Penyelidikan Seksyen Naziran dan Kualiti, Bahagian Pendidikan Tinggi MARA, November 2010.

Laporan Kemajuan Projek IKTM untuk Jemaah Menteri.

Laporan Kolej MARA, Bahagian Pendidikan Tinggi MARA, 2000.

Laporan Pembangunan Program Latihan Kemahiran Teknikal Bumiputera yang dipetik dari Minit Mesyuarat PendidikanTinggi MARA, 2000.

Laporan Suku Tahun Pertama Bahagian Latihan dan Pendidikan MARA , Januari-Mac 1980.

Laporan Tahunan Bahagian Latihan dan Pendidikan MARA, 1979.

Laporan Tahunan Bahagian Latihan MARA, 1974.

Laporan Tahunan Bahagian Pendidikan dan Latihan MARA 1978.

Laporan Tahunan Bahagian Pendidikan dan Latihan MARA, 1977.

Latar Belakang Majlis Amanah Rakyat, Ibu Pejabat MARA, Kuala Lumpur, 21 Jun 1966.

- Majlis Amanah Rakyat (MARA) - Institut Teknologi MARA, *Report on Visit By Dr. O.G. Pickard to MARA College, November-Disember 1965.*
- Majlis Amanah Rakyat (MARA), *Laporan Bahagian Pendidikan dan Latihan MARA, 1975.*
- Majlis Amanah Rakyat (MARA), *Laporan Tahunan Bahagian Latihan dan Pendidikan MARA, 1977*, Cawangan Perancang dan Penempatan.
- Majlis Amanah Rakyat (MARA), *Laporan Tahunan Bahagian Latihan MARA 1974.*
- Majlis Amanah Rakyat (MARA), *Laporan Tahunan Bahagian Pendidikan Latihan MARA 1977.*
- Majlis Amanah Rakyat (MARA), *Laporan Tahunan MARA 1966.*
- Majlis Amanah Rakyat (MARA), *Laporan Tahunan MARA 1978*
- Majlis Amanah Rakyat (MARA), *Penyata Tahunan 1973.*
- Majlis Amanah Rakyat (MARA), *Program Latihan dan Kemahiran MARA Tahap Sijil dan Diploma Tahun 2004/05.*
- Majlis Amanah Rakyat (MARA), *Prospektus Maktab MARA, 1966.*
- Majlis Amanah Rakyat, *Laporan Kajian Semula Kemajuan, 1976-1980 dan Kajian Semula Perlaksanaan, 1971-1980*, Buku 2.
- Majlis Taklimat GiatMARA kepada Y. B. Dato' Mohamed Khaled Nordin, Menteri Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD) pada 16 Februari 2006, di Tingkat 24 Ibu Pejabat MARA
- Maktab Rendah Sains MARA Kuantan, Laporan Tahunan 1980.*
- Maktab Rendah Sains MARA Seremban, *Activity Justification-Operating Expenses, 1971.*
- MARA in Brief*, Kuala Lumpur: Public Relations Unit, MARA, 1979.
- MARA Institute of Technology*, Bulletin 73-74.
- MARA Seremban, BL 117.
- MARA Vocational Institute Johor Bharu.*
- MARA Vocational Training*, Majlis Amanah Rakyat (MARA).
- MARA: Panduan dan Penerangan*, Cawangan Hubungan Awam, Ibu Pejabat MARA, Kuala Lumpur.
- MARANIAGA*, Bil. 1, Tahun Pertama, Kuala Lumpur: Cawangan Perhubungan Awam MARA, 1978.

Memorandum MIT Governing Council.

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan MARA, Mesyuarat Ke-63 pada 3 Mac 1976, Bil. 9/76.

Mesyuarat Ke-25 pada 30/7/1971.

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan MARA Ke-64 bertarikh 7 April 1976.

Minit Mesyuarat Majlis MARA 148, Bil. 12, 1986.

Minit Mesyuarat Majlis MARA Ke-26, 4 November 1971.

Minit Mesyuarat Majlis MARA, Bil. 281, (3/2002) , 25 Jun 2002.

Minit Mesyuarat Majlis MARA, Bil. 41/71, Mesyuarat Ke-25 pada 30 Julai 1971.

Minit Mesyuarat Majlis MARA, Bil. 5/72, 2 Februari 1972.

Minit Mesyuarat Majlis MARA, Bil. Ke-21, 3 Ogos 1970.

Minit Mesyuarat Majlis MARA, Kertas 85/2001.

Minit Mesyuarat Majlis, 9/72, Mesyuarat Ke-28, 5/4/1972.

Minit Mesyuarat Majlis, Bil. 4/72, Mesyuarat Ke-27, 2/2/1972.

Minit Mesyuarat Majlis, Bil. 41/71, Mesyuarat Ke-25 pada 30 Julai 1971.

Minit Mesyuarat Pengarah-pengarah MARA yang Ke-13, Bilik Mesyuarat Ibu Pejabat MARA Kuala Lumpur, 15. 6. 1966, jam 10.00 pagi.

Minit Mesyuarat Pengarah-Pengarah MARA, Bil 5/67, pada 28 Mac 1967.

Minit Mesyuarat Penubuhan Pusat-pusat Kemahiran, BL 330, Fail MARA-KL 1965.

Pamplet: Catatan Sejarah Institut Teknologi MARA, April 1998, (Bahagian Perancang Korporat MARA).

Parliamentary Debates, Dewan Rakyat, Volume II, No. 11, 10 Nov 1965.

Penyata Tahunan MARA 1968.

Penyata Tahunan MARA 1970.

Penyata Tahunan MARA 1973.

Penyata Tahunan MARA Negeri Terengganu 1971.

Perjanjian antara Universiti Teknikal MARA Sdn. Bhd. dan British Malaysian Institute Sdn. Bhd. Bertarikh 2 September 2003.

Perjanjian Pinjaman di Antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Perancis Bagi Projek Malaysia France Institute (oleh MARA) bertarikh 17 Mac 1994.

Program Homeroom MRSM Pengkalan Chepa, Majlis Amanah Rakyat (MARA).

Program Latihan Kemahiran MARA 1987.

Prospektus 1987, Bahagian Kemahiran Mara.

Prospektus 1987, Bahagian Kemahiran MARA.

Prospektus MRSM/Kolej MARA, 2000, Majlis Amanah Rakyat (MARA).

Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985), Bahagian Latihan dan Pendidikan (Biasiswa & Pinjaman Pelajaran) dan (Maktab Rendah Sains MARA) Buku 4, Vol. I.

Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985), Rengkesan Buku 1, Program-program MARA.

Sejarah IKM Jasin.

Sejarah Ringkas MRSM Kuala Terengganu.

Sepintas Lalu Mengenai MRSM Kulim, Majlis Amanah Rakyat (MARA).

Sinar IKMP, IKM Pekan Pahang, Bil 2, 1986.

Sistem Pendidikan MRSM Abad ke 21 (SPMRS21), Bahagian Pendidikan dan Latihan (Menengah) MARA.

Surat dari Ketua Setiausaha Bahagian Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Cik Rosmah bt Haji Jentera kepada Mr. K. Sadachi iaitu wakil kedutaan Jepun di Malaysia bertarikh 7 Mei 1975.

Surat dari Pengarah Bahagian Latihan MARA Encik Ali Redza bin Khalid kepada Pengarah Bahagian Kewangan dan Kira-kira, 14 September 1970

Surat Pengarah Bahagian Pendidikan Menengah kepada Menteri Pembangunan Usahawan, Fail Mesyuarat Sektor Pendidikan MARA, 25 September 1999.

Surat Pengarah Peperiksaan Lembaga Peperiksaan Kementerian Pendidikan Malaysia kepada Pegawai Pelajaran (Hal Ehwal pelajar) Bahagian Pendidikan Menengah, 30 Ogos 1999.

Surat Tan Sri Jamaluddin bin Hj Ahmad Damanhuri selaku Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam kepada Pengetua Kolej MARA Banting bertarikh 1 Oktober 2002.

The New Economic Policy, 1971-1990.

Ucapan Encik Mansor Osman bagi majlis pembukaan rasmi Sekolah Kemahiran MARA Melaka bertarikh 7 Mac 1969.

Unit R & D Bahagian Perancang Korporat MARA.

Warta Institut Teknologi MARA, Amanat-Amanat Penting di Konvokesyen ITM, Oktober 1979, Bil. 38.

Terbitan Rasmi

Akta MARA, Kuala Lumpur: Dany Press, 1966.

Development Progress Statistics for Education (States of Malaya), National Planning & Development for Children & Youth, Malaysia-produced by the Federal Department of Information, Malaysia.

Educational Planning and Research Division, Ministry of Education, Malaysia.

Fiennes, D. E., *Report on Rural Industrial and Development Authority, 1950-1955*, Kuala Lumpur: Government Press, 1957.

Kenyataan Dasar RRJP2 dan RM6: Pelaksanaan Dasar dan Program, Kuala Lumpur: Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri, 1991.

Konggres Ekonomi Bumiputra Kedua, Laporan2 Atas Perlaksanaan Usul2 Konggres Ekonomi Bumiputra Pertama, Kuala Lumpur: Jabatan Chetak Kerajaan, 1968.

Konggres Ekonomi Bumiputra, Usul2 Yang Di-Terima Pada Mesuarat Pleno Pada 7hb. Jun, 1965.

Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Latihan, Latihan Untuk Pembangunan Perindustrian, Cabaran Sembilan Puluhan, Kuala Lumpur: Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri & Kementerian Pendidikan Malaysia, 1991.

Laporan Kajian Status dan Pencapaian SBP dan MRSM dalam Peperiksaan SPM tahun 2000-2003, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006.

Laporan Kajian Status dan Pencapaian SBP dan MRSM dalam Peperiksaan SPM tahun 2000-2003, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006.

Laporan Seminar Ekonomi Bumiputra, 4hb-6hb April, 1973, Kuala Lumpur: Ketua Pengarah Percetakan Malaysia Barat, 1973.

Memorandum Mengenai Sistem Pendidikan MARA kepada Kementerian Pelajaran, EPRD Kementerian Pendidikan Malaysia, 1979.

Mid-Term Review of the Second Malaysia Plan, 1971-1975, Kuala Lumpur: Government Press, 1973.

National Planning & Development for Children & Youth, Malaysia, Malaysia: Federal Development of Information.

Parliamentary Debates, Dewan Rakyat, 26.5.1965, Volume II, No. 1, 1965.

Parliamentary Debates, Dewan Rakyat, Volume I, No. 17, Cetakan Kerajaan 1965.

Parliamentary Debates, Dewan Rakyat, Volume II, No. 11, 10 Nov 1965.

Parliamentary Debates, Dewan Rakyat, Volume II, No. 11, 10 November 1965

Parliamentary Debates, Dewan Rakyat, Volume II, No. 11, 10 November 1965

Parliamentary Debates, Dewan Rakyat, Volume II, No. 12, Kuala Lumpur, 1966

Parliamentary Debates, Dewan Rakyat, Volume II, No.1, 1965

Parliamentary Debate: Oktober 1964 hingga Disember 1964, Volume 1, No. 19.

Parliamentary Debates, Dewan Rakyat, Volume 1, No. 11, Cetakan Kerajaan, 1965.

Parliamentary Debates, Dewan Rakyat, Volume 1, No. 20, 20/5/64, Cetakan Kerajaan, 1965.

Parliamentary Debates, Dewan Rakyat, Volume II, No.1, 26/5/1965, Cetakan Kerajaan, 1966.

Parliamentary Debates, Volume 1, No. 3, 25/11/1959.

Parliamentary Debates, Volume II, No. 12, 11/11/1965.

Penyata Rasmi Dewan Rakyat, Parlimen Ketiga, Penggal Parlimen Ketiga, Jilid III, Bil. 36, Isnin, 10hb Disember 1973, Jawapan-jawapan Mulut Bagi Pertanyaan-pertanyaan, Peranan MARA

Penyata Rasmi Parlimen, Dewan Negara, 3 Mei 1976, Jilid II, Bil. 6.

Penyata Rasmi Parlimen, Dewan Negara, 4 Mei 1976, Jilid II, Bil. 7.

Penyata Rasmi Parlimen, Dewan Rakyat, 15 April 1976.

Penyata Tahunan Lembaga Kampung dan Perusahaan Persekutuan Tanah Melayu, Penyata Tahunan 1959.

Penyata Tahunan Lembaga Kemajuan Kampung dan Perusahaan Tanah Melayu, 1960.

Perangkaan Sepintas Lalu: Pengajian Tinggi Malaysia 2005, Bahagian Perancangan & Penyelidikan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, Ogos 2006.

Perburuhan di Malaysia, Putrajaya: Kementerian Sumber Manusia, 2007.

Rancangan Malaysia Keenam, 1991-1995, Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1991.

Rancangan Malaysia Kelima 1986-1990, Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1986.

Rancangan Malaysia Kesembilan, 2006-2010.

Rancangan Malaysia Ketujuh 1996-2000, Kuala Lumpur: Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, 1996.

Rancangan Pespektif untuk Perkembangan Pelajaran Tinggi Di-Malaysia, Kuala Lumpur, Pencetakan Kerajaan, 1967.

Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua 1991-2000, Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1991.

Rida Annual Report, 1954.

RIDA Bulletin Monthly, Bil 137, 1/6/63-30/6/63.

RIDA Progress Report to end of 1951, No. 24/52, *Minutes and Council Papers of Federal Legislative Council (Fifth Session)*, March 1953 to February 1955, 9/3/52.

RIDA Progress Report, 1st July 1952 to December 1952, No.35 31/12/53.

RIDA Report from July 1952 to 31 December 1952, *Minutes and Council Papers of Federal Legislative Councils (South Session) March 1953 to January 1954*, 6/5/53.

RIDA Report Up to December 1952, No. 45.

Rural and Industrial Development Authority, *Annual Report on Rural Industrial and Development Authority 1955*.

Rural and Industrial Development Authority Federation of Malaya, Annual Report 1958.

Rural and Industrial Development Authority, *Annual Report on Rural and Industrial Development Authority 1954*.

Rural and Industrial Development Authority, *Annual Report on Rural and Industrial Development Authority 1957*.

Ucapan Tun Hj Abdul Razak bin Hussein 1965, Arkib Negara Malaysia.

Usul Yang Diterima Pada Mesyuarat Pleno, Kongres Ekonomi Bumiputera, 7 Jun 1965.

Rancangan Malaysia Keempat 1981-1985, Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1981.

Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua 1991-2000, Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1991.

Rancangan Malaysia Kelapan, 2001-2005, Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad, 2001.

Laporan Kajian Perimbangan Pelajaran Melalui Sekolah Berasrama Penuh, Kementerian Pelajaran Malaysia, 1990.

Universiti Kuala Lumpur (UniKL)

Analisis penyata pendapatan dan perbelanjaan 2003 hingga 2005.

Dokumen Penubuhan UniTEK-MARA.

Pelan Strategik Universiti Kuala Lumpur, 2006-2010.

Perjanjian antara Universiti Teknikal MARA Sdn. Bhd. dan Malaysian Institute of Aviation pada 2 September 2003.

Perjanjian antara Universiti Teknikal MARA Sdn. Bhd. dan Malaysian Spanish Institute Sdn. Bhd. pada 2 September 2003.

Propelling Technical Education to Greater Heights, Universiti Kuala Lumpur.

Surat cadangan pelaksanaan UniTEK-MARA ala *University of London* dari Ketua Pegawai

Eksekutifnya kepada Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz bertarikh 6 Jun 2002.

Surat kelulusan penubuhan Universiti Teknikal MARA oleh Dato' Dr. Ibrahim Saad kepada Menteri Pembangunan Usahawan Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz bertarikh 20 Jun 2002.

Surat Ketua Pegawai Eksekutif UniKL kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bertarikh 30 Ogos 2002.

Surat Pengarah Bahagian Pendaftaran dan Piawaian Sektor Pengurusan Institut Pendidikan Tinggi Swasta, Kementerian Pengajian Tinggi kepada Ketua Eksekutif Universiti Kuala Lumpur bertarikh 22 Mei 2006.

Surat Pengarah Jabatan Jaminan Kualiti kepada Timbalan Ketua Pengarah Institut Pendidikan Tinggi Swasta, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia bertarikh 3 Mac 2005.

Surat Penolong Ketua Pegawai Eksekutif UniKL kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur bertarikh 20 Ogos 2002.

Surat Penolong Ketua Pegawai Eksekutif UniKL kepada Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan Tinggi Swasta, Jabatan Pendidikan Swasta, Kementerian Pendidikan Malaysia bertarikh 15 Ogos 2002.

Surat perakuan pendaftaran UniKL-BMI di bawah Akta Institut Pendidikan Tinggi Swasta 1996 bertarikh 16 Februari 2005.

Surat perakuan pendaftaran UniKL-IIM di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 bertarikh 16 Februari 2005.

Surat perakuan pendaftaran UniKL-MICET di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 bertarikh 16 Februari 2005

Surat perakuan pendaftaran UniKL-MIMET di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 bertarikh 6 Disember 2004.

Surat perakuan pendaftaran UniKL-MSI di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 bertarikh 16 Februari 2005.

Surat perakuan Universiti Kuala Lumpur yang didaftarkan di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 bertarikh 20 Februari 2003.

Arkib UiTM Shah Alam

Minit Mesyuarat Khas Majlis Pentadbir ITM, 18 Mei 1974, jam 9.15 pagi.

Minit Mesyuarat Tergempar Majlis Pentadbir ITM. 22 April 1974, jam 11.30 pagi.

Fail Kerajaan Persekutuan

(022) 98-6. Colombo Plan Bureau-National Seminar on National Planning of Vocational Training (Malaysia-16-19 March,1970).

0.3580/3. Penyertaan Bumiputra Dlm. Industri Kayu.

0.9839 PT.2. Rancangan Latehan MARA.

1093, Rancangan Malaysia Ketiga.

11681/47 SJ 30. Kenyataan Perdana Menteri: Betul-kah Bumiputera Hanya Menikmati 10% Kekayaan Negeri ini?

2021/3/2/1. Kumpulan Kerja Teknikal Pembasmian Kemiskinan (Kumpulan Sistem Institusi dan Penyampaian).

24345 Vol: I. I.L.O Asian Manpower Plan.

26350/35. United States Peace Corps Volunteers 1969/1970 Programme.

441/1-17. 441-Tanah, 1-Permohonan,-17-Permohonan Tapak Tanah Kemahiran MARA-Di-Kampung Pandan-Kuala Lumpur.

441/1-19. 441-Tanah, 1-Permohonan, -19-Tapak Tanah Kolej Rendah MARA di Seremban.

441/1-24. 441-Tanah 1-Permohonan, 24-Chadangan Maktab Rendah Sains MARA-Perlis.

58/103/2 Vol: X, Meetings of MARA-Agenda and Papers.

BK/MARA16/7. Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985), Bahagian 'D' dan 'E'; Objektif, Strateji, Skop dan Program Perbelanjaan Pembangunan, Bahagian 'F'; Keupayaan Perlaksanaan.

BPE (BT) 58/10/1, Colombo Plan- U.K. Teachers-Cum-Advisors for MARA. Junior Science College.

BPE (BT) 58/4/10. Vol. I. UNDP: Expert Assistance for Vocational Training for MARA.

BPE (BT) 58/4/5 Vol: I. Colombo Plan-Japan: Experts & Equipment for MARA Vocational Institutes.

BPE (BT) 58/4/5 Vol: II. Colombo Plan-Japan: Exports & Equipment for MARA Vocational Institutes.

BPE (BT) 58/4/5, Vol. III., Colombo Plan-Japan: Experts and Equipment for MARA Vocational Institutes.

BPE (BT). 58/4/4, United Nation-Leather Training Expert for MARA. Mr. J. A. Rant.

BPE (BT)58/4/5, Vol: I. Colombo Plan-Japan: Experts & Equipment for MARA Vocational Institutes.

BPE 11/111/100. RMT-Kementerian Pelajaran. Institiut Teknologi MARA. (ITM).

BPE 11/111/135. Rancangan Malaysia Ketiga Seksyen Industri.

BPE 58/4/24.UNDP-Assistance for MARA.

BPE. 11/12. Rahsia. Panduan Terhadap Struktur Modal Syarikat-syarikat Usaha Bersama di Lapangan-lapangan Galian, Kemajuan Harta-harta dan Kegiatan-kegiatan yang Menggunakan Punca-punca Asli Negara.

G. 08113.01. Taklimat mengenai Program2/Projek2 untuk Meshuarat Ke-Empat J/K Jawatankuasa Atas Strateji Pembangunan.

JPM 14729/S. J. 2. J/K Atas Strateji Pembangunan Perusahaan.

JPM 14729/S. J. 2. J/K Atas Strateji Pembangunan Perusahaan.

KB/JTR/02/130. Unesco Vocational & Technical Education.

KB/JTR/02/1642. International Seminar Industrial Vocational Training-Germany, 4th to 24th June 72.

KEMENTERIAN PELAJARAN 2269, Scholarships reserved for RIDA.

Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (M. R. D.) 680, Vol. II, Kongres Ekonomi Bumiputra Kedua.

Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, 561/1, Jawatankuasa Pemandu.

Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, M. R. D. 561, *Kongres Ekonomi Bumiputera*.

Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, MRD 561, *Kongres Ekonomi Bumiputera*.

KP (PT) 026/6. Jawatankuasa Kajian dan Pelaksanaan Pel. Teknik dan Vokasional Di-Bawah Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985).

KP/AM/97. M. A. R. A. (Majlis Amanah Rakyat). Lembaga Kemajuan Kampong dan Perusahaan, Decisions of the Authority on the Report of the Loan Programme Review Committee (September, 1963).

M. of H. SECRET KK (R)- 351-BHG. (3), Mesyuarat Ketua-ketua Setiausaha Kementerian (Tahun 1975/76).

M. R. D. 512/6, Parliamentary Questions & Answers 1964 (Tuan Haji Ahmad Bin Abdullah - M.P. Kelantan Hilir) 25-11-1964. 5409/69.

M. R. D. 561/5, Jawatankuasa Kechil Perusahaan². Konggres Ekonomi Bumiputra. Kertas Kerja Mengenai 'Perniagaan dan Perdagangan'.

M. R. D. 561/6, Jawatankuasa Kechil Perniagaan². Konggres Ekonomi Bumiputera. Malay Participation in Industry.

M. R. D. 652A/16. Parliamentary Questions and Answers, 1968 Y. B. Tuan Adwin Anak Tangkun (Mulut).

M.R.D. 618/32. Parliamentary Questions and Answers, 1966. Dr. Tan Chee Khoon (Bertulis).

Minutes and Council Papers of Legislative Council, 25/4/51.

MRD (T) O. 189, Ministry of Rural Development, RIDA Organisation. Confidential, Ministry of Rural Development, Directive No. 1.

MRD 561/18, Keputusan² Mesyuarat² Pegawai² MARA dengan Kementerian.

Perbendaharaan 0.9391 PT. 3, Majlis Penasehat Pelajaran Tinggi (*Higher Education Advisory Council*).

Perbendaharaan 0.9800 PT. H. Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara. Rancangan Malaysia Ketiga.

PLB/DISP/G/21/83. Teknik dan Pepereksaan LLPPKK.

PM 14729/S.J.2, J/K atas Strateji Pembangunan Perusahaan.

R. S. M. 91/65 Bhg. 2. Kesatuan Siswa Institiut Teknologi MARA; d/a Bilik Gerakan Kesatuan, Institiut Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor.

Report of the Auditor-General on the Accounts of the Rural and Industrial Development Authority, 1961.

UPSE 179/991/50. Dasar Belia Negara.

Vol: II (BT) 58/4/10. UNDP: Expert Assistance for Vocational Training for MARA.

Y. 10/1/222, Creation of a Malay Commercial and Industrial Community.

Fail Kerajaan Negeri

DVS 120/53, RIDA Schemes. Johore State Development Board.

EDUCATION PK. 859/56, R. I. D. A. Grants to Kampong Schools.

Pejabat Penasihat British Selangor (B. A. Sel): 44/1952, Malay Markets and Bridle Paths in the Kampongs.

Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang (B. A. Phg.) 4/54. R. I. D. A. Development Plans, 1955-1959.

Rekod Kolonial

Colonial Office Files (C. O.) South East Asia Department: Original Correspondence 1022/253. The Aims and Structure of the Rural Industrial Development Authority in Malaya, Federal Government Press Statement.

C. O. 1022/253, Exco Paper, No. 16/1/1951.

C. O. 1022/254, The Rural Industrial & Development Authority in Malaya, Rural and Industrial Development Authority Progress Report to 30th June, 1953.

C. O. 1022/463. Economic Status of the Malay.

Surat Persendirian

Arkib Sukan 48/7/14. Tun Tan Sri Haji Sardon bin Jubir.

S. P. 113()/01.001, Datuk Nik Abdul Rashid Bin Nik Abdul Majid. “Penyusunan Masyarakat dan Perpaduan Negara, Sejauh mana DEB Berjaya?” oleh Dr. Ting Chew Poh dan Dr. Chua Yee Pan.

S. P. 113/12/001, Prof Datuk Nik Abdul Rashid Bin Nik Abdul Majid, ITM Secara Rengkas.

S. P. 33/1/E 579/39, Uchapan Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj Perdana Menteri Malaysia Di-Pembukaan Rasmi Konggres Ekonomi Bumiputra Kedua pada 7hb September, 1968

S. P. 33/1/E 584/39, Tun Dr. Fatimah Binti Hashim. Konggres Ekonomi Bumiputra Malaysia, Usul2 Yang Di-terima pada Mesuarat Pleno Pada 7hb Jun, 1965.

S. P. 33/A/2/95. Tun Dr. Fatimah Binti Hashim. UMNO-General.

S. P. 379()/01.001, Prof. Dato’ Nik Anuar Bin Mahmud, FCO 24/821, The New Economic Policy.

S. P. 379. Prof. Dato’ Nik Anuar Bin Nik Mahmud. C. O. 1022/463, Economic Position of the Malays in Malaya.

S. P. 65 15.25/3. Dato’ Nik Muhammad bin Nik Mohd Salleh.

S.P. 113/12/008. Prof. Datuk Nik Abdul Rashid Bin Nik Abdul Majid, *Peristiwa-peristiwa Penting Institut Teknologi MARA, 1956-1980*.

S.P. 193/15.001. Prof Madya Dr. Ishak bin Rejab. Konvensyen Ekonomi Bumiputera, Sessi III, Penyusunan Semula Masyarakat dan Pembangunan Ekonomi Bumiputera, Rabu 22 Mac 1978, oleh Tajuddin Jali, (Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 19hb-22hb. Mac 1978.

S.P. 193/15.001. Prof Madya Dr. Ishak Bin Rejab. Konvensyen Ekonomi Bumiputra, Sessi II, Penyertaan Bumiputra dalam & Perindustrian Perdagangan, kertas kerja Selasa 21hb. Mac, 1978 Menyedia dan Memperlengkapkan Pengurus-pengurus Bumiputra untuk Masa Depan oleh Dr. Nik A. Rashid Ismail, Universiti Kebangsaan Malaysia.

S.P. 33/12.001. Tun Dr. Fatimah Binti Hashim. I.T.M.-Menaikkan Taraf Universiti.

Buku

- 10 tahun Institut Teknologi MARA dalam Kenangan*, Shah Alam: Institut Teknologi MARA, 1977.
- Abdullah Sani Yahaya, *Perkembangan Pendidikan di Malaysia*, Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd, 2003.
- Abu Bakar Nordin dan Ikhsan Othman, *Falsafah Pendidikan dan Kurikulum*, Tanjung Malim: Quantum Book, 2008.
- Ahmad Boestamam (penterjemah), *Nasionalisme Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2003.
- Ahmad Idriss, *Dasar Ekonomi Baru*, Petaling Jaya: IBS Buku Sdn. Bhd., 1988.
- Alexander, Patricia A. and Muia, Josphe A., *Gifted Education, A Comprehensive Roadmap*, London: An Aspen Publication, 1982.
- Amarjit, Kaur, *Bridge and Barrier: Transport and Communication in Colonial Malaya 1870-1957*, Singapore: Oxford University Press, 1985.
- Armajit, Kaur, *Historical Dictionary of Malaysia*, (Asian Historical Dictionaries, No. 13), London: The Scarecrow Press, Inc., 1993.
- Barbe, Walter B. and Renzulli, Joseph S. (eds.), *Psychology and Education of the Gifted* (Second Edition), New York: Irvingston Publishers, Inc., 1975.
- Chai, Hon Chan, *The Development of British Malaya, 1896-1909*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1967.
- Chamhuri Siwar, Mohd. Yusof Kasim dan Abdul Malik Ismail, *Ekonomi Bumiputera Selepas 1990*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1992.
- Chin, Kin Wah & Daljit, Singh (eds.), *Southeast Asian Affairs (2005)*, Singapore: ISEAS, 2005.
- Constitution of the Federation of Malaya 1957*, Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia (KEKKWA), 2007.
- Dasar Pendidikan Kebangsaan*, Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia, 1999.
- De Menezes, Matias Francisco dan Lee, Chai Poe, *Model Pengkayaan Untuk Program Pintar Cerdas* (The Schoolwide Enrichment Model), Perak: Boon Beng Compu-Typesetting Co, 1995.
- Dupper, Ockert and Sankaran, Kamala (eds.), *Affirmative Action: A View from the Global South*, Stellenbosch: SUN Press, 2014.
- Emsley, Ian, *The Malaysian Experience of Affirmative Action: Lessons for South Africa*, Cape Town: Human & Rousseau (Pty) Ltd and Tanfelberg Publishers Ltd, 1996.

- Faaland, Just, Parkinson, J. R., and Rais Saniman, *Growth and Ethnic Inequality, Malaysia's New Economic Policy*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990.
- Faaland, Just, Parkinson, Jack dan Rais bin Sulaiman, *Dasar Ekonomi Baru Pertumbuhan Negara dan Pencapaian Ekonomi Orang Melayu*, Shah Alam: SPEKTRA, 2002.
- Faaland, Just, Rais Saniman (penterjemah, Ramlah Muhamad, Ridzuan Omar, Md. Sharit Bharuddin), *DEB Pertumbuhan dan Ketaksamarataan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991.
- Fadillah Amin, *Shaping A Dream: From Dewan Latihan RIDA to Universiti Teknologi MARA, 1956-1999*, Shah Alam: UPENA, 2000.
- Firdaus Ahmad Azzam, *ITM Warisan Bangsa*, UiTM Shah Alam: Kajian Sebaran Am, 1989.
- Furnivall, J. S., *Colonial Policy and Practice: A Comparative Study of Burma and Netherlands India*, Cambridge: University Press, 1948.
- Gamba, Charles dan Ungku Aziz, *RIDA and Malayan Economic Development*, United States, University of California, 1951.
- Goleman, D., *Working With Emotional Intelligence*, New York : Bantam Books, 1999.
- Gomez, Edmund Terence and Premdas, Ralph (eds.), *Affirmative Action, Ethnicity, and Conflict*, New York: Routledge, 2013.
- Gomez, Edmund Terence and Premdas, Raplh (eds.), *Affirmative Action, Ethnicity, and Conflict*, New York: Routledge, 2013.
- Gomez, Edmund Terence, and Johan Saravanamuttu (eds.), *The New Economic Policy in Malaysia: Affirmative Action, Ethnic Inequalities and Social Justice*, Kuala Lumpur: SIRD, 2013.
- Harte, Negley, *The University of London ,1836-1986*, Cambridge: University Press, 1986.
- Hawa Rohany (ed.), *Documenting A Destiny: History of Universiti Teknologi MARA, 1956-2006*, Shah Alam: University Publication Centre (UPENA), 2006.
- Hill, Hall, Tham, Siew, Yean and Ragayah Haji Mat Zin, *Malaysia's Development Challenges: Graduating from the Middle*, Oxon: Routledge, 2012.
- Ho, Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2004.
- Hussein Ahmad, *Mission of Public Education in Malaysia, The Challenge of Transformation*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 2012.

- Hussein Hj. Ahmad, *Pendidikan dan Masyarakat, Antara Dasar, Reformasi dan Wawasan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1993.
- Ibrahim Saad (ed.), *Isu Pendidikan di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, 1982.
- Jomo, Kwame Sundaram, *A Question of Class: Capital, The State, and Uneven Development in Malaya*, Singapore: Oxford University Press, 1986.
- Jomo, Kwame Sundaram, *Mahathir's Economic Policies*, Kuala Lumpur: Insan, 1989.
- K. Brown, Graham, Arnim Langer and Frances Stewart, *Affirmative Action in Plural Societies: International Experiences*, New York: Palgrave Macmillan, 2012.
- Khadijah Muhamed dan Halimah Awang (ed.), *Dasar Ekonomi Baru dan Masa Depan*, Kuala Lumpur: Persatuan Sains Sosial Malaysia, 1991.
- Khairulmaini Osman Salleh, Kanthasamy N., *Malaysia and Globalisation: Issues and Challenges in the 21st Century*, Kuala Lumpur: University of Malaya, 2003.
- LLPPKK Sepintas Lalu, Kuala Lumpur: LLPPKK.
- M. Bakri Musa, *The Malay Dilemma Revisited: Race Dynamics in Modern Malaysia*, USA: Gilroy, 1997.
- Mahathir Mohamad, *The Challenge*, Petaling Jaya: Pelanduk Publications (M) Sdn Bhd.
- Mahathir Mohamad, *The Malay Dilemma*, Singapura: Moore For Asia Pasific Press, 1970.
- Marina Samad, *The MARA Institute of Technology: Yesterday, Today and Tomorrow*, Kuala Lumpur: Intitut Teknologi MARA, 1969.
- Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB): Satu Penilaian Kembali dan Langkah-langkah Ke Hadapan*, Kuala Lumpur: Dewan Perniagaan Melayu Malaysia, 1995.
- Mohd. Isa Othman, *Sejarah Malaysia (1800-1963)*, Kuala Lumpur: Utusan Publications, 2002.
- Mohd Salleh Daud, *Memoir Bukan Reformis*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998.
- Mohd. Rosli Mohamad dan Mohamad Aslam Gulam Hassan (eds.), *Pembangunan Ekonomi Malaysia Era Globalisasi*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2000.
- Mustafa Dakian, *K-Ekonomi: Pemacu Ekonomi di Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2007.

- Ness, G. D., *Bureaucracy and Rural Development in Malaysia : A study of complex organisations in stimulating economic development in new states*, United States, University of California Press, 1967.
- Omar Mohd. Hashim, *Pendidikan, Persoalan, Penyelesaian dan Harapan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1993.
- One Nation One Vision, Satu Negara Satu Wawasan Malaysia*, Kuala Lumpur: Permodalan Nasional Berhad, 2007.
- Ong, Hak Ching, *Chinese Politics in Malaya, 1942-1955: The Dynamics of British Policy*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2000.
- Ooi, Keat Gin, *Historical Dictionary of Malaysia*, Lanham: The Scarecrow Press, Inc., 2009.
- Philip, Loh Fook Seng, *Seed of Separatism: Educational Policy in Malaya, 1874-1940*, New York: Oxford University Press, 1975.
- Ramlah Adam, *Dato' Onn Ja'afar: Pengasas Kemerdekaan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994.
- Ramlah Adam, *Sumbanganmu Dikenang*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002.
- Renzulli, J. S. & Reis S. M. *The Schoolwide Enrichment Model: A How-to Guide for Educational Excellence*, Mansfield Center CT: Creative Learning Press, 1997.
- Rokiah Talib, *A Second Chance: Life and Mission of Arshad Ayub*, Kuala Lumpur: MPH, 2008.
- Rokiah Talib, *Documenting A Destiny: History of Universiti Teknologi MARA, 1966-2006*, 2006.
- Shireen Mardziah Hashim, *Income Inequality and Poverty in Malaysia*, Lanham: Rowman & Littlefield Publishers, Inc., 1998.
- Siti Hadijah Che Mat, Fauzi Hussin dan Mohd Razani Mohd Jali, *Ekonomi Malaysia*, Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2003.
- Sivamurugan, Pandian, *Legasi Mahathir*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 2005.
- Sufean Hussin dan Norliza Zakuan, *Dasar Modal Insan, 60:40 dalam Sains & Teknologi*, Kuala Lumpur: Tinta Publishers, 2009.
- Sufean Hussin, *Dasar Pembangunan Pendidikan Malaysia Teori dan Analisis*, Kuala Lumpur: DBP, 2002.
- Sufean Hussin, *Pendidikan di Malaysia, Sejarah, Sistem dan Falsafah* (Edisi Kedua), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004.

- Wan Abdul Rahman, *Sejarah Perkembangan Tamadun Dunia*, Kuala Lumpur: DBP, 1996.
- Weiss, Meredith L. (ed.), *Routledge Handbook of Contemporary Malaysia*, New York: Routledge, 2015.
- Winstedt, R.O., *Papers on Malay Subjects-Malay Industries, Part I, Arts and Crafts*, Kuala Lumpur: F.M.S. Government Press, 1925.
- Yahya Ibrahim dan Abd Hair Awang, *Pembangunan Modal Insan Isu dan Cabaran*, Bangi: UKM, 2008.
- Young, Kevin, Bussik, Willem C.F. and Parvez Hasan (eds.), *Growth and Equity in a Multiracial Society*, Washington D.C: The World Bank, 1980.

Akhbar

- Asia Magazine*, 22 March 1970.
- Berita Harian*, 10 Disember 1965.
- Berita Harian*, 11 Mac 1970.
- Berita Harian*, 15 Januari 1970.
- Berita Harian*, 17 Januari 1971.
- Berita Harian*, 2 Februari 1973.
- Berita Harian*, 2 Februari 1974.
- Berita Harian*, 23 Februari 1974.
- Berita Harian*, 23 Mei 1974.
- Berita Harian*, 5 Januari 1976.
- Berita Harian*, 9 Januari 1976.
- Berita Harian*, 11 Januari 1976.
- Berita Harian*, 23 Februari 1976.
- Berita Harian*, 20 Februari 1985.
- Berita Harian*, 10 September 2001.
- Berita Harian*, 13 September 2001.

Berita Harian, 8 April 2002.

Berita Harian, 11 Julai 2002.

Berita Harian, 20 September 2002.

Berita Minggu, 11 Januari 1976.

Bernama, 11 Jun 1968.

Bernama, 27 April 1971.

Bernama, 26 Jun 1973.

Harian Metro, 27 Januari 2005.

Harian Metro, 17 Februari 2005.

Harian Metro, 3 Mac 2005.

Mingguan Malaysia, 15 Februari 1976.

Mingguan Malaysia, 1 Mei 2011.

The Straits Times, 31 Julai 1950.

The Straits Times, 16 July 1965.

The Straits Times, 9 June 1965.

The Straits Times, 13 Februari 1966.

Utusan Malaysia, 15 Januari 1970.

Utusan Malaysia, 9 Februari 1970.

Utusan Malaysia, 4 Jun 1970.

Utusan Malaysia, 15 April 1972.

Utusan Malaysia, 13 Januari 1976.

Utusan Malaysia, 14 Februari 1976.

Utusan Malaysia, 3 September 1976.

Utusan Malaysia, 2 Jun 1979.

Utusan Malaysia, 7 Februari 2003.

Kertas Kerja Seminar

Firdaus Abdullah, "Masalah Melayu dan Dasar Ekonomi Baru", *Persidangan Dasar Ekonomi Baru dan Masa Depan*, 4th: 24-26 Jul 1989: Kuala Lumpur.

Kongres Ekonomi Bumiputera Keempat, Cabaran Milenium Baru, Kuala Lumpur 10-11 September 1999, Kementerian Pembangunan Usahawan, Dewan Perniagaan Melayu Malaysia.

Majlis Pengkisahan Sejarah UiTM, di Dewan Sri Budiman UiTM, anjuran bersama dengan Arkib Negara Malaysia, 17 Julai 2001.

Ramlah Adam, "Ekonomi Masyarakat Melayu, 1951-1955: RIDA Satu Analisis Pembentukan Dasar Ekonomi Melayu Sebelum Merdeka", dalam *Seminar Wacana Pemikiran Ekonomi Melayu*, 10 Jun 1995, Kuala Lumpur.

Zamani bin Mohd Noor, "Isu-isu Pemerkasaan Corak Penilaian dalam Sistem Pendidikan dan latihan Teknik dan Vokasional Melalui Perjanjian Persefahaman", dalam *Persidangan Kebangsaan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional*, Johor, Batu Pahat, 2003.

Artikel Jurnal

Hung-Chuan, Chan, "Mobilization of Human Resources Through Community Development", *Ekonomi (Journal of the Economics Society University of Malaya)*, Volume VII, December 1966.

Isamu Yamada, "Input-Output Model of A Dual Economy", *Kajian Ekonomi Malaysia*, Vol. III, No. 2, December 1966, Persatuan Ekonomi Malaysia.

Lee, Hwok-Aun, "Affirmative Action in Malaysia: Education and Employment Outcomes since the 1990s", *Journal of Contemporary Asia*, Vol. 42, No. 2, Mei 2012.

Lee, Hwok-Aun, "Affirmative Action Regime Formation in Malaysia and South Africa", *Journal of Asian and African Studies*, Vol. 51, No. 5, 5 Oktober 2014.

Lee, Hwok-Aun, "Affirmative Action in Malaysia and South Africa: Constrasting Structures, Continuing Pursuits", *Journal of Asian and African Studies*, Vol. 50, No. 5, August 2015.

Mah, Hui Lim, "Affirmative Action, Ethnicity and Integration: The Case of Malaysia", *Ethnic and Racial Studies*, Vol. 8, 2 April 1985, Temple University, Philadelphia.

Norasmah Othman dan Muharam Gaya, "Tahap Pengetahuan Pelatih Institut Kemahiran MARA Mengenai Persekitaran Kondusif Untuk Bakal Usahawan", *Jurnal Teknologi*, Universiti Teknologi Malaysia, 2009.

Oo, Yu Hock, "Affirmative Action in Malaysia: Implications for National Unity", *NEGARA*, Vol. VII, No. 1 February 1983.

Tesis, Disertasi dan Latihan Ilmiah

Abdul Halim Bin Mahmud, 'Perkembangan Pendidikan Di Bawah Pentadbiran Majlis Amanah Rakyat (MARA), 1966-1990', Disertasi Sarjana Sastera, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 2002.

Ahmad Naszeri Bin Salleh, 'Indikator Pelajar Cemerlang Akademik Program Khas Pendidikan MRSM (School Wide Enrichment Model): Satu Kajian Di Maktab Rendah Sains MARA, Jasin, Melaka', (Disertasi M. Ed.), Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003.

Baharil Ihzan Bin Hashim, 'RIDA to MARA-A Study in Organisational Reform and Its Administrative Implication', Graduation Exercise, Degree Bachelor of Economics with honours in Public Administration, University of Malaya, 20 September 1969.

Hamzan Bin Omar, 'Perkaitan Stail Berfikir dan Stail Belajar Dengan Pencapaian dan Daya Saing Pelajar MRSM', (Tesis Ph.D.), Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006.

Ibrahim Bin Abu Shah, 'The Use of Higher Education as an Intervention Strategy in the Economic Development of a Plural Society: A Case Study of MARA Institute of Technology in the Economic Policy of Malaysia', Michigan, University Microfilms International, 1988.

Lee, Hwok-Aun, 'Racial Inequality and Affirmative Action in Malaysia and South Africa', (Ph.D. Thesis), University of Massachusetts Amherst, 2010.

Muhammad Amin Bin Zakaria, 'Penilaian Pelaksanaan Model Pengayaan Seluruh Sekolah untuk Pelajar Pintar Cerdas di Maktab Rendah Sains MARA: Satu Kajian Kes', (Tesis Ph.D.), Universiti Sains Malaysia, 2008.

Noorzalina Binti Mohd. Noor, 'Kajian Profil Kecerdasan Pelbagai dan Gaya Pembelajaran Pelajar Maktab Rendah Sains MARA', (Tesis Ph.D.), Universiti Kebangsaan Malaysia, 2007.

Rabieyah Binti Mat, 'A Study of the MARA Institute of Technology in its Attempt in Helping To Meet The Manpower Requirements', Graduation Exercise, Bachelor of Economics, University of Malaya, August 1970.

Siti Zaharah Sulaiman, 'MARA Junior Science College: Student Selection and Its Implication for Educational System Development in Malaysia', Ph.D, Cornell University, 1975.

Wawancara

Temuramah dengan Puan Zarina binti Idrus, Timbalan Pengarah Penyelidikan dan Maklumat pada 19 Ogos 2008, jam 11.20 pagi di pejabat beliau.

Teruramah dengan Tuan Haji Abdul Hamid bin Dato' Haji Mohd Salleh pada 26 Ogos 2008, jam 10.40 pagi di rumah beliau di Batu Berendam, Melaka. Beliau merupakan Pegawai Latihan Kemahiran pertama di Bahagian Latihan MARA pada tahun 1967. Beliau telah ditugaskan untuk merancang dan melaksanakan semua inisiatif pembangunan latihan kemahiran sehingga tertubuhnya Sekolah Latihan Kemahiran Melaka pada tahun 1968. Beliau kemudian dilantik sebagai Pengetua pertama sekolah tersebut sehingga tahun 1980. Selepas bertugas sebagai Pengetua IKM KL dan Timbalan Pengarah Cawangan Kemahiran, beliau seterusnya berkhidmat sebagai Pengetua IKM Jasin dari tahun 1986 sehingga bersara pada tahun 1995.

Temuramah dengan En. Abdul Wahab Alwi di pejabat beliau di Shah Alam pada 9 September 2008, jam 11:30 pagi. Encik Abdul Wahab Alwi dilahirkan di Kelantan. Beliau mendapat pendidikan awal di Maktab Melayu Kuala Kangsar dan menamatkan ijazah di *Western Australia University* di bawah Biasiswa Rancangan Colombo. Beliau berkhidmat dengan MARA pada tahun 1966 selama 17 tahun. Beliau mula berkhidmat sebagai Pengarah Bahagian Latihan MARA dengan jawatan terakhirnya sebagai Timbalan Ketua Pengarah Bahagian Pendidikan. Dalam tempoh perkhidmatan beliau, banyak pembaharuan dan inovasi idea telah dilaksanakan. Encik Abdul Wahab telah dianugerahkan gelaran Bapa MRSM pada Majlis Ulangtahun Ke-30 MRSM (2002).

Temuramah dengan Encik Mohd Nizam bin Ali, Penolong Ketua Pengarah Bahagian Kurikulum bertarikh 16 Julai 2009 jam 10.50 pagi di Ibu Pejabat MARA.

Temuramah dengan Tuan Haji Roseli bin Dol, Pengarah Kolej Kemahiran Tinggi MARA Pasir Mas pada 10 Ogos 2009 jam 10.30 pagi di pejabat beliau.

Temuramah dengan Encik Matia de Menezes pada 18 November 2009 di kediaman beliau di Taman Duyong, Seremban pada jam 11.00 pagi.

Temuramah dengan Dato' Jamaluddin bin Abdul Hamid pada 29 November 2009 jam 9.30 pagi di kediaman beliau. Dato' Jamaluddin bin Abdul Hamid merupakan bekas Guru Besar sebuah sekolah di Segamat. Beliau merupakan kumpulan pertama yang berijazah dan dilantik sebagai Guru Besar. Oleh sebab beliau masih muda iaitu 29 tahun dan gemarkan suatu yang baru, maka beliau telah memohon untuk menjadi Pengetua MRSM. Beliau merasakan ada suatu yang menarik di sebalik tawaran ini kerana ia suatu yang baru dan pastinya akan memberikan beliau suatu pengalaman yang indah. Beliau telah menamatkan perkhidmatan dengan Kementerian Pelajaran lantaran ingin menerima tawaran sebagai Pengetua MRSM.

Temuramah dengan Encik Jaafar bin Hamzah, bekas tenaga pengajar IKM Jasin pada 20 Ogos 2010 pada jam 11.00 pagi di rumah beliau.

Temuramah dengan Encik Ahmad Azizul Rahman, bekas ketua urusan kurikulum IKM, Bahagian Kemahiran MARA pada 3 Februari 2011.

Temuramah dengan Tuan Hj Abdul Aziz bin Abdul selaku bekas Timbalan Pengarah IKM pada 15 Mac 2011 di rumah beliau pada jam 11 pagi. Tuan Hj Abdul Aziz bin Abdul telah dilahirkan pada 4 Januari 1947. Beliau berkelulusan Ijazah Kejuruteraan. Pada tahun 1972, beliau telah dilantik sebagai Pengetua IKM Johor Bharu. Beliau dilantik sebagai Timbalan Pengarah Bahagian Kemahiran pada tahun 1983 dan seterusnya pada tahun 1990-an, beliau dilantik sebagai Pengarah Bahagian Kemahiran MARA sehingga beliau bersara. Pada tahun 2001 dan 2002, beliau dilantik sebagai CEO MIAT dan kini beliau menjadi Pengarah bagi Syarikat *Federal Power* milik adik beliau.

Temuramah dengan Tan Sri Arshad Ayub di pejabat beliau di Kampung Taman Penchala pada 20 April 2013, jam 3:45 petang. Beliau merupakan tokoh ulung ITM dan berperanan besar dalam membentuk halatuju ITM ketika berada di bawah pentadbiran MARA. Tan Sri Arshad Ayub telah dilantik sebagai Pengetua Maktab MARA pada penghujung 1960-an. Beliau kemudiannya menjadi Pengetua (kemudian Pengarah ITM) sebelum ditukarkan perkhidmatannya ke Bank Negara pada tahun 1975.

Ucapan

Ucapan Tan Sri Arshad Ayub sempena Majlis Pengkisahan Sejarah Penubuhan dan Perkembangan UiTM, 15 Mac 2001.

Taklimat kepada Y.B. Datuk Musa Hitam, Menteri Pelajaran Malaysia daripada Pengarah Institut Teknologi MARA Shah Alam, Selangor, 15 Januari 1981.

Ucapan Y.B.Dato' Musa Hitam selaku Menteri Pelajaran Malaysia di Konvokesyen ITM pada 13 dan 14 Oktober 1979, Dewan Besar ITM Shah Alam.

Ucapan Perdana Menteri: Sambutan Jubli Emas RIDA-MARA (1950-2000) 3 November 2000.

Ucapan Y. B. Pengerusi MARA, Tun Ghaffar Baba ketika majlis upacara pembukaan rasmi Institut Kemahiran MARA Radio & TV, Petaling Jaya pada 25 Oktober 1970, jam 3.30 petang.

Ucapan Dato' Zamani Md Noor selaku Ketua Pengarah MARA pada 14 September 2004 bertempat di Pan Pacific Hotel, KLIA pada 14 September 2004.

Sumber Internet

<http://www.oxforddictionaries.com/definition/english/laureate> (tarikh diakses 27 April 2015, 5.03 p.m.).

info.mohr.gov.my (tarikh diakses 20 Oktober 2010).

www.micet.unikl.edu.my (Tarikh diakses pada 21 Januari 2014).

SENARAI PENERBITAN DAN PEMBENTANGAN KERTAS KERJA

Senarai Penerbitan

1. Zarina Begam binti Hj. Abdul Kadir, “Penubuhan MRSM sebagai agen penggerak Dasar Ekonomi Baru (DEB)”, *Jurnal Bahagian Pendidikan MARA*, Bahagian Pendidikan Menengah MARA, 2012, hlm. 122-140.
2. Zarina Begam binti Hj Abdul Kadir, “The Role of MARA (The Council of Trust for Indigenous Peoples) in Enforcing Affirmative Action in Malaysia”, *Academic Journal of Interdisciplinary Studies*, Vol. 2, No. 11, October 2013, Rome, Italy, hlm. 193-202.
3. Zarina Begam binti Abdul Kadir dan Ahmad Kamal Ariffin bin Mohd Rus, “Peranan Majlis Amanah Rakyat Dalam Penubuhan dan Perkembangan Institut Teknologi MARA, 1966-1976”, *Sejarah*, Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya, No. 21, 2013, hlm. 169-193.

Senarai Pembentangan Kertas Kerja

1. Zarina Begam binti Hj Abdul Kadir, Satu Rentetan Sejarah Awal Perkembangan Pendidikan Institut Teknologi MARA 1956-1975. *Prosiding Seminar Dasar Malaysia, Jilid 1*. Anjuran Universiti Teknologi MARA (UiTM) Sabah dan Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu UiTM Shah Alam, UiTM Sabah, 6-8 Oktober 2009, hlm. 634-648.

2. Zarina Begam Bt. Hj. Abdul Kadir, Penubuhan MRSM sebagai agen penggerak Dasar Ekonomi Baru (DEB), *Prosiding Persidangan Bitara Nasional Ke-10*. Anjuran Bahagian Pendidikan Menengah MARA, Hotel M-Suites, Johor Bahru, 10-13 Julai 2012, hlm. 122-140.

3. Zarina Begam Bt Hj Abdul Kadir, “The Role of MARA (The Council of Trust for Indigenous Peoples) in Enforcing Affirmative Action in Malaysia”. *Conference Proceeding ICHSS 2013, Vol. 7, 3^o International Conference on Human and Social Sciences*, September 20-22, 2013, MCSER Publishing Rome, Italy, hlm. 193-202.

LAMPIRAN A

Akta Institut Teknologi MARA 1976



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 20
No. 11

31hb Mei, 1976

TAMBAHAN No. 34
PERUNDANGAN (B)

P.U. (B) 278.

AKTA INSTITIUT TEKNOLOGI MARA 1976

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen-kecil (2) seksyen 1 Akta Institut Teknologi MARA 1976, Menteri menetapkan 1 haribulan Jun, 1976 sebagai tarikh Akta tersebut hendaklah mula berkuatkuasa. *Act 173.*

Bertarikh pada 19 haribulan Mei, 1976.
[K.P. Sulit 7024/5; P.N. (PU³) 318.]

DR MAHATHIR BIN MOHAMAD,
Menteri Pelajaran

INSTITIUT TEKNOLOGI MARA ACT 1976

IN exercise of the powers conferred by subsection (2) of section 1 of the Institut Teknologi MARA Act 1976, the Minister appoints the 1st day of June, 1976 as the date on which the said Act shall come into force. *Act 173.*

Dated this 19th day of May, 1976.
[K.P. Sulit 7024/5; P.N. (PU³) 318.]

DR MAHATHIR BIN MOHAMAD,
Minister of Education

DI CETAK OLEH BERAMUD BIN DORANI, P.T.E., DESAINERTU KETUA PENGARAH PERCHITAKAN, SEMERANGSUNG MALAYSIA, KUALA LUMPUR

[1057]

Sumber: Fail Arkib UiTM Shah Alam.

LAMPIRAN B

Dokumen Penubuhan MRSM

New Development Project

AGENCY: Majlis Amanah Ra'ayat

1. Head: Bahagian Latchan
2. Name of Project: Establishment of MARA Junior College
3. Locality: Seremban
4. Description: An Educational Institution
5. Objective: To provide additional training facilities biased for the Science and Mathematics for Malay students in Secondary School years in order to prepare them for entry into college and universities locally and abroad and thereby supplementing and complementing those facilities made available by the Ministry of Education.
6. Benefits and Justification: Please refer SNP - Bahagian Latchan.
7. Total Estimated Cost: \$2,103,000.00 (For 1971 2 hostels at \$225,000.00 each costing \$450,000.00).

<u>Item</u>	<u>Particulars</u>	<u>Estimated Cost</u>
(a)	Feasibility Study)	The State Government of Negeri Sembilan has made available a piece of land and some old buildings to be used as a Junior College at Seremban.
(b)	Acquisition of Land)	
(c)	Survey & Investigation)	
(d)	Planning & Design)	
(e)	Structures)	
(f)	Equipment)	\$2,103,000.00
(g)	Others)	

8. Estimated Unit Cost: \$ -
9. Foreign Assistance Requirement: \$ -
10. Made of executive of project: -

Sumber: Arkib Negara.
no. ruj/Kementerian Pelajaran (1575/40)
Dokn NO-P: 1986/0011646

...2/-



Sumber: Arkib Negara Malaysia. Kementerian Pelajaran (1575/40).

LAMPIRAN C

Dokumen Penubuhan UniTEK-MARA



PELAWAAN UNTUK PENUBUHAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI
SWASTA BERTARAF UNIVERSITI, KOLEJ UNIVERSITI ATAU
KAMPUS CAWANGAN

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh sekyen 22
Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996


MENTERI PENDIDIKAN


dengan ini mempelawa

UNITEK-MARA SDN. BHD.

untuk mengemukakan suatu permohonan bagi menubuhkan suatu institusi
pendidikan tinggi swasta yang bertaraf "Universiti/Kolej Universiti/Kampus
Cawangan yang dicadangkan dengan nama

**UNIVERSITI TEKNIKAL MARA
(UNITEK-MARA)**




TAN SRI DATO' SERI MUSA BIN MOHAMAD
Menteri Pendidikan Malaysia

13 Ogos 2001

(Pelawaan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang
dinyatakan di halaman belakang surat pelawaan ini)